

E- PROSIDING

SILiN 3.0

Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga

25-26 OKTOBER 2022

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

Editor-Editor:

A.Halim Ali

Nordiana Hamzah

Rohayati Junaidi

Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin

Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan

Farra Humairah Mohd

Ariff Mohamad

Nur Faaizah Md Adam

Md Zahril Nizam Md Yusoff

Norjietta@ Julita Taisin

Azhar Wahid

Ghazali Din

Anjuran:



FAKULTI
BAHASA DAN
KOMUNIKASI

Kerjasama:



Penerbitan 2022

© Pejabat Karang Mengarang Universiti Pendidikan Sultan Idris , Tanjong Malim, 35900 , Perak

Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Karang Mengarang UPSI terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Pejabat Karang Mengarang UPSI
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Seminar Internasional Literatur Nusantara (Ketiga : 2022 : Perak, Malaysia)
E-PROSIDING : SILiN 3.0 : Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga,
25-26 OKTOBER 2022, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia /
Editor-Editor: A. Halim Ali, Nordiana Hamzah, Rohayati Junaidi, Siti Nor Amalina
Ahmad Tajuddin, Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Farra Humairah Mohd,
Ariff Mohamad, Nur Faaizah Md Adam, Md Zahril Nizam Md Yusoff, Norjietta@
Julita Taisin, Azhar Wahid, Ghazali Din.

Mode of Access: Internet

eISBN 978-629-7524-00-9

1. Literature and society--Congresses.
2. Sociolinguistics--Congresses.
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

I. A. Halim Ali. II. Nordiana Hamzah.

III. Rohayati Junaidi. IV. Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin.

V. Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. VI. Farra Humairah Mohd.

VII. Ariff Mohamad. VIII. Nur Faaizah Md. Adam.

IX. Md. Zahril Nizam Md. Yusoff. X. Norjietta@ Julita Taisin.

XI. Azhar Wahid. XII. Ghazali Din. XIII. Judul.

809.93355

E-Prosiding Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga (SILiN 3.0)

ISBN 978-629-7524-00-9



Pejabat Karang Mengarang (Penerbit UPSI)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak
Tel: 05-450 6000, Faks: 05-459 5169
Laman Sesawang: www.upsi.edu.my
Emel: penerbit@upsi.edu.my

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur diucapkan ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya yang mengizinkan E-Prosiding **Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga (SILiN 3.0)** diterbitkan pada tahun ini. Prosiding ini memuatkan artikel yang dihasilkan berdasarkan pembentangan yang dibentangkan dalam **Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga** pada 25-26 Oktober 2022. Sebanyak 23 artikel daripada negara Malaysia, Singapura dan Indonesia yang terkandung dalam e-prosiding ini.

Dari aspek cakupan bidang, artikel yang diterbitkan dalam prosiding ini menyentuh pelbagai disiplin ilmu, merangkumi bidang seni, sastera, budaya dan warisan. Dengan adanya terbitan seperti ini, liputan penyebaran ilmu dapat diluaskan dan dikongsi dengan lebih ramai khalayak pembaca. Oleh itu, pelaksanaan usaha ini sangat tepat pada masanya dan perlu diteruskan pada masa akan datang. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pembentang, ahli jawatankuasa, serta semua pihak yang terlibat dalam penerbitan e-prosiding ini.

Penerbitan bahan ilmiah seperti ini seharusnya diperbanyak untuk membolehkan pelajar, pensyarah, penyelidik, mahupun masyarakat secara umumnya memperoleh manfaat daripada khazanah ilmu yang dihimpunkan dalam e-prosiding. Akhir kata, semoga penerbitan ini dapat memberikan manfaat kepada para pembaca. Sekian, terima kasih.

‘UPSI NO.1 PENDIDIKAN’

Sidang Editor,

A. Halim Ali,
Nordiana Hamzah,
Rohayati Junaidi,
Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin,
Raja Ahmad Syalaby Raja Hassan
Farra Humairah Mohd
Ariff Mohamad
Nur Faaizah Md Adam
Md Zahril Nizam Md Yusoff
Norjietta@ Julita Taisin
Azhar Wahid
Ghazali Din

ISI KANDUNGAN

1. The Role of Malay Language in Literature as Social Media in Indonesia Siamir Marulafau	1
2. Pandangan Superior terhadap Pekerja Berbangsa Melayu menerusi Perilaku Membisu dalam Organisasi Multinasional Robe'ah Yusuf	13
3. Pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang Menepati Falsafah Pembentukan Imej dan Identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan Farrah Atikah Saari.....	31
4. Kesepaduan Stail dengan Perutusan Agama dalam Kumpulan Puisi Sewaktu Pesawat Runduk Norawi Haji Kata	48
5. Haiwan Petanda Sebagai Pembawa Pesan Alam: Penelitian terhadap Unsur Kearifan Lokal Masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah Minah Sintian	66
6. Unsur Pemikiran Sosio Budaya Suku Kimaragang Tradisi melalui Teks Tangon-Tangon Terpilih Jamail Masador	80
7. Adab dan Adat Pemakaian Keris dan Busana di Tanah Melayu Haji Muhammad Hanif Haji Hosainel Majidi.....	98
8. Analisis Semantik J.J Katz Terhadap Aspek Indah Bahasa dan Makna Lagu Rakyat Kadazandusun Untuk Pendidikan Bahasa dan Nilai Moral Julita Norjietta Taisin.....	107
9. Budaya Pelanggaran Akhlak Islam Menerusi Novel Salina dan Novel Perempuan Politikus Melayu: Suatu Penelitian Al-Muhlikat Siti Nur Anis Muhammad Apandi.....	120
10. Warisan dan Pemeliharaan Mushaf Al-Quran di Sumatera Utara Mardiah Mawar Kembaren.....	131
11. App Kecerdasan Buatan (AI) Pantun Warisan: Menjana dan Populariti Karmin Abbas.....	143
12. Bahasa Jawa di Malaysia Maskanatul Fiqiyah.....	156
13. Nilai Keakuran Sosial sebagai Mekanisme Pelestarian Warisan Tidak Ketara Adat Berkedim dalam Kalangan Komuniti Perpatih di Mukim Terachi, Kuala Pilah Negeri Sembilan Malaysia	

S Sukri.....	172
14. Kelestarian Industri Batik Canting di Kelantan: Etnomatematika pada Motif Nurulahda Sulaiman.....	181
15. Pemerian Emosi dalam Pantun Satu Cerminan Budaya Masyarakat Melayu Nordiana Ab Jabar.....	194
16. Keutuhan Kesenian Abad Ke-21: Kesediaan Perubahan dan Cabaran Pengetahuan dalam Berkarya Abdul Halim Husain.....	213
17. Cara Hidup dan Kepercayaan Orang Asli Kensiu di Baling, Kedah Nur Faaizah Md Adam.....	217
18. Konsep Pengkaryaan Menggunakan Aktiviti Produksi Teater terhadap Genre Drama Melalui Mata Pelajaran KMK Mohd Amir Mohd Zahari.....	227
19. Sastera Dan Budaya Teater Bangsawan di Sarawak Nur Afifah Vanitha binti Abdullah.....	237
20. Peluang Dan Tantangan Pariwisata Sejarah di Kota Medan Siti Yumna Annisa.....	247
21. Budaya Kepimpinan Sultan Melayu dalam Nama Beta Sultan Alauddin Nordiana Hamzah.....	258
22. Pemikiran Pendidikan dalam Cerpen Kanak-Kanak Terpilih dan Kesan Positifnya Farra Humairah Mohd.....	265
23. Pemikiran Keris Mas dalam Rimba Harapan berdasarkan Teori SPB4K Rohayati Junaidi.....	290

THE ROLE OF MALAY LANGUAGE IN LITERATURE AS SOCIAL MEDIA IN INDONESIA

Assoc.Prof. Siamir Marulafau, M. Hum
Faculty of Vocational Sciences, University of North Sumatra, Medan-Indonesia
penyairdcm2@gmail.com

ABSTRACT

This writing entitled the “Role of Malay language in literature as social media in Indonesia”. It aims to discuss how Malay language can be communicative interaction among the societies. This is emphasized to those who want to use Malay Language in writing Literary works like poems, 'gurindam' and speak Malay language as communicative language as well. This writing attempts to use descriptive method to elaborate the important aspects as the main findings be searched by using the theory of Rene Wellek and Austin Warrent. The findings are about the Malay language used in Indonesia be as the language of literature and the language of social communication among others.

Key words: describe; communicative; interaction; elaborate; searched

ABSTRAK

Tulisan ini bertajuk “Peran Bahasa Melayu Dalam Sastra Sebagai Media Sosial di Indonesia”. Tulisan ini bertujuan untuk membahas tentang bagaimana bahasa Melayu dapat menjadi komunikasi interaksi dikalangan masyarakat. Ini lebih ditekankan pada orang-orang yang ingin menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan karya sastra seperti puisi, gurindam, dan berbicara bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Tulisan ini menggunakan metode deskriptif untuk menjelaskan aspek penting sebagai penemuan yang utama yang diteliti dengan menggunakan teori Rene Wellek dan Austin Warren. Penemuan –penemuan dalam penelitian ini adalah tentang bahasa Melayu sebagai bahasa sastra dan bahasa komunikasi sosial digunakan dikalangan masyarakat di Indonesia.

Kata Kunci: menjelaskan; komunikatif; interaksi; menerangkan; mencari

INTRODUCTION

Every people or ethnic group in social life always uses language. The language is used depends on the need of societies or location in where the users of the language live in. In Indonesia, there are so many people using Malay language, particularly those who are living at the coastal areas. They are mostly speaking Malay language besides using Indonesian language as social communication.

No wonder if we say how important language be used by people in all over the world. Language is a system of symbol and communication has a meaning or A language is system of arbitrary, vocal symbols that permit all people in a given culture, or other people who have learned the system of that culture, to communicate or to interact (Finocchioro, in Ramelan 1984). The people who are living in a country may not communicate between one with other people without using language whether it is oral language, written or gesture.

The use of language as social communication in case of writing literary works has been agreed from the ancient time up to now. Thus, the language like Malay people use in Indonesia dominantly has been used and spoken among people in many parts of the countries in Indonesia. If Malay language is not spoken or used in daily life, what the Language will be there later? Or, on the other hand, the language of Malay people will be interfered by foreign language like English. Therefore, the language owned and used by certain people like Malay people in Indonesia and others in Asian Countries should keep up the language as a treasure of their culture. If not, the language will become a dead language.

THE STATEMENT OF PROBLEM

Dealing with the topic being written, the researcher will come to a certain problem to discuss. This writing tends to elaborate if the role of Malay language in Indonesia be found as social media in writing literary works like poems, 'gurindam' and other works of literature or as a communicative language for Indonesian societies.

OBJECTIVE

In case of understanding the aim of writing this article, the researcher tries to make people know the objectives of writing such as to find out the role of Malay language as social media in Indonesia used in writing literary works like poems or 'gurindam' and communicative language among societies.

METHODOLOGY

In terms of making the writer easily understand to analyse and find out the findings of this scientific writing, the researcher tends to use the descriptive qualitative method so as to find out the data as main source based on the fact, which was accumulated in the library or internet with the theory of Rene Wellek and Austin Warren. Surely, by using this method and this theory, the problem being discussed is easier to be solved.

DISCUSSION AND FINDING

The role of language in every member of societies is very useful to discuss. It is because the language plays an important role in human life. Thus, the language of Malay people, who are

now living in Indonesia trying to sustain the Malay language in daily life. The Malay language is not only used or spoken by Malay people but also used as language of literature like in the form of writing poems or 'gurindam' by the poets. For instance: One of Indonesian famous poets, whose name Dato Rida K. Liamsi has written some poems showing as aphorism in two lines (gurindam) in Malay language as what has been written in "Maqam Gurindam"(2021).:

Ode Untuk Umbu Landu Parranggi
Hai Maha Wai

Sampaikan doaku, sampaikan
Umbu, aku berdiri di depan pintu
Sambil menggenggam tembakau sabu
Bau harum dunia dalam puisimu

Aku baru saja menatap
Padang savana negerimu
Melihat kuda kuda Sumba berlari
Membayangkan kau menunggangnya
Membayangkan kau menunggangnya
Pergi bersama puisi puisimu
Melintasi savana ,melintasi wktu,melintasi dunia

Aku membayangkan kau menunggangnya
Membawa puisi-puisimu kemana mana
Membacanya dalam kempulan tembakau Sabu
Haum baupuisimu,harum bau dunia

Di ruang baca ku sebelum itu
Sebelum aku mencium harum rumput
Sebelum membelai surai kudasumba mu
Sebelum aku mendengar kcipak tapak
Liar seliar angin selatan dari negeri suku Maori
Akumembaca bait bait diksi puisimu
Haentakan telapak kudasumba
Tapak wktu yang berlari keluar dunia
Terasa seperti bau eluh kudasumba
Yang berlaritak mengenai batas
Yang ada dalam sentuhan gawaiku
Buku puisi masa kini

Pagi ini jauh dari ringkih kuda sumba mu
Aku menjelajah gawai gaul masa kiniku
Aku tahu kau telah pergi

.....

Another topic written by Indonesian poet , Rida K.Liamsi can be seen in the following as a proof that the poem is really written in Malay language :

Lukaku, Luka Segala

Hai Maha Wai

Apakah hakekat sebuah puisi?

Maha luka

Lukakau, luka ku luka kita luka segala

Yang tak berluka tak akan menulis puisi

Yang tak menulis puisi tak akan sampai rasa pedih

Yang tak tahu rasa pedih

Tak akan tahu makana hidup

Hidup seperti berjalan dalam hujan

Basah kuyup

2021

Another form of writing literary work like aphorism in two lines, which is called 'Gurindam' mostly written by a famous poet lives in Banjar Masin, Indonesia. His name is H. Iberamsyah Barbary who has been successful to write an anthology of 'Gurindam' entitled "1001 Gurindam" in Malay Language talks about God, Life and Love. In order to know more about what 'Gurindam', let's see the following examples of "Gurindam" in Malay language, entitled.

“ALHAMDULILLAH”

Apa yang di lidah, apa yang dihati

Begitulah ciri orang mengerti

Apa yang disara, itulah yang disyukuri

Insyallah krunia takpernah berhenti

Apa yang ditebar tak mengurangi isi

Aalah arti rasa memiliki

Kita hanya dipinjami

Apalah arti angkuh dan tinggi hati

Puji dan syukurlah pada Ilahi

Agar disayang hidup dan mati

Bila berbekal iman dan taqwa segenapinsani

Kenduri kekal, bahagia di taman surgawi

Nikmat dan berkah sudah berlimpah

layaklah ulah, semakna Alhamdulillah

Another type of literary work like "Gurindam 12" is considered as Malay literature found in the work of Raja Ali Haji, A Man of Letter in Indonesia, who had been famous as a national hero in

Penyengat Island. Because of writing ‘Gurindam 12’, Penyengat Island was known in all over the world from that time up to now. Let’s see the followings as the kinds of “Gurindam one” up to “Gurindam 12” written in Malay language.

Satu

Ini Gurindam pasal yang pertama:

*Barang siapa tiada memegang agama,
Sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.
Barang siapa mengenal yang empat,
Maka ia itulah orang yang ma'rifat
Barang siapa mengenal Allah,
Suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.
Barang siapa mengenal diri,
Maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.
Barang siapa mengenal dunia,
Tahulah ia barang yang teperdaya.
Barang siapa mengenal akhirat,
Tahulah ia dunia mudarat.*

Dua

Ini Gurindam pasal yang kedua:

*Barang siapa mengenal yang tersebut,
Tahulah ia makna takut.
Barang siapa meninggalkan sembahyang,
Seperti rumah tiada bertiang.
Barang siapa meninggalkan puasa,
Tidaklah mendapat dua termasa.
Barang siapa meninggalkan zakat,
Tiadalah hartanya beroleh berkat.
Barang siapa meninggalkan haji,
Tiadalah ia menyempurnakan janji.*

Tiga

Ini Gurindam pasal yang ketiga:

*Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.
Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadaiah damping.
Apabila terpelihara lidah,
Niscaya dapat daripadanya paedah.
Bersungguh-sungguh engkau memeliharakan tangan,
Daripada segala berat dan ringan.
Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fi'il yang tiada senonoh.
Anggota tengah hendaklah ingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat
Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjajian yang membawa rugi.*

Empat

Ini Gurindam pasal yang keempat:

*Hati itu kerajaan di dalam tubuh,
Jikalau zalim segala anggotapun rubuh.
Apabila dengki sudah bertanah,
Datanglah daripadanya beberapa anak panah.
Mengumpat dan memuji hendaklah pikir,
Di situlah banyak orang yang tergelincir.
Pekerjaan marah jangan dibela,
Nanti hilang akal di kepala.
Jika sedikitpun berbuat bohong,
Boleh diumpamakan mulutnya itu pekung.
Tanda orang yang amat celaka,
Aib dirinya tiada ia sangka.
Bakhil jangan diberi singgah,
Itulah perampok yang amat gagah.
Barang siapa yang sudah besar,
Janganlah kelakuannya membuat kasar.
Barang siapa perkataan kotor,
Mulutnya itu umpama ketor.
Di mana tahu salah diri,
Jika tidak orang lain yang berperni.*

Lima

Ini Gurindam pasal yang kelima:

*Jika hendak mengenai orang berbangsa,
Lihat kepada budi dan bahasa,
Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
Sangat memeliharakan yang sia-sia.
Jika hendak mengenal orang mulia,
Lihatlah kepada kelakuan dia.
Jika hendak mengenal orang yang berilmu,
Bertanya dan belajar tiadalah jemu.
Jika hendak mengenal orang yang berakal,
Di dalam dunia mengambil bekal.
Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
Lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.*

Enam

Ini Gurindam pasal yang keenam:

*Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan obat.
Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahukan tiap seteru.
Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh dimenyenangkan diri.
Cahari olehmu akan kawan,*

*Pilih segala orang yang setiawan.
Cahari olehmu akan 'abdi,
Yang ada baik sedikit budi.*

Tujuh

Ini Gurindam pasal yang ketujuh:

*Apabila banyak berkata-kata,
Di situlah jalan masuk dusta.
Apabila banyak berlebih-lebihan suka,
Itulah landa hampirkan duka.
Apabila kita kurang siasat,
Itulah tanda pekerjaan hendak sesat.
Apabila anak tidak dilatih,
Jika besar bapanya letih.
Apabila banyak mencela orang,
Itulah tanda dirinya kurang.
Apabila orang yang banyak tidur,
Sia-sia sahajalah umur.
Apabila mendengar akan khabar,
Menerimanya itu hendaklah sabar.
Apabila menengar akan aduan,
Membicarakannya itu hendaklah cemburuan.
Apabila perkataan yang lemah-lembut,
Lekaslah segala orang mengikut.
Apabila perkataan yang amat kasar,
Lekaslah orang sekalian gusar.
Apabila pekerjaan yang amat benar,
Tidak boleh orang berbuat honar.*

Delapan

Ini Gurindam pasal yang kedelapan:

*Barang siapa khianat akan dirinya,
Apalagi kepada lainnya.
Kepada dirinya ia aniaya,
Orang itu jangan engkau percaya.
Lidah yang suka membenarkan dirinya,
Daripada yang lain dapat kesalahannya.
Daripada memuji diri hendaklah sabar,
Biar dan pada orang datangnya khabar.
Orang yang suka menampakkan jasa,
Setengah daripada syirik mengaku kuasa.
Kejahatan diri sembunyikan,
Kebaikan diri diamkan.
Keaiban orang jangan dibuka,
Keaiban diri hendaklah sangka.*

Sembilan

Ini Gurindam pasal yang kesembilan:
*Tahu pekerjaan tak baik, tetapi dikerjakan,
Bukannya manusia yaitu ialah syaitan.
Kejahatan seorang perempuan tua,
Itulah iblis punya penggawa.
Kepada segala hamba-hamba raja,
Di situlah syaitan tempatnya manja.
Kebanyakan orang yang muda-muda,
Di situlah syaitan tempat bergoda.
Perkumpulan laki-laki dengan perempuan,
Di situlah syaitan punya jamuan.
Adapun orang tua yang hemat,
Syaitan tak suka membuat sahabat.
Jika orang muda kuat berguru,
Dengan syaitan jadi berseteru.*

Sepuluh

Ini Gurindam pasal yang kesepuluh:

*Dengan bapa jangan durhaka,
Supaya Allah tidak murka.
Dengan ibu hendaklah hormat,
Supaya badan dapat selamat.
Dengan anak janganlah lalai,
Supaya boleh naik ke tengah balai.
Dengan kawan hendaklah adil,
Supaya tangannya jadi kapil.*

Sebelas

Ini Gurindam pasal yang kesebelas:

*Hendaklah berjasa,
Kepada yang sebangsa.
Hendaklah jadi kepala,
Buang perangai yang cela.
Hendaklah memegang amanat,
Buanglah khianat.
Hendak marah,
Dahulukan hujjah.
Hendak dimalui,
Jangan memalui.
Hendak ramai,
Murahkan perangai*

Duabelas

Ini Gurindam pasal yang kedua belas:

*Raja mufakat dengan menteri,
Seperti kebun berpagarkan duri.*

*Betul hati kepada raja,
Tanda jadi sebarang kerja.
Hukum 'adil atas rakyat,
Tanda raja beroleh 'inayat.
Kasihkan orang yang berilmu,
Tanda rahmat atas dirimu.
Hormat akan orang yang pandai,
Tanda mengenal kasa dan cindai.
Ingatkan dirinya mati,
Itulah asal berbuat bakti.
Akhirat itu terlalu nyata,
Kepada hati yang tidak buta*

As a matter of fact, writing literary work in Indonesian literature is not merely found like the form of "Gurindam 12", but also in the form of poetry like "PANTUN". This kind of writing is also very popular in Indonesia and other countries like Malaysia, Brunei and Thailand. The form of PANTUN in Indonesia has been well designed using Malay language. Let's see the followings as examples of 'Pantun Melayu' (Malay Poems) written by: S. Budishantoso, and others (<https://kumparan.com/inspirasi-kata/9-pantun-adat-melayu-yang-berisi-nasihat-1y6FhROFksi/full>)

Balai selasa kembang pelangai
Saudara jangan berbesar cakap
Jaga-jaga pegang perangai

3. Balai selasa kembang pelangai
Ke seberang jalan indera pura
Jaga-jaga pegang perangai
Seberang laku jangan sahaja

4. Kayu pantai di kota Alam
Pantainya sendi bersendi
Jika engkau pandai di alam
Patah tumbuh hilang berganti

5. Encik sholeh menikam pari
Bilakan tumbuh padi di kota
Akhir menyesal di kemudian hari
Takkan sungguh bagai dikata

6. Rama- rama si kumbang janti
Chatib indah pulang berkuda
Patah tumbuh hilang berganti
Budi baik dikenang juga

7. Yang merah hanya basa
Yang kurik hanya kundi

Yang indah hanya bahasa
Yang baik hanya budi

8. Zanjabela nama putri
Putera sultan askun ahmad
Barang siapa taukan diri
Kemana pergi dapat selamat

9. Buah ganja makan dikikir
Dibawa orang dari hulu
Barang kerja hendaklah pikir
Supaya jangan mendapat malu

Based on the above data written and searched, Malay language as the root of Indonesian language seems very magnificent to study deeply because of its form originated as the language of Melayu Riau, which is also used as the language of novels like “Laskar Pelangi” by Andrea Hirata; “Ronggeng Dukuh Paruk” by Ahmad Tohari; “Cantik itu Luka” by Eka Kurniawan. These can be an illustration for readers how significant and magnificent Malay language be used by Indonesian authors.

The use of Malay language in Indonesian literature can also be found in the poem entitled “Sang Pengembara “By: Rida K. Liamsi in the anthology of Poetry, Jazirah Sebelas “Laut dan Kembara Kata Kata” (P: 312, 2022) as follows:

Sang Pengembara

Hai Maha Wai
Biarkan dia seperti Sea Walker
terus mengembara
Biar diatetap bisa menyaksikan
bagaimana sebutir pasir berubah
menjadi pantai
Atau sebuah gunung runtuh
menjadi sebutir debu
Dan buku –buku sejarah tersedu

Yang tersulit dalam hidup
bukan bagaimana saling mencintai
tapi bagaimana bisa hidup
bersama selamanya
Dan menyimpannyadalam album keluarga
Cinta bukanlah segalanya akrena
ada nafsu dan hianatyang selalu
berdiri di depan pintu
Meski masih ada kesetiaan
Yang bisa tak berbelah bagi
Dan kau bisa menulisnya di petimati
: Takkan berubah!

Seindah indahnya mati
adalah ketika kau bisa mewariskan
sebuah puisi
Meski hanya sebaris luka
Meski tak sehebat Hawa

Hai Maha Wai
Biarkan dia terus menggembara
Seperti Sea Walker si penjelajah laut
Sesekali tersadai di pantai
Merasakan denyut nadi
Menguji kesetiaannya pada ombak
menyadari hakekat sebutir pasir
yang dengan kehendakmupun
akan menjadi sihir
terus berdesir seperti syair
Syair sebutir pasir
2021

As a proof of how significant Malay language be found along the coastal areas of Tanjung Pinang in Indonesia, the language is still used and spoken by Indonesians in today's time. This may arise to the fact that many people in the areas speak Malay language like Malaysian people, who are now speaking and using Malay language in Melaka, and some other parts of areas in Malaysia. When Malaysian people speak and use the words like "tandas"; "berbeza", tidor", etc seems the same with the spoken words of Indonesian people living in Tanjungpinang though they are Indonesians. But, the language is really original that came up from Melayu Riau.

CONCLUSION

Having identified and analysed the above topic of discussion, it is concluded that Malay language plays an important role to be the language of literature in writing literary works like poetry, novels and other literary works in Indonesia.

The language of Malay used in Indonesia is still spoken in Indonesia particularly found in Tanjung Pinang, which is the same with the Malay language spoken in Malaysia. The language should be kept up well in order not to be interfered by other foreign languages.

REFERENCES

- Berry, J.W. Poortinga, YH and Pandey, J(eds).1997. *Theory and Method* (vol. 1). Boston: Allyn and Baco.
- Carter, R & M.Long. 1991.*Teaching Literature*.Longman.
- Cooper, H.M.1988. *The Structure of 'Knowledge Synthesis'*
- Iberamsyah Barbary.2015. *101 Gurindam*. Ciganjur.Jakarta Hall, L.1989. *Poetry ForLife*. London: Casel Education, Ltd.
- James, Collins. 2005. *Bahasa Melayu Bahasa Dunia*.Sejarah Singka Yayasan Obor Indonesia.

- Karim, Nik Safiah. 2005. *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. DBP
- Melani Budianta. 1989. *Teori Kesusasteraan/ Austin Rene Wellek and Warren*. Gramedia Pustaka Utama.
- Rida K. Liamsi. 2022. *Maqam Gurindam*. Taresia Jembia Emas Dinas Kebudayaan Provinsi Kepulauan Riau.
- Rida K. Liamsi. 2022. *Laut Dan Kemabara Kata Kata*. Taresia Jembia Emas Dinas Kebudayaan Provinsi Kepulauan Riau.
- Richard, Taylor. 1981. *Understanding the Element of Literature*. London: The Macmillan Press, Ltd.
- Scaglione, Aldo, May 1958. *Theory of Literature* (2d ed) by Rene Wellek and Austin Warren (Book Review). *Roman Philology*. 11(4) 400-408.
- Taylor Richard. 1981. *Understanding the Elements of Literature*. London: Macmillan Education, Ltd.
- Wellek, Rene and Austin Warren. 1956. *The Theory of Literature*. New York Harcourt Brave Javanovich.

PANDANGAN SUPERIOR TERHADAP PEKERJA BERBANGSA MELAYU MENERUSI PERILAKU MEMBISU DALAM ORGANISASI MULTINASIONAL

Robe'ah Yusuf
Azhar Haji Wahid (Phd)
Siti Asma' Mohd Rosdi (Phd)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

robe_ah@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan pandangan superior terhadap pekerja berbangsa Melayu. Perkaitan konsep budaya, nilai, dan kepercayaan dalam kalangan pekerja berbangsa Melayu turut dibincangkan kerana dikatakan menyumbang kepada perilaku membisu. Tumpuan kajian diberikan kepada pekerja berbangsa Melayu yang bekerja di organisasi multinasional kerana mempunyai jurang budaya dan dimensi yang berbeza. Masyarakat Asia terutamanya yang bangsa Melayu, mengamalkan nilai kolektif seperti kerjasama dalam kalangan ahli, mengambil berat tentang maruah orang lain dan berdiam diri kerana beberapa faktor yang secara tidak langsung mempengaruhi orientasi komunikasi semasa bekerja dengan bangsa lain. Pengkaji melaksanakan temubual terhadap superior berbangsa Jerman untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap pekerja berbangsa Melayu dengan mengaplikasikan teori *Groupthink*. Dapatan kajian menunjukkan pekerja berbangsa Melayu sangat menghormati ketua, patuh serta mempunyai pegangan agama yang kuat dan begitu mempengaruhi tingkah laku mereka apabila berhadapan dengan pekerja atau superior berbangsa asing.

Kata kunci: *budaya, dimensi, agama, patuh, air muka*

PENGENALAN

Perilaku membisu semasa interaksi bukan perkara baharu dikenal pasti dalam masyarakat Malaysia khususnya kaum Melayu. Kaum Melayu mengamalkan dan mengutamakan nilai kebersamaan dalam masyarakat. Menurut Wan Abdul Rahim, Ahmad Iqbal, Nurulhuda, Afdallyna, Juhaida dan Famie Izudin (2019), terdapat pegangan tertentu bangsa Melayu bersandarkan kepada penilaian dimensi budaya oleh Hofstede (1987). Dimensi ini memperlihatkan interaksi dalam komuniti seperti permuafakatan, menjaga air muka dan sikap menghormati seperti menghormati ketua amatlah dititik beratkan. Hal yang sedemikian menyebabkan tiada penentangan terhadap ketua berlaku dan dengan hanya mendiamkan diri dilihat sebagai tanda persetujuan (Wan Abdul Rahim et al., 2019). Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi amalan dan sikap bangsa Melayu iaitu mengamalkan tingkah laku atau berperilaku membisu.

Membisu atau berdiam mempunyai banyak fungsi dan mendatangkan pelbagai tafsiran (Wong, 2010). Ini bermakna perilaku membisu dilihat sebagai pertukaran komunikasi verbal dan secara umumnya. Menurut Nafei (2016), perilaku ini masih bergantung kuat kepada latar belakang budaya dengan pihak lawan bicara, pengalaman sosiobudaya, kompetensi dan persepsi

atau pemahaman mereka tentang apa yang perlu dilakukan semasa berdiam diri yang mungkin bermakna dalam budaya atau amalan harian masing-masing.

LATAR BELAKANG

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa perilaku membisu merupakan isu yang dipengaruhi oleh nilai yang menjadi pegangan ahli masyarakat atau organisasi itu sendiri. Perilaku membisu bukan sahaja dianggap masalah kepada organisasi seperti yang dikaji oleh pengkaji di Barat, namun ia turut menjadi kajian di Asia seperti di Iran, Jepun, China dan Indonesia dan sebagainya. Di Malaysia, perilaku membisu dalam mesyuarat pegawai kerajaan didapati kerap menjadi amalan dalam agensi kerajaan (Zulkefli, 2010). Zulkefli (2010) menegaskan, perilaku membisu menjadi beban yang tidak kelihatan namun penting untuk dibincangkan dalam situasi negara Malaysia.

Menurut Peng dan Wei (2019), para alim ulama mendakwa bahawa bangsa yang pendiam lebih dipandang lebih baik daripada bangsa yang suka bercakap yang dianggap tidak ikhlas. Ada banyak lagi nikmat yang diberikan kepada bangsa yang pendiam kerana makna dapat difahami dan dirasakan melalui berdiam diri (Lim, Lam & Zhang, 2019). Peng dan Wei (2019) melihat perilaku membisu dari sudut budaya dan peradaban Asia dan Timur. Mereka mendapati keheningan iaitu keadaan perilaku membisu yang wujud dapat dirasakan dan keadaan ini boleh dikaitkan dengan *haragei* bagi masyarakat Jepun dan *chi* bagi masyarakat Korea yang membawa maksud komunikasi tanpa perkataan, dan *mo chi* bagi masyarakat Cina bermaksud pemahaman tersirat. Oleh itu, pandangan dunia terhadap masyarakat Asia dan Timur khususnya bangsa Melayu tentang “membisu atau berdiam diri sebagai tanda setuju” wajar dikaji kembali kerana mengandungi pelbagai persoalan dan kemungkinan mengenainya.

Kesemua pernyataan ini perlu diperhalusi bagi memahami bangsa Melayu dengan cara memahami sikap dan budaya sesuatu bangsa biarpun agak kompleks iaitu mengandungi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat dan kebolehan serta tabiat lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat (Che Mohd, Bahyah & Aziz, 2017). Dikatakan bahawa bangsa Melayu mempunyai keistimewaan, stereotaip dan sikap tersendiri seperti tingkah laku menerusi interaksi dan pergaulan (Fathimath, Baiduri & Zubair, 2015). Sebagai contohnya dimensi sikap dan budaya bangsa Melayu yang diterjemahkan menerusi interaksi secara halus, tidak berterus terang dipengaruhi oleh sosio budaya, personaliti dan cenderung ke arah membisu (Robe’ah, Azhar, Sasigaran & Siti Asma’, 2021).

PERNYATAAN MASALAH

Pengkajian mengenai perilaku membisu dalam kalangan pekerja khususnya kaum Melayu secara relative masih baharu dan kurang dilaksanakan di negara Malaysia. Namun begitu, fenomena ini telah lama didapati memberi kesan yang serius dalam organisasi dan politik di Malaysia (Zulkefli, 2010). Dalam kajian Zulkefli (2010) tentang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pengurusan anggota, didapati bahawa kajian mengenai perilaku membisu wajar dikaji lebih mendalam kerana terdapat sekatan dalam penyampaian maklumat penting sampai kepada pihak atasan. Permasalahan ini bukan sahaja disebabkan bersuara boleh “mengundang padah” namun turut terletak kepada sikap menghormati ketua adalah sangat tinggi dalam kalangan anggota ATM yang dikatakan bersifat hirerki dan berlapis dan berpangkat (Zulkefli, 2010).

Ramai pengkaji lalu membuktikan perilaku membisu cenderung mendatangkan masalah kepada organisasi kerana terdapat pelbagai faktor yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu yang membuktikan bahawa perilaku atau sikap membisu merugikan organisasi. Banyak faktor yang menjadi pemboleh ubah yang dikaji oleh pengkaji terdahulu seperti pengaruh iklim komunikasi, gaya kepimpinan dan persepsi terhadap pihak atasan (Zulkefli, 2010), tarikan penampilan dan ciri karekteristik individu (Robe'ah, Ezhar, Jusang dan Mohd Nizam, 2016). Ciri-ciri pengurusan atasan, interaksi antara pekerja, kepercayaan pengurusan, struktur dan polisi organisasi, pengurusan dibuktikan dalam kajian namun kurang dilaksanakan terhadap kepada bangsa Melayu yang berkhidmat di organisasi multinasional.

Terdapat segelintir pengkaji di negara ini menyentuh tentang perilaku membisu namun hanya membincangkan konsep umum tentang bagaimana perilaku membisu boleh mempengaruhi iklim komunikasi dan penyaluran maklumat di sesebuah organisasi (Abdul Aziz & Ahmad Juhari, 2000; Ahmad & Omar, 2014). Didapati bahawa hanya kajian oleh Zulkefli (2010), yang membincangkan secara mendalam tentang faktor yang menyumbang kepada perilaku membisu seperti amalan pengurusan, iklim komunikasi dan jangkaan kesan negatif serta menyifatkan fenomena ini sebagai perilaku membisu. Selain itu, Zulkefli (2010) menunjukkan bahawa perilaku membisu bergantung kepada hubungan pekerja dengan ketua iaitu apabila hubungan yang kurang baik antara kedua-dua pihak lebih mendorong kepada perilaku membisu.

Kewajaran kajian ini dilaksanakan kerana masih kurang pengkaji mengkaji sesuatu bangsa secara khusus dengan meneliti pegangan tertentu yang dimiliki oleh bangsa tersebut. Dalam hal ini, bangsa Melayu diterjemahkan sebagai menerusi penilaian dimensi budaya oleh Hofstede (1987) yang menyatakan tiada penentangan terhadap ketua berlaku dan dengan hanya mendiamkan diri dilihat sebagai tanda persetujuan. Berdasarkan kajian lalu, masih kurang pengkaji lalu yang memfokuskan sudut pandangan superior berbangsa asing terhadap pekerja berbangsa Melayu. Oleh itu pengkaji menggariskan objektif kajian seperti berikut;

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian adalah untuk mengetahui tentang perilaku membisu yang dikatakan cenderung berlaku dalam masyarakat Melayu. Objektif khusus kajian adalah;

1. Mendapatkan pandangan superior berbangsa asing (Jerman) terhadap pekerja berbangsa Melayu berdasarkan perilaku Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

Manakala untuk mencapai objektif makalah ini, persoalan kajian dikemukakan adalah seperti berikut;

1. Apakah pandangan superior berbangsa asing (Jerman) terhadap pekerja berbangsa Melayu berdasarkan perilaku Melayu?

LANDASAN TEORI


Teori Groupthink

Teori ini diperkenalkan oleh Janis (1982) yang menjelaskan tentang fenomena dalam satu-satu masyarakat atau organisasi yang secara sistematik menghalang penyaluran maklumat-maklumat ke atas. Keadaan ini seakan-akan fenomena kolektif iaitu nilai yang dipegang oleh ahli-ahli dalam organisasi. Ciri-ciri utama yang menghasilkan kepada situasi yang amat mementingkan kesepaduan organisasi demi menjaga keharmonian dan ketenteraman ahli-ahli. Ahli-ahli

masyarakat atau organisasi lebih mengutamakan berita-berita yang baik tentang masyarakatnya atau organisasi dan mencuba untuk menjauhi penyampaian maklumat negatif kerana kluatir dikatakan melawan arus dan boleh pecah belahkan ahli dalam kumpulan. . Situasi yang dinamakan *groupthink* mungkin boleh terjadi dalam masyarakat atau organisasi yang mempunyai pegangan yang selari beserta perpaduan yang padu.

Anggota masyarakat atau ahli organisasi masing-masing memperkukuhkan semua kenyataan dan keputusan yang dibuat tanpa menghiraukan sebarang alternatif atau pilihan kedua. Kesan *groupthink* boleh mendatangkan impak yang agak merisaukan khususnya kepada masyarakat, organisasi dan negara. Di antara laporan sejarah tentang impak *groupthink* adalah tentang *White House* di Amerika Syarikat membuat keputusan yang dilihat sebagai cuai dan silap apabila merendah-rendahkan ancaman serangan negara luar iaitu Jepun. Akibatnya terjadi peristiwa *Pearl Harbour*. Contoh lain pula adalah sejarah tentang kecuaiian serta kesilapan keputusan Presiden Truman menyerang Korea Utara. Sejarah tentang pembuatan keputusan yang salah oleh Presiden Johnson semasa Perang Vietnam dan krisis misi Cuba juga merupakan impak *groupthink* (Janis, 1982; Zulkefli, 2010).

Rajah 1.0 menerangkan tentang teori ini menunjukkan bagaimana keputusan bersama dilaksanakan oleh sekumpulan manusia. Hal ini amat berkaitan dengan perilaku membisu dalam organisasi iaitu disertai oleh manusia secara berkumpulan (ahli organisasi dan pihak pentadbiran). Kesannya, pemilihan kata putus menjadi sebulat suara bersama seringkali menjadi pilihan dalam membuat keputusan. Daripada perbincangan di atas, teori yang dibincangkan ini bukan sahaja menjelaskan konsep, takrifan, jenis, fungsi dan kesan perilaku membisu. Namun begitu, teori ini menjelaskan permasalahan yang mana kajian terdahulu yang menerangkan punca wujudnya perilaku membisu. Teori ini menjelaskan bahawa, tingkah laku berdasarkan atribut psikologi dan teori turut serta menjadi punca perilaku membisu dalam kalangan yang mempunyai “suara” yang ramai (Robe’ah et. al., 2021).



Rajah 1.0. Teori Groupthink (Sumber: Janis, 1982)

METODOLOGI

Temubual telah dilaksanakan dalam kajian ini kerana kaedah temubual dianggap berkesan untuk pengkaji menerangkan fenomena secara lebih jelas. Bagi kajian ini, temu bual yang dilaksanakan membantu pengkaji memahami dengan lebih baik, mendapatkan pandangan, meneroka pendapat, tingkah laku, pengalaman, fenomena dan sebagainya. Temu bual membentuk tulang belakang pengumpulan data primer dalam reka bentuk pengkajian kualitatif. Tidak seperti kajian kuantitatif, skop kajian kualitatif dikaitkan dengan agenda meneroka dan mewajarkan mengapa fenomena tertentu adalah seperti itu (Strauss, 1990). Oleh itu, kaedah pengumpulan data primer yang berkesan diperlukan. Kebanyakan kajian lalu menyarankan kaedah temubual. Temubual adalah alat yang diperlukan dalam kualitatif kajian supaya mendapatkan maklumat secara mikro dan terperinci. Menerusi kaedah temubual pengkaji boleh mendapat input dengan lebih jelas dan terperinci (Strauss, 1990). Ini kerana data kualitatif adalah berasaskan tafsiran, naratif yang berkaitan dengan bahasa. Data kuantitatif memberitahu pengkaji berapa banyak dan bagaimana mengukur, berapa banyak atau berapa kerap dalam pengiraan. Namun data kualitatif boleh

membantu kita memahami sebab, bagaimana, atau apakah yang berlaku di sebalik tingkah laku tertentu.

Bagi kajian ini, metodologi kualitatif diaplikasikan dengan membuat temubual superior berbangsa Jerman menerusi soalan-soalan tentang pandangan ketua terhadap pekerjaanya. Ini bermakna ketua terdekat berbangsa Jerman meletakkan pandangan dan pendapat mereka tentang fenomena perilaku membisu yang menjadi amalan dalam kalangan pekerja Melayu. Temubual ini dilaksanakan secara atas talian terhadap ketua terdekat di setiap empat sektor utama organisasi Jerman di Malaysia. Temubual dilaksanakan dalam bahasa Jerman kerana usaha ini diharapkan memudahkan ketua terdekat ini merasa mudah untuk berkongsi maklumat. Secara psikologi, temubual dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Jerman membuatkan peserta tidak berasa janggal dan selesa berkongsi maklumat.

Soalan-soalan yang dikemukakan berkisar tentang pandangan ketua terhadap para pekerja yang berada di bawah seliaannya. Pada asalnya protokol temubual dibina dan disahkan oleh pakar bidang yang merupakan orang yang membuat pengesahan muka dan bahasa bagi soalan soal selidik. Jawapan peserta kajian telah diterjemah dari bahasa Jerman ke bahasa Melayu. Temubual dilaksanakan secara dalam talian sahaja kerana masalah pandemik dan penularan wabak Covid 19. Seterusnya semasa pengumpulan data juga, Perintah Kawalan Pergerakan telah diisytiharkan bermula pada 18 Mac 2021. Pengkaji mendapat kerjasama daripada semua peserta kajian apabila peserta ini sanggup menjawab soalan dengan walaupun berlangsung secara dalam talian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pandangan Ketua Terdekat (Sektor Industri)	Ciri-ciri Pekerja Melayu
Seorang ketua yang baik secara prinsipnya akan menyokong pekerja menjadi pekerja yang berdaya saing dan fokus terhadap pekerjaan. Pekerja berbangsa Melayu menghormati ketua dan sebagai ketua saya menyokong dan menasihati mereka agar lebih rajin bekerja.	Menghormati ketua
Pekerja saya kalau dari bangsa Melayu jarang komen arahan yang diberi. Saya tidak pasti mereka setuju 100% dengan pendapat saya atau takutkan saya sebagai ketua...erm...haha...mungkin ya.	Tidak membantah (komen)

<p>Semasa bekerja di negara asal saya, saya tidak pernah mengambil tahu masalah pekerja saya. Bagi saya hal kerja adalah kerja...erm...masalah hal berbeza. Jika masalah dalam pekerjaan, lebih baik pekerja terus terang dan bersemuka. Tapi di Malaysia itu hal berbeza. Pekerja saya khususnya orang Melayu susah hendak menceritakan masalah kerja apatah lagi masalah peribadi. Bagi saya, hal ini okay. Asalkan kerja selesai dan ada kualiti.</p>	<p>Memendam perasaan Tidak terbuka berkongsi masalah (tidak berterus terang)</p>
<p>Bagi saya pekerja saya ini, bangsa Melayu... ya... erm... mereka mudah muafakat... menurut arahan, jadi saya tidak ada masalah muafakat dengan pekerja saya. Mereka kurang nak komen ... pekerja Melayu kurang tidak bersuara maksud saya. Pekerja wanita selalunya memang terima arahan tak ada komen apa-apa... ach ja, ada beza dengan pekerja lelaki... beza dengan pekerja bangsa lain.</p>	<p>Mudah muafakat Patuh arahan (kurang komen)</p>
<p>Ya, selalunya begitu. Cuma saya kerap pantau pekerja khususnya pekerja Melayu. Mereka kadang kala hilang fokus. Jika ada masalah boleh berbincang tetapi mereka jarang berbuat demikian malu atau hormatkan ketua mereka. Ehmm...saya tidak pasti mengapa.</p>	<p>Adakala hilang fokus (perlu dipantau) Ada ciri-ciri pemalu Hormati ketua</p>
<p>Bagi saya pekerja saya ini, bangsa Melayu... ya... erm... mereka mudah muafakat... menurut arahan, senang sekali bekerja dengan pekerja saya.</p>	<p>Mudah muafakat Menurut arahan</p>
<p>Selesa atau tidak bukan masalah penyelia atau ketua. Pekerja perlu kekal fokus dengan kerja. Kualiti dan produktiviti perlu dicapai. Bagi saya, saya selesa bekerja di negara ini. Selesa bekerja tanpa banyak bantahan khususnya oleh pekerja Melayu.</p>	<p>Tidak banyak membantah</p>

<p>Selalunya begitu, kelihatan senang sekali bekerja dengan pekerja Melayu, maksud saya dari Malaysia... mereka mudah menerima arahan lebih mudah bekerja satu kumpulan.</p>	<p>Pekerja yang disenangi Mudah terima arahan Bekerja secara kumpulan</p>
--	---

<p>Buat masa ini saya tidak ketahui jika ada yang bekerja sendirian. Maksudnya semua bekerja bersama kumpulan sendiri. Tidak ada pandangan berbeza... atau mereka takut membantah arahan ketua... ya...ya mungkin juga.</p>	<p>Tidak membantah</p>
<p>Jarang sekali pekerja complaint, iaitu...bagaimana nak jelaskan... begini, mereka terus bekerja dan saya lihat tiada komen di peti aduan di pejabat saya. Nampaknya mereka ada beberapa kemungkinan; berpuas hati dengan saya atau sengaja tidak berani bersuara atau taat pada saya sebagai ketua. Semuanya mungkin... namun saya dapati pekerja saya, maksud saya pekerja Melayu di bawah seliaan saya amat menghormati ketua. Mungkin menjaga hati atau air muka ketua... ya... ya saya ingat kalau orang Asia khususnya muslim diajarkan agar menghormati ketua, menjaga air muka juga penting. Ini menurut pembacaan saya sahaja... Jadi, mungkin mereka pendamkan perasaan mereka ya, yang mana itu mereka hanya menurut perintah sahaja. Mungkin juga bimbang dibuang kerja jika tersalah complaint... hmmm... (Batuk)... saya fikir begitulah.</p>	<p>Jarang komplek (bantah) Tidak berani bersuara Taat pada ketua. Amat menghormati ketua Menjaga hati (air muka) Mengambil Islam sebagai asas kehidupan khususnya dalam menghormati ketua Memendam perasaan</p>
<p>Tiada sebarang pendapat tentang urusan pengeluaran iaitu <i>production</i>. Manual kerja diberikan kepada pekerja. Pekerja ini, ya...ya...orang Melayu...bekerja tidak banyak soal tentang itu...ini. Kalau dari jabatan itu ... apa <i>department</i> lain kadang kala ada <i>complaint</i>...khususnya jurutera sebab ada yang fasih cakap bahasa Jerman. Mudah agaknya berbincang sama sama. Bahasa Inggeris pun fasih...ermmm... berbincang dengan mereka mudah maksud saya <i>department</i> R&D, bahasa Jerman pekerja Melayu itu bagus...mudah dibawa berbincang.</p>	<p>Tidak banyak soal (tidak membantah) Bagus Mudah dibawa berbincang</p>
<p>Seperti saya katakan terdahulu, pekerja Melayu...mungkin menjaga air muka...itu sikap orang Melayu itu sendiri...bersopan dan berlapik dalam berkata-kata. Hal ini saya setuju sebab saya ikuti kursus sebelum ke sini maksud saya negara ini...Malaysia ini...kursus tentang memahami silang budaya dan memahami sikap, latar belakang pekerja kita. Misalnya kami dijelaskan bagaimana bekerja dengan</p>	<p>Menjaga air muka Bersopan Kata-kata berlapik Memendam rasa (tidak <i>complaint</i>) Patuh arahan ketua Agak melengah-lengahkan kerja Bekerja secara <i>last minute</i></p>

<p>orang Vietnam, Bangladesh ada beza-beza. Bagi saya orang Vietnam rajin bekerja. Orang Cina disiplin tinggi dan orang Melayu sikapnya menyimpan sebarang <i>complaint</i> dan lebih patuh pada arahan ketua tetapi agak berlengah-lengah dalam menyelesaikan kerja. <i>Last minute</i>...ya begitu...contohnya cuba guna telefon waktu kerja...saya kata tidak boleh... Sudah dinyatakan awal-awal sewaktu mahu bekerja dengan pabrik ini...ye kilang ini, kami firma Jerman menitik beratkan disiplin.</p>	
<p>Sikap mereka baik sekali, mungkin nilai yang dipegang...nilai agama iaitu Islam mengajar tidak melawan ketua...menjaga air muka ketua. Namun saya khuatir, mereka tidak bersuara dan <i>silence</i> mungkin kerana saya kelihatan serius atau pekerja saya memang pendiam maksud saya <i>personality</i> dia begitu...perkara itu mungkin juga... tapi saya serius dan fokus dengan pekerjaan. Saya juga pekerja...jadi saya perlu tegas. Bahasa juga memungkinan pekerja saya tidak menyampaikan apa apa ketidakpuasan hati...kerana hanya tahu asas bahasa Jerman seperti sapaan sahaja. Namun sikap membisu mereka ini bagus bagi saya...erm...kerana pekerja hanya menerima arahan kerja tanpa bantahan, mereka patuh. Bagus sekali....erm...itu sahaja saya dapat bantu kamu, terima kasih.</p>	<p>Sikap baik Berpegang nilai agama Tidak melawan ketua Menjaga air muka ketua Cenderung tidak bersuara <i>silence</i> Ada yang pendiam (personaliti individu) Tidak menyampaikan apa apa ketidak puasan hati secara terbuka Menerima arahan kerja tanpa bantahan Bersikap patuh.</p>
<p>Pandangan Ketua Terdekat (Sektor Pendidikan)</p>	<p>Ciri-ciri Pekerja Melayu</p>
<p>Ya, saya kerana dalam pendidikan biasanya kita memilih <i>method</i> terbaik untuk mengajar. Jadi, pekerja Melayu mengajar pelajar dengan baik buat bandingan dengan bahasa ibunda dan pekerja iaitu pengajar yang saya selia ini boleh gunakan idea sendiri dalam menyempurnakan tugas.</p>	<p>Pekerja yang baik</p>
<p>Biasanya pekerja saya dari Malaysia khususnya orang Melayu adalah pekerja yang baik dan taat. Kurang memberi komen dan mudah menerima pendapat ketua. Kalau pekerja dari negara lain yang mengajar di sini, ermmm... biasanya berterus terang jika ingin komen tentang apa-apa misalnya pertanyaan tentang imbuhan macam bonus atau cuti yang dimohon. Agaknya jenis pekerjaan seperti pendidik tiada banyak hal untuk disuarakan...ini pendapat saya sahaja.</p>	<p>Pekerja yang baik Pekerja yang taat Patuh arahan</p>

<p>Ya, tetapi saya tetap <i>guide</i> pandu mereka dan pantau. Jika pekerja Melayu mereka rajin usaha tetapi kurang menyuarakan pendapat. Mungkin hormati saya sebagai ketua.</p>	<p>Perlu dipantau Kurang beri pendapat /bersuara Rajin usaha Menghormati ketua</p>
<p>Semestinya begitu. Saya bantu jika pekerja ada masalah... erm...masalah berkaitan kerja misalnya menukar jadual mengajar kerana ada kecemasan. Maksud saya hal kerja sahaja saya berminat untuk ketahui. Pekerja Melayu banyak berdiam sahaja, mudah terima pendapat. Mungkin personaliti dia sendiri pendiam atau memang tidak mencampur aduk urusan kerja dan peribadi. Hal ini bagus kerana nampak lebih fokus... mungkin juga saya tidak memberi terlalu banyak peluang. Ya, kerja di sini begitulah. Maksud saya suasana komunikasi tempat kerja... bercakap hal yang perlu sahaja. Jarang-jarang ada bantahan.</p>	<p>Diam Mudah terima pendapat Tidak membantah</p>
<p>Mudah menguruskan pekerja Melayu maksud saya pengajar berbangsa Melayu mudah menurut arahan dan mampu mengikut disiplin kerja orang Jerman. Bagus, mungkin mereka anggap kerja itu penting. Jika tidak silap agama mereka menggalakkan mereka bekerja dengan baik... saya pernah dengar itu ada pekerja saya beritahu dahulu. Ya, lama dahulu saya ambil tahu perkara ini semasa buat persiapan untuk datang bekerja di Malaysia. Kalau bangsa Cina rajin bekerja, kalau bangsa India tidak pasti belum pernah kerja dengan mereka. Mungkin ini persepsi saya sahaja.</p>	<p>Pekerja yang baik Menurut arahan Mudah adaptasi Berpanduan agama dalam kerja</p>
<p>Ya, saya kerana dalam pendidikan biasanya kita memilih <i>method</i> terbaik untuk mengajar. Jadi, pekerja Melayu mengajar pelajar dengan dibandingkan dengan bahasa ibunda dan pekerja iaitu pengajar yang saya selia ini boleh gunakan idea sendiri dalam menyempurnakan tugas.</p>	<p>Kreatif</p>
<p>Saya yakin pekerja saya bagus dan boleh sudahkan tugas dengan baik. Mereka terlatih, dihantar berkursus dari semasa ke semasa ke negara Jerman. Kualiti sangat dititik beratkan di sini. Semasa temuduga pekerja kami ambil berat hal ini. Pekerja saya kalau dari bangsa Melayu adalah pekerja yang berkualiti dan rajin menambah ilmu pengetahuan.</p>	<p>Pekerja berkualiti Rajin bekerja</p>

<p>Saya sangat menjaga daripada membuat silap, ini kualiti kerja bangsa Jerman. Jika melakukan kesilapan saya akan segera baiki dan jelaskan kepada pekerja. Pekerja saya ...saya rujuk pekerja Melayu, mereka biasanya menerima dengan baik akan hal ini.</p>	<p>Patuh</p>
<p>Setakat ini, saya rasa baik-baik sahaja. Nampak seperti pekerja ini ...ermm... saya rujuk bangsa Melayu, mereka nampak selesa dan baik-baik sahaja.</p>	<p>Mudah adaptasi menyesuaikan diri</p>
<p>Haha...mungkin benar kerana jarang jarang saya mendapat bantahan. Pekerja saya khususnya orang Melayu sangat taat dan menurut perintah. Mereka pekerja yang rajin, taat jarang sekali membantah. Jika ada sebarang hal, mereka berbincang dengan saya dan saya akan <i>guide</i> dan minta mereka buat keputusan berdasarkan saranan saya. Bukan “pengaruhi” tetapi menjelaskan dasar dan prinsip jika bekerja dengan saya begitulah.</p>	<p>Tidak membantah Rajin Taat dan menurut perintah</p>
<p>Jarang sekali pekerja bangsa Melayu bantah akan arahan saya. Jarang komen dan jarang kritik secara terbuka, di belakang saya tidak pasti. Mungkin sikap semula jadi orang Melayu...menghormati ketua dengan cara begitu... hanya pempdapat saya. Orang lain saya tidak pasti...tapi jika pekerja saya bangsa Eropah nampak terbuka untuk bersuara contohnya menolak cadangan arahan saya untuk bekerja lebih masa. Mereka akan memberikan pro dan kontra akan cadangan ini, jika tidak dapat juga...mereka meminta pihak pentadbiran memilih pekerja lain sebagai ganti tempat mereka. Mereka ganti kembali tugas mereka kemudian. Setakat tiga tahun bekerja di Malaysia semua pekerja saya baik-baik belaka.</p>	<p>Tidak membantah Jarang kritik/komen Hormat ketua Pekerja yang baik</p>
<p>Setakat ini tiada, saya senang bekerja di sini maksud saya dengan pekerja bangsa Melayu. Di Indonesia saya pernah menjadi ketua di sana juga, mereka juga sangat menjaga hati saya sebagai ketua, Ya, Indonesia juga orang Melayu, bukan? Sama sahaja, tidak bersuara sikap ini menyenangkan... dan saya tidak bersuara bermakna tiada perasaan tidak puas hati.</p>	<p>Menjaga hati ketua Pekerja yang menyenangkan</p>

<p>Telahan saya sahaja...tetapi saya tidak kisah...asalkan mereka bekerja dengan baik dan hasil berkualiti itu sudah membuatkan pihak pentadbir amat berpuas hati.</p>	
<p>Bagus semuanya, tidak menyoal balik kepada saya...maksud saya pekerja Melayu di bawah seliaan saya. Kadang-kadang saya terlihat muka atau apa...air muka mereka nampak berubah, tidak senyum seperti kurang senang tetapi mereka sehabis baik menyudahkan tugas yang diberi. Memang pekerja Melayu bagus di sini...tidak melawan, tidak mengampu...bekerja mengikut arahan... dan tidak pula berlebihan.Misalnya jika saya cakap A mereka buat A tidak tambah B atau C. Beza dengan bangsa lain...adakalanya menambah sedikit. Tak apalah, asal mencapai standard dalam pengajaran dan pelajar lulus cemerlang itu sangat-sangatlah baik.</p>	<p>Tidak membantah (menyoal balik) Menahan sabar (sehingga air muka berubah) Tidak melawan Tidak mengampu Bekerja menurut arahan</p>
<p>Bukan tidak berani, saya sangkal hal itu...pendapat saya jika sudah teratur arahan kerja, maka tiada perkara untuk dibincangkan lagi. Pekerja saya setakat ini amat faham budaya kerja di sini. Lebih lebih lagi pekerja Melayu berusaha sehabis baik meningkatkan kualiti diri, maksudnya mereka faham buktikan diri sendiri berkualiti bukan hanya tahu komen. Inilah keberanian sebenar, berani menjadi yang terbaik. Bagus pekerja Melayu di sini... ya saya harus puji akan hal ini.</p>	<p>Berusaha tingkatkan kualiti diri Berani jadi yang terbaik Mempunyai sikap bagus/baik (positif)</p>
<p>Ya, ada benarnya. Tidak perlu mencari masalah di tempat kerja. Buktikan kualiti dan apa yang mampu dihasilkan, pendapat saya mereka berdiam diri kerana sudah boleh menerima arahan dan budaya kerja di sini. Bagi saya pekerja Melayu cepat mengadaptasi persekitaran kerja. Hal ini harus dipuji. Orang Melayu mudah toleransi dan mudah faham dengan siapa yang mereka bekerja bersama. Jika anda belum kerja dengan orang Melayu, anda hanya percaya dengan provokasi atau hanya persepsi... anda akan ingat mereka tidak mahu usaha... tapi di sini pekerja saya rajin tingkatkan kualiti diri...tambah pengetahuan untuk menjadi tenaga pengajar yang setanding bangsa lain. Bagus...bagus...</p>	<p>Cepat adaptasi persekitaran kerja Toleransi Mudah faham cara kerja bangsa lain Rajin tingkatkan kualiti diri</p>
<p>Tentang air muka, saya setuju akan hal itu. Sebelum ke sini bekerja, saya tidak berasa risau untuk bekerja di sini. Melalui pembacaan, saya dapati orang Asia mudah menjalankan arahan yang diminta... menegur seorang ketua, biasanya berlapak. Pekerja saya di sini tiada masalah. Cuma saya kerap ingatkan tentang kualiti kerja mengikut standard yang</p>	<p>Menjaga air muka pihak lain Menegur ketua dengan bahasa berlapak Kelemahan pekerja Melayu sukar diramal persetujuan</p>

<p>ditetapkan. Kelemahan pekerja Melayu ini, bagi saya sukar nak ramal mereka setuju dengan kita sepenuh hati atau mereka sekadar melaksanakan tanggung jawab yang diamanahkan sahaja. Tidak mengapa, asalkan pelajar tidak mengadu apa-apa nama institusi juga terus dipercayai. Ini sudah sangat bagus.</p>	<p>mereka (bersetuju atau tidak bersetuju)</p>
<p>Ya, benar. Semua tidak berani bergossip di sini. Maksud saya secara terbuka atau menggunakan bahasa yang saya tidak faham mungkin juga. Kadang-kadang bercakap dengan bahasa ibunda masing-masing...itu tidak penting bagi saya. Kalau ada berlaku di luar pengetahuan saya ...ya...mungkin ada. Tapi tidak penting bagi saya. Asalkan matlamat dan objektif institusi tercapai sudah cukup baik. Setakat pekerja semua bekerja penuh komitmen...sama dengan pekerja berbangsa Melayu...bagus...tiada masalah selama tiga saya menjadi ketua mereka....bagus (angguk kepala).</p>	<p>Bagus dan tidak mendatangkan masalah</p>
<p>Terima kasih...bagi saya mereka ini...pekerja Melayu di sini adalah pekerja yang baik dan menyimpan ketidak puasan hati secara sendirian. Mereka siap sedia mengikut arahan institusi. Mereka berusaha tingkatkan kualiti diri misalnya berkursus untuk menambah pengetahuan ke arah menjadi tenaga kerja yang berkualiti sedia menerima kritikan yang membina.</p>	<p>Pekerja yang baik Menyimpan rasa tidak puas hati sendirian Siap sedia mengikut arahan Bersedia meningkatkan kualiti diri Menerima kritikan</p>
<p>Pandangan Ketua Terdekat (Sektor Perbankan)</p>	<p>Ciri-ciri Pekerja Melayu</p>
<p>Saya percaya kepada kebolehan pekerja saya...sebab itu mereka lulus temuduga kerja... tapi jika merujuk kepada pekerja Melayu...ya saya yakin kepada mereka. Mereka pekerja yang taat dan amat hormati saya sebagai ketua biarpun usia saya lebih muda daripada mereka. Mungkin sikap semula jadi mereka atau budaya asia yang pengaruhi cara fikir mereka.</p>	<p>Taat dan menghormati ketua</p>
<p>Saya sendiri boleh bermuafakat tapi tidak pasti pekerja saya. Adakalanya pekerja baru lihat saya seorang yang serius sehingga sukar dia hendak bercakap dengan saya. Mungkin budaya saya sendiri tidak begitu mesra dengan orang baharu. Kalau orang Melayu saya nampak rajin senyum dan bersikap “yes boss” sahaja. Mudah menerima arahan dan pekerja junior yang masih muda-muda tidak banyak komen atau bersuara.</p>	<p>Patuh dan mudah menerima arahan (tidak membantah)</p>

<p>Ya tiada masalah. Setakat ini baik-baik sahaja. Saya senang sekali bekerja dengan bangsa Melayu, kurang alasan dan bekerja hingga selesai. Cuma betul atau tidak itu mesti disemak. Beza dengan pekerja bangsa lain disiplin mereka kuat kerja dan pastikan kerja selesai dengan betul. Mereka akan minta kami kerja “over time”, minta kami hantar kursus untuk kompetensi kerja lebih baik. Mereka nampak seperti suka bersaing. Bagi pekerja Melayu mereka mudah bekerja dalam kumpulan kerja yang mereka selesai ikuti... tapi kerja selesai seperti yang diarahkan.</p>	<p>Pekerja Melayu kurang memberi alasan namun perlu dipantau Suka bekerja dalam kumpulan (kolektif)</p>
<p>Pekerja di bawah seliaan saya pelbagai bangsa...Malaysia kan <i>multi racial</i>...erm tapi jika nak apa...kita...fokus pada pekerja Melayu mereka menerima sahaja arahan... Nampak seperti baik-baik sahaja... selesa mungkin.</p>	<p>Mudah menerima arahan</p>
<p>Oh tidak sama sekali...pekerja saya kalau ikut topik kita...orang Melayu setakat ini mereka faham budaya kerja kami...kami ini firma...”banking” kalau tangguh kerja bermakna operasi gagal...setakat ini semua baik. Di Jerman sendiri kami sangat terkenal di pelbagai negara kami beroperasi.</p>	<p>Boleh mengadaptasi budaya kerja luar (toleransi)</p>
<p>Semua pekerja ada sikap masing-masing... tapi kalau bangsa Melayu memang tidak bantah apa apapun tidak suarakan pendapat mungkin kerana sikap mereka...maksud saya mungkin agama mereka mengajar tentang hormatkan pemimpin...atau memang sikap dalaman diri jenis memang jenis pendiam tak cakap banyak... mereka taat agama, puasa dan sembahyang beberapa kali...faktor agama barangkali. Kalau bangsa lain kadang-kadang memang ada <i>complaint</i> lebih-lebih lagi jika <i>senior</i>... ada yang suka ampu dan <i>influence</i> ketua. Itu biasa saya dah faham dengan <i>multi racial</i> di sini...haha...saya dapat tangani dengan baik dan semua bekerjasama... <i>gut... gut</i> (baik...baik) sekali. Saya dari Jerman Barat pernah berkawan dengan Turk-Jerman...muslim. Saya pernah nampak <i>practice</i> mereka... <i>practice as a muslim</i>...mungkin ada hubung kaitnya. Ada pekerja yang sudah lama bekerja tapi sangat hormati ketua.</p>	<p>Tidak membantah Mengambil agama Islam sebagai asas dalam pekerjaan Hormatkan pemimpin Berperilaku membisu mungkin sifat semulajadi individual tertentu sahaja</p>
	<p>Bersifat kolektif Toleransi Patuh pada arahan</p>

<p>Ya, betul. Pekerja saya biasanya mengikut suara ramai...Melayu ni mereka kolektif sama semua bangsa yang bekerja di sini....contohnya bila kena kerja semasa cuti Krismas lalu. Semua setuju dan membahagi kerja seorang sedikit....</p>	
<p>Pekerja Melayu baik, patuh arahan dan Bagus semuanya, tidak menyoal balik kepada saya...maksud saya pekerja Melayu di bawah seliaan saya... malah sabar juga...</p>	<p>Tidak membantah (menyoal balik) Menahan sabar</p>
<p>Bagus pekerja Melayu di sini... ya saya harus puji akan hal ini.</p>	<p>Pekerja yang bagus</p>
<p>Ya, ada benarnya. Tidak perlu mencari masalah di tempat kerja. Buktikan kualiti dan apa yang mampu dihasilkan, pendapat saya mereka berdiam diri kerana sudah boleh menerima arahan dan budaya kerja di sini. Bagi saya pekerja Melayu cepat mengadaptasi persekitaran kerja. Hal ini harus dipuji. Orang Melayu mudah toleransi dan mudah faham dengan siapa yang mereka bekerja bersama. Jika anda belum kerja dengan orang Melayu, jangan anda hanya percaya dengan provokasi atau hanya persepsi...dan...</p> <p>Erm..anda akan ingat mereka tidak mahu usaha... tapi di sini pekerja saya rajin tingkatkan kualiti diri...tambah pengetahuan untuk menjadi tenaga pengajar yang setanding bangsa lain. Bagus...bagus</p>	<p>Cepat adaptasi persekitaran kerja Toleransi Mudah faham cara kerja bangsa lain Rajin tingkatkan kualiti diri</p>
<p>Pandangan Ketua Terdekat (Sektor Perkhidmatan)</p>	<p>Ciri-ciri Pekerja Melayu</p>
<p>Saya fikir begitu... biasanya suara majoriti akan diikuti semua orang... saya nampak pekerja Melayu begitu...kalau bangsa lain ada juga yang mahu ikut fikiran sendiri, tidak kisah jadi berbeza... tapi kebanyakan pekerja di sini lebih kolektif.</p>	<p>Mengikut suara majoriti Kolektif</p>
<p>Ya...ramai pekerja tidak menyoal kembali ... bantah <i>ja ja</i>...Mmm...mungkin setuju dengan pihak kami. Pekerja tak ada komen khususnya pekerja Melayu yang saya selia. Lagipun jarang sekali kami memberi arahan yang sukar dilaksanakan oleh pekerja.</p>	<p>Tidak membantah</p>

<p>Mungkin benar, pekerja Melayu saya dapati lebih toleransi terutama dalam agihan kerja lebih banyak mendiamkan diri mungkin tidak mahu “create” masalah. Tapi tidak pastilah jika ada sebab lain...mungkin memang pendiam atau kurang mahir bahasa Inggeris. Bahasa Jerman tu ada kakitangan yang tahu sedikit sebanyak...kami ada beri kursus.</p>	<p>Toleransi Tidak mahu mencipta masalah</p>
<p>Betul, kalau kakitangan Melayu bukan di jabatan saya pun kelihatan bersopan dan berlapik bila bercakap...contohnya dalam mesyuarat. Kalau bangsa lain, saya lihat bahasanya terus terang...kalau panggil ketua <i>you...you</i> sahaja. Kami orang Jerman panggil <i>Herr</i> untuk ketua...sebagai tanda hormat dan gelarkan sebagai <i>Sie...</i> orang Melayu lebih kerap panggil saya “tuan”...ada beza dengan <i>you...</i>Jadi untuk isu sensitif mereka lebih hati-hati.</p>	<p>Bersopan Bahasa berlapik Sensitif dengan panggilan hormat</p>
<p>Secara peribadi, pekerja Melayu mempunyai sikap yang baik hormatkan ketua dan menggunakan bahasa yang baik mungkin dari lahir didikan cara Melayu begitu, saya tidak pasti. Tanggapan saya juga terkait dengan personaliti atau kebolehan berbahasa... namun begitu, disiplin kerja baik tetapi mesti dipantau selalu... aspek kemahiran kerja perlu ditambah baik dari semasa ke semasa... misalnya dihantar kursus. Jarang hendak berdikari untuk tingkat kemahiran kerja lebih-lebih lagi jika sudah berusia. Bagi yang muda ok...berdikari. Sikap baik pekerja Melayu seperti berdiam diri demi menjaga air muka ketua didapati sangat berbeza dengan sikap pekerja lain.</p>	<p>Sikap dan personaliti baik Hormatkan ketua Berbahasa sopan Menjaga air muka pihak lain Perlu dipantau dari aspek pekerjaan</p>

Jadual 1.0. Pandangan Ketua Terdekat Terhadap Ciri-ciri Pekerja Melayu Di Organisasi Jerman

Pendapat superior iaitu dalam kalangan bangsa asing (Jerman) di jadual di atas menunjukkan banyak sisi baik dan positif pekerja Melayu yang selama ini dikatakan tidak pro aktif dalam pekerjaan. Kesemua pandangan ini hampir keseluruhannya membentuk tema perkaitan dengan iklim komunikasi, tarikan penampilan dan personaliti introvert dan ekstrovert. Dan tentang jenis pegangan bangsa Melayu itu sendiri. Menariknya, agama Islam dikatakan memberi pengaruh yang besar dan menentukan perilaku dan tindak tanduk para pekerja berbangsa Melayu dan menghormati ketua adalah amat dititik beratkan oleh kaum ini. Keseluruhan perilaku ini menunjukkan pekerja Melayu cenderung membisu kerana adanya pengaruh pemboleh ubah-pemboleh ubah yang seperti mana yang pernah dicadangkan oleh pengkaji. Dapatan menarik

kajian adalah bangsa Melayu merupakan pekerja yang baik dan taat, tidak membantah arahan secara verbal kerana lebih mahu menjaga hubungan baik dan air muka ketua atau superior.

RUMUSAN

Daripada temu bual ini juga, dapatan yang menarik adalah bagaimana tandaaras pekerja Melayu di kaca mata superior berbangsa Jerman. Dikatakan pekerja Melayu adalah segolongan pekerja yang mempunyai ciri-ciri yang baik. Ini kerana didasari oleh pegangan masyarakat Melayu itu sendiri yang boleh dikaitkan dengan Teori *Groupthink*. Ciri-ciri positif seperti hormatkan ketua, toleransi, bekerja secara kolektif dan mempunyai pegangan agama. Kesimpulannya, pekerja berbangsa Melayu cenderung membisu kerana adanya pengaruh pemboleh ubah-pemboleh ubah yang seperti mana yang dicadangkan oleh pengkaji lalu. Selain daripada itu, terdapat penemuan yang menarik yang menjelaskan tentang pekerja Melayu yang melibatkan jati diri seperti pegangan agama, kreatif dan merupakan pekerja yang patuh telah diperoleh dalam penemuan kajian ini. Diharapkan fakta-fakta ini mampu mengubah stigma masyarakat luar terhadap pekerja berbangsa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Aziz & Ahmad Juhari. (2000). Managing cultural in organization. *Malaysian Management Review*, 35(2), 60-65.
- Ahmad, A., & Omar, Z. (2014). Reducing deviant behavior through workplace spirituality and job satisfaction. *Asian Social Science*, 10(19), 107-112.
- Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Abdul Halim & Aziz Amin (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(167).
- Fathimath Misha, Baiduri Youshan & Zubair Hassan. (2015). The effect of employees personality on organizational performances: Study on Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB). *International Journal of Accounting, Business and Management*, 1(1), 1-10.
- Hofstede, G. (1987). The applicability of McGregor's theories in South East Asia. *Journal of Management Development*, 6(3), 9-18.
- Janis, I. L. (1972). *Victims of group think*. Boston, MA: Houghton Mifflin
- Lim, X., Lam, L. W., & Zhang, L. L. (2019). The curvilinear relationship between job satisfaction and employee voice: Speaking up for the organization and the self. *Asia Pacific Journal of Management*, 37(2), 587-607.
- Nafei, W. A. (2016). Organizational silence: A barrier to job engagement in successful organizations. *International Business Research*, 9(4), 100- 117.

- Peng, H., & Wei, F. (2019). How and when does leader behavioral integrity influence employee voice? The roles of team independence climate and corporate ethical values. *Journal of Business Ethics*, 166(3), 505-521.
- Robe'ah Yusuf, Azhar Hj Wahid, A., Sasigaran Moneyam, S., & Siti Asma' Rosdi (2021). A Review of Culture and Communication Orientation among Malay Workers towards Silence Behaviour Tendency. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (15), 13-20.
- Robe'ah Yusuf, Ezhar Tamam, Jusang Bolong, & Mohd Nizam Osman (2016). Al Abqari. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 7, 147-168.
- Strauss, A. L., & Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Wan Abdul Rahim Wan Mohd Isa, Ahmad Iqbal Hakim Suhaimi, Nurulhuda Noordin, Afdallyna Fathiyah Harun, Juhaida Ismail, & Famie Izudin Abdullah. (2019). Cultural dimensions of Malay cultures: Performance of IT professionals. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8, Issue 2S2.
- Wong, N.L. (2010). *Silent Communication of Japanese Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Zulkefli Ismail. (2010). *Perilaku membisu dalam organisasi Tentera Darat Malaysia* (Disertasi Doktor Falsafah). Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

**PEMULIHARAAN RUMAH KEDAI LAMA YANG MENEPATI FALSAFAH
PEMBENTUKAN IMEJ DAN IDENTITI BANDARAYA ISLAM DI KOTA BHARU
KELANTAN**

**CONSERVATION OF OLDSHOP HOUSES THAT COMPLY WITH THE
PHILOSOPHY OF FORMING THE IMAGE AND IDENTITY OF ISLAMIC CITY IN
KOTA BHARU KELANTAN**

Farrah Atikah Saari

atikah.s@umk.edu.my

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan pelbagai jenis bangunan yang telah wujud sejak sekian lama. Bangunan warisan yang dibina adalah hasil daripada sistem sosial, pengaruh ekonomi, pengaruh politik, pencampuran budaya serta penggunaan teknologi. Setiap senibina yang dibina melambangkan *spirit of times* atau jiwa sezaman atau jiwa setempat (Rasdi, M. T. H. M., & Mursib, G. 2001). Selain itu, bangunan rumah kedai lama masih menonjolkan kewibawaan yang terpengaruh terhadap kemahiran senibina masyarakat zaman dahulu. Kini rumah kedai lama memerlukan perhatian yang sewajarnya sebagai sebuah bangunan warisan yang perlu dijaga dan diurus dengan baik. Kesedaran dan keperihatinan masyarakat terhadap rumah kedai lama perlu dipantau supaya bangunan ini tidak terpinggir dan pupus ditelan zaman. Generasi kini yang sedang membangun bersama arus pembangunan moden perlu didedahkan mengenai kepentingan warisan tradisi yang mempunyai nilai dan boleh dihargai sehingga kini. Kepelbagaian pengaruh reka bentuk dan penggunaan bahan binaan yang mampan sehingga ke hari ini telah menjadikan rumah kedai ini sebagai asas kepada keunikan alam bina melayu. Hal ini kerana, biarpun rumah kedai telah berusia berpuluh tahun, terdapat sebahagian struktur rumah kedai yang masih bertahan dan menjalankan fungsinya seperti biasa tanpa membahayakan penghuninya. Oleh itu, kajian yang lebih menyeluruh untuk memelihara struktur rumah kedai secara sistematik perlu dirancang supaya pengabaian rumah-rumah kedai tradisi lama boleh dielakkan, (Mohamad Sohaimi, M. 2017). Menurut Rasdi, M. T. H. M. (2008), pengetahuan warisan seni bina merupakan simbol kesedaran tamadun tempatan dan sebagai kesinambungan kehidupan tradisi dengan penyesuaian kehidupan masa kini. Pemuliharaan warisan sedia ada dengan mengikut garis panduan terperinci berkaitan pengekalan bangunan dan kawasan yang bersejarah mampu memaparkan elemen nilai kesenian yang halus dan dapat menyerlahkan warisan seni bina sesuatu tempat.

Menurut Jabatan Warisan Negara (2012), warisan merupakan sesuatu yang bernilai tinggi dan diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang baru sebagai salah satu kaedah pemuliharaan. Antara warisan yang dianggap bernilai tinggi adalah adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan juga cetakan termasuklah penulisan buku dan majalah. Warisan kebudayaan merupakan aset yang berharga kerana mempunyai nilai estetika, arkeologi, seni bina, budaya, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik dan teknologi. Menurut Piagam Burra (1999), proses memulihara sesuatu tempat dijalankan supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan sekaligus menjadi tatapan generasi akan datang. Hal ini sama juga dalam usaha mengekalkan kepentingan Rumah Kedai Lama yang mampu melindungi warisan kebudayaan masyarakat setempat. Rumah kedai merupakan satu deretan bangunan yang memiliki senibina vernakular. Kebiasaannya bangunan ini digunapakai sebagai tempat perniagaan dan penempatan yang bercirikan warisan dan mempunyai nilai sejarah (Nawi, H. M. 2015). Sebagai contoh, di bandar Kota Bharu, terdapat banyak deretan Rumah Kedai Lama yang dibina pada tahun 1920an

sehingga 1960an. Walau bagaimanapun, tidak kesemua bangunan dalam keadaan yang sempurna berikutan ketiadaan pemantauan berkala bagi memulihara keunikan Rumah Kedai Lama daripada terus hilang. Menurut Esmawe Haji Endut (1993), seni bina bangunan Rumah Kedai Lama memiliki seni warisan tradisional yang terdiri daripada pengaruh budaya Melayu, Cina, dan juga Kolonial. Pengabungan tiga pengaruh seni bina sudah wujud sejak abad ke 15 lagi yang juga disebabkan oleh penyerapan budaya pada zaman tersebut. Seni bina tradisi warisan ini sudah tidak dipandang lagi ekoran kemunculan seni bina baru yang kelihatan lebih moden dan menarik untuk dikunjungi. Hal ini sekali gus menenggelamkan senibina asal bangunan lama di Malaysia sehinggakan ada diantara masyarakat generasi kini yang tidak mengetahui akan senibina bangunan yang suatu ketika dahulu pernah menerima pengaruh budaya seni bina tradisional.

Namun, masa silih berganti dan fasad bangunan juga mengalami perubahan disebabkan fungsi yang berubah-ubah mengikut arus perubahan zaman. Selain itu, terdapat juga pemilik bangunan yang rata-rata menyewakan bangunan kepada pihak swasta dan mementingkan nilai jual daripada pelestarian bangunan tersebut (Ruang, P. F. B. T. T., & Matondang, K. K. 2015). Berdasarkan kajian Mamat, M. J., & Aziz, M. F. A. (2020), sejak abad ke-19, rumah kedai lama yang terdapat di Malaysia telah menjadi petunjuk utama landskap fizikal negara yang dapat memberi maklumat latar belakang sejarah bandar dan bandar awal yang ketara. Rumah Kedai Lama menjadi saksi dalam keunikan dan kepelbagaian permata senibina negara yang dibentuk oleh entiti Melayu, Cina dan Inggeris. Sepertimana Rumah Kedai Lama di Jalan Temenggong yang merupakan salah satu bangunan warisan yang terletak di Zon Budaya. Kedudukan dan jarak diantara blok bangunan yang berdekatan telah mempengaruhi kedatangan pelancong asing ke Kota Bharu yang ingin membeli belah sambil menikmati warisan sejarah yang terdapat di sekitar Kota Bharu. Berdasarkan Ahmad, A. G. (1994) dalam kajiannya yang bertajuk “Pemuliharaan Bandar Warisan untuk Pembangunan”, beliau menekankan mengenai pengendalian bandar warisan daripada sebarang aktiviti kemusnahan dan kerosakan tidak kiralah secara semulajadi mahupun melalui faktor persekitaran. Secara amnya, umum mengetahui sesuatu kerosakan berlaku berkemungkinan disebabkan oleh ketiadaan pengawalan dan perancangan yang baik dalam memulihara bangunan warisan termasuklah seni bina dan rekabentuknya yang melambangkan identiti negara. Maka kerana itu, kepentingan nilai warisan bagi pemuliharaan Rumah Kedai Lama perlu diselarikan dengan polisi kerajaan tempatan bagi menjadikan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam dengan tidak melupakan senibina tempatan. Sepertimana yang telah dikatakan oleh Rasdi, M. T. M., & Kosman, K. A. (2005), seni bina menggambarkan sejarah mengenai sesebuah tamadun. Maka perlulah kita puliharnya bagi tatapan generasi masa hadapan agar mereka lebih menghargai warisan negara tidak kiralah dalam bentuk ketara mahupun tidak ketara, bangunan mahupun adat.

Selain daripada dirobuhkan, rumah kedai lama ini juga telah melalui pelbagai fasa perubahan dari segi fasad bangunan dan tata atur ruang dalamannya. Pemindahan hak milik sejak dari era penjajahan Belanda sehingga kini telah menyebabkan lot rumah kedai tersebut dipecahkan menjadi lot-lot yang lebih kecil. Menjelang tahun 1900, rumah-rumah kedai ini telah diberi nombor-nombor baru akibat dari pembahagian tanah kepada lot-lot yang lebih kecil ini (Shahminan, R. N. R. (2008). Oleh itu, berdasarkan Akta Warisan Senibina dan Kepentingan Sejarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2005 telah menyatakan bahawa pemeliharaan merupakan satu proses penjagaan sesuatu tempat atau bangunan bagi tujuan mengekalkan corak, budaya dan keadaan asalnya. Hal ini melibatkan proses penyelenggaraan, pengendalian, pemeliharaan, pembinaan semula dan pengubahsuaian. Khazanah silam bukan hanya terletak pada bangunan lama yang indah dan terpelihara tetapi pengendalian terhadap identiti setempat juga amat penting bagi sesebuah negara supaya ia lebih dikenali (Hassan, N. H. 2005). Dalam kerja pemuliharaan, sokongan dan penyertaan orang ramai amat bergantung pada perundangan yang jelas dan komprehensif untuk memperkuatkan pematuhan dan pelaksanaan warisan undang-undang

yang berkaitan, Dian, A. M., & Abdullah, N. C. (2013). Hal ini kerana ia dapat memberi kesan dari pelbagai sudut terutamanya pada ekonomi masyarakat sebagai contoh berdasarkan kajian. Abdullah, J., Azam, R., & Bustami, R. (2013), orang India Muslim melakukan sosio-ekonomi yang agak baik di kawasan yang telah dibuat kerja pemuliharaan dan kelestarian sosio-ekonomi dan budaya umat Islam turut berkembang. Penggunaan rumah kedai adalah faktor yang berjaya dalam penyesuaiannya. Bukan hanya daya maju ekonomi rumah kedai sahaja adalah penting, tetapi juga kesan ekonomi dari penggunaan baru pada kawasan berhampiran dan sekitarnya, Yung, E. H., Langston, C., & Chan, E. H. (2014). Analisa faktor ekonomi terlihat dari perubahan bentuk fungsi yang ada, akibatnya faktor ekonomi mendorong terhadap perubahan bentuk fasad bangunan yang menarik pembeli ataupun pengunjung yang datang, Ruang, P. F. B. T. T., & Matondang, K. K. 2015.

Melalui Dokumen Rancangan Tempatan MPKB – BRI Kelantan 2035 (Penggantian), penambahbaikan seperti menaik taraf fasad dan rupa bentuk rumah kedai, bangunan-bangunan baru dan lama dan bersejarah yang menjadi tumpuan amat diperlukan seperti di Jalan Sultanah Zainab, Jalan Tok Hakim, Jalan Che Kadir, Jalan Tengku Petra Semerak, Jalan Buluh Kubu dan Jalan Padang Garong. Naik taraf fasad juga meliputi keseragaman papan tanda kedai yang tidak menutupi keseluruhan fasad bangunan rumah kedai tersebut. Selain itu, PBT juga mencadangkan untuk mewujudkan keseragaman antara bangunan warisan, bangunan baru dan lama iaitu keseragaman dari segi saiz dan ketinggian. Dicadangkan juga untuk mengekalkan dan menaiktaraf pintu gerbang sedia ada yang terdapat di Bandar Kota Bharu yang bercirikan Melayu Kelantan. Selain itu, perlu diletakkan warna yang ceria dan bersesuaian di kawasan jalan yang suram kerana lorong belakang bangunan di sekitar Bandar Kota Bharu didapati usang dan suram kerana kekurangan penggunaan dan aktiviti di lorong tersebut. Penggunaan warna sebagai penghidup lorong belakang dapat menyerlahkan kawasan kurang ceria dan akan menjadi tarikan visual. Penggunaan warna yang sesuai di bangunan boleh menarik perhatian golongan belia di samping berpotensi untuk mengurangkan kadar jenayah yang kerap berlaku di lorong-lorong belakang rumah kedai. Dalam Dokumen Rancangan Tempatan MPKB – BRI Kelantan 2035 (Penggantian) dinyatakan juga mengenai mural budaya Islam Kelantan (Jenis Tradisional & Modern) yang mana seni lukisan dan kaligrafi jawi seperti kufi dan khat disamping penggunaan motif ukiran yang berunsurkan seni Kelantan. Kesimpulannya, pelbagai kaedah dan rancangan telah dihasilkan bagi pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang dapat menepati falsafah pembentukan imej dan identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan.

PERNYATAAN MASALAH

Kepentingan nilai warisan amatlah penting dalam pemuliharaan sesebuah bangunan bersejarah tidak kiralah yang sudah dibina sejak 100 tahun dahulu mahupun bangunan yang baru dibina semalam tetapi apa yang penting adalah mesej yang ingin disampaikan melalui setiap struktur pembinaannya yang berupaya meningkatkan nilai warisan yang harus dipelihara. Namun, titik permulaan berlakunya konflik senibina di Kota Bharu Kelantan adalah semasa muncul prinsip reka bentuk Islam dan identiti tempatan sejak pemilihan Parti Islam (PAS) mula memerintah Kelantan pada tahun 1990. Kebanyakkan senibina bangunan di Kota Bharu bercirikan Timur Tengah. Gaya seni bina yang telah diterapkan di dalam pembangunan kawasan MPKB-BRI terlalu menyerupai pembangunan di negara-negara Arab yang lebih bersesuaian dengan cuaca dan gaya pembangunan di sana. Corak pembangunan tersebut juga telah menjadikan ciri-ciri senibina Tradisional Kelantan semakin hilang dan berkurangan di kawasan MPKB-BRI, (Rancangan Tempatan MPKB-BRI Kelantan 2035 (Penggantian), 3.1 Isu Pembangunan, MPKB-BRI, Kelantan 2017). Tekanan pembangunan persekitaran telah menyebabkan reka bentuk bangunan dan fasad yang lama kurang dipelihara dan dijaga. Selain itu, desakan pembangunan

serta kesan perbandaran telah mengakibatkan sebahagian besar daripada bangunan-bangunan tersebut telah dirobohkan bagi memberi ruang kepada pembangunan baru manakala sebahagiannya pula dibiarkan tanpa penjagaan yang sempurna (Mohammad Ashraf, 2013). Disamping amalan pemeliharaan Rumah Kedai Lama di Malaysia masih kurang berkesan jika dibandingkan dengan bangunan warisan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad (Shuhana Shamsudin dan Wan Hashimah Wan Ismail, 2005). Senario ini berbeza yang berlaku di Bandar Kota Bharu kerana keseluruhan penjagaan atau penambahbaikan struktur Rumah Kedai Lama di bandar ini sepenuhnya ditanggung oleh pemilik rumah kedai tanpa mendapat dana dari Pihak Berkuasa Tempatan. Disamping itu, terdapat bangunan bersejarah yang kurang diberi perhatian serta tidak dipelihara dan dipulihara dengan baik (Jamal, D. H. D., Ramli, Z., & Surat, M.2017). Hal ini memberi kerugian kepada bandar Kota Bharu terutama di kawasan Zon Budaya yang mempunyai deretan Rumah Kedai Lama yang sangat asli dan menjadi tumpuan pengunjung.

Menurut Hicran. T. (2006), perubahan gaya hidup masyarakat di bandar pada masa kini disebabkan oleh keperluan dan tuntutan di bandar tidak dapat memenuhi keperluan mereka sekali gus telah menimbulkan konflik dengan isu pemuliharaan. Kepadatan penduduk di Kota Bharu, Kelantan sedikit sebanyak mempercepatkan proses urbanisasi di sekitar Zon Budaya. Kebanyakan Rumah Kedai Lama terpaksa dirobohkan bagi memberi ruang pada pembinaan bangunan baru. Bukan itu sahaja, Rumah Kedai Lama yang masih kekal pula dibiarkan usang tanpa penyelenggaraan yang sewajarnya oleh pemilik dan Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini sekali gus mengakibatkan Rumah Kedai Lama di Zon Budaya Kota Bharu semakin kehilangan nilai warisannya yang dahulunya banyak dipengaruhi oleh seni bina yang unik dari pengaruh tempatan, Greco-Roman dan Inggeris. Seterusnya, faktor pemodenan juga telah menjadi permasalahan dalam kajian ini. Faktor pemodenan menjadi penyebab kepada kepupusan nilai senibina sesebuah Rumah Kedai Lama. Tambahan pula, adanya teknologi canggih membuatkan senibina bangunan moden sangat berbeza dengan senibina rumah kedai lama menyebabkan nilai-nilai estetika yang ada pada senibina rumah kedai lama sejak berzaman telah dikaburi oleh era pemodenan. Hal ini demikian kerana era pemodenan menggalakkan masyarakat untuk lebih maju mengikut arus globalisasi tanpa memikirkan nilai-nilai estetika rumah kedai lama yang boleh dijadikan warisan negara pada masa akan datang. Justeru, dengan adanya teknologi canggih sepatutnya dapat memelihara rumah kedai lama tersebut. Selain itu, antara masalah yang sering terjadi ialah mengenai sikap pengabaian dalam kalangan pemilik Rumah Kedai Lama dan pengguna yang tidak mengambil kisah tentang pemeliharaan rumah kedai lama. Menurut Mohd Jaki (2014), pelbagai faktor pengabaian terhadap rumah kedai lama berlaku seperti masalah kewangan, tiada kesedaran kepentingan warisan, prospek perniagaan yang menurun, tiada kesinambungan waris pemilikan dan tiada kesinambungan operasi perniagaan telah menyebabkan bangunan ini gagal dipelihara dengan baik, ada sesetengah rumah kedai lama mulai rosak dan menunggu masa untuk roboh. Masyarakat kini seolah-olah melihat Rumah Kedai Lama yang usang seperti telah tiada nilai dan tidak berguna lagi. Walhal, Rumah Kedai Lama mempunyai nilai estetika tersendiri terutamanya dari segi keunikan dan keaslian senibinanya. Justeru, rumah kedai lama tersebut rosak dan lebih teruk lagi dibiarkan begitu sahaja tanpa diselenggara. Sikap sebeginilah yang menjadi permasalahan dalam usaha memelihara warisan senibina Rumah Kedai Lama.

OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai objektif yang utama iaitu pengkaji ingin meneroka kaedah pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang menepati falsafah pembentukan imej dan identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Pengkaji juga telah menumpukan kawasan Zon Budaya di Kota Bharu bagi mengkaji mengenai sejarah yang mempengaruhi seni bina Rumah Kedai Lama yang terdapat di lokasi kajian. Hal ini demikian kerana pada suatu ketika dahulu, negeri Kelantan juga pernah dijajah oleh tentera British dan Jepun. Kesan penjajahan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi seni bina bangunan di Kota Bharu. Setiap Rumah Kedai Lama ini memiliki nilai warisan yang tersendiri disamping keunikan seni bina yang sukar ditemui pada bangunan yang baru dibina. Maka kerana itu pengkaji harus mengetengahkan mengenai kepentingan nilai warisan yang sudah semestinya memerlukan pemuliharaan yang berterusan bagi melindungi nilai warisan yang sedia ada dari sudut sejarah, seni bina, kejuruteraan dan juga kebudayaan agar tidak akan hilang ditelan arus pemodenan. Bagi kaedah pemerhatian, penyelidik telah membuat pemerhatian secara berstruktur pada fasad rumah kedai lama sahaja tanpa melibatkan ruang dalam bangunan Rumah Kedai Lama tersebut. Aspek yang diberi perhatian ialah bumbung, fasad atas, fasad bawah dan laluan pelajan kaki (kaki lima). Elemen yang diberi perhatian adalah berdasarkan Haider (1984) yang telah mencadangkan idea reka bentuk identiti Islam berasaskan tiga nilai formatif utama iaitu (1) Kepekaan terhadap persekitaran, (2) Saiz dan skala yang sesuai dan (3) Identiti budaya setempat.

Manakala dari segi kaedah temubual pula, pengkaji telah mengenalpasti tiga cara yang berbeza untuk mendapatkan responden iaitu secara langsung oleh penyelidik, diperkenalkan oleh responden utama, dan 'snowball' di mana satu responden membawa pengkaji kepada responden lain. Temubual secara berstruktur ini dilaksanakan dengan meneliti Dokumen Rancangan Tempatan MPKB – BRI Kelantan 2035 (Penggantian) yang mana, dokumen ini telah mencadangkan rekabentuk bandar dan kualiti visual berdasarkan tiga cadangan iaitu (1) Cadangan pemuliharaan bangunan [keseragaman dari aspek ketinggian], (2) Cadangan penggunaan warna [warna yang ceria, mural, tulisan kaligrafi] dan (3) Cadangan penggunaan *architectural screening* [corak geometri]. Berdasarkan cadangan tersebut, pengkaji telah menemubual responden yang terlibat. Temubual yang dijalankan juga direkod menggunakan perakam audio supaya maklumat tidak tercicir. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsikan ke dalam nota lapangan dan hasil analisis data temubual dipersembahkan dalam bentuk naratif. Senarai responden adalah seperti Jadual 1 dibawah:

Jadual 1: Senarai Responden


No	Senarai Responden	Jawatan	Kod Temuramah	Kaedah Pengenalan
1.	Ahli Akademik	Mantan Dekan Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK.	A1	Dikenalpasti oleh Penyelidik
2.	Badan Kerajaan	Penolong Pegawai Tadbir Perbadanan Perpustakaan Negeri Kelantan	A2	Dikenalpasti oleh Penyelidik
3.	Badan Kerajaan	Penolong Pegawai Tadbir, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan	A3	Dikenalpasti oleh Penyelidik
4.	Badan Kerajaan	Penolong Kurator, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	A4	Dikenalpasti oleh Penyelidik

5.	Badan Kerajaan	Pembantu Muzium Kanan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	A5	Diperkenalkan oleh A4
----	----------------	--	----	-----------------------

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pembentukan Imej dan Identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan

Penyebaran Islam di Kelantan bermula sejak abad ke-7 melalui aktiviti perdagangan maritim dengan Timur Tengah. Rakyat Kelantan menerima Islam sebagai cara hidup dan mereka mengasimilasikan budaya Melayu dengan prinsip Islam. Dalam Islam, masjid merupakan tempat yang sangat penting dan Harun, S. N., Md Ali, Z., & Zawawi, R. (2011) menyatakan bahawa masjid merupakan bangunan bagi umat Islam untuk menunaikan solat berjemaah dan menjadi elemen senibina utama bagi penempatan masyarakat Melayu. Secara Umumnya, seni bina di bandar Kota Bharu menerapkan tempat (4) gaya senibina utama iaitu senibina Islam, senibina Melayu Kelantan, senibina Kolonial dan senibina moden. MPKB-BRI sebagai Bandar Raya Islam turut memberi impak terhadap pembangunan reka bentuk setempat. Terdapat beberapa strategi pembangunan reka bentuk bandar yang telah dikaji untuk mewujudkan reka bentuk bercirikan Islam dan meningkatkan kualiti visual terutamanya di Bandar Kota Bharu. Pada tahun 2005, kerajaan tempatan telah membuat penjenamaan semula bandar Kota Bharu kepada bandar Islam yang menerapkan tiga hubungan utama iaitu, Manusia dengan Tuhan, Manusia dengan Manusia, dan Manusia dengan Alam. Rajah 1 dibawah menunjukkan garis masa perubahan gaya senibina di Kelantan.




Rajah 1: Garis Masa Perubahan Gaya Senibina di Kelantan

Berdasarkan Rajah 1, hiasan pada senibina melayu Kelantan banyak melambangkan identiti bangunan itu sendiri. Seni ukiran yang menarik diilhamkan dari motif flora menggambarkan senibina melayu Kelantan ini tidak dapat dipisahkan dengan alam. Keunikan dan keindahan ukiran kayu pada bahagian-bahagian tertentu menambah lagi nilai estetik senibinanya. Kebanyakan masyarakat Melayu dahulu kala sedikit sebanyak berkemahiran dalam mengukir yang diwarisi turun temurun. Kelebihan itu digunakan dalam menghias bangunan atau rumah melayu tersebut. Dari sudut rekabentuk, senibina melayu Kelantan yang dapat dilihat pada Masjid Kampung Laut sebenarnya boleh dikatakan amat canggih dan memuatkan ciri-ciri bestari yang sesuai dengan gaya hidup selesa mengikut adat dan alam. Ciri-ciri pintar ini termasuklah penyejukan atau pengudaraan semulajadi (*natural ventilation*), peneduhan (*shading*), keselamatan dan keamanan (*safety and security*) serta 'kepersendirian' (*privacy*). Contohnya sifat

paling ketara pada rumah tradisi Melayu Kelantan ialah ianya didirikan atas tiang. Pelbagai kelebihan muncul dari 'keterapungan' ini termasuklah mengelakkan dari mudah masuknya binatang liar, serta terangkat dari aras banjir.

Selain itu, bangunan kolonial adalah satu lagi kategori bangunan yang mendominasi lanskap seni bina di Malaysia termasuklah di Kelantan. Semenjak penjajahan Portugis dan Belanda di Melaka seterusnya Inggeris di seluruh negara sehingga mencapai kemerdekaan, Malaysia mempunyai koleksi bangunan kolonial yang sangat kaya, bervariasi dan unik. Pengaruh ini juga memasuki Kelantan walaupun agak lewat sedikit berbanding negeri-negeri lain. Seni bina kolonial kebanyakannya adalah untuk bangunan pentadbiran kerajaan, bangunan awam, sekolah dan struktur serta monumen seperti jambatan dan menara jam. Walaupun bangunan kolonial umumnya direka bentuk arkitek atau jurutera kolonial namun ianya dibina oleh orang tempatan menggunakan teknik binaan tempatan, bahan tempatan dan mengambil kira keadaan cuaca tempatan. Sebahagiannya direka bentuk sepenuhnya dengan gaya seni bina Eropah seperti Klasikal, Gothic, Tudor dan Art-deco, sebahagiannya adalah gabungan seni bina tempatan atau pengaruh senibina Cina sehingga ia menjadi seni bina unik yang dikenali sebagai eclectic atau *hybrid*. Pembangunan seni bina di Kelantan juga berlaku dengan warisan unsur-unsur timur dan kebaratan.

Selepas seni bina 'vernakular' melewati, terdapat seni bina yang mempunyai ciri-ciri barat dan dilahirkan dalam zaman kolonial. Tempoh penjajahan ini datang oleh kuasa-kuasa barat. Termasuklah pembinaan Masjid Muhammadi, Masjid Negeri Kelantan Darul Naim. Asal namanya ialah Masjid Besar Kota Bharu yang dibina pada tahun 1867 pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1830 - 1886) dengan menggunakan kayu-kayu yang terpilih. Pengubahsuaian bangunan masjid daripada kayu kepada struktur konkrit telah dilakukan pada tahun 1922 dan pada 31 Julai 1931, dinamakan sebagai Masjid Muhammadi. Gaya Kolonial ini juga dapat dilihat menerusi bangunan Memorial Peperangan Dunia Ke-2 iaitu Bangunan Bank Kerapu. Tapak asal bangunan ini dimiliki oleh Nik Yusoff bin Nik Abd. Majid, Menteri Besar Kelantan (1894-1900). Tanah tapak bangunan itu telah dibeli oleh syarikat bank "*The Mercantile Bank of India Limited*" dan dibina sebuah bangunan bank cawangannya di Kelantan. Bangunan ini siap dan digunakan pada 1912 dan mempunyai ciri-ciri senibina Inggeris dan Greco-Roman. Dinding bangunan tersebut ditampalkan dengan simen yang berkerutu. Dalam bahasa daerah Kelantan keadaan tidak licin itu disebut 'kerapu'. Gaya Kolonial ini juga telah diterapkan dalam pembinaan Rumah Kedai Lama yang bermula pada tahun 1920an. Sehingga pada tahun 2005 hingga kini, banyak bangunan telah berubah imej kepada imej Timur Tengah.



Rajah 2: Peristiwa Penting yang Berlaku di Kelantan


Rajah 2 menunjukkan peristiwa penting yang pernah berlaku di Kelantan yang turut memberi kesan kepada panorama Bandar Kota Bharu dari tahun 1907 sehingga 1980 an. Berdasarkan pemerhatian, terdapat konflik yang berlaku dalam isu pembentukan imej dan identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan. Keadaan asal Rumah Kedai Lama dengan gaya seni bina Eropah dan gabungan seni bina tempatan atau pengaruh seni bina Cina yang dikenali sebagai eclectic atau hybrid sedikit sebanyak memberi kesan keatas pembentukan imej dan identiti Islam. Berdasarkan pemerhatian juga, terdapat Rumah Kedai Lama yang terbakar dibina semula dengan gaya fasad bercirikan Timur Tengah dengan adanya corak geometri dan *arch* tanpa merujuk gaya senibina asal bangunan tersebut. Justeru itu, pengkaji telah membuat pemerhatian kepada fasad Rumah Kedai Lama sebagaimana dalam Rajah 3 dibawah bagi menentukan peratusan analisis reka bentuk Rumah Kedai Lama yang selari dengan konsep Islam. Selain itu, Jadual 2 juga menunjukkan no lot, nama perniagaan, jenis bangunan, anggaran usia bangunan dan penilaian gred bangunan tersebut.



Rajah 3: Fasad Rumah Kedai Lama di Jalan Ismail Bandar Kota Bharu Kelantan

Jadual 2: No Lot, Nama Perniagaan, Jenis Bangunan, Anggaran Usia Bangunan dan Penilaian Gred Bangunan

No. Lot	Nama Perniagaan	Jenis Bangunan	Anggaran Usia Bangunan(Tahun)	Penilaian Gred
632	Bob Shape Gedung Kain	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	3
633-634	Teong Peow & Co	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	3
635	Wing Soon Enterprise	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	3
636	Tidak Beroperasi	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
637	Tidak Beroperasi	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
638	Tidak Beroperasi	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
639	Hidayu Premium	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
640	Perniagaan Swee Kist	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
641	Kedai Roti dan Kuih Mi	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
642	Tidak Beroperasi	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
643	Ali Khan Restoran	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
644	Atoz Supply	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
645	Restoran Al-Khalish	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2
646	Tidak Beroperasi	Rumah Kedai	1960-2020 (60 Tahun)	2



Rajah 4: Peratusan Analisis Reka Bentuk Rumah Kedai Lama yang Selari dengan Konsep Islam

Berdasarkan Rajah 4, peratusan analisis reka bentuk Rumah Kedai Lama yang selari dengan konsep Islam dari aspek kepekaan terhadap persekitaran pada bahagian bumbung ialah 73%, saiz dan skala yang sesuai pada bahagian bumbung ialah 73% dan identiti budaya setempat pada bahagian bumbung ialah 20%. Selain itu, kepekaan terhadap persekitaran pada bahagian fasad atas ialah 100%, saiz dan skala yang sesuai ialah 100% dan identiti budaya setempat ialah 73%. Manakala kepekaan terhadap persekitaran pada Bahagian Fasad Bawah pula ialah 100%, saiz dan skala yang sesuai ialah 100% dan identiti budaya setempat ialah 100%. Akhir sekali, kepekaan terhadap persekitaran pada bahagian laluan pejalan kaki ialah 100%, saiz dan skala yang sesuai ialah 100% dan identiti budaya setempat pada bahagian laluan pejalan kaki ialah 100%. Berdasarkan analisis peratusan tersebut menunjukkan, bangunan ini masih lagi boleh

mencerminkan imej dan identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan kerana menepati idea reka bentuk identiti Islam yang dicadangkan oleh Haider (1984).

Kaedah Pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang Menepati Falsafah Pembentukan Imej dan Identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan Melalui Cadangan Pemuliharaan Bangunan [Keseragaman Dari Aspek Ketinggian]

Berdasarkan pendapat A1 mengenai cadangan pemuliharaan bangunan, beliau berpendapat bahawa bangunan yang baru dibina mestilah menghormati bangunan yang lama dari aspek ketinggian dan mengikut perkadaran yang selari dan betul. Disamping identiti Islam wajib diletakkan dalam setiap pembangunan dan mematuhi syariah dalam konsep Islam sebenar dan tidak mendatangkan kemudaratatan atau kerosakan. Bangunan yang dibina juga mesti kembali kepada fitrah yang mana setiap bangunan perlulah sesuai dan berfungsi dengan baik. Sebagai contoh penggunaan bumbung rata yang tidak sesuai dengan iklim tropikal, jadi keadaan ini mendatangkan kemudaratatan dari segi penjagaan. Hal ini bukannya gaya islam sebenar, lebih-lebih lagi sekiranya berlaku pembaziran. Penggunaan bahan asli dan tempatan dapat memberi kesejahteraan dan perlu mengutamakan fungsi bangunan yang sesuai dengan fitrah manusia. Mengikut A2 pula, menyatakan bahawa nilai islam ini bersifat universal dan tidak perlu ditunjukkan melalui keseragaman bangunan kerana Islam tidak meletakkan aspek ketinggian bangunan sebagai simbol atau simbolik. Corak pemikiran masyarakat masih tertutup kerana meletakkan sesuatu gaya atau pengaruh itu hak milik mutlak mereka kerana senibina mengalami asimilasi dari pelbagai budaya dan agama. A2 mencadangkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membuat kerja-kerja pemuliharaan berdasarkan kemampuan kewangan bagi mengekalkan ekosistem Malaysia dan tidak boleh membuat pemuliharaan bangunan dengan meletakkan unsur timur tengah kerana ini akan memberi kesan buruk dalam penyelenggaraan bangunan. Sebagai contoh, bumbung bangunan berbentuk rata ini tidak sesuai dengan cuaca di Malaysia.

Selain itu, A3 bersetuju dengan rancangan untuk menyeragamkan bangunan dari aspek ketinggian kerana beliau percaya bahawa pihak PBT sebelum membuat sesuatu rancangan mestilah dikaji dengan lebih terperinci dahulu. A3 juga bersetuju bahawa ketinggian bangunan lama yang seragam menyebabkan bangunan tersebut nampak harmoni dengan persekitarannya. Namun begitu, keseragaman bangunan ada kalanya akan menimbulkan pandangan yang kurang menarik. Jadi sesuatu tindakan yang dibuat perlu dilaksanakan dengan sistematik dan penuh berhati-hati. Hal ini termasuklah bangunan Rumah Kedai Lama yang perlu dinaik taraf dan kehadapan untuk ianya lebih bertahan lama tanpa mengganggu unsur-unsur kesenian dan warisan pada bangunan tersebut. Oleh sebab itu, A3 mencadangkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya mementingkan kegunaan bangunan lama supaya dapat berfungsi dengan baik. Bagi A4, beliau berpendapat bahawa dari aspek keseragaman, selagi tidak menjejaskan bangunan dan tidak mengubah nilai keaslian bangunan lama, ia dibolehkan. Manakala A5 bersetuju keaslian bangunan perlu dijaga dan bangunan perlu diwartakan. Jika diseragamkan akan menimbulkan masalah kerana setiap bangunan mempunyai motif dan rekabentuk yang tersendiri. A5 mencadangkan, jika imej islam seperti pengaruh Timur Tengah diletakkan pada bangunan, ia perlu mewujudkan satu kawasan yang asing dan boleh dinamakan Bandar Islam seperti di Pasir Tumbuh iaitu sebuah kawasan pinggir bandar yang terletak di Daerah Kota Bharu.

Kaedah Pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang Menepati Falsafah Pembentukan Imej dan Identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan Melalui Cadangan Penggunaan Warna [Warna yang Ceria, Mural, Tulisan Kaligrafi]

A1 percaya bahawa walaupun pelbagai pendekatan yang dicadangkan, namun identiti bangunan perlu dikekalkan. Sebarang idea atau cadangan perlu juga mengikut keperluan dan rujukan pada yang pakar. Selain itu, kesesuaian ciri-ciri Arab perlu disemak kembali dengan

memastikan ianya sesuai dengan persekitaran setempat sebagai contoh seperti penggunaan bumbung piramid yang sesuai dengan persekitaran semulajadi. Tambah lagi, Ibnu Sina juga ada menekankan bahawa aspek pengcahayaan, fungsi, keselesaan perlu diambil perhatian dalam sesebuah bangunan. Oleh sebab itu, sebelum membuat sesuatu pembangunan, segala faktor perlu dikaji dan mesti ada nas atau rujukan dari pelbagai sudut. Namun begitu, pemuliharaan bangunan berdasarkan konsep Islam boleh dilakukan selagi tidak melanggar akta warisan yang telah ditetapkan dalam pemuliharaan bangunan. Contohnya fasad bangunan rumah kedai lama tidak boleh sewenangnyanya diubah melainkan di ruang dalam bangunan yang mana kaedah penyesuaigunaan semula bangunan digunakan. Hal ini dibolehkan supaya bangunan tersebut terus berfungsi. Selain itu, A1 memberi pandangan bahawa bangunan di persekitaran juga perlu menghormati bangunan lama dari pelbagai segi termasuklah identiti, perkadaran dan teknik pembinaan walaupun sentiment islam turut dibawa. Namun yang paling utama adalah cadangan bagi proses pemuliharaan perlu merujuk balik dari segi implikasi kewangan dan organisasi atau badan yang mencadangkannya perlulah cekap serta memahami konsep pemuliharaan sebenar bangunan semasa dengan menetapkan kriteria rekabentuk pembangunan rumah kedai dalam mendapatkan imej dan identiti Bandaraya Islam.



Rajah 5: Cadangan Penggunaan Warna [Warna yang Ceria, Mural, Tulisan Kaligrafi]
 Dokumen Rancangan Tempatan MPKB – BRI Kelantan 2035 (Penggantian)

Disamping itu, A2 turut memberi pandangan bahawa penggunaan warna pada bangunan warisan dapat menarik kehadiran pelancong namun perlu sentiasa diselenggara secara berterusan.


Pihak PBT haruslah sanggup mengeluarkan modal dalam proses penyelenggaraan bagi jangka masa yang panjang untuk mengekalkan warna yang ceria, mural dan tulisan kaligrafi. Namun begitu, A2 menyatakan bahawa, tarikan tersebut adalah kepada pelancong luar bukannya warga tempatan kerana warga tempatan lebih suka berkunjung di tempat yang santai bersama keluarga. Hal ini kerana, di kawasan yang adanya lukisan mural mempunyai parking kenderaan yang sangat terhad dan kawasan yang agak sibuk. Namun beliau bersetuju dengan usaha pihak PBT yang mewujudkan kawasan ini kerana di Kelantan sendiri kekurangan tempat hiburan disebabkan pengaruh politik yang tidak membenarkan tempat hiburan seperti panggung wayang diwujudkan. Dengan wujudnya mural di kawasan terpencil lebih-lebih lagi di bahagian belakang bangunan sedikit sebanyak dapat mengurangkan aktiviti jenayah dan perkara negatif berlaku. Beliau juga mencadangkan agar Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil langkah dengan berbincang dengan pemilik Rumah Kedai Lama untuk mengurangkan cukai pintu dengan syarat pemilik kedai tersebut perlu menjaga fasad rumah kedai dengan baik dan sentiasa diselenggara dan mempunyai pelan jangka panjang lebih-lebih lagi dalam proses pemuliharaan.

Bagi A3 pula, beliau bersetuju mengenai cadangan penggunaan warna kerana ianya sangat penting dalam industri pelancongan. Warna bangunan yang cantik boleh menjadi daya tarikan dan ianya akan diviralkan. Namun begitu, bangunan tersebut mestilah diberi sentuhan tradisi bagi memberi impak yang baik. Tradisi keaslian juga memerlukan pembaharuan seiring dengan kemahuan semasa. Sebagai contoh, penggunaan kaligrafi sememangnya dapat menonjolkan nilai murni dan imej islam. Disamping penggunaan warna juga dapat memberi kelainan, namun perlu kekalkan identiti tradisi Melayu yang seiring dengan unsur Islam. Hal ini memberi kesan terhadap sosioekonomi di kawasan tersebut. Bagi A4 pula, beliau memberi pendapat bahawa lukisan mural dapat menarik minat masyarakat yang berkunjung di Kelantan kerana mereka kebiasannya datang untuk melihat budaya tempatan. Hal ini sekali gus dapat menjana pendapatan masyarakat setempat terutama di Kawasan Rumah Kedai Lama. Oleh itu identiti Kelantan perlu ditonjolkan dan bukannya identiti negara luar seperti di negara Timur Tengah. Identiti kaligrafi yang menunjukkan warisan melayu Kelantan perlu lebih banyak ditonjolkan. Disamping nilai kebersihan juga perlu dihayati. Pada dinding bangunan boleh diceritakan tentang sejarah Kelantan yang mana sesuai dengan Kelantan sebagai negeri yang kaya dengan budaya dan ini sedikit sebanyak dapat menarik perhatian pelancong dalam penjanaan ekonomi di Kawasan itu. A5 pula memberi cadangan kepada PBT untuk meletakkan elemen warna yang ceria, kaligrafi dan mural, tetapi perlulah ada pihak yang menyelenggara dan lukisan mural tersebut mesti ada kaitan dengan sejarah dan warisan Kelantan. Suasana ini boleh menjadi tempat untuk bergambar dan daya penarik untuk industri pelancongan di Bandar Kota Bharu.

Kaedah Pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang Menepati Falsafah Pembentukan Imej dan Identiti Bandaraya Islam di Kota Bharu Kelantan Melalui Cadangan Penggunaan Architectural Screening [Corak Geometri]

Berdasarkan A1, beliau menjelaskan bahawa Bandar Kota Bharu sememangnya merupakan Bandar Islam kerana telah dilengkapi keperluan asas pembangunan islam dengan wujudnya pelbagai kemudahan seperti masjid, penempatan dan kawasan penjanaan ekonomi masyarakat termasuklah di Kawasan Rumah Kedai Lama. Menurut beliau, Islam bukannya datang melalui simbol sahaja seperti pembinaan arch tetapi gaya hidup dan fungsi lebih ditekankan. Sistem bangunan yang berfungsi merangkumi aspek seperti tidak membazir, selesa dan semulajadi. Sekiranya pemuliharaan terhadap bangunan diperlukan, ia mestilah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Bagi A2 pula, beliau memberi pandangan bahawa tiada masalah dalam penggunaan *architectural screening* asalkan diletak warna yang menarik. Tambahan lagi, menurut beliau, banyak bangunan yang berusia lebih 50 tahun yang bersejarah lebih-lebih lagi bangunan di zaman British yang perlu dipulihara. Imej Islam tidak semestinya terletak pada bangunan sahaja tetapi asalkan sesuatu perkara itu baik dan tidak memberi kemudaratan malah

memberi manfaat ia boleh dianggap unsur-unsur islam yang diterapkan. Selain itu, bangunan Rumah Kedai Lama tidak perlu dirobuhkan walaupun tidak menampakkan unsur Islam seperti adanya kubah kerana imej Islam tidak terletak melalui perlambangan kerana Islam berbentuk universal. Di Malaysia sendiri telah berlaku pencampuran budaya, adab dan agama. Namun begitu, perlambangan boleh diletakkan tetapi jangan terlalu statik seperti meletakkan kubah pada bumbung bangunan. Walhal, persekitaran dan bangunan yang bersih sebenarnya dapat melambangkan islam itu sendiri. Oleh itu, sikap dan kelakuan manusia dan nilai murni mesti selari dengan megah dan cantiknya sesebuah bangunan. Disamping sesebuah pembangunan mesti ada kesinambungan dan tidak membazirkan. A2 turut mencadangkan supaya pihak PBT mesti mempraktikkan sikap keterbukaan dengan mengamalkan proses penyelenggaraan, mencantikkan dan memelihara sesebuah bangunan. Pihak Perancang Bandar juga wajib memainkan peranan untuk memelihara bangunan lama dengan mengekalkan identiti bangunan itu sendiri. Sebagai contoh, bangunan Rumah Kedai Lama perlu ditambah baik dengan tidak menghilangkan keaslian untuk panjangkan jangka hayat bangunan. Selain itu, kaligrafi dari timur tengah boleh mengetengahkan unsur ukiran kayu dengan menggunakan kemahiran warga tempatan sekaligus dapat menaikkan imej dan sumber ekonomi pengukir tempatan. Menurut beliau lagi, Islam bukannya terletak pada bangunan sahaja tetapi pada sikap penghuninya. Dengan penerapan budaya nilai murni dan mengamalkannya sekaligus dapat menyerlahkan lagi suasana di sekitar bangunan warisan tersebut kerana itulah imej islam yang sebenar.



Rajah 6: Cadangan Penggunaan Architectural Screening [Corak Geometri]
 Dokumen Rancangan Tempatan MPKB – BRI Kelantan 2035 (Penggantian)

Bagi A3 pula, corak tersebut tidak menjejaskan dan tidak memberi kesan yang buruk kerana dengan penggunaan *architectural screening* menyebabkan ruang dalam bangunan menjadi teduh, selamat, nilai estetika dan melindungi sistem penghawa dingin dan pendawaian elektrik serta sebagai aspek keselamatan. Selain itu, penggunaannya juga dapat menarik pelancong dan itu merupakan perkara penting dan boleh diviralkan. Asalkan apa yang dilaksanakan itu bersifat positif dan konsisten dengan mengekalkan tradisi secara berterusan untuk generasi akan datang. Berbeza pula dengan pendapat A4 yang menyatakan bahawa cadangan penggunaan *architectural screening* boleh dibuat pada bangunan yang tidak diwartakan sahaja. Corak geometri bukannya satu-satunya daya penarik atau kekuatan untuk menjadikan bangunan itu mempunyai ciri-ciri Islam dan beliau tidak bersetuju *architecture screening* berbentuk geometri diletakkan pada bangunan lama. Beliau mencadangkan supaya penggunaannya boleh dilaksanakan untuk bangunan baru di sesuatu kawasan sahaja bukannya di Kawasan Zon Budaya. Akhir sekali adalah A5 yang menyatakan bahawa perlunya kita membudayakan identiti sendiri dengan menggunakan konsep yang sesuai, boleh mengambil contoh seperti yang berlaku di Melaka. Mengambil pengukir tempatan dengan menggunakan corak tempatan supaya pengukir ini tidak pupus. Yang penting adalah rumah kedai lama perlu dipanjangkan hayatnya dan memerlukan dana bagi proses pemeliharanya.

RUMUSAN

Pengkaji banyak mengfokuskan aspek pemeliharaan bangunan warisan yang ingin diselarikan dengan konsep bandaraya Islam dengan tidak mengabaikan rekabentuk asal bangunan yang bercirikan warisan. Kajian ini juga sebenarnya dapat membantu ramai pihak dalam meningkatkan taraf ekonomi terutama dalam sektor pelancongan. Di Bandar Kota Bharu, terdapat rumah kedai lama yang diubah suai. Kaedah suaiguna tersebut dapat meningkatkan taraf kehidupan serta ekonomi masyarakat dengan mewujudkan peluang pekerjaan di samping dapat menarik pelancong tempatan dan asing. Selain itu, kalangan profesional dan masyarakat tempatan juga akan sedar bahawa melalui usaha konservasi, kesedaran serta sikap sensitif terhadap ancaman dan tekanan globalisasi terhadap bandar dapat ditingkatkan. Tindakan ini juga dapat membantu golongan profesional untuk mempelbagaikan peranan mereka dalam usaha menyelesaikan masalah dalam bidang yang berkaitan. Aktiviti konservasi memainkan peranan paling penting bagi memastikan landskap bandar sentiasa terpelihara seperti yang dilakukan oleh Melaka dan Pulau Pinang, (Hassan, N. H. 2005). Pemuliharaan tapak warisan amat penting untuk kesinambungan pengiktirafan oleh UNESCO. Sekiranya tapak warisan tidak dijaga dengan baik maka kemungkinan pengiktirafan tersebut ditarik balik adalah besar. Dengan adanya pengiktirafan sebagai tapak warisan ini, secara tak langsung Pulau Pinang terkenal di mata dunia dan menarik ramai pelancong asing untuk datang bercuti ke Malaysia, seterusnya sektor pelancongan menjadi penyumbang ekonomi yang terbesar, Masdey, S. S., & Ramli, Z. (2018). Keadaan ini juga boleh berlaku di bandar Kota Bharu sekiranya bandar ini mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

Keputusan memelihara dan memelihara bangunan bersejarah adalah kerana bangunan bersejarah penuh nilai warisan dan tinggi nilai estetikanya selain berfungsi sebagai sumber penceritaan sejarah yang efektif bagi generasi akan datang, Jamal, D. H. D., Ramli, Z., & Surat, M. (2017). Bagi analisis fasad dan gaya senibina, konsep gaya senibina di bandar Kota Bharu diterjemahkan secara cetek dengan mengambil secara terus imej dan senibina Timur Tengah seperti kubah, gerbang dan elemen motif geometri. Rekabentuk dan corak geometri digunakan bagi menghidupkan identiti Islam di Kota Bharu. Bangunan-bangunan berkonsepkan Islam di

Kota Bharu mencerminkan Masjid Nabawi di Kota Madinah, Arab Saudi, khususnya pada bahagian kubah dengan warna yang serupa iaitu hijau. Pengaplikasian kubah dan bumbung rata telah menjadi senibina utama berbanding senibina vernacular yang mana ianya tidak sesuai dengan cuaca di Malaysia yang menerima hujan yang banyak. Hal ini menyebabkan berlakunya kebocoran pada bahagian bumbung. Gaya senibina lokal yang kuat dengan pengaruh Langkasuka dipinggirkan dan menjadikan imej bandar ini bercampur aduk dengan wujudnya gaya senibina baharu. Dengan wujudnya identiti baharu (gaya senibina Islam), identiti Kota Bharu akan semakin pudar dari masa ke masa. MPKB-BRI telah berusaha sebaik mungkin bagi memastikan perancangan bandar Kota Bharu menepati konsep perbandaran Islam namun demikian menurut Saad, S., & Radzi, M. M. (2009), pembentukan imej dan identiti Bandaraya Islam perlu diterjemah dengan lebih cermat dan menyeluruh meliputi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi syarat graduasi program pengajian Doktor Falsafah (Teori dan Sejarah Senibina) Ph.D. Penyelidik mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas sokongan dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Penyelidik juga mendapat sumbangan dana daripada Skim Geran Jangka Pendek dari Universiti Malaysia Kelantan (SGJP) (R/SGJP/A0200/01538A/001/2019/00585). Penyelidik merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (RMIC) dalam menyokong projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah, J., Azam, R., & Bustami, R. (2013). Socio-economic and cultural sustainability of Muslims in Georgetown World Heritage site. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 85, 217-226.
- Ahmad, A. G. (1994). Building Maintenance. Bengkel Menangani Pemuliharaan Bangunan lama Di Malaysia, Perak
- Dian, A. M., & Abdullah, N. C. (2013). Public participation in heritage sites conservation in Malaysia: Issues and challenges. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 101, 248-255.
- Esmawe Haji Endut. (1993). Traditional Malaysian Built Forms: A Study of The Origins, Main Building Types, Development of Building Forms, Design Principles and The Application of Traditional Concepts in Modern Buildings. II(November), 246. http://etheses.whiterose.ac.uk/14839/1/389486_vol1.pdf.
- Haider, S. G. (1984) Habitat and Values in Islam: a conceptual formulation of an Islamic City.
- In: Sardar, Z., 1984. The touch of Midas Science, value and environment in Islam and the West, Manchester: Manchester University Press, pp.170-208.

- Harun, S. N., Md Ali, Z., & Zawawi, R. (2011). The Changing Image and Identity of Kota Bharu, Kelantan, Malaysia: From Cultural City to Islamic City. *International Journal of Social Planning and Development*, 1, 75-80.
- Hassan, N. H. 2005, Faktor Penyumbang Dalam Pembentukan Dan Konservasi Identiti Jalan Kota, Bandar Warisan.
- Hicran. T. (2006), Change with/versus Conservation: Architectural Interventions and Their Effects on the Character of the Historic Urban Patterns: A Case Study on Historic Urban Site of Izmit, Turkey
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2005. Akta Warisan Senibina dan Kepentingan Sejarah, Siri 011, Edisi Kedua 2005.
- Jabatan Warisan Negara. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan.
- Jamal, D. H. D., Ramli, Z., & Surat, M. (2017). Istana Kenangan: Meneroka Integrasi Warisan Budaya Melayu Dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suaiguna Semula. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(2).
- Mamat, M. J., & Aziz, M. F. A. (2020). The Entity-Identity Relationships of Old Shop Houses In Perak Through Facade Design. *Planning Malaysia*, 18.
- Masdey, S. S., & Ramli, Z. (2018). Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Bandar Hilir, Melaka: Analisis SWOT (The Potential of Developing Tourism Base on Heritage at Bandar Hilir Melaka: SWOT Analysis). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1).
- Mohamad Sohaimi, M. (2017). Kepentingan pemuliharaan dan penyelenggaraan rumah tradisional Melayu di abad kini/Mohamad Sohaimi Man. *Ideology Journal*, 2(1), 2-13.
- Mohammad Ashraf Abdul Rahman. (2013). Model Kejayaan Utama Amalan Terbaik Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Warisan di Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Jaki Mamat. (2014). Penglibatan Masyarakat Dalam Pemuliharaan Kawasan Warisan di Pusat Bandaraya Ipoh, Perak Universiti Sains Malaysia.
- Nawi, H. M. (2015). Tenunan Pua Kaya Nilai Estetika.
- Piagam Burra (1999), Australia ICOMOS. http://australia.icomos.org/wp-content/uploads/Burra_Charter.pdf.
- Rancangan Tempatan MPKB-BRI Kelantan 2035 (Penggantian), MPKB-BRI, Kelantan 2017.
- Rancangan Tempatan MPKB – BRI Kelantan 2035 (Penggantian), (2011.) Rekabentuk Bandar dan Kualiti Visual, Pengurusan dan Pelaksanaan Projek.
- Rasdi, M. T. H. M. (2008). *Kerjaya bidang seni bina*. Penerbit UTM Press.
- Rasdi, M. T. M., & Kosman, K. A. (2005). Identiti Seni Bina Malaysia: Pengajaran daripada Gerakan ‘Art and Craft’ di Britain. *Jurnal Alam Bina*, 7(1), 31-48.

- Rasdi, M. T. H. M., & Mursib, G. (2001). Sahutan Regionalisme dalam Identiti Senibina di Malaysia: Adaptasi Awal Tradisi Modenisme.
- Ruang, P. F. B. T. T., & Matondang, K. K. 2015. Perubahan Fasad Bangunan Terhadap Tata Ruang Kawasan.
- Saad, S., & Radzi, M. M. (2009). Urus Tadbir sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 3(3), 825.
- Shahminan, R. N. R. (2008). *Kajian tipologi rumah kedai awal era Belanda di bandar Melaka: sumbangan kepada bidang pemuliharaan di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Shuhana Shamsudin dan Wan Hashimah Wan Ismail (2005). The Old Shophouses as Part of Malaysian Urban Heritage: The Current Dilemma, International Conference of The Asian Planning Schools Association, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yung, E. H., Langston, C., & Chan, E. H. (2014). Adaptive reuse of traditional Chinese shophouses in government-led urban renewal projects in Hong Kong. *Cities*, 39, 87-98.

KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN AGAMA DALAM KUMPULAN PUISI SEWAKTU PESAWAT RUNDUK

NORAWI HAJI KATA

Universiti Pendidikan Sultan Idris

norawizah09@gmail.com

Abdul Halim Ali

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ghazali Din

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek pemikiran Islam yang terdapat dalam puisi-puisi yang termuat dalam teks kumpulan puisi sewaktu 'Pesawat Runduk' karya Arifin Arif. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Analisis dan perbincangan deskriptif berpandukan dua prinsip yang terdapat dalam krangka Teori Estetika Bersepadu yang dipelopori oleh Abdul Halim Ali (2010) iaitu kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran(stail) penyair dengan perutusan dan perkaitan stail dan perutusan dengan kebenaran. Kebenaran yang dimaksudkan di sini ialah kebenaran di sisi agama dan kebenaran di sisi realiti. Manakala gaya bahasa yang dimaksudkan di sini ialah dalam aspek unsur bahasa metafora, personifikasi, hiperbola, anafora dan gaya alusi. Unsur gaya bahasa yang bersepadu dengan pemikiran serta perutusan kebenaran dapat menerbitkan keindahan yang dapat mengusik emosi dan keterujaan pembaca. Keindahan dalam sesebuah karya sastera umpamanya puisi berunsur Islam selain dapat menerbitkan makna dan pemikiran tetapi dapat memberi pengajaran berguna dari segi pendidikan tauhid, akidah dan syariah kepada pembacanya.

Kata Kunci: Kesepaduan, Keindahan, Perkaitan, Stail, Perutusan

PENDAHULUAN

Penggunaan gaya bahasa dalam sesebuah karya sastera khususnya puisi dapat menonjolkan pemikiran yang ingin disampaikan oleh penulis. Biasanya penulis akan menyampaikan sesuatu

pemikiran melalui pengalaman, ilmu dan pengamatan terhadap sesuatu peristiwa termasuk isu-isu semasa yang terjadi dalam lingkungan masyarakat ataupun sekitarnya. Sehubungan itu, ilmu serta pengalaman yang bergabung dapat membantu pengarang menyampaikan pemikiran dengan rasa keindahan. Kreativiti seseorang pengarang dapat dilihat pemikirannya melalui penggunaan gaya bahasa dan pemikiran(stail) yang ada kaitannya dengan perutusan. Sehubungan itu seseorang penyair tidak terlepas daripada mengutarakan pemikirannya secara berseni melalui karya puisi. Pemikiran dan keindahan tidak dapat dipisahkan dalam sesebuah karya khususnya puisi. Menurut Hassan Ahmad (2004), pemikiran ialah proses kognisi atau akal yang sifatnya sejagat, yakni dimiliki oleh manusia tidak kira bangsa, justeru itulah manusia dikatakan makhluk yang rasional dan berakal, berbeza daripada haiwan. Beliau memberi contoh pemikiran Melayu cukup analogis sifatnya kerana pemikiran disampaikan melalui kaedah perumpamaan, kiasan, tamsil ibarat dan juga melalui teknik ironi yang dilihat sebagai menyerlahkan sifat kegeniusan, kegeligaan dan bijaksana minda Melayu.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek stail dalam Kumpulan Puisi ‘Sewaktu Pesawat Runduk` dan menganalisis kesepaduannya pemikiran penyair dan perutusan agama.

PERMASALAHAN KAJIAN

Arifin Arif merupakan penyair yang aktif menulis puisi berunsur Islam sejak di bangku sekolah menengah lagi. Penyair bukan setakat berekspresi tetapi puisi-puisinya sarat dengan pemikiran yang hendak disampaikan. Penyair seorang yang berpendidikan agama, lulusan Universiti al-Azhar, Mesir sudah tentulah dapat menguasai bahasa Islami dengan baik walaupun bahasanya berbaur dengan istilah Arab. Sebagai penyair Islam, Arifin pernah disebut sebagai mempunyai kekuatan dari sudut penggunaan gaya bahasa sajak yang bernuansa Islami dan juga membawa pemikiran yang reliogis sifatnya. Persoalannya, bagaimanakah Arifin menampilkan imej Islami dalam sajak serta kekuatan pemikiran di dalam sajak-sajaknya sehingga beliau dipersepsikan sedemikian. Bagi memahami hubung kait aspek unsur gaya bahasa dan pemikiran dalam puisi-puisi Arifin, kajian ini akan meneliti persoalan ini dari perspektif estetikanya baik dari sudut tersurat mahupun tersirat. Hal ini penting dalam konteks memberi keabsahan kepada Arifin Arif dan puisi-puisinya yang disifatkan ramai pengkaji sebagai mempunyai kekuatan yang tersendiri dari sudut Islam. Untuk itu, kajian ini akan memanfaatkan teori *Estetika Bersepadu* yang dikemukakan oleh A. Halim Ali (2010) bagi tujuan analisis dan perbincangannya.

METODOLOGI

Dalam menganalisis kumpulan puisi “Sewaktu Pesawat Runduk”, karya Arifin Arif, pengkaji akan menggunakan analisis kepustakaan dengan kaedah analisis kandungan. Pengkaji akan memilih beberapa puisi yang sarat dengan pemikiran Islami dan sesuai menggunakan Teori

Estetika Bersepadu. Analisis dan perbincangan dibuat secara deskriptif berpandukan kepada salah satu daripada dua prinsip dalam Estetika Bersepadu (2010) janaan Abdul Halim Ali iaitu :

I. Kesepaduan stail dengan perutusan agama

Pengkaji akan memfokuskan analisis ini tertumpu pada isi kandungan teks puisi yang terkait dengan; kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran(stail)dan perkaitannya dengan perutusan agama yang merupakan salah satu prinsip dalam Teori Estetika Bersepadu.

TEORI ESTETIKA BERSEPADU

Kerangka Estetika Bersepadu mengambil penciptaan nabi Adam a.s. sebagai asas rujukan untuk memahami erti keindahan. Nabi Adam a.s. ialah makhluk manusia pertama diciptakan Allah SWT. Kisah penciptaan Nabi Adam a.s. banyak diceritakan dalam al-Quran, Hadis dan juga kitab-kitab sejarah Islam. Di dalam Surah at-Tin, ayat 4 Allah SWT memberitahu bahawa Dia menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian. Nabi Adam a.s. (manusia pertama) adalah penciptaan paling sempurna(kesempurnaan) berbanding dengan makhluk-makhluk lain.

Dalam hal penciptaan manusia ini, Haron Din, et al (1997) menjelaskan bahawa manusia adalah sebaik-baik dan seindah-indah kejadian, iaitu keindahan teradun daripada unsur jasmani dan rohani. Unsur Jasmani manusia (al-khalaq) meskipun indah, namun keindahan itu tidak sempurna kerana itu ia perlu kepada penyepaduan dengan unsur rohani(al-Kuluq), supaya ia benar-benar menepati dengan ‘fi ah sani taqwim’ dalam sebaik-baik kejadian.

Sepertimana dirujuk penciptaan nabi Adam oleh Allah SWT, manakala puisi ditulis oleh penyair/penulis. Proses kejadian Adam a.s. ciri-cirinya ialah kesepaduan tanah, roh, akal, nafsu, ilmu, dilantik sebagai pemimpin/khalifah di muka bumi dan fungsinya ialah menyampaikan perutusan Allah. Sesebuah karya yang ditulis pula perlu ada unsur kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran di samping perkaitan gaya bahasa/kiasan dan pemikiran (Stail) dan perkaitan perutusan dengan kebenaran kepada pembaca iaitu manusia.

Mana Sikana (2013) menyatakan proses penyepaduan pelbagai unsur bahasa, idea dan pemikiran, pengajaran dan perutusan yang terkandung dalam Teori Estetika Bersepadu yang dipopori oleh Abdul Halim Ali (2010) adalah teks sastera yang juga dikenali sebagai “teks keindahan”. Unsur-unsur yang bersepadu atau disepadukan itulah yang paling asas diteliti dan diperhalusi bagi memahami makna keindahan dalam teks.

Berdasarkan fungsi manusia sebagai khalifah di muka bumi, tergambar dua perkaitan yang mempertalikan hubungan dan perkaitan tugas manusia, iaitu;

- a) Berkait dengan kebenaran keterangan al-Quran dan hadis.
- b) Berkait dengan realiti kehidupan manusia di muka bumi.

KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN AGAMA

Berdasarkan *teori Estetika Bersepadu*, kesepaduan gaya bahasa dengan pemikiran penyair disebut sebagai `stail`. Stail merujuk kepada gaya yang terisi dengan pemikiran yang bermakna.

Gaya dihadirkan penyair tidak hanya bertujuan yang meninggalkan kesan estetika luaran tetapi yang lebih utama adalah meninggalkan kesan estetika dalam bentuk pemikiran. Pemikiran yang bermakna menurut A. Halim Ali (2010) adalah pemikiran yang mengesankan kebaikan dan bersepadu dengan perutusan agama.

Hasil penelitian ke atas puisi-puisi dalam kumpulan puisi “Sewaktu Pesawat Runduk” karya Arifin Arif. Terdapat gaya bahasa metafora yang banyak digunakan oleh Arifin dalam puisi-puisinya. Penggunaan unsur bahasa ini dapat dikesan mempunyai kesepaduan dengan pemikiran penyair. Analisis yang dilakukan mendapati terdapat tiga inti pemikiran utama penyair yang ingin disampaikan iaitu pemikiran tentang hubungan Manusia dengan Allah SWT, kebesaran Tuhan, hakikat cinta dan hubungan sesama manusia.

Arifin Arif di lahirkan di Membakut Sabah, mendapat pendidikan awal di Kampung Pimping seterusnya Sekolah Menengah St. Patrick Membakut sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Toh Puan Hajah Rahmah di Kota Kinabalu. Beliau kemudian meneruskan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir dan lulus Ijazah Sarjana Muda(kepujian) dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab, seterusnya peringkat Sarjana di Universiti Putra Malaysia. Beliau dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri N.24 Membakut sehingga sekarang. Kini beliau merupakan Menteri Tugas-Tugas Khas Negeri Sabah. Dalam bidang kesusasteraan, beliau terlibat aktif sejak di bangku sekolah lagi khususnya dalam genre puisi dan esei kritikan. Pada tahun 2002, beliau dipilih sebagai Tokoh Penyair Islam Sabah. Kumpulan puisi yang pertama berjudul ‘Api Laut Merah’ diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan buku Kumpulan Puisi ‘Sewaktu Pesawat Runduk’ diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Memandangkan pengalaman beliau yang cukup luas dalam bidang puisi dan ilmu agama yang diperolehnya, sudah tentu Arifin dapat menyalurkan pemikiran agama dalam puisi-puisinya.

KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN TENTANG IBADAT YANG DISYARIATKAN KEPADA MANUSIA

Di antara hubungan manusia dengan Allah SWT ialah menunaikan kewajipan rukun Islam. Di antara rukun Islam yang wajib dikerjakan ialah puasa sebulan pada bulan Ramadan. Puasa merupakan ibadat yang disyariatkan kepada umat Islam dan jika tidak mengerjakannya, maka seseorang hamba itu telah ingkar dengan perintah-Nya. Arifin Arif dalam puisinya “Subuh Ramadan” (hlm.85) cuba menggambarkan suasana Ramadan;

Alam jadi runduk

saraf subuh mengirim tawaduk

seribu lagi ufuk

memancar kalbu mujahid

abid menikung embun
di urat fana
rahmat mengepakkan kasih
sayap salam
menjelajahi suasana
restunya. (b.1-7)

Pemilihan diksi dalam bahasa Arab iaitu ‘mujahid’ dan ‘abid’ jelas membuktikan pendidikan Islamiahnya terutama dalam bahasa Arab. Gaya bahasa kiasan seperti “*Alam jadi runduk*” yang dapat menjelaskan maksud kepasrahan alam pada kuasa Tuhan. Dalam erti kata lain, penyair menggambarkan betapa hebatnya suasana subuh pada bulan Ramadan. Pada waktu subuh, umat Islam akan mengerjakan sahur serta ibadat-ibadat sunat yang lain dengan rasa tenang seperti gaya personifikasi baris kedua iaitu “*saraf subuh mengirim tawaduk*”. Dengan memperbanyakkan ibadat kepada Allah SWT penyair menyatakan bahawa hamba-Nya akan mendapat limpahan rahmat dan kasih sayang daripada-Nya seperti ungkapan;

rahmat mengepakkan kasih

sayap salam

menjelajahi saujana

Restunya. (b.7-10)

Gaya bahasa personifikasi digunakan dalam baris ketujuh iaitu “rahmat mengepakkan kasih” yang memberi gambaran akan rahmat kasih sayang Allah SWT di bulan Ramadan. Dalam puisi ini gaya personifikasi disepadukan dengan gaya metafora iaitu “sayap salam” yang menggambarkan kekuatan terhadap rahmat kasih sayang dan ukhuwah Islamiah di seluruh dunia. Kata sayap digambarkan dapat membawa burung untuk terbang menjelajah lebih jauh dan bayangkan jika sayap salam itu dapat menjelajahi seluruh dunia untuk menebarkan mesej perpaduan dan kasih sayang di bawah restu-Nya. Kelebihan bulan Ramadan, di antara lainnya ialah;

- i. Diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia.
- ii. Terdapat malam yang paling mulia
- iii. Malam yang berkat ialah Malam Lailatul-Qadar

iv. Allah membuka pintu-pintu syurga dan menutup pintu-pintu neraka serta membelenggu syaitan dan memenjarakan mereka di bulan Ramadan

Selain itu, Arifin Arif dalam puisinya “Tarawih di Masjid Hashim” (hlm.90) mengungkapkan bulan Ramadan ialah bulan yang dirindu, bulan untuk memperbanyak dan melipatgandakan amal ibadat di masjid. Penyair mengungkapkannya:

*Benih Ramadan berpucuk
di ladang kalbu, semua kembang merindu
semerbak kasih dalam tarawih dan witr
syauq mewangi dalam tasbih dan zikir
dari kebun mahabbah merendang dhamir
dari rimbunan syahadah **meranum takbir**
abid memakmurkan tanah Ramadan
dengan fasih tilawah dan qiam
subhanaka ya Hayyu ya Qayyum*

Di antara ungkapan dan gaya bahasa yang terdapat dalam puisi ini ialah;

- i. Benih Ramadan berpucuk - metafora
- ii. Ladang kalbu - metafora
- iii. Kembang merindu - metafora
- iv. Semerbak - simbol wangi
- v. Rimbunan syahadah meranum takbir
- vi. Kembang mahabbah - metafora
- vii. Rimbunan syahadah - metafora
- viii. Rindu menyapa - personifikasi.

Ungkapan “Benih Ramadan berpucuk” membawa pengertian tentang kemunculan Ramadan yang ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan masyarakat umat Islam. “Ladang kalbu” memberi gambaran kebesaran hati untuk menyambut Ramadan dengan menunaikan solat terawih. Kesepaduan gaya bahasa dalam rangkap puisi ini meninggalkan kesan keindahan yang mendalam diiringi dengan perutusan betapa hebatnya seseorang muslim jika mendambakan kasih sayangnya terhadap Ramadan dengan menunaikan solat sunat Terawih. Di antara kelebihan solat Terawih ialah Allah kurniakan pahala seumpama orang sembahyang di Masjidilharam, Masjid Nabawi di Madinah dan Masjidil Aqsa. Pensyariatan solat Terawih dapat dilihat melalui sebuah riwayat daripada Umm Al-Mu’minin Aisyah R. Anha, Katanya bermaksud;

“Sesungguhnya Rasulullah SAW pada suatu malam sedang solat di dalam masjid. Maka orang ramai pun mengikut solat baginda. Kemudian pada malam berikutnya, baginda solat

sekali lagi dan jemaah yang mengikutnya semakin ramai. Pada malam yang ketiga atau keempat, orang ramai berkumpul menanti ketibaan Rasulullah SAW sebaliknya baginda tidak keluar daripada mereka. Apabila masuk waktu subuh, baginda bersabda kepa para jemaah: Seseungguhnya aku telah melihat apa yang kamu lakukan. Dan tidaklah yang menghalang aku dari keluar kepada kamu melainkan aku takut solat itu akan difardhukan ke atas kamu semua. Yang berlaku itu pada bulan Ramadan”.

Kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran(stail) dalam puisi ini menyampaikan perutusan agar umat Islam mengerjakan melipatgandakan ibadat sunat dan wajib di bulan Ramadan serta mengimarahkan masjid. Dalam al-Quran Allah berfirman yang bermaksud;

Firman Allah yang bermaksud;

“Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal yang baik) untuk mendapat keampunan Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar”.

(Surah al-Hadid: 21)

Firman Allah berkaitan kewajipan menunaikan puasa di bulan Ramadan ialah;

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yangdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa”.

(Surah al-Baqarah:183)

sujud di rumah-Mu mengharum awal malam
di mana salam musafir, rindu menyapa
kasih ar-Rahman
syahdu hayat mengaroma atar zaman.

Penyair menggambarkan ibadat solat di Majid pada awal malam Ramadan sangat bermakna. Ungkapan dalam puisi ini, “Sujud di rumah-Mu mengharum awal malam” yang bermaksud ibadat solat yang dilakukan dapat memeri keberkatan dan ketenangan pada awal Ramadan. Penyair yang menggelarkan dirinya sebagai musafir sama seperti umat Islam yang lain merupakan musafir di dunia ini mendapat limpahan kasih sayang dan keberkatan usia daripada Allah SWT.

KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN TENTANG KEBESARAN TUHAN

Puisi-puisi yang termuat dalam kumpulan puisi ‘Sewaktu Pesawat Runduk’ karya Arifin Arif kebanyakannya menampakkan stail yang menyatukan pemilihan diksi yang baik dengan pemikiran tentang kebesaran Tuhan. Kesepaduan diksi yang baik diambil daripada beberapa nama Tuhan (asma al-husna) tepat dalam konteks pemikiran penyair untuk memerihalkan kebesaran Tuhan dengan sifat al-jabbar, al-khafi, al-Malik, al-Mutakkabbir dan al-Quddus.

Al-Hakam adalah salah satu sifat Tuhan yang bererti menetapkan hukum-hukum bagi sekalian makhluknya. Dialah yang menyediakan dan menghukumkan atas makhluk-Nya. Kerana itu, dalam menyatakan kebesaran Tuhan yang berhak membuat hukum dan menghukum, penyair tidak mampu menyembunyi suatu apa pun kesalahan dan dosa dari perhitungan Tuhan. Tiada yang terlepas dari perhatian Tuhan dan semua indera menjadi saksi di hadapan Tuhan tatkala dibicarakan. Penyair menyebutkan kebesaran sifat al-Hakam Tuhan dan kelemahan dirinya yang tidak terelak dari perhitungan neraca Tuhan kelak;

Tiada terlepas

Dari mata kasih-Mu

Tiada terlepas

Mata yang tunduk hina

Menyembunyikan noda. (b.1-5)

Semua anggota pancaindera pula menjadi saksi di hadapan Tuhan tatkala perbicaraan dilakukan kelak dan waktu Tuhan berkuasa menghukum dengan keadilan-Nya atas setiap perbuatan yang dilakukan penyair;

Semua indera bersaksi

Di depan neraca

Keadilan ilahi (b.9-11)

Firman Allah bermaksud:

“Jika ada segolongan daripada kamu beriman kepada apa yang diutus untuk menyampaikannya dan ada(pula)segolongan yang tidak beriman, maka bersabarlah, hingga Allah menetapkan hukumnya di antara kita, dan dia adalah hakim yang sebaik-baiknya. (Al-A’raaf 7:87)

Dalam sajak al-Jabbar, penyair menunjukkan sifat kebesaran Tuhan yang berkuasa memaksa makhluk-Nya menurut kehendak-Nya. Dialah yang maha gagah menakluk setiap sesuatu. Penyair

menyedari kekuasaan Tuhan yang dengan iradat-Nya mampu menentukan sesuatu atas kehendak-Nya. Dengan iradah-Nya jugalah bermula cahaya Islam di gua Hira dan Dialah yang dengan sifat al-Jabbar menentukan kelam atau benderangnya hati manusia menerima hidayah atau menolak Islam. Penyair menyebutkan;

Iradah menakluk arah, sebutir pasir hayat

Tawduk sepanjang marhalah, tiada kuasa

Selain Ahad, dari percikan Hira, nur tumpat di gua

Inayat, jika kelam atau benderang, hanya

Kudrat-Nya menatap cahaya di ufuk bathin. (b.1-5)

Penyair dalam dua buah sajak ini memilih diksi-diksi yang bersifat Islami yang sesuai untuk menggambarkan kebesaran Tuhan itu sendiri. Abdul Halim Ali (2018) berpendapat pemilihan diksi yang bersifat Islami yang dikutip dari nama-nama al-Husna itu, sebenarnya dipilih dengan sedar oleh penyair, dengan ilmu keyakinannya bahawa diksi itulah yang paling tepat dan paling indah dan terbaik untuk menyampaikan pemikirannya tentang kebenaran Tuhan yang perlu disedari pembaca. Menyampaikan ilmu tentang kebenaran Tuhan itu sebahagian daripada tugas manusia mendakwahkan manusia lain tentang sifat-sifat Tuhan, asma al-Husna Tuhan, sebagaimana ustaz-ustaz dan ahli agama menyampaikan kuliah fardhu ain di masjid-masjid. Demikian juga dilakukan oleh penyair Arifin Arif menerusi sajak-sajaknya dalam kumpulan puisi ini.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Pada hari kiamat nanti, bumi ini bagaikan sebuah roti yang diperlakukan oleh Allah al-Jabbar (yang Maha kuasa sesuka-Nya) sebagaimana salah seorang di antara kamu yang memperlakukan rotinya ketika sedang dalam safar(perjalanan), sebagai hidangan bagi ahli syurga. (hadis riwayat Bukhari dari Sa’id Al-Khusriy)

Pemikiran Islamiah dalam dirinya disebut dengan jelas dan dapat difahami maksudnya jika pembaca menelusuri pernyataan penyair dalam catatan prakata buku ini sepertimana berikut;

Semoga puisi yang terhasil ini bermanfaat dalam menyemarakkan dakwah Islamiah, seterusnya memperkayakan lagi khazanah puisi berunsur Islam di Malaysia.

KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN TENTANG HAKIKAT CINTA

Terdapat gaya bahasa metafora yang digunakan oleh penyair bagi menyampaikan pemikirannya tentang kerinduan dan cintanya kepada bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Arifin menggunakan metafora dalam puisi “Bagai Berkurun Rinduku”(ms.10). Sajak-sajak lain yang ada persamaan dengan pemikiran ini ialah ‘Bayu Merimbun’, ‘Menyatu dalam Rindu’(ms.63) dan

‘Mihrab Kasih’(ms.64). Dalam sajak ‘Bagai Berkurun Rinduku’, penyair menyuarakan perasaannya melalui bait-bait sajak seperti berikut:

*Wah! Jauh telah **semerbak kesturimu***

Apalagi lekas kubukakan pintu

Biar nanti salam kasih kaubawa

*Benar-benar tumpat ke **rumah kalbuku** (b.1-4)*

Penyair menyuarakan rasa rindunya kepada sesuatu seperti dalam gaya bahasa kias bandingnya semerbak kesturi. Penyair menggambarkan haruman kesturi itu telah terhidu dari jauh, demikian betapa dalamnya cinta seorang penyair yang tak sabar-sabar lagi untuk bertemu. Rasa tidak sabar penyair itu digambarkan juga dengan bait puisi ‘**apalagi lekas kubukakan pintu,**’ yang menggambarkan rasa keghairahan penyair untuk bertemu dengan yang dirindunya. Kata ‘lekas’ merupakan bahasa tempatan Sabah yang bermaksud cepat/segera. Bayangkan jika seseorang yang mengalami kerinduan pasti terlalu cepat dibukakannya pintu itu. Pintu di sini membawa maksud kedatangan bulan Ramadan yang disambut dengan rasa girang dan gembira. Penyair juga mengharapkan agar rasa rindu itu sebatil dalam hatinya seperti yang digambarkan dalam gaya bahasa metafora ‘**rumah kalbuku**’. Para pembaca ternanti-nanti, siapakah dan apakah yang dirindui oleh penyair. Gaya bahasa metafora yang digunakan oleh penyair secara mendalam dalam rangkap pertama ini memberi kesan ingin tahu kepada pembaca terhadap kisah atau gambaran seterusnya. Ternyata penyair telah menjawabnya dalam baris akhir rangkap ke-2 seperti berikut:

Selamat datang

Mari kukucup tanganmu. Kau pun berkisah

Tentang kepak malaikat, nuzul yang rahmat

Atau malam bening nan berkat. Sungguh,

***Bagai berkurun rinduku** menunggu-nunggumu*

***Ramadanku** (b.5-10)*

Penyair mengalu-alukan kedatangan sesuatu yang diharapkan dengan penuh hormat melalui kias ‘selamat datang’ dan ‘mari kukucup tanganmu’. Lambang tangan di situ sebenarnya bukanlah manusia tetapi ialah Ramadan seperti dalam baris akhir rangkap ke-2 ini. Dalam kalendar Islam, setahun hanya sekali Ramadan hadir, namun penyair merasakan menunggu sebelas bulan itu terlalu lama seperti dalam gaya bahasa simile ‘**bagai berkurun rinduku**’ Secara tindak langsung pemilihan gaya bahasa itu dapat memberi penekanan kepada pembaca bahawa penyair mengalami kerinduan yang amat dahsyat dan tak sabar-sabar lagi menunggu kehadiran Ramadan.

Apatah lagi digambarkan dalam rangkap ke-2 tersebut tentang **nuzul yang rahmat** yang menggambarkan turun ayat suci al-Quran dalam bulan Ramadan.

“Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan yang padanya turun al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan(menjelaskan)perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan kettapan yang demikian itu)Allah mengkehendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Baqarah,2:185)

Perutusan tersebut jelas menyatakan bahawa limpahan rahmat dalam bulan Ramadan tidak terbanding nilainya. Dalam bulan Ramadan umat Islam digalakkan untuk membaca ayat suci al-Quran dan melipatgandakan lagi ibadah. Secara tidak langsung penyair telah berjaya mencetuskan pemikiran yang ada kaitannya dengan perutusan hakikat cinta melalui gambaran rasa dalam puisi tersebut. Rasa rindu yang teramat itu merupakan keghairahan penyair untuk bersama-sama dengan bulan Ramadan dan ingin merebut pahala berlipat ganda. Rasa rindu dan ingin mengabdikan diri kepada Allah itu merupakan rasa cinta penyair kepada maha pencipta yakni Allah SWT. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998), dalam diri pengarang, emosi tetap itu menjadi daya proses kreatif apabila emosi tetap itu dirangsang melalui pelbagai perkara seperti kenangan atau peristiwa semasa. Dalam hal ini pengkaji beranggapan kesan Ramadan kepada penyair terlalu mendalam dan kenangan beribadat semasa bulan Ramadan itu merupakan satu kenikmatan.

Manakala puisi ‘Mihrab Kasih’ (MS: 64) juga menyampaikan pemikiran yang sama, cuma pendekatannya ialah terhadap pengabdiannya di Raudhah dan Babussalam. Dalam rangkap pertama penyair menyebut;

Mihrab kasih kuhampiri

Tumbuh syahdu di kubah maknawi

rindu sebenarnya mengganggu lena

ketika dhamir mengucap selawat

itu syauq

kutunggu berabad

bertemu di Raudhah

menggilap hakikat

kasih terdampar di persada hayat

Gaya bahasa metafora yang digunakan oleh penyair selain untuk mengindahkan puisi tetapi penyair memberi penekanan kepada arah atau kiblat kasih untuk bertemu Raudhah. Jika ditelusuri tentang Raudhah adalah sebuah tempat yang berada di dalam Masjid Nabawi di Madinah. Ia berada di antara rumah yang kini menjadi makam Rasulullah SAW dengan mimbar yang beliau gunakan untuk berdakwah. Luasnya 330meter persegi. Disunahkan untuk memperbanyakkan ibadah di Raudhah. Misalnya, solat wajib dan solat sunat mahupun zikir dan iktikaf. Rasulullah SAW dalam hadith riwayat Bukhari dan Muslim bersabda:

Maksudnya: *Satu solat di masjid saya (Masjid Nabawi) ini lebih baik dari seribu solat di tempat lain, kecuali Masjidil Haram.*

Banyak jemaah umrah dan haji berebut untuk beribadat di Raudhah sebab ada keyakinan bahawa jika berdoa di raudhah yang disebut Rasulullah SAW sebagai taman syurga itu akan dikabulkan oleh Allah SWT.

Penyair seterusnya menyebut dalam rangkap ke-2 iaitu;

Dari Babussalam

kucium atar sirahmu

kasturi setia rela sahabat

merapati mihrab pengorbanan

Gaya bahasa metafora yang terdapat dalam baris ke-2 puisi tersebut iaitu 'kucium atar sirahmu' yang membawa maksud betapa pengabdian penyair terhadap wangian sirah nabi. Sirah dalam konteks kehidupan Rasulullah SAW bermaksud perincian perjalanan hidup baginda bermula darim kandungan ibunda sehingga kewafatan baginda. Al-Quran merupakan sandaran utama dalam memahami ciri-ciri umum mengenai kehidupan Rasulullah SAW. Justeru penyair telah memanfaatkan puisi ini untuk menyatakan rasa cintanya kepada Rasulullah SAW sehingga dalam pengucapan baris ke-4 iaitu 'merapati mihrab pengorbanan' yang menggambarkan tentang diri penyair yang ingin mendekati halatuju pengorbanan Rasulullah SAW dan ingin menjadikannya sebagai kiblat dalam kehidupan. Demikian rasa cinta seorang penyair terhadap Allah SWT yang ingin memelihara ibadatnya sehingga mengidolakan perjalanan kisah perjuangan nabi dan ingin mencontohi pengorbanan baginda Rasulullah SAW. Walaupun Arifin gemar menggunakan Bahasa Arab tetapi ianya bersesuaian dengan warna warni puisi bernafaskan Islami. Dalam tulisan Jasni Matlani (2008), T. Alias Taib (1996) pernah mengatakan gaya bahasa dan penggunaan bahasa Arab yang banyak dalam puisi Arifin Arif, menyebabkan tingkat komunikasi antara penyair dan pembaca menjadi rendah disebabkan aliran pemikiran yang terputus-putus, tersangkut-sangkut dan kadang-kadang terhenti langsung. Tetapi Jasni Matlani menyangkal pendapat itu dengan mengatakan bahawa tanggapan seperti itu bersifat statik kerana ianya bergandung dari segi peningkatan usia, pengalaman, pembacaan dan peningkatan ilmu pengetahuan.

KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN HUBUNGAN SESAMA MANUSIA

Rasa cinta penyair dalam menyuburkan lagi semangat ukhuwah dapat ditelusuri dalam puisi ‘Muharam’ (ms: 65) Muharam ialah bulan pertama dalam kalendar Islam iaitu sempena hijran Rasulullah SAW. Tetapi penyair mengambil pendekatan yang lain sempena Muharam ini iaitu untuk menyatakan rasa kasihnya terhadap semangat ukhuwah yakni perpaduan dalam kalangan saudara dan sahabat sesama agama. Ini jelas dalam pengucapan penyair;

Terimalah kecintaan ini

harga ukhuwah

dalam rimbun kasih

di kebun insaniah

Dalam baris ke-2 puisi ini ‘harga ukhuwah’, penyair ingin menyuarakan kepentingan persaudaraan dan persahabatan sesama manusia. Dari segi Istilah, menurut al-Quran: perasaan kasih sayang, tolong menolong, bantu membantu, bertolak ansur bermesra dan cinta mencintai di antara sesama umat Islam tanpa terkecuali. Allah berfirman:

“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara kedua saudaramu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat”. (Surah al-Hujurat :10)

Penyair mengabdikan diri dengan penuh harapan agar cintanya terhadap persaudaraan, persahabatan menjadi erat lagi. Perpaduan dalam persaudaraan sesama agama amat ditekankan oleh Islam dan penyair menyuarakan ini seperti dalam gaya metafora (baris 3 dan 4) seperti di atas iaitu ‘dalam rimbun kasih’ dan di ‘kebun insaniah’ yang memberikan maksud kasih sayang yang erat dan membuahakan rasa insaniah/kemanusiaan yang tinggi. Penyair juga menggambarkan makna persaudaraan ini dalam bait berikut;

Tekuni tanah diri, darah kita sewarna

Gamis akidah

Memaut pucuk padu

Penggunaan gaya bahasa metafora seperti ‘gamis akidah’ dan memaut pucuk padu’ dapat memberi pengertian bahawa akidah yang disaluti dengan pakaian atau keimanan dapat mengeratkan lagi persaudaraan atau silaturrahim. Penggunaan perkataan gamis yang dipinjam daripada bahasa Arab yang bermaksud jubah (jubah akidah) adalah tepat dan penyair menggambarkan pucuk padu itu adalah persaudaran yang erat. Justeru itu, penyair dapat menyampaikan pemikiran secara kreatif dan berseni melalui gaya metafora yang menyebabkan pembaca ada rasa ingin mendalami puisi ini. Penyair juga memberitahu kesan daripada ukhuwah ini seperti katanya;

Jasad gemilang mewangi taman rindu

Mengerdip dari tunjang batin

Menghijaukan padang Muharam.

Penyair menegaskan bahawa rasa persaudaraan yang erat itu dapat mewangikan rasa kasih sayang sesama dan dapat memberi kedamaian kepada Muharam iaitu bulan pertama dalam Takwim Hijrah di mana Rasulullah SAW berhijrah dari kota Mekah ke Madinah dengan rasa penuh keinsafan. Pada asasnya, Muharam membawa maksud diharamkan atau dipantang iaitu Allah SWT melarang melakukan peperangan atau pertumpahan darah. Namun demikian larangan ini ditamatkan setelah pembukaan Makkah (Al Baqarah:91) Sejak pemansuhan itu, umat Islam boleh melaksanakan tugas dan ibadat harian tanpa larangan berkenaan. Rasulullah SAW telah menamakan bulan Muharam sebagai bulan Allah (Shahrullah).

Berbeza dengan puisi 'Manusiawi'(MS:54) penyair rasa kesal terhadap sifat kemanusiaan yang semakin hilang dan membayangkan ianya telah terkubur. Penyair menyampaikannya dalam puisi tersebut seperti ktanya;

Manusiawi telah dikebumi

di makam peradaban

padang kering kebenaran

kaku ditalkinkan (baris 1-4)

Gaya bahasa metafora yang disampaikan sangat memadatkan makna selain menerbitkan keindahan dalam puisi ini. Walaupun puisi ini pendek tetapi ianya sarat dengan pemikiran, betapa nilai kemanusiaan telah terkubur. Rasa kesal ini sehingga penyair menzahirkan gaya bahasa 'padang kering kebenaran' yang membawa pengertian kebenaran tidak ada harga lagi di mata manusia. Tambahan lagi kebenaran itu telah ditalkinkan atau dengan lain perkataan telah dimatikan, sia-sia dan tak berguna lagi. Rahman Shaari (1987) berpendapat keindahan dalam sesebuah puisi terhasil dari keseimbangan isi dengan bentuk. Bahasa yang terlalu berbunga-bunga sedangkan isinya remeh-temeh tidak menghasilkan keindahan. Bahasa yang kering untuk isi yang penting tidak juga menghasilkan keindahan. Justeru itu, penyair Arifin Arif telah memanfaatkan gaya bahasa dalam puisi untuk menyampaikan pemikiran yang cukup bermakna.

Seterusnya penyair menyatakan permuafakatan tidak berhasil tanpa kesatuan hati dan meninggalkan kesan perpecahan seperti yang dilafazkannya dalam bait seterusnya;

Muafakat tak tumbuh

di bulatan kepuraan

suara memecah juang

bumbung merah

darah jua di tangan

Demikian rasa kekesalan penyair yang diutarakan melalui gaya bahasa metafora ‘muafakat tak tumbuh’ dan di ‘bulatan kepuraan’. Dalam teori Ibnu Khaldun yang dikenali sebagai teori kemakmuran sejagat beliau mengatakan antara faktor perpecahan umat Islam ketika itu kewujudan firqah-firqah yang rata-rata terkesan dengan ideologi Parsi dan Yunani. Lalu beliau muncul dengan idea dan gagasannya sebagai satu solusi untuk membina kembali ketamadunan Islam. Gagasan Ibnu Khaldun ini terbina di atas tiga asas perbincangan yang berkaitan antara satu sama lain, iaitu; sejarah, kerjasama masyarakat dan kemakmuran sejagat. Penjelasan tentang muafakat ini telah diutuskan oleh Allah SWT melalui al-Quran aurah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

“Wahai manusia! Sungguh, kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan, kemudian kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah orang-orang yang paling bertakwa. Sungguh Allah ialah maha mengetahui, maha teliti.”

Sehubungan itu, penyair telah dapat menyauarkan pemikirannya melalui gaya bahasa yang sarat dengan pemikiran Islami. Kesepaduan stail yakni melalui gaya bahasa dan pemikiran yang dicetuskan oleh penyair berkait dengan perutusan yang terdapat dalam al-Quran dan hadith selain pendapat tokoh-tokoh ulama.

RUMUSAN

Berdasarkan analisis terhadap puisi-puisi yang terhimpun dalam “Sewaktu Pesawat Runduk”, terdapat tiga inti pemikiran penyair yang ingin disampaikan kepada pembaca iaitu tentang kebesaran Allah, hakikat cinta dan hubungan sesama manusia. Dalam analisis tersebut mendapati kesepaduan Arifin gemar menggunakan unsur bahasa metafora, simile yang dapat menguatkan makna setiap bait puisi dan menyerapkan perutusan serta pemikiran penyair. Gaya bahasa metafora yang ditimbulkan dalam puisi ini dapat menonjolkan makna keperitan hidup, yakni seorang ibu yang dimaksudkannya dalam mengharungi kelangsungan hidup. Muhammad Haji Salleh (2014) berpendapat bahawa dalam pencarian makna, antara yang ditemui adalah beberapa keserupaan, kesamaan, pertindihan, dan keselarian di antara hal yang berlaku dalam alam dan pada diri manusia secara peribadi atau kelompok. Sehubungan itu, penyair juga menyuarakan makna berdasarkan pengalaman hidup yang ada persamaannya dengan sehingga dapat membuat kiasan dalam puisinya

Gaya bahasa metafora yang dibawa oleh penyair dapat menarik perhatian dan rasa ingin tahu pembaca. Pembaca dapat merasakan emosi penyair dengan menghadirkan diksi Islami yang tepat di samping unsur bahasa yang menggambarkan sesuatu peristiwa. Kekuatan penyair, Arifin Arif bukan hanya pada kreativitasnya sebagai penyair semata tetapi, penghayatan ilmu dan tugas beliau sebagai menteri yang menjaga Hal-Ehwal Islam di Sabah. Amalan ini membuktikan estetik kepenyairan Arifin kerana beliau bukan setakat menyuarakan pemikiran semata tetapi apa yang diucapkannya melalui puisi adalah realiti dilakukannya. Pegangan penyair seumpama ini boleh diikuti oleh pembaca kerana puisi-puisi Arifin Arif adalah adalah warna warni ilmu dan amalannya. Kekuatan Arifin dalam bahasa Arab dapat menghidupkan lagi puisi-puisi yang bernafas Islami kerana bahasanya banyak diselitkan dengan bahasa Arab namun ianya amat tepat dan bersesuaian tidak menjejaskan keindahan sesebuah puisi. Rahimah Abdul Hamid (2015) berpandangan sensitiviti dan kreativiti seseorang pengarang untuk berkarya ada kaitan langsung dengan psikologi-estetik di mana penyair atau pengarang mendapat ilham dari jiwa sebenar. Dalam erti kata lain pengalaman sebenar pengarang yang bersuara dalam bentuk karya sastera adalah lebih terasa kesannya kepada pembaca.

Di sinilah berlakunya teks sastera yang dapat mendidik pembaca melalui gaya pengucapan yang indah dan dapat menjelmakan makna pemikiran yang bersesuaian dengan perutusan kebenaran. Unsur bahasa yang bersepadu dengan makna yang indah akan memancarkan pemikiran dan perutusan yang berguna kepada pembaca.

RUJUKAN:

- Al-Quran dan Terjemahannya. (1428 H). Cetakan Kerajaan Arab Saudi
- Arifin Arif. (2014) Sewaktu Pesawat Runduk. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Abang Mohd Razif Abang Muis. (2015). Pembangunan Insan Berteraskan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Halim Ali. (2010) 'Konsep Estetika Bersepadu : Terapan dan analisis Terhadap karya puisi Ahmad kamal Abdullah'. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Abdul Halim Ali. (2018). Sorotan Perkembangan Genre Puisi Moden Di Sabah dan Analisis Ringkas Terhadap Sajak-Sajak Terpilih Lima Penyair. Jurnal
- Arbak Othman (2012). Sufisme Dalam Puisi Ariffin Arif. Mahrajan Sastera Islam Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Asmiaty Amat (2000). Api Laut Merah: lambang Keteguhan Seorang Penulis. Wadah, DBP Sabah.

- Braginsky, I.V. (1994) *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haron Din. (1997). *Manusia Dan Islam*. Jilid Satu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Jasni Matlani (2008). *Api Laut Merah: Citra Puisi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jasni Matlani (1995). *Kiswah Rindu dan Rindu Illahi: Pengukuhan Puisi Berunsur Islam di Sabah*. *Nadwah Sastera Islam*. Kota Kinabalu, Sabah
- Jawiah Dakir. (2019). *Nabi Muhammad SAW dalam Konteks Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kasmizun Enuni Mohd Sarji & Kamariah binti Kamarudin. (2017). *Nilai Islam dalam Teks Misa Melayu*. Rumpun Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu. Perak: Persatuan Penulis Budiman Malaysia
- Mana Sikana (2013), *Berdiri di Akar Diri*: Penerbit Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)
- Mohd Affandi Hassan. (1996). *Pendidikan Estetika Daripada Pendidikan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh. (2016). *Ghairah Dunia Dalam Empat Baris*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. (2015) *Pemikiran Islam Dalam ‘Ayn Karya Kemala*. *Jurnal Melayu Bil 14(2)*
- Rahimah A. Hamid. (2017). *Proses Kreatif: Sensitiviti Dan Kreativiti Pengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahman Shaari. (1987). *Persediaan Menulis Sajak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Shafie Abu Bakar,1992. “Sastera Islam: Teori Pengindahan Mengemukakan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid”. Kertas Kerja dalam seminar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, di Port Dickson,29 hingga 31 Oktober.

Shaik Abdullah Hassan Mydin. (2015). *Manusia daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sidek Baba. (2015). *Fikrah Kesatuan Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sohaimi Abdul Aziz. (1998).*Rasa Fenomenologi: Penerapan Karya A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**HAIWAN PETANDA SEBAGAI PEMBAWA PESAN ALAM: PENELITIAN
TERHADAP UNSUR KEARIFAN LOKAL MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH
RANAU, SABAH**

***OMEN ANIMALS AS BEARERS OF NATURAL MESSAGES: RESEARCH ON
ELEMENTS OF LOCAL WISDOM OF THE DUSUN COMMUNITY IN RANAU
DISTRICT, SABAH***

Minah Sintian

minahsintian@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,


Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

PENGENALAN

Masyarakat Dusun mendiami hampir keseluruhan bahagian Pantai Barat Selatan, Pantai Barat Utara dan Pedalaman negeri Sabah. Masyarakat Dusun terdiri daripada pelbagai suku seperti Bundu, Liwan, Tindal, Rungus, Mangkaak, Dumpas, Talantang, Tangara, Tinagas, Kimaragang, Dusun Lotud, Tobilung, dan sebagainya (Raymond Boin Tombung, 1991; Dayu Sansalu, 2008; Pugh-Kitingan, 2016). Pada ketika itu, pengenalan suku etnik Dusun adalah lebih cenderung dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku di petempatan mereka ataupun nama suku disesuaikan dengan objek yang terdapat di situ (Dayu Sansalu, 2008; Pugh-Kitingan, 2016; Minah Sintian, 2017). Suku-suku Dusun yang tinggal di daerah Ranau kebanyakannya terdiri daripada suku Liwan, Bundu, Talantang, Tindal, Tinagas, Sogolitan, Sungai, Lobu dan Tagahas. Pengenalan akan kepelbagaian nama suku adalah berdasarkan peristiwa yang berlaku di tempat tersebut selain daripada objek sedia ada di kawasan itu. Objek alam sekitar misalnya nama sungai, nama pokok, nama buah dan ciri-ciri landskap setempat menjadi pengukuhan kepada nama suatu suku. Contohnya, suku Bundu di Kampung Bundu Tuhan, Ranau menamakan diri mereka sebagai orang Bundu Tuhan sempena nama buah '*bundu*' (buah belunu/binjai) yang *notuhan* (runtuh). Suku Talantang pula dinamai berdasarkan sejenis pokok Talantang (Elsie Meijie, 2014) sementara suku Tinagas pula mengidentifikasikan diri mereka bersumberkan *nagas* yang bermaksud kawasan batu yang luas di muara sungai Sugut (sukukaumdusuntinagas, 2019).

Daerah Ranau yang terletak di bahagian Pantai Barat Utara mempunyai keluasan 3 622 km persegi dengan jumlah penduduk sebanyak 86 084 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Daripada jumlah tersebut, populasi etnik Kadazan atau Dusun adalah seramai 62 430 atau 75.52%. Kebanyakan masyarakat Dusun di daerah Ranau mengamalkan aktiviti pertanian khususnya penanaman padi bukit dan padi sawah. Kawasan tanah tinggi dan mempunyai suhu yang agak sejuk seperti Kundasang, Bundu Tuhan, Kinasaraban, Himbaan dan beberapa kampung yang lain pula dijadikan tempat penanaman sayur-sayuran tanah tinggi berbentuk komersial. Walau bagaimanapun Minah Sintian (2018), menjelaskan bahawa kawasan tersebut khususnya Kg. Bundu Tuhan masih mengamalkan kegiatan penanaman padi bukit, jagung, ubi, bayam, timun, pisang dan sebagainya di samping tanaman sayur-sayuran tanah tinggi untuk tujuan sara hidup.

Peta 1: Kedudukan daerah Ranau di negeri Sabah



(Sumber: Pejabat Daerah Ranau, t.t.)

Sara hidup masyarakat Dusun tradisional adalah bersumberkan pertanian, mengumpul sumber dari hutan dan menangkap ikan di sungai. Rutter (1985: 86-96), mengenali masyarakat Dusun sebagai masyarakat petani kerana tinggal di kawasan perbukitan dan mengamalkan kegiatan pertanian. Orang Dusun cenderung menjalankan kegiatan penanaman padi bukit dan sawah, ubi, pokok buah-buahan, tembakau, lada hitam dan kapas. Pada era ini, masyarakat Dusun masih mengamalkan kegiatan pertanian seperti pernyataan Pugh-Kitingan (2016:44). Dikatakan bahawa masyarakat Dusun masih aktif dalam penanaman padi bukit dan sawah, buah-buahan dan tanaman komersial lain. Sebelum masyarakat Dusun mengenali agama monotheisme seperti Kristian dan Islam, mereka mengolah tanah pertanian mengikut amalan dan kepercayaan tradisional. Banyak pantang larang terutama yang membawa kepada *kakadaaton* atau *kadaaton* (sesuatu perkara yang mendatangkan kecelakaan) dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan.

Lingkar persekitaran petempatan masyarakat Dusun amat kuat dalam mempengaruhi pandangan dunia mereka tentang alam semesta (Minah, S. *et al.*, 2019). Himpunan pengalaman mereka yang sentiasa beradaptasi dengan alam sekitar seperti hutan rimba, bukit-bukau, pokok-pokok besar, busut, sungai, anak sungai, mata air, binatang, serangga dan sebagainya telah menyemai dan menumbuhkan pola fikir tentang alam sekitar. Masyarakat Dusun mempercayai dan meyakini bahawa alam semesta ini bukan dihuni oleh makhluk kelihatan semata-mata bahkan terdapat makhluk tidak kelihatan turut serta mendiaminya. Pemikiran tersebut banyak terungkap dalam ilmu *rinait* (secara harfiah ditafsirkan seperti mantra tetapi dalam masyarakat Dusun, etimologi *rinait* melangkaui maksud mantra) yang menjurus kepada alam metafizik. Raymond Majumah (2015), meyakini bahawa *rinait* itu dipercayai sebagai pemberian *Kinorohingan* (sang pencipta masyarakat Dusun) kepada manusia.

Alam sekitar bukan sahaja dijadikan sebagai pedoman dan panduan pengidentifikasian nama suku dan nama tempat tinggal, bahkan alam sekitar juga dijadikan sebagai sumber pengetahuan dalam membangunkan norma dan peraturan adat masyarakat Dusun. Misalnya mereka dapat mengenal pasti jenis dan perlakuan haiwan yang boleh dijadikan sebagai haiwan

petanda sesuatu bencana. Perlakuan haiwan petanda akan ditakrifkan oleh para *bobolian* (pakar pawang) dan hasilnya akan dijadikan sebagai nilai, norma dan peraturan adat dalam masyarakat tersebut. Kebijaksanaan para *bobolian* dalam mengenal pasti haiwan petanda suatu kecelakaan melalui perlakuan haiwan tertentu serta kesannya terhadap kehidupan manusia merupakan kearifan lokal masyarakat Dusun yang sangat signifikan pada zaman itu. Melalui petanda-petanda tersebut, masyarakat Dusun akan menghentikan aktiviti yang dipercayai boleh mendatangkan kecelakaan. Inti pati daripada perlakuan haiwan petanda itu juga masih dilihat kesignifikannya dalam kehidupan sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat Dusun pada masa itu dan kini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Haiwan Petanda, *Kakadaaton* dan Kearifan Lokal

Haiwan petanda atau *omen animals/augury animals* dalam bahasa Inggeris merupakan haiwan yang dianggap oleh masyarakat setempat sebagai haiwan yang dapat meramal akan berlakunya sesuatu yang baik atau buruk. Dalam konteks makalah ini, perlakuan haiwan petanda lebih difokuskan kepada ramalan yang tidak baik seperti mendatangkan bencana, kecelakaan, kematian, kebakaran dan sebagainya. Perkara buruk itu boleh berlaku terhadap manusia, tanaman, rumah, dan sebagainya. Perlakuan unik daripada haiwan petanda itu dapat dikenali melalui bunyi yang dikeluarkan dan posisinya semasa ditemui. Dalam masyarakat Dusun, haiwan petanda ini dikenali sebagai haiwan yang membawa kepada istilah *kakadaaton*, iaitu haiwan yang akan mendatangkan kecelakaan sekiranya manusia tidak mengendahkan tanda-tanda perlakuan haiwan petanda tersebut. Perkataan *kakadaaton* berasal dari kata dasar *daat* yang bermaksud bencana atau *omen* dalam bahasa Inggeris. Menurut *Grolier Encyclopedia of Knowledge* (1998:91), *omen* merupakan kepercayaan tradisional sebagai peramal kepada perkara baik atau buruk yang akan terjadi pada masa akan datang. Antara haiwan petanda dalam masyarakat Dusun ialah *lontugi* (gonggok berwarna kehitaman dan panjang, *millepede*), *gonsuri* (tikus curut), *guntomou* (ular lidi berwarna kehijauan), belalang, *nahagan* atau *lokiu* (spesies burung belatuk), *puok* (burung hantu), *paus* (kijang), *longkug* (spesies burung helang) dan *pungit* (kelawar).

Kepercayaan terhadap haiwan petanda ini terdapat di kebanyakan negara di dunia sekalipun di negara Barat. Mereka mempercayai bunyi burung *ravens* dan *owls* serta lolongan anjing membawa nasib sama ada baik ataupun kurang baik. Perlakuan burung yang dianggap suci (*sacred birds*) seperti sedang berterbangan dipercayai sebagai petanda langsung daripada Tuhan (Zubaidah Ibrahim, 2003). Chris (2021), turut mendedahkan kepercayaan orang Barat tentang haiwan petanda dalam artikelnya berjudul *animal auguries and evangelization in sixteenth-century New Spain*. Pada abad ke-16, para biarawan dan orang Kristian Nahuas di Sepanyol Baru mempercayai bahawa kemunculan sejenis burung dengan bintik berbentuk cermin di kepala merupakan petanda akan kehancuran empayar Aztec. Melalui pemerhatian Frank Swettenham selaku residen Perak, orang Melayu juga mempercayai tanda-tanda yang dibuat oleh haiwan petanda (Zubaidah Ibrahim, 2003). Misalnya burung hantu yang terbang pada waktu senja membawa suatu yang tidak baik, iaitu petanda ada orang akan meninggal dunia.

Keupayaan masyarakat mengenali haiwan petanda dan perlakuan haiwan tersebut merupakan kearifan lokal yang diperoleh melalui pengalaman dan pemerhatian terhadap persekitaran setiap masa. Menurut Flavier (1995) dan Respati & Pindo (2009), kearifan lokal merupakan pengetahuan unik berkaitan dengan budaya suatu komuniti yang dipelajari melalui pengalaman interaksi terhadap suatu peristiwa atau situasi tersebut berlaku. Justeru, sistem nilai, norma dan peraturan adat yang dipegang oleh suatu masyarakat merupakan transformasi daripada kearifan lokal dalam mentafsir perlakuan haiwan petanda.

PERNYATAAN MASALAH

Kewujudan masyarakat beragama, berpendidikan, perkembangan sains dan teknologi, peralihan tempat tinggal, pekerjaan dan beberapa faktor lain telah menyebabkan masyarakat Dusun

beransur-ansur meninggalkan amalan dan kepercayaan tradisional terhadap haiwan petanda dan *kakadaaton* ini. Masyarakat Dusun telah meninggalkan kepercayaan lama secara beransur-ansur apabila mereka menganut agama Kristian ataupun Islam (Suraya Sintang, 2007). Sistem pendidikan sekular juga telah mengubah landskap pemikiran masyarakat Dusun terhadap amalan dan kepercayaan tradisional. Bagi mereka, perlakuan daripada haiwan petanda sudah tidak relevan dan sesuai dipraktikkan dalam kehidupan seharian kerana menghalang kemajuan sosioekonomi dan sosiobudaya. Kepercayaan tradisional masyarakat Dusun itu bukan sahaja tidak diamalkan, tidak dipercayai dan tidak diketahui oleh generasi X, Y, Z dan Alpha bahkan sesetengah generasi *baby Boomers* juga mempunyai pemikiran dan pendapat sedemikian. Kajian Minah Sintian *et. al* (2019), berhubung dengan sikap informan terhadap kepercayaan dan ritual tradisional dalam aktiviti pertanian mendapati bahawa daripada 20 orang informan berusia antara 32 hingga 84 tahun, hanya 2 orang sahaja yang masih berpegang kepada kepercayaan dan ritual tradisional serta mengamalkannya. Semasa kajian tersebut dijalankan, kedua-dua orang informan itu masih menganut kepercayaan animisme meskipun anak-anak mereka telahpun menganuti agama Kristian. Kelompok informan seramai 10 orang (50%) yang menyatakan sikap ketidakpercayaan terhadap kepercayaan dan ritual tradisional adalah atas alasan bertentangan dengan ajaran agama Kristian yang mereka anuti.

Hal yang dibincangkan di atas memberikan pelbagai tanggapan sama ada dari sisi pro mahupun sisi kontra. Permasalahan jangka masa panjang ialah kearifan lokal yang pernah menjadi kekuatan dan kebanggaan masyarakat pada suatu ketika dahulu tidak akan diketahui lagi oleh generasi X, Y, Z, Apha dan seterusnya. Pengabaian kearifan lokal merupakan suatu kerugian besar sebagai identifikasi budaya yang membina jati diri suatu masyarakat khususnya etnik Dusun.

OBJEKTIF

Objektif makalah ini adalah:

1. Mengenal pasti jenis, bentuk perlakuan dan tempat kebiasaan haiwan petanda ditemui.
2. Menjelaskan maksud perlakuan haiwan petanda dan tindakan serta-merta yang akan dilakukan oleh masyarakat Dusun.
3. Menganalisis persepsi penduduk tempatan terhadap kepercayaan *kakadaaton* dalam kehidupan masyarakat Dusun.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif menurut perspektif kualitatif. Kajian lapangan dan kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat. Data utama diperoleh melalui teknik temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Dalam temu bual, penyelidik mengemukakan beberapa soalan yang telah siap dibina namun penyelidik bebas menjelajah jawapan informan dengan lebih mendalam melalui pertanyaan galakan minimum. Pemerhatian pula melibatkan tindakan memerhati geografi lokasi, peristiwa bukan verbal dan perlakuan informan. Pemerhatian merupakan salah satu cara mendapatkan maklumat dalam memahami peristiwa yang berlaku di sekeliling secara sedar atau tidak sedar (Chua, 2006).

Temu bual dijalankan dalam bentuk berpasangan dengan tujuan informan dapat saling bantu-membantu mengingatkan dan membetulkan maklumat berkaitan objektif kajian. Sampel kajian terdiri daripada dua orang informan yang dipilih secara persampelan bertujuan. Kriteria yang ada pada kedua-dua informan tersebut memenuhi tujuan dan kehendak kajian. Justifikasi pemilihan informan ini adalah kerana informan terdiri daripada penduduk asal, memahami dan mengamalkan budaya setempat, mengamalkan kepercayaan tradisional, tidak menganut agama

monotheism sehinggalah berusia 50 tahun, petani sepenuh masa sejak usia relatif muda, penduduk kampung berusia 72 tahun ke atas dan tidak menerima pendidikan formal.

Temu bual dirakam menggunakan telefon bimbit dengan keizinan informan. Gambar statik informan dan persekitaran lokasi kajian juga diambil menggunakan telefon bimbit. Hasil rakaman didengar dan ditulis dalam bentuk teks verbatim bagi mengelakkan kecaciran data penting. Data yang diperoleh telah dianalisis dan diinterpretasi sesuai dengan objektif kajian. Data-data tersebut diwakilkan ke dalam bentuk jadual, diberikan tema semasa proses pengekodan dan seterusnya dibincangkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 merupakan hasil dapatan temu bual antara pengkaji dengan informan berhubung objektif pertama dan kedua. Tema dilihat berdasarkan jenis, bentuk perlakuan (ciri), tempat kebiasaan haiwan petanda ditemui (tempat), maksud perlakuan (maksud), dan tindakan penduduk kampung (tindakan).

Jadual 1: Jenis, bentuk perlakuan, tempat kebiasaan dan maksud perlakuan haiwan petanda yang membawa *kakadaaton* serta tindakan serta-merta yang dilakukan oleh masyarakat Dusun

Informan	Jawapan	Tema
1	<p><i>Nung mindahu toko, kokito nopo lontugi id tindalanon, om roitan no kadaat. Poingkuro nopo kowoyo-woyoon pamanau di lontugi nga kadaat no. Koubasanan nopo nga dumarapas do dalan, Kalalasu totonomon i lontugi. Lumonot toi rumugus. Mongilag ngai di tongogiuk.</i></p> <p>Sekiranya ternampak gonggok semasa perjalanan ke kebun, itu tanda tidak baik. Apa sahaja cara gonggok itu berjalan tetap tidak baik. Biasanya menyeberang jalan (jalan raya datau denai). Bikin panas tanaman itu gonggok. Kering atau membusuk. Mengelak semua dari ulat.</p>	<p>Jenis haiwan petanda - gonggok</p> <p>Ciri -menyeberang jalan</p> <p>Tempat - jalan raya atau denai (perjalanan ke kebun)</p> <p>Maksud - tanaman kering -tanaman membusuk - tanaman dimakan ulat</p>
2	<p><i>Kokito gonsuri om guntomou dumarapas ralan toi korongou tuni gonsuri “sirisit-sirisit” nga kakadaaton ii, Asal nopo dumarapas. Tuni gonsuri monorisit om lohok paus nopo nga kakadaaton di apagon tomod sokiro mongoi panganu suduon tu’ kosorob do walai. Sokiro nopo nokorikot no yolo hiri id dumoon om masaan kumaraja miagal do morobuat, om sigog ii korongou tuni tombolog nahagan, tombolog longkug, toi tuni paus nga mositi do mundorong kumaraja. Nung sumunsung yolo di kadaaton, otumbayaan yolo do rumiou i totonomon diolo. Suai ko totonomon, haro nogi kotumbayaan do tumanus ii kohoro-horoon toi ko haro apatai di tulun koupuson diolo.</i></p> <p>Nampak tikus curut dan ular lidi menyeberang denai atau terdengar bunyi tikus curut “sirisit-sirisit” juga <i>kakadaaton</i>, Asal menyeberang. Bunyi tikus curut berdecit dan lenguhan kijang adalah <i>kakadaaton</i> yang</p>	<p>Jenis haiwan petanda - tikus curut - ular lidi - kijang - burung belatuk</p> <p>Ciri -menyeberang jalan - bunyi haiwan</p> <p>Tempat - jalan raya atau denai (perjalanan ke kebun) - kawasan hutan - di kebun</p> <p>Maksud - petanda buruk - tanaman kering -tanaman membusuk</p>

	<p>paling besar kalau mengambil kayu api kerana boleh membakar rumah. Sekiranya sudah sampai di kebun dan sedang buat kerja seperti merumput dan tiba-tiba terdengar bunyi burung belatuk, longkug (spesies belatuk) atau bunyi kijang mesti berhenti kerja. Kalau terus juga kerja, mereka percaya tanaman akan kering. Selain tanaman, mereka juga percaya harta benda boleh hilang atau ada ahli keluarga yang mereka sayangi meninggal dunia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - tanaman dimakan ulat - harta benda hilang - ahli keluarga meninggal <p>Tindakan</p> <ul style="list-style-type: none"> - berhenti kerja serta-merta sekiranya sedang bekerja di kebun
1	<p><i>Yodi nogi soira ii tulun do takad (tulun Ranau) mongoi posondot do sigup om losun hilo'd Tamparuli, Tuaran, om Sosondoton Inanam, nung koruba' kadaaton, amu no yolo tumilombus mamananau. Mundorong om modop do hiri'd tanga dalam ontok sodop dii toi ko' pogulian nung amu no osodu ii kinaantakan. Modosi kaka kosunsung di tangaraat miagal do katahub, ongotipuan do gakod om suusuai po.</i></p> <p>Begitu juga orang Ranau yang mahu jual hasil tanaman seperti tembakau dan bawang di Tamparuli, Tuaran dan Sosondoton Inanam kalau berjumpa haiwan petanda, mereka tidak akan teruskan perjalanan. Berhenti dan tidur semalaman di situ atau balik ke rumah sekiranya tidak jauh. Ditakuti mengalami hal buruk seperti tersandung, patah kaki dan lain-lain.</p>	<p>Tempat</p> <ul style="list-style-type: none"> - balan raya atau denai (perjalanan menjual hasil tanaman) - kawasan hutan <p>Maksud</p> <ul style="list-style-type: none"> - petanda buruk - kecederaan fizikal (patah kaki) <p>Tindakan</p> <ul style="list-style-type: none"> - berhenti - bermalam di situ - balik rumah
2	<p><i>Kokito pungit sontulud-tulud pitangaadau, kokito bosing dumarapas ralan, posis, tompu, toni, kokito tulanut guntomou id ralan om korongou tuni godu mingongir pitangaadau. Adadi tayam toi songongi diti sabaagi tadon kadaaton nung haro no kouyuuyuo dii okon ko' nubasanan do tokito toi torongou.</i></p> <p>Ternampak kelawar berterbangan di tengah hari, ternampak tupai menyeberang jalan, <i>posis, tompu, toni</i>, (semua spesies musang), ternampak ular lidi di jalan dan terdengar bunyi belalang mencicit di tengah hari. Haiwan atau serangga ini menjadi sumber <i>kakadaaton</i> kalau perlakuan itu bukan biasa dilihat atau didengar.</p>	<p>Jenis haiwan petanda</p> <ul style="list-style-type: none"> - kelawar - tupai - <i>posis, tompu, toni</i> (spesies musang) - ular lidi - belalang <p>Ciri</p> <ul style="list-style-type: none"> - berterbangan di tengah hari -berada di jalan - berbunyi di tengah hari <p>Tempat</p> <ul style="list-style-type: none"> - jalan raya atau denai (perjalanan ke kebun) - kawasan hutan <p>Maksud</p> <ul style="list-style-type: none"> - petanda buruk

1	<p><i>Ogumu kadaaton loolobi po id kopuruan di apatut tomod do pantangon. Nung kokito pungit sontulud-tulud pitangaadau daamot mongoi kobu toi mokikayu nga mositi no mundorong om tumingkod. Yodi nogi soira mongoi panaan do kayu di naanu mantad, tu amu obuli sumunsung di kakadaaton. Apangkal kopio o kadaaton miagal diti tu mangan pomonsoi walai.</i></p> <p><i>Nung haro tulun sumunsung dii, otumbayaan yolo do kaanu kinaantakan i mongingion id suang walai di amu ongosogit-sogit. Kinaantakan nopo di lobi apangkal nga asaraban do walai di winonsoi momoguno kakamot dii naanu tontok haro kakadaaton.</i></p> <p>Banyak <i>kadaaton</i> terutama di hutan dan patut dipatuhi. Kalau ternampak kelawar berterbangan waktu tengah hari sewaktu mengambil daun lerek atau kayu, mesti berhenti. Begitu juga kalau pergi mengangkat kayu yang sedia ada. Tidak boleh melanggar <i>kakadaaton</i>. <i>Kadaaton</i> macam ini sangat bahaya kerana digunakan untuk bikin rumah. Kalau orang mahu langgar juga, mereka percaya terjadi suatu yang kurang baik kepada orang yang tinggal di rumah itu. Kejadian yang sangat buruk ialah rumah yang dibuat menggunakan bahan yang diambil sewaktu ada <i>kakadaaton</i> akan terbakar.</p>	<p>Jenis haiwan petanda - kelawar</p> <p>Ciri - berterbangan di tengah hari</p> <p>Tempat - kawasan hutan</p> <p>Maksud - rumah terbakar</p> <p>Tindakan - berhenti</p>
2	<p><i>Tuni nopo tombolog longkug di miagal do mamangkis “kiihoi, kiihoi” kaa nga panakatanda do haro tulun minidu pogun. Tuni nopo diri nga kaagal-agal kaka do osianan di tulun minidu pogun. Haro nogi tuni longkug di “koog, koog” kaa. Tuni miagal diri panakatanda do oupus toi orubatan kaka di tulun minidu pogun. Nung korongou kawagu yolo tuni dau miagal do mongukut “kuut, kuut” kaa nga panakatanda do au no alaid haro mongukut (mongukad) do lobong. Kalalasu kaka nung miagal diti. Sokiro mogitanud-tanud i tulun mongoi pokikobu, hombo-hombo i nokokito lontugi toi gonsuri id tindalanon, amu tagal momisunud do tulun suai. Komoyon nopo ti nga mongoi do amu korundun ii wokon do kadaat. Mundorong po ii nokokito om soira do osodusodu no kapanahon di tongokoombolutan, mamananu nogi pogulian.</i></p> <p>Bunyi burung belatuk seakan-akan melaung “kiihoi, kiihoi” adalah menandakan ada orang meninggal dunia. Ada juga bunyi burung belatuk “koog, koog”. Bunyi begini menandakan simpati dan sayang akan orang yang meninggal dunia. Kalau terdengar lagi bunyi seperti menggaru “kuut, kuut”, itu tandanya tidak lama lagi ada orang menggali kuburan. Hal ini suatu yang panas. Kalau beramai-ramai pergi mengambil daun lerek, sesiapa yang ternampak gonggok atau tikus curut dalam perjalanan, tidak perlu beritahu orang lain. Maksudnya supaya orang lain tidak turut sama kadaat. Itu orang berhenti dahulu</p>	<p>Jenis haiwan petanda - burung belatuk - gonggok - tikus curut</p> <p>Ciri - berbunyi “kiihoi, kiihoi” dan “koog, koog”</p> <p>Tempat - jalan raya atau denai (perjalanan ke kebun) - Kawasan hutan</p> <p>Maksud - ada orang meninggal dunia - akan ada yang menggali kuburan</p> <p>Tindakan - jangan memberitahu orang lain apa yang seseorang itu lihat - berhenti dahulu dan baharu balik rumah</p>

	dan bila kawan-kawan sudah agak jauh, baharulah dia balik.	
1	<p><i>Nung tomodon diolo do au mingkorongou-rongou di tuni tayam miagal ko lohok do paus om daamot diri haro tulun suai do korongou, adadi iri do iso kasalaan sabap au mamantang di tulun suai. Momori (momopol) nogi i tulun do suai diri miagal do: "Kumaus kou ii bo do au sumuni ilo parai (nunu-nunu totonomon) dikoyu. "Mongoi do au korundun i karaja dii pokimamahaon, milo nogi yolo do amu mingkorongou-rongou do tuni tayam miagal do lohok do paus. Sundung do tiodi nga mositi do momoirian kasari yolo mongoi do amu oontok do tumpadan. Nung koruba yolo do gonsuri id tindalanon, porianan diolo i gonsuri miagal do:</i></p> <p style="text-align: center;"><i>ii kakadaat i taraat</i> <i>ii kokodonsoyon o taransoi</i> <i>ii dapu mongingkotos</i> <i>ii gonsuri , i puok</i> <i>paparasak do pongindapu</i> <i>poponiba topud-opud.</i></p> <p>Kalau mereka sengaja tidak mahu dengar bunyi haiwan seperti lenguhan kijang dan masa itu ada orang lain turut terdengar, itu akan menjadi satu kesalahan sebab tidak menghormati orang lain. Orang lain akan menyumpah seperti, "Kamu merajuk juga kalau padi (apa-apa tanaman) kamu tidak tumbuh." Kalau kerja yang betul-betul mahu disiapkan tidak terlibat (dalam <i>kakadaaton</i>), mereka boleh pura-pura tidak mahu dengar bunyi haiwan seperti lenguhan kijang. Namun perlu cakap sesuatu supaya tidak terkena kutukan. Kalau terjumpa tikus curut di tengah jalan, mereka akan cakap sesuatu kepada tikus curut macam:</p> <p>Pembawa celaka yang jahat Pembawa bencana yang jahat Penghasilan harta Tikus curut, burung hantu Meringankan penghasilan Memendekkan umur</p>	<p>Jenis haiwan petanda - kijang Ciri - bunyi lenguhan Tindakan - Momoirian (mengungkapkan kata-kata)</p>

Berdasarkan jadual 1, jenis haiwan petanda yang sering menjadi *kakadaaton* dalam masyarakat Dusun ialah gonggok, tikus curut, ular lidi, burung belatuk, kelawar, tupai, beberapa spesies musang dan belalang. Haiwan-haiwan ini akan menjadi punca *kakadaaton* sekiranya dilihat atau didengar dalam keadaan di luar daripada kebiasaan. Walau bagaimanapun, gonggok, tikus curut dan ular lidi yang menyeberang jalan atau denai tetap dianggap *kadaaton* sekiranya ditemui semasa perjalanan ke kebun atau menjual hasil tanaman. Evans (2007), turut menegaskan bahawa gonggok dan ular tetap mendatangkan *kadaaton* walau dalam apa-apa sahaja arah mereka pergi. Tahap bahaya perlakuan setiap haiwan petanda itu juga adalah berbeza. Pelanggaran masyarakat Dusun terhadap tanda-tanda yang ditunjukkan oleh gonggok, tikus curut dan ular lidi boleh menyebabkan tanaman kering, membusuk dan dimakan ulat.

Bunyi-bunyian aneh dan jarang didengari daripada haiwan petanda adalah antara perkara yang sangat ditakuti oleh masyarakat Dusun. Bunyi decitan tikus curut, lenguhan kijang dan pelbagai laungan burung belatuk membawa petanda yang sangat buruk. Bunyian haiwan petanda itu memperingatkan seseorang untuk tidak meneruskan niatnya dalam mengerjakan sesuatu seperti mengambil kayu api di hutan kerana boleh menyebabkan kebakaran rumah. Penampakan kelawar terbang di waktu siang, iaitu suatu yang bertentangan dengan tabiinya sebagai haiwan nokturnal juga adalah suatu petanda yang sangat buruk. Perlakuannya membawa petanda rumah akan terbakar sekiranya seseorang sedang dalam perjalanan mengambil daun lerek atau kayu untuk tujuan membina rumah.

Bunyian spesies burung belatuk yang dikenali sebagai *longkug* membawa petanda tentang kematian. Bunyi laungan “kiihoi, kiihoi” bermaksud ada orang yang akan meninggal dunia sementara laungan “koog, koog” bererti burung itu menunjukkan rasa simpati dan sayang akan orang yang bakal meninggal dunia. Bunyi laungan “kuut, kuut” pula bermaksud ada orang yang akan menggali kuburan tidak lama lagi. Masyarakat Iban di Sarawak juga mempercayai bahawa terdapat burung-burung atau berburung tertentu yang membawa petanda baik ataupun buruk dalam kehidupan masyarakat itu. Beburung itu dijadikan panduan dalam mengerjakan sesuatu aktiviti seperti bercucuk tanam, berhuma, berburu dan lain-lain lagi (Tony Mulok, & Chemaline Osup, 2021). Walau bagaimanapun, makalah tersebut tidak menyatakan jenis burung yang membawa petanda tentang kematian seseorang.

Berdasarkan data dalam jadual 1, penampakan dan bunyian haiwan petanda tersebut tidak memberi alternatif lain kepada masyarakat Dusun dalam mengambil tindakan pencegahan *kadaaton*. Mereka akur untuk berhenti serta-merta berbanding meneruskan kegiatan berkebun, mengambil hasil hutan dan menjual hasil tanaman. Masyarakat Dusun sangat percaya akan konsep *kakadaaton* dalam kehidupan mereka. *Kadaaton* dianggap mempunyai nilai-nilai suci yang menjadi inti kepercayaan masyarakat Dusun yang tebal dalam budaya kolektif. Emile Durkheim amat menyakini bahawa nilai yang dibentuk berdasarkan permuafakatan suatu komuniti itu lebih bersifat suci kerana dapat memelihara keamatan dan kesatuan sosial serta membangunkan perjalanan dinamik sesuatu masyarakat berbanding dengan nilai yang dibentuk

secara individual (Mudji Sutrisno, & Hendra Putranto, 2005).



Gambar 1: *Lontugi* (Gonggok)
(Sumber: Elva Vesandra)

Gambar 2: *Gonsuri* (tikus curut)
(Sumber: Diajeng Lekha, 2018, September 19)



Gambar: *Guntomou* (ular lidi)
(Sumber: Unknown, 2013)

Jadual 2 pula merupakan hasil dapatan temu bual antara pengkaji dengan informan berhubung objektif ketiga berkaitan dengan persepsi penduduk tempatan terhadap kepercayaan *kakadaaton* dalam kehidupan masyarakat Dusun. Catatan hasil pemerhatian pengkaji terhadap gerak-geri informan juga turut dinyatakan.

Jadual 2: Persepsi penduduk tempatan terhadap kepercayaan *kakadaaton* dalam kehidupan masyarakat Dusun

Informan	Jawapan	Tema	Pemerhatian semasa perbualan
1	<i>Sokiro nopo kadaat id tindalanon mongoi posondot do binaboo nga gumuli nopo kaagu i mongoi sondot do hilo'd walai. Osodu nopo kinopanahon diolo om modop pondo hiri'd puru. Haro nogi kosusui do gisom ngoyon kano tikus i</i>	- menyusahkan - sedih - kesal	-menekankan frasa 'menyusahkan' -air muka informan berubah menjadi rasa sedih sewaktu menceritakan pengalaman menjual

	<p><i>posondoton diolo miagal ko' wagas. Monusa bo'!</i></p> <p>Kalau <i>kadaat</i> dalam perjalanan menjual pikulan, orang itu harus balik semula ke rumah. Kalau perjalanan sudah jauh, tidur sahaja di hutan. Ada juga yang cerita, jualan mereka macam beras dimakan tikus. Menyusahkan!</p>		hasil tanaman di suatu tempat yang jauh
2	<p><i>Ehh, monusa bo' kopio iti kadaaton! Amu haro nunu toongoi-ongoi nung kadaat no. Sominggu kadaat nga sominggu no amu koindahu.</i></p> <p>Ehh, menyusah sungguh itu <i>kadaaton!</i> Tiada apa-apa yang boleh dibuat kalau <i>kadaat</i>. Satu minggu <i>kadaat</i>, satu minggulah tidak pigi kebun.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - menyusahkan - geram - kesal 	<ul style="list-style-type: none"> - informan menekankan nada dengan dalam frasa 'menyusahkan'. - wajah informan menunjukkan rasa kesal kerana selalu mengalami peristiwa <i>kadaat</i> sewaktu ke kebun.
1	<p><i>Nung insaru au koporobuat, aiso no taakanon diolo. Mamantang tomod bo dii kadaaton nga aiso ii nunu-nunu taanu."</i></p> <p>Kalau banyak kali tidak dapat kerjakan kebun, tiadalah makanan mereka. Terlalu menghormati <i>kadaaton</i> pun tidak juga dapat apa-apa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - menyusahkan -kesal -sinis 	<ul style="list-style-type: none"> -intonasi informan agak rendah tetapi dalam. - informan tersenyum sinis seolah-olah melecehkan <i>kadaaton</i>.
2	<p><i>Kadaat nopo nga muli no hiri'd walai. Pakadaada toi momorisi-risi nondo di walai.</i></p> <p>Kalau <i>kadat</i>, pulang ja di rumah. Diam-diam di rumah atau kasih bersih-bersih rumah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> -sinis 	<ul style="list-style-type: none"> - intonasi informan rendah tetapi mendalam - informan tersenyum sinis
1	<p><i>Obuli ii mooi pogionkorumo hiri'd songkodu.</i></p> <p>Boleh juga pigi bertandang di rumah jiran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - selamba 	<ul style="list-style-type: none"> - informan tersenyum

Berdasarkan hasil dapatan dalam jadual 2, kedua-dua informan mempunyai persepsi yang sama dan saling menyokong berkaitan kepercayaan *kakadaaton*. Bagi mereka, *kadaaton* itu menyusahkan terutama dalam kegiatan pertanian, menjual hasil pertanian dan mengambil hasil di hutan. Apabila melihat atau mendengar haiwan petanda dalam perjalanan ke kebun, mereka terpaksa berpatah balik ke rumah. Perancangan mereka untuk menyiapkan kerja-kerja di kebun seperti merumput, menanam sayuran dan sebagainya akan tertangguh. Perkara yang lebih mengesal dan menyusahkan adalah apabila ternampak haiwan petanda sewaktu dalam perjalanan menjual hasil tanaman ke tempat yang jauh seperti Tamparuli, Tuaran, dan Sosondoton Inanam. Orang kampung terpaksa berpatah balik sekiranya jarak perjalanan itu tidak jauh dari rumah mereka ataupun terpaksa berhenti dan tidur semalaman di tengah hutan belantara. Berdasarkan

aplikasi *Google Maps*, jarak kampung informan ke pekan Tamparuli adalah lebih kurang 53 kilometer. Jarak ke pekan Tuaran pula adalah 59 kilometer dan ke Sosondoton Inanam adalah lebih kurang 77 kilometer. Informan berasaskan kepercayaan *kakadaaton* itu suatu yang menyusah dan menggeramkan sekiranya berlaku berulang-ulang. Mereka tidak dapat meneruskan pekerjaan dan secara tidak langsung memberi kesan kepada ketiadaan bahan makanan.

Suatu hal yang dilihat positif daripada kepercayaan *kakadaaton* ini adalah dari segi pemantapan semangat survival dalam masyarakat tersebut. Survival merupakan tindakan atau perbuatan untuk meneruskan kehidupan selepas melalui beberapa peristiwa. Dalam konteks survival masyarakat Dusun, kepercayaan *kakadaaton* ini penting untuk mengelakkan diri daripada sebarang kecelakaan atau bencana. Meskipun banyak masa terbuang dengan situasi *kadaaton* ini namun sekurang-kurangnya jiwa dan harta benda mereka terselamat. Kepercayaan *kakadaaton* sebagai suatu budaya juga dapat menggalakkan solidariti kelompok atau sosial (Kaplan, D., & Manners, A.A., 1999). Informan mengakui bahawa masih terdapat beberapa aktiviti sosial yang boleh dilakukan dalam masa *kakadaaton* misalnya duduk diam atau membersihkan rumah dan bertandang ke rumah jiran. Ibu bapa Dusun yang sentiasa sibuk mencari rezeki sering kali meninggalkan anak-anak mereka di rumah. Peristiwa *kadaat* ini memberikan peluang kepada ibu bapa dan anak-anak bertukar-tukar fikiran, makan bersama, bercerita, bermain dan sebagainya. Masa ini juga merupakan masa yang amat sesuai untuk membersihkan dan mengemaskan rumah yang sering terabai. Mereka juga menggunakan masa ini untuk menziarahi jiran atau keluarga terdekat. Hal ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Dalam erti kata lain, kepercayaan *kakadaaton* ini juga perlu dilihat dalam sudut pandangan positif terutama dalam pemantapan nilai survival dan solidariti masyarakat kolektif.

RUMUSAN

Kehadiran haiwan petanda dalam masyarakat Dusun merupakan anugerah berharga daripada *Kinorohingan*. Perlakuan yang diperlihat dan diperdengar oleh haiwan petanda merupakan pesan alam yang perlu ditafsir dengan bijaksana oleh manusia. Masyarakat Dusun bersedia mempertimbang baik dan buruk petanda tersebut secara kolektif sebelum dijadikan sebagai nilai, norma dan peraturan adat. Dalam konteks perekonomian, *kakadaaton* dilihat sangat menyusahkan dan merugikan masa, wang serta tenaga. Masyarakat Dusun tidak dapat mengerjakan kebun, mengambil hasil hutan dan menjual hasil tanaman mengikut perancangan mereka. Walau bagaimanapun dalam konteks sosial, *kakadaaton* ini dapat menghindar masyarakat Dusun daripada ditimpa malapetaka yang mungkin melibatkan kehilangan nyawa dan harta benda. Hubungan kekeluargaan dan kejiranan juga dapat dieratkan semasa *kakadaaton*. Kebolehan mentafsir perlakuan haiwan petanda dan implikasi tersirat daripada kepercayaan *kakadaaton* ini merupakan kearifan lokal masyarakat Dusun yang wajar didokumentasikan sebagai bahan kajian dan perenungan generasi akan datang.

RUJUKAN

- Chris, V. (2021). Animal auguries and evangelization in sixteenth-century New Spain. *Viator - Medieval and Renaissance Studies*, 52 (1), 87-99.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill.

- Dayu Sansalu. (2008) . *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diajeng Lekha. (2018, September 19). Perbedaan curut dan tikus yang harus kamu tau [Blog post]. <https://majalahhewan.com/wp-content/uploads/2018/09/Gambar-Curut-Perbedaan-Curut-Dan-Tikus.jpg>
- Elsie Meijie. (2014, Jun 29). Asal usul Dusun Talantang [Blog post]. <https://sukodwagumantadtalantang.blogspot.com/>
<https://sukukaumdusuntinagas.blogspot.com/2019/06/suku-kaum-dusuntinagas.html/>
- Evans, I.H.N. (2007). *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Flavier, J.M. (1995). The regional program for the promotion of indigenous knowledge in Asia. Dalam Warren D.M, Slikkerveer L.J dan Brokensha, D. (eds.). *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems* (hlm. 479-487). London: Intermediate Technology Publications.
- Grolier Encyclopedia of Knowledge*. (1998). *Grolier encyclopedia of knowledge*. Connecticut Grolier Incorporated.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Penemuan utama banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020*. Putrajaya, Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kaplan, D., & Manners, A.A. (1999). *Teori budaya* . (Landung Simatupang, Penerj.). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Minah Sintian. (2017). *Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah* (Tesis doctoral yang tidak diterbitkan), Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Minah Sintian, Julita@Norjietta Taisin, Ani Omar, & Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin. (2019). Sikap masyarakat Kadazandusun terhadap kepercayaan, ritual dan nilai dalam pertanian yang dapat melestarikan alam sekitar. Dalam Ani Omar, Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Lajiman Janoory, & Adenan Ayob (eds.), *Eksplorasi dan kreativiti dalam penyelidikan* (ms. 131-152). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Minah Sintian. (2018). Kearifan lokal dalam pertanian sebagai mekanisme pelestarian alam sekitar luar bandar. Dalam Jabil Mapjabil, Rosmiza Mohd. Zainol, & Norsuhana Abdul Hamid (eds.), *Pertanian dan komuniti luar bandar* (ms. 1-25). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Minah, S., Norjietta, T., Rosliah, K., & Novi, S.K.I. (2019). Local wisdom in agriculture for environmental sustainability: A case study of the Dusun community. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 6(8), 117-138.
- Mudji Sutrisno, & Hendra Putranto (eds.). (2005). *Teori-Teori Kebudayaan*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Pejabat Daerah Ranau. (t.t). Ranau. https://cpanel.sabah.gov.my/media_agensi/pdranau/penerbitan/Daerah%20Ranau_statistik_demografi_e_kasih.pdf:
- Pugh-Kitingan, J. (2016). *Kadazan Dusun* (Reprinted). Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Kuala Lumpur.
- Raymond Boin Tombung. (1991). *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu: Newland Management & Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

- Raymond Majumah. (2015). *Rungus peribumi Momogun Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Respati Wikantiyosa, & Pindo Tutuko. (eds.). (2009). *Kearifan lokal dalam perencanaan dan perancangan kota untuk mewujudkan kota yang berkelanjutan*. Malang: Group Konservasi Arsitektur & Kota.
- Rutter, O. (1985). *The Pagans of North Borneo* (Reprinted). Oxford University Press, Singapore.
- Sukukaumtinagas. (2019, Jun 10). Suku kaum Dusun Tinagas [Blog post]. <https://sukukaumdusuntinagas.blogspot.com/2019/06/suku-kaum-dusun-tinagas.html>
- Suraya Sintang. (2007). *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu:
- Tony Mulok, & Chemaline Osup. (2021). Soroton literatur adat dan kepercayaan berburung dalam komuniti Iban. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities*, 1(3), 61-71.
- Unknown. (2013). Rahasia sisik ular yang warna-warni [Blog post]. <https://kovoid.blogspot.com/2013/10/rahasia-sisik-ular-yang-warna-warni.html>
- Zubaidah Ibrahim. (2003). *Perihal Orang Melayu: Sir Frank Swettenham*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. *Grolier Encyclopedia of Knowledge* (1998:91),

Senarai Informan

Pn. Lombi binti Gungkat (73 tahun), Kg. Bundu Tuhan, Ranau, Sabah

Pn. Suilin binti Dassim (76 tahun), Kg. Bundu Tuhan, Ranau, Sabah.

UNSUR PEMIKIRAN SOSIO BUDAYA SUKU KIMARAGANG TRADISI MELALUI TEKS TANGON-TANGON TERPILIH

(ELEMENTS OF SOCIO-CULTURAL THOUGHT OF THE KIMARAGANG TRIBE
TRADITION THROUGH SELECTED TANGON-TANGON TEXTS)

¹JAMAIL MASADOR

²ABDUL HALIM ALI

¹*Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.*

²*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

zamasgk@gmail.com; halim.ali@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan mendeskripsikan pemikiran sosiobudaya yang terdapat dalam tangon-tangon (cerita rakyat) terpilih suku Dusun Kimaragang. Sosio budaya yang terkandung dalam tangon merupakan gambaran awal corak amalan harian masyarakat primitif dan cara mereka berasimiliasi dengan alam. Bagi mengumpul data kajian, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan dan mengumpul data daripada sumber sekunder seperti jurnal dan buku-buku ilmiah. Pemikiran tentang sosio budaya dianalisis melalui Pengkaedahan Alamiah. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat simbol atau lambang sosio budaya dalam tangon yang diperoleh daripada beberapa cerita rakyat. Simbol-simbol tersebut merupakan refleksi amalan atau aktiviti harian. Maka secara lahiriahnya, simbol-simbol tersebut menjadi gambaran pemikiran bagi masyarakat tersebut. Jika diamati, hubungan manusia dengan alam dikaitkan dengan keperluan manusia dengan alam, kepercayaan dan tanggungjawab menjaga alam. Oleh itu, pemikiran yang difokuskan dalam kajian ini adalah berhubung sosio budaya yang berkaitan dengan alam, yang merupakan asas pemikiran suku tersebut. Tulisan ini menonjolkan bahawa tangon-tangon berupaya menjadi maklumat awal berkaitan pemikiran sosio budaya suku Kimaragang.

Kata kunci: Alam, pemikiran, tangon (cerita rakyat), suku Kimaragang, Pengkaedahan Alamiah, Hashim Awang

Abstract

This paper aims to describe the socio-cultural thoughts found in selected tangon-tangon (folk tales) of the Kimaragang Dusun tribe. The socio-culture contained in tangon is an early representation of the daily practice patterns of primitive societies and how they assimilate with nature. In order to collect research data, the researcher has conducted fieldwork and collected data from secondary sources such as journals and scientific books. Thoughts about socio-culture are analyzed through natural methods. The results of the analysis found that there are socio-cultural symbols or symbols in tangon that are obtained from some folk tales. The symbols are a reflection of daily practices or activities. So outwardly, the symbols become a reflection of the thoughts of the community. If observed, the relationship between humans and nature is linked to the needs of humans with nature, beliefs and the responsibility of taking care of nature. Therefore, the thought focused in this study is related to socio-culture related to nature, which is the basis of the fundamental tribe's thinking. This article highlights that tangon -tangon is able to be preliminary information related to the socio-cultural thinking of the Kimaragang tribe.

Keywords: Nature, thought, tangon (folklore), Kimaragang tribe, Methodology
Naturally, Hashim Awang

PENGENALAN

Tradisi rakyat dikaitkan dengan tradisi lisan. Tradisi lisan dikatakan membawa pengertian yang lebih luas, meliputi bahan naratif dan non-naratif, dan apa-apa juga bentuk ekspresi lisan sesuatu budaya. Di dalamnya termasuk cerita lipur lara, cerita jenaka, mitos, legenda, peribahasa, pantun, nyanyian rakyat dan sebagainya (Ezzah Afifah & Che Ibrahim, 2015). Sementara sastera rakyat ialah sebahagian daripada tradisi lisan yang dapat difahami sebagai ekspresi budaya yang menggunakan bahasa dan mempunyai hubungan langsung dengan berbagai-bagai aspek budaya seperti agama dan kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, kegiatan ekonomi, sistem kekeluargaan dan susunan nilai social masyarakatnya. Oleh itu, tradisi lisan berperanan sebagai sistem menyatakan pelbagai keinginan bawah sedar, angan-angan terpendam, sebagai pengesahan kebudayaan, sebagai alat pemaksa berlakunya norma-norma sosial dan alat pengatur nilai sosial yang dibenarkan oleh masyarakat.

Justeru, menyingkap kembali dunia sastera rakyat dalam suku Kimaragang di Sabah, telah menemukan pengkaji dengan pelbagai tema, persoalan dan pemikiran berkaitan sosio budaya yang tidak terhitung. Hasil pemerhatian awal ini menyedarkan bahawa sastera rakyat memang telah tumbuh subur dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang di Sabah sejak berkurun-kurun lamanya. Antara sastera rakyat yang paling dominan dalam masyarakat ini adalah cerita rakyat, yang mereka sebut sebagai "*tangon (dang gulu-gulu)*".

Penyebaran "*tangon*" (cerita rakyat) dalam suku Kimaragang adalah dituturkan secara lisan daripada generasi terdahulu hingga kini. Ini bertepatan dengan pendapat oleh Mohd. Taib Osman (1989, 2007) yang menyatakan cara dan kaedah ini merupakan satu ekspresi budaya yang diteruskan oleh masyarakat, sama ada dari segi masa ataupun dari segi ruang ia dilafazkan dari mulut ke mulut dan tidak bertulis atau dicatat. Taib Osman menambah bahawa cerita rakyat tidak ada pemilik khusus, tetapi merupakan khazanah yang dimiliki bersama oleh sesuatu masyarakat dan kepunyaan bersama masyarakat itu sendiri dan cerita rakyat wujud dianggap milik bersama.

Jika diamati, "*Tangon-tangon*" suku Kimaragang, yang diyakini merupakan cerminan sosio budaya dan corak kehidupan masa lampau, mempunyai rentetan sejarah yang panjang yang sekian lama wujud dalam masyarakat tersebut. Kewujudannya seiring dengan perkembangan ketamadunan dan peradaban yang berlaku di persekitaran masyarakat tersebut yang pantas berubah. Ini sesuai dengan fungsinya sebagai wahana yang amat penting dalam usaha untuk mengisi sebahagian daripada keperluan pendengar terutama sisi pengisian minda, pembentukan sahsiah, kerohanian, bimbingan dan pemantapan psikologi. Oleh hal yang demikian, "*Tangon*" menyajikan pelbagai citra pemikiran dan falsafah yang mewarnai tatacara, amalan harian, kepercayaan dan sebagainya yang terangkum dalam lingkungan sosio budaya masyarakat tersebut. Dalam hal ini, Janatan & Low (2015) merumuskan fungsi "*tangon*" sebagai:

"...*Tangon* juga mampu menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa luar biasa yang pernah terjadi dan mungkin akan dialami oleh manusia melalui tokoh-tokoh cerita yang diperdengarkan."

"*Tangon-tangon*" suku Kimaragang banyak mengungkapkan tentang keakraban dengan alam. Keakraban dengan alam ditafsirkan, penghasilan *tangon* (cerita rakyat) yang berunsurkan alam menggambarkan bahawa penutur begitu dekat dengan kejadian dan peristiwa yang berada di alam sekelilingnya (Noor Hazwany & Noryamisma Ismail, 2014:130). Selain itu, kehidupan masyarakat tradisi juga dilatari sumber alam yang banyak mengajar mereka

bagaimana untuk menjalani kehidupan dan mengamalkan nilai dan norma berdasarkan pengalaman dan sumber alam yang terdapat di sekeliling mereka (Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian (2016:67).

Masyarakat terdahulu memang terkenal dengan kepakaran mereka mengungkapkan buah fikiran secara halus dan tersirat. Ketajaman pemerhatian, penghayatan dan selanjutnya dapat mengungkap makna mencakupi cara hidup terakam dalam sastra lisan. Di alam Melayu, pengkarya Melayu tidak dapat lari dari alamnya sewaktu berkarya (Hashim Awang, 1997; 2002). Malahan Hashim Awang merumuskan, bahawa faktor alamiah sangat dominan mempengaruhi dan membentuk kerangka pemikiran dan menentukan hala tuju miltamat kepengkaryannya. Dalam erti kata lain, pengalaman dan kelahiran "*tangon*" bersama alam di sekelilingnya telah mencoretkan pemikiran secara tersurat atau tersirat. Jelas, para penutur "*tangon*" menggunakan pengamatan untuk melihat perkaitan-perkaitan rangsangan untuk menyatakan pemikiran. Oleh hal yang demikian, betapa berharganya khazanah ini untuk terus dipertahan dan diletakkan di tempat yang sepatutnya.

LATAR BELAKANG

Tujuan kajian ini ialah menganalisis unsur-unsur pemikiran sosio budaya masyarakat tradisi Kimaragang menerusi teks "*tangon*" (cerita rakyat) yang terpilih yang dikaitkan dengan alam. Suku Kimaragang merupakan sub-etnik Kadazandusun di Sabah yang kebanyakannya menduduki Daerah kota Marudu dan Daerah Pitas di Sabah. Masyarakat ini mewarisi pelbagai bentuk tradisi lisan yang diwarisi sejak turun-temurun. Salah satu daripada warisan tersebut ialah sejumlah cerita rakyat yang kemudinya dikenali sebagai "*tangon*". Namun "*tangon-tangon*" yang dimiliki oleh masyarakat ini hampir dilupakan. Ini disebabkan anggapan golongan muda bahawa "*tangon*" hanyalah khayalan semata-mata dan tidak mampu memberi kesan positif terhadap kemajuan sesebuah masyarakat.

Justeru, kajian ini cuba membincangkan unsur-unsur pemikiran hasil interaksi sosio budaya mereka. Dalam mengenalpasti dan menganalisis pemikiran yang terdapat dalam "*tangon*" tumpuan kepada lambang atau simbol sosio budaya, kegunaannya dan pesan-pesan moral di dalamnya dianalisis daripada sepuluh "*tangon*" yang terpilih. "*Tangon*" dikumpulkan daripada kalangan informan terpilih dalam kalangan Masyarakat Kimaragang.

Pemikiran-pemikiran yang dilontarkan daripada "*tangon-tangon*" diharapkan menjadi panduan generasi muda dan menumbuhsurkan rasa sayang mereka terhadap tradisi lisan. Justeru, bagi tujuan kajian ini, pemikiran tentang alam akan diberi perhatian khusus. Hal yang demikian dilakukan kerana masyarakat ini hidup begitu dekat dengan alam, terdedah dengan pengalaman dan memaanfaatkan alam secara tradisional sejak dahulu kala. Pastilah terdapat banyak pesan moral dan pemikiran yang tersirat, untuk sama-sama difikirkan oleh generasi muda kini.

PERNYATAAN MASALAH

Suku Kimaragang merupakan kaum minoriti yang kebanyakannya menetap di daerah Kota Marudu dan daerah Pitas, Sabah. Sebagaimana etnik-etnik lain di negara ini, suku kaum ini juga mempunyai tradisi lisan yang diperturunkan sejak tutun-temurun. Namun penggunaan karya sastra lisan (cerita rakyat) sebagai wadah pengungkapan aspek sosio budaya dan pemikiran tidak pernah dikaji secara mendalam. Sedangkan "*tangon*" (cerita rakyat) juga mengandungi sesuatu yang amat bernilai untuk dijadikan pedoman. Antara aspek sosio budaya yang terkandung dalam

“*tangon*” termasuklah hubungan manusia dengan alam, hubungan manusia dengan tuhan (*Kinoringan*) dan hubungan manusia sesama manusia. Dalam ketiga-tiga hubungan ini terdapat pelbagai kaedah dan amalan positif yang menjadi pegangan masyarakat pengamalannya. Malah jika diamati, persoalan-persoalan “*tangon*” yang dikemukakan menggambarkan beberapa unsur pemikiran yang boleh dijadikan pedoman dan masih relevan dengan amalan kehidupan pada masa kini. Ini sesuai dengan pendapat Umur Junus (dalam Minah Sintian, 2015) telah menyatakan: “karya sastera adalah dokumen sosiobudaya yang mencatatkan kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada masa tertentu.”

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menyokong pendapat tersebut. Kajian-kajian yang telah dilakukan terdahulu yang kebanyakannya mengkaji tentang nilai-nilai moral dan pengajaran, perlu dikembangkan kepada kajian berkaitan aspek pemikiran yang terdapat dalam sesebuah karya sastera lisan. Ini adalah wajar kerana setiap karya (*tangon*) sudah semestinya mengandungi pelbagai persoalan dan isu yang disampaikan oleh penutur (*tangon*) secara tersirat yang sukar ditafsir oleh pendengar secara zahirnya, apatah lagi sebahagian cerita *tangon* tersebut menyelitkan pelbagai lambang atau simbol, terutama yang melibatkan hasil pemerhatian mereka terhadap alam sekitar.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah temu bual dan dokumentasi lapangan. Dalam hal ini, pengkaji telah menemu bual beberapa informan yang memenuhi kriteria pemilihan informan untuk mendapatkan data primer. Perakaman bahan *tangon* telah dilakukan, kemudian ditulis dan diolah semula oleh pengkaji melalui kaedah dokumentasi. Seterusnya bahan-bahan yang didokumentasikan dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Menurut A. Halim Ali (2016), kaedah analisis kandungan merupakan satu kaedah yang sesuai bagi memahami isi kandungan teks, dokumen atau data hasil temu bual. Isi kandungan yang menjadi fokus dalam analisis ini ialah unsur pemikiran sosio budaya dan pemikiran tentang alam. Seterusnya, pengkaji mengenal pasti ungkapan yang menunjukkan ungkapan simbol atau lambang dalam “*tangon-tangon*” tersebut. Seterusnya membuat justifikasi kepada lambang atau peristiwa tersebut dengan menggunakan Pengkaedahan Alamiah.

Sebagai batasan kajian, pengkaji hanya memilih sepuluh “*tangon*” untuk dianalisis. Pemilihan “*tangon-tangon*” ini kerana terdapat lebih dominan dengan simbol-simbol alam yang berkaitan dengan budaya dalam cerita tersebut. Pengkaji juga merasakan terdapat pesan-pesan moral atau pemikiran yang hendak disampaikan di sebalik simbol atau lambang yang belum ditafsirkan dan bermanfaat apabila diketahui umum. Oleh itu, pengkaji mengaplikasi Pengkaedahan Alamiah daripada Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) untuk merungkai makna-mana simbol sosio budaya tersebut. Simbol-simbol budaya tersebut dianalisis berdasarkan tiga peringkat bacaan secara eksploratori ialah melalui Pendekatan Firasat, Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Moral.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

PEMIKIRAN TENTANG ALAM

Tidak semua unsur pemikiran dapat diperkatakan dalam makalah ini. Oleh itu, fokus pemikiran yang menjadi perbincangan utama adalah berkaitan dengan hubungan manusia dengan alam sahaja. Hubungan ini melibatkan kaedah dan tatacara mereka memanipulasi alam yang memberi mereka pengalaman dan kemanfaatan. Akibat daripada hubungan yang amat erat dengan alam itu maka lahirlah lambang atau simbol dalam kalangan mereka yang secara tidak langsung menjadi simbol budaya mereka, dan seterusnya membayangkan pemikiran masyarakat tradisional tersebut.

a). Keakraban dengan alam

Keakraban membawa maksud perhubungan atau pertalian yang sangat erat, perhubungan (pertalian) yang akrab sama ada ikatan emosional positif atau perbuatannya. Keakraban dengan alam ditafsirkan penghasilan "*tangon*" (cerita rakyat) yang berunsurkan alam menggambarkan bahawa penutur begitu dekat dengan kejadian dan peristiwa yang berada di alam sekelilingnya.

Jika diamati, kehidupan masyarakat tradisi dilatari sumber alam yang banyak mengajar mereka bagaimana untuk menjalani kehidupan dan mengamalkan nilai dan norma hidup berdasarkan pengalaman dan sumber alam yang terdapat di sekeliling mereka. Masyarakat terdahulu memang terkenal dengan kepakaran mereka mengungkapkan buah fikiran secara halus dan tersirat. Pengungkapan tersebut sering kali dihubungkan dengan alam. Ketajaman pemerhatian, penghayatan dan selanjutnya dapat mengungkap makna mencakupi cara hidup terakam dalam sastera lisan. Pengkarya Melayu tidak dapat lari dari alamnya sewaktu berkarya (Hashim Awang, 2002). Malahan Hashim Awang merumuskan, bahawa faktor alamiah sangat dominan mempengaruhi dan membentuk kerangka pemikiran dan menentukan hala tuju matlamat kepengkaryannya.

Alam banyak diperkatakan di dalam karya "*tangon*" suku Kimaragang. Alam menjadi tempat mencari rezeki, ilmu pengetahuan dan membentuk tingkah laku mereka. Berdasarkan "*tangon-tangon*" suku Kimaragang menjalani kehidupan dalam suasana kehidupan di kaki-kaki bukit, lembah, perbukitan dan hutan yang mengamalkan corak kehidupan tradisional dan bergantung kepada alam. Masyarakat primitif bercucuk tanam, mencari rezeki dari hutan dan menggunakan sumber semula jadi seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 1: Unsur alam sebagai sumber kehidupan

Judul Tangon	Sumber alam	kegunaan
<i>Ih Ganuk</i>	Bayag (ubi manis), ubi kayu	Makanan ruji
<i>Kolintagu</i>	Ikan, udang, siput	Lauk-pauk
<i>Ih Sambarak om Tasu</i>	Pelanduk, rusa, khinzir	Lauk-pauk dlam keramaian
<i>Kogiu</i>	Rotan, buluh, kayu, madu, supinit	Kraf tangan
<i>Bambarayon</i>	Padi (huma), <i>batad</i> (mentimun)	Makanan utama
<i>Solinkumut</i>	Anjing, sopuk	Aktiviti memburu
<i>Toboruli</i>	Banjir, hujan, sungai	Bekalan air bersih

Sumber: Kajian Lapangan,2020

Berdasarkan jadual di atas, jelas membuktikan bahawa objek alam seperti rotan, madu, *supinit*, akar untuk menjamin kelangsungan hidup mereka. Kayu-kayan dan sayur-sayuran hutan dimanipulasikan sebagai sumber rezeki dan pendapatan. Hasil-hasil yang diperolehi biasanya untuk kegunaan sendiri dan turut dikongsikan dengan ahli keluarga yang lain. Masyarakat ini memanfaatkan segala tumbuh-tumbuhan dan binatang buruan yang diperolehi secara bersedirian atau berkumpulan. Malah, kewujudan sungai dalam sesuatu kawasan turut mempengaruhi tata cara kehidupan mereka. “*Tangon-tangon*” tersebut menunjukkan bahawa setiap ciptaan *Kinoringan* (tuhan) mempunyai pelbagai fungsi dan peranannya terhadap kemaslahatan hidup manusia. Pendek kata, setiap ciptaan Tuhan itu mempunyai tujuan dan hikmahnya yang tersendiri. Misalnya dalam *tangon* “*Lopung Tosundu*” (Cerita asal Rimalom Pamadzu (mendiang), 1988) digambarkan fungsi sungai dalam kehidupan masyarakat primitif, seperti berikut:

Petikan 1:

“*Mongoi noh poniyud ih Lintagu sid bawang do weeg*” (Terjemahan: Dengan penuh semangat pergilah Lintagu menangkap ikan di sungai...).

(*Tangon: Lintagu om Gargasi,2021*)

“... *mai patano dih yanak-anak ih bubu yoh sid bawang do weeg...*” (Terjemahan: Maka pergilah pemuda itu menahan bubuh di dalam sungai...)”

(*Tangon: Lopung Tosundu,2021*)

Berdasarkan petikan di atas, kefungsiian sungai dalam masyarakat memang tidak boleh dinafikan lagi. Sungai sebagai sumber rezeki utama bagi menampung kehidupan mereka. Sungai yang masih lagi terpelihara dan dalam keadaan semulajadi dihuni oleh pelbagai hidupan yang boleh diambil melalui alat-alat yang amat ringkas seperti *siyud* atau bubuh. Masyarakat primitif ini tidak lagi bersusah payah memikirkan untuk mencari lauk-pauk pada ketika itu. Semuanya tersedia dan berada di mana-mana di sekeliling mereka.

Justeru, pemikiran melalui keakraban dengan alam digambarkan apabila penutur *tangon* menggunakan unsur-unsur alam yang dijadikan lambang. Antara unsur-unsur alam yang sering digambarkan dalam “*tangon*” adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: Unsur-unsur alam semulajadi dalam “*tangon*”

Judul Tangon	Unsur-unsur alam	Lambang kegunaan
<i>Ih Ganuk</i>	Burung	Petanda baik/buruk
<i>Kolintagu</i>	Daun	Kebergantungan
<i>Tanak Wagu do Sarup</i>	Angin	Kebebasan
<i>Majabou</i>	Gunung	Perjuangan/keperkasaan
<i>Bambarayon</i>	Padi (huma)	kemiskinan
<i>Lopung Tosundu</i>	air	Aman damai
<i>Ih Gongan</i>	Matahari	Perjuangan/hitungan

Sumber: Kajian Lapangan,2020

Berdasarkan jadual 4, penutur “*tangon*” menggunakan unsur-unsur alam seperti pohon, burung, air dan sebagainya merupakan kejadian alam yang mengandung makna tersirat dan tersurat. Misalnya, kata ‘burung’ yang muncul dalam cerita-cerita sebagai petanda kepada amaran nasib seseorang sama ada tindakannya itu membawa kebaikan (kemenangan) atau keburukan, selain petanda kepada kebebasan. Dalam masyarakat Kimaragang, terdapat pelbagai jenis burung yang membawa kepada petanda kepada nasib seseorang. Misalnya, burung yang dianggap dapat meramalkan nasib mereka keluar pergi berperang ialah *montik*, *lakiu* dan burung hantu. Sesuai dengan kepercayaan yang mereka anuti, jenis-jenis burung tersebut sudah lama mempengaruhi tingkah laku mereka sehari-harian. Jika diamati, burung *montik* berbentuk ganjil. Burung ini berbadan kecil, sekecil genggam, namun suaranya kuat dan tajam. Bunyinya satu-satu dan terputus-putus.

Sementara “*Loku*” mempunyai bulu yang cantik dan burung ini mengeluarkan bunyi yang tajam dan agak jarang berbunyi namun apabila dalam keadaan ketakutan (dipercayai apabila melihat makhluk halus) burung ini akan melayah dan mengeluarkan bunyi yang menyeramkan. Sementara burung hantu, dengan melihat bentuk fizikal dan mendengar bunyinya saja meninggalkan kesan dalam jiwa seseorang berikutan keganjilan yang dimiliki burung tersebut.

Pemikiran dalam “*tangon*” melalui keakraban dengan alam ini bertepatan dengan Pendekatan Gunaan yang menggunakan alam sebagai sumber untuk mengungkapkan pemikiran dan kebijaksanaan serta kekreatifan. Karya sastera yang menggunakan unsur alam dalam karya adalah untuk mengungkapkan dan merakam segala kejadian dan peristiwa alam.

Lambang-lambang unsur alam yang terdapat dalam *tangon-tangon* Kimaragang juga boleh ditafsirkan melalui Pendekatan Firasat. Lambang atau simbol tersebut pastilah ada tafsiran makna yang tersendiri. Dalam erti kata lain, para penutur menggunakan pengamatan untuk melihat perkaitan-perkaitan rangsangan untuk menyatakan pemikiran. Contohnya, penutur *tangon* menggunakan unsur-unsur alam sekeliling seperti “pohon mogundalok” dalam *tangon* “*Saraan Om Laki*”.

Melalui keadaan lahiriah pohon dan segala yang berlaku atas pohon turut terdapatnya ranting yang merupakan kejadian alam yang mengandung makna tersirat dalam proses kehidupan yang dilalui oleh manusia. Melalui “burung montik” yang sering muncul dalam *tangon* suku Kimaragang sebagai penanda kepada “kebebasan” namun kebebasan itu ditentukan oleh petanda pada suaranya, sama ada membawa kebaikan atau keburukan. Lambang kayu sasaban dalam “*tangon Solingkumut*” merupakan gambaran tentang sikap kedekut dan tidak mengengang jasa makhluk lain, seperti dinyatakan yang berikut:

Petikan 2:

“*Ongoi noh i kusai pagasu...
Koli sid walai om ansako nno I dupot. Om kinam mangakan nga ensan taaka
I tasu do sosinsib lunok nga amu ,kaka.
Patako noh dih kusai i sasaban. Irih no ot takanon dit tasu kaka.*”

Terjemahan bebas:

“Maka pergilah mereka berburu lalu dapatlah seekor binatang buruan. Maka baliklah lelaki itu ke rumah lalu memasak binatang buruan itu, tetapi secebis lemak pun tidak diberinya kepada anjing itu. Hanya kayu sasaban yang diberinya

kepada anjing itu (sebagai makanan)...”

(Petikan dari tangon *Solinkumut*, 2020)

Berdasarkan petikan di atas membuktikan bahawa objek alam seperti *salong*, *supinit*, *gamut*, dan kayu *sasaban* sebagai lambang kepada penyerahan dan kesabaran. Dalam masyarakat tradisi, kayu *sasaban* digunakan untuk memecahkan atau menghiris sesuatu (daging). Secara lahiriahnya, kayu *sasaban* digambarkan sebagai suatu kepatuhan kepada norma yang ditetapkan. Misalnya, seorang ayah tanggungjawabnya menyara keluarga. Sementara kaum ibu menguruskan rumah dan keluarganya. Penduduk kampung memanfaatkan segala tumbuh-tumbuhan yang diperoleh di sekitar kawasan hutan untuk menjamin kelangsungan hidup mereka. “*Tangon-tangon*” yang diperoleh menunjukkan bahawa setiap ciptaan tuhan (*Kinoringan*) mempunyai pelbagai fungsi dan peranannya terhadap kemaslahatan hidup manusia.

“*Tangon-tangon*” memaparkan peranan tumbuhan-tumbuhan hutan seperti buluh (*poring*) digunakan sebagai bahan binaan rumah. Begitu juga dengan rotan digunakan untuk menguatkan binaan rumah. Secara tersiratnya, semua anggota masyarakat berperanan dan bertanggungjawab menjakankan tugasnya mengikut kemampuannya sahaja. Secara jelasnya ini menjelaskan bahawa kewujudan objek alam mengandungi pelbagai manfaat, fungsi atau kegunaan kepada manusia. Dalam kata lain, sastera dilihat sebagai objek alam yang kejadiannya mempunyai fungsi untuk menyalurkan pelbagai ilmu pengetahuan berkaitan alam sekitar yang menjadikan kehidupan manusia lebih baik. Apatah lagi dengan cara menggunakan sumber alam itu secara berhemah berlandaskan batas-batas yang digariskan oleh tuhan (*Minamangun*).

“*Tangon-tangon*” menggambarkan alam kadangkala sebagai cabaran, kadangkala sebagai harapan, dan kadangkala pula sebagai suatu anugerah Tuhan yang penuh keindahan untuk dinikmati. Apabila kemarau tiba, manusia di dalamnya berusaha untuk meneroka hutan-hutan mencari rezeki malah menelusuri sungai-sungai yang hampir kering untuk mencari rezeki.

Demikian juga apabila banjir besar (bencana alam) melanda “*pomogunan*” (desa) mereka. Dalam tangon “*korudu singkotud* (Dalam Koleksi pengkaji, 2022)” digambarkan kemusnahan yang dialami oleh masyarakatnya dan bagaimana mereka membina kembali kehidupan setelah bencana itu. Perkara lain yang perlu dibina ialah cara mereka berfikir dan mengamalkan pantang larang. Mereka berpendapat “*korudu singkotud*” terjadi disebabkan kegagalan masyarakat mematuhi sistem kehidupan yang berpaksikan kepada kepercayaan dan hubungan dengan alam. Ramai berpendapat bahawa bencana itu terjadi kerana terdapatnya sesetengah masyarakat yang melakukan perkara yang melanggar tata susila kehidupan seperti berlaku sumbang dan ketidakakuran dengan amalan apabila membuka sesebuah kawasan pertanian atau petempatan.

Secara lahiriahnya, “*korudu singkotud*” merupakan bencana banjir yang amat dahsyat yang jarang-jarang berlaku, tetapi kesan kemusnahan yang dibawanya amatlah dahsyat sehingga mampu melenyapkan sebuah petempatan. “*Korudu singkotud*” merupakan lambang kepada kemusnahan dan kemurkaan. Bahkan, “*korudu singkotud*” pada keadaan tertentu digunakan oleh sebilangan masyarakat sebagai cara mengangkut sesuatu beban yang berat. Misalnya menarik kayu-kayu binaan rumah dari suatu tempat ke tempat lain. Oleh sebab itulah, masyarakat ini yang mencipta tangon membandingkan sikap manusia yang mengetepikan amalan murni, iaitu lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan.

Begitu juga halnya yang terjadi dalam tangon “*Toboruli*” (Diceritakan semula oleh Faipson Aying, 2021). Unsur-unsur alam yang membawa bencana dan penderitaan kepada rakyat

telah menyedarkan mereka tentang kekurangan dan kelemahan. Mereka sama sekali tidak berupaya melawan unsur-unsur alam yang dianggap lebih berkuasa. Maka dengan itu, kebergantungan penduduk kampung terhadap entiti lain tidak dapat dielakkan. Oleh itu, perkara ini lumrah dalam kehidupan. Setiap unsur alam atau makhluk yang dicipta saling bergantung di antara satu sama lain.

Masalah alam semula jadi bagi suku Kimaragang pada pendapat para penutur “*tangon*” seperti suatu putaran kesusahan sehingga menyebabkan mereka pasrah kepada nasib mereka. Namun mereka kesedaran dan kepercayaan bahawa semua itu terjadi di atas kehendak *Kinoringan* (tuhan).

b). Pengalaman dengan alam

Jika ditelusuri lebih dalam, pengalaman lahir, salah satunya disebabkan oleh hasil interksi manusia dengan alam dan interkasi social. Interkasi sosial menurut Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven (2016), yang memetik pendapat Gillin, merupakan suatu proses sosial. Interkasi sosial pada tanggapan sarjana tersebut merupakan satu syarat utama terjadinya aktiviti-aktiviti social. Oleh itu, interkasi sosial merupakan hubungan-hubungan sosial yang dinamis, berkaitan hubungan antara orang perseorangan, antara kelompok-kelompok manusia, mahu pun antara perseorangan dengan kelompok manusia.

Dalam hal ini juga, proses-proses sosial tersebut turut berhubungan dengan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh manusia dan suasana persekitarannya. Hubungan-hubungan tersebut boleh dirungkai menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Salah satu kaedah yang digunaipakai ialah menerusi Pendekatan Moral yang memperlihatkan kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Manakala sastera dalam konteks ini berupaya memberikan manfaat dan pengalaman (Hashim Awang,2002). Ini bererti pengalaman-pengalaman yang disingkap itu biasanya menyangkut dalam dua hal penting iaitu tentang peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia tertentu, iaitu terserlah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk dinilai aspek positif dan negatif bagi tujuan menceritakan perbandingan atau teladan yang baik.

Dalam hal ini, “*tangon-tangon*” suku Kimaragang sebagai kontak sekunder berupaya membawa harapan para penuturnya, membawa khalayak pendengar mempelajari suatu sistem sosial serta aktiviti dan interkasi masyarakat tradisional yang berinterkasi sesama mereka. Jika diamati, “*tangon-tangon*” suku Kimaragang sarat dengan gambaran cara atau sikap masyarakat terdahulu yang terungkap menerusi tema dan persoalan-persoalan yang dibawanya. Semua cerita yang diperdengarkan dan diperturunkan membawa harapan pengarang ke arah menyuburkan keinsafan, pembentuk peribadi manusia, memberi manfaat dan menambah pengalaman dalam kalangan pendengar. Malahan pengisian “*tangon*” turut sarat dengan norma dan nilai sosial, disuguhkan dalam khalayak pendengar mahupun pembaca untuk ditafsir makna tersurat dan tersirat sebagai wadah pembelajaran dan teladan. Sebagai contoh, watak yang mewakili golongan miskin digambarkan dalam *tangon* “*sopuk tosundu*” yang memperlihatkan sikap tidak berputus asa dalam menjalani kehidupan. Berikut diperturunkan petikan daripada “*tangon*” tersebut:

Petikan 3:

“...ongoi noh pogurab ih kusai ka. Keeaan, kedoan, kotoluad harinya aso tasabat yoh do koririnapaan. Nga okosog ih kusai mamananau. Nah, sumampot poh dih tadau keturu ka..kasambat noh yalo do kanas...”

(Terjemahan: maka berangkatlah si lelaki berburu. Hari pertama, kedua dan ketiga tiada juga binatang ditemuinya. Lelaki itu tetap tabah meneruskan pemburuannya. Lantas, pada hari ke tujuh tiba-tiba dia terserempak dengan seekor khinzir...)

(Ubahsuai daripada tangon Sopuk Tosundu,2020)

Petikan ini secara jelas menggambarkan kecekalan masyarakat terdahulu meneroka alam hutan demi kelangsungan hidup. Watak yang digambarkan merupakan lambang seorang lelaki (suami) yang tidak pernah berputusa asa. Tanggungjawabnya terhadap keluarga mengatasi segalanya, termasuk keselamatan dirinya apabila berhadapan dengan cabaran dalam hutan tebal. Semangat yang tunjukkan merupakan lambang lelaki sejati masyarakat Kimaragang yang tidak mudah putus asa dan bertindak bijaksana apabila melalui pengalaman yang memerihkan.

Jika dihubungkan dengan masyarakat hari ini, golongan seperti mereka itu ternyata masih wujud. Ini jelas bahawa pada zaman mana pun manusia hidup, ada kisah hidupnya tersendiri. Tanggungjawab tetap dijalankan dengan penuh amanah, sebagaimana yang digambarkan dalam masyarakat pada hari ini.

Sementara itu, sikap masyarakat terdahulu terhadap ketua juga digambarkan dalam “*tangon*” suku Kimaragang. Petikan di bawah menggambarkan, adat suku Kimaragang yang diwarisi sejak zaman primitif seperti pantang menderhaka kepada ketua (“*woyoon tagayo*”), menghormati dan mentaatinya. Begitu juga dengan perlakuan seperti pantang menderhaka kepada ibu bapa, yang menggambarkan hubungan kontak sosial masyarakat ini yang berpegang kepada etos, keperibadian dan akal budi. Lantas, fenomena tersebut secara tidak langsung memperlihatkan ciri-ciri masyarakat yang kukuh memegang adat dan budaya yang diwarisi sebagaimana perasaan dan pesan penutur “*tangon*” ahli masyarakat tersebut kepada masyarakat pendengar.

Jika ditinjau lebih dalam, setiap watak dalam “*tangon*” mempunyai pengalaman tersendiri dalam usaha mereka meneroka alam sekitar. Sebagai masyarakat primitif yang bergantung sepenuhnya kepada alam untuk hidup mereka mengalami pelbagai peristiwa suka duka dalam usaha memenuhi keinginan mereka. “*Tangon-tangon*” yang diperdengarkan mampu memotivasikan pendengar. Seterusnya khalayak pendengar berupaya meniru atau menjadikan segala kebaikan serta pengalaman kehidupan yang digambarkan menerusi tangon sebagai teladan. Sebagai contoh, watak yang dibawah oleh Panglima Tambangan dan Panglima Ponguda, dalam *tangon* “*Panglima Tambangan dan Ponguda*” digambarkan tentang musibah kemarau yang membawa penderitaan terhadap manusia dan alam haiwan. Dalam “*tangon*” ini, diceritakan bahawa alam haiwan juga berusaha bersungguh-sungguh untuk meneruskan hidup, terutama mendapatkan bekalan air. Sehingga haiwan seperti kuda dan rusa terminum air kencing (bapa kedua-dua watak Panglima Tambangan dan Panglima Ponguda). Tindakan kedua-dua binatang tersebut menyebabkan mereka bunting dan masing-masing melahirkan anak (manusia). Pengalaman ini sesuatu yang aneh. Namun dalam pada itu, “*tangon*” ini memberi pengajaran bahawa apabila membuang air kencing hendaklah di tempat yang sepatutnya. Jangan membuang

air kencing sehingga memudaratkan makhluk lain. Tanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama.

Berdasarkan tangon “*Panglima Tambangan dan Panglima Penguda*” (Cerita asal Rumlalom Pamadzu (mendiang) 1988), didapati terdapat pelanggaran yang tidak bermoral dan melanggar pantang oleh pelakunya. Pelakuan pelaku dalam “*tangon*” tersebut bertentangan dengan amalan masyarakat Kimaragang yang diwarisi sejak zaman tradisional seperti pantang larang menganiaya tumbuh-tumbuhan, kerana alam tumbuh-tumbuhan membawa manfaat bukan sahaja kepada manusia tetapi juga kepada haiwan. Mereka seharusnya memanipulasikan alam tumbuhan dengan cara yang beretika, menghormati dan memanfaatkannya. Perlakuan tersebut (membuang air kencing ke atas daun) jelas menghubungkan fragmen sosial masyarakat Kimaragang yang mengamalkan pantang larang luhur, berperibadian dan akal budi yang luhur. Pemikiran yang digambarkan adalah menerentas zaman malah memperlihatkan ciri-ciri sikap positif dan perilaku manusia yang sangat menghargai alam sekitar.

Sebaliknya jika mereka tidak ada pengalaman dengan alam akan membawa kepada kecelakaan atau kematian. Sebagai contoh, dalam “*tangon Ih Kara Mokisasawo di Puteri Brunei*” (Cerita asal Rumlalom Pamadzu (mendiang), 1988), watak kera yang dialegorikan, menggambarkan kecekan fikirannya tentang unsur-unsur alam. Oleh sebab pengalamannya yang sedikit itu, maka ada golongan yang cuba memanipulasi akan kekurangannya itu. Ini dapat digambarkan menerusi petikan berikut:

Petikan 4:

“...ong engine ko kasawo di puteri ..mai Tolono ilo sungot,”kadi dih tongo tulun. Norongou nopoh di kara itih boros tulun diri, main oh Tolono it sungot kaka...”

Terjemahan kasar: “Jika kau ingin menghawini (puteri)...kau telanlah sungot ini,”kata orang itu. Maka tak semena-mena kera itu pun menelan sungot itu hidup-hidup...”

(Gubahan semula” *Ih Kara Mokisasawo di Puteri Brunei*.2021)

Menerusi petikan di atas, digambarkan bahawa kecekan pengetahuan tentang unsur-unsur lain memberi impak buruk kepada diri sendiri. Pengetahuan sang kera tentang sifat “*sungot*” yang mampu bertindak merosakkan organ dalam tubuh tidak pernah diketahuinya selama ini. Ini disebabkan “*sungot*” wujud apabila terdapatnya batang rumbia atau pohon palma lain yang reput melalui proses pembiakan dan kewujudan semulajadi.

Jika diamati, “*sungot*” tidak hidup di alam nyata dan dapat dilihat secara semulajadi, maka kera tersebut tidak pernah melihatnya sebelum ini. Oleh kerana “*sungot*” hidup di alam lain (batang rumbia) dan kera hidup di alam nyata maka pengalaman bergaul sesama mereka tidak pernah terjadi. Maka kera tersebut tidak pernah belajar sesuatu tentang sifat pembunuh “*sungot* tersebut”. Namun pada hakikatnya “*sungot*” juga boleh dijadikan sebagai sumber protein, seterusnya memperlihatkan fungsi “*sungot*” sebagai pelengkap kepada rantai makanan, serta

pereputan bahan-bahan terbuang. Secara lahiriahnya, “*sungot*” membawa pesan moral bahawa sifat manusia itu kadang-kadang memberi manfaat kepada orang lain atau sebaliknya.

Dengan yang demikian, *tangon* ini telah memberi pengalaman, dan pengetahuan kepada pendengar bahawa alam ini kaya dengan unsur-unsur (hidupan) yang tersembunyi di mana-mana yang memberi kemanfaatan dan keburukan. Oleh itu, “*tangon-tangon*” mengajar manusia untuk terus menjadi manusia dengan sifat-sifatnya yang lebih tinggi daya fikir, dengan kewarasan akal melebihi makhluk-makhluk lain.

c). Alam dan kemanfaatnya

Para “*panangon*” (penutur *tangon*) melalui pelbagai pengalaman dengan alam di sekelilingnya telah menyimpan peristiwa tersebut dalam ingatan dan disampaikan kepada pendengar melalui gaya tersendiri. Pemikiran yang tercipta melalui pengalamannya itu telah dilukiskan dalam imaginasi berdasarkan lambang kepada sesuatu kejadian alam. Pemikiran yang disalurkan melalui lisan dapat menginterpretasikan pelbagai harapan dan pengajaran pada waktu tersebut.

Ini sesuai dengan pandangan Muhammad Hj Salleh (2012:83), yakni sastra (Melayu) dikarang oleh manusia yang hidup akrab dengan alam Melayu. Begitu juga “*tangon-tangon*” Kimaragang dikarang oleh masyarakat yang hidup akrab dengan alam persekitaran Kimaragang. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak azali alam telah mendominasi kehidupan mereka. Alam menyediakan pelbagai sumber kehidupan seperti makanan, perlindungan, pakaian hinggalah kepada hiburan, alat-alat untuk hiasan, renungan tentang hidupnya dan juga kosmologinya. Hutan dan belukar, sungai dan perbukitan adalah “*alam*” mereka melakukan kehidupannya. Pengalaman menjalani kehidupan berasaskan alam ini telah mengajar mereka tentang kelembutan, keindahan, kelebihan dan kekurangan, serta mengajar mereka betapa ganas dan kejarnya sebahagian alam yang mereka alami. Malah menyemai dan menumbuhkembangkan perasaan kelompok mereka yang tersendiri.

Sebagai contoh, kepengarangan “*tangon-tangon*” memaparkan pelbagai objek ciptaan tuhan (*kinoringan*) yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Unsur alam dan budaya masyarakat Kimaragang menerusi *tangon* berisi ilmu dan maklumat untuk dimanfaatkan oleh masyarakat pendengar di alam nyata. Masyarakat Kimaragang pada tahap primitif memiliki keistimewaan menerusi kehidupan yang tersangat erat dan intim dengan alam. Dalam erti kata lain, tanpa alam mereka tidak akan dapat menjalani kehidupan. Ini disebabkan dengan memiliki corak kehidupan yang demikian, masyarakat (Kimaragang) menjadi begitu sensitif terhadap apa-apa yang terjadi di persekitaran mereka, termasuk kejadian atau peristiwa. Segala perubahan yang berlaku akan segera mendapat reaksi, sama ada yang memberi pengajaran atau menyalahi tata cara kehidupan mereka. Salah satu saluran untuk menyampaikan reaksi tersebut ialah melalui “*tangon-tangon*” yang diperdengarkan. Mereka meyakini bahawa *tangon* mampu menyampaikan pesan atau ingatan secara halus, indah dan penuh kiasan. Dalam erti kata lain, “*tangon*” menjadi medium menyampaikan sesuatu secara tersirat atau pun tersurat. Unsur alam dan budaya masyarakat Kimaragang menerusi “*tangon-tangon*” mengandungi ilmu dan pengetahuan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat pendengar, sejak dahulu sehingga kini.

Semua unsur alam juga memperlihatkan fungsi dan manfaat alam kejadian Tuhan sebagai penawar kepada segala jenis penyakit. Di alam realiti kehidupan masyarakat ini, salah satu ubat

tradisional yang diamalkan ialah amalan meminum “*wonod*”. “*Wonod*” diperoleh daripada tumbuh-tumbuhan menjalar di sekeliling mereka. “*Wonod*” biasanya diminum untuk mendapatkan kesembuhan daripada penyakit, menguatkan tenaga batin dan untuk tujuan perubatan lainnya. Sementara itu, dalam tangon ‘*Kusai om Kogiu*’ (Cerita asal Rumlom pamdzu (mendiang), 1988), lelaki tersebut telah menghitamkan giginya untuk tujuan perubatan, iaitu supaya giginya kukuh dan terpelihara dari jangkitan kuman. Menerusi persoalan ini penutur “*tangon*” telah menggambarkan kemafaatan unsur alam sebagai penyembuh semula jadi kepada segala penyakit.

Jika diamati, persoalan tersebut merupakan suatu pemikiran, yang mengajak pendengar agar menaakul, berusaha mengenal pasti, mengkaji dan akhirnya memperolehi fungsi tumbuh-tumbuhan dan unsur alam lain sebagai alternatif untuk merawat pelbagai penyakit dan manfaatnya dalam kehidupan seharian. Selian itu, unsur-unsur perubatan juga diperoleh dari alam haiwan yang digambarkan dalam beberapa “*tangon*”.

Jadi, manusia terus memanipulasikan tumbuh-tumbuhan atau haiwan. Jika dikaji lebih dalam, lelaki yang menjadi lambang masyarakat primitif ini telah menggunakan sejenis tumbuh-tumbuhan untuk mewarnakan giginya. Pada waktu itu, mereka memanipulasikan tumbuh-tumbuhan untuk tujuan berhias supaya kelihatan tampan dan cantik. Menurut informan, dalam “*tangon*” ini, disebabkan gigi lelaki yang hitam itulah yang telah menyelamatkannya daripada menjadi mangsa “*Kogiu*” (mawas) tersebut. Pada zaman ini, gigi yang hitam melambangkan kebersihan yang tidak terjaga. Dalam erti kata lain, gigi melambangkan keperibadian seseorang. Maka dengan itu ramai kalangan manusia kini sanggup berbelanja besar semata-mata mencantikan gigi melalui pelbagai kaedah.

Maka, nilai-nilai murni dalam “*tangon*” ini sudah mendahului zaman. Dapat diringkaskan bahawa manusia sukakan kecantikan. Gigi yang cantik dan terjaga melambangkan penampilan seseorang. Maka dengan itu secara jelas, *tangon* ini merakamkan harapan dan menggambarkan tabii manusia yang suka berhias dan kelihatan hebat, yang dapat membezakannya dengan manusia atau makhluk lain.

Jika diamati, unsur-unsur lain yang membawa kepada gambaran tentang kemafaatan alam dilihat melalui tangon “*Solinkumut*” (Welin Ebal, 2020). Dalam tangon ini terdapat beberapa unsur alam semulajadi. Contohnya, “*sasaban*” adalah objek alam yang menjadi lambang yang dapat ditafsirkan sebagai lambang kepada kemiskinan. “*Sasaban*” diletakkan di ruang dapur sebagai kayu tempat melepak daging atau memotong tulang binatang buruan. Dalam kehidupan masyarakat tradisi, *sasaban* hanya sesekali digunakan iaitu apabila mendapat binatang buruan. Jika “*sasaban*” tersimpan lama bererti hasil buruan mungkin tidak ada, yang bererti dapur tidak berasap. “*Sasaban*” hanya digunakan apabila memperoleh hasil yang lumayan dan akan terbiar apabila tidak diperlukan. Oleh itu jika dilihat kepada pesan moralnya, bererti seseorang (golongan miskin) hanya diperlukan apabila golongan kaya memerlukan bantuan untuk menyelesaikan masalah golongan kaya. Jika tidak diperlukan, golongan miskin akan terbiar begitu sahaja.

Selain daripada itu, terdapat beberapa lagi lambang atau simbol yang dikesan dalam cerita-cerita rakyat, terutama berkaitan tentang perjuangan hidup yang perlu ditangani dengan bijaksana, seperti yang dihuraikan yang berikut:

Ungkapan “*Dudungit ku dudungit, tatas do mogundalok, ngit kangkung kawadan*” dalam *tangon* “*Saraan om Lintagu*” (Cerita asal Rumalom Pamadzu (mendiang),1988) merupakan pernyataan tentang nama-nama tumbuhan yang mereka kenali pada zaman tersebut, yaitu pokok “*mogundalok*” dan “*kangkung kawadan*”. Secara ringkas, pokok-pokok ini tumbuh banyak di persekitaran mereka dan boleh dijadikan sayur ulam-ulaman. Keadaan ini jika dihubungkan dengan budaya masyarakat Kimaragang merupakan suatu keadaan yang biasa terjadi terutama dalam sistem kekeluargaan yang masih mengamalkan budaya mahu pun tradisi lama, misalnya ibu bapa menamakan anak-anak mereka berdasarkan benda-benda yang akrab dengan mereka. Maka, nama yang diberikan kepada anak gergasi tersebut adalah berdasarkan pengalaman yang dialami oleh ibu bapanya dalam interkasi dengan alam. Jika diamati, nama itu berdasarkan nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat di persekitaran sungai yang mereka diami.

Selain daripada itu, bentuk muka bumi juga sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat primitif. Dalam *tangon* “*Bambarayon Om Kusai*” (Cerita asal Rumalom Pamadzu (mendiang),1989) dikatakan bahawa masyarakatnya menanam padi di atas bukit. Gambaran berkaitan bukit dalam “*tangon*” ini secara amnya merlambangkan lokasi kejadian dalam “*tangon*” berlaku. Jika ditinjau kembali, bentuk muka bumi Borneo, maka dapat dijelaskan bahawa peristiwa tersebut berlaku di negeri Sabah. Ini berdasarkan kepada fakta bahawa negeri ini terbentuk daripada tanah tanggi dan lembah. Gambaran tentang bentuk muka bumi juga dilihat menerusi *tangon-tangon* berikut.

Jadual 3: Peristiwa dan pengalaman dengan alam

Judul <i>Tangon</i>	Petikan	Peristiwa/pengalaman
Ih Gongan	<p>“<i>..Pamanau noh ih Gongan, tumakad do nulu, tumakad sokid topurak pakou, sumampaping do raat dan korikot sid pomogunan do kayangan...</i>”</p> <p>(Terjemahan: <i>maka mengembaralah si Gongan, mendaki gunung,merentas lautan...maka sampailah dia di alam kayangan.</i>)</p>	<p>Mendaki gunung Merentasi lautan Melalui hutan tebal</p>
Kogiu	<p>“<i>...pangumpug poh do tangau om sogo..itomon ku nogi ino nipon nu,</i>”<i>kadi Kusai</i></p> <p>Terjemahan: <i>(Lalu diarahnya (Orang Utan) mengumpul akar-akar dan rotan,..maka tibalah masanya dia arahkan Orang Utan itu membuka mulut.)</i></p>	<p>Tumbuhan menjalar Rotan</p>
Lintagu	<p>“<i>...sumarayo no ih Lintagu moniyud do dungkarou om tongo tongkuyu...</i>”</p> <p>Terjemahan: <i>(...lalu berjalanlah Lintagu ke ulu sungai sambil menangkap ikan dan ketam.)</i></p>	<p>Sungai</p> <p>Hidupan dalam sungai seperti ikan</p>
Majabou	<p>“<i>Takad noh yalo kabarasan,atidong ilo nabalu takod longon susukud...</i>”</p>	<p>Gunung Peralatan besi (kapak)</p>

	<p>“...unuso dih Majabou it kapak yo,om kinam monturakis mangapak dilo nulu Nabalu,” kah.</p> <p>Terjemahan: (<i>Mjabou pun menghunus kapaknya lalu tanpa henti dikapaknya rahang gunung (Nabalu) itu.</i>)</p>	
--	--	--

(Sumber: *Kajian lapangan, 2021*)

Jadual di atas merupakan gambaran sesuatu tempat dari segi bentuk muka bumi dan asal-usulnya. Misalnya dalam cerita rakyat “*Ih Gongan*” (Cerita asal Rumlom Pamadzu (mendiang)1988). “*Tangon*” ini secara ringkasnya menggambarkan tentang suatu pengembaraan ke suatu tempat yang terpencil, tetapi watak ini sanggup meneruskan pengembaraan tanpa memikirkan faktor lokasi tempat tersebut. Ungkapan “*topurak pakou*” dapat mewakili konsep firasat. “*Topurak pakou*” merupakan sifat yang menunjukkan ukuran tentang kepayahan dan rintangan yang bakal dialami sewaktu mendaki. Leksikal “*sokid topurak pakou*” melambangkan sesuatu yang amat tinggi. Secara amnya, kepayahan ini menggambarkan sosio ekonomi yang masih terpinggir dalam banyak tempat di Borneo Utara pada zaman tersebut. Dikatakan pada era tersebut, kemudahan seperti jalan raya masih belum wujud di kebanyakan tempat dan penggunaan kenderaan (kereta) sangat terhad, malahan hampir tidak wujud. Tambahan pula pola petempatan kampung di sekitar *Pomogunan* dalam daerah Kota Marudu dalam jarak yang berjauhan, dan kewujudan kampung-kampung tersebut hanya sebilangan orang yang mengetahuinya. Untuk sampai ke sesuatu tempat mereka terpaksa melalui bentuk muka bumi yang berbukit-bukau, hutan tebal dan menempuh perjalanan yang panjang (secara berjalan kaki).

Secara tersurat, ungkapan “*takod longon susukud*”, menggambarkan betapa wataknya (seperti dalam “*tangon Majabou*”) terpaksa menggunakan seluruh anggota untuk pendakian gunung Kinabalu. Namun jika diperhatikan ungkapan ini merupakan suatu bentuk pernyataan perjuangan dalam hidup, iaitu untuk berjaya ke suatu destinasi (cita-cita untuk berjaya), segala keupayaan diri secara fizikal atau mental perlu digerakkan serta diupayakan untuk menundukkan halangan.

Jika diamati, perjalanan yang dilalui oleh watak dalam mencari kesempurnaan merupakan kejadian merentas zaman. Pemikiran yang digambarkan merupakan inti pati kehidupan sebenar bahawa untuk mencapai sesuatu perlukan pengorbanan dan usaha yang bersungguh-sungguh.

Melestarikan alam sekitar suatu tanggungjawab bersama dalam masyarakat. Biar pun hampir setiap hari mereka menggunakan sungai untuk menangkap ikan (dalam *tangon* “*Saraan Om Lintagu*”), tetapi sungai itu tetap bersih. Tanggungjawab melestarikan alam haruslah setiap warga, tanpa mengira suku bangsa dan agama, merupakan suatu kewajipan. Dalam konteks masyarakat hari ini, pelbagai sikap dapat dipelajari sama ada positif dan negatifnya. Ada golongan yang sangat mementingkan kebersihan atau sebaliknya. Golongan yang tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar, dengan mudahnya bertindak di luar jangkaan. Misalnya, ada golongan yang sanggup membuang sisa-sisa bahan kimia dalam sungai sehingga memudaratkan orang di sekitarnya. Sebaliknya, ada golongan atau pertubuhan yang sangat

mementingkan kebersihan alam sekitar. Golongan ini mempunyai jadual berkala bagi mengadakan gotong-royong membersihkan sesuatu kawasan tanpa mengharapkan imbalan daripada pihak ketrajaan.

Peritiwa dan pengalaman menggambarkan tentang tingkat pengalaman seseorang seperti mendaki gunung sebagai rakaman kehidupan baharu bagi watak dalam tangon *Majabou* (Diceritakan semula oleh Jani Pangadap, 2021). Jika Berjaya menawan gunung itu maka bakal tercapai cita-citanya. "*Tangon*" ini berupaya merakamkan tentang kemiskinan masyarakat terdahulu, namun keazaman mereka setinggi gunung untuk mencapai sesuatu. Mereka sangat bergantung kepada unsur-unsur alam bagi memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, Kaedaah gunaan memfokuskan karya sastera sebagai pengungkapan dan merakam segala kejadian dan peristiwa alam (Hashim Awang,2002).

Sementara itu, "*Sungot*" dalam tangon "*Ih Kara mokisasawo di Puteri Brunei*", merupakan sebahagian daripada unsur alam semulajadi. *Sungot* telah dijadikan bahan makanan "mewah" masyarakat tadisional. Secara lahiriahnya, "*sungot*" boleh digambarkan sebagai agen kepada kemusnahan atau kemewahan. "*Tangon*" ini secara amnya mengingatkan bahawa kecetekkan pengetahuan tentang alam sekeliling akan membawa kemusnahan. Pengetahuan kera (yang bodoh) tentang kemusnahan yang diakibatkan oleh "*sungot*" tersebut adalah di luar pengetahuannya Oleh kerana itulah, kera tersebut menelan "*sungot (butod)*" tersebut yang masih hidup. Di samping impiannya yang meluap-luap untuk memenuhi hasratnya, fikiran warasnya tidak dapat digunakan dalam keadaan biasa. "*Tangon*" ini melontarkan pemikiran bahawa, kita haruslah bertindak wajar dan tidak terburu-buru dalam mengambil sesuatu keputusan tanpa memikirkan akibatnya. Di sudut lain, pengamatan terhadap tangon "*Ih Kara mokisasawo di Puteri Brunei*" menyedarkan pendengar atau pembaca bahawa kebijaksanaan dan pengetahuan baharu juga perlu dikuasai oleh individu.

Pemikiran para penutur "*tangon*" melalui pengalamannya bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Firasat. Menurut Hashim Awang (1993:56), pendekatan Firasat ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup iaitu pengalaman hidup yang penuh dengan misteri yang dikaitkan dengan mimpi. Dalam mencari makna mimpi itu dikenali sebagai takbir yakni proses menemukan maknanya menerusi tafsiran lambing atau gambar tertentu yang wujud di dalamnya. Karya sastera memiliki sifat-sifat zahir dan batin, yakni tersirat dan tersurat. Sifat zahir atau yang tersurat menjadi penanda untuk memperoleh yang tersirat iaitu penanda atau alamatnya. Justeru, segala sumber alam yang mendatangkan pengalaman atau ilham kepada manusia dapat diinterpretasikan maknanya melalui tanda-tanda atau lambang-lambang.

Secara lahiriahnya, tangon "*Ih Kara mokisasawo di Puteri Brunei*", merupakan suatu pemikiran yang dilontarkan tentang nilai seseorang, iaitu berkaitan dengan impian dan harapan. "*Tangon*" ini merupakan suatu analogi tentang kefungsian fikiran dan akal. Monyet pula merupakan lambang kepada tingkat martabat seseorang.

Dalam kalangan masyarakat mungkin terdapat golongan yang berfikiran seperti seekor kera, yang hanya mementingkan nafsu dan bertindak terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan. Tindakan yang hanya menurut nafsu dan kenigian tanpa menggunkan akal waras hanya akan mengundang mudarat dan kegagalan. Dalam kalangan masyarakat mungkin masih terdapat golongan yang sebegini. Malah golongan ini ingin dianggap sama tarafnya dengan seekor kera, yang hanya tahu menggenyangkan kantung perutnya. Tingkat pengetahuan dan

kebijaksanaan amat diperlukan dalam membuat sesuatu keputusan. Jadi, melalui pemikiran tentang alam, “*tangon*” menyalurkan unsur pengajaran dan pendidikan kerana unsur-unsur sebegini memberikan nasihat dan panduan berguna.

RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, Masyarakat Kimaragang secara umumnya mempunyai pemikiran yang tinggi dan kreatif terkandung dalam banyak tradisi lisan suku ini. Pemikiran tinggi yang dimaksudkan merujuk kepada simbol-simbol atau citra sosiobudaya yang terdapat dalam tradisi lisan masyarakat tersebut yang turut terangkum di dalamnya pengalaman mereka berasaskan alam sekelilingnya.

“*Tangon-tangon*” yang dianalisis menerusi Pengakedahan Alamiah berupaya mempelihatkan keunikan budaya dan masyarakat suku Kimaragang yang disampaikan melalui simbol dan perlambangan unsur alam. Natijahnya, sosio budaya masyarakat Kimaragang melalui “*tangon-tangon*” berupaya membawa pelbagai manfaat (pemikiran) dalam masyarakat pembaca atau pendengar. Analisis terhadap lambang dan simbol budaya suku ini berupaya membawa pelbagai fungsi dalam kehidupan seharian anggota masyarakat. Lambang-lambang atau fungsi alam tradisional suku ini berupaya memperteguhkan keyakinan dan sifat menghargai akan warisan tradisi ini, kerana setiap pemikiran yang tersurat atau tersirat ada hubungkaitnya dengan kehidupan pada masa kini.

Jika diamati, terdapatnya beberapa gambaran dan lambang mengikut kategori “*tangon*” yang berbeza berasaskan fungsi dan konteks penggunaannya, iaitu *tangon* dalam konteks aktiviti kekeluargaan, peperangan kuno dan perasaan kelompok, yang dianggap penting. Selain itu terdapat “*tangon*” yang dituturkan dalam keadaan “rahsia” (kerana melibatkan suku lain dalam aktiviti “*sangod*” (*mengayau*)). Hal seperti ini menimbulkan isu tentang aspek perbezaan yang terdapat dalam “*tangon*” dari segi fungsi, konteks dan unsur-unsur pemikiran. Sehubungan itu, ramai pengkaji yang mengkaji “*tangon*” tradisional didapati memberikan tumpuan terhadap aspek-aspek seperti konteks, fungsi, kandungan, lambang dan gaya bahasa saja. Jika diteliti, aspek pemikiran lain dalam “*tangon*” penting untuk dikaji. Oleh hal yang demikian, pengkaji seterusnya boleh memilih untuk mengkaji unsur-unsur pemikiran yang berbeza dalam “*tangon*” suku Kimaragang, misalnya unsur pemikiran berkaitan hubungan manusia dengan manusia atau hubungan manusia dengan kepercayaan yang mungkin terdapat dalam “*tangon-tangon*” bersebut.

RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2016). Inti sari teori sastera: Barat dan Malaysia. Shah Alam: NHA Excell Resources
- Ezzah Afifah & Che Ibarahim Salleh. (2015). *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara*. Penerbit UMT: Jurnal Of Business and Social Development. Vol.3
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.

- Janathan Kandok dan Low Kok On. (2016). *Sundait warisan Kadazandun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Minah Sintian. (2015). *Amalan Memotong Kepala dalam Masyarakat Primitif Kadazandusun: Survival atau Budaya?* (Artikel Jurnal). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dimuatnaik daripada <http://www.researchgate.net/publication/272357494>
- Mohd. Taib Osman. (1989). *Malay Folks Beliefs An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera
- Mohd.Taib Osman. (2007). *Cerita Lipur Lara*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan
- Muhammad Hj Salleh. (2012). Pandangan Alam Manusia Melayu. Dlm. Muhammad Hj Salleh. (Ed). *Pandangan Dunia Melayu: Pancaran Sastera*. (hlm.83). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hazwany Haji Arifin & Noryamisma Ismail (2014). *Pemikiran Marzuki Ali Dalam 'Khazanah Segala Rimbun' Dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 25,130-152.
- Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian. (2016). *Unsur Pemikiran Kreatif Masyarakat Melayu Tradisi Melalui Teks Sastera Tulisan dan Lisan Terpilih*. Univerisiti Pendidikan Sultan Idris. EDUCATUM-Journal of Social Science. Vol.2, 67-74
- Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven. (2016). *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. (Journal Kesidang) Jld.1. hlm.20-49

Senarai Informan

- Faipson Aying (2021) Masyarakat Kimaragang, Kg Marion, Kota Marudu*
- Jani Pengadap (2021) Masyarakat Kimaragang, Kg Salimandut, Kota Marudu*
- Rumalom Pamadzu (Mendiang) (1988). Kimaragang Native. Personal Interview. Kota Marudu Sabah. (Cerita tangon informan dalam koleksi pengkaji)*
- Welin Ebal (2020). Masyarakat kimaragang. Personal Interview. Kota Marudu, Sabah.*

ADAB DAN ADAT PEMAKAIAN KERIS DAN BUSANA DI TANAH MELAYU

Haji Muhammad Hanif bin Haji Hosainel Majidi
Pengasas, Nara Martial Arts Academy
Presiden merangkap Guru Utama, Pertubuhan Pemedang Seni Sukma Kencana Malaysia

ABSTRAK

Keris merupakan ikon ketinggian peradaban dan budaya Melayu. Padanya tersingkap seribu rahsia empunya diri dan juga orang Melayu itu sendiri. Ia juga merupakan lambang jatidiri dan pakaian orang Melayu sejak ratusan tahun yang lampau, sehinggalah larangan pemakaiannya oleh Raffles pada tahun 1826. Kini, keris semakin diketengahkan hasil daripada lonjakan paradigma sejak dekad pertama abad ke-21 yang menyaksikan kembalinya gerakan kebudayaan Melayu di tanahair. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan silat, pemakaian busana dan tanjak oleh para aktivis budaya dan juga perkembangan di dalam dunia perkerisan di Semenanjung Tanah Melayu ini. Di dalam kertas kerja ini, penulis ingin mengenengahkan keris sebagai pakaian peradaban dan bukan senjata seperti yang sering dicanang sebelum ini. Istilah *pakaian* ini seharusnya dikembalikan kepada pemahaman generasi yang baru hendak mengenali apa itu keris dan busana. Keris bukanlah sekadar aksesori pakaian tetapi ianya adalah sebahagian daripada busana Melayu yang lengkap. Pemakai keris pula seharusnya adalah orang yang beradab dan bertanggungjawab memikul amanah sebagai orang Melayu.

Kata kunci

keris, budaya, busana, Melayu, peradaban, silat


PENGENALAN

Keris ditakrifkan sebagai *senjata tradisional Melayu yang mempunyai bilah yang tajam pada kedua-dua sisinya, lebar di pangkal dan tirus di hujungnya serta tajam, sama ada lurus atau berlok-lok. Keris mempunyai hulu dan sarung, dan merupakan alat kebesaran diraja serta lambang kedaulatan pemerintahannya* menurut Kamus Dewan Perdana terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Piah (2019) menyatakan keris sebagai lambang keselamatan dan menjaga maruah diri yang boleh digunakan sebagai senjata membunuh yang amat digeruni jika terpaksa digunakan. Keris adalah pelengkap busana dan pakaian peradaban di dalam ilmu persilatan, menurut Ridhaudin (2020). Ianya adalah senjata maruah yang menjadi senjata apabila maruah pemakai dizalimi. Perkataan keris itu sendiri menggambarkan sejenis benda budaya yang mempunyai keunikan yang tidak terdapat pada budaya lain (Bahari, 2009). Pada mulanya keris berfungsi sebagai alat pertahanan diri dalam pertarungan, dan fungsi ini mengalami perkembangan dan perubahan dari masa ke semasa (Ghazali, 2009). Duarte Barbosa dalam catatannya ketika melawat Melaka sekitar tahun 1519 menyatakan bahawa orang Melayu yang terkenal pada ketika itu menyematkan senjata besi yang disepuh yang mereka panggil “keris” di pinggang mereka (Yusof, 2020).

Kebanyakan definisi berkaitan keris akan melabelkan keris sebagai “senjata”, khususnya oleh bangsa bukan Melayu yang mengkaji keris. Definisi ini digunapakai pula oleh para pengkaji berbangsa Melayu pada tahun 1970an dan 1980an kerana pada ketika itu, belum ada penulisan akademik yang boleh dijadikan kajian dan rujukan yang lebih baik. Sejak tahun 2000, definisi ini mula berubah hasil usaha dan kajian daripada pengkaji-pengkaji keris yang mula mencari sumber-sumber asal seperti guru-guru tua yang banyak menyimpan rahsia perkerisan. Ada di antara mereka yang menerbitkan buku dan juga kertas kerja akademik. Persepsi kita mengenai keris mula berubah secara beransur-ansur dan kini kita mula memahami bahawa keris bukanlah senjata semata-mata, tetapi ia juga memainkan pelbagai peranan lain, termasuklah sebagai pakaian peradaban orang Melayu.

Bahagian-bahagian keris

Tidak lengkap perbincangan mengenai keris jika tidak disertakan dengan penerangan mengenai bahagian-bahagian keris secara am, bagi tujuan penulisan ini. Keris pada amnya terdiri daripada bilah, hulu, pendongkok dan sarung. Setiap bahagian ini mempunyai fungsi dan signifikan yang tertentu.



Rajah 1 – Bahagian-bahagian keris

- a. Bilah keris – bilah merupakan “jantung” kepada keris. Ianya merupakan bahagian yang paling penting bagi sebilah keris dan ia juga menjadi ciri yang menentukan penamaan bagi keris tersebut. Bilah keris ada yang berbentuk lurus dan ada yang berkelok-lok atau berkelok. Bilangan lok ini juga mempunyai erti dan maksud tertentu kepada pemakainya. Pada pangkal bilah keris ini terdapat bahagian yang melebar dan biasanya panjang sebelah

atau tidak simetri. Bahagian ini dikenali sebagai ganja. Ganja ini merupakan salah satu bahagian yang amat penting dalam adat dan adab pemakaian keris. Jika dilihat daripada atas, ganja berbentuk seakan-akan badan seekor cicak yang lengkap dengan kepala, perut dan ekor. Kedudukan kepala dan ekor cicak ini memainkan peranan yang penting di dalam pemakaian keris.

- b. Hulu dan pendongkok keris – hulu ialah bahagian yang digenggam ketika memegang keris. Ianya mempunyai beberapa bentuk tertentu yang diberi nama seperti ayam sejuk, pekaka, patah tiga, ayam teleng, tapak kuda, junjung sireh dan hulu tajong. Selain daripada pemegang, hulu juga berfungsi sebagai lambang status seseorang itu. Ada hulu keris yang diperbuat daripada kayu-kayu tertentu, tanduk, tulang paus, geraham gajah dan gading gajah serta logam seperti perak dan emas. Jenis hulu keris juga menentukan fungsi keris tersebut. Kedudukan hulu keris dikaitkan juga dengan niat seseorang pemakai keris. Di pangkal hulu keris biasanya ada gelang atau cincin logam yang dipanggil pendongkok. Fungsi pendongkok ini adalah sebagai sokongan kepada bahagian butir pinang pada hulu keris. Ia membantu menghalang bahagian tersebut daripada retak atau pecah jika digunakan. Ia juga merupakan simbol status kepada pemakai keris tersebut kerana pendongkok diperbuat daripada emas, perak dan tembaga dan selalunya diukir indah serta ada yang bertatah permata.
- c. Sarung keris – fungsi utama sarung keris ialah untuk melindungi bilah keris. Sarung keris terdiri daripada tiga bahagian iaitu sampir, batang serunai dan tapak sarung atau buntut. Sarung keris biasanya diperbuat daripada kayu yang terpilih, tanduk atau gading. Hulu dan bilah keris sering dianggap sebagai elemen maskulin atau lelaki manakala sarung keris pula adalah unsur feminin atau perempuan. Sarung keris juga dibuat mengikut bentuk bilah keris, iaitu tidak simetri dan mempunyai bahagian sampir atau pangkal sarung yang panjang sebelah. Bahagian yang panjang ini juga melindungi bahagian ekor cicak pada ganja keris. Sampir keris juga merupakan salah satu ciri tempatan sebilah keris. Hulu keris perlu dipadankan dengan bentuk sampir yang tertentu. Tidak semua jenis hulu boleh dipakai dengan sampir-sampir yang tertentu. Keris tajong, contohnya, mempunyai set hulu dan sampir yang unik dan tidak boleh ditukarkan dengan jenis yang lain.

Signifikan keris dalam masyarakat Melayu

Seperti yang telah dibincangkan di awal penulisan ini, keris mempunyai pelbagai fungsi dan kepentingan di dalam alam Melayu. Di antara signifikan keris di dalam masyarakat Melayu ialah sebagai alat budaya di dalam upacara adat, pembina semangat, regalia dan alat kebesaran kerajaan dan sebagai objek seni. Keris juga objek yang merangkumi pelbagai cabang sains dan teknologi termasuklah ilmu fizik, kimia, matematik, metalurgi, kejuruteraan bahan, rekabentuk, biomekanik, ergonomik, ilmu falak, dan psikologi. Keris ada kalanya merupakan alat perubatan tradisi, ia boleh dijadikan sebagai hadiah dan alat di dalam perdagangan, sebagai pelengkap busana dan pakaian peradaban.

Daripada senarai di atas, dapat diperhatikan bahawa keris membawa erti yang mendalam di dalam kehidupan harian masyarakat Melayu. Memiliki atau mewarisi sebilah keris merupakan satu penghormatan dan kebanggaan kerana ianya merupakan satu alat budaya yang disanjung dan

dihormati. Catatan sejarah dari abad ke-16 merakamkan bahawa tidak semua orang layak untuk memakai keris. Pada zaman dahulu, keris merupakan anugerah atau pemberian daripada raja atau sultan kepada individu tertentu yang berjasa kepada kerajaan. Namun begitu, pada zaman sekarang, sesiapa pun boleh membeli, memiliki dan memakai keris. Ianya telah menjadi elemen penting di dalam imej orang Melayu dan telah menjadi suatu ikon budaya yang signifikan.

Walau bagaimanapun, apakah nilai atau erti sebilah keris yang sebenarnya? Dalam konteks penulisan ini, sebilah keris adalah pakaian peradaban yang melengkapkan busana tradisional masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu. Keris adalah lambang Melayu dan kemelayuan. Seorang pemakai keris seharusnya sedar akan amanah dan tanggungjawab yang dipikul olehnya. Beliau juga seharusnya seorang yang tahu ilmu perkerisan dan pandai berkeris. Seorang pemakai keris atau pekeris ialah manifestasi insan yang beradab dan berbudaya, seorang *Malay gentleman*. Beliau bukanlah seorang yang kasar, panas baran atau kurang ajar. Seorang pekeris juga seharusnya seorang yang jizam akidahnya dan kukuh imannya.

Bukan mudah sebenarnya untuk menyelit keris di pinggang. Ia bukan sekadar aksesori pakaian dan pelengkap busana tetapi falsafah perkerisan amat mendalam. Seseorang itu seharusnya belajar dahulu adab dan adat berkeris sebelum memakai keris. Pemakai keris seharusnya kenal dan tahu serta dapat membezakan apa itu keris sebenar dan objek yang berbentuk keris serta mengenalpasti keris tempatan dan keris import yang dibuat untuk pasaran pelancong. Keris sebagai pakaian seharusnya sebilah keris yang ditempa khas untuk pemakainya, tetapi proses ini biasanya mengambil masa yang panjang dan kosnya agak tinggi. Ada juga keris yang ditempa siap dan ditawarkan oleh tukang-tukang atau penjual keris yang berwibawa. Pemakai keris juga seharusnya tahu keris apa yang sesuai dengan dirinya, asal-usulnya dan keturunannya. Jangan memilih keris hanya kerana kecantikan dan hiasan luaran atau corak pamor semata-mata. Pilihlah keris yang bersesuaian dengan jiwa dan rasa, hayatilah lenggok dan *bahasanya*.

Busana Tradisional Melayu

Busana tradisional Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini terdiri daripada pakaian hulu atau tanjak, baju pesak, seluar potong Cina atau Acheh, sampin, pending dan bengkung. Ada juga yang memakai sikap atau baju hias. Busana lengkap ini ibarat *3-piece suit* atau pakaian formal orang Melayu. Pemakaiannya dilengkapi dengan menyisip sebilah keris di pinggang. Pakaian busana ini boleh diperbuat daripada kain kapas polos atau bercorak silang seperti corak pada kain pelikat. Ada juga yang menggunakan kain songket untuk dijadikan busana. Dalam konteks busana tradisional, penulis tidak menganggap baju Melayu moden lengkap bersongkok sebagai busana tradisional. Ini dikenali sebagai *baju kebangsaan* dan ianya adalah ciptaan baru era pasca berperangan dunia kedua. Begitu juga dengan jubah dan kurta yang merupakan pakaian yang berasal dari Tanah Arab dan India.



Rajah 2 – Contoh busana tradisional Melayu

Tanjak ialah pakaian hulu atau kepala bagi orang lelaki Melayu. Ia ibarat mahkota Melayu dan merupakan pakaian kehormat dan perlu dijaga maruahnya. Ianya tidak sesuai dipakai oleh wanita kerana wanita mempunyai tengkolok yang bersesuaian. Tanjak dan tengkolok secara amnya berbeza. Tanjak harus mempunyai simpul, tapak atau bengkung dan karangan. Tengkolok tidak semestinya ada ketiga-tiga ciri ini. Kedua-duanya boleh dipakai dengan busana. Tanjak pakaian orang kebanyakan tidak seharusnya mempunyai kerongsang atau jata kerajaan. Pakaian ini dikhususkan untuk sultan dan raja-raja Melayu. Sebaiknya, pakailah tanjak yang kosong, tanpa apa-apa perhiasan kerana karangan atau solekan tanjak itu sendiri sudah cukup indah bagi mereka yang mengetahuinya. Rekabentuk tanjak juga perlu diberi perhatian kerana tanjak yang masih dipakai oleh sultan atau raja tertentu tidak seharusnya dipakai oleh rakyat jelata, kecuali dengan titah diraja. Warna tertentu seperti kuning sami atau oren tidak sesuai kerana ianya adalah pakaian sami Hindu dan Buddha (Iskandar, 2018).

Tanjak dipakai dengan simpulan atau ikatannya berada di belakang atau di atas telinga kanan. Tanjak yang mempunyai simpulan di bahagian kiri adalah pakaian raja-raja. Tanjak yang dipakai dengan simpulnya di belakang kepada membawa maksud *bahaya* atau pemakainya

dengan bersiap siaga. Pakaian sebegini hanya boleh dipakai ketika dalam keadaan berperang atau apabila nyawa seseorang itu diancam. Simpulan tanjak juga tidak boleh dipakai di hadapan atau di dahi. Ini adalah pakaian kerja atau pakaian penglipurlara dan tidak sesuai untuk digunakan ketika memakai tanjak. Tanjak mempunyai pelbagai karangan atau solekan yang membawa erti serta maksud tertentu. Tanjak yang dipakai ke majlis keramaian dan keraian tidak sesuai untuk dipakai ke majlis pengkebumian. Ada tanjak yang tidak sesuai dipakai untuk menghadap raja atau pembesar. Ada pula tanjak yang dipakai ketika bertempur atau berperang. Tanjak biasanya dikarang daripada kain songket, kain tenun dan kain cindai atau sutera.

Seperti keris, tanjak juga merupakan petunjuk identiti dan keturunan seseorang. Setiap kerajaan mempunyai karangan tanjak yang berbeza. Rekaan asas tanjak tersebut menunjukkan asal-usul keluarga tanjak tersebut. Keluarga tanjak Lang Menyongsong Angin yang dipakai di Perak dikatakan berasal daripada kerajaan Melaka. Keluarga tengkolok Dendam Tak Sudah pula identiti masyarakat Minang dan mempunyai variasi-variasinya tersendiri. Tanjak-tanjak yang bertitis daripada Tok Beruas dikatakan daripada kerajaan lama Beruas. Getam Budu dan variasinya pula berasal daripada pantai timur semenanjung Tanah Melayu.

Tanjak seharusnya dipakai dengan busana lengkap. Amalan memakai tanjak songket dengan pakaian kasual seperti baju-t dan seluar denim sebenarnya tidak sesuai kerana dianggap tidak mematuhi adab bertanjak. Begitu juga dengan memakai tanjak dengan pakaian yang tidak menutup aurat. Penulis berpendapat pemakaian tanjak dari kain polos dengan karangan ringkas bersama pakaian kasual boleh diamalkan sebagai usaha untuk mempopularkan kembali pakaian hulu ini. Namun begitu, haruslah dipastikan bahawa pakaian tersebut sopan dan menutup aurat. Pemakaian tanjak songket dengan jubah atau kurta tidak sesuai diamalkan kerana ini akan menghilangkan identiti tanjak tersebut dan pemakai kelihatan seperti caca-merba. Tanjak tidak boleh dilangkah, dipijak atau diletakkan di atas lantai. Jika terjatuh, ianya hendaklah diambil dengan cermat dan dipakai semula atau diletakkan di tempat yang sesuai.

Pemakaian sikap atau baju hias juga mempunyai etikanya tersendiri. Lengan baju sikap atau baju hias sebenarnya berada pada paras pergelangan tangan pemakai atau $\frac{3}{4}$ lengan pemakai. Seharusnya, baju pesak yang dipakai di bawah sikap, mempunyai lengan pendek atau tidak berlengan supaya lengan baju itu tidak terjulur keluar melebihi lengan sikap atau baju hias. Pemakaian sikap bukanlah seperti pemakaian kot yang sememangnya memerlukan lengan baju melebihi lengan kot tersebut. Begitu juga dengan pemakaian sikap dengan jubah atau kurta. Ada juga pihak yang membuat “sikap labuh” untuk dipakai dengan jubah. Ini semua menyalahi adat pemakaian busana Melayu. Apatah lagi apabila yang memakainya merupakan tokoh akademik atau agamawan yang popular dan mempunyai ramai pengikut. Tindakan ini hanya akan mencacatkan keindahan busana Melayu tradisi. Penulis tidak menghalang inovasi atau kreasi baru, tetapi mereka yang terlibat perlulah memaklumkan kepada umum bahawa apa yang dipaparkan bukanlah asli atau tradisi.

Pemakaian keris dengan busana Melayu

Keris Melayu seharusnya dipakai dengan busana Melayu. Elakkan daripada memakai keris Jawa atau keris Bali dengan busana Melayu kerana tindakan ini tidak sesuai dengan adat yang diamalkan oleh orang Melayu. Keris Jawa seharusnya dihormati dan dipakai dengan busana Jawa. Menurut adat Jawa, keris dipakai di belakang sebagai tanda hormat. Di dalam adat Melayu pula, keris dipakai di hadapan sebagai isyarat menyatakan bahawa pemakainya adalah orang yang beradab dan berbudaya. Orang Melayu menganggap meletakkan senjata di belakang atau menyembunyikannya merupakan suatu tindakan yang tidak beradab atau berbaur pengkhianatan.

Keris Melayu dipakai dengan cara menyelitkannya di tengah badan dan sedikit ke kiri. Di sinilah kepentingan bengkung yang sesuai dipakai bersama sampin. Jika bengkung tersebut terlalu longgar, keris tidak akan kekal di kedudukannya. Bengkung yang terlalu ketat pula akan mengakibatkan pemakainya berasa tidak selesa. Bengkung dipakai di paras pusat dan bukan di paras pinggang seperti seluar. Ini adalah kerana bengkung bukan sahaja untuk mengikat sampin, tetapi ia juga bertindak sebagai perisai di bahagian perut, ditambah pula dengan adanya pending yang diperbuat daripada logam seperti tembaga, perak dan emas. Kekemasan dan ketebalan bengkung serta kehadiran kain sampin dan pending dapat membantu mengurangkan kecederaan di bahagian perut akibat dari senjata tajam. Keris dipakai dengan hulunya menghala ke hadapan dan bahagian ekor cicak menghala ke atas, iaitu sampir berada dalam keadaan terlentang. Keris dicondongkan ke kanan sedikit.

Keris tidak seharusnya dipakai dalam keadaan terlangkup, iaitu bahagian sampir yang panjang ke bawah. Ini bermakna ekor cicak menghala ke bawah dan hulunya menghala ke dalam. Gaya memakai keris terbalik ini sebenarnya adalah pengaruh daripada filem dan media sejak tahun 1950an lagi. Terkini, filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022) turut telah memaparkan cara memakai dan memegang keris yang salah. Kaedah memakai keris sebegini adalah adat yang diadatkan kepada kaum asli laut Patalangan di dalam kerajaan Palalawan di Riau. Mereka diadatkan oleh sultan Palalawan untuk memakai keris terbalik kerana mereka masih belum memahami adab dan adat memakai keris. Kaedah ini dipengaruhi oleh talibun atau puisi lama yang diungkapkan oleh Almarhum Tenas Effendy (Ridhaudin, 2020). Ianya telah diserap masuk ke dalam sesetengah perguruan-perguruan silat dan dianggap sebagai cara memakai keris yang betul oleh masyarakat kerana ia diamalkan oleh *orang-orang silat*. Harus difahamkan di sini bahawa pesilat tidak semestinya pakar ilmu perkerisan. Ramai ahli keris pula tidak tahu bersilat. Ini adalah lumrah di dalam pengajian ilmu. Tidak semestinya seseorang itu pakar dalam sesuatu bidang, beliau juga pakar dalam bidang yang lain. Ilmu khusus seperti ini perlu dipelajari daripada mereka yang ahli di dalam bidangnya. Ada sesetengah pihak memakai keris dengan sampir terlentang dan hulu keris dipusingkan ke bawah. Keadaan ini masih boleh diterima pakai kerana orientasi bilah kerisnya masih betul.

Ada pihak yang mendakwa bahawa pemakaian keris terlangkup adalah cara untuk menunjukkan bahawa pemakainya tidak berniat agresif. Pendapat ini tidak sesuai dengan adab memakai keris. Keris ialah pakaian peradaban dan ianya mempunyai etika yang tertentu di dalam pemakaiannya. Etika atau adat ini berasal daripada adab berkeris orang Melayu dari zaman kerajaan Melaka. Seorang pekeris akan mengisar kerisnya ke sisi sebagai isyarat bahawa beliau bersedia untuk menghunus keris tersebut jika terpaksa. Itu adalah isyaratnya, bukan dengan memusingkan hulu keris ke hadapan. Keris juga tidak seharusnya diikat dengan tali, kecuali mengikut amalan masyarakat Bugis yang mengikat keris mereka dengan tali untuk menghalangnya daripada terjatuh atau tercabut dengan tidak sengaja.

Sepertimana tanjak, keris selayaknya dipakai hanya dengan berbusana penuh. Perkara ini turut dinyatakan di dalam Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 (Akta 357) Seksyen 6(3)(b) seperti berikut, “Sesebuah senjata akan dianggap dibawa untuk tujuan yang tidak menyalahi undang-undang sekiranya ianya dibawa oleh seseorang sebagai sebahagian daripada pemakaian rasmi atau perayaan semasa acara rasmi atau perayaan”. Membawa atau memakai keris dengan tidak berbusana penuh bukan sahaja menyalahi adab dan adat Melayu, malah menyalahi undang-undang Malaysia. Bagi mereka yang berkeris, perlu diingat bahawa keris itu adalah amanah dan tanggungjawab mereka, dan ia harus dijaga dengan baik. Seseorang itu tidak dibenarkan memegang, apatah lagi mencabut dan menghunus keris milik orang lain tanpa kebenaran pemiliknya. Jangan sekali-kali menyentuh, memegang, mencabut atau mengeji keris milik orang lain. Belajar cara dan kaedah untuk mengendalikan sebilah keris sebelum memegang keris milik orang lain. Keris itu adalah maruah dan kebanggaan pemiliknya.

RUMUSAN

Keris merupakan salah satu ikon kebudayaan dan peradaban Melayu yang diketahui tetapi tidak begitu dikenali. Bak kata pepatah, “tak kenal, maka tak cinta”. Sebab itulah ilmu perkerisan perlu disebarluaskan kepada umum, khasnya pengamal dan aktivis busana. Keris sebagai lambang jatidiri orang Melayu seharusnya dikembalikan kepada statusnya yang sebenar. Pemakaian keris telah diharamkan oleh pihak penjajah British dengan alasan kononnya demi menjaga keselamatan dan ketenteraman awam, walhal ianya adalah sebahagian daripada agenda politik pecah dan perintah penjajah. Bukan sekadar itu, budaya perkerisan turut dilenyapkan dan keris diselubungi mitos dan amalan khurafat untuk menjauhkan masyarakat Melayu daripada keris.

Walaupun pemakaian keris dibenarkan di dalam keadaan tertentu di dalam peruntukan Akta 357, perlaksanaannya masih tertakluk kepada budi bicara pihak berkuasa. Apa yang diperlukan secara idealnya ialah satu akta atau pindaan akta yang membolehkan pemakaian senjata sebagai pakaian peradaban dengan syarat-syarat tertentu yang lebih jelas. Pemakai pakaian peradaban ini tidak akan menghunus keris mereka tanpa sebab dan alasan yang kukuh. Mereka tidak akan membahayakan orang awam, sebaliknya boleh membantu pihak berkuasa jika keadaan memerlukan mereka bertindak sedemikian. Ini adalah kerana pemakai pakaian peradaban ini juga selayaknya mahir dengan seni beladiri dan mampu menjaga diri serta mereka yang memerlukan bantuan. Ini adalah bertepatan dengan pengisytiharan mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak ketika Malam Pendekar Perhimpunan Pesilat 1Malaysia 2012 yang mengiktiraf silat sebagai benteng ketiga pertahanan negara. Ucapan ini diulangi sekali lagi ketika majlis Himpunan Sang Sapurba Segayong Malaysia 2015. Beliau berkata semua pesilat dan pertubuhan silat adalah umpama angkatan ketiga yang mempertahankan negara daripada ancaman musuh durjana sama ada dari dalam mahupun luar. Terkini, pernyataan ini diulangi semula oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengatakan bahawa pesilat sebagai benteng ketiga pertahanan negara boleh membantu kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara ketika merasmikan Majlis Perhimpunan dan Penyampaian Ijazah Ke-36 Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia pada bulan Mei 2022.

Selaras dengan saranan pucuk pimpinan negara, seharusnya pemakaian keris dibenarkan kepada orang awam tertentu melalui pindaan akta yang berkaitan dengan syarat-syarat yang jelas. Pesilat dan keris tidak dapat dipisahkan. Seorang pemakai keris atau pekeris tidak akan dengan sewenang-wenangnya menghunus kerisnya akibat dari nafsu amarah. Beliau sebenarnya ialah seorang yang beradab dan berbudaya dan boleh diharapkan untuk menjaga keamanan dan keselamatan masyarakat di sekelilingnya. Dengan ini juga, rakyat akan berpeluang untuk mengenali keris dan pemakai keris dengan lebih baik dan ini akan dapat membantu menghapuskan tanggapan negatif umum dan juga pihak berkuasa mengenai mereka yang memakai keris.

RUJUKAN

Bahagian Penyelidikan Undang-undang. Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan Dan Senjata Berbahaya 1958 (Akta 357), Pub. L. No. 357 (1958). Malaysia.

Bahari, E. (2009). *Semangat Keris Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.

- Ghazali, M. J., Omar, M. Z., & Jaafar, A. (2009). Bilah Keris. In C. H. Azhari (Ed.), *Sains dan Teknologi Alam Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iskandar, J. (2018). *Destar Alam Melayu*. Shah Alam, Selangor: Akademi Seni Stadisional Warisan Melayu.
- Jabbar, S., Bakar, N. A. A., Baharom, N., & Jasmani, F. (Eds.). (2021). *Kamus Dewan Perdana* (3rd Editio). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamal, S. A. (2010). *Rupa & Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, K. (2016). *Keris The Masterpiece*. Kuala Lumpur: MEPSB Enterprise.
- Mu'ati, A. (2017). *Keris Melayu Semenanjung: Rupa Bentuk Keris Mengikut Negeri*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Hanif, H. M. (2020). Tariqat Pedang di Sebalik Seni Gerak dan Seni Tampak - Satu Pendekatan Terhadap Praktik dan Falsafah Seni Sukma Kencana. In M. S. Alias & A. Maslan (Eds.), *Wacana Epistemologi dan Estetika di Malaysia*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Piah, A. Z. A. (2019). *Keris Melayu Pusaka Bangsa*. Kuala Lumpur.
- Ridhaudin, T. A. (2020). *Etika Memakai Keris Dalam Busana*. Petaling Jaya, Selangor: Create Opportunities Sdn Bhd.
- Ridhaudin, T. A. (2020). *Kitab; Keris Hang Tuah 6 Manuskrip Melayu*. Petaling Jaya, Selangor: Create Opportunities Sdn Bhd.
- Ridhaudin, T. A. (2019). *Seni Silat Berkeris: Wadah Budaya Pakaian Bangsa*. Petaling Jaya, Selangor: Create Opportunities Sdn Bhd.
- Tuan Ismail, T. S. (1991). *Silat Melayu dengan tumpuan kepada Silat Sekebun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof, H. (2020). *Teknologi Kesultanan Melaka*. Kuala Lumpur: Cintai Publication.
- Yusof, S. (2022). *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan*. Malaysia: Skop Productions Sdn Bhd.

ANALISIS SEMANTIK J.J KATZ TERHADAP ASPEK INDAH BAHASA DAN MAKNA LAGU RAKYAT KADAZANDUSUN UNTUK PENDIDIKAN BAHASA DAN NILAI MORAL

J.J KATZ'S SEMANTIC ANALYSIS ON THE BEAUTIFUL ASPECTS OF LANGUAGE AND THE MEANING OF KADAZANDUSUN FOLK SONGS FOR LANGUAGE EDUCATION AND MORAL VALUES

Julita Norjietta Binti Taisin
Tracy Valerian

norjietta@fbk.upsi.edu.my
tracyvalerian03@gmail.com

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak

PENGENALAN

Masyarakat berbilang kaum di Malaysia sememangnya terkenal dengan kepelbagaian seni irama dan lagu, seperti lagu-lagu rakyat yang sangat nostalgia. Lagu-lagu rakyat ini mungkin mengalami sedikit perubahan dari segi susunan lirik, gaya nyanyian, irama lagu berserta alat muzik, serta bentuk persembahan. Hal ini berlaku berikutan perkembangan lagu-lagu rakyat masyarakat yang telah tersebar luas merentasi lautan dan pelbagai negara yang penuh dengan adat resam dan budaya yang berbeza. Dikenali sebagai Negeri Di Bawah Bayu, Sabah adalah sebuah negeri unik yang terkenal dengan kepelbagaian budaya dan etniknya. Keunikan ini terserlah dengan masyarakat Sabah yang terdiri daripada kira-kira 41 kumpulan etnik dan sub-kumpulan yang menggunakan kira-kira 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang daripada 80 dialek. Setiap kumpulan etnik dan sub-etnik juga mempunyai lagu-lagu rakyat, cerita rakyat, pakaian tradisional, tarian, kraftangan, amalan budaya, kepercayaan, adat resam, agama, penempatan dan warisan seni yang tersendiri (King, 1993: 5-6).

Lagu rakyat Kadazandusun mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya dengan lagu-lagu rakyat lain umumnya. Perbezaan yang ketara boleh didapati dalam lirik, irama dan melodi. Perbezaan ini memudahkan orang ramai membezakan lagu-lagu rakyat Kadazandusun dengan lagu-lagu rakyat Melayu. Lirik yang diperolehi juga tidak semudah menulis karangan. Inspirasi menulis lirik atau menyanyikan lagu rakyat datang daripada pengalaman seharian. Contohnya, pengalaman sedih atau gembira, jatuh cinta, bertani atau bekerja bersama. Lirik akan terhasil pada bila-bila masa ketika memikirkan sesuatu. Lirik lagu boleh diilhamkan daripada cerita rakyat dan peristiwa berkaitan manusia yang berlaku di penempatan itu. Keunikan lirik dapat menyokong lagu yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Lirik lagu tersebut mempunyai kekhususan dan keunikan, contohnya liriknya berbentuk *sudawil* (pantun) yang menceritakan kehidupan masyarakat Kadazandusun dengan menggunakan dialek Bunduliwan. Selain lirik, keunikan lagu rakyat Kadazandusun ialah iramanya. Irama ialah ketegangan yang dicipta oleh pengulangan dan penyatuan selang bunyi ke dalam aliran bunyi pendek, tekanan kuat dan lembut, nada tinggi dan rendah. Keunikan irama lagu rakyat Kadazandusun ialah irama melodinya yang merdu. Melodi ialah susunan not dalam bar biasa atau frasa berirama yang terdiri daripada dua

atau lebih corak yang memberikan idea dalam muzik (Al Barry, 2010:444). Selain perbezaan bahasa, melodi lagu rakyat Kadazandusun juga berbeza dengan lagu rakyat Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Setiap suku kaum di Malaysia mempunyai lagu rakyat tersendiri. Masyarakat Kadazandusun di Sabah juga tidak terkecuali. Lagu rakyat merupakan warisan dan kebanggaan turun-temurun dalam masyarakat Kadazandusun kerana di dalamnya mengandungi mesej yang menjadi teras identiti mereka. Memandangkan kehidupan masyarakat Kadazandusun zaman dahulu sangat berkait dengan alam semula jadi sebagai sumber ekonomi, maka terhasillah lagu rakyat yang berkait rapat dengan kehidupan persekitaran mereka yang lebih berunsurkan nasihat, teguran dan sindiran kepada anak-anak mereka. Namun begitu, beberapa lagu rakyat semakin terpinggir dan dilupakan kerana kebanyakan generasi muda hari ini lebih terpengaruh dengan lagu-lagu moden (Asmiaty Amat & Evelyn Annol, 2004: 197-208)⁵. Sementara itu, menurut Janathan Kandok (2012:8) penyanyi lagu rakyat tradisional dalam masyarakat Kadazandusun di Sabah hanya terdiri daripada golongan yang sudah berusia lanjut, manakala usaha mendokumentasikan kesusasteraan itu sedikit. Kehilangan sifat jati diri dan kurang pendedahan adalah antara faktor lagu rakyat kini kian pupus ditelan zaman. Menurut Ratu Etik Kreatif, Noraniza Idris, ini bukan masanya untuk menuding jari dan mencari kesalahan dengan mana-mana pihak, tetapi apa yang berlaku sepatutnya menjadi tanggungjawab setiap individu untuk menghentikannya. Lagu rakyat lama kelamaan akan hilang disebabkan sikap kita sendiri yang mudah terhakis dan tiada sifat nilai jati diri. (<https://www.utusan.com.my/premium/2020/12/tiada-jati-diri-punca-lagu-rakyat-pupus/>). Penggerak seni dan budaya yang kurang arif dengan penggunaan rangkaian sosial turut menyumbang kepada perkara ini. Selain itu, tidak dinafikan sikap penggiat seni yang mementingkan seni dan menganggap seni terlalu berharga tetapi kurang mengongsikannya sebagai ilmu rujukan khasnya dalam pendidikan. Selaras itu, Tokoh Warisan Orang Hidup Kebangsaan, Profesor Datuk Dr. Aripin Said mengenai nasib cerita dan lagu-lagu rakyat yang semakin lenyap ditelan zaman berikutan ramai 'sang penglipur lara' sudah tiada untuk memperjuangkan khazanah seni bangsa.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Menganalisis struktur dan makna lagu rakyat Kadazandusun.

Kajian berkaitan

Lagu rakyat

Lagu-lagu rakyat ini tidak seharusnya dilihat dalam konteks yang sempit tetapi seharusnya dikembangkan penggunaannya dan diperkayakan maksud yang tersirat dan keindahan bahasa kiasannya yang tinggi, agar dunia dapat mengetahui bahawa lagu-lagu rakyat ini mampu menyatu padukan suatu rumpun yang besar di Alam Melayu. Biasanya lagu rakyat menceritakan perihal masyarakat, alam, haiwan, tumbuh-tumbuhan ataupun senario semasa di kawasan tersebut. Lagu rakyat biasanya akan dinyanyikan semasa bermain, mendodoikan anak, hiburan setelah penat membanting tulang dan juga semasa majlis-majlis keramaian. Lagu-lagu rakyat juga didendangkan secara berkumpulan oleh anak-anak dara sunti dan kanak-kanak Melayu.

Kajian Janathan Kandok (2012) bertajuk "Kadazandusun Sundait: Dokumentasi dan analisis" mendokumenkan 536 Sundait untuk mengenal pasti unsur-unsur kepercayaan, sensibiliti, doktrin dan pandangan dunia orang Kadazandusun melalui rakaman, transkripsi, pengelasan dan jejak. Maklumat tersebut diperoleh daripada informan pelbagai keturunan Kadazandusun di pelbagai lokasi terpilih di pantai barat dan pedalaman Sabah. Hasil kerja

lapangan telah ditranskripsikan kepada dua bentuk verbatim dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan dikelaskan mengikut lokasi kajian. Kajian Janathan telah membawa beberapa sumbangan penting sebagai rujukan dan sebagai bahan bacaan pada masa hadapan kepada masyarakat Kadazandusun khususnya generasi muda. Pengkaji merekodkan 536 sundait dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji juga mengklasifikasikan sundait kepada sub genre yang berbeza, dan juga menganalisis sundait berdasarkan unsur kepercayaan, doktrin dan pandangan dunia. Hasil kajian tersebut sangat menarik kerana teks verbatim *sundait* yang telah ditranskrip telah dikelaskan kepada lapan kelas utama iaitu alam ghaib dan kepercayaan, adat resam, abstraksi, alam, tumbuh-tumbuhan, binatang, tempat tinggal, aktiviti dan kehidupan sehari-hari. Seterusnya kajian oleh Rosliah Kiting et al. (2016) bertajuk “Peranan Talaala (Puisi) Dalam Masyarakat Kadazandusun di Sabah” lebih menumpukan usaha mengumpul Talaala yang masih disampaikan secara lisan melalui kerja lapangan dan sebanyak 199 pantun daripada 20 Informan daerah Tamparuli. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual berstruktur tidak formal, temu bual tidak berstruktur yang mendalam dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan bahawa talaala memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan pendidikan. Analisis data mengikut model Creswell (1998:143), di mana data temu bual ditranskripsi dan diterjemahkan ke dalam bentuk bertulis yang dipanggil teks verbatim. Teks ini disusun menggunakan label.

Nilai Moral

Jadual 1: Kajian berkaitan

Kajian	Reka Bentuk Kajian	Negara	Tujuan Kajian
Mohd Azrul Jaafar, Azrina Tahir, et al (2017) ¹⁰	Kuantitatif	Malaysia	Mengenal pasti tahap kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar berdasarkan kursus TITAS ke arah pembentukan sahsiah pelajar politeknik Ungku Omar.
Nurazidawati Mohamad Arsad & Kamisah Osman (2019) ¹¹	Kuantitatif	Malaysia	Mengenal pasti penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sains menggunakan modul Tauhidik STEM Kids yang disesuaikan dengan model pengajaran 5E beserta interaksi Tuhan (T), Alam (A) dan Manusia (M).
Hendarwati, E., Wahono, & Setiawan, A. (2019) ¹²	Kualitatif	Indonesia	Bertujuan untuk menjelaskan nilai kejujuran kepada kanak-kanak melalui media ular tangga.
Zarina Ahmad, Yusfarina Mohd	Gabungan	Malaysia	Untuk melihat tahap dan jenis-jenis amalan kesantunan berbahasa yang diamalkan di

Yussof & Azlina binti Pajjan (2020) ¹³			organisasi ini dalam situasi rasmi atau tidak rasmi.
Crisyanti Kuling Angki & Rosadah Abd. Majid (2020) ¹⁴	Kualitatif	Malaysia	Untuk meningkatkan sahsiah murid ADHD dan melihat perubahan dari aspek budi bahasa yang memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.
Ahmad Sahlan Abdul Hatim, Mohd Nizam Sahad & Rosmawati Mohamad Rasit (2020) ¹⁵	Kuantitatif	Malaysia	Mengenal pasti tahap pelaksanaan aktiviti dakwah seni dan nilai yang diterapkan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah seni di sekolah serta penghayatan murid terhadap nilai tersebut.
Roux, C.J. & Dasoo, N. (2020) ¹⁶	Gabungan	Africa	Bertujuan untuk mengenal pasti nilai yang dianggap penting oleh guru pra-perkhidmatan untuk diajar di sekolah.
Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Faridah Mohd Sairi & Mohd Annas Shafiq Ayob (2021) ¹⁷	Kualitatif	Malaysia	Membincangkan tentang konsep Pendidikan 5.0 dalam konteks pendidikan di Malaysia serta kepentingan nilai murni dalam pendidikan 5.0
Siti Khadijah Mohd Kamal & Mohd. Isa Hamzah (2021) ¹⁸	Kualitatif	Malaysia	Bertujuan untuk melihat perspektif guru Pendidikan Islam dalam penerapan elemen nilai murni dan etika dalam pembelajaran abad ke-21 (Pak21).
Vega-Ramirez, L., Avalos-Ramos, M.A. & Merma-Molina, G. (2021) ¹⁹	Kuantitatif	Sepanyol	Mengenal pasti nilai yang dibangunkan dan diperkukuh dalam kelas pendidikan jasmani Sekolah Menengah, di bawah visi pelajar Sains Aktiviti Fizikal, dan untuk membangun, melaksana dan menilai aktiviti permainan pengajaran-pembelajaran dalam latihan awal pelajar Sains Aktiviti Fizikal untuk penyepaduan nilai dalam pendidikan jasmani
Muhamad Khairul Anam Ishak & Wan	Kualitatif	Malaysia	Membincangkan asimilasi Falsafah Pendidikan

Muna Ruzanna Wan
Mohammad (2021)²⁰

Kebangsaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) simpulan bahasa di sekolah rendah. Kajian ini berpendapat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menerapkan nilai-nilai murni telah diasimilasikan secara implisit dalam PdP simpulan bahasa (Bahasa Melayu Sekolah Rendah Tahap 1).

Vasanthan
Gurusamy, Sharmini
Siva Vikaraman, &
Marshal Briewin
Masilamani (2021)²¹

Kualitatif

Malaysia

Membincangkan potensi aktiviti lakonan filem pendek sebagai kaedah pengajaran dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap unsur etika sebagai murid sekolah.

Norharah Abd Hamid
& Faridah Mydin
Kutty (2021)²²

Kuantitatif

Malaysia

Bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan adab kesopanan pelajar sekolah rendah di daerah Zon Kajang.

Vasantakumaran
Sekar, Suppiah
Nachiappan, & C.
Gengadaran (2021)²³

Kualitatif

Malaysia

Bertujuan untuk mengkaji penerapan nilai murni dalam pengajaran Thirukkural Bahasa Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

Azlina Amat Yasin,
Rohaidah Masri &
Mazlini Adnan
(2022)²⁴

Kualitatif

Malaysia

Untuk mengenal pasti keperluan membangunkan model asas berasaskan nilai murni dalam mata pelajaran Matematik STEM untuk sekolah rendah.

Aningsih, Zulela,
M.S., Neolaka,
A.,Iasha & V.,
Setiawan,B (2022)²⁵

Kualitatif

Indonesia

Untuk menganalisis pelaksanaan pendidikan karakter di Indonesia.

Christian Eke Kalu &
Uchenna Egodi Ajake
(2022)²⁶

Kuantitatif

Africa

Mengkaji pengaruh nilai moral terhadap hubungan interpersonal pelajar sekolah menengah di Zon Pendidikan Calabar Negeri Cross River, Nigeria.

Abdullah, Nik Md
Saiful Azizi Nik,
Lubis, et al (2022)²⁷

Kualitatif

Malaysia

Bertujuan untuk meneroka persepsi guru dalam memupuk nilai moral untuk membentuk sahsiah pelajar, mengenal pasti

cabaran berbeza yang dihadapi oleh guru dan untuk mengetahui bagaimana guru mengatasi cabaran mereka di sekolah Islam dan sekolah konvensional.

Kajian dari 18 artikel telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mengumpul data berkenaan dengan pendidikan nilai moral terutama sekali dalam kalangan pelajar. Merujuk kepada Jadual 2 beberapa kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah seperti ujian pra dan pasca, pemerhatian, soal selidik, temu bual dan analisis dokumen untuk merekodkan nilai moral yang dapat diterapkan dalam diri pelajar.

Jadual 2: Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data	Jumlah	Pengarang
Ujian Pra dan Pasca	1	Nurazidawati Mohamad Arsad & Kamisah Osman (2019) ¹¹
Pemerhatian	4	Crisyanti Kuling Angki & Rosadah Abd. Majid (2020) ¹⁴ , Zarina Ahmad, Yusfarina Mohd Yussof, & Azlina binti Paijan (2020) ²⁴ , Hendarwati, E., Wahono, & Setiawan, A.(2019) ¹² , Gurusamy, V., Vikaraman, S. S., & Masilamani, M. B. (2021) ²¹ .
Soal selidik	8	Nurazidawati Mohamad Arsad & Kamisah Osman (2019) ¹¹ , Mohd Azrul Jaafar, Azrina Tahir, et al (2017) ¹⁰ , Zarina Ahmad, Yusfarina Mohd Yussof & Azlina binti Paijan (2020) ²⁴ , Ahmad Sahlan Abdul Hatim, Mohd Nizam Sahad & Rosmawati Mohamad Rasit (2020) ¹⁵ , Vega-Ramirez, L., Avalos-Ramos, M.A. & Merma-Molina, G. (2021) ¹⁹ , Roux, C.J. & Dasoo, N. (2020) ¹⁶ , Norharah Abd Hamid & Faridah Mydin Kutty (2021) ²² , Christian Eke Kalu & Uchenna Egodi Ajake (2022) ²⁶
Temu bual	9	Siti Khadijah Mohd Kamal & Mohd. Isa Hamzah (2021) ¹⁸ , Crisyanti Kuling Angki & Rosadah Abd. Majid (2020) ¹⁴ , Azlina Amat Yasin, Rohaidah Masri & Mazlini Adnan (2022) ²⁴ , Aningsih, Zulela, M.S., Neolaka, A.,lasha & V., Setiawan,B (2022) ²⁵ , Hendarwati, E., Wahono, & Setiawan, A.(2019) ¹² , Roux, C.J. & Dasoo, N. (2020) ¹⁶ , Vasanthan Gurusamy, Sharmini Siva Vikaraman, & Marshal Briewin Masilamani (2021) ²¹ , Vasantakumaran Sekar, Suppiah Nachiappan, & C. Gengadaran (2021) ²³ , Abdullah, Nik Md Saiful Azizi Nik, Lubis, et al (2022) ²⁷

Analisis dokumen	3	Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Faridah Mohd Sairi & Mohd Annas Shafiq Ayob (2021) ¹⁷ , Muhamad Khairul Anam Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2021) ²⁰ , Vasantakumaran Sekar, Suppiah Nachiappan, & C. Gengadaran (2021) ²³
------------------	---	---

Pendidikan nilai moral

Terdapat beberapa kajian yang lebih menumpukan perspektif guru terhadap penerapan nilai moral. Kajian Siti Khadijah Mohd Kamal dan Mohd. Isa Hamzah (2021) hasil dari temu bual bersama GPI menunjukkan guru Pendidikan Islam berpendapat penerapan elemen nilai-nilai murni dan etika sangat penting untuk diterapkan kepada pelajar dan turut menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan Pak21. Seterusnya, kajian Abdullah, Nik Md Saiful Azizi Nik, Lubis, et al (2022) yang meneroka persepsi guru dalam memupuk nilai moral untuk membentuk sahsiah pelajar, mengenal pasti cabaran berbeza yang dihadapi oleh guru dan untuk mengetahui bagaimana guru mengatasi cabaran mereka di sekolah Islam dan sekolah konvensional mendapati terdapat perbezaan ketara yang dicatat oleh guru di sekolah konvensional kerana cabaran yang mereka hadapi adalah disebabkan oleh batasan hak guru. Cabaran lain yang dihadapi oleh guru di kedua-dua jenis sekolah termasuk latar belakang keluarga, persekitaran sekolah, tekanan rakan sebaya dan media sosial. Dari aspek perspektif guru pula kesemua responden memberikan jawapan yang hampir sama yang mana sahsiah menjadi panduan kepada pelajar dan membentuk kecemerlangan pelajar. Dari sudut lain, kajian Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Faridah Mohd Sairi dan Mohd Annas Shafiq Ayob (2021) membincangkan tentang konsep pendidikan 5.0 dalam konteks pendidikan di Malaysia serta kepentingan nilai murni dalam pendidikan 5.0. Dapatan dalam kajian tersebut penting untuk digunakan sebagai panduan bagi memastikan elemen nilai murni tidak diabaikan selaras dengan perkembangan sistem pendidikan. Manakala kajian Crisyanti Kuling Angki & Rosadah Abd. Majid (2020) yang menggunakan kaedah nyanyian untuk meningkatkan sahsiah murid ADHD menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila murid ADHD dapat berkomunikasi dengan budi bahasa yang sopan sekaligus dapat mengekalkan daya tumpuan. Hal ini demikian kerana nyanyian berpotensi meningkatkan daya ingatan serta memberikan ransangan yang optimum kepada murid. Modul yang dibangunkan dalam kajian Azlina Amat Yasin, Rohaidah Masri dan Mazlini Adnan (2022) untuk model asas berasaskan nilai murni dalam mata pelajaran Matematik STEM untuk sekolah rendah menunjukkan pendidikan STEM yang berteraskan nilai moral dalam model pengajaran Matematik dilihat relevan dan penting.

Berdasarkan tinjauan literatur sistematik, kajian ini mendapati bahawa masih banyak kajian berkaitan pendidikan nilai moral di sekolah dijalankan. Skop kajian tidak hanya tertumpu kepada pendidikan nilai moral di sekolah sahaja, malahan skop yang lebih luas seperti pendidikan nilai moral di universiti, pengamalan nilai murni di tempat kerja dan melihat persepsi guru terhadap penerapan nilai murni. Sampel/responden juga merangkumi pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, siswazah, guru pra-perkhidmatan, guru dalam perkhidmatan serta orang awam. Majoriti kajian dibuat di Malaysia. Dapatan dari 18 artikel kebanyakan mengenal pasti penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar berdasarkan kursus atau aktiviti yang dijalankan. Seperti penerapan nilai-nilai murni dalam PdP menggunakan modul Tauhidik STEM Kids yang sesuai dengan model pengajaran 5E, penerapan nilai-nilai murni menerusi aktiviti nyanyian, pengamalan nilai-nilai murni berdasarkan kursus TITAS, aktiviti dakwah seni di sekolah, melalui

aktiviti permainan, melalui aktiviti lakonan dan penerapan nilai murni dalam pengajaran Thirukkural Bahasa Tamil. Pendidikan nilai bukan perkara baharu dalam sistem pendidikan. Sejarah berkaitan nilai di negara Barat contohnya seperti di Amerika telah bermula sejak abad ke-16 dengan tujuan untuk melahirkan generasi muda yang bermoral, rajin dan memberi sumbangan kepada masyarakat (Mabary 2017). Walau bagaimanapun, Nik Aziz dan Ruzela (2013) menyatakan bahawa kajian tentang aspek nilai kurang diberi perhatian dan hanya memfokuskan kepada aspek motivasi, sikap dan kepercayaan meski pun penekanan elemen nilai murni dinyatakan dalam kurikulum.

METODOLOGI

Data yang dikumpulkan adalah bersifat kualitatif yang akan menggunakan lagu rakyat iaitu *sudawil* sebagai bahan kajian. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian lapangan. Kajian lapangan adalah bahan yang diperolehi daripada sumber media elektronik dan temu bual responden terpilih. Kaedah kajian ini merupakan penggerak ke arah pengumpulan data sama ada melalui bahan yang sudah diterbitkan mahupun yang mentah dari lapangan. Kajian ini hanya terbatas kepada *sudawil* yang berkaitan dengan nasihat dan menghormati adat dan pantang larang dalam masyarakat Kadazandusun. Sebanyak empat contoh rangkap *sudawil* yang diberi penelitian hasil daripada rakaman audio di lapangan dari informan yang terlibat.

Perbincangan dapatan kajian berdasarkan kepada rangkuman menyeluruh kerangka analisis semantik yang dipelopori oleh Fredinand Saussure (1857-1913) yang memfokuskan kajian, pembacaan dan analisis merujuk kepada tanda-tanda yang wujud dalam teks-teks sastera. Dapatan kajian berdasarkan pembahagian elemen keindahan bahasa iaitu rima, asonansi dan diksi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sudawil

Sudawil bermaksud pantun dalam bahasa Melayu. *Sudawil* merupakan salah satu tradisi lisan Kadazandusun yang diturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain secara lisan dengan cara dilagukan dan dihafal. Selain itu, *sudawil* juga menjadi alat komunikasi masyarakat Kadazandusun dan juga merupakan cara masyarakat dahulu berhibur dan usik-mengusik. Kebiasaannya, mesej yang disampaikan melalui *sudawil* dilatari dengan persekitaran alam dan budaya kehidupan dengan menggunakan bahasa perlambangan (Norjietta, 2014)³⁰. Tambahan pula, *sudawil* juga berperanan sebagai media pengasah pemikiran untuk lebih kreatif kerana aktiviti *misudawil* memerlukan seseorang yang berfikir secara asosiatif (Rosliah Kiting, 2013)⁹. *Sudawil* sememangnya kaya dengan keindahan bahasa yang disaluti dengan pengajaran, humor, sindiran dan ada nilai. Oleh itu, *sudawil* juga sangat sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun untuk pendidikan bahasa. Jadual 3 dan jadual 4 menunjukkan beberapa elemen keindahan bahasa yang terdapat dalam *sudawil*.

Jadual 3 *Sudawil* berkaitan dengan nasihat

Rangkap Asal <i>Sudawil</i> dan Terjemahan	Elemen Keindahan Bahasa		
	Rima	Asonansi	Diksi
<p><i>Alum-alum no tohiti,</i> <i>Alum nokoring tinilombuso,</i> <i>Isai no mingkowili,</i> <i>Ralan do otulid ouh okito.</i></p> <p>Rebah-rebahlah lalang, Rebah kering berterusan, Siapakah asyik menoleh, Jalan lurus tidak namoak.</p>	<p>-ti (a) -so (b) -li (a) -to (b)</p>	<p>Pengulangan huruf vokal ‘a’ dan ‘i’</p>	<p><i>Tohiti: Paka</i></p>
<p><i>Tonomo ku ilo layo,</i> <i>Tinanom ku id natad walai,</i> <i>Kada no kama mingkayo-kayo,</i> <i>Sumonu wagu otoloud ko ii.</i></p> <p>Ku tanam halia ini, Ku tanam di laman rumah, Janganlah kamu mengada-ada, Lain kali kamu yang malu sendiri.</p>	<p>-yo (a) -lai (b) -yo (a) -ii (b)</p>	<p>Pengulangan huruf vokal ‘a’ dan ‘o’</p>	<p><i>Mingkayo-kayo:</i> <i>Minghali-hali</i></p>

Jadual 4 *Sudawil* berkaitan dengan menghormati adat dan pantang larang

Rangkap Asal <i>Sudawil</i> dan Terjemahan	Elemen Keindahan Bahasa		
	Rima	Asonansi	Diksi
<p><i>Sulap-sulap di aki ku,</i> <i>Poinsungod do palu-palu,</i> <i>Kada no ogulot ondu’,</i> <i>Osoibau nu moti o dongulu-gulu</i></p> <p>Sulap-sulap datukku, Berhampiran dengan palu-palu, Janganlah mulut becok, Nanti mengalahkan pula adat lama.</p>	<p>-ku (a) -lu (a) -du (a) -lu (a)</p>	<p>Pengulangan huruf vokal ‘a’ dan ‘o’</p>	<p><i>Ogulot: Obolotok</i></p>
<p><i>Molong kolong no tosirung,</i> <i>Sumolok bawang id kadamaian,</i> <i>Nung ababak no barabai timpohon,</i> <i>Kogunguli no kawagu katabpaian.</i></p> <p>Bersinar- sinar seraung,</p>	<p>-rung (a) -an (b) -hon (b) -an (b)</p>	<p>Pengulangan huruf vokal ‘a’</p>	<p><i>Molong-kolong: Milou-kilou</i></p>

Menuju sungai di Kadamaian, Jika pecahlah tempayan diduduk Baliklah kembali ke tempat asal			
--	--	--	--

Keindahan Bahasa

Berdasarkan hasil analisis penggunaan rima pada *sudawil* (pantun) dalam jadual 3 dan jadual 4, menunjukkan hasil bahawa sebahagian besar *sudawil* di atas menggunakan rima a-b-a-b. Hal ini sejajar dengan Utami (2013)^v yang mengungkapkan bahawa pantun yang dilagukan secara silang atau a-b-a-b, bermaksud bunyi akhir baris pertama sama dengan bunyi akhir baris ketiga dan bunyi akhir baris kedua sama bunyi dengan bunyi akhir baris keempat. Terdapat juga *sudawil* yang menggunakan pola rima a-a-a-a dalam jadual 4 rangkap pertama. Secara keseluruhannya, rima yang sempurna terdapat dalam jadual 3 rangkap satu dan dua.

Asonansi ialah pengulangan vokal untuk membentuk rima dalaman dalam frasa atau ayat dan, bersama dengan aliterasi dan konsonan, berfungsi sebagai salah satu blok bangunan urutan vokal dan konsonan. Terdapat pengulangan vokal a, e, i, o, u menjadikan *sudawil* tersebut lebih indah apabila dilagukan. Selain itu, apabila bacaan selesai, rima dalaman terbentuk dalam rangkaian kata dan *sudawil* yang memudahkan pendengar memahami maksud pengarang. Ciri asonansi mewujudkan rentak dan rentak yang baik ketika *sudawil* dilagukan. Diksi atau pilihan kata mengandungi ketepatan makna, kesesuaian situasi dan nilai rasa yang ada pada pembaca dan pendengar. Dalam *sudawil* rangkap satu (jadual 3) perkataan '*tohiti*' juga sinonim dengan '*pakai*' dalam terjemahan bahasa Melayu 'lalang'. Seterusnya, dalam rangkap dua (jadual 3) perkataan '*mingkayo-kayo*' sinonim dengan '*minghali-hali*' atau dalam terjemahan bahasa Melayu 'mengada-ngada'.

Dalam jadual 3 rangkap satu, perkataan '*tohiti*' dikaitkan dengan kisah percintaan pasangan kekasih yang mana si gadis menyatakan kepada si lelaki jika mahu hubungan mereka diteruskan, si lelaki tidak perlu memikirkan tentang jurang antara mereka. Walau pun si gadis merupakan anak orang kaya tetapi ia bukan penghalang untuk mereka meneruskan hubungan. Dalam konteks *sudawil* ini, '*tohiti*' adalah bahasa kiasan kepada percintaan mereka seperti lalang yang rebah ditiup angin tanpa hala tuju kerana si lelaki hanya memikirkan masalah tanpa memikirkan bagaimana untuk berjuang mengatasi masalah tersebut. Nilai murni yang terkandung di sebaliknya *sudawil* ini ialah nilai kasih sayang yang ditunjukkan oleh si gadis dengan berkata demikian agar si lelaki dapat bertenang dan berusaha agar hubungan mereka berjaya. *Sudawil* rangkap dua pula adalah mengenai sikap si gadis yang mengada-ngada dan tidak memikirkan perasaan kekasihnya walau pun sudah lama bersama. Si lelaki mengingatkan si gadis bahawa dia akan merasa malu sendiri seandainya si lelaki tidak mahu lagi meneruskan perhubungan mereka. Pada dasarnya si gadis mencintai lelaki tersebut tetapi dia seolah-olah mengada-ngada maka wujud perkataan '*mingkayo-kayo*' yang menjurus kepada sikap tersebut. Nilai murni dalam *sudawil* ini ialah hemah tinggi.

Sudawil dalam jadual 4 pula lebih bertemakan menghormati adat dan pantang larang. Perkataan '*ogulot*' sinonim dengan perkataan '*obolotok*' atau dalam bahasa Melayu 'mulut becok'. Perkataan tersebut ditujukan kepada individu yang suka mengata atau bercakap sesuatu yang tidak patut. Oleh itu, dinasihatkan agar sentiasa menjaga kesopanan mulut kerana dikhuatiri bertentangan dengan adat nenek moyang. Walau bagaimana pun *sudawil* ini cuba menyampaikan mesej kepada si gadis supaya menghargai nilai-nilai murni jika ingin menjadi calon menantu yang baik kepada pihak keluarga lelaki, iaitu harus bersopan santun dalam setiap pertuturan. Dalam *sudawil* jadual empat rangkap dua pula '*molong-kolong*' dikaitkan dengan rombongan keluarga

lelaki yang memakai *sirung* semasa menyusur sungai Kedamaian untuk menyampaikan hajat kepada pihak perempuan. *Sirung* adalah sejenis topi yang diperbuat daripada rotan dan buluh dari

jenis *tombotuan* untuk melindungi diri dari panas dan hujan. Oleh itu, dalam keadaan mereka menyusur sungai beramai-ramai maka kelihatanlah tosirung yang dipakai berkilau-kilauan. Nilai murni yang terdapat dalam *sudawil* jadual empat adalah menghormati adat.

KESIMPULAN

Kajian ini berpotensi membawa ilmu baharu kepada generasi muda khususnya dalam masyarakat Kadazandusun dengan mempelajari istilah-istilah yang digunakan oleh nenek moyang melalui lagu rakyat terutama sekali *sudawil*. Kajian ini juga memberi sumbangan ilmiah yang signifikan dengan aplikasi teori analisis komponen makna, menyumbang kepada inventori istilah bahasa Kadazandusun yang boleh dijadikan panduan khususnya kepada generasi muda, serta memberi alternatif kepada pembentukan bahasa Melayu. Akhir sekali, lagu rakyat dalam masyarakat Kadazandusun perlu dipelihara sebagai khazanah budaya dan tradisi lisan untuk mengekalkan identiti masyarakat Kadazandusun.

Rujukan

- Abd Hamid, N., & Kutty, F. M. (2021). Penghayatan Adab Kesopanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Masa Kini Di Daerah Zon Kajang. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 173-187.
- Abdullah, Nik Md Saiful Azizi Nik, Lubis, A., & Isa, R. A. M. (2022). Exploring teachers' experience with student character development: A comparative analysis. *Islamiyyat*, 44(1), 65-80. doi:<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2022-4401-6>
- Al Barry, M Dahlan. (2010). *Kamus Ilmiah Serapan*. Jogja: Absolut.
- Amalia, D. R., Sari, N. D. P., Saputra, A. A., & Alfaruq, U. (2019). Linguistik Perspektif Ferdinand De Saussure Dan Ibn Jinni. *Al-Fathin*, 2(2), 165–166.
- Angki, C. K., & Majid, R. A. (2020). Penerapan Nilai-Nilai Murni Melalui Nyanyian Untuk Meningkatkan Sahsiah Murid ADHD. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 222-230.
- Arsad, N. M., & Osman, K. (2019). Penerapan Nilai Murni Melalui Interaksi TAM dan Kitaran Pengajaran 5E dalam Modul Tauhidik STEM Kids. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 44.
- Asmiaty Amat dan Evelyn Annol. 2004. *Kesusasteraan Kadazandusun: Sumbangan dan Cabaran*. Kertas Kerja Seminar Pembinaan Nasional Malaysia, Sempena 40 Tahun Sabah Merdeka, Anjuran PPIB, UMS, 29-30 ogos 2004
- Endah HendarwatI, S. E., Wahono, W., & Setiawan, A. (2019). The Implementation of Honesty Value in Early Years Children Through Snake and Ladder Media. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(3).

- Fanani, F. (2013). Semiotika Strukturalisme Saussure. *Jurnal The Messenger*, 5(1), 10. <https://doi.org/10.26623/themessenger.v5i1.149>
- Gurusamy, V., Vikaraman, S. S., & Masilamani, M. B. (2021). Kepatuhan etika melalui aktiviti lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah [Ethics through acting activities in teaching and learning of Moral education in secondary schools]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 1-9.
- Hatim, A. S. A., Sahad, M. N., & Rasit, R. M. (2020). Persepsi pelajar terhadap pembentukan akhlak melalui penerapan nilai murni dalam aktiviti dakwah kesenian di SMKA negeri Kedah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 1-16.
- Ishak, M. K. A., & Mohammad, W. M. R. W. (2021). Asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 4(1), 1-11.
- Jaafar, M. A., Tahir, A., & Noor, A. F. M. (2017). Pengamalan nilai nilai murni dalam kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) ke arah pembentukan sahsiah pelajar Politeknik Malaysia [Practicing value of pure values in the course of Islamic Civilization and Islamic Civilization (TITAS) towards the formation of the personality of Malaysian Polytechnic]. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 29-35.
- Janathan Kandok. (2012). *Sundait Kadazandusun: Dokumentasi dan Analisis*. Tesis PhD. Universiti Malaysia Sabah.
- Kalu, C. E., & Ajake, U. E. (2022). Moral Values Orientation And Students' Interpersonal Relationship In Cross River State, Nigeria, *Anglisticum. Journal of the Association-Institute for English Language and American Studies*, 10(10), 24-37
- Kamal, S. K. M., & Hamzah, M. I. (2021). Penerapan Nilai Murni dalam Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(4), 16-31.
- King, V.T. (1993). *The Peoples of Borneo*. Oxport & Cambridge : Black well.
- Kiting, R. (2013). *Unsur-unsur sejarah dalam sudawil (pantun) Kadazandusun*.
- Latifah. A. B., et al. (2012). Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 51-65. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mabary, T.G. (2017). *Values, Moral, and Character Education in Colonial America Through the Nineteenth Century: A Qualitative Historical Study*. Doktor Falsafah, The Faculty of the Graduate Education Department, Southwest Baptist University.
- Nik Azis Nik Pa & Ruzela Tapsir. (2013). Analysis of instruments measuring values of mathematics education. *Procedia -Social and Behavioral Sciences*, 90(2013): 449-457
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Kolej Kemahiran Tinggi Mara*.

Tesisi Sarjana. Fakultas Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.

Norjietta Taisin. (2014). *Sudawil : Analisis Dari Aspek Makna*. Tesis Phd. Universiti Malaysia Sabah.

Ramírez, L. V., Ramos, M. A. Á., & Molina, G. M. (2021). Respect and equality as priority values for teaching on Physical Education: perspective of university students. *Retos: nuevas tendencias en educación física, deporte y recreación*, (42), 418-425.

Roux, C. J., & Dasoo, N. (2020). Pre-service teachers' perception of values education in the South African physical education curriculum. *South African Journal of Childhood Education*, 10(1), 1-8. Roux, C. J., & Dasoo, N. (2020). Pre-service teachers' perception of values education in the South African physical education curriculum. *South African Journal of Childhood Education*, 10(1), 1-8.

Sekar, V., Nachiappan, S., & C.Gengadaran. (2021). Analisis penerapan nilai murni melalui pengajaran karya Thirukural bahasa Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan empat [Infusion of moral values on teaching of Thirukkural on Tamil language among form 4 students]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(3), 194-201

Soh, N. S. M., Ismail, H., Sairi, F. M., & Ayob, M. A. S. (2021). Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0: Moral Values in Education 5.0. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 1-11.

Utami, N.S. (2013). *4PM Pintar pantun puisi pribahasa dan majas*. Yogyakarta: Naafi' Book Media.

Yasin, A. A., Masri, R., & Adnan, M. (2022). The Need For Basic Teaching Model Based On Moral Values In Stem Mathematics. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 20(1), 33-46.

Zarina. A., Yusfarina M. Y., & Azlina. P. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa di Tempat Kerja. *Jauhari* 1(20), 1-10.

Zulela, M. S., Neolaka, A., Iasha, V., & Setiawan, B. (2022). How is the Education Character Implemented? The Case Study in Indonesian Elementary School. *Journal of Educational and Social Research*, 12(1), 371-371.

BUDAYA PELANGGARAN AKHLAK ISLAM MENERUSI NOVEL *SALINA* DAN NOVEL *PEREMPUAN POLITIKUS MELAYU*: SUATU PENELITIAN *AL-MUHLIKAT*

Siti Nur Anis Muhammad Apandi

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

nuranis.@umk.edu.my

Abstrak

Novel merupakan buah tangan penulis yang mengisi persoalan-persoalan moral manusia sama ada persoalan dengan diri sendiri, tuhan, masyarakat sekeliling atau alam sekitar yang sesuai untuk dijadikan sumber pendidikan kepada khalayak umum. Senario ini menjadikan kebanyakan penghasilan karya sastera adalah berkaitan keadaan realiti masyarakat dan bukan semata-mata bersifat cereka. Sifat karya sastera juga bukan hanya bermain-main dengan dunia imaginasi sahaja, tetapi turut memberi makna serta memaknakan dengan dunia sebenar. Kebanyakan pengarang yang prolific dalam penghasilan karya sastera dilihat memperjuangkan gagasan pendidikan akhlak yang murni dengan cara yang tersendiri. Salah satu kaedah adalah dengan menyelitkan elemen konflik realiti manusia di dunia sebenar ke dalam karya-karya mereka seperti menyentuh isu budaya pelanggaran akhlak manusia. Buktinya, A. Samad Said menerusi novel *Salina* (2016) dan Faisal Tehrani menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* (2016) telah memaparkan isu pelanggaran akhlak manusia mengikut perspektif Islam. Elemen negatif itu bukanlah bertujuan untuk menjatuhkan imej sesuatu bangsa tetapi lebih berfungsi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat. Kefahaman yang jitu berkaitan kategori-kategori keruntuhan akhlak mengikut perspektif agama harus diterapkan dalam diri manusia agar mereka dapat memahami dan mengamalkan konsep amar makruf nahi mungkar dengan sebaik mungkin. Justeru, penyelidikan ini dijalankan bagi meneliti dan menjelaskan kepada umum berkaitan kategori-kategori pelanggaran akhlak yang ada dalam novel-novel kajian. Kajian ini dimantapkan lagi dengan menggunakan kaedah analisis wacana dan juga bersandarkan pendekatan Islam, iaitu pendekatan *Al-Muhlikat* (2013). Hasil penelitian mendapati bahawa karya sastera benar-benar berjaya dalam berperanan untuk memberi pendidikan kepada masyarakat dengan memasukan elemen pelanggaran akhlak sebagai teguran dan peringatan bersama.

Kata kunci: Keruntuhan akhlak, *Al-Muhlikat*, novel *Salina*, novel *Perempuan Politikus Melayu*, konflik manusia.

PENGENALAN

Kroeber (1971, p. 113) mendefinisikan novel sebagai suatu karya yang bersifat realiti kehidupan manusia kerana di dalamnya mengandungi proses memahami dan menghargai proses kehidupan, menentukan arah dan tujuan mereka, berinteraksi sesama mereka, berinteraksi dengan alam, menghayati zaman kini dan mengingati kehidupan zaman lampau mereka. Novel merupakan buah tangan penulis yang mengisi persoalan-persoalan moral manusia sama ada persoalan dengan diri sendiri, Tuhan, masyarakat sekeliling atau alam sekitar yang sesuai untuk dijadikan sumber pendidikan kepada masyarakat (Liza, Z. N., & Harun, M., 2018, p.2). Secara ringkasnya, tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan penghasilan karya sastera adalah berkaitan keadaan realiti masyarakat dan bukan semata-mata bersifat cereka. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan Azhar Hj. Wahid (2013) yang menyatakan bahawa usaha seseorang

pengarang dalam menghasilkan sebuah karya bukan hanya bermain-main dengan dunia imaginasi sahaja, tetapi turut memberi makna serta memaknakanya dengan dunia sebenar.

Kebanyakan pengarang yang prolifik dalam penghasilan karya sastera dilihat meemperjuangkan gagasan pendidikan akhlak yang murni dengan cara yang tersendiri. Salah satu cara yang digunapakai oleh golongan pengkarya ini adalah dengan menyelitkan elemen konflik realiti manusia di dunia sebenar ke dalam karya-karya mereka. Salah satu bentuk gagasan yang sering dibangunkan oleh golongan penulis adalah memperjuangkan pendidikan nilai moral kepada masyarakat melalui kaedah pemaparan idea dan jalan cerita berkaitan masalah kehidupan masyarakat sama ada idea tersebut dilihat atau dialaminya sendiri kerana sastera adalah cerminan kehidupan manusia (Indriani, A. *et.al* 2013, p.3-4). Kesendengan pengarang untuk memasukan elemen budaya pelanggaran akhlak dari perspektif agama juga didapati semakin rancak. Elemen negatif itu bukanlah bertujuan untuk menjatuhkan imej sesuatu bangsa malahan lebih berfungsi sebagai suatu jentikan rasa kesedaran dalam diri masyarakat berkaitan isu-isu budaya keruntuhan akhlak yang sedang berlaku sekitar mereka.

Ramai pengarang yang mengamalkan kaedah kepengarangan yang memaparkan isu-isu akhlak yang tidak selari dengan ajaran agama. Contohnya, A. Samad Said menerusi novel *Salina* dan Faisal Tehrani menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* telah memaparkan pelbagai budaya manusia yang menyimpang dari ajaran agama Islam. Kedua-dua pengarang ini sememangnya kreatif dalam mengetengahkan perkara negatif sebagai garapan idea dan sumber didaktik kepada masyarakat sepanjang zaman. Senario ini membuktikan bahawa kedua-dua pengarang yang dimaksudkan ini telah membuktikan bahawa pendidikan akhlak manusia boleh disampaikan bila-bila masa sahaja dan dengan pelbagai cara. Secara tidak langsung, A. Samad Said dan Faisal Tehrani telah menyahut ajaran Islam dalam konteks pendidikan akhlak seperti yang telah diajarkan oleh utusan Allah SWT di muka bumi ini iaitu Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW pernah bersabda menerusi riwayat Bukhari:

"Diriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah, "Ya Rasulullah, apakah agama itu?" Beliau menjawab: "Agama adalah akhlak yang baik."

(Zakaria, R. B. *et.al*. 2014, p.265)

Menerusi petikan di atas, dapat difahami bahawa akhlak merupakan perkara penting dan amat dititikberatkan dalam agama Islam sehinggakan Allah SWT mengutuskan seorang Rasul untuk mengajar dan memberi kefahaman kepada manusia tentang kepentingan dan kedudukan akhlak dalam kehidupan. Islam amat menggesa manusia untuk membudayakan akhlak terpuji dalam kehidupan kerana maruah dan imej agama turut bergantung kepada akhlak yang diamalkan oleh umatnya itu sendiri. Fungsi akhlak yang baik menurut perspektif Islam diperjelaskan lagi dengan hadirnya tuntutan agama yang mementingkan adab dalam semua perkara termasuk dalam proses menuntut ilmu. Adab yang merupakan salah satu kriteria akhlak terpuji merupakan salah satu perkara yang boleh menentukan keberhasilan seorang murid dalam menuntut ilmu (Kadir, A.,2020, p.23).

Tiga komponen utama dalam ajaran Islam ialah Ilmu, Iman dan Amal sebagai tunjang utama dalam melahirkan model insan yang baik dan berakhlak mulia. Ketinggian ilmu, kekuatan iman serta keikhlasan beramal menjadikan setiap pemikiran dan tindakan manusia menjadi luhur dan terpimpin dengan wahyu. Komponen ini akan melahirkan manusia yang berkeperibadian baik dan berakhlak mulia. Perutusan baginda Rasulullah adalah membentuk akhlak umat di zamannya sehingga kini dan menjadi matlamat ke arah membentuk masyarakat yang hamoni dan umat taat. Akhlak merupakan suatu indikator atau kayu ukur dalam membangunkan sesebuah tamadun manusia bangsa kerana akhlak yang baik mampu melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi (Nasarudin Desa *at.all*, 2018, p.56).

Akhlak manusia yang dizahirkan melalui budaya dan amalan adalah suatu perkara penting dalam bagi setiap individu kerana ianya akan membentuk suatu kelaziman dalam kehidupan manusia dan akhirnya menjadi pegangan bagi sesebuah masyarakat. Stuart Hall (1996, p.58) menjelaskan bahawa kebudayaan adalah terdiri daripada lingkungan yang sebenar untuk pelbagai perbuatan atau praktik, representasi, adat istiadat dan bahasa yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Chris Barker (2006, p.8) menjelaskan bahawa kebudayaan berkait rapat dengan persoalan-persoalan makna sosial yang dimiliki secara kolektif iaitu merujuk kepada kaedah manusia memahami dunia dengan membangunkan sistem tanda, khususnya tanda-tanda bahasa yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Secara mudahnya, budaya dan amalan terdiri dari dua komponen utama iaitu tindakan atau perlakuan manusia dan bahasa.

Proses mempelajari dan memahami budaya dan amalan yang terpuji dan menghancurkan sememangnya sering memicu perhatian banyak pihak khususnya dalam meneliti setiap persoalan budaya dan amalan berdasarkan akhlak manusia. Kerap kali kita temukan bahawa majoriti masyarakat pada hari ini sudah menitikberatkan hal-hal berkaitan kaedah menerapkan tingkah laku yang terpuji dan meninggalkan perbuatan tercela. Hal ini kerana setiap perilaku masyarakat akan menjadi simbol peradaban sesebuah bangsa dan menentukan untung rugi nasib diri masing-masing sama ada di dunia mahupun di akhirat. Justeru, kajian ini telah menggunakan *rubu' Al-Muhlikat* menerusi pendekatan *Ihya' Ulumiddin* bagi meneliti elemen budaya pelanggaran akhlak Islam menerusi novel-novel kajian. *Rubu' Al-Muhlikat* merupakan suatu pendekatan yang sesuai untuk membincangkan hal-hal yang melibatkan tindakan negatif manusia kerana di dalamnya memuatkan ilmu dan pengetahuan tentang kategori-kategori akhlak tercela manusia. Penetapan aspek kajian dan pemilihan pendekatan ini selari dengan pandangan Imam Al-Ghazali menyakini bahawa pendidikan berkaitan akhlak manusia harus berada posisi utama kajian kerana budi pekerti dan amalan adalah sifat penghulu bagi kehidupan manusia (Imam Al-Ghazali, 2017, p.1022). Sekiranya manusia mengamalkan budaya dan amalan yang terpuji, mereka akan menemui kesejahteraan dalam kehidupan mereka. Imam Al-Ghazali (2017, p.1022) juga menyatakan bahawa mereka yang menghancurkan benda batil tidak akan mengalami kekotoran atau kerugian sama ada sedikit atau banyak di sisi Allah SWT. Sekiranya manusia memilih untuk melakukan budaya dan amalan yang menghancurkan dengan melakukan keburukan akhlak, maka kehidupan mereka akan binasa di sisi Allah SWT. Menerusi kitab *Ihya' Ulumiddin* berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dari A'isyah RA, Rasulullah telah bersabda bahawa golongan manusia yang tidak akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT adalah manusia yang memiliki keburukan akhlak (Imam Al-Ghazali, 2017, p.1025).

PERNYATAAN MASALAH

Teks-teks sastera merupakan medium rakaman budaya bagi sesebuah masyarakat dan dalamnya terkandung pelbagai sketsa kehidupan manusia sama ada perkara yang baik atau buruk. Kebanyakan isu yang dibangkitkan dalam karya sastera sememangnya bersangkutan dengan realiti kehidupan di dunia sebenar. Sastera dan masyarakat merupakan hal yang berkaitan satu sama lain kerana karya adalah lapangan bagi penulis menampilkan reality sebenar kehidupan masyarakat dan memuatkan tema-tema mengenai kehidupan sehari-harian manusia serta mengungkap keadaan sosial budaya masyarakat (Dwi Astutik, I. K. A. 2013:2). Justeru, Isu budaya keruntuhan akhlak dalam masyarakat merupakan salah satu masalah sosial yang sering terjadi secara berterusan. Situasi sedemikian telah menyebabkan pelbagai pihak telah menjadikan isu keruntuhan akhlak sebagai perkara yang sering diketengahkan dan dibincangkan dalam kalangan penggiat sastera. Hal ini kerana, para penggiat sastera turut merasa bertanggungjawab dalam memberi kefahaman tentang budaya keruntuhan akhlak yang sememangnya telah melanggar ajaran dan peraturan agama Islam.

Masyarakat yang beradab memiliki kehalusan budi pekerti, manakala masyarakat tidak beradab dilabelkan sebagai biadap dan kasar kerana amalan Berbudi bahasa merupakan salah satu aspek penting dalam nilai dan norma warisan budaya yang perlu diketengahkan dan dijaga dalam masyarakat sebagai usaha untuk membina modal insan yang berkualiti (A Latif, et.al, 2018, p.68-72). Selanjutnya, kajian berdasarkan prinsip ini dilengkapi dengan merujuk terus takrifan budaya dan amalan yang menghancurkan menurut Imam Al- Ghazali menerusi pendekatan *Ihya' Ulumiddin*. Budaya dan amalan yang menghancurkan dapat dijelaskan seperti petikan berikut:

Budi pekerti yang jahat adalah racun yang membunuh, yang membinasakan, yang memecahkan kepala, perbuatan hina yang keji, perbuatan-perbuatan kotor yang nyata, kekejian-kekejian yang menjauhkan dari sisi Tuhan semesta alam dan yang memasukkan orang yang berakhlak demikian dalam kawasan setan.

(*Ihya' Ulumiddin*, Jild II, 2017, p.1022)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa perbuatan dan kebiasaan akhlak yang buruk adalah melibatkan budaya dan amalan perilaku yang tercela. Individu yang mengamalkan budi pekerti tercela tersebut akan dibenci oleh Allah SWT dan jauh dari rahmat-NYA. Perbuatan hina dan kotor boleh diterjemahkan melalui bentuk akhlak yang tidak selari dengan perintah Allah SWT. Justeru, penelitian dalam aspek dendam, marah dan khalwat adalah wajar. Hal ini kerana ketiga-tiga aspek tingkah laku tercela tersebut dapat diyakini dapat memberi kefahaman kepada khalayak berkaitan kehadiran budaya pelanggaran akhlak Islam dalam masyarakat menerusi novel-novel kajian. Ketidakhahaman masyarakat terhadap budaya pelanggaran akhlak tersebut boleh menyebabkan hilangnya keindahan budi pekerti dalam diri mereka dan mendapat kemurkaan Allah SWT.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti budaya pelanggaran akhlak menerusi novel *Salina* dan *Perempuan Politikus Melayu*.
2. Menganalisis pelanggaran akhlak Islam menggunakan pendekatan *Ihya' Ulumiddin* menerusi novel kajian
3. Membandingkan

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan penelitian yang dijalankan menerusi penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis pada teks-teks terpilih kajian. Analisis dijalankan berdasarkan petikan-petikan yang terdapat dalam novel *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu* bagi meneliti aspek budaya pelanggaran akhlak Islam. Kajian kepustakaan turut dijalankan kerana metod ini penting bagi meneliti dan mendapatkan data-data serta informasi berkaitan objek penilitian. Kajian ini bersandarkan banyak sumber khususnya buku-buku dan artikel-artikel akademik yang selarin dengan aspek perbincangan. Pemantapan analisis juga telah didasari oleh pendekatan kajian dari *rubu' Al-Muhlikat* dari pendekatan *Ihya' Ulumiddin* yang dipelopori oleh Imam Al-Ghazali.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Budaya pelanggaran akhlak Islam dalam novel *Salina* menerusi penyelidikan ini secara asanya telah meneliti tabiat tercela yang terdiri daripada tiga aspek iaitu dendam, marah dan khalwat. Semua aspek ini telah melahirkan budaya akhlak yang buruk dalam diri manusia. Dendam membawa pengertian suatu perasaan yang hadir daripada rasa marah, berang atau benci dalam hati seseorang individu dan kebiasaanya perasaan itu dipendam secara rahsia. James Drever (1986: 208) menyatakan dendam merupakan hukuman secara sengaja dalam bentuk luka terhadap individu atau kumpulan lain yang pernah menyakitinya. Lazimnya, kesemua perasaan tersebut

lahir dari rasa dengki dan ketidakpuasan hati dalam diri seseorang terhadap sesuatu perkara yang telah berlaku. Imam Al-Ghazali telah menyatakan dengan cukup jelas kesan dendam yang boleh menimbulkan perasaan negatif dalam diri manusia. Buktinya:

Ketahuilah, bahawa dengki juga termasuk sebahagian dari natijah (hasil) dendam. Dan dendam itu termasuk sebahagian dari natijah marah, Jadi dengki itu cucunya marah (anak dari anaknya). Dan marah itu neneknya dengki (asal dari asalnya). Kemudian, dengki itu mempunyai cabang-cabang yang tercela, yang hampir tidak dapat dihindarkannya.

(*Ihya' Ulumiddin, Jilid III, 2013:207*)

Petikan di atas menjelaskan bahawa dendam merupakan sebuah perasaan negatif yang lahir dari hati manusia dan sifat tersebut merupakan sifat yang bertentangan dengan tuntutan akhlak Islam yang akhirnya membawa kemudaratkan kepada jiwa dan hidup manusia. Manusia akan jauh dari ketenangan kerana sifat dendam akan melahirkan dengki dan marah yang boleh menimbulkan tekanan dalam diri manusia. Budaya pertentangan akhlak Islam menerusi ciri dendam telah diketengahkan oleh A. Samad said melalui watak Razman. Buktinya;

“Kau tahu bagaimana perasaanku?” dia menanya Abdul Fakar pada suatu petang di atas deck kapalnya.

“Marah?”

“Tidak. Lebih dari itu,” katanya sambil melihat laut yang berombak-ombak besar dan kasar, dan melihat langit yang sudah mula kehitaman benar. “Siapa sangka isteri yang kau sayang boleh mempermainkan diri kau? Siapa sangka kawan yang kau percaya untuk menjaga dan menengok-nengokkan isteri kau semasa kau berlayar itu, sanggup merampas isteri kau?”

Nada suaranya penuh dengan kesesalan.

Dia pergi meninggalkan Abdul Fakar.

Dan sebentar kemudian bila dan berjumpa lagi dengan Abdul Fakar:

“Aku nak berhenti dari kerja kapal ni. Aku nak tinggal di darat sahaja. Aku nak balas dendam!”

(*Salina, 2016:150*)

Petikan di atas menunjukkan wujudnya cara berfikir dan kelakuan dendam yang digambarkan melalui watak Razman, kawan Abdul Fakar. Sifat dendam yang telah menebal dalam diri Razman terhadap kawan sekampungnya kerana individu tersebut telah melakarkan peristiwa hitam dalam hidupnya. Hal ini kerana, isteri yang dicintainya telah berlaku curang dengan rakan sekampungnya itu. Razman tidak boleh menerima hakikat dan menyebabkan dia masih menyimpan dendam meskipun kejadian itu sudah bertahun lamanya. Sifat sedemikian jelas bertentangan dengan akhlak yang diajar oleh Islam.

Selain novel *Salina*, penyelidikan mendapati bahawa novel *Perempuan Politikus Melayu* karya faisal Tehrani turut memaparkan situasi dendam. Buktinya;

Politik itu Jenny...*game*... I nak menang ... I nak datang... I ada banyak untuk ditawarkan berbanding berbanding Datuk Zuri... dan sebab itu I mesti menang. I nak merebut semua itu.

Jenny menelan air liur. Kerja apa? Di dadanya ada debar?

Musnahkan karier Datuk Zuri. Biar dia hancur-sehancurnya. Tercabut akar.

(*Perempuan Politikus Melayu, 2016:214*)

Petikan di atas membuktikan pengamalan budaya dendam bukan hanya melibatkan hal-hal kekeluargaan tetapi boleh terjadi ekoran daripada faktor kerjaya sesetengah individu. Tan Sri Yadi digambarkan berperwatakan sebagai seorang ahli politik yang agresif dan berdendam dengan pihak lawannya dalam dunia politik iaitu Datuk Zuri. Tan Sri Yadi sanggup menawarkan pelbagai kemudahan dan keistimewaan kepada perempuan simpanan Datuk Zuri, Jenny demi

memperoleh kemenangan dalam pilihan raya akan datang. Sikap tersebut jelas menunjukkan Tan Sri Yadi menyimpan dendam kepada Datuk Zuri kerana kalah bertanding untuk menjadi wakil rakyat. Senario berkenaan jelas menunjukkan bahawa dendam adalah sebuah sifat cemburu yang keterlaluan serta melampaui batas (Hamid, A., et.al, 2004, p.4).

Berdasarkan pembuktian yang diberikan, jelas menunjukkan sifat dendam merupakan suatu budaya yang melanggar sistem pendidikan akhlak Islam. Keadaan ini telah memicu perhatian golongan penulis untuk mengetengahkan isu dendam ke dalam karya mereka. Namun, setiap penulis mempunyai gaya olahan idea yang tersendiri bagi memaparkan elemen dendam tersebut. Aspek dendam yang dikemukakan oleh Faizal Tehrani berbeza dengan A. Samad Said. Novel *Salina* karya A. Samad Said mengetengahkan elemen dendam dalam aspek kekeluargaan. Berbeza dengan novel *Perempuan Politikus Melayu*, Faizal Tehrani mengemukakan aspek dendam dalam kalangan ahli politik dan birokrat.

Selain sifat dendam, sifat marah juga merupakan salah satu bukti kehadiran budaya keruntuhan akhlak menerusi teka-teks kajian. Rasa marah yang muncul dalam diri manusia boleh muncul disebabkan pelbagai perkara meskipun hal-hal yang remeh temeh. Meskipun berhadapan dengan perkara ringan, sesetengah individu boleh menjadi marah kerana setiap penerimaan dan daya fikiran setiap manusia adalah berbeza. Sesuatu perkara dianggap ringan dan biasa bagi sesetengah orang dan juga sebaliknya. Sifat marah boleh memberi kesan positif. Namun, sekiranya sifat tersebut berlaku secara berlebihan dan disertakan tindakan tidak wajar boleh menyebabkan sifat ini berada dalam posisi akhlak yang negatif serta melanggar nilai-nilai Islam. Manusia harus menyedari bahawa kegagalan manusia mengawal sifat marah boleh menyebabkan manusia hilang pertimbangan untuk membanding bezakan antara perkara benar atau salah. Davidson (1994) menerusi Susanti, R. et.al (2014, p. 103) menyatakan bahawa emosi marah merupakan suatu sifat atau perasaan tidak suka yang begitu dalam (kuat) terhadap sesuatu perkara yang dianggapnya salah meskipun perkara tersebut belum ditentukan benar-benar salah.

Selain itu, kesan terhadap timbulnya rasa marah juga telah diperjelaskan oleh Imam AL-Ghazali seperti berikut:

Di antara natijah (hasil) dari marah itu, ialah dendam dan dengki. Dengan dendam dan dengki, binasalah orang yang binasa dan rusaklah orang yang rusak. Dan tempat tinggal dendam dan dengki itu, ialah sekumpul daging (mudl-ghah). Apabila daging yang terkumpul itu baik, niscaya baiklah tubuh yang lain bersamanya.

(*Ihya' Ulumiddin, Jilid III, 2013:145*)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Imam Al-Ghazali mentakrifkan dendam adalah suatu tindakan yang lahir dari rasa marah dalam diri seseorang, disamping itu rasa marah juga akan melahirkan sifat dengki manusia. Imam Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa hati (mudl-ghah) manusia menjadi tempat untuk dendam dan dengki bertapak. Beliau juga mengingatkan manusia agar melihat kepentingan hati kerana baik buruk tubuh dan budi pekerti manusia adalah berpaksikan hati mereka.

Sifat marah dapat memberi kesan negatif kepada manusia. Hal ini kerana kegagalan manusia dalam membendung dan menghindari diri dari sifat-sifat tersebut menyebabkan manusia cenderung melakukan tindakan yang menghancurkan yang negatif sama ada secara terang-terangan atau sembunyi (dalam bentuk ghaib). Hamka (1992:16) menyatakan bahawa budi pekerti yang buruk adalah sejenis penyakit batin manusia yang melahirkan sifat tercela berdasarkan akal dan syara' seperti sifat ujud, riak, sombong, bangga diri, menipu dan juga dendam. Segala sifat tercela itu sememangnya tidak akan memberi ketentraman kepada manusia dan hanya menjadikan manusia lebih tersasar dari kebenaran. Imam AL-Ghazali menjelaskan kesan daripada sifat dendam adalah seperti berikut:

Ketahuiilah, bahawa marah itu apabila ditahan, niscaya akan lemah dari kesembuhannya dalam seketika. Ia kembali ke dalam dan tertahan di sisi-tu. Lalu menjadi dendam. dan arti dendam ialah hati itu terus merasa berat, marah dan lari hati dari orang yang didendam. Yang demikian itu terus menerus dan berkekalan.

(*Ihya' Ulumiddin, Jilid III, 2013:190*)

Petikan di atas menjelaskan bahawa marah yang lahir daripada sifat marah dapat menyebabkan manusia menjadi lemah dan sukar untuk sembuh darinya kerana rasa dendam yang telah lahir biasanya akan mendiami hati dalam jangka masa tertentu sebelum sembuh (sekiranya sembuh). Menepati kriteria novel sebagai sketsa realiti masyarakat yang disampaikan melalui bahasa dan tulisan, novel *Salina* juga tidak ketinggalan dalam memasukan elemen marah ke dalamnya. Buktinya;

“Ibu saya bergaduh, melemparkan barang-barang”, kata Nahidah menerangkan perlahan-lahan. Dilihatnya api pelita minyak yang berlelgang-lelgang seketika. Kemudian, “Sebenarnya bukan pasal saya; pasal orang. Tetapi saya masuk campur sepatah dua hah, ibu saya pun apa lagi, panaslah hatinya. Dia sememangnya selalu begitu. Lalu dilemparnya saya dengan kulit kayu balak yang besar. Untung juga saya ta kena; kalau tidak, hai pecahlah kepala saya agaknya. Sebab itulah saya lari”.

(*Salina, 2016:40*)

Petikan di atas membuktikan kehadiran elemen marah yang disampaikan melalui watak Zarina. Nahidah menjelaskan berlakunya adegan Sunarto dimarahi oleh Zarina secara berlebihan sehingga melibatkan tindakan yang tidak wajar seperti mencampakan barang-barang. Zarina mempertikaikan jumlah wang yang diperolehinya daripada Sunarto. Semasa menzahirkan rasa marah, Zarina juga menuduh Sunarto telah menggunakan wang kerjanya untuk berfoya-foya sedang realitinya adalah sememangnya pelanggan yang menggunakan perkhidmatan beca Sunarto memang berkurangan. Senario yang berlaku jelas menunjukkan sifat marah yang ditunjukkan oleh Zarina melanggar lunas-lunas Islam kerana dilakukan secara berlebihan. Selain menjadi sifat yang melanggar lunas-lunas akhlak Islam, marah juga boleh menjadikan manusia merasa jauh hati dengan pihak yang menimbulkan rasa marah tersebut dan rasa itu berpotensi untuk terus berpanjangan dalam kehidupan mereka. Manusi harus menyedari bahawa rasa jauh hati boleh menjadikan wujudnya rasa benci terhadap pihak yang terbabit dalam situasi marah, dendam dan dengki tersebut.

Selain A. Samad Said, Faisal Teharni menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* tidak ketinggalan memasukan akhlak tercela marah dalam garapan ideanya. Buktinya;

Ini rumah yang aku belikan untuk kau. Siapa kau nak halau aku?

Datuk Zuri tidak mahu mengalah, dia mengerasi Jenny, menarik rambutnya. Jenny menjerit dan hampir menerajang ahli politik itu.

(*Perempuan Politikus Melayu, 2016:312*)

Petikan di atas membuktikan bahawa telah berlaku kekerasan dalam menzahirkan rasa marah ketika berlaku pertelingkahan antara dua pihak. Berasaskan rasa marah yang membuak-buak dalam diri, Datuk Zuri sanggup bertindak kasar kepada perempuan simpanannya Jenny dengan berusaha bersungguh untuk mencederakan wanita tersebut. Hal ini membuktikan bahawa kewarasan manusia akan hilang apabila mengamalkan budaya akhlak yang tidak selari dengan Islam. Pihak yang marah sanggup melakukan apa sahaja demi menyenangkan hati mereka meskipun tindakan itu bertentangan dengan nilai positif dari segi hukum, nilai mahupun syara'. Rasa marah dapat melahirkan perasaan negatif dalam diri manusia sehingga mempunyai

keinginan untuk melihat orang yang dibenci berada dalam keadaan tersiksa dan menderita sehingga mendorong manusia melakukan kejahatan seperti berbicara kasar, mudah tersinggung malahan melakukan kekerasan fizikal seperti kekerasan hingga membunuh (Endah. F. A, 2011:22).

Budaya perlanggran akhlak Islam yang terakhir adalah khalwat iaitu satu perbuatan yang bercanggah dengan nilai Islam dan budaya masyarakat di Malaysia. Merujuk kepada ilmu fiqh, khalwat dapat ditakrifkan kepada tindakan dua orang iaitu lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan telah baligh (*mukallaf*) berada di tempat tertutup atau sunyi sehingga boleh menimbulkan fitnah ataupun membawa ke arah perzinaan. Unsur utama perbuatan khalwat adalah berada di tempat terlindung dan lebih daripada itu, perbuatan khalwat mendorong sepasang mukallaf untuk melakukan perbuatan zina yang melanggar syari'at Islam seperti bercium, berpelukan atau duduk berdekatan (Andari, S. (2017:1). Di Malaysia, perbuatan khalwat juga telah dianggap sebagai perbuatan tercela dalam masyarakat dan ianya turut dikategorikan sebagai suatu bentuk jenayah. mengikut undang-undang syariah. Menerusi undang-undang Pentadbiran Agama Islam di Malaysia dengan berpandukan kitab-kitab fiqh dan hadis-hadis Rasulullah SAW, khalwat merupakan tindakan bersekedudukan yang dilakukan oleh pasangan ajnabi yang belum mempunyai sebarang ikatan nikah yang sah di sisi agama (Ismail, *et.al* (2012:68). Dapat difahami bahawa Peruntukan Perundangan dan hukuman menerusi enakmen kesalahan jenayah negeri-negeri di Malaysia telah memutuskan bahawa perbuatan khalwat adalah satu bentuk kesalahan jenayah syariah bagi individu yang beragama Islam. Justeru, dapat dirumuskan bahawa khalwat terdiri daripada dua kategori tindakan iaitu berdua-duaan di tempat sunyi dan tertutup dengan tidak melakukan sebarang tindakan dan yang kedua adalah melakukan tindakan-tindakan yang membawa sepasang lelaki dan wanita bukan mahram kepada zina sama ada di tempat terbuka atau terlindung yang sunyi.

Dalam novel *Salina* (1967), budaya yang diamalkan menerusi segelintir khususnya golongan muda mudi masyarakat di kampung Kambing yang dipilih untuk dianalisis bagi membuktikan kehadiran budaya maksiat menerusi novel tersebut. Masyarakat Kampung Kambing merupakan satu-satunya masyarakat yang diangkat menerusi novel *Salina* bagi memperlihatkan kepada khalayak pembaca berkaitan latar masyarakat bagi teks tersebut. Oleh sebab itulah, bentuk-bentuk budaya yang dilakukan oleh masyarakat Kampung Kambing akan sering menjadi perhatian dalam tujuan analisis. Penduduk yang berada dan menetap di Kampung Kambing digambarkan sebagai sebuah masyarakat yang tidak mementingkan nilai agama dan moral yang baik sehinggakan menjadikan budaya tindakan yang menghancurkan seperti khalwat sebagai norma dalam kehidupan mereka. Masyarakat Kampung Kambing digambarkan sebagai sebuah masyarakat yang sudah lali dengan adegan-adegan maksiat yang dilakukan oleh golongan anak muda. Golongan dewasa yang mengetahui dan menyedari berlakunya budaya khalwat tersebut tidak melakukan sebarang tindakan untuk mencegahnya dari terus berlanjutan. Golongan kanak-kanak dan remaja pula telah menganggap budaya khalwat sebagai salah satu bentuk hiburan yang sering dinanti-nantikan setiap malam khususnya tibanya malam minggu. Hal ini kerana, mereka meyakini adanya adegan-adegan lanjut yang menarik dengan bermulanya budaya khalwat yang dilakukan oleh pasangan muda mudi di tempat yang sunyi dan gelap tersebut. Tempat-tempat yang sentiasa menjadi lokasi berkhalwat pula tidak dikawal oleh masyarakat setempat malahan lokasi tersebut hanya dijadikan bahan usikan semata-mata. Hal ini dapat dilihat dengan petikan berikut:

Di sebelah kanan dan kiri padang kecil ini ada pokok-pokok 'kencing kuda' yang sudah tua. Di sini dan dilongkang-longkang itulah, setiap malam, 'para kekasih' melepaskan rindu dan puncak dendamnya.

(Salina, 1961:96)

Kanak-kanak kecil tidak berani pergi ke tempatnya itu malam-malam. Pertama kerana gelap, kedua kerana orang tua mereka mengatakan bahawa di situ berhantu (walaupun banyak yang tahu bahawa setiap malam di tempat itu ada 'para kekasih' bersunyi-sunyian bererti tiada berhantu!)

(Salina, 2016:97)

Petikan di atas menggambarkan bahawa wujudnya tindakan yang menghancurkan iaitu khalwat yang telah menjadi kelaziman masyarakat menerusi novel *Salina*. Buktinya, perbuatan ini yang dikesan melalui tindakan 'para kekasih' yang sering melepaskan kerinduan mereka dan bersunyi-sunyian di tempat yang sepi. Digambarkan bahawa golongan 'para kekasih' sanggup berada di tempat yang kotor asalkan tempat itu sepi dan tidak menjadi tumpuan orang ramai untuk berdua-duaan untuk melepaskan rasa rindu mereka. Lebih menyedihkan lagi apabila perbuatan tersebut diketahui dan dibiarkan berlaku oleh masyarakat setempat tanpa memikirkan kesan khalwat di kemudian hari. Tindakan khalwat yang ditunjukkan menerusi novel *Salina* ini seharusnya dijadikan iktibar untuk meneliti aspek perkembangan sikap golongan muda mudi dalam masyarakat.

Ciri khalwat juga dapat dilihat menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu*. Antara ciri khalwat yang dipaparkan menerusi novel tersebut adalah hampir sama dengan novel *Salina* iaitu tindakan berdua-duaan pasangan bukan mahram di tempat yang sunyi, hanya ada mereka berdua sahaja. Perbezaannya hanya pada lokasi khalwat itu dilakukan iaitu adegan tersebut adegan khalwat dalam novel *Salina* pula di padang terbuka tetapi sunyi manakala novel *Perempuan Politikus Melayu* berlaku di bilik hotel namun tetap juga dalam keadaan sunyi tanpa ada orang ketiga. Hal ini kerana, watak-watak yang melakukan adegan khalwat menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* digambarkan sebagai golongan elit yang mampu berada di tempat yang selesa untuk menjalankan aktiviti tersebut. Hal ini dapat dibuktikan dengan peristiwa berikut:

Emmm... kenapa tak dibuat di K. L sahaja. Gunjai membuka pintu kamar mereka dengan menjolok kunci ke lubang. Beberapa kali direngkuh-rengkuh.

Biasalah tu... ambil can makan angin sekali. Mesyuarat tak seberapa... Lagi pun dia orang nak bina klinik di sini. Kawasan luar bandar, ya, sebagai amal bakti. Mata Puan Satina memintaminta.

(*Perempuan Politikus Melayu*, 2016:77)

You sebagai apa? Gunjai sengaja melanjut-lanjutkan bicara.

Penyumbang. *Well...* pedulikan itu dulu. *Now...* I perlu amal bakti dari you dulu. Gunjai ketawa kecil lalu mendokong Puan Satina erat, menendang pintu kamar mereka. Tertutup. Ketat.

Ombak di pantai; ombak musim tengkujuh. Mencapai kemuncak keganasan.

Pasangan itu larut oleh kemanisan yang mengkhayalkan, kunci terbenam pada lubang di luar pintu tertinggal berbuai-buai. Kekal terbenam baut seketika.

Ombak ganas dan kian ganas.

(*Perempuan Politikus Melayu*, 2016:78)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa telah berlakunya hubungan khalwat antara Gunjai dengan Puan Satina. Tindakan tersebut dapat dilihat menerusi tindakan mereka berdua-duaan di bilik di sebuah pusat peranginan yang dikunjungi oleh mereka bagi menyelesaikan urusan kerja. Selanjutnya, bagi mengukuhkan lagi adegan khalwat telah berlaku adalah mereka bukan hanya sekadar berdua-duaan malah melakukan lebih dari itu iaitu bersentuhan antara satu sama lain dan ini dibuktikan dengan tindakan Gunjai yang memangku Puan Satina untuk masuk ke dalam bilik yang dihuni oleh mereka berdua. Tambahan lagi digambarkan juga bahawa Gunjai dan Puan Satina digambarkan berada dalam keadaan asyik menikmati keindahan peluang berdua-

duaan dalam sebuah bilik di tepi pantai. Perbuatan khalwat ini jelas menunjukkan suatu tindakan yang membawa kehancuran kepada masyarakat kerana ianya bukan hanya berlaku dalam kalangan muda mudi tetapi turut berlaku dalam kalangan yang lebih berusia. Lebih menyedihkan lagi tindakan khalwat ini dilakukan oleh wanita yang masih lagi bergelar isteri. Hal ini dibuktikan dengan gelaran puan yang digunakan di pangkal nama Puan Satina.

Selain itu, pengukuhan bagi membuktikan yang Gunjai dan Puan Satina adalah bukan pasangan suami isteri adalah melalui petikan yang dikemukakan pada muka surat 77 menerusi novel *Perempuan Politus Melayu* yang menyatakan bahawa "*Gunjai ketawa dan mencium pipi pelanggannya itu*". Kata 'pelanggannya' adalah kata ganti nama yang diberikan kepada Puan Salina dan gelaran itu membuktikan bahawa hubungan mereka bukanlah hubungan yang sah tetapi berlaku atas dasar langganan atau bayaran sahaja. Tingkah laku masyarakat khususnya golongan isteri seperti inilah yang harus diberikan perhatian dan berusaha untuk ditangani oleh masyarakat khususnya golongan lelaki kerana khalwat yang berlaku dalam kalangan isteri akan menghancurkan institusi sesebuah keluarga khususnya sekiranya ianya membawa kepada proses kehamilan wanita tersebut.

RUMUSAN

Karya sastera boleh dikatakan sebagai hasil garapan idea pengarang yang diambil atau diadaptasi dari pelbagai situasi dalam kehidupan manusia. Namun, tidak sedikit karya-karya yang dihasilkan itu bersumberkan pengalaman peribadi pengarang. Meskipun hadir dari pelbagai sumber idea, karya fiksi ini harus dilihat sebagai wadah pendidikan kepada masyarakat yang disampaikan dalam cara kreatif dan bukan hanya dianggap sebagai hiburan semata-mata. Hal ini kerana setiap pengarang sebenarnya mempunyai gagasan yang besar untuk memberi pendidikan, menyampaikan mesej dan menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya sesuatu perkara yang telah ditonjolkan khususnya dalam aspek pendidikan akhlak manusia. Kreativiti pengarang dalam mengangkat isu mahmudah harus dihargai dan diteliti sebaik mungkin. Perkara ini disebabkan kerana masyarakat Melayu biasanya begitu mudah dikaitkan dengan nilai mazmumah ini sehingga meminggirkan realiti sebenar kehidupan yang turut mengandungi unsur mahmudah. Meskipun sukar, masyarakat terpaksa akur bahawa sifat mahmudah yang terdiri daripada konflik budaya pelanggaran akhlak yang dibawa oleh A. Samad Said dan Faisal tehrani menerusi karya masing-masing merupakan masalah sosial sebenar masyarakat. Masyarakat juga harus mengakui konflik akhlak merupakan perkara sukar dibendung hingga ke hari ini. Meskipun telah banyak perkongsian ilmu berkaitan mengenai dendam telah lahir pada masa kini, namun manusia masih lagi tidak mampu menghindari perbuatan marah, dendam dan khalwat dalam kehidupan mereka. Lebih parah lagi masih terdapat golongan masyarakat yang tidak memahami bahawa sesetengah tindak yang diamalkan dalam kehidupan adalah melanggar ajaran Islam. Senario ini pasti menimbulkan pelbagai spekulasi dalam minda masyarakat. Justeru, selain meneliti aspek jenis-jensi pertentangan akhlak Islam, penyelidikan yang holistik berkaitan dengan faktor-faktor pelanggaran akhlak Islam harus juga diberikan perhatian yang sewajarnya. Hasil penyelidikan kelak haruslah dikongsikan kepada masyarakat umum sebagai sumber pendidikan bersama.

RUJUKAN

- Drever, J. I., & Hurcomb, D. R. (1986). Neutralization of atmospheric acidity by chemical weathering in an alpine drainage basin in the North Cascade Mountains. *Geology*, 14(3), 221-224.
- Zakaria, R. B., Fuad, Z., & Rasdi, M. N. A. (2014). Implikasi Tadabbur Al-Quran dalam Pembentukan Insan Yang Berkualiti di Sudut Akhlak. In *International Conference on Postgraduate Research*.
- T. K. H. Ismail Yakub. (1979). *Ihya' Ulumiddin Al- Ghazali/ Al-Ghazali: Terjemahan*. Victory Agency: Kuala Lumpur.
- Nur Aeni Jam'iyah. (2001). *faktor-faktor Pendidikan Menurut Al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' Ulumuddin*. Universitas Muhammadiyah Surakarta : Jawa Tengah, Indonesia
- Jane, E. A., & Barker, C. (2016). Cultural studies: Theory and practice. *Cultural Studies*, 1-760.
- Al-Ghazali, I. (2008). Ringkasan ihya'ulumuddin. Akbar Media.
- Al-Quran Pelangi Rasmi Uthmanis. (2014). Al-Quran Al-Karim. Pustaka Darul Iman @ PDI Publication Sdn. Bhd.
- Liza, Z. N., & Harun, M. (2018). Analisis Pesan Moral Berdasarkan Stratifikasi Sosial Tokoh dalam Novel-Novel Karya Arafat Nur. *Master Bahasa*, 6(1), 1-12.
- Maya Marlina (2015). *Demoralisasi Tokoh Utama Dalam Novel Azure Karya Rahayu Lestari Sebagai Alternatif Bahan Pengajaran Sastra Di SMA*. Yogyakarta: Universitas Ahmad Dahlan.
- Kadir, A. (2020). Konsep Adab Menuntut Ilmu dan Mengajarkannya. *Jurnal Da'wah: Risalah Merintis, Da'wah Melanjutkan*, 3(02), 23-44.
- Kroeber, K. (1971). *Styles in Fictional Structure*. New Jersey: Princetown University Press.
- Susanti, R., Husni, D., & Fitriyani, E. (2014). Perasaan terluka membuat marah. *Jurnal Psikologi*, 10(2), 103-109.
- Azhar Haji Wahid. (2013). *Kritikan intelektualisme sastra Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Hamid, A., Azhar, M., Balwi, M., & Othman, M. F. (2004). Beberapa premis tentang perasaan hasad-dengki (PHD) sebagai nilai masyarakat Melayu: suatu polemik. UPSI: Tanjong Malim

WARISAN DAN PEMELIHARAAN MUSHAF AL-QUR'AN DI SUMATERA UTARA
HERITAGE AND PRESERVATION OF AL-QUR'AN MUSHAF IN NORTH SUMATRA

*Mardiah Mawar Kembaren**
M. Husnan Lubis
Arie Azhari Nasution
Raka Gunaika
mardiah@usu.ac.id*
Fakultas Ilmu Budaya
Universitas Sumatera Utara

ABSTRAK

Mushaf Al-Qur'an merupakan manuskrip kuno yang telah ditulis berabad-abad yang lalu dan perlu dijaga pelestariannya sampai bila-bila. Munculnya sistim digitalisasi di era ini lebih diminati untuk beralih daripada teks kepada digital. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti mushaf Al-Qur'an yang terdapat di Sumatera Utara yang mempunyai kekhasan dari pelbagai daerah di wilayah Sumatera Utara. Kekhasan Mushaf Al-Qur'an yang dimaksud berkaitan dengan iluminasi pada naskahnya. Selain daripada itu, kajian ini juga berupaya untuk memelihara mushaf Al-Qur'an sebagai salahsatu warisan budaya ke intelektualan Melayu manuskrip Al-Qur'an di Nusantara, khasnya di Sumatera Utara. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalkan kembali mushaf Al-Qur'an di Sumatera Utara, terutama kepada para pelajar sehingga mushaf Al-Qur'an yang ada di Sumatera Utara sentiasa diketahui, dipelajari, dan dipelihara oleh masyarakat di sekitarnya sebagai salah satu keutuhan seni warisan bangsa yang perlu dilestarikan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan kaedah kepustakaan untuk menambah maklumat tambahan dalam penyelidikan. Objek kajian di dalam penyelidikan ini ialah Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara yang berada di Kota Medan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mushaf Al-Qur'an yang terdapat di Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara mempunyai ciri tersendiri berdasarkan iluminasi yang ada di dalamnya berdasarkan khas masing-masing wilayah Sumatera Utara. Terdapat empat mushaf Al-Qur'an yang dikaji dalam kajian ini, iaitu motif mushaf dengan iluminasi Melayu Pantai Timur, motif mushaf dengan iluminasi Melayu-Aceh, motif mushaf dengan iluminasi Melayu Tamiang, dan motif mushaf dengan iluminasi bunga matahari. Seterusnya, penubuhan Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara merupakan salah satu upaya yang dilakukan oleh pemerintah Sumatera Utara sebagai bentuk pemeliharaan mushaf Al-Qur'an. Selain itu, pemeliharaan yang dapat dilakukan di dalam kajian ini ialah dapat menerapkan iluminasi mushaf Al-Qur'an ke dalam bentuk media kreatif.

Kata kunci dan frasa: pemeliharaan, warisan, mushaf Al-Qur'an.

PENGENALAN

Mushaf Al-Qur'an sebagai suatu seni warisan manuskrip di Nusantara mesti dilakukan pemeliharannya. Pada zaman serba digital hari ini, Al-Qur'an juga telah bertransformasi daripada bentuk teks kepada bentuk digital. Digitalisasi terhadap Al-Qur'an terkadang menghilangkan estetika mushaf di dalamnya. Digitalisasi yang dimaksudkan di sini ialah untuk menjelaskan proses peralihan, iaitu daripada media cetak ke dalam bentuk digital melalui teknologi dan internet. Al-Qur'an digital yang ada kini telah memberikan pelbagai kemudahan di dalamnya. Sebelumnya, Al-Qur'an bermula sebagai sesuatu kitab suci yang eksklusif dan mahal. Sebab, pencetakan sebuah Al-Qur'an memerlukan biaya yang tidak murah yang mana dalam hal ini bergantung pada kualiti Al-Qur'an yang diinginkan. Melalui adanya digitalisasi, Al-Qur'an telah bertransformasi menjadi sebuah bacaan digital yang mudah didapat, popular oleh semua kalangan, dan dapat digunakan bila-bila masa. Al-Qur'an terus dapat ditulis, dikompilasi, dicetak, dirakam, dan dipublikasi sehingga dapat diakses secara percuma melalui internet (Mubarok, M.F. & Romdhoni, M.F., 2021:110).

Kini, telah banyak masyarakat yang beralih menggunakan Al-Qur'an dalam bentuk digital dengan memanfaatkan teknologi internet yang terdapat di telefon pintar, mahupun *platform* lainnya. Kemunculan Al-Qur'an digital, memang di satu sisi dapat memberikan kemudahan dalam hal pembelajaran mahupun pembacaan Al-Qur'an. Misalnya, adanya Al-Qur'an Braille yang merupakan inovasi baru untuk memenuhi keperluan penyandang tuna netra (Maisya, A. & Rohman, N., 2021:27). Namun di sisi lain terdapat sejumlah persoalan mengenai digitalisasi Al-Qur'an ini, iaitu salah satunya ialah menurun bahkan hilangnya perhatian dan pemeliharaan terhadap mushaf Al-Qur'an berdasarkan manuskrip dan teks yang ada. Walhal, mushaf Al-Qur'an merupakan naskhah keagamaan yang paling banyak disalin oleh masyarakat di Nusantara sejak zaman dahulu, sehingga kajian mengenai naskhah mushaf kuno dapat memperoleh perhatian istimewa bagi para sarjana, baik di Nusantara ataupun di pelbagai belahan dunia (Syarifuddin, 2018:2). Oleh kerana itu, melalui kajian ini, pengkaji akan cuba membincangkan tentang pemeliharaan mushaf Al-Qur'an di Sumatera Utara yang mana kita ketahui bahawa mushaf sebagai sebuah warisan manuskrip kuno perlu dijaga keutuhannya.

LATAR BELAKANG

Berdasarkan pelbagai jenis manuskrip dan naskhah di Nusantara, mushaf merupakan salah satu naskhah yang paling banyak disalin oleh masyarakat. Sebab, hal ini berkaitan dengan kedudukan Al-Qur'an sebagai sumber ilmu yang utama bagi masyarakat beragama Islam, sehingga dapat berpengaruh terhadap tradisi pembacaan, pengajaran di masyarakat. Pengajaran baca dan tulis Al-Qur'an merupakan hal yang penting dalam pendidikan Islam dan menjadi sesuatu pengajaran yang paling dasar. Rohmana (2018:2) menyatakan bahawa di alam Melayu dan Nusantara, manuskrip mushaf berasal dari kawasan regional dan menyebar di seluruh kawasan ini. Hal ini mencerminkan apa yang disebut pusat getaran produksi manuskrip yang sebahagiannya membawa kekhasannya sendiri. Ertinya, alam Melayu merupakan dunia Islam yang kaitannya sangat erat dengan dunia pernaskhahan.

Secara etimologi, 'mushaf' bererti kitab atau buku. Berdasarkan istilahnya, khasnya dalam percakapan sehari-hari, kata 'mushaf' lebih difahami sebagai kitab suci Al-Qur'an, sehingga sering disebut sebagai '*al-Mushaf al-Syarif*' yang ertinya Al-Qur'an yang mulia. Menurut riwayat, orang yang pertama kali menyebut Al-Qur'an sebagai mushaf ialah seorang sahabat bernama Salim bin Ma'qil pada tahun 12 Hijrah melalui perkataannya yang menyebutkan bahawa di negara kami untuk naskhah-naskhah atau manuskrip Al-Qur'an yang dikumpulkan itu

disebut sebagai mushaf. Adapun makna mushaf ini ialah salinan Al-Qur'an secara keseluruhan, bukan hanya surat-surat tertentu, seperti dalam buku-buku yasin yang mencakup teks Qur'an, bentuk iluminasi (hiasan sekitar teks), mahupun aspek fizik lainnya, seperti jenis kertas, dan tinta yang dipakai, ukuran naskhah, jenis sampul, penjilidan, dan lain-lain (Lestari, 2016:174).

Mustopa (2017:1) menyatakan bahawa penulisan mushaf Al-Qur'an telah bermula sejak abad ke-7 Masehi, iaitu abad pertama Hijriyah atau sejak zaman Rasulullah SAW, baik pada periode Makkah mahupun Madinah. Pada masa itu, Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat untuk menuliskan Al-Qur'an pada benda apapun yang dapat digunakan, seperti pelepah kurma, potongan kayu, hingga kembaran kulit haiwan yang sudah disamak. Jumlah sahabat yang menuliskan Al-Qur'an juga terbilang cukup banyak, lebih kurang 43 sahabat, di antaranya ialah Usman bin Affan, Ali bin Abi Thalib, Abu Sufyan dan Zaid bin Tsabit. Para penulis Al-Qur'an mendapatkan gelar 'katibu al-wahyi' yang ertinya para penulis wahyu (Athailah, 2010:197).

Penulisan Al-Qur'an di Nusantara diperkirakan telah ada pada sekitar akhir abad ke-13 yang mana kala itu Kerajaan Pasai, Aceh, yang berada di hujung laut Pulau Sumatera telah menjadi kerajaan pesisir pertama di Nusantara yang sudah memeluk agama Islam secara rasmi melalui pengislaman sang raja, iaitu Sultan Malik as-Saleh (Gallop, 2004:123). Menurut Lestari (2016:175) penyalinan mushaf kuno di Nusantara sejak awal telah didorong oleh semangat dakwah dan pengajaran tentang al-Quran kepada para pelajar dan santri. Hal ini disebabkan oleh keadaan di mana pada masa itu belum terdapat satupun teknologi untuk penggandaan naskhah dalam jumlah yang besar, sehingga semua naskhah ditulis tangan. Penyalinan Al-Qur'an dilakukan oleh pelbagai lapisan masyarakat Islam, seperti melalui para santri, pelajar, para penyalin profesional hingga tingkat para ulama. Di sisi lain, pada zaman dahulu, banyak sekali mushaf yang ditulis oleh para ulama atau seniman merupakan atas perintah raja. Selain itu, faktor pesantren juga menjadi kesan yang paling ketara bagi memegang peranan penting dalam penulisan Al-Qur'an.

Kini, sebagai warisan manuskrip dan naskhah masa lampau, keberadaan mushaf hari ini banyak tersimpan di pelbagai perpustakaan, muzium, pesantren, ahli waris, dan kolektor peribadi dalam jumlah yang tidak sedikit. Salah satu tempat penyimpanan mushaf Al-Qur'an yang juga menjadi objek penyelidikan di dalam kajian ini ialah Muzium Al-Qur'an Sumatera Utara. Di Sumatera Utara yang mana merupakan wilayah dengan sejarah Islam yang panjang, tentunya dianggap mempunyai koleksi manuskrip mushaf yang banyak. Sebab, selama beberapa tahun penelusuran manuskrip Al-Qur'an di Indonesia, mushaf di Sumatera Utara belum lagi ditemukan keberadaannya. Amroeni & Nasution, R.K. (2022:267) menyatakan bahawa pertubuhan Muzium Al-Qur'an di Sumatera Utara didasari oleh adanya kecurigaan tentang keberadaan mushaf di Sumatera Utara oleh seorang antropolog bernama Dr. Phil. Ichwan Azhari beserta rakan-rakannya di Sumatera Utara. Baginya, Sumatera Utara sebagai jalur penyebaran agama Islam, tentunya mempunyai peninggalan-peninggalan yang berkaitan dengan naskhah dan manuskrip Islam, khususnya mushaf Al-Qur'an. Ditambah lagi, eksistensi sejarah Kesultanan Islam di wilayah Pantai Timur Sumatera, yang bermula daripada Kesultanan Deli, Serdang, Langkat, Asahan, Batu Bara, hingga Kesultanan Panai yang berada di hujung Selat Malaka merupakan sekumpulan Kesultanan Islam yang telah ada sejak abad ke-17 yang lalu. Selain itu, di Sumatera Utara, khususnya di Kota Medan, terdapat banyak nisan kuno ulama Islam sejak abad ke-17. Maka, melalui bukti-bukti tersebut tidak dapat dielakkan lagi bahawa Sumatera Utara sebagai sejarah peradaban Islam tentu menyimpan koleksi mushaf Al-Qur'an di masing-masing daerahnya. Akhirnya, pada tahun 2015 keberadaan mushaf yang pernah ditulis di wilayah Sumatera Utara sejak abad ke-17 yang lalu dapat dikumpulkan dari pelbagai pihak yang menyimpan manuskripnya.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang pelbagai mushaf Al-Qur'an yang pernah ditulis di wilayah Sumatera Utara, khususnya mengenai iluminasi naskhah mushaf berdasarkan koleksi mushaf Al-Qur'an yang terdapat di Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera

Utara yang berada di Medan, Sumatera Utara, Indonesia dan sekaligus upaya pemeliharaan mushaf Al-Qur'an sebagai warisan naskhah dan manuskrip di Nusantara.

PERMASALAHAN

Digitalisasi terhadap Al-Qur'an sejatinya mampu memberikan banyak manfaat dan kemudahan bagi masyarakat, khususnya di Nusantara. Pada zaman sekarang, ramai masyarakat yang berfikir dan memutuskan untuk beralih daripada Al-Qur'an yang bercetak kepada Al-Qur'an berdigital. Namun, di sisi lain, terdapat permasalahan yang patutnya diperhatikan sebagai pelestarian manuskrip mushaf Al-Qur'an yang sejak dahulu sudah ditulis tangan oleh para ulama. Sebab, keberadaan manuskrip menjadi sangat penting kerana di dalamnya dapat menunjukkan peradaban suatu bangsa, sekaligus mengabadikan tapak tilas identiti masyarakatnya. Pada Amnya, naskhah mushaf Al-Qur'an dapat dianggap sebagai artefak kebudayaan yang mencerminkan masyarakat yang menciptakannya. Mushaf Al-Qur'an juga dapat disebut sebagai karya seni, kerana naskhah mushaf Al-Qur'an tidak hanya tulisannya sahaja yang berbeza, tetapi dalam penggunaan bentuk hiasan-hiasannya juga tidak banyak ditemukan dalam manuskrip-manuskrip pada umumnya (Yahya, M. & Aini, A.F., 2017:237). Oleh itu, negara-negara yang maju dan beradab akan menelusuri karya-karya intelektualnya yang terdahulu, dan yang tidak kalah pentingnya ialah tradisi penyalinan mushaf Al-Qur'an yang mana pada masa itu selalu digalakkan, diwajibkan, dan mesti dipatuhi di kalangan kerajaan, ulama dan zawiyah-zawiyah sebagai wujud peradaban bangsa (Syarifuddin, 2018:3). Sebab, mushaf Al-Qur'an bukan sahaja sekadar teks, melainkan juga mencerminkan kepada masyarakat tentang suatu budaya literasi yang di dalamnya mengandungi unsur estetik, moral dan etika, intelektualiti dan nilai spritualiti yang maju dan berkembang dalam kehidupan sehari-hari. Seterusnya, iluminasi naskhah sebagai suatu khas dan ciri mushaf Al-Qur'an yang menampilkan keunikan dan keindahan di dalam naskhahnya perlu untuk dipelihara kerana ianya juga merupakan bahagian daripada warisan manuskrip kuno Nusantara yang ada di Sumatera Utara berdasarkan koleksi yang terdapat di Muzium Al-Qur'an Sumatera Utara.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah temu bual dan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan selama penyelidikan berlangsung. Pertama, kaedah temu bual merupakan kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data di objek tempat penyelidikan. Kaedah temu bual dilaksanakan secara langsung di Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara, Kota Medan, Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Pengkaji menjalankan kaedah temu bual dengan melakukan tanya jawab yang bertumpu pada soalan yang telah disediakan. Pelbagai soalan yang diberikan juga sesuai dengan yang diperlukan sehingga tidak menimbulkan kesan yang membosankan dan mengelakkan rasa penat bagi para informan. Selama temu bual berlangsung, pengkaji juga menggunakan alat tambahan, seperti telefon pintar bagi merakam video dan rekorder untuk merakamkan audio. Seterusnya, seluruh soalan dan proses tanya jawab yang dilakukan bersifat santai dan jauh dari sifat formal sehingga mampu menimbulkan rasa nyaman antara pengkaji dan informan. Selain itu, kaedah tambahan berikutnya yang pengkaji gunakan ialah kaedah kepustakaan, iaitu dengan membaca buku-buku, artikel, jurnal dan karya ilmiah lainnya sebagai maklumat tambahan yang diperlukan. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan berkunjung ke beberapa perpustakaan, seperti Perpustakaan Tengku Luckman Sinar,

Perpustakaan Universitas Sumatera Utara, Perpustakaan Kota Medan, dan Perpustakaan Daerah Sumatera Utara.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara berada di Jalan Willem Iskandar, Kota Medan. Muzium ini ditubuhkan pada 22 September 2019 yang dirasmikan langsung oleh Gubernur Sumatera Utara, iaitu Edy Rahmayadi. Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara mempunyai ragam koleksi mushaf Al-Qur'an yang sudah berusia ratusan tahun yang mana tentu mempunyai sarat dengan nilai-nilai sejarah. Di sini, terdapat 70 manuskrip kuno yang telah dikumpulkan dari pelbagai wilayah di Sumatera Utara. Puluhan manuskrip ini sebagai bukti fizik sastera sejarah yang di dalamnya menampilkan unsur-unsur keindahan mampu didapatkan daripada pelbagai pihak, seperti para kolektor peribadi, ahli sejarah, muzium, dan sebagainya (Saudari Zuraidah, temu bual, Agustus 2022). Seluruh koleksi mushaf Al Qur'an yang terdapat di muzium ini ditemukan di seluruh bahagian wilayah di Sumatera Utara. Seperti yang telah pengkaji nyatakan bahawa keseluruhan mushaf ini mempunyai pelbagai motif yang unik dan khas di mana setiap motifnya dapat mewakili setiap wilayah dengan menampilkan ciri dan ikon tersendiri, beberapa di antaranya yang juga akan dibincangkan dalam kajian ini ialah motif mushaf dengan iluminasi Melayu Pantai Timur, motif mushaf dengan iluminasi Melayu-Aceh, motif mushaf dengan iluminasi Melayu Tamiang, dan motif mushaf dengan iluminasi bunga matahari.

WARISAN MUSHAF MELAYU PANTAI TIMUR

Melayu Pantai Timur, atau dahulu dikenal dengan Melayu di Sumatera Timur dahulunya dinamakan Keresidenan Sumatera Timur sebelum terjadinya peristiwa Revolusi Sosial Sumatera Timur tahun 1946. Wilayah Pantai Timur meliputi Kesultanan Langkat yang berbatasan dengan Aceh, Kesultanan Deli yang kini berada di Kota Medan, Kesultanan Serdang, Kesultanan Asahan, Kesultanan Bilah, Kesultanan Panai, Kesultanan Kota Pinang di mana mayoritas penduduknya merupakan bersuku Melayu (Sinar, T.L., 2019:307). Wilayah Pantai Timur ini merupakan bekas jajahan dari Kesultanan Aceh dan Kesultanan Siak di Riau.

Mushaf Al-Qur'an Melayu Pantai Timur merupakan salah satu manuskrip kuno yang penting bagi bukti sejarah Islam di Sumatera Utara.



Gambar 1. Mushaf dengan Iluminasi Melayu Pantai Timur

Di dalam mushaf Al-Qur'an Melayu Pantai Timur ini bertuliskan surah Al-Falaq di bahagian kanan gambar, sedangkan di bahagian kirinya bertuliskan surah An-Nas. Mushaf Al-Qur'an dengan gaya iluminasi Melayu Pantai Timur ini mempunyai unsur estetik dan artistik yang sangat menawan. Mushaf iluminasi Melayu Pantai Timur ini ditemukan di Kota Medan dan diperkirakan telah berusia lebih dari 200 tahun. Mushaf ini mempunyai ukuran 33 cm x 20,5 cm x 0,8 cm dengan kode SU AQ01/ICH. Iluminasi yang ditulis tangan ini mempunyai ornamen iluminasi yang menampilkan gaya khas Melayu Pantai Timur yang juga tersebar sampai ke wilayah Trengganu. Terdapat kesan yang menarik dalam mushaf ini, iaitu iluminasi di bahagian sebelah kiri manuskrip ini belum selesai untuk pelukisan motif bunga-bunganya. Tidak selesainya ornamen tersebut, diyakini bahawa mungkin habisnya tinta atau penulis mushaf telah meninggal dunia.

Keunikan yang terdapat di dalam mushaf ini ialah gaya tulisan khas naskhi mendekati gaya muhaqqaq yang mana di setiap huruf *sin*, *shad*, *dhad*, *ra*, *mim* di akhir kalimat ditarik panjang ekornya untuk menambah kesan keindahannya. Ornamen iluminasi bermotif floral dengan rangkaian sulur atau bunga yang saling terkait dibentuk menjadi barisan bukit atau pegunungan yang memanjang yang dipuncaknya dihiasi oleh dengan ujung rebung/ujung pakis sebagai mahkota utama iluminasi dengan komposisi warna yang menarik mata dan memikat jiwa. Motif khas warisan Melayu Pantai Timur ini mengandung mesej keindahan alamnya yang mesti dilestarikan sebagai tanda kuasa Tuhan.

WARISAN MUSHAF MELAYU-ACEH

Di Sumatera Utara, hubungan antara dua bangsa yang besar, iaitu antara Melayu dengan Aceh telah terbentuk sejak lama. Berdasarkan perjalanan sejarahnya, Kesultanan Deli yang berada di Kota Medan, Sumatera Utara mempunyai kaitan yang erat atas pembentukannya berdasarkan Kesultanan Aceh. Sultan Deli yang pertama, iaitu Gotjah Pahlawan, ialah seorang panglima Kesultanan Aceh (Kembaren, M.M., 2011). Selain itu, berdasarkan cerita rakyat yang hidup di sekitar masyarakat Sumatera Utara, iaitu Kisah Riwayat Puteri Hijau juga sangat erat kaitannya dengan Kesultanan Aceh. Berdasarkan kisahnya, Puteri Hijau merupakan seorang perempuan yang cantik jelita yang sangat diinginkan oleh Sultan Aceh (Gunaika, 2019:25).

Seterusnya, hubungan antara Melayu dengan Aceh juga terwujud dalam mushaf Al-Qur'an yang terdapat di Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara.



Gambar 2. Mushaf dengan Iluminasi Melayu-Aceh

Mushaf Al-Qur'an di atas bertuliskan ayat pembuka surah Al-Baqarah. Berdasarkan motifnya, sekilas ornamen iluminasi di atas terlihat seperti motif Batak. Masyarakat di Sumatera Utara, khususnya para budayawan, beranggapan secara langsung bahwa motif di atas sangat bercirikan unsur-unsur motif Batak. Walhal, sebenarnya motif ornamen dalam mushaf ini beriluminasikan motif Melayu-Aceh. Menariknya, di dalam ornamen iluminasi yang dihiasi oleh rangkaian sulur, iaitu bunga menjalar terdapat kalimat syahadat yang berbunyi *Loa Ilaoha Illallah, Muhammad Rosulullah* yang ditulis secara berulang-ulang dipadu dengan motif jalinan tali Aceh yang disebut dengan nama 'bungong puta taloe thee' (jalinan tali tiga untaian). Keunikan lainnya ialah mushaf Al-Qur'an ini ditulis tangan setebal 456 muka surat menggunakan gaya *khat naskht*. Mushaf Al-Qur'an ini telah berusia 200 tahun dengan keadaan mushaf masih baik dan terbaca dengan cukup jelas.

Andeska (2019:352) menyatakan bahwa motif mushaf Al-Qur'an beriluminasi ornamen Aceh menggunakan simbol-simbol tumbuhan dan bunga-bunga, seperti gambar di bawah ini:

Nama Motif	Gambar	Keterangan
Motif <i>bungong awu-awu</i>		Motif <i>bungong seuleupo</i> merupakan salah satu motif tenun sutera pada hiasan tepi kain dari masa lampau
Motif <i>bungong pucuk rebung</i>		Motif <i>bungong seuleupo</i> merupakan salah satu motif tenun sutera dari masa lampau
Motif <i>bungong sago</i>		Motif <i>bungong seuleupo</i> merupakan salah satu motif tenun sutera dari masa lampau diterapkan pada hiasan sudut kain
Motif <i>bungong awan-awan</i>		Motif <i>bungong seuleupo</i> merupakan salah satu motif tenun sutera dari masa lampau
Motif <i>bungong kundo</i>		Motif <i>bungong seuleupo</i> merupakan salah satu motif tenun sutera dari masa lampau

Gambar 3. Identiti Iluminasi Mushaf Al-Qur'an Bermotif Aceh

Berdasarkan gambar di atas, terlihat bahwa iluminasi mushaf Al-Qur'an tersebut menggunakan motif *bungong* yang artinya bunga. Selain itu, juga terdapat persamaan antara iluminasi Aceh dan Melayu, iaitu juga bercirikan motif pucuk rebung sebagai salah satu identiti naskhahnya.

WARISAN MUSHAF MELAYU TAMIANG

Warisan mushaf Al-Qur'an yang juga ada kaitannya dengan iluminasi khas Aceh, ialah yang bermotifkan Melayu-Tamiang. Tamiang merupakan wilayah di bahagian Aceh Timur yang mana lebih dekat kepada Sumatera Utara dibandingkan dengan Kota Banda Aceh. Di wilayah Tamiang, mayoriti penduduknya ialah bersuku Melayu dan juga masih fasih berbahasa Melayu. Oleh itu, terdapat kaitan yang erat antara bangsa Melayu dan Aceh Tamiang yang juga dapat dilihat berdasarkan mushaf Al-Qur'an seperti di gambar berikut:



Gambar 4. Mushaf dengan Iluminasi Melayu Tamiang

Mushaf ini memperlihatkan iluminasi yang indah pada bagian tengah Al-Qur'an, iaitu awal juz ke-16. Motif iluminasi yang digunakan sama seperti gaya ornamen iluminasi khas Aceh, iaitu floral yang berhiaskan bunga-bunga. Mushaf ini terdiri dari 633 muka surat, hampir lengkap kecuali di bahagian muka surat yang akhir hanya sampai pada surah Al-Infithar. Mushaf dengan iluminasi Melayu Tamiang ini memiliki ukuran 21,5 cm x 15 cm yang mana masing-masing muka surat terdiri dari 15 baris yang ditulis di dalam suatu bingkai pembatas teks. Tulisan mushaf ini ditulis dengan kertas Eropah dan menggunakan *rasm imlai*. Namun, penggunaan rasm ini tidak terlihat di seluruh mushaf, terdapat juga beberapa yang menggunakan *rasm Utsmant*. Khat yang digunakan adalah perpaduan antara *khat naskhi* dan *khat tsulust*. Ada beberapa keseimbangan huruf yang berbeza antara satu dengan yang lainnya.

Tinta yang dipakai ialah berwarna hitam, merah, dan kuning. Tinta hitam digunakan untuk menulis teks utama, tinta merah untuk penulisan ayat pada awal juz dan kepala surah, sedangkan tinta kuning untuk penanda ayat. Namun, penanda ayat sebahagian ada yang diwarnai tinta merah dan ada yang tidak diwarna.

WARISAN MUSHAF MOTIF BUNGA MATAHARI

Mushaf Al-Qur'an dengan iluminasi bunga matahari merupakan salah satu koleksi Muzium Sejarah Al-Qur'an yang masih lengkap yang di dalamnya memuat 30 juz, 114 surah Al-Qur'an yang masih terbaca dengan jelas.



Gambar 4. Mushaf dengan Iluminasi Bunga Matahari

Berdasarkan gambar di atas, di dalam mushaf Al-Qur'an dengan iluminasi bunga matahari juga terdapat beberapa muka surat yang kertasnya sudah bolong seperti terbakar. Di awal dan akhir mushaf terdapat bait-bait doa. Keunikan yang terdapat dalam mushaf ini ialah penggunaan simbol matahari (bunga matahari) yang sepenuhnya menjadi ornamen iluminasi dengan warna merah menyala. Begitu pula sebagai penanda awalan juz yang juga menggunakan simbol matahari. Mushaf Al-Qur'an ini menggunakan kertas Eropah dan merupakan hasil tulisan tangan dengan menggunakan *khat noski*. Di dalam penamaan surah ditemukan beberapa perbezaan dengan nama surah di mushaf Al-Qur'an konvensional atau Al-Qur'an yang bercetak saat ini. Misalnya, surah al-Ma'arij ditulis dengan nama surah Sa'ala Sa'ilu, dan surah Abasa ditulis dengan nama surah Al-A'ma. Juga, mushaf dengan iluminasi bunga matahari ini tidak mempunyai kolofon yang menjelaskan satu penulisannya. Namun, dari perkiraan model kertasnya, setidaknya mushaf dengan iluminasi bunga matahari ini telah berusia lebih dari 200 tahun.

PENERAPAN ILUMINASI MUSHAF AL-QUR'AN KE DALAM MEDIA KREATIF

Pada zaman serba digital kini, pemeliharaan terhadap mushaf Al-Qur'an sudah semestinya dilakukan sebagai upaya pelestarian warisan manuskrip kuno yang terdapat di Nusantara. Sebagai bukti fisik sejarah, perjalanan penulisan mengenai mushaf Al-Qur'an merupakan salah satu bentuk peradaban dan penyebaran agama Islam di Nusantara. Oleh itu, upaya pemeliharaan terhadap mushaf Al-Qur'an dapat dilakukan dengan pelbagai cara, iaitu salah satunya adalah penerapan iluminasi mushaf ke dalam media kreatif



Gambar 5. Penerapan Iluminasi Melayu Pantai Timur kepada *Map Folder* Penyimpanan Dokumen

Berdasarkan gambar di atas, pemeliharaan terhadap mushaf Al-Qur'an yang menampilkan ciri dan khas tersendiri dalam motifnya dapat diterapkan menjadi sebuah produk kreatif yang dapat dikomersilkan. Kini, bagian Kesusasteraan Melayu, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara telah mencadangkan untuk menerapkan motif mushaf Al-Qur'an iluminasi Melayu Pantai Timur menjadi sebuah *map folder* tempat menyimpan dokumen yang nantinya akan digunakan oleh pelajar di Fakultas Ilmu Budaya sehingga pelestarian terhadap iluminasi naskah ini dapat sentiasa terpelihara sepanjang zaman. Selain itu, cadangan lainnya juga akan diterapkan kepada bentuk lain seiring perkembangan masa.

RUMUSAN

Mushaf Al-Qur'an merupakan sebuah manuskrip kuno yang telah ditulis sejak ratusan tahun yang lalu. Sebagai bukti sejarah, mushaf Al-Qur'an menyimpan nilai-nilai kesusasteraan yang di dalamnya mengandung unsur-unsur estetik, moral, dan spiritual di mana keseluruhan unsur tersebut dapat diamalkan oleh masyarakat bagi kehidupan sehari-hari. Perkembangan internet dan teknologi yang menyebabkan hadirnya pelbagai digitalisasi di segala sektor, juga berdampak kepada keberadaan mushaf Al-Qur'an sebagai manuskrip yang kini tidak lagi begitu diperhatikan keadaannya. Transformasi daripada teks kepada digital mempunyai impak yang tinggi bagi kepunahan manuskrip-manuskrip ini. Oleh itu, melalui adanya penubuhan Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara yang berada di Kota Medan, Sumatera Utara, Indonesia merupakan salah satu upaya pemeliharaan mushaf Al-Qur'an sebagai manuskrip warisan bangsa, khususnya di Nusantara.

Di Muzium Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara telah tersimpan sekurang-kurangnya 70 manuskrip kuno yang mana keseluruhan manuskrip tersebut merupakan mushaf Al-Qur'an yang telah didapatkan di pelbagai wilayah di Sumatera Utara. Seluruh manuskrip ini didapatkan daripada pelbagai pihak, seperti kolektor peribadi, muzium, perpustakaan, dan sebagainya. Berdasarkan dapatan kajian di atas, pengkaji telah membincangkan empat motif mushaf Al-

Qur'an yang didapatkan di wilayah Sumatera Utara, yaitu motif mushaf dengan iluminasi Melayu Pantai Timur, motif mushaf dengan iluminasi Melayu-Aceh, motif mushaf dengan iluminasi Melayu Tamiang, dan motif mushaf dengan iluminasi bunga matahari. Keempat-empat manuskrip mushaf tersebut yang usianya mencapai 200 tahun, kini tersimpan dengan baik di Muzium Sejarah Sejarah Al-Qur'an Sumatera Utara. Tentunya, terdapat upaya yang dilakukan sebagai bentuk pemeliharaan mushaf Al-Qur'an, di antaranya ialah melakukan penerapan terhadap iluminasi naskah yang ada di mushaf Al-Qur'an kepada bentuk media kreatif.

Akhir sekali, mushaf Al-Qur'an ini harus sentiasa hidup sepanjang zaman dan harus dapat ditransformasikan ke dalam bentuk yang lainnya sehingga pelestariannya tetap terjaga. Mushaf Al-Qur'an yang telah dikumpulkan di Sumatera Utara ini merupakan peninggalan sejarah sejak belasan abad yang lalu dan merupakan bukti bahawa wujud peradaban agama Islam di Sumatera Utara sudah dilakukan sejak lama.

RUJUKAN

- Andeska, N., Setiawan, I., Wirandi, R. (2019). Inventarisasi Ragam Hias Aceh Pada Iluminasi Mushaf Al-Quran Kuno Koleksi Pedir Museum Di Banda Aceh. *Gorga Jurnal Seni Rupa Volume 08 Nomor 02 Juli-Desember 2019, m.s. 351-357*
- Amroeni & Nasution, R.K. (2022). Manuskrip Al-Qur'an Tertua Di Sumatera Utara. *Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir. Vol. 4 No. 2 Oktober-Maret, M.S. 265-293*
- Athaillah, H.A. (2010). *Sejarah Al-Quran*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Gallop, A.T. (2004). Seni Mushaf di Asia Tenggara (Terjemahan Ali Akbar). *Lektur, Vol. 2, No.2, 2004, m.s. 123*. Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan
- Gunaika, R. (2019). Citra Wanita dalam Kisah Riwayat Putri Hijau: Kajian Kritik Sastra Feminis. *Skripsi*. Universitas Sumatera Utara
- Kembaren, M.M. (2011). Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli: Kelahiran Sebuah Legenda Sejarah. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia
- Lestari, L. (2016). MUSHAF AL-QUR'AN NUSANTARA: Perpaduan Islam dan Budaya Lokal. *Jurnal At-Tibyan Vol. 1 No. 1 Januari-Juni 2016, m.s. 173-198*
- Maisya, A. & Rohman, N. (2021). Pentashihan Al-Qur'an Digital Di Indonesia: Peran, Otoritas, Dan Legitimasi LPMQ. *Academic Journal of Islamic Principles and Philosoph, Vol. 2, No. 1, m.s. 25-42*
- Mubarok, M.F. & Romdhoni, M.F. (2021). Digitalisasi Al-Qur'an dan Tafsir Media Sosial di Indonesia. *Jurnal Iman dan Spiritualitas, Volume 1, No. 1, m.s. 110-114*
- Mustopa. (2017). Mushaf Kuno Lombok: Telaah Aspek Penulisan dan Teks. *Suhuf Vol. 10 No. 1 Juni 2017, m.s. 1*
- Sinar, T.L. (2019). Bangun dan Runtuhnya Kerajaan Melayu di Sumatera Timur. Serdang: Penerbit Yayasan Kesultanan Serdang
- Syarifuddin. (2018). Kajian Naskah Mushaf Kuno di Aceh: Potensi dan Prospeknya. *Jurnal ADABIYA, Volume 20 No. 2 Agustus 2018, m.s. 1-12*
- Yahya, M. & Aini, A.F. (2017). Karakteristik dan Fragmen Sejarah Manuskrip Mushaf Dolah Bakri Wonolelo Bantul. Mutawâtir: Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis Vol. 7 No. 2, Desember 2017
- Zuraidah. (2022). "Koleksi Mushaf di Muzium Al-Qur'an Sumatera Utara". *Hasil Temu Bual Peribadi: Agustus 2022*

APP KECERDASAN BUATAN (AI) PANTUN WARISAN: MENJANA KUALITI DAN POPULARITI

Karmin Abbas

ABSTRAK

Pantun adalah sejenis puisi lama yang unik pada alam Melayu atau Nusantara. Biasanya pantun mempunyai empat baris. Suku kata terakhir bagi baris satu dan tiga adalah rima manakala begitu juga suku kata terakhir bagi baris dua dan empat. Pantun sudahpun terkenal di negara-negara barat sejak sejak beberapa ratus tahun yang lalu sehingga sasterawan dan pemuzik klasikal yang terkenal dalam kalangan mereka telah pun menggunakan format pantun dalam penulisan mereka. Namun pantun kurang digunakan di Singapura pada zaman ini. Sejajar dengan Bahasa Melayu sendiri yang kian merosot dan semakin kurang digunakan oleh anak-anak dan keluarga-keluarga Melayu sendiri, begitu juga dengan pantun. App AI Pantun Warisan (App APW) dibina sebagai suatu wadah digital yang dapat menarik ramai orang menulis pantun dan dengan sendirinya mempromosikan Bahasa Melayu juga. App yang merekod data mengenai penulis pantun serta pantun yang ditulis, telah diprogram untuk menganalisis pantun tersebut dan memberikan saranan- saranan untuk memperbaikinya. Kajian ini membuktikan bahawa App ini berpotensi mempopularkan penulisan pantun serta meletakkan pantun pada tempat yang tinggi bersama Bahasa Melayu itu sendiri.

Kata Kunci: Pantun; Pantun Warisan; Kecerdasan Buatan; *Artificial Intelligence*

PENGENALAN

Orang kebanyakan yang kurang mendampingi buku-buku sejarah dan kajian akademik, yang lebih mesra dengan Wikipedia dan pelbagai app media sosial boleh menemukan nama-nama besar dalam bidang sastera barat yang terkait dengan pantun dalam lelaman tersebut,

“The pantoum is a poetic form derived from the “pantun”, a Malay verse form: specifically from the ‘pantun berkait’, a series of interwoven quatrains... An English translation of such a “pantun berkait” appeared in William Marsden’s A Dictionary and Grammar of the Malayan Language in 1812. Victor Hugo published an unrhymed French version by Ernest Fouinet of this poem in the notes to Les Orientales (1829) and subsequent French poets began to make their own attempts at composing original “pantoums”. Leconte de Lisle published five pantoums in his Poèmes tragiques (1884).

Begitu juga dalam bidang muzik klasikal serta moden barat,

“There is also the imperfect pantoum, in which the final stanza differs from the form stated above, and the second and fourth lines may be different from any preceding lines... Claude Debussy set Charles Baudelaire’s “Harmonie du soir” in his Cinq poèmes de Charles Baudelaire in the form of a pantoum. Perhaps inspired by this setting, Maurice Ravel entitled the second movement of his Piano Trio, “Pantoum (Assez vif)”. While Ravel never commented on the significance of the movement’s title, Brian Newbould has suggested that the poetic form is reflected in the way the two themes are developed in alternation.

Neil Peart used the form (with one difference from the format listed above) for the lyrics of “The Larger Bowl (A Pantoum)”, the fourth track on Rush’s 2007 album Snakes & Arrows, also released as a single.”

Maka sudah pastinya, pantun adalah sesuatu yang ingin dilestarikan oleh orang-orang Melayu sendiri sebagai suatu warisan bangsa yang terlalu berharga, yang tidak termilai. Sekali lagi, Wikipedia menyumbangkan fakta ringkas dan tangkas mengenai pantun, iaitu usia kewujudan pantun adalah ratusan tahun,

“The form of pantun grew and spread from the Srivijaya Empire in Sumatra, Indonesia. The earliest literary records of pantun date back to the 15th century, as it was featured in the most important Malay literary text, the Malay Annals. Pantun is regarded as a high art and has been the integral part of classical Malay literature. It also thrived as a natural part in the daily communication of traditional Malay society and served as the important expressive tool in Malay songs, rituals, performing arts and in all form of storytelling.”

Batu loncatan untuk mempromosikan pantun secara luas terutama dalam kalangan generasi muda (*millennials* dan yang lebih muda) ialah AI. Kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) merupakan teknologi terkini yang membantu manusia dalam usaha mendapatkan maklumat yang sangat tepat. AI mirip kecerdasan manusia dan semakin lama keupayaannya semakin

mendekati keupayaan sebenar minda manusia dalam mengamati tingkah-laku dan perasaan. Gabungkan kebolehan ini dengan kebolehan teknologi maklumat dalam membuat perkiraan yang tepat dengan angka berjuta dalam suatu proses yang kompleks, pengguna AI akan dapat memanfaatkan kesemua itu dengan kuantiti dan kualiti yang amat besar.

1 Secara ringkasnya, AI membawa efisiensi yang amat besar dari segi automasi, membuat keputusan dengan bijak, meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelanggan, analisis data dan kajian, menghuraikan masalah yang kompleks, meningkatkan efisiensi proses dan perniagaan. Kesemuanya seolah-olah dengan kepintaran dan perasaan seorang manusia.

Di sini, AI diaplikasikan pada penulisan pantun untuk mendapatkan kualiti yang terbaik dari segi semua aspek pantun warisan – rangkap, suku kata, rima tengah dan rima akhir.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks Singapura, jumlah penulis pantun kian berkurangan, terutamanya pantun warisan. Malah penggunaan Bahasa Melayu secara keseluruhan di Singapura telah merosot (Berita Mediacorp, 12 Sep 2021). Penggunaan Bahasa Melayu di rumah oleh keluarga Melayu telah berkurangan dan ini menjejaskan keyakinan ramai orang Melayu sendiri untuk bertutur dalam Bahasa Melayu, apalagi berpantun.

Usaha membina teknologi App AI Pantun Warisan (App APW) ini adalah untuk memfasilitasi penulisan pantun yang berkualiti untuk sesiapa sahaja, sekalipun mereka yang tidak begitu fasih berbahasa Melayu. Ini akan menggalakkan lebih ramai orang menulis pantun (ramai yang minat berpantun di majlis-majlis rasmi dan juga perkahwinan) dan dengan secara langsung memperkasa kembali bahasa Melayu, sedikit sebanyak.

OBJEKTIF

Objektif App APW adalah menghasilkan pantun warisan berkualiti tinggi bagi kesemua pengguna tanpa mengira kedudukan sosio-ekonomi, jenis profesion yang mereka ceburi mahupun tahap kemahiran berbahasa Melayu.

Terkandung dalam objektif tersebut adalah beberapa kriteria untuk mencapainya...

- alat pelatihan menulis pantun
- keberkesanan sebagai alat mengarang pantun
- keberkesanan sebagai alat menganalisis memperelok pantun
- keberkesanan sebagai alat mengadili pantun dalam pertandingan
- keberkesanan sebagai alat menghasilkan pantun
- keberkesanan sebagai alat penyimpanan data khusus pantun dan pengkategorian (termasuk carian khusus untuk kata kunci, suku kata, rima tengah dan rima akhir).

METODOLOGI

Pendekatan kuantitatif digunakan untuk menunjukkan secara tepat dan jelas akan keberkesanan App AI Pantun Warisan (App APW) dalam pengarang pantun yang berkualiti tinggi. Kualiti pantun yang tinggi berdasarkan empat aspek utama pantun yang telah disebut iaitu kata kunci, suku kata, rima tengah dan rima akhir.

Pengumpulan data sudahpun berlaku tatkala App APW itu sendiri digunakan oleh para pengguna dalam masa nyata (*real time*). Antara perkara yang dianalisis secara kuantitatif adalah:

- (i) Jumlah suku kata yang dibenarkan (antara 9 hingga 12)
- (ii) Rima tengah – bunyi suku kata yang sama antara baris satu dan baris tiga
- (iii) Rima hujung – bunyi suku kata yang sama antara baris dua dan baris empat


Para pengguna dapat melihat hasil analisis dalam masa nyata maka informasi untuk memperbaiki pantun yang dikarang didapati secara serta merta.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

App APW telah direkapipta dengan program dalaman yang membolehkan aspek- aspek pantun dianalisis termasuk suku katanya. Pengguna akan dapat melihat dengan jelas segala kelemahan yang dikesan dan memperbaiki pantun yang dikarang berdasarkan analisis tersebut.

Hasil analisa data pantun


Bilangan pantun menurut markah asal




Graf 1: Bilangan pantun dan markah asal

Graf 1 menunjukkan pencapaian tinggi oleh para pengarang pantun dalam menghasilkan pantun yang baik. Kira-kira 50% pantun akhirnya berjaya mencapai markah tertinggi iaitu 25 markah.

Punca pantun tidak mendapat markah penuh



Pecahan rentak berdasarkan markah




Graf 2: Punca kehilangan markah

Graf 2 menunjukkan antara sebab-sebab mengapa sesebuah pantun itu tidak mendapat markah penuh. Iaitu rentak dan rima, dan dua aspek inilah yang akan dijadikan sasaran untuk diperbaiki dan diperelok.


Berdasarkan Graf 2 (Atas), semakin tinggi markah pantun, kekurangan yang sering wujud ialah dari segi rima (bar warna kelabu). Pantun yang meraih markah 18 ke bawah pasti mempunyai kekurangan dari kededua segi rentak dan rima. Tetapi, ini mungkin berhasil dari sistem pemarkahan itu sendiri.

Graf 2 (Bawah) pula menunjukkan pantun yang meraih markah tinggi (21 ke atas) sering menggunakan rima 10-10-10-10 (biru) atau 10-10-10-13 (kuning). Selain daripada itu, ada kepelbagaian dari segi rentak untuk setiap kumpulan markah, tanpa menunjukkan apa-apa trend. Pantun yang mendapat markah rendah disyaki mempunyai rentak-rentak yang pelik yang tidak dipaparkan di senarai di sebelah kanan.

Rentak yang mendapat markah purata tertinggi



Rentak yang mendapat markah purata terendah




Graf 3: Kualiti pada rentak

Graf 3 menunjukkan bahawa kualiti (atau kekurangan kualiti) pada rentak dapat dikesan dan dimaklumkan kepada pengguna App APW dengan serta merta. Pantun yang meraih markah tinggi (21 ke atas) sering menggunakan rima 10-10- 10-10 (biru) atau 10-10-10-13 (kuning). Selain daripada itu, ada kepelbagaian dari segi rentak untuk setiap kumpulan markah, tanpa menunjukkan apa-apa trend. Pantun yang mendapat markah rendah disyaki mempunyai rentak-rentak yang pelik yang tidak dipaparkan di senarai di sebelah kanan.

Gabungan sukukata akhiran paling popular

Gabungan sukukata	Jumlah pantun
ta-tu-ta-tu	5
ta-ti-ta-ti	4
ngah-ga-nah-ga	4
bu-nya-bu-nya	3
ri-nya-ri-nya	3



Jumlah pantun yang markahnya yang ditingkatkan

Markah sebenar ↓ ditingkatkan kepada →	21	22	23	24	25
17					1
18		2			
19	1	1			
20		2	3		1
21			2	1	2
22				7	2
23				3	10
24					29

Graf 4: Suku kata akhiran dan kesannya pada kualiti pantun

Berdasarkan Garf 4, suku kata pada perkataan terakhir (rima baris 1 dan 3 bersama rima baris 2 dan 4) adalah perkara paling utama dalam memberikan keberkesanan serta keindahan pantun. App APW memandu para pengguna mencapai objektif ini dalam karangan pantun dengan mengusulkan rima-rima yang sesuai.

Berdasarkan Graf 4 (Atas), antara pantun-pantun yang dihantar, ada segelintir gabungan sukukata akhiran yang lebih 'popular' dari purata, tetapi tidaklah dengan jurang yang banyak. Barangkali dengan menganalisis lebih banyak

pantun, mungkin ada trend yang lebih nyata akan muncul, tetapi ini tidaklah dijamin.

Berdasarkan Graf 4 (Bawah), bagi pantun yang markahnya ditingkatkan oleh penilai, kebanyakannya mendapat tambahan markah antara 1-3 markah. Ini mungkin atas kekurangan kecil (minor) atau keindahan bahasa yang tidak dapat dinilai secara automatik. Tetapi ada kejanggalan (exceptions) yang wujud, misalnya, ada pantun ditingkatkan markahnya dari 17 ke 25, ada yang ditingkatkan dari 20 ke 25, dsbg. Ini mungkin sesuatu yang boleh diselidiki, misalnya, adakah pantun itu luarbiasa kualitasnya, atau ada kecacatan dalam sistem/algorithm pemarkah pantun.

KESIMPULAN

Dapatan kajian di atas membuktikan App APW dapat menyediakan platform yang berdasarkan teknologi digital untuk menyokong pembinaan idea serta penulisan pantun warisan dengan mengaugmentasikan aspek estetikanya terutama dalam pemilihan bunyi rima pada suku kata akhir setiap baris.

Sebuah bengkel penghasilan pantun dengan menggunakan App APW ini telah dianjurkan secara bersama oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), SMKA Sheikh Hj Mohd Said Seremban (SHAMS) dan Balai Pantun Singapura pada 13 April 2022. (Sila lihat Lampiran 1, 2 & 3). Profil lebih 300 para peserta dalam kalangan pelajar dapat dikategorikan dari segi jantina, bangsa dan daerah tempat tinggal.

Bagi kajian-kajian lanjutan pada masa akan datang, pengkaji boleh memperbanyak penggunaan App APW dengan memperbanyak penyertaan bengkel dan pertandingan pantun yang menggunakan App tersebut. Data mengenai pendidikan dan pekerjaan perlu ditekankan kerana ini akan meningkatkan lagi pencapaian App untuk mempelbagaikan penggunaanya tanpa mengira profesion, tangga gaji atau kedudukan sosial. Dengan bilangan responden dan data yang banyak, pendekatan kuantitatif yang sebenarnya dapat dijalankan dengan formula statistik yang sesuai. Diharapkan kajian pada peringkat yang tinggi ini dapat dijalankan oleh para calon ijazah Master, PhD atau pegawai-pegawai yang bertugas di jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dengan bidang Bahasa dan budaya.

Pencinta Bahasa amnya dan pencinta khasnya patut menggalakkan penggunaan App ini dengan tujuan mempertingkat penggunaan Bahasa Melayu dan pantun di peringkat nasional, rantau dan antarabangsa. Suatu fasiliti dalam talian patut diusulkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka agar dapat dibina, iaitu carian dan senarai kata yang mengandungi rima pada suku kata akhirnya.

Semoga pantun warisan Melayu terus lestari dan berkembang

RUJUKAN

- Bakar, Z. A. (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Hakim Irwan. *Mungkinkah Bahasa Melayu diajar dalam bahasa Inggeris Pada tahun 2065?* BERITA Mediacorp. Retrieved October 9, 2022, from <https://berita.mediacorp.sg/singapura/mungkinkah-bahasa-melayu-diajar-dalam-bahasa-inggeris-pada-tahun-8956>
- Mohamed Aidil Subhan. *Komentar: Bahasa Melayu Dijunjung, Bahasa Inggeris digendong*. BERITA Mediacorp. Retrieved October 9, 2022, from <https://berita.mediacorp.sg/komentar/komentar-bahasa-melayu-dijunjung-bahasa-inggeris-digendong-8121>
- Wikimedia Foundation. (2022, August 16). *Pantun*. Wikipedia. Retrieved October 9, 2022, from <https://en.wikipedia.org/wiki/Pantun>
- Wikimedia Foundation. (2022, July 4). *Pantoum*. Wikipedia. Retrieved October 9, 2022, from <https://en.wikipedia.org/wiki/Pantoum>



**LAPORAN BENGKEL
APLIKASI PENGHASILAN PANTUN
MENGUNAKAN APLIKASI PENGANALISIS DAN PENGARANG
PANTUN(APP) SECARA DALAM TALIAN ,
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN
SEMPENA HARI BUMI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

ANJURAN BERSAMA

**JABATAN ALAM SEKITAR(JAS),
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN(JPNS),
SMKA SHEIKH HJ MOHD SAID SEREMBAN(SHAMS)
DAN BALAI PANTUN SINGAPURA.**

**LAPORAN BENGKEL APLIKASI PENGHASILAN PANTUN
MENGUNAKAN APLIKASI PENGANALISIS DAN PENGARANG PANTUN(APP)
SECARA ATAS TALIAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN
SEMPENA HARI BUMI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

1.0 NAMA PROGRAM/AKTIVITI

Bengkel Aplikasi Penghasilan Pantun Menggunakan Aplikasi Penganalisis Dan Pengarang Pantun(App) Secara Atas Talian Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sembilan Sempena Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan

2.0 TARIKH PELAKSANAAN

13 April 2022(Rabu),

3.0 MOD PELAKSANAAN

Secara atas talian

4.0 ANALISIS PENYERTAAN

NO	SEKOLAH	DAERAH/NEGERI	JANTINA		BANGSA				JUMLAH		
			L	P	M	C	I	L	M	G	J
		Seremban 1							42	17	59
		Seremban 2							19	9	28
		Rembau							6	5	11
		Tampin							11	4	15
		Port Dickson							8	3	11
		Kuala Pilah							15	4	19
		Jempol Jelebu							28	12	40
		SMKA SHAMS							53	15	68
			36	140	176	3	3	-	182	69	251

5.0 JADUAL PENGISIAN /PELAKSANAAN AKTIVITI

8.30-9.00 pagi -pendaftaran peserta

Kata Aluan Pengacara Majlis

Bacaan Doa

Tayangan ucapan Dato' Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan

Ucapan Aluan Pengetua SMKA SHAMS

Ucapan Perasmian Pengarah JAS NS

Sesi bergambar

Ceramah Pengenalan pantun Aplikasi Pantun

**KERTAS KONSEP
BENGKEL MENGARANG PANTUN DAN PERTANDINGAN MENULIS PANTUN
SECARA ATAS TALIAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dikemukakan oleh SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban, Negeri kepada Dewan Bahasa dan Pustaka tentang cadangan untuk menganjurkan secara bersama-sama Program Bengkel Mengarang Pantun Menggunakan Aplikasi secara atas talian bertemakan Alam Sekitar sempena hari bumi.

Program ini juga diharapkan mendapat kerjasama dan sokongan daripada Unit Bakat Murid Jabatan dan Pendidikan Negeri Sembilan bagi kelancaran urusan dan pengiktirafan PAJSK kepada peserta yang terlibat,

2. LATAR BELAKANG

2.1 Program Bengkel mengarang pantun merupakan salah satu daripada kegiatan utama dalam usaha mempersegar semangat kecintaan pelajar terhadap seni berpantun dan memperkasakan kemahiran berfikir dan kalangan pelajar dalam kemahiran berpantun.

2.2 SMKA Sheikh Hj Mohd Said pernah mengadakan program ini secara atas talian pada peringkat dalaman @ peringkat sekolah sahaja.

3. MAKLUMAT PROGRAM

3.1 Nama Program

**Bengkel Mengarang Pantun Alam Sekitar Menggunakan Aplikasi
Penganalisis dan Pengarang Pantun(APP) .**

3.2 Objektif

- 3.2.1 Mengukuhkan rasa cinta terhadap kelestarian alam sekitar.
- 3.2.2 Menyemarakkan kegiatan/aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan bertemakan alam sekitar dalam kalangan murid sempena Hari Bumi .
- 3.2.3 Memberikan peluang kepada murid menghasilkan dan menghayati seni bahasa dan pantun seperti yang kemahiran yang dituntut dalam DSKP Bahasa Melayu.
- 3.2.4 Memberikan pendedahan dan peluang kepada murid menerampilkan diri dan bakat sebagai pengarang pantun dalam pelbagai kaedah.
- 3.2.5 Menjadikan Program ini sebagai pengisian aktiviti koakademik yang menyumbang kepada sijil penyertaan murid.

BAHASA JAWA DI MALAYSIA

Maskanatul Fiqiyah

maskanatul@fbk.upsi.edu.my

Julita Norjietta binti Taisin

norjietta@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjong Malim Perak

ABSTRAK

Pada masa kini masyarakat pendukungnya lebih gemar menggunakan bahasa campuran Bahasa Jawa Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Hal ini sangat membimbangkan jika bahasa Jawa di masa yang akan datang akan hilang ditelan zaman disebabkan kemahiran menuturkannya tidak dipelajari secara formal. Di sudut lain kemunculan media sosial lebih banyak mempengaruhi dalam mewujudkan wadah baru untuk berkomunikasi. Penggunaan aplikasi sosial seperti WhatsApp, youtube, dan tiktok telah memberi ruang yang luas kepada Bahasa Jawa untuk berkembang. Sebagai generasi muda, kesedaran pentingnya memelihara bahasa sebagai warisan bangsa yang dituturkan sejak turun-temurun untuk membantu untuk mengembangkan dan melestarikan bahasa Jawa. Atas dasar itulah penelitian ini diketengahkan.

Kata kunci: Bahasa Jawa, Aplikasi, Media sosial, Bahasa campuran dan Wadah

PENGENALAN

Orang Jawa terkenal dengan seni dan budayanya mereka sentiasa mengamalkan budaya Jawa walaupun di mana-mana lokasi tempat mereka tinggal. Baik mereka yang masih tinggal di Pulau Jawa ataupun di luar Jawa. Seperti batik, kuda kepang, wayang kulit, barongan, reog dan ludrok. Budaya Jawa juga mengajarkan kerukunan dan kehormatan serta rasa hormat dalam kehidupan bermasyarakat dengan saling tolong-menolong sesama masyarakat.¹

Orang Jawa juga dikatakan pakar dalam bidang perdagangan dan perkapalan. Saat orang-orang Eropah pertama kalinya sampai di perairan Nusantara pada kurun abad 15-16 M, mereka menemukan sesuatu yang membuat mereka takjub iaitu kapal Jong. Kapal tersebut memiliki ukuran yang jauh lebih besar dari kapal-kapal para penjelajah Eropah pada saat itu, dan memiliki keunikan konstruk yang tidak pernah orang-orang Eropah temukan sebelumnya. Kapal Jong yang memegang peranan penting dalam perdagangan di wilayah Asia Tenggara pada abad ke 16 M, digunakan untuk mengangkut barang-barang dagangan dari wilayah Nusantara timur, Jawa dan Sumatera untuk di kirim ke pelbagai kota dagang terutama Melaka.² Semasa zaman Barbosa di Melaka, orang Jawa dikatakan menguasai Melaka, Palembang, Bali dan Lombok (J. Crawford, 1971).

¹ Karina. Nilai budaya Jawa (rukun-hormat) dalam Kehidupan. (Malang: Universitas Muhammadiyah Malang, 2014), h. 38

² http://repository.unj.ac.id/2651/3/SKRIPSI_BAB%20I-BAB%20IV%2C%20DAFTAR%20PUSTAKA.pdf

Dari faktor-faktor inilah mereka adalah orang-orang yang mudah menyesuaikan dengan keadaan di mana pun mereka tinggal. Sementara di Malaysia warisan budaya dan kesenian tradisional Jawa tetap diamalkan oleh keturunan Jawa di Malaysia.

Penggunaan batik secara meluas dalam alam melayu telah bermula semasa pemerintahan Srivijaya pada kurun yang ke-13 (Serian Batik, tt; Wan Hashim, 1996). Ini membuktikan orang Jawa telah sampai ke Tanah Melayu semenjak pemerintahan Srivijaya. Sejarah awal wayang kulit di Malaysia dapat dikesan kewujudannya sejak abad ke-13 dan abad ke-14. Ia dikatakan berasal dari Jawa dan dipopularkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada masa tersebutlah wayang kulit dianggap sebagai drama tulen Indonesia yang dapat dikesan kewujudannya sejak kurun pertama sebelum Masihi (Mana Sikana, 1989).

Unsur budaya Jawa yang tetap diamalkan adalah penggunaan Bahasa Jawa, tahun 2008 saja Bahasa Jawa memiliki peringkat ke-12 dunia dengan jumlah 75.6 juta penutur.³ Sumber-sumber sejarah Malaysia setakat ini belum dapat memberi keterangan yang lengkap mengenai asal-usul pertumbuhan bahasa Jawa. Kesimpulan dari beberapa sumber bahawa Bahasa Jawa masuk Malaysia bersama dengan datangnya orang-orang dari pulau Jawa sejak zaman penjajah. Orang-orang Jawa meneroka tanah hutan di kawasan pedalaman dan membina "parit besar" sepanjang kampung bagi memudahkan laluan air untuk mengeringkan tanah-tanah kebun mereka. Di tepi parit besar ini dibuat pula jalan raya selari dengan panjangnya parit (Asmah Hj. Omar, 1965).

PERNYATAAN MASALAH

Kita sering mendengar generasi sekarang menggunakan Bahasa campuran Bahasa Jawa Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Hal ini sangat membimbangkan jika Bahasa Jawa di masa yang akan datang akan hilang kerana kemahiran menuturkannya tidak dipelajari secara formal. Dari sudut lain kemunculan media sosial telah mewujudkan wadah baru dalam berkomunikasi. Penggunaan aplikasi sosial seperti WhatsApp, youtube, dan tiktok telah memberi ruang yang luas kepada Bahasa Jawa untuk terus berkembang.

Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan perkembangan Bahasa Jawa dari masa ke masa dan faktor-faktor yang mempengaruhinya supaya mendapatkan suatu kaedah pelestarian Bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Melayu.

OBJEKTIF

Secara umum tujuan kajian ialah untuk melihat penggunaan Bahasa Jawa berkembang dan terpelihara. Dewasa ini Bahasa Jawa kurang mendapat tempat yang 'istimewa' sebagaimana yang pernah digunakan oleh generasi masa lalu. Kecenderungan menggunakan Bahasa rojak iaitu campuran Bahasa Jawa, Bahasa Melayu dan Bahasa Asing (Bahasa Inggeris) dalam pertuturan seharian amat membimbangkan. Bahasa rojak adalah salah satu pertanda bahawa orang Melayu keturunan Jawa mempunyai rasa rendah diri terhadap Bahasa Jawa.

³ https://www.academia.edu/36455274/BAHASA_DAERAH_DI_INDONESIA

Dalam melaksanakan penelitian ini, terdapat beberapa objektif yang ingin peneliti capai, iaitu:

1. Untuk mengenal pasti bentuk-bentuk Bahasa Jawa
2. Untuk mengenal pasti perkembangan Bahasa Jawa dari masa ke masa dan faktor-faktor yang mempengaruhinya
3. Untuk membentuk suatu upaya pelestarian Bahasa Jawa di kalangan masyarakat Melayu.

Soalan Kajian

1. Apakah bentuk-bentuk bahasa Jawa?
2. Bagaimana perkembangan Bahasa Jawa di Malaysia?
3. Bagaimana upaya pelestarian Bahasa Jawa di kalangan masyarakat Melayu?

METODOLOGI

Kajian Karim Harun & Maslida Yusof (2015), meneliti komunikasi bahasa melayu-jawa dalam media sosial. Kajian ini mendapati penggunaan Bahasa Jawa ini digunakan sepenuhnya dalam sesuatu perbualan dan kadang kala diselangselikan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam media sosial. Penguasaan kedua-dua bahasa yang baik dalam penutur bahasa Jawa menjadikannya lebih mudah untuk kedua-dua bahasa ditukar kod, iaitu daripada bahasa Jawa kepada Bahasa Melayu dan bahasa Melayu kepada bahasa Jawa. Di samping itu, terdapat juga penukaran kod daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan juga Arab. Justeru dengan adanya penggunaan media social dan aplikasi sebagai medium berkomunikasi seperti whatsApp, maka penggunaan bahasa Jawa telah meningkat dan seterusnya akan membantu melestarikan bahasa Jawa.⁴

Kajian Mohammad Firdaus Pawit dan Normahdiah Sheik Said (2014) telah meneliti pengaruh Bahasa Jawa dalam pembauran kod golongan muda Melayu berketurunan Jawa. Fokus kajian ini adalah mengenai pecampuran kod dan penukaran kod yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu berketurunan Jawa yang dilakukan di kampung Sungai Leman, Sekinchan, Selangor. Hasil penyelidikan tersebut membuktikan bahawa Bahasa Jawa digunakan sebagai bahasa perantaraan penduduk di kawasan kajian, namun penggunaan Bahasa Jawa sebenarnya masih menjadi bahasa kedua dalam kalangan golongan muda di kampung tersebut.⁵ Nurul Aznina Mohd Salleh dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) telah meneliti struktur suku kata dasar bahasa jawa parit sulong, Johor. Hasil penyelidikan mendapatkan bahasa Jawa yang dituturkan di Parit Sulong mempunyai struktur suku katanya yang tersendiri.⁶

Kajian ini memiliki beberapa persamaan dan perbezaan dengan kajian sebelumnya. Di antara persamaannya adalah sama-sama membahas tentang Bahasa jawa di Malaysia. Diantara perbezaannya, kajian sebelum ini melihat aspek dalaman bahasa tersebut seperti unsur

⁴ <https://core.ac.uk/download/pdf/77967617.pdf>

⁵ http://journalarticle.ukm.my/7785/1/Pengaruh_bahasa_jawa_dalam_pembauran.pdf

⁶ <http://journalarticle.ukm.my/10405/1/18107-51386-1-SM.pdf>

fonologinya, sementara dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan Bahasa Jawa dari unsur sosiolinguistik.

KAEDAH/METODOLOGI

Pengkaji telah menjalankan kajian berbentuk kepustakaan. Ia bertujuan untuk melihat dan mengumpulkan kajian-kajian lepas yang telah diterbitkan sama ada di dalam bentuk artikel, laporan, majalah, laman Wab rasmi, tesis sarjana atau buku-buku akademik. Kajian kepustakaan ini juga dilakukan bagi mengenal pasti permasalahan kajian dan pendekatan yang relevan berkaitan bidang yang dikaji.

Dalam melaksanakan penelitian ini digunakan metod deskriptif iaitu metod penyajian hasil analisis data yang menggunakan huraian kata-kata yang lengkap dan lebih terperinci. Metode deskriptif dipilih sebagai metod penelitian ini kerana penyajian hasil analisis datanya dirumuskan dengan kata-kata biasa atau dengan narasi, tidak dengan simbol.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati Bahasa Jawa digunakan di beberapa wilayah di Malaysia. Pada perkembangannya sangat memprihatinkan dari masa ke masa. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penurunan Bahasa Jawa namun begitu masih ada generasi yang berupaya untuk melestarikannya. Sokongan daripada pihak kerajaan amat diperlukan kerana Bahasa Jawa merupakan sebahagian daripada warisan budaya. Beberapa usaha yang boleh dilakukan kerajaan di antaranya adalah melalui Pendidikan baik itu di tingkat sekolah atau universiti seperti; pembelajaran Bahasa Jawa di sekolah, mengadakan pertandingan di peringkat sekolah, menganjurkan penelitian dan pengembangan metodologi pembelajaran bahasa Jawa di peringkat universiti dan mengembangkan media dan teknologi pembelajaran Bahasa Jawa yang modern.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

A. Orang Jawa

Masyarakat Jawa atau tepatnya suku bangsa Jawa, secara antropologi budaya adalah orang-orang yang dalam hidup sehariannya menggunakan bahasa Jawa dengan berbagai ragam dialeknya secara turun temurun. Masyarakat Jawa adalah mereka yang tinggal di daerah Jawa Tengah dan Jawa Timur, serta mereka yang berasal dari kedua daerah tersebut. Secara geografi suku bangsa Jawa mendiami tanah Jawa yang meliputi Banyumas, Kedu, Yogyakarta, Surakarta, Madiun, Malang dan Kediri, sementara di luar wilayah tersebut dinamakan Pesisir dan Ujung Timur. Surakarta dan Yogyakarta yang merupakan dua bekas kerajaan Mataram pada abad XVI adalah pusat dari kebudayaan Jawa. Masyarakat Jawa merupakan suatu kesatuan masyarakat yang diikat oleh norma-norma hidup karena sejarah, tradisi maupun agama. Hal ini dapat dilihat pada ciri-ciri masyarakat Jawa secara keseluruhan. Sistem hidup kekeluargaan di Jawa tergambar dalam kekerabatan masyarakat Jawa (Amin, 2000).

Beberapa pendapat mengenai orang Jawa yang berada di Malaysia yang akan dibahas dibawah ini.

1. Menurut Sejarah Malaysia

Menurut sejarah Malaysia orang Jawa adalah etnik luar atau bukan Melayu yang datang kerana pelbagai faktor seperti faktor ekonomi, sosial, budaya dan politik. Padahal soalan asal-usul orang melayu, siapakah orang melayu? Masih kurang jelas. Berikut adalah catatan orang Jawa menurut sejarah Malaysia:

- I. Sejarah Melayu telah merakamkan Sultan Iskandar, pemerintah Kelantan (1429-1467), berkahwin dengan Ratu Suhita, pemerintah Majapahit (1427-1447) dan baginda dianugerahkan seorang puteri. Baginda Sultan Iskandar mengasaskan Empayar Majapahit II yang berpusat di Kota Mahligai menggantikan nama kerajaan Chermin.⁷
- II. Sejarah Melayu juga telah merakamkan hubungan Melaka dengan Majapahit yang merupakan salah satu kerajaan yang pernah menguasai kepulauan Jawa. Iaitu pemberian bingkisan hadiah hamba sahaya oleh Sultan Mansur Syah pemerintah Melaka (1459 – 1477) kepada Betara Majapahit. Sebelum keberangkatan baginda ke Majapahit untuk mengahwini Raden Galuh Cendera Kirana puteri raja Majapahit yang amat masyhur kecantikannya. (A. Samad Ahmad 2010) Dari pernikahan tersebut lahirlah Raja Bakal dan Raja Husein atau Sultan Melaka bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah yang mentadbir dgn jujur, cekap dan amanah.
- III. Kedatangan suku Jawa ke Johor pertama kali adalah hasil galakan dari Temenggong Daing Ibrahim (1810-1862) ketika membuka ladang gambir di Johor sekitar 1830-an. Hasrat British yang ingin menjadikan Johor sebagai kawasan pedalaman yang banyak membantu pertumbuhan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa, telah membolehkan Temenggong Ibrahim menjadikan Johor sebagai pusat pengeluaran lada hitam dan gambir melalui Sistem Kangchu Cina dan Sistem Buruh Kontrak Jawa. Pekerja Jawa itu dibawa menyeberangi selat ke Johor oleh Syarikat Konstantinople milik jutawan Arab As Sagof yang mendapat konsesi di Pontian untuk membuka baru perladangan. Ada juga orang Jawa yang berhijrah secara bebas berlindung ke Tanah Melayu untuk memulakan hidup baru mengelak pemerintahan kolonial Belanda pada Culture Stelsel atau pertanian paksa di Jawa. Mereka yang beragama Islam memilih Johor sebagai tanah air baru mereka, kerana Islam telah makmur di Johor. The tempat di Johor yang paling ramai penduduk Jawa berkumpul ialah Pontian, Batu Pahat dan Muar. (Hisham, 2012).
- IV. Pembangunan ekonomi negeri yang berkembang pada tahun 1990an sehingga ini terus menjadi perangsang kepada keperluan tenaga kerja yang tinggi di negeri ini. Syed Razak (2015) menghujahkan bahawa beberapa projek baru pembangunan oleh kerajaan negeri dan persekutuan dilihat sukar untuk direalisasikan sekiranya isu kekurangan tenaga kerja ini tidak diselesaikan. Oleh itu, jelasnya kajian-kajian mengenai pembangunan ekonomi


⁷ https://www.wikiwand.com/ms/Sultan_Iskandar,_Kelantan,
https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Iskandar,_Kelantan

pada masa ini menghujahkan bahawa jalan terbaik dalam menyelesaikan isu ini adalah melalui pengambilan tenaga kerja asing, terutamanya dari Indonesia dan Filipina.

- V. Sejak penghijrahan tersebut, penutur-penutur bahasa Jawa berkenaan tinggal dan seterusnya menetap di kawasan-kawasan pendaratan mereka, terutama di pesisir pantai Negeri Johor, Selangor dan Perak.

2. Orang Jawa di Malaysia Menurut Test DNA

Melayu sebenarnya bukanlah satu bangsa yang hanya wujud di Malaysia tetapi orang Melayu telah wujud sekian lama di Kepulauan Melayu (Malay Archipelago). Kepulauan yang terletak di antara Lautan India dan Lautan Pasifik ini mengunjur sejauh 4,000 batu dari timur ke barat dan 1,300 batu dari utara ke selatan dan merupakan kepulauan yang terbesar di dunia. Kepulauan Melayu dibentuk oleh beribu-ribu buah pulau kecil dan pulau-pulaubesar seperti Borneo, Sumatera, Jawa, Sulawesi, Filipina dan termasuk juga Semenanjung Malaysia. Sebelum berlakunya banjir besar yang menenggelamkan Pentas Sunda dan tamadunnya lebih kurang 10,000 tahun yang lalu, kumpulan pulau yang terletak di atas Pentas Sunda dipercayai bersambung sebagai satu tanah besar yang memudahkan pergerakan dan interaksi manusia di atasnya. Akibat daripada kejadian banjir besar ini, sebahagian penduduk di Pentas Sunda terpaksa berhijrah dan mereka ini dipercayai telah memulakan penempatan baharu di Asia Timur dan Kepulauan Pasifik.



Tahun 2011 sekumpulan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang melakukan kajian berhubung asal usul bangsa Melayu melalui kaedah genetik menunjukkan Melayu Kelantan kemungkinan besar orang Melayu paling asal menetap di Semenanjung sejak lebih 60,000 tahun. Kumpulan penyelidik diketuai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM, Prof Madya Dr Zafarina Zainuddin yang mendapat geran RM1.4 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi, melakukan kajian terhadap 10 sub-etnik Melayu di Semenanjung Malaysia bagi mengetahui asal usul Melayu. Sub-etnik berkenaan adalah Melayu Jawa di Johor dan Selangor, Melayu Aceh (Perak), Melayu Minang

(Negeri Sembilan), Melayu Banjar (Selangor dan Johor), Melayu Bugis (Selangor dan Johor), Melayu Rawa (Perak), Melayu Champa (Perak, Kedah dan Kelantan), Patani (Kelantan), Melayu Kelantan dan Kedah Langkasuka.⁸

Kajian sama yang dilakukan ke atas 10 sub-etnik Melayu (Kelantan, Bugis, Banjar, Jawa, Aceh, Minang, Mendeleng, Rawa, Champa dan Pattani) menunjukkan sejumlah DNA orang Melayu sama dengan Orang Asli telah berusia hampir 60,000 tahun (Nur Haslindawaty Abd Rashid, tesis PhD, 2013) Penemuan ini membuktikan bahawa orang Melayu juga berasal daripada kumpulan manusia yang bergerak keluar dari Afrika lebih kurang 60,000-75,000 tahun dahulu yang kemudiannya menjadi penghuni terawal di Kepulauan Melayu. Kajian telah membuktikan bahawa kesemua sub-etnik Melayu mempunyai persamaan genetik yang sangat tinggi (Edinur et al, 2009; NurWaliyuddin et al., 2014). Penemuan ini telah mengukuhkan lagi kepercayaan tentang asal usul dan hubung kait antara populasi awal di Kepulauan Melayu. Kesemua sub-etnik Melayu ini ternyata berasal dari susur galur yang sama dan berkongsi keturunan yang sama. Namun demikian, pada hari ini, mereka telah dipisahkan oleh sempadan geografi dan politik dan hasilnya mereka terlihat sebagai populasi yang berbeza. Pemisahan ini walau bagaimapapun tidak dapat menafikan hubungan mereka yang telah dibuktikan secara genetik, sama seperti hakikat kewujudan mereka di Kepulauan Melayu sejak 60,000 tahun dahulu.⁹

Kesimpulannya negara ini ada penghuni asalnya iaitu orang Melayu, dan orang Melayu termasuk daripada etnik Kelantan, Bugis, Banjar, Jawa, Aceh, Minang, Mendeleng, Rawa, Champa dan Pattani. Dari kajian DNA bahawa orang Jawa adalah termasuk orang Melayu yang telah ada di Malaysia sejak 60,000 tahun yang lalu. Bukan pendatang seperti yang diyakini selama ini. Oleh sebab itu, banyak kesamaan baik fizikal, makanan, pakaian, dan budaya antara orang Jawa dengan orang Melayu di Malaysia.



(Raksukan has séké Minangkabau di taun 1900-an)



(Ambon, 1870)



8

http://lib.perdana.org.my/PLF/News_2011/September%202011/Berita%20Harian/BH040811.pdf

9

https://melayu.library.uitm.edu.my/3319/1/KA_ZAFARINA%20ZAINUDDIN_UTUSAN%20ONLINE%2015.pdf




(Rembang, Jawa 1860) (Aceh, 1900) (Sultan Lingga Soelaiman Badroe Alamsjah Riau Tahun 1867)



(Terengganu, 1908)

(Pulau Pinang, awal abad ke-19)



(Kuala Muda, Kedah, 1905)

B. Bahasa Jawa

a. Tingkatan Bahasa Jawa

Selain di pulau Jawa, bahasa Jawa juga dituturkan sebagai bahasa ibu di daerah-daerah transmigrasi seperti di Lampung, sebahagian wilayah Riau, Jambi, Kalimantan Tengah, dan di tempat lainnya di Indonesia. Di luar Indonesia, penutur bahasa Jawa terpusat di beberapa negara, seperti di Suriname, Belanda, Kaledonia Baru, dan Malaysia (terutama di pesisir barat Johor).¹⁰

¹⁰ Blust 2010, hlm. 97.

Menurut Maryano Dwiraharjo (2001), bahasa Jawa merupakan satu daripada bahasa yang mengenal adanya tingkat tutur. Adanya tingkat tutur tersebut menyebabkan bahasa Jawa menarik untuk dikaji. Menurut Maryano, tingkat tutur dalam bahasa Jawa ini menggambarkan adat atau budaya sopan-santun yang dipraktikkan oleh penuturnya, selain mencerminkan perilaku kebahasaan yang sebenar masyarakatnya.

Secara garis besar tingkat tutur yang digunakan dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa adalah tingkat tutur ngoko (ragam ngoko) dan tingkat tutur krama (ragam krama). Sasongko menegaskan bahwa secara emik, unggah-ungguh dapat dibedakan menjadi dua, yaitu ngoko dan krama, kemudian secara etik unggah-ungguh terdiri atas, ngoko lugu, ngoko alus, krama lugu, dan krama alus.¹¹

b. Ragam Ngoko

Ragam ngoko ialah unggah-ungguh Bahasa Jawa yang memiliki inti leksikon ngoko dalam ragam ngoko bukan leksikon yang lain. Dalam ragam ngoko afiks yang muncul hanya berbentuk ngoko seperti di-, -e, dan-ake. Ragam ngoko dapat digunakan apabila seseorang memiliki hubungan yang akrab dengan mitra tutur atau seseorang yang merasa status sosialnya lebih tinggi daripada mitratuturnya. Ragam ngoko terdapat dua varian yakni ngoko lugu dan ngoko alus.

1) Ngoko lugu ialah

Ngoko lugu ialah unggah-ungguh dalam bahasa Jawa yang semua kosakatanya berbentuk ngoko dan netral (leksikon ngoko dan netral) tanpa terselip leksikon krama, krama inggil, atau krama andhap, baik untuk O1, O2, maupun (O3). Contoh: Yen mung kaya ngunu wae, aku mesthi ya iso (Jika cuma seperti itu saja, saya pasti juga bisa);

2) ngoko alus,

Ngoko alus ialah unggah-ungguh yang didalamnya tidak hanya leksikon ngoko dan netral saja tetapi juga ada leksikon krama inggil dan andhap. Leksikon krama inggil dan andhap yang muncul digunakan untuk menghormati mitra tutur. Leksikon krama inggil yang muncul biasanya terbatas pada kata kerja, benda dan pronomina. Sedangkan leksikon krama andhap yang muncul biasanya berbentuk kata kerja, misalnya Menteri pendhidhikan sing anyar iki asmane sapa? (Menteri pendidikan yang baru ini siapa namanya?).

c. Ragam Krama

Ragam krama ialah unggah-ungguh bahasa Jawa yang memiliki inti leksikon krama dan leksikon lain. Dalam ragam krama afiks yang muncul dipun-, -ipun, dan -aken. Ragam krama digunakan bila seseorang merasa status sosialnya lebih rendah daripada mitra tuturnya. Ragam krama terbagi menjadi dua variasi yakni krama lugu dan krama alus. 1) krama lugu, leksikon yang terdapat dalam ragam ini berupa ngoko. Kata lugu dalam ragam ini menunjukkan bahwa ragam ini

¹¹ Sasongko, Unggah-ungguh Bahasa Jawa, (Jakarta: Yayasan Paramalingua, 2004), hlm.128.

memiliki leksikon krama, madya dan lugu serta tambahan krama inggil dan andhap. Akan tetapi yang menjadi leksikon inti ialah krama, madya dan netral. Leksikon krama inggil dan krama andhap hanya digunakan untuk menghormati mitra tutur. Secara semantik ragam krama lugu dapat didefinisikan sebagai suatu bentuk ragam krama yang kadar kehalusannya rendah. Meskipun demikian, ragam ini tetap menunjukkan kehalusan dibandingkan ngoko alus. Contoh: Sing dipilih Sigit niku jurusan jurnalistik utawi perhotelan. (Yang dipilih Sigit itu jurusan jurnalistik atau perhotelan); 2) krama alus, krama alus ialah unggah-ungguh bahasa jawa yang memiliki leksikon into krama yang dapat berupa krama inggil ataupun krama andhap. Dalam tingkat tutur ini leksikon ngoko Dan madhya tidak pernah muncul. Dalam ragam ini secara konsisten krama inggil dan andhap sekali digunakan untuk menghormati mitra tutur. Dari segi semantik ragam krama alus ini merupakan ragam krama yang memiliki tingkat kehalusan paling tinggi. Contoh: para miyarso, wonton ing giyaran punika Lula badhe ngaturaken eembag bab kasusastran jawi (para pendengar, Salam kesempatan saran ini saya akan berbicara tentang kesusastraan jawa).¹²

Tabel 1.

Kosakata Ngoko, Madya, dan Krama.



d. Aksara Jawa

Aksara Jawa atau lebih dikenal dengan nama Hanacaraka atau Carakan adalah aksara turunan dari Aksara Brahmi yang berasal dari India. Penggunaan Aksara Jawa ini sudah digunakan sejak masa Kesultanan Mataram (abad ke-17). (Dimas Fakhruddin, 2019)¹³

¹² Purwa Lalita Nurjayanti, Tingkat Tutur Bahasa Jawa, Universitas Sebelas Maret, <file:///C:/Users/User/Downloads/paper%207.pdf>

¹³

file:///C:/Users/User/Downloads/Pengembangan_Desain_Informasi_dan_Pembelajaran_Aks.pdf

Aksara Jawa merupakan “hasil budaya tulis dari suku bangsa Jawa. Sejak 700 M suku bangsa Jawa sudah mengenal tradisi menulis. Hal ini membuktikan bahwa suku bangsa Jawa merupakan salah satu suku yang maju pada masanya. Aksara Jawa terdiri dari dua puluh aksara yang disebut juga aksara nglegena atau carakan. Setiap aksara memiliki pasangan, yaitu aksara yang berfungsi untuk menghubungkan suku kata mati atau tertutup dengan suku kata berikutnya, kecuali suku kata yang tertutup dengan wignyan, layar, dan cecak” (Darusuprta, 2002).

Selain dua puluh aksara pokok tersebut, Aksara Jawa juga memiliki kelompok aksara kapital (murda), vokal (swara), rekaan (rekan), pengubah bunyi (sandangan), penanda gugus konsonan, penutup konsonan(pasangan), pangkon, tanda baca, dan angka. (Daryanto, 1999; Nugraha, 2006).

Gambar 1. Aksara Jawa Nglegena



Gambar 2. Angka Jawa

ANGKA				
ᮘ	ᮙ	ᮚ	ᮛ	ᮜ
1	2	3	4	5
ᮝ	ᮞ	ᮟ	ᮠ	ᮡ
6	7	8	9	0

e. Etika Berbicara Dalam Bahasa Jawa

Dalam menggunakan Bahasa Jawa, ada beberapa etika yang harus diperhatikan diantaranya;

a. Menyesuaikan kata-kata dengan usia dan status lawan bicara

Diantara keunikan dan kelebihan perilaku komunikasi verbal etnis Jawa dalam kehidupan sosial berkomunikasi adalah adanya penyesuaian kata-kata yang disampaikan sesuai dengan dengan usia dan status lawan bicara. Penyesuaian kata-kata ini dilakukan dalam rangka untuk menjadikan komunikasinya lebih baik.

b. Menggunakan bahasa bertingkat.

Pada umumnya etnis Jawa akan menerapkan tingkatan bahasa saat melakukan komunikasi dengan orang lain. Dalam etnis Jawa memang dikenal istilah bahasa halus dan kasar (ngoko dan kromo).

c. Intonasi dan tekanan suara.

Dalam komunikasi verbal, intonasi suara saat menyampaikan kata-kata merupakan sesuatu yang sama pentingnya dengan kata-kata itu sendiri, karena dalam intonasi terdapat bobot yang menjadikan sebuah kata memiliki daya pengaruh yang besar.

d. Respon ketika diajak bicara

Ada dua respon baik menerimanya ataupun menolaknya.

e. Teknik mengakhiri pembicaraan

Ada 2 cara yaitu menyampaikannya dengan isyarat atau menyampaikannya secara langsung.¹⁴

f. Perkembangan Bahasa Jawa Di Malaysia

Hingga saat ini manuskrip Jawa belum ditemukan lagi di Malaysia, sehingga tidak diketahui awal keberadaan Bahasa Jawa di Malaysia secara pasti. Kajian-kajian terdahulu seperti kajian Puan Soifah Likin (2009)¹⁵, Karim Harun & Maslida Yusof (2015),¹⁶ Nurul Aznina Mohd Salleh (2017), Haslinda Hj. Hasan (2021)¹⁷ mendapati bahwa Bahasa Jawa mula diperkenalkan dipakai ketika pendatang dari pulau Jawa yang merantau ke tanah Melayu dan membina penempatan di

¹⁴ Thesis Junaidi, Perilaku Komunikasi Etnis Jawa Dalam Kehidupan Sosial Dan Kehidupan Politik Di Kota Medan, Program Studi Komunikasi Dan Penyiaran Islam, Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan 2020. Hal 148-168.

<http://repository.uinsu.ac.id/9206/1/DISERTASI%20JUNAIIDI%20UNTUK%20REPOSITORI.pdf>

¹⁵http://eprints.usm.my/30795/1/Kelestarian_Budaya_Orang_Melayu_Keturunan_Jawa_dan_Perdamaian.pdf

¹⁶ <https://core.ac.uk/download/pdf/77967617.pdf>

¹⁷ <http://www.jised.com/PDF/JISED-2021-39-09-20.pdf>

sini sejak abad ke-16 hingga kini. Kemudian mengalami penurunan dalam penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan generasi muda sekarang ini.¹⁸

Di Malaysia, penggunaan bahasa Jawa diturunkan dari satu generasi kepada satu generasi secara tidak formal atau lebih tepat lagi bahasa Jawa diturunkan melalui lisan yang sematamata digunakan untuk tujuan berkomunikasi. Oleh kerana kemahiran menuturkannya tidak dipelajari secara formal, apatah lagi dengan adanya pelbagai punca yang menyebabkan terjadinya fenomena penggunaannya seperti fenomena pergeseran dan kemerosotan penggunaannya serta percampuran dan peralihan kod, maka adalah perlu kajian dilakukan ke atasnya. Menurut Asmah Haji Omar,

“Dalam proses menghasilkan keturunan dari zaman ke zaman, manusia juga turut ikut menurunkan bahasanya, yakni melalui keturunannya itu. Penurunan Bahasa dari generasi ke generasi tidak mungkin tidak mengalami perubahan, baik pada bunyinya, atau pada bentuk dan makna kata-kata tertentu, ataupun pada susunan ayat.” (Asmah Haji Omar, 1993)

Walaupun mulai menurun masih ada beberapa generasi yang berusaha untuk melestarikan diantaranya adalah Totok Aidil Subagio / Hasan Suyat yang menulis buku “yuk ngomong jowo”. Dia berharap, melalui upayanya tersebut, bahasa Jawa bisa lestari. Minimal tak cepat punah.¹⁹ Hal ini membuktikan bahawa kecintaan terhadap budaya masih ada dalam diri generasi muda.

Diantara faktor-faktor yang menyebabkan menurunnya komunikasi menggunakan Bahasa Jawa adalah sebagai berikut;

1. Faktor dari keluarga.

Keluarga merupakan faktor terbesar terhadap menurunnya komunikasi menggunakan Bahasa Jawa. Peratus ibu bapa yang berinteraksi menggunakan bahasa Melayu lebih tinggi berbanding bahasa Jawa atau kedua-dua sekali. Ibubapa yang berperanan sebagai agen sosialisasi untuk mengajarkan bahasa Jawa kepada anak-anak semakin menurun. Mereka berpendapat bahawa bahasa Jawa sudah tidak relevan pada masa sekarang. Pergaulan anak-anak semakin luas bukan hanya dengan rakan sekampung jadi mereka berfikir menguasai sepenuhnya Bahasa Melayu adalah lebih baik. Ianya akan memudahkan anak-anak bergaul dan bercakap dengan orang lain.²⁰

2. Faktor lingkungan

- a. Sekolah

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan antara agenda utama yang menjadi keutamaan pemimpin dan orang Melayu, khususnya United Malay National Organization (UMNO) sebelum menjelang tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957²¹. Sehingga peranan Bahasa Melayu adalah sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa penghantar Pendidikan²². Oleh itu, di sekolah-sekolah guru lebih banyak menggunakan Bahasa Melayu daripada Bahasa daerah.

¹⁸ <http://journalarticle.ukm.my/10405/1/18107-51386-1-SM.pdf>

¹⁹ <https://lombokpost.jawapos.com/feature/15/03/2021/upaya-hasan-suyat-menjaga-bahasa-jawa-di-malaysia-dari-kepunahan/>

²⁰ http://eprints.usm.my/30795/1/Kelestarian_Budaya_Orang_Melayu_Keturunan_Jawa_dan_Perdamaian.pdf

²¹ <file:///C:/Users/User/Downloads/IJEPC-2021-41-07-09.pdf>

²² <https://pts.com.my/berita/sejarah-pendidikan-bahasa-melayu-di-malaysia-pemenuhan-suatu-idealisme>

b. Media massa

Media massa dilihat sebagai medium yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat (Juliana & Nur 'Aainaa 2012). Terdapat pelbagai media massa iaitu media cetak, media elektronik dan juga media sosial. Bentuk media massa yang lazim digunakan seperti; surat, surat khabar, majalah atau buku, dan media elektronik seperti televisyen, radio, komputer, telefon dan teknologi maklumat dan telekomunikasi yang lain (Mohamad Yusof 2010).

Pada awal kemerdekaan sebagian besar media massa menggunakan Bahasa Melayu, baik itu akhbar, majalah, radio atau televisyen. Ada juga yang menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Sehingga masyarakat terbiasa menggunakan Bahasa Melayu.

C. Upaya pelestarian Bahasa Jawa

Pemeliharaan warisan budaya termasuk Bahasa adalah usaha untuk mengangkat martabat kebudayaan setempat. Oleh itu, seharusnya pihak kerajaan bertanggungjawab untuk merencana dan membiayai segala aktiviti melalui sistem Pendidikan. Segala program yang dianjurkan dan segala aktiviti yang dilaksanakan adalah perlu dilaksanakan bermula dari peringkat sekolah mahupun ke peringkat pengajian tinggi.

Beberapa upaya yang boleh dilakukan untuk melestarikan Bahasa Jawa, diantaranya adalah sebagai berikut;

1. Pembelajaran Bahasa Jawa di sekolah.

Satu sukatan pelajaran dalam Bahasa Jawa amat diperlukan supaya pelajar tertarik tentang materi yang disampaikan pengajaran dianjurkan untuk menggunakan media pembelajaran elektronik seperti computer, laptop, gadget, dan lain sebagainya atau merancang aplikasi pembelajaran bahasa jawa berbasis android.

2. Pertandingan di peringkat sekolah.

Pidato, debat, menulis cerita, berbahasa jawa boleh dilaksanakan memulakan minat kepada pelajar.

3. Mengajukan penelitian dan pengembangan metodologi pembelajaran bahasa Jawa.

Di peringkat tertinggi, kajian yang lebih mendalam terhadap Bahasa Jawa perlu dijalankan dan diberikan sokongan seperti seminar, jurnal, dan artikel-artikel perlu dibuat bagi mengukuhkan Bahasa Jawa di tingkat universiti.

4. Pengembangan media dan teknologi pembelajaran Bahasa Jawa yang modern.

Media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Tik Tok, Internet dan laman web boleh dijadikan sebagai agen untuk melariskan penggunaan Bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat. Dengan cara mengepos maklumat penting tentang Bahasa Jawa dalam halaman media sosial bahkan boleh mengajar asas pelajaran Bahasa Jawa melalui akaun di media sosial. Hal ini akan dapat memperkasakan lagi Bahasa Jawa di Malaysia.

RUMUSAN

Kita harus tahu dari mana kita berasal dan tidak melupakan sejarah supaya kita menghargai usaha keras nenek moyang kita dalam membentuk budaya dan peradaban kemudian ikut melestarikannya. Di Malaysia, wujud budaya yang pelbagai merupakan anugerah Allah SWT, agar kita saling mengenal. Oleh itu, setiap orang Melayu mempunyai hak yang sama dalam mengamalkan budaya masing-masing tanpa permusuhan, kerana walaupun berasal daripada pelbagai keturunan kita semua merupakan bangsa Melayu. Kewajipan kita adalah memelihara nilai-nilai budaya, membimbing generasi yang akan datang untuk berkembang di lingkungan, serta membangun dan memperkuat karakter bangsa.

RUJUKAN

- Amin, Dorori. (2000). *Islam Dan Kebudayaan Jawa* Yogyakarta: Gama Media
- Asmah haji omar. (1965). *Dewan Bahasa*. Kuala lumpur. Dewan Bahasa dan pustaka
- Darusuprpta (2002). *Pedoman Penulisan Aksara Jawa (in Indonesian)*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nusantara bekerja sama dengan Pemerintahan Provinsi Daerah Istimewa Yogyakarta, Daerah Tingkat I Jawa Tengah, dan Daerah Tingkat I Jawa Tengah. ISBN 979-8628-00-4.
- Daryanto, S.S., (1999), *Kawruh Basa Jawa Pepak*, Apollo Lestari, Surabaya.
- Junaidi, *Perilaku Komunikasi Etnis Jawa Dalam Kehidupan Sosial Dan Kehidupan Politik Di Kota Medan*, Program Studi Komunikasi Dan Penyiaran Islam, Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan 2020. Hal 148-168. <http://repository.uinsu.ac.id/9206/1/DISERTASI%20JUNAIDI%20UNTUK%20REPOSITORI.pdf>
- Karim Harun & Maslida Yusof (2015). *KOMUNIKASI BAHASA MELAYU-JAWA DALAM MEDIA SOSIAL*. Universiti Kebangsaan *Malaysia Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(2): 617-629*
- Karina. *Nilai budaya Jawa (rukun-hormat) dalam Kehidupan*. (Malang: Universitas
- Khazin mohd. Tamrin (1987). *Orang Jawa Di Selangor Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kuo, Ming-Mu, and Cheng-Chieh Lai (2006). "Linguistics across Cultures: The Impact of Culture on Second Language Learning." Online Submission 1.1
- Maryano Dwiraharjo (2001). *Bahasa Jawa Krama*. Surakarta: Yayasan Pustaka Cakra.
- Muhammadiyah Malang, (2014).
- Nugraha, G.S., dan Tofani, M.A., (2006), *Buku Pinter Bahasa Jawa*, Kartika.
- Purwa Lalita Nurjayanti, *Tingkat Tutur Bahasa Jawa*, Universitas Sebelas Maret, <file:///C:/Users/User/Downloads/paper%207.pdf>
- Samad Ahmad *ed.* (2010). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. (Edisi Kesepuluh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sasongko (2004). *Unggah-ungguh Bahasa Jawa*, Jakarta: Yayasan Paramalingua,

<file:///C:/Users/User/Downloads/IJEPC-2021-41-07-09.pdf>
<file:///C:/Users/User/Downloads/paper%207.pdf>
file:///C:/Users/User/Downloads/Pengembangan_Desain_Informasi_dan_Pembelajaran_Aks.pdf
http://eprints.usm.my/30795/1/Kelestarian_Budaya_Orang_Melayu_Keturunan_Jawa_dan_Per_damaian.pdf
<http://journalarticle.ukm.my/10405/1/18107-51386-1-SM.pdf>
<http://journalarticle.ukm.my/10405/1/18107-51386-1-SM.pdf>
http://journalarticle.ukm.my/7785/1/Pengaruh_bahasa_jawa_dalam_pembauran.pdf
http://lib.perdana.org.my/PLF/News_2011/September%202011/Berita%20Harian/BH040811.pdf
<http://repository.uinsu.ac.id/9206/1/DISERTASI%20JUNAIDI%20UNTUK%20REPOSITORI.pdf>
http://eprints.usm.my/30795/1/Kelestarian_Budaya_Orang_Melayu_Keturunan_Jawa_dan_Per_damaian.pdf
http://repository.unj.ac.id/2651/3/SKRIPSI_BAB%20I-BAB%20IV%20C%20DAFTAR%20PUSTAKA.pdf
<http://www.jised.com/PDF/JISED-2021-39-09-20.pdf>
<https://core.ac.uk/download/pdf/77967617.pdf>
<https://core.ac.uk/download/pdf/77967617.pdf>
<https://lombokpost.jawapos.com/feature/15/03/2021/upaya-hasan-suyat-menjaga-bahasa-jawa-di-malaysia-dari-kepunahan/>
https://melayu.library.uitm.edu.my/3319/1/KA_ZAFARINA%20ZAINUDDIN_UTUSAN%20ONLINE%202015.pdf
<https://pts.com.my/berita/sejarah-pendidikan-bahasa-melayu-di-malaysia-pemenuhan-suatu-idealisme>
https://www.academia.edu/36455274/BAHASA_DAERAH_DI_INDONESIA
https://www.wikiwand.com/ms/Sultan_Iskandar,_Kelantan
https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Iskandar,_Kelantan

THE VALUE OF SOCIAL CONFORMITY AS A MECHANISM OF SUSTAINING INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE PRACTICES IN *ADAT BERKEDIM* AMONG THE *PERPATIH* COMMUNITY AT *MUKIM TERACHI*, KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN

NILAI KEAKURAN SOSIAL SEBAGAI MEKANISME PELESTARIAN WARISAN TIDAK KETARA *ADAT BERKEDIM* DALAM KALANGAN KOMUNITI *PERPATIH* DI *MUKIM TERACHI*, KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN MALAYSIA

S Sukri, NA Jabar & NF Roslan

suraya@umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

This study highlights the value of social conformity as a mechanism of sustaining intangible cultural heritage practices in *adat berkedim* among the *Perpatih* community at *Mukim Terachi*, Kuala Pilah Negeri Sembilan. The study found that *berkedim* practices have been in a precarious state due to the current modernisation. Hence, this research seeks to understand the types of *berkedim* traditions practiced by the *Perpatih* community and explain elements of social conformity in the *berkedim* tradition. In this study, qualitative research is used. This method allows the researcher to conduct interviews with potential informants in *Mukim Terachi*. The researcher interviewed three practitioners of *Perpatih* custom, together with observational fieldwork. The findings of this research have identified two types of *adat berkedim*. In addition, elements of social conformity were identified, such as compliance, obedience, protection, association and communication, tolerance, and consensus.

Keywords: *Berkedim*, Intangible cultural heritage, *Perpatih*, Social Conformity

INTRODUCTION

Various ethnic groups and cultures coexist peacefully in Malaysia. Having such a wide range of cultures has given Malaysia its distinct character. This diversity refers not only to a multi-racial society but also to the context of the Malay community, which has various practices and cultures (Ab Ghani, 2016). The states of Malaysia are also home to a wide variety of cultural traditions, such as customs, heritage, arts, and cultural treasures. Aside from Negeri Sembilan, which follows the *Perpatih* Custom, all of Malaysia's states adhere to the *Temenggung* Custom.

Negeri Sembilan is a state located on the West Coast of Peninsular Malaysia. It is a state with a population of various races with a total of more than one million people. In general, the Malays are the majority group in Negeri Sembilan, consisting of 6.15 per cent, followed by the Chinese representing 22.9 per cent, Indians representing 1.51 per cent, and other races as much as 0.5 per cent (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, 2020). Negeri Sembilan has distinctive traditions and *adat*. The distinctiveness of this community lies in the tangible and intangible cultural heritage transmission of *Adat Perpatih* from generation to generation. The

uniqueness and diversity of customs in Negeri Sembilan can strengthen the nation's understanding of the significance of custom as a cornerstone of national identity and the personality of individuals and groups (Saludin, 2015).

Peninsular Malaysia is divided into Malay customs: *Perpatih* and *Temenggung* (Hooker, 1972). Both of these traditions originated in West Sumatra and were carried to Malaya by the Minangkabau people during their migration. For the previous five centuries, these Minangkabau people have resided in Perak, Negeri Sembilan, Kedah, and Pahang (Rais Yatim, 1942). The practice of *Temenggung* has developed and spread from coastal places such as Malacca to other regions. In rural regions such as Naning in Melaka, Negeri Sembilan, and Kampung Lukut in Kota Tinggi, Johor, *Perpatih* is extensively practised. Aspects of administration, the marital system, property distribution, criminal laws application, and daily life aspects vary significantly between the two cultures.

Among the many customs, *berkedim* is a tradition widely practiced by the *Perpatih* community in certain Kuala Pilah and Negeri Sembilan regions. One of the districts in Negeri Sembilan is called Kuala Pilah. Between Bahau and Seremban, there is a little town known as Kuala Pilah (Majlis Daerah Kuala Pilah, 2022). This district consists of three different sorts of villages: Kampung Tradisional, Kampung Baru, and Kampung Asli. The Malay community resides on inherited land known as Kampung Tradisional, unlike Kampung Baru, which Malay, Chinese, and Indians mostly inhabit. Meanwhile, Kampung Asli is home to the natives.

During the migration of the Minangkabau people to Malaya, the custom of *berkedim* was introduced. This notion of *berkedim* is comparable to that of West Sumatra Indonesia, whereby this concept of *berkedim* is referred to as 'melalok' (Eriyanti, 2007). The Minangkabau people have since consolidated their position in Terachi, Gemencheh, Gunung Pasir, Jempol, Rembau, Inas, and Ulu Muar districts. This *berkedim* custom is not practised in every district. It is only prevalent in regions where the *Perpatih* ritual is observed. This *berkedim* custom consists of two varieties: *kedim pinang sebatang* and *kedim aur* (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, 2020).

This *berkedim* custom and ritual are modified to be compatible with the local community and religious requirements (Salleh, 2017). In the past, the ceremony had to follow predetermined standards and practices. For example, one must slaughter a cow or a goat to collect animal blood. The blood sample will be mixed with that of the adoptive mother and prospective adoptee. According to Eriyanti (2007), *induk semang* refers to a member of a certain tribe who cares about an adopted kid or is regarded as an adoptive mother. As a result of the community's realisation that utilising animal blood as an intermediary between the mother and the infant violates Islamic law, things have changed. Therefore, they have replaced the usage of blood with a red colour that resembles blood. In this *berkedim* ritual, both the heirs and *Buapak* must give their assent. It requires the participation of the *Lembaga, Buapak, Besar*, and all heirs engaged. The most significant aspect of *berkedim* ritual is the acknowledgement and proclamation of a person's acceptance into a tribe.

PROBLEM STATEMENT

Along with the entrance of the Minangkabau people in Negeri Sembilan in the 12th century A.D., the community and leaders have favourably embraced the acceptance of *Perpatih* customs. Philosophy, morals, and ideals have been incorporated into a guide and practised since the forefathers.

When Western powers colonised the Malay Peninsula, the situation began to alter. Gradually, this *Perpatih* tradition began to adapt to the interests of the British. Every custom regarded as unnecessary will be abolished and replaced with their own method. It persisted until

the 21st century, when the modernisation movement accelerated, causing upheaval among the *Perpatih* traditionalists. Those who wish to immerse themselves in this tradition are likewise affected by this. The *Perpatih* tradition depicts aspects of societal conformity because it echoes the compliance of new tribe members (*suku*). According to (Kendra, 2022), social conformity refers to behaviour deemed proper or acceptable by the surrounding community.

Additionally, it refers to conforming an individual's thoughts or actions to a cultural or communal standard. Additionally, it refers to the conformity of an individual's thoughts or actions to a cultural or communal standard (Cialdini & Goldstein, 2004; Coleman, 2004). People conform to a group for certain reasons, such as goal affiliation characterized by behavioral mimicry and gaining social approval. The other goal is maintaining a positive self-concept portrayed in the majority and minority influence and deindividuation (Cialdini & Goldstein, 2004). This social conformity refers to an agreement or behaviour carried out by a group inside a certain group. It may also entail particular behaviours that the community considers "normal". In this approach, "berkedim" activities are closely tied to the significance of social conformity. Because the value of social conformity assigns people or groups who voluntarily modify their beliefs and behaviour to a different community group, and these behaviours allow these outsiders to join the insiders. This form of tradition is capable of not only expanding the size of a tribe but also strengthening the community. If this berkedim custom is maintained, the *Adat Perpatih* community can increase its tribe's membership and encourage more social conformity.

In fact, according to Ahmad et al., (2019) the custom of *berkedim*, which is one of the *Perpatih* traditions, continues to dwindle due to increasing modernisation. Only a few groups preserve this custom of berkedim. The younger generation currently chooses a more contemporary lifestyle. Today, inter-tribal marriage is favoured by the majority of the younger generation. In addition, some communities no longer prioritise the mother's side in property distribution, despite the fact that matrilineal systems are the most distinguishing feature of *Perpatih*. Hence this paper seeks to understand the *berkedim* practices of the *Perpatih* community in *Mukim Terachi* and examine the value of social conformity in the berkedim practices in *Terachi Mukim*.

METHODOLOGY

The researcher selected an ethnographic method to examine the cultural history and legacy of the *Perpatih* community in *Mukim Terachi*, *Negeri Sembilan*, to research the values of social conformity in berkedim practices. This ethnographic study is a type of qualitative research that defines, analyses, and interprets cultural sharing in a community or group, such as behaviour, belief, language, economics, political structure, interaction, and life and relationship style (J W Creswell, 2014; John W Creswell, 2009). This ethnographic research displays the researcher's desire to learn about and comprehend a certain culture. The researcher identified the possible informant via snowball sampling, a nonprobability approach. This snowball sampling method is used to reach inaccessible informants. Thus, a gatekeeper is necessary. In this study, the selected gatekeeper for *Luak Terachi* is the village chief. The first individual to be questioned is the gatekeeper, followed by a second informant based on the first informant's suggestions. The *ketua adat*, "Datok Lembaga," and "*Ibu Soko*" are among those interviewed for this study. Afterward, this research used thematic analysis to analyse data to form patterns and themes collected from interviews (Braun & Clarke, 2006; Clarke & Braun, 2017). When a comprehensive investigation is undertaken on qualitative data to describe the extent to which a phenomenon can occur through researcher observation, thematic analysis is highly useful (Fereday & Muir-Cochrane, 2017).




Figure 1: Thematic analysis processes (Braun & Clarke, 2006)

As seen in Figure 1, a researcher must familiarise themselves with the data while transcribing the audio data to text. Researchers then read the transcribed text to become acquainted with the discourse. The researcher then generated the first code based on research objectives or literature studies. Next, searching for themes was initiated, followed by evaluating themes for repetition, where defining, identifying, and renaming was necessary. The last phase will consist of report writing, where triangulation between all other data gathered throughout this research, such as observations and a review of previous literature, will be performed.

1. Findings and discussion

1.1 Types of *Berkedim* Practices in *Mukim* Terachi

a) *Kedim Pinang Sebatang*

Kedim Pinang Sebatang is a traditional *kedim* that the people of Luak Terachi still practise. *Kedim Pinang Sebatang* entails persons desiring to enter the tribe for marriage according to the Perpatih Custom. Typically, this occurs to men. *Pinang Sebatang* is often performed by members of the same tribe who wish to marry. According to respondent 1, the goal of this *kedim* is to reside with the adopted mother (*induk semang*) prior to the wedding ceremony. It refers to a brief stay before the tribe of *Luak Terachi* calls for the wedding ceremony. There is no property claim that males may make for *pinang sebatang*. Before entering the world of marriage, one should only join the Adat Perpatih tribe.

Pinang sebatang ini untuk dia menumpang suku kita misalnya, orang luar yang hendak berkahwin (orang lelaki) dengan orang sini (suku biduanda) perlu menumpang mak angkat. Ia dipanggil menumpang sementara (berangguh) di rumah emak angkatnya itu. Kemudian, individu tersebut akan di jemput oleh penduduk di sini untuk berakad nikah. Bagi berkedim jenis ini, pihak lelaki tidak boleh menuntut harta.

(Informant 1, 22 Nov 2020)

These two informants' opinions align with previous studies, as Ibrahim (2017) stated that men who wish to marry women from Negeri Sembilan must first undergo the *berkedim* or *masuk suku*. It is further reinforced when a male individual who has undergone this *berkedim* practice will not have rights regarding property or any position in the *suku* (Selat & Hassan, 1976)

b) *Kedim Aur Serumpun*

Aur Serumpun is also a kind of *berkedim* practised by *Luak Terachi* natives nowadays. Furthermore, *Kedim Aur Serumpun* is concerned about property claims. The land handed to tribes is referred to as customary land. *Kedim aur* is typically done on women to transfer their inheritance. When a woman does not have a biological daughter, she will seek or bequeath her inheritance to her granddaughter or the adoptee with the condition that the heirs should approve it, including *Ibu Soko*, *Buapak*, and the *Lembaga*. If a mother adopts a kid from an heir of the same tribe as her, this sort of *Kedim* will not occur. This sort of *Kedim* assures that the selected successor inherits the mother's property. It is also to prevent other tribes from acquiring the property. This respondent's assertion is consistent with prior research. *kedim aur serumpun* occurs when a woman does not have a biological daughter. Then, this form of *kedim* will be delivered to the adopted child. It intends to inherit the land and care for it in old age.

Bagi kedim aur serumpun ini, ia menuntut harta. Ia adalah untuk perempuan yang misalnya perempuan itu sudah lama berkahwin dan dikurniakan semua anak lelaki. Perempuan tersebut masih memiliki harta. Apabila dia meninggal dunia, harta ini tidak akan dapat oleh anak lelakinya, semua harta tersebut akan kembali kepada waris semula (suku). Jadi untuk mengelakkan perkara itu terjadi kerana sayang akan hartanya, dia perlu berkedim anak angkatnya atau cucu perempuan daripada anak lelakinya (anak perempuan bagi anak lelakinya dibenarkan berkedim kerana telah berkahwin dan memasuki suku yang lain). Oleh itu, anak angkat perempuan atau cucu perempuan tersebut akan dikedimkan dan dimasukkan suku untuk dijadikan saudara (Informant 1, 22 Nov 2020).

5.2 The value of social conformity in the *berkedim* tradition

a. Brotherhood

This *berkedim* custom has allowed the *adat* institution to continue to expand via the incorporation of new members. Obviously, *berkedim* is described as declaring the new person to be a sibling or family member. Therefore, when a person is accepted as a sibling, he or she is implicitly acknowledged as a brother or sister. Through *berkedim*, it is evident that strong fraternal bonds are maintained within tribes, which is demonstrated to new community members. As a result, it offers the person a new lease on life and confidence, allowing new members to adapt their culture and behaviour to that of the new tribe. Kendra (2022) claimed that an individual's adherence and conformity to his/her behaviour and culture result from his/her imitation of the behaviour or culture of others. According to the first source, a spirit of camaraderie emerged once *berkedim* was completed. Meanwhile, informant two indicated that this *berkedim* has the potential to promote intertribal relations indirectly. Since *berkedim* procedures are founded on the formal approval of *adat* leaders and heirs, it can also prevent future disputes.

Apabila berlakunya berkedim ia sudah mengaku bersaudara. Disitu taraf persaudaraan itu sudah wujud. Jadi apabila berlaku kenduri pada sebelah lelaki, suku dan saudara-mara yang terlibat perlu dijemput, daripada majlis tersebut dapat mengeratkan silaturrahim kerana telah mengaku bersaudara. Ia tidak menjadi suatu masalah besar malah saudara tersebut menjadi sebuah saudara yang besar (Informant 1, 22 Nov 2020).

The second informant replied that brotherhood has no issues because the custom is to create and strengthen pleasant relationships. Therefore, this beneficial relationship occurs when an individual enters the tribe voluntarily and sincerely, without compulsion.

This statement complies with that of Cialdini & Goldstein (2004) pertaining to the ideals of conformity when both suku have identical aims in berkedim, encouraging brotherhood.

This tradition is important to strengthen friendships, so there are no problems in kinship. There will be no issues related to customary land. (Informant 2, 9 Dec 2020).

b. Compliance/Obedience

The studies also revealed that the residents of *Luak* Terachi have a practice of adhering to this custom. It is evident from the first informant's statement that the inhabitants of *Luak* Terachi must adhere to and observe this tradition to prevent the customary land or property from falling into the hands of outsiders. In addition, *berkedim* customs guarantee that the customary land may be handed to the women's heirs, ensuring their prosperity and good fortune. According to Nordin Selat (1976), When we marry (*bersemenda*), we are required to join the tribe we marry into. Every usual practice must be performed every day.

Penduduk disini memang akur terhadap amalan berkedim ini kerana jika tidak diamalkan rugilah mereka. Tanah yang emak mereka miliki tersebut akan jatuh kepada tangan orang lain sekiranya tidak menjalankan berkedim. Suka atau tidak suka, mereka kena lakukan kerana ia berkaitan dengan harta (Informant 1, 22 Nov 2020).

c. Consensus

This *berkedim* custom has compelled every *suku* and *adat* leader to pledge to address any problem and engage in activities together. Each *adat* leader guarantees that the *suku* under his charge are in a condition of mutual cooperation. According to informant number two, all *adat* leaders, including *Dato' Lembaga, Penghulu, Buapak, and Ibu Soko*, have agreed to find a solution for individuals and families that lack female heirs to inherit their customary land and possessions. Therefore, the *berkedim* tradition exists to ensure that each individual's customary land and property can be inherited without falling into the hands of third parties.

Adat berkedim di Terachi ini wujud disebabkan oleh keluarga yang tidak memiliki waris anak perempuan, jadi sayang untuk memberikan harta dan tanah adat kepada orang lain. Maka, mereka bermuafakat sesama Dato' Lembaga dan Penghulu serta yang lain untuk melaksanakan tradisi ini (Informant 2, 19 Dec 2020)

According to the first informant, the desired consensus is the understanding of each *adat* leader to ensure that every choice is fair and right for each tribe.

Lazimnya, dalam menuntut tanah pusaka supaya tidak terlepas ke waris yang lain, ada syarat yang perlu dipersetujui oleh waris-waris, Ibu Soko, Buapak dan Lembaga. Ia perlu dilakukan kerana adat itu adalah muafakat. Jika kena muafakatnya kira selesai (Informant 1, 22 Nov 2020).

d. Tolerance

This *berkedim* custom fosters a spirit of tolerance in every *suku*. A dispute cannot occur if the *adat* system promotes individual worth. The issue of property conflicts would cease to exist if every *suku* or individual acted with mutual cooperation and tolerance. According to informant number three, individuals and each *suku* must be tolerant of one another in order to appropriately safeguard and maintain customary land and property.

Maksudnya, beri kerjasama dan bertoleransi sesama waris dan suku supaya tidak timbul isu perebutan harta. Hal ini akan membawa kepada kelancaran tradisi. Institusi keluarga juga akan bertambah bagi mewakili suku tersebut (Informant 3, 19 Dec 2020).

e. Protection

Berkedim is a custom meant to safeguard or preserve the dignity of *Adat Perpatih*-practicing women. In *Adat Perpatih*, women are accorded the highest esteem. This is to guarantee that women will not be overlooked in the future. Consequently, this customary land is handed to women so that they might inherit property for personal assets and future usage. Customary land is a priority for women to inherit in *Adat Perpatih*. However, there is a slight inconsistency with the preceding literature, which indicates that the customary land inherited by specific women is not absolute. It belongs to the *suku* in question (Abd Rahman Shah et al., 2017). Nevertheless, according to the second informant, this customary land is inherited by women as property that aids them in times of need. In addition, it safeguards and exalts women to secure their future.

Sebenarnya, tanah pusaka ini adalah untuk melindungi perempuan, jika mereka berada dalam kesusahan, mereka sudah mempunyai tanah sendiri (Informant 2, 19 Dec 2020).

The perspective of informant one concurs with that of informant two, who indicated that the customary land inherited by this female individual is designed to honour women. It is also for the woman's future if there are issues in the marriage.

Dalam Negeri Sembilan, pihak perempuan dimuliakan dimana harta diberikan kepada pihak perempuan. Tujuannya, supaya tanah pusaka tidak terabai. Misalnya, perempuan tersebut berkahwin dan berlaku penceraian sekurang-kurangnya pihak perempuan sudah mempunyai harta mereka sendiri (Informant 3, 19 Dec 2020)

This statement supports the concepts of majority and minority influence (Cialdini & Goldstein, 2004). These minority groups prefer to stick together and support one another, especially while living in an area dominated by majority cultural groups. The tradition of the *Perpatih* is supposed to be practised by a cultural minority. Therefore, many *suku* band together to safeguard their customs, safeguarding the woman's customary land rights by practicing *adat berkedim*.

f) Associations and Communications

The *berkedim* tradition fosters the relationship and communication between *berkedim* persons and the *suku* community to guarantee the individual's comfort when entering the selected *suku*. This *berkedim* custom is also convenient, as it typically occurs after the individual is already acquainted with the family and tribe. It is consistent with the value of social conformity as it applies to the person in order for him to delve further into the tradition and culture of the selected *suku*. According to UNESCO (2011), In order to grasp

and implement every tradition and culture, careful consideration and observation will be applied. This will indirectly foster a positive rapport between the individual and the new *suku* members. Obviously, this individual will engage in the process of learning and practice.

Consequently, other inhabitants of *Luak Terachi* recognize their link. On the contrary, the adoptive mother and adopted son have a temporary connection. The male person is ineligible to claim his adopted mother's property (*pinang sebatang*). As for the married woman, she must care for her adopted mother until her death as she is the heir to her adopted mother's customary land. Meanwhile, according to the second informant, there is no conflict between the *berkedim* and the populace; the *berkedim* has expanded the *suku* population. Furthermore, good ties are encouraged by the fact that the members of this tribe are highly esteemed brothers. Then they may extend their friendliness and goodwill to new members.

Berkedim ini tidak mendatangkan masalah kepada individu dan setiap suku. Berkedim ini telah membuatkan hubungan mereka semakin rapat (Informant 2, 9 Dec 2020).

SUMMARY

As the population of *Luak Terachi* naturally observe *adat berkedim*, it is apparent that social conformity ideals encourage *adat berkedim*. The affirmation of informants that various actions and programmes are being carried out to enable the *adat berkedim* to continue to be practiced reflects the preservation of these *berkedim* customs. In addition, the idea of social conformity imposed on new members of the *suku* through *berkedim* is viewed as one of the several means by which the *suku* connection and population are strengthened and expanded. As long as the *adat* leader instills passion in the younger generation to sustain the custom, many parties must play a role in preserving this tradition. This is due to the fact that this tradition has emphasised the most distinctive and fascinating means of elevating women's rights. Cooperation between *adat* leaders and many stakeholders, such as the State Museum, may strengthen *Perpatih* traditions so they do not become obsolete.

REFERENCES

- Ab Ghani, R. (2016). Negara Bangsa Malaysia: Asas dan cabaran. In *Negara Bangsa Malaysia: Asas dan cabaran*. <https://doi.org/10.32890/9789670876634>
- Abd Rahman Shah, H., Yaakob, A., & Osman, S. (2017). Dinamika Undang-Undang Tanah Adat di Negeri Sembilan : Kajian Perkembangan dan Isu Undang-Undang. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–12. <https://doi.org/10.12816/0051381>
- Ahmad, S., Kosman, K. A., Abdullah, S. Y., & Gaman, M. N. A. (2019). ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN AS A UNIQUE IDENTITY OF NATIONAL HERITAGE. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(December), 271–278.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(July 2008), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cialdini, R. B., & Goldstein, N. J. (2004). Social influence: Compliance and conformity. *Annual Review of Psychology*, 55(1974), 591–621. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.55.090902.142015>
- Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic Analysis: Striving to Meet the Trustworthiness Criteria.

- Journal of Positive Psychology*, 12(3), 297–298.
<https://doi.org/10.1080/17439760.2016.1262613>
- Coleman, S. (2004). The effect of social conformity on collective voting behavior. *Political Analysis*, 12(1), 76–96. <https://doi.org/10.1093/pan/mpg015>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, John W. (2009). Research Design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. In *Thousand Publications* (2nd ed.).
- Eriyanti, F. (2007). Malakok : Suatu Mekanisme Pendamai Ala Minangkabau. *Demokrasi*, 6(2), 17–34. <http://ejournal.unp.ac.id/index.php/jd/article/view/1136/971>
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2017). Demonstrating Rigor Using Thematic Analysis: A Hybrid Approach of Inductive and Deductive Coding and Theme Development. *International Journal of Qualitative Methods*, 5(1), 80–92. <https://doi.org/10.1177/160940690600500107>
- Hooker, M. B. (1972). Adat Laws in Modern Malaya: Land Tenure, Traditional Government and Religion. In *Oxford University Press*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.2307/839091>
- Ibrahim, K. (2017). Cerminan Jati Diri Penuturnya dalam Dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Linguistik*, Vol. 21 (1(1)), 29–35. <http://cendekia.unisza.edu.my/neuaxis-e/Record/oai:www.myjurnal.my:118287>
- Kendra, C. (2022). *What Is Conformity? Definition, Types, Psychology Research*. Very Well Mind. <https://www.verywellmind.com/what-is-conformity-2795889>
- Majlis Daerah Kuala Pilah. (2022, October 18). *Info Kuala Pilah | Portal Rasmi Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP)*. <http://www.mdkp.gov.my/ms/pelawat/info-kuala-pilah>
- Nordin Selat. (1976). Sistem Sosial Adat Perpatih. In *Utusan Publication*. https://books.google.com.my/books/about/Sistem_sosial_adat_perpatih.html?id=0Z_mngEACAAJ&redir_esc=y
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. (2020). *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan*. Kerajaan Negeri Sembilan. <https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan>
- Rais Yatim. (1942). *Adat :the legacy of Minangkabau*. Yayasan Warisan Negara. <https://www.nlb.gov.sg/biblio/202431362>
- Salleh, R. M. (2017). Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. *Jabatan Muzium Negara*.
- Saludin, M. R. (2015). Kepelbagaian dan Keunikan Adat Negeri Sembilan Memperkuat Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid*, 10, 1–15.
- Selat, N., & Hassan, A. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. PTS Akademia. <https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=QDlxCQAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA1&dq=BERKEDIM&ots=IJZo-igc6-&sig=moOcP1DFEvfNFYnbkYNDUk13CeU#v=onepage&q=BERKEDIM&f=false>
- UNESCO. (2011). *What is Intangible Cultural Heritage? - intangible heritage - Culture Sector - UNESCO*. <https://ich.unesco.org/en/what-is-intangible-heritage-00003>

KELESTARIAN INDUSTRI BATIK CANTING DI KELANTAN: ETNOMATEMATIKA PADA MOTIF

Nurulahda Sulaiman
nurulahda.s@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Kelestarian batik canting kelantan adalah merupakan satu langkah penjana pendapatan bagi penduduk di negeri Kelantan terutamanya. Industri tekstil yang melibatkan batik adalah semakin berkembang dengan pesat ini merupakan salah satu punca pendapatan penduduk di Kelantan. Banyak usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi menaikkan lagi taraf dan kemajuan batik Malaysia. Kajian ini memfokuskan tentang kajian etnomatematika pada motif batik canting di Kelantan, etnomatematika adalah merangkumi idea-idea matematika, pemikiran dan Latihan yang telah dikembangkan oleh semua budaya. Berdasarkan definisi tersebut, etnomatematika dapat di maksudkan sebagai matematika yang di amalkan oleh kelompok budaya seperti masyarakat di kampung dan bandar, golongan buruh, remaja dan kanak-kanak. Kajian pada motif batik di Malaysia dari sudut etnomatematika pada motif adalah amat kurang diberi perhatian Kajian ini bertujuan untuk memartabatkan lagi hasil tangan masyarakat setempat dan memberi kefahaman dan penjelasan kepada golongan muda untuk memahami maksud dan makna di setiap motif yang dihasilkan dan selebihnya adalah bertujuan untuk mengajak golongan ini lebih menghargai batik. Kajian terhadap etnomatematika pada motif batik canting di Kelantan telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menghuraikan makna di sebalik motif yang telah dipilih oleh pereka batik, pendekatan etnografi juga diterapkan bagi menerangkan sesuatu budaya tentang adat, kepercayaan, tingkah laku yang berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang di kumpul dari kerja lapangan Matematik dan kesenian sememangnya tidak dapat dipisahkan, ianya akan sentiasa wujud kerana hasil penelitian yang mendorong masyarakat untuk menghargai karya kesenian dari perspektif yang berbeza iaitu dari konsep amalan dan nilai matematik, kajian ini menyumbang kepada penemuan dimana pengetahuan yang sememangnya sudah ada, namun tidak diterjemahkan dalam bentuk penulisan akademik di Malaysia.

PENGENALAN

Industri tekstil merupakan industri yang semakin berkembang pesat di Malaysia, terutamanya adalah industri batik di kawasan Timur Semenanjung Malaysia yang secara positifnya telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi penduduk di Malaysia. Di negeri Kelantan kebanyakannya batik dihasilkan oleh perusahaan kecil sederhana (PKS). Bidang keusahawanan yang telah lama bertapak di Malaysia sejak bermulanya aktiviti perdagangan menggunakan sistem barter. Kegiatan ekonomi ini terus dipelopori sebagai aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sehingga berkembang kepada perdagangan antarabangsa iaitu kedatangan pedagang asing dan perdagangan negara luar pada Zaman Kerajaan Melayu Melaka (Nor Aishah 2002; Shukor 2003; Zafir & Fazilah 2003).

Perindustrian PKS biasanya di bina di Kawasan tepi sungai dan sesetengahnya lebih suka membina di halaman belakang rumah mereka. Di Malaysia, industri batik diklasifikasikan di bawah produk kraf tangan yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi orang Melayu. Batik dianggap sebagai satu lambang atau simbol masyarakat Malaysia yang menjadi contoh

kepada keutuhan masyarakat majmuk di rantau ini (Sharulnizam Ramli, 2018). Seni batik adalah sangat sinonim di kalangan masyarakat Melayu dan semakin pesat berkembang selari dengan peredaran zaman. Dalam era ini, batik dianggap sebagai satu simbol atau lambang masyarakat Malaysia. Jelasnya, seni kraf seperti batik bukan sesuatu yang asing dalam masyarakat Malaysia. Sudah sekian lama kesenian batik mewarnai dan diguna pakai dalam kehidupan masyarakat Melayu serta bangsa Malaysia secara amnya.

Mengungkap perihal batik, Batik adalah satu bentuk seni yang menggunakan Teknik dan reka bentuk yang berasaskan lilin. Proses membatik melibatkan warna sekatan untuk menghasilkan corak pada fabrik, manakala "Ambatik" bermaksud melukis, menulis, melukis, atau menitis², istilah "Batik" berasal daripada perkataan Jawa "tik," yang bermaksud menitis atau menulis titik. Kaedah yang digunakan untuk mencipta motif batikakan berbeza mengikut tempoh dan tempat. Pada abad ke-12, pulau Jawa adalah tempat kelahiran batik, yang kemudiannya berkembang ke bahagian lain di Nusantara, termasuk Semenanjung Tanah Melayu. Pada awal abad ke-20, industri batik mula berkembang terutamanya di negeri Terengganu dan Kelantan. Menurut Siti Zainon Ismail (1986), walaupun proses penciptaan batik dipercayai sebagai pengaruh langsung dari Indonesia (yang terkenal dengan motif-motif atau corak dari legenda Hindu) tetapi perkembangan corak batik Melayu mempunyai ciri yang berbeza. Eloise Piper (2001) dalam penulisan yang berjudul *BATIK: for Artist and Quilters* pula menyatakan bahawa batik berasal dari perkataan Jawa yang bermaksud lukisan berasaskan pengilat berlilin yang menggunakan satu kaedah tradisional bagi menghasilkan corak bergambar atau motif yang timbul di permukaan sesuatu kain.

Dalam menghasilkan karya seni yang berkualiti tinggi, elemen keindahan dan estetika harus diterapkan bagi melengkapkan komponen penting dalam setiap karya. Batik moden dan kontemporari yang memiliki kebebasan dari segi rekaan dan tidak terkongkong, di samping memberikan penekanan kepada usaha seseorang pereka untuk mengolah kreatif idea mengikut aspirasi para pengguna pada masa ini. Secara lebih jelas lagi, batik telah melalui revolusi kontemporari dengan batik itu sendiri dijadikan sebagai elemen penting dalam rekaan fesyen terkini. Hal ini agak berbeza dengan fungsi dan aspirasi para pengguna zaman dahulu yang lebih memfokuskan kegunaan praktikal dan salah satu kesenian pakaian tradisional Melayu, generasi kini lebih kreatif dalam menghasilkan produk kraf yang berasaskan batik bagi tujuan memperkenalkan batik ke peringkat yang lebih tinggi.

Matematik merupakan ilmu yang sangat penting dari segala aspek kehidupan manusia. Matematik sering kali diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat, namun banyak diantarkita yang tidak menyadari penggunaannya. Dalam kehidupan seharian, penggunaan matematik sangat penting mulai dari yang mudah sampai yang susah seperti, ilmu pengetahuan, teknologi serta budaya. Cara hidup atau kebiasaan suatu kelompok masyarakat yang telah diturunkan dari generasi ke generasi kelompok masyarakat tersebut membentuk sebuah budaya. Kaitan konsep matematika dan budaya yang dikenal Etnomatematika. Etnomatematika terdiri dari tiga perkataan iaitu "etno" yang bermaksud sangat luas yang menerangkan konteks sosio budaya termasuk bahasa, kelakuan, mitos dan simbol, perkataan kedua adalah "mathema" yang cenderung kepada maksud menjelaskan, pengertian, memahami, mengetahui, kesimpulan, mengukur dan lain² makna yang hampersama. Seterusnya, perkataan terakhir iaitu ketiga "tik" "berasal dari techne, yang bermaksud sama seperti Teknik (zulkifli dan Dardiri, 2016).

Pada tahun 1977, seorang matematikawan Brasil yang bernama D'Ambrosio telah memperkenalkan perkataan etnomatematika. Menurut Barton, (1996) etnomatematika merangkumi idea-idea matematika, pemikiran dan Latihan yang telah dikembangkan oleh semua budaya. Berdasarkan definisi tersebut, etnomatematika dapat di maksudkan sebagai matematika

yang di amalkan oleh kelompok budaya seperti masyarakat di kampung dan bandar, golongan buruh, remaja dan kanak-kanak. Menurut D'Ambrasio (1985) lagi, beliau menyatakan bahawa tujuan dari adanya etnomatematika adalah untuk mengakui bahawa ada cara yang lain untuk melakukan matematika dengan mempertimbangkan pengetahuan akademik yang disebarkan oleh pelbagai masyarakat. Etnomatematika yang dapat kita lihat pada motif batik ini adalah dari segi pemilihan Bunga di setiap lakaran batik canting. Pemilihan motif flora dan susunan mengikut konsep etnomatematika yang jelas dan penelitian dari motif tambahan yang berbentuk geometri dan abstrak seperti garis lurus, teknik titik, segi tiga dan beberapa bentuk lain lagi sebagai latar belakang reka corak batik Kelantan.

Perkataan batik di Malaysia biasanya menggambarkan bagaimana proses penghasilannya, tidak terkecuali dengan batik Kelantan. Batik Kelantan kebiasaannya menggunakan beberapa teknik di dalam penghasilan batik, antaranya adalah batik blok atau batik lukis (canting) atau gabungan kedua-duanya sekali. Penggunaan variasi material juga merupakan satu kelainan bagi batik Kelantan, antara jenis-jenis kain adalah kapas (cotton), rayon, organza, sutera dan juga kain berjenis satin. Dari sudut penghasilan reka corak pula, kebiasaan motif flora yang akan menjadi pilihan namun tidak lupa juga dengan motif abstrak. Batik telah menjadi lambang kebanggaan negara dan satu bentuk pakaian untuk semua kaum. Batik sudah sehati dengan budaya Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Keunikan motif pada rekaan batik adalah merupakan persembahan identiti dan budaya tempatan, berbeza dengan Batik di Indonesia, di setiap wilayah mereka terkenal dengan motif batik yang memaparkan identiti budaya mereka. Di Malaysia masih kekurangan pengeluaran batik yang memaparkan jati diri dan budaya masyarakat setempat. Usaha yang telah diambil oleh Institut Kemajuan Kraf Malaysia dalam memperagakan batik tempatan Malaysia yang mempunyai identiti tersendiri patut dipuji dan diteruskan, Terdapat banyak pertandingan-pertandingan yang besar dilakukan bagi memartabatkan batik di persada antarabangsa. Sebagai contoh identiti Kelantan ialah motif bunga Ketam Guri dan Bunga Telang. (hafiz ithnin, 2020) bunga-bunga alam melayu sering dikaitkan dan dijadikan motif penting dalam penghasilan batik canting. Terdapat beberapa contoh kajian yang berkaitan etnomatematika pada motif yang telah dikaji namun kebanyakan hasil yang ditemui adalah pada motif batik Indonesia sahaja. Contoh kajian tersebut adalah yang pertama “Penggunaan Etnomatematika Pada Karya Seni Batik Indramayu Dalam Pembelajaran Geometri Transformasi, yang di tulis oleh Copyright (c) 2017 Sudirman, Rosyadi, Wiwit Damayanti Lestari”, kedua seterusnya “Eksplorasi Etnomatematika Ditinjau Dari Nilai Matematika Pada Motif Batik Banten yang di tulis oleh Zahroh, H. R., Purnama, K. A., Asalauqi, M. F., Faridayanti, I., & Kusuma, J. W. (2021). Himpunan: Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan Matematika, 1(2), 154-161”. Seterusnya yang ketiga adalah penulisan yang berkaitan etnomatematika adalah “Eksplorasi Etnomatematika Pada Motif Kain Buna Masyarakat Insana Tengah yang di tulis pada tahun 2021 oleh Aurelya Y. Haki Natun”. Ketiga-tiga penulisan ini membincangkan tentang etnomatematika pada motif dengan jelas dan teliti, penulis menjelaskan ukuran motif yang dipilih, maksud pada motif dan penggunaan konsep cerminan, Hasil dari kajian etnomatematika pada batik Indonesia menunjukkan bahawa eksplorasi motif batik dapat menjadi kajian yang positif didalam etnomatematika. Kajian pada motif batik di Malaysia dari sudut etnomatematika pada motif adalah amat kurang diberi perhatian, Terdapat satu kajian yang baru ditulis oleh Wan Bakar, W. N., Awang, J., Mohd Hasbullah, M. S., & Ismail, M. (2022), Wau Bulan Motifs on Kelantanese Batik: An Ethnomathematics Study. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 7(47), 213 - 219.) , dan seterusnya penelitian kajian *di google scholar* juga adalah sukar ditemui, Menurut Ascher & Ambrosio, 1994; Barton, 2007; Ambrosio, (2016) Seni dan teknik dalam etnomatematik ialah menerangkan fakta dan fenomena alam dan sosial persekitaran dalam setiap budaya. Hasil dari kajian lepas menjelaskan bahawa dalam pelbagai jenis batik terdapat unsur-unsur matematika seperti konsep geometri, transformasi, titik dan garis. kepentingan kajian ini adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang kepentingan etnomatematika pada motif batik canting terutamanya batik canting di Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk memartabatkan lagi hasil tangan masyarakat setempat dan memberi kefahaman dan penjelasan kepada golongan muda untuk memahami maksud dan makna di setiap motif yang dihasilkan dan selebihnya adalah bertujuan untuk mengajak golongan ini lebih menghargai batik.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk menerangkan tentang kepentingan etnomatematika pada motif yang diterjemahkan melalui batik canting di Kelantan . Motif batik yang lazimnya dipengaruhi oleh hubungan persekitaran, Budaya, agama , adat dan sebagainya. Pemilihan motif flora yang di ilhamkan oleh pereka batik sering kali di kaitkan dengan persekitaran dan alam semula jadi di samping menghargai hasil ciptaan Tuhan. Tambahan pula, menurut Leigh.B,(2002) industri batik di Malaysia merupakan industri yang dilindungi oleh kerajaan kerana batik merupakan simbol kepada rakyat Malaysia. Menurut Wan Bakar, W. N., Awang, J., Mohd Hasbullah, M. S., & Ismail, M. (2022), terdapat kesukaran dalam menentukan motif dirantau ini, pengeluaran batik Kelantan banyak dipengaruhi oleh orang Jawa yang telah banyak menggabungkan motif mereka. penerapan motif bunga pada batik canting Kelantan berkait rapat dengan masyarakat Melayu yang percaya bahawa sumber alam seperti herba adalah penawar penyakit dan mempunyai banyak manfaat untuk kegunaan lain, selain itu kefahaman falsafah di sebalik motif yang berkaitan agama yang diterjemahkan melalui pemakaian. Seni batik telah dicipta dan digubah dengan memasukkan unsur-unsur seni yang indah dan menarik. Penciptaan kraf tangan dan keaslian seni batik ini memerlukan kepakaran dan kemahiran dalam penggunaan bahan dan peralatan. Bagi menghasilkan kraf tangan batik yang menarik, kemahiran pelukis batik dalam penggunaan bahan asas yang digunakan semasa proses awalsehingga sesuatu hasil kraf tangan tersebut terhasil. Proses penghasilan seni kraf tangan batik ini juga memerlukan daya estetika dan kreativiti yang tinggi untuk memberikan rekabentuk yang indah dan menarik. Batik adalah salah satu seni warisan yang perlu dikekalkan dan diwarisi pada masa hadapan, dan ini merupakan satu inisiatif untuk memberi penekanan kepada golongan akan datang supaya lebih prihatin dan peka terhadap hasil seni batik canting terutama bagi golongan Kelantan.


METODOLOGI

Kajian terhadap etnomatematika pada motif batik canting di Kelantan telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menghuraikan makna di sebalik motif yang telah dipilih oleh pereka batik, pendekatan etnografi juga diterapkan bagi menerangkan sesuatu budaya tentang adat, kepercayaan, tingkah laku yang berdasarkan kepada maklumat- maklumat yang di kumpul dari kerja lapangan (Sabitha Marican, 2005). Menurut Creswell,(2005) menerangkan bahawa etnografi merupakan bentuk kajian kualitatif untuk menganalisis dan mentafsir bentuk “culture-sharing” sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, gaya hidup, kehidupan, interaksi dan sebagainya. Secara ringkasnya etnografi bermaksud gambaran dan pembelajaran tentang budaya manusia dalam kumpulan yang kecil dan saling berinteraksi diantara satu dengan yang lain. Kaedah temu bual dengan keyresponden terutamanya dalam kalangan pengusaha batik dan juga pereka yang mencantingbatik di sekitar Kelantan. Kajian ini juga menggunakan rujukan daripada sumber sekunder berkaitan dengan motif batik canting di Kelantan. Teori estetika menurut ZakariaAli,(1987) ada menjelaskan bahawa kraf yang dihasilkan oleh orang melayu kebiasaannya berkait rapat dengan prinsip berlambang, halus, berguna, bersatu dan berlawan. Kesemua nilai ini juga dapat diterjemahkan dalam penghasilan etnomatematika motif batik canting. Cara pembuatan yang teliti menterjemahkan maksud kehalusansesuatu seni di samping memenuhi fungsi yang bukan hanya indah dipandang namun selesa dipegang dan digayakan. Sama seperti yang akan diterjemahkan dalam konsep etnomatematika ini. Etnomatematika pada motif menjelaskan susun atur motif pada batikcanting yang di hias dengan susunan yang halus dan teratur, motif yang dihasilkan dikaitkan dengan bahagian lain yang boleh mengajak mata untuk menerokai bahagian dalaman rekaan motif.

Motif Batik canting Kelantan


Dalam penghasilan batik motif atau reka corak adalah merupakan sebahagian daripada elemen visual yang utama yang lazimnya diolah dan berkembang sebagai reka corak yang menjadi latar belakang dekorasi kepada sesuatu rekaan batik. Terdapat beberapa jenis motif batik canting di Kelantan yang telah diketengahkan antaranya adalah motif batik tradisional, motif batik kontemporari dan juga motif abstrak. Bagi motif tradisional kebiasaannya pereka akan menggunakan motif bunga-bunga tradisional alam melayu seperti bunga ketam guri, bunga orkid, bunga Kemboja, bunga cempaka, bunga raya, pucuk rebung dan banyak lagi, seterusnya motif kontemporari pula adalah melibatkan bunga-bunga alam melayu dan di tambah baik dengan penambahan motif geometri dan motif abstrak bersama-sama bagi mencantikkan lagi rekan corak batik Kelantan. Bagi motif abstrak pula apa yang dapat diperhatikan adalah unsur garisan dan unsur geometri di campurkan bersama-sama. Dengan adanya variasi rekaan batik sebegini, dapatlah kita mempelajari dengan lebih meluas tentang cara pemilihan sesuatu rekaan produk yang sudah siap serta memastikan warisan kraf batik mempunyai kesinambungan yang konsisten dan bersesuaian dengan cita rasa dan kehidupan pada masa ini. Seperti yang sedia maklum aspek etnomatematika yang diterapkan dalam pemilihan motif adalah mempengaruhi alam sekeliling seperti flora dan fauna. Sehubungan dengan itu setiap dari motif tersebut adalah berkaitan dengan masyarakat, budaya dan alam sekitar Hubungan antara idea kreatif dengan pengertiannya dalam penghasilan karya seni reka batik dapat menjelaskan nilai akal fikiran dan pengalaman seseorang pereka itu sendiri yang dipengaruhi oleh bentuk fizikal kehidupan dalam persekitarannya. Terdapat tiga motif yang dipilih untuk dihuraikan dengan kefahaman etnomatematika pada motif yang

memaparkan unsur teori estetik. Menurut Bahauddin, didalam penulisan buku beliau yang bertajuk *A. Naratif dan Protagonis dalam Reka Bentuk Warisan: Satu Penceritaan* ada menerangkan juga berkenaan falsafah dalam agama adalah selaras dengan kesetiaan orang melayu kepada kuasa Ilahi. Maksud motif, ruang dan jurang antara motif adalah direka mengikut kepercayaan agama. Orang-orang melayu percaya bahawa dalam Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh; ini menunjukkan susunan motif juga mempunyai maksud yang sama. Motif batik canting selalunya dihasilkan dalam bentuk yang sekumpulan atau sejambak yang melambangkan perpaduan masyarakat dalam mewujudkan corak. Terdapat tiga rekaan batik canting kelantan yang akan kita lihat dari sudut etnomatematika yang mengkaitkan budaya dalam penghasilan rekaan motif batik tersebut.




Gambar 1 : unsur etnomatematika pada motif bunga ketam guri dan orkid

Gambar 1 : unsur etnomatematika pada motif bunga ketam guri dan orkid, susunan motif flora yang disusun secara berangkai dan berulang, terdapat beberapa motif tambahan yang digunakan sebagai penyeri kepada rekaan batik canting ini. Reka corak ini menggambarkan nilai-nilai luaran dan dalaman tentang kebudayaan masyarakat melayu. Corak batik semakin hari semakin di olah menjadikan lebih terlihat kontemporari, ini menunjukkan budaya masyarakat yang semakin maju dan berkembang mengikut peredaran masa. Ini jelas menunjukkan nilai kesepaduan diantara masyarakat saling bergantung. Menurut aspek etnomatematika yang dapat dilihat pada reka corak ini adalah, susunan kelompok bunga orkid yang dilihat disusun dengan seimbang, manakala motif utama iaitu bunga ketam guri ditonjolkan dalam bentuk menjalar dan seiring. Menurut Howard Conant di dalam penulisan Zamari, Z. M. (2017)., beliau berpendapat bahawa manusia harus melihat, nampak, memerhati bukan sekadar memandang tetapi haruslah sedar terhadap sesuatu yang dilihat. Rekaan corak bulatan kecil yang disusun bersama menggambarkan perpaduan dalam kekeluargaan, bulatan sederhana yang disusun bersama menggambarkan perpaduan dalam kalangan komuniti dan bulatan yang lebih besar adalah menggambarkan perpaduan dalam sesebuah negara.



Gambar 2 : unsur etnomatematika pada motif bunga matahari

Gambar 2 : unsur etnomatematika pada motif bunga matahari yang telah di canting pada batik Kelantan, kebiasaan motif yang di pilih tidak melebihi 4 jenis bunga dalam satu reka corak. Bunga matahari dilukis melambangkan persekitaran yang terdapat di sekeliling pencanting batik, menurut fahaman etnomatematika pada motif yang dapat kita lihat, kebanyakan pilihan motif disusun berulang-ulang secara menyeluruh namun begitu motif ini di canting pada bahagian badan baju sahaja. Beberapa bahagian latar ditambah dengan teknik titik-titik untuk menyerikan lagi bahagian latar kain pasang tersebut. Selain dari pengulangan motif, pengulangan warna yang sama juga digunakan untuk mengelakkan rekaan menjadi terlalu padat, kebiasaan batik canting Kelantan hanya di hiasi dengan rekaan corak motif pada bahagian badan hadapan dan lengan, rekaan yang sarat diletakkan di bahagian tengah bagi menarik perhatian si pemakai. Para pereka sememangnya bijak dalam merancang dan memperkasakan prinsip-prinsip dan elemen-elemen rekaan serta kreatif dalam pengayaan motif batik itu sendiri. Pengolahan motif juga perlu sentiasa kreatif dan mengikut kehendak masa kini. Menurut Abdullah, Z., Khan, S. M., Yahaya, S. R., & Manap, M. R. (2019). Sesuatu rekaan motif kebiasaanya dihasilkan terdiri dari dua elemen utama, iaitu motif dan pengertian. Keupayaan menganalisis atau mengenali ciri-ciri formalistic dan mendekati pereka kepada persoalan ikonografi atau maksud dari sesebuah rekaan motif yang dihasilkan dan ini merupakan interpertasi dan pengertian berdasarkan apa yang telah dilihat oleh pereka. Penghasilan sesebuah karya kreatif adalah melalui komposisi atau susun atur yang terkandung prinsip-prinsip seni dan elemen-elemen rekaan. Seseorang individu yang mengetahui dan memahami prinsip-prinsip seni dan elemen-elemen rekaan akan berupaya untuk menganalisis sesebuah hasil seni.



Gambar 3 : Unsur etnomatematika pada motif bunga orkid

Gambar 3 : Unsur etnomatematika pada motif bunga orkid yang di gabungkan dengan beberapa motif tambahan seperti awan larat, teknik titik dan sebagainya. Pemilihan motif kebanyakan dari bunga orkid adalah sangat banyak ditemui kerana majoriti masyarakat di Kelantan gemar menanam bunga orkid sebagai bunga hiasan di sekitar rumah mereka. Sama seperti kebanyakan rekaan batik canting yang lain, motif tambahan akan selalu di campurkan bagi mencantikkan lagi reka corak motif yang dihasilkan. Reka corak berterabur bermaksud motif-motif yang disusun mengikut struktur tersirat grid-grid dan arah yang tertentu seperti susunan mozek, bata, tapak dan sebagainya. Motif-motif tunggal seperti bunga-bunga, buah-buahan, haiwan atau serangga juga diolah dalam bentuk geometri dan abstrak. Reka corak yang diadaptasikan melalui reka corak 'Awan Larat', yang memaparkan garisan seperti corak abstrak dan motif seperti tumbuh-tumbuhan menjalar atau motif tunggal yang disusun bersambung-sambung di antara satu sama lain sehingga terbentuk seperti awan yang sedang melarat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap tiga pasang kain batik canting di Kelantan, apa yang dapat kita lihat ialah reka corak batik canting mempunyai peletakan yang sama namun berlainan dari segi pemilihan motif reka corak. Pemilihan motif pada batik canting kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Oleh sebab itulah tidak banyak perbezaan yang dapat dilihat pada setiap kain batik canting yang telah dilukis. Saiz serta susunan motif tersebut bersesuaian dengan pandangan mata di mana tidak terlalu berat dan tidak pula terlalu ringkas.

Ternyata negeri Kelantan ini mementingkan aspek kesederhanaan seperti yang di tuntutan oleh Islam. Peletakan motif pada pakaian juga sama dan tiada bezanya. Jika dilihat pada jenis motif yang digunakan, motif flora adalah paling banyak sekali digunakan kerana selaras dengan ajaran Islam yang melarang penggunaan motif berbentuk figura dan motif fauna. Hasil kajian juga mendapati motif –motif yang digunakan adalah olahan dari tumbuhan di sekitar kawasan. Walau bagaimanapun, sesetengah motif adalah tanpa nama kerana gambaran adalah berdasarkan kepada imaginasi pencanting Ini menunjukkan betapa kreatifnya dan halusny seni tangan para pencanting dalam mengembangkan idea-idea mereka yang tersendiri tanpa meniru idea orang lain. Menurut Abdullah, Z., Khan, S. M., Yahaya, S. R., & Manap, M. R. (2019). Ada menjelaskan bahawa komposisi dalam penyusunan motif batik merupakan satu usaha untuk mengatur dan Menyusun unsur-unsur motif menjadi lebih harmoni dalam kata lain adalah lebih seimbang, selaras dan juga serasi. Komposisi adalah salah satu aspek yang dapat dilihat dalam etnomatematika pada motif ini kerana elemen formalistik yang diketengahkan bagi mengolah rekaan motif agar menjadi lebih kreatif. Secara keseluruhannya penemuan etnomatematika pada motif batik canting dikelantan dapat menyampaikan mesej berkenaanbudaya yang sememangnya memaparkan ciri-ciri estetika islam, penggayaan budaya jelas.Berdasarkan kenyataan Muliyadi Mahmood,(2012) motif geometri dalam karya ini secaralangsung berhubung dengan konsep estetika Islam di mana salah satu kaedah manifestasi nya adalah menerusi pengucapan matematik. Dalam hal ini menunjukkan bahawa keindahan adalah melibatkan ciri-ciri matematik seperti ciri, keseimbangan, bulatan, kesamaan dan pengulangan.

RUMUSAN

Matematik dan kesenian sememangnya tidak dapat dipisahkan, ianya akan sentiasa wujudkerana hasil penelitian yang mendorong masyarakat untuk menghargai karya kesenian dariperspektif yang berbeza iaitu dari konsep amalan dan nilai matematik, kajian ini menyumbang kepada penemuan dimana pengetahuan yang sememangnya sudah ada namun tidak di terjemahkan dalam bentuk penulisan akademik di Malaysia. Hasil rumusanyang dapat di buat setelah kajian dilakukan menunjukkan rekaan motif batik Kelantan sememangnya mempunyai unsur Etnomatematika yang sama iaitu bermotifkan flora,geometri dan cara susunan yang berulang namun disini juga dapat kita lihat, pemilihan motif pada kebiasaannya adalah tidak melebihi dari empat motif utama yang berbeza. Ianyaberlaku berdasarkan teras kepercayaan dan keyakinan yang disokong oleh beberapa faktorpenting seperti faktor agama, kepercayaan, adat, falsafah dan persekitaran. Motif flora inimerupakan motif asas yang ada pada sesuatu rekaan corak batik canting di Kelantan. Terciptanya sesebuah motif dalam seni batik serta perletakkannya pada bahagian badan dankain tidaklah dihasilkan secara rawak namun ada tatatertib dan susun aturnya. Parapencanting pula senantiasa mencari idea dan olahan baru bagi menghasilkan reka corak yang lebih teliti dan berkualiti supaya batik canting sentiasa disanjung dan bukan ditiru dari mana-mana pengaruh luar. Pemilihan motif flora adalah berdasarkan beberapa faktor yang mudah didapati dan tidak asing lagi dalam kehidupan sosial masyarakat setempat. Motif yang berasaskan tumbuhan contohnya dipilih yang melibatkan tumbuhan yang berada di sekitar dan sekeliling halaman rumah atau kampung yang hidupnya subur. Kehalusan rekaan batik canting sememangnya mendapat tempat di negara luar kerana sering menerima tempahan malah kunjungan untuk melihat keindahan seni batik kita. Motif yang terhasil sememangnya mempunyai maksudnya yang tersendiri dan pencanting atau pereka serta peminat hasil batik canting yang memandang bidang ini mempunyai olahan yang khusus kerana unsur motif yang wujud mempunyai fungsi yang jauh dari keindahan luarannya malah mampu menzahirkan sifat-sifat kehidupan melalui olahan tersebut. Bak kata pepatahMelayu “Hanya Jauhari yang mengenal Manikam” yang membawa maksud bahawa hanyayang menghasilkan sesuatu karya adalah lebih memahami maksud sebenar apa yang telahmereka hasilkan

RUJUKAN

- Ramli, S., Kahn, S. M., & Yaacob, M. N. (2018). Representasi Motif Batik Lukis Di Negeri Pahang: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 29(1), 201-222.
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana (Iks) Di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- D'ambrosio, U. (1985). Ethnomathematics And Its Place In The History And Pedagogy Of Mathematics. *For The Learning Of Mathematics*, 5(1), 44-48.
- D'ambrosio, U. (1997). Ethnomathematics And Its Place In The History And Pedagogy Of Mathematics. *Ethnomathematics: Challenging Eurocentrism In Mathematics Education*, 13-24.
- Design, I. A., & Heritage, C. 3rd ISME International Colloquium.
- Wahyuni, A., & Pertiwi, S. (2017). Etnomatematika Dalam Ragam Hias Melayu. *Math Didactic: Jurnal Pendidikan Matematika*, 3(2), 113-118.
- Ramli, S., Kahn, S. M., & Yaacob, M. N. (2018). Representasi Motif Batik Lukis Di Negeri Pahang: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 29(1), 201-222.
- Leigh, B. (2002). Batik And Pewter: Symbols Of Malaysian Pianissimo. *Soujourn* 17(1): 94-119.
- Abdullah, Z., Khan, S. M., Yahaya, S. R., & Manap, M. R. (2019). Ciri-Ciri Keindahan Dalam Penghasilan Rekaan Batik Kontemporari Berinspirasi Motif Abstrak: The Aesthetic Values In The Production Of Contemporary Batik Inspired By Abstract Motifs. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 236-269.
- Bahauddin, A. *Naratif Dan Protagonis Dalam Reka Bentuk Warisan: Satu Penceritaan Budaya (Penerbit Usm)*. Penerbit Usm.
- Wan Bakar, W. N., Awang, J., Mohd Hasbullah, M. S., & Ismail, M. (2022). Wau Bulan Motifs On Kelantanese Batik: An Ethnomathematics Study. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development (Jised)*, 7(47), 213 - 219.
- Balinda, R., & Utami, N. S. (2022). *Eksplorasi Etnomatematika Pada Motif Batik Kota Pekalongan* (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta).
- Ascher, M., & D'ambrosio, U. (1994). Ethnomathematics: A Dialogue. *For The Learning Of Mathematics*, 14(2), 36-43. <https://doi.org/10.2753/Res1060-9393090516>
- Barton, B. (1999). Ethnomathematics And Philosophy. *Zentralblatt Für Didaktik Der Mathematik*, 31, 54-58.
- Marsigit, M., Setiana D.S., & Hardiarti, S. (2018, February). Pengembangan Pembelajaran Matematika Berbasis Etnomatematika. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Matematika Etnomatnesi*
- Zayyadi, Moh. 2018. "Eksplorasi Etnomatematika Pada Batik Madura," *Jurnal Sigma* (Volume 2 No.2). Hlm 35-40.
- Legino, R. (2004). A Study Of The Islamic Influence On Traditional Malay Batik Sarongs Of Kelantan And Terengganu (Ma Thesis, Universiti Teknologi Mara).

Zamari, Z. M. (2017). Exploration Of Batik Lukis Motifs As A Medium Of Art Communication In Pahang.

PEMERIAN EMOSI DALAM PANTUN SATU CERMINAN BUDAYA MASYARAKAT MELAYU

Nordiana Binti Ab Jabar & Suraya Sukri
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
nordiana.aj@umk.edu.my

ABSTRAK

Pantun merupakan alat perakam utama sisi kehidupan masyarakat terdahulu sehingga kini. Walaupun zaman telah melalui fasa perubahan, fungsi pantun masih kekal relevan terutamanya sebagai alat kawalan emosi masyarakat pengamalinya. Kajian ini memfokus kepada pengkisahan emosi yang terdapat dalam kumpulan pantun *Kasih Setia Budi* karya Abang Seruju Abg Muhi yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015. Objektif makalah ini adalah; mengenalpasti emosi-emosi masyarakat dalam memberi kesan positif kepada pembaca dan menganalisis kesan emosi yang digunakan dalam pantun kepada masyarakat. Kajian ini menjadikan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen sebagai kaedah bagi utama bagi mencapai kedua-dua objektif yang dinyatakan. Teori semiotik menjadi asas utama dalam meneliti dokumen teks kajian. Dalam karya sastera, makna simbol itu tersembunyi di sebalik kata atau pengungkapan yang juga disebut sebagai pengungkapan secara tersirat. Simbol adalah bentuk yang menandai sesuatu yang lain di luar kewujudan bentuk simbolik itu sendiri. Penggunaan unsur simbolik ini berfungsi menjelaskan sesuatu lakaran idea tertentu dalam bentuk yang berbeza dari pelbagai intepetasi. Hasil dapatan telah menemukan lima emosi terpenting yang dipaparkan iaitu emosi gembira, sedih, marah, menyindir dan kasih sayang melalui teks *Kasih Setia Budi* karya Abang Seruju Abg Muhi. Manakala kesemua emosi ini telah memberikan impak kepada individu, masyarakat dan negara.

PENGENALAN

Pantun adalah sejenis puisi tradisional masyarakat melayu yang wujud sejak zaman masyarakat melayu tidak tahu membaca dan menulis lagi. Pantun dicipta sebagai suatu bentuk pengucapan untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang ataupun mengenai sesuatu perkara di samping bertujuan untuk menyindir, berjenaka, dan memberinasihat serta untuk suka-suka. Pantun merupakan bentuk puisi tradisional yang terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan sebaris, mempunyai rima ab,ab dengan beberapa variasi dan pengecualian. Tiap-tiap rangkap terbahagi kepada dua iaitu rangkap pembayang dan rangkap maksud. Setiap rangkap tidak dapat berdiri sendiri dan biasanya rangkap-rangkap tersebut memerlukan beberapa rangkap lain untuk melengkapkan keseluruhan idea.

Umumnya pantun adalah sejenis puisi tradisional yang telah wujud pada zaman dahulu lagi secara turun-temurun oleh masyarakat Melayu. Mengikut sejarah perkembangan kesusasteraan tradisional mengatakan bahawa kewujudan pantun semasa masyarakat Melayu tidak tahu membaca dan menulis lagi. Dengan ini, pantun dicipta sebagai pengucapan kepada

golongan masyarakat yang berbentuk sindiran, nasihat, dan pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun adalah satu perantaraan yang digunapakai oleh masyarakat zaman dahulu dalam menyampaikan sesuatu tanpa menyindir perasaan atau emosi orang lain dan untuk meluahkan perasaan yang dialami oleh mereka. Sehubungan itu, pantun merupakan puisi tradisional yang mempunyai empat baris. Pada baris yang pertama dan kedua ialah pembayang dan baris yang ketiga dan keempat adalah maksud atau makna yang dibawa dalam penjelasan pantun. Setiap rangkap tidak mampu untuk berdiri sendiri dan memerlukan penjelasan pada peringkat yang terakhir bagi melengkapkan keseluruhan idea yang ingin dijelaskan. Selain itu, pantun mempunyai rimadalam setiap baris iaitu a,b,a,b.

Pada tahun 1989, menurut Harun Mat Piah mendefinisikan pantun adalah berdasarkan elemen dalaman dan juga luaran ataupun struktur visualnya. Elemen dalaman yang dijelaskan perlulah mempunyai unsur estetik dan isi iaitu tema dan juga persoalan yang berkaitan dengan makna yang dibawa. Unsur estetik ini dapat dilihat dalam dua aspek iaitu pertama penggunaan lambang dan juga simbol yang terdapat dalam pantun yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Kedua ialah hubungan diantara pasangan pembayang dengan pasangan maksud sama ada konkrit mahupun abstrak. Menurut Za'ba pula, ialah kaedah yang tertua dan pada awalnya adalah milik kepada masyarakat Melayu. Beliau menjelaskan sebelum kehadiran surat-menyerat, masyarakat Melayu telah pandai berpantun dan kebiasaanya mereka sering membalas pantun sesama sendiri.

Sehubungan dengan itu, pantun sememangnya mempunyai unsur keindahan dan nilai estetikanya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap daripada bait rangkapnya membawa kepada keindahan dalam menjelaskan sesuatu penyampaian maksud dan penggunaan nada atau irama yang sangat indah. Dengan ini, bentuk pantun juga merupakan saluran yang paling berkesan dalam menyampaikan sesuatu kepada masyarakat. Perkara ini disebabkan penggunaan pemilihan kata secara halus yang menjadikan pantun mempunyai keunikannya yang tersendiri. Nilai estetika yang terdapat dalam pantun juga merupakan satu yang amat berkesan dan berguna untuk disebarkan kepada orang ramai. Oleh itu, Kebanyakan simbol dan juga makna yang dalam pantun juga menimbulkan unsurkeindahannya yang tersendiri kerana pantun Melayu klasik sarat dengan estetika yang tinggi. Pantun Melayu *Kasih Setia Budi* karya Abang Seruji Abang Muhi telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur 2015. Merupakan karya yang terbaik dalam bidang puisi tradisional. Abang Seruji Abang Muhi merupakan penulis puisi yang kaya dengan unsur keindahan dan nilai moral yang baik untuk masyarakat. Abang seruji Abang Muhi mula menulis puisi setelah mendapat dorongan rakan-rakan sekerja dan memasuki pertandingan menulis pantun pada 2010 di peringkat negeri Sarawak. Pantun-pantun yang ditulis terdiri daripada pantun budi, pantun pengacaraan majlis dan pantun keagamaan. Pantun kasih setia budi ditulis sebagai tanda terima kasih kepada pemimpin Negara yang telah membawa Sarawak ke puncak kejayaan. Abang seruji menggunakan bahasa yang indah dalam penulisan pantun. Penggunaan bahasa yang baik dapat menarik perhatian pembaca dalam menghayati maksud sebenar yang ingin disampaikan. Abang Seruji menulis pantun kasih setia budi ini hasil daripada pengalamannya yang mengendalikan sebuah majlis. Maka terhasillah pantun pengacaraan majlis yang menunjukkan bahawa bahasa yang terdapat dalam pantun amat bersopan santun.

Namun begitu, berdasarkan pantun kasih setia budi karya abang Seruji Abang Muhi, kajian berkenaan rencam emosi dalam pantun melayu dijalankan berdasarkan emosi-emosi yang terdapat dalam pantun-pantun tersebut. Terdapat pelbagai emosi yang tersirat dalam pantun kasih setia budi karya Abang Seruji Abang Muhi yang jelas memaparkan emosi-emosi di dalam pantun terbitannya. Antara emosi yang terdapat dalam pantun ialah emosi gembira, sedih, dan sebagainya.

Perkataan emosi berasal daripada bahasa Latin iaitu *emovere* membawa maksud keluar atau bergerak. Dalam hal ini bergerak membawa maksud kecenderungan bertindak kepada perkara yang sebenar. Manakala OSHO (2008) menyatakan emosi berasal dari kata *motions* yang membawakan maksud tidak pernah diam dan kekal. Dahlia (2016) memetik bahawa Emosi jarang diungkap melalui kata-kata, namun lebih sering diungkap melalui isyarat. Kunci untuk memahami perasaan orang lain adalah mampu membaca simbol nonverbal, yang meliputi nada bicara, gerak-geri, ekspresi wajah dan sebagainya (Goleman, 1995). Ahli psikologi memfokuskan tiga komponen utama dalam emosi: (1) perubahan fisiologi pada wajah, otak, dan tubuh, (2) proses kognitif seperti interpretasi suatu peristiwa dan (3) pengaruh budaya yang membentuk pengalaman dan ekspresi emosi. Goleman (1995) memaparkan bahawa manusia telah memiliki dasar-dasar emosi atau telah memiliki emosi primer semenjak mereka dilahirkan.

Kajian yang akan dijalankan menggunakan pendekatan psikologi kebudayaan yang mengkaji emosi yang terdapat dalam rangkap pantun yang menggunakan simbol-simbol tertentu yang melambangkan sesuatu perkara. Semiotik menjadi salah satu kajian yang bahkan menjadi tradisi dalam teori komunikasi. Dalam era globalisasi hari ini, interaksi manusia semakin berpecah-belah merentasi ruang dan masa termasuk agama. Interaksi antara manusia dan pelbagai latar belakang budaya menggalakkan pembuat dasar untuk membangunkan pengetahuan asas yang boleh digunakan untuk lebih memahami orang yang mempunyai latar belakang.

PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan yang wujud disini ialah proses rencam emosi dalam pantun ini mampu memberi nilai moral kepada masyarakat. kajian ini bertujuan melihat emosi yang terdapat di dalam pantun melayu yang ingin disampaikan oleh pengarang. Emosi-emosi yang terdapat dalam pantun mampu memberi kesan yang baik kepada pembaca. Kajian dijalankan ini adalah berdasarkan pernyataan masalah yang wujud. Namun begitu, dalam pantun kasih setia budi, kajian dilakukan terhadap pantun budi oleh Abang Seruji Abang Muhi. Pantun ini menjelaskan nilai moral yang perlu dijadikan pengajaran dalam kehidupan bermasyarakat. Pelbagai emosi yang dapat dicontohi dan citra masyarakat yang terdapat dalam pantun setia budi mampu membentuk masyarakat yang baik dan harmoni.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang terdapat dalam kajian ini ialah:

- i. Menjelaskan pemikiran pengarang dalam memaparkan simbol emosi dalam Pantun *Kasih Setia Budi*.
- ii. Mengenalpasti emosi-emosi masyarakat dalam memberi kesan positif kepada pembaca.
- iii. Menganalisis kesan emosi yang digunakan dalam pantun kepada masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang diguna pakai dalam kajian ini berdasarkan konsep kualitatif iaitu mengkaji ragam emosi dalam *Pantun Melayu Kasih Setia Budi*. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan, pemerhatian, dan analisis dokumen bagi menyorot kajian-kajian lalu daripada sumber buku, kajian ilmiah, artikel dan jurnal bagi memperoleh pandangan yang menyeluruh mengenai kajian yang dikaji.

Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang bertujuan mengenal pasti sesuatu kajian dan cara dalam pengumpulan data. Kaedah ini dapat memberi kemudahan kepada pengkaji dalam mencari bahan-bahan atau maklumat. Pendekatan kualitatif adalah penyelidikan yang menggunakan analisis data bagi menyelidik ciri-ciri yang ada dalam sesuatu kajian. Ia juga adalah koleksi, analisis dan tafsiran cerita komprehensif dan data visual untuk mendapatkan gambaran tentang suatu fenomena tertentu menggunakan kaedah-kaedah kajian kualitatif didasarkan kepercayaan yang berlainan dan direka bentuk untuk tujuan daripada kaedah-kaedah kajian kualitatif. Kajian ini juga berbentuk deskriptif dan bertujuan menganalisis *Pantun Melayu Kasih Setia Budi*.

Kajian ini menfokuskan kepada teori simbolik dibawah pendekatan semiotik. Dalam semiotik terdapat tokoh iaitu Ferdinand De Saussure dan Charles Wiliam Morris. Teori ini mengkaji berkenaan makna kata „Tanda”. Dengan menggunakan teori ini mampu melengkapkan kajian pengkaji dengan lebih efisien dan sempurna.

Sanoda Anak Anyal, 2007:1 . Semiotik merupakan pengenalan yang penting dan berkesan untuk memulakan suatu pengenalan pada teori dan teater. Menurut Fortier M(1997) dalam buku *Theory /Theatre an Introduction*, menyatakan bahawa dalam mengkaji teori semiotik sekurang-kurangnya dua perkara yang harus diberi perhatian. Pertama adalah pemahaman mengenai tanda dan makna. Dalam pemahaman mengenai tanda dan makna penekanan pada linguistik atau bahasa harus ditekankan. Perkara kedua adalah disebabkan oleh penekanan terhadap bahasa dan perlambangan keatas aktiviti yang lebih menonjol. Perwatakan adalah salah satu contoh yang boleh menjadi tanda yang akan membawa maknanya melalui bahasa dan aktiviti yang dilakukan. Fortier. M (1997) juga menyatakan bahawa, semiotik atau semiologi juga merupakan salah satu kajian terhadap tanda yang merangkumi perkataan, imej dan kelakuan.

Kebanyakan kajian terhadap semiotik pada kurun ke-20 meminjam dan merujuk kepada prinsip yang dipegang oleh Ferdinand de Saussure iaitu berkaitan definisi yang beliau buat terhadap sistem tanda.

Bagi Saussure, beliau mendefinisikan tanda sebagai mempunyai dua bahagian. Pertama adalah pelambang (signifier) iaitu yang merupakan fenomena yang membolehkan kita melihat material tersebut. Manakala yang kedua adalah yang dilambang (signified) yang merupakan konsep yang digunakan oleh pelambangan tadi. Namun begitu kedua – dua bahagian ini adalah saling berkaitan diantara satu dengan yang lain.

Pendapat Saussure yang telah diterangkan oleh Fortier. M (1997) juga turut diperakui oleh Raman Selden melalui penulisan bukunya yang bertajuk “Panduan Pembaca Teori Kesusasteraan Sezaman” yang diterjemahkan oleh Umar Junus (1989). Melalui penulisan tersebut, Selden menyatakan bahawa Saussure telah menyangkal idea yang menyatakan bahawa bahasa adalah satu kumpulan kata yang telah dikumpulkan sepanjang masa dan berfungsi untuk merujuk kepada benda dalam dunia. Beliau juga menyatakan bahawa Saussure tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

Berdasarkan pendapat Selden (1989) lagi, Saussure juga menyatakan bahawa „kata“ adalah bukan simbol yang merujuk kepada rujukan, tetapi adalah „tanda“ yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian tersebut adalah merupakan „bentuk“ iaitu tanda yang tertulis atau diucapkan, dinamakan sebagai penanda (signifier). Manakala konsep adalah yang „difikirkan“ apabila „bentuk“ diucapkan dan dikenali sebagai yang dilambangkan (signified).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Emosi Sedih

Dalam karya sastra, makna simbol itu tersembunyi di sebalik kata atau pengungkapannya yang juga disebut sebagai pengungkapan secara tersirat. Simbol adalah bentuk yang menandaisesuatu yang lain di luar kewujudan bentuk simbolik itu sendiri. Dalam bahasa komunikasi simbol biasanya diistilahkan dengan lambang yang digunakan untuk menunjuk sesuatu lainnya berdasarkan kesepakatan masyarakat. Perlambangan meliputi kata-kata (pesan verbal), perilaku non-verbal, dan objek yang maknanya disepakati bersama-sama dalam masyarakat. Simbol menekankan pada kesepakatan, kebiasaan atau konvensi masyarakat yang melandasi hubungan arbitrari antara penanda dan petanda. Tanda simbolik sepenuhnya berdasarkan kepada kesepakatan masyarakat. Masyarakat dalam lingkup yang berbeza memahami tanda dengan makna yang berbeza. Simbol adalah ungkapan “tanda” suatu objek berdasarkan konsep tertentu, biasanya asosiasi terhadap suatu gagasan umum. Contohnya mengangguk yang bererti setuju atau mengiakan, menggeleng bererti tidak, tidak terdapat hubungan dengan erti yang dimaksudkan.

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa dalam fikiran individu, kata-kata dikeluarkan menggunakan bahasa yang biasa namun rapat dengan persekitarannya. Dengan demikian, kebolehan untuk mengeluarkan sesuatu kata dalam bentuk simbol dan kiasan merupakan kebiasaan dalam masyarakat. Tatiana A. Denisova (2011: 90) menyatakan pendapatnya tentang orang Melayu dari zaman dahulu memang mempunyai kebijaksanaan. Beliau membuktikan bahawa ada pengarang chronicle memasukkan suatu cerita ajaib atau mitos dalam karyanya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan contoh di bawah:

Buah langsung kuning mencelah,
Keduduk tidak berbunga lagi,
Sudah dapat gading bertuah,
Tanduk tidak berguna lagi.

(Muhammad Idris. 2013. Universiti Utara Malaysia)

Pantun ini menyatakan kepada yang ditujukan tentang rasa kesal, kecewa dan duka cita. Jelas di sini bahawa pantun menyembunyikan maksud atau perasaan dengan penyusunan kata-kata yang indah. Si penutur pantun mungkin mengharapkan agar dia dapat dihargai dan tidak dilupakan begitu saja dengan kehadiran orang baru. Didalam penulisan pantun melayu, pelbagai cara pemikiran yang terdapat dalam penulisan yang mengandungi pelbagai mesej, nilai, emosi dan sebagainya. Dalam kajian ini, beberapa jenis pantun melayu telah diteliti dan dalam penelitian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai gaya pemikiran yang menonjolkan pelbagai emosi samaada terdapat dibahagian pembayang ataupun dibahagian maksud.

Menerusi pantun nasihat terdapat emosi sedih yang berfungsi untuk memberi kesedaran kepada pembaca dan masyarakat agar tidak melakukan perkara yang memudaratkan serta menghindari sikap buruk di dalam diri setiap manusia. Pemikiran yang terdapat dalam pantun nasihat melambangkan emosi sedih yang berbentuk nasihat dan untuk tujuan memberi pesanan

atau sebagainya. Emosi yang bersesuaian dalam pembentukan sesebuah pantun mampu memastikan pemikiran yang terdapat dalam pantun dapat dicapai dengan baik. kajian Nik Rafidah Nik Muhammad Affandi ialah mengenai kajian pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera yang dikaji. Emosi adalah suatu yang wajar hadir dalam kehidupan manusia kerana tanpa emosi hidup seseorang akan menjadi kosong dan membosankan. Perasaan gembira atau sedih, suka atau duka, marah atau sayang, berani atau takut, dan pelbagai perasaan yang wujud dalam diri manusia akan mempengaruhi tindakan, persepsi dan aktiviti kehidupan seharian.

Emosi Gembira

Gembira atau bahagia adalah suatu emosi yang digambarkan oleh setiap individu sekiranya hidup dalam ketenangan tanpa ada masalah serta tanpa adalah sengketa sesama sendiri. Emosi gembira sering kali diselitkan di dalam penggunaan pantun dan penciptaan pantun. Hal ini kerana, emosi gembira yang ingin disampaikan sehingga mampu mengubah serangkap atau lebih kata-kata yang puitis. Emosi bahagia yang terdapat di dalam pantun mampu mempengaruhi golongan pembaca dengan memberi kata-kata yang mampu memberi kebahagiaan. Emosi bahagia atau gembira yang diselitkan di dalam pantun akan disertakan dengan pembayang yang menggunakan perlambangan dalam sesuatu objek yang ingin disampaikan. Hal ini kerana, perlambangan yang diberikan mampu memastikan pengkarya mahupun pembaca berfikir sendiri dengan persamaan perlambangan objek tersebut dengan kehidupan seharian. Penggunaan unsur flora dan fauna seperti *bunga tersenyum*, *angina berlari* mampu memberi maksud perlambangan yang sesuai dengan suasana yang ingin disampaikan. Antara contoh pantun emosi gembira yang menggunakan perlambangan semiotik pada maksud mahupun pembayang:

Apa digulai orang di ladang,
Pucuk kacang bersela2,

Apa untung anak dagang,
Hari petang tangga berhela.

Kalau nak tahu rumpun padi,
Lihatlah rumput di permatang,
Kalu nak tahu diuntung kami,
Lihatlah laut petang-petang.

(Zainal Abidin Bakar.DBP.1984)

Pantun di atas dipetik dari Kumpulan Pantun Melayu susunan pantun yang dikategorikan sebagai pantun percintaan ini mempunyai maksud dan kisah yang jelas mengenai seseorang yang merindu kekasihnya pada waktu petang. Kisah percintaan, perpisahan dan rindu-rinduan seperti ini memang banyak terdapat di dalam pantun Melayu. Tetapi soalnya mengapa perasaan rindu itu semakin hebat dirasai pada hari petang hingga ke tahap *petang-petang hancur hati*. Pantun ini adalah salah satu pantun yang memperlihatkan hubungan waktu atau peralihan hari dengan emosi manusia. Mengapakah emosi seseorang terusik pada waktu petang? Ini mungkin akibat dari dua faktor. Pertama, pada waktu petang lazimnya orang akan duduk berehat setelah penat bekerja di sebelah pagi. Di dalam keadaan sibuk bekerja biasanya kita melupakan hal lain atau sebarang masalah yang mungkin dihadapi. Tetapi apabila tidak membuat apa-apa, pelbagai perkara mula memenuhi ruang fikiran. Di sinilah datangnya kenangan dan rasa rindukepada orang yang dikasihi.

Ke dua pada waktu petang matahari tidak lagi terang benderang. Mata hari yang cerah dianggap sebagai *keadaan cuaca yang baik* dan diasosiasikan dengan suasana ceria. Kecerahan atau keceriaan ini menghilang pada waktu petang. Hari semakin redup dikaitkan dengan kemuraman dan kesedihan. Dalam hubungan yang sama kita melihat bagaimana teknik penataan cahaya digunakan di dalam pementasan teater untuk membina suasana gembira atau sedih. Oleh itu tidak hairanlah jika orang yang berjauhan dengan kekasih merasa amat rindu apabila hari petang. Pencipta pantun sering menggunakan peralihan hari bagi menggambarkan perasaan selain petang, waktu pagi, tengah hari, senja dan malam juga digunakan bagi membawa pengertian tertentu. Berkait rapat dengan waktu atau peralihan hari ialah keadaan cuaca dan pertukaran musim.

Selain itu, pemikiran yang terdapat dalam pantun pengacaraan pula berbeza daripada pantun nasihat yang menerapkan emosi gembira. Emosi gembira dalam pantun pengacaraan majlis bertujuan untuk menarik para tetamu mendengar dan terhibur dalam menghadiri sesebuah majlis. Pemikiran yang terdapat dalam pantun pengacaraan majlis memberi kesan terhadap pendengar dan tujuan untuk menghiburkan tetamu dan undangan yang berkongsi kegembiraan meraikan sesebuah majlis. Simbol-simbol emosi didalam setiap jenis pantun adalah amat penting bagi menyesuaikan suasana dan tempat yang ditetapkan. Pemikiran pengarang dalam membentuk beberapa jenis pantun adalah bergantung kepada isu yang disampaikan serta kesesuaian suasana. Kegembiraan yang dipaparkan didalam pantun seperti “kicauan burung” atau “senyuman matahari” memberi emosi positif kepada pendengar. walaupun ayat yang digunakan adalah tidak logik namun penggunaan gaya bahasa metafora yang memberi perlambangan terhadap sesuatu perkara termasuk emosi mampu menyentuh hati para pendengar serta pembaca.

Emosi Marah

Menurut psikologi, terdapat beberapa rumusan tentang marah antaranya ialah marah itu merupakan perubahan dalam diri atau emosi yang dibawa oleh kekuatan dan rasa dendam demi menghilangkan gemuruh di dalam dada sehingga mereka berkata dalam definisinya kemarahan yang teramat sangat. Ada beberapa pengertian marah yang diutarakan pakar misalnya menurut

C.P. Chaplin, Anger (marah, murka, berang, gusar; kemarahan, kemurkaan, keberangan, kegusaran) adalah reaksi emosional takut ditimbulkan oleh sejumlah situasi yang merangsang, termasuk ancaman, agresi lahiriah, pengekangan diri, serangan lisan, kekecewaan, atau frustrasi, dan dicirikan oleh reaksi kuat pada sistem saraf otonomik, khususnya oleh reaksi darurat pada bahagian simpati; dan secara implisit disebabkan oleh reaksi serangan lahiriah, baik yang bersifat verbal atau lisan. Antara contoh pantun yang terdapat emosi marah serta diberi perlambangan kepada sesuatu objek dapat dilihat pada pantun di bawah:

Petik buah kelapa muda
Hendak dijual kepada peniaga
Kalau sikap gedik mengada
Jangan berangan jadi pekerja

Pak Pandir cetek akal nya
Tapi lagak pandai semua
Baik memang biar berpada
Binasa jika dipijak kepala

(Muhammad Idris. 2013. Universiti Utara Malaysia)

Berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa pelbagai maksud yang dapat dirungkai pada pembayang dan maksud pantun yang bertujuan memberi tuju kepada sesuatu. Pantun rangkap pertama berkenaan teguran dalam perlakuan yang akan dibenci sekiranya berlebihan. Pengkarya mengkritik perlakuan individu yang perlu menjaga adab sekiranya melakukan sesuatu pekerjaan. Disini dapat dilihat bahawa perlakuan yang ditonjolkan melambangkan keperibadian seseorang. Perlambangan kepada peniaga dan pekerja menunjukkan bahawa adab dalam urusan jual beli yang keterlaluan dalam memujuk urusan jual beli serta amalan pekerja yang tidak menjaga adab dalam pekerjaan perniagaan. Perlambangan yang disesuaikan pada pantun akan menarik minat pembaca untuk menganalisis serta memahami isi tersirat yang ingin disampaikan.

Emosi Menyindir

Definisi sindiran ialah membawa maksud perkataan yang diucapkan untuk mengata atau mengejek orang dengan cara tidak terus terang. Masyarakat melayu mempunyai kebijaksanaan dalam menggunakan pantun peribahasa sebagai alat untuk memberi pengetahuan yang berkesan kepada pembaca dalam pelbagai aspek. Pantun peribahasa sebagai alat menyindir merupakan antara salah satu bukti kebijaksanaan masyarakat melayu dalam menggunakan pantun untuk menyindir serta memberi pengajaran yang baik kepada masyarakat supaya masyarakat sedar tentang kesalahan serta kesilapan yang dilakukan. Pengkarya juga dilihat memberi simbol kepada suasana dan kata tersirat pada pembayang bagi memastikan nahasnya dalam teguran supaya sentiasa dijaga agar tidak mengguris hati sesiapa. Selain itu, kelebihan sindiran

menggunakan pantun juga adalah dapat memastikan pengkarya berkarya dalam memberi sindiran dengan cara yang halus. Antara contoh pantun sindiran melayu karya AzmanHamza, 2010 yang menghasilkan pantun-pantun sindiran dengan menggunakan pelbagai temamenarik adalah seperti di bawah:

Jika dilurut padi masak,
Jatuh ke tanah berderai-derai;
Jika takut dilambung ombak,
Jangan berumah ditepi pantai.

(Azman Hamzah,2010: 5)

Berdasarkan pantun di atas dapat dilihat bahawa teguran dan nasihat yang disampaikan dengan beradab tanpa menggunakan bahasa-bahasa yang kesat. Maksud pantun di atas ialah jika tidak berani menghadapi risiko pada hari mendatang, haruslah mengelak daripada melakukan sesuatu perbuatan. Hal ini kerana sekiranya risiko yang diambil pada awalnya tidak mampu mengubah kejadian yang bakal berlaku. *Ombak* dan *pantai* menjadi objek perlambangan kepada maksud sebenar yang ingin disampaikan. Namun, walaupun menggunakan perlambangan pembaca dan pengkarya mampu berfikir sendiri maksud yang ingin disampaikan tanpa perlu menganalisis dengan teliti. Teori semiotik yang terdapat dalam pantun sindiran ini dapat dilihat dari segi penggunaan bahasa, suasana, objek perlambangan dan sebagainya. Maka jelaslah, melalui pantun sindiran ini, perlambangan kata bagi sesuatu objek yang diselitkan pada rangkap pantun sama ada pembayang mahupun maksudnya sendirimampu memastikan nasihat, teguran serta pengajaran dapat disampaikan dengan baik dan bermanfaat.

Pemikiran yang seterusnya yang terdapat simbol emosi dalam pantun melayu ialah emosi menyindir iaitu yang terdapat didalam pantun pak pandir yang mengisahkan berkenaan kebodohan orang melayu dahulu yang tidak berfikir terhadap masa depan. Dalam pantun ini, pemikiran yang disampaikan oleh pengarang dengan menggunakan kata sindiran yang mengandungi emosi menyindir seperti “malang pak pandir” pada setiap rangkap bagi menekankan emosi menyindir. Terdapat pelbagai kata perlambangan yang membawa maksud tertentu dengan cara berlapis. Pemikiran pengarang dalam menerapkan emosi dalam setiap jenis pantun adalah bertujuan untuk memastikan penyampaian yang disampaikan dapat difahami oleh pembaca dan pendengar. Perlambangan ayat yang terbalik seperti “seperti kayu”, penggunaan bahasa kiasan banyak terdapat dalam pantun menyindir. Seperti kayu memberi perlambangan emosi seorang yang tidak cerdik dan menurut sahaja apa yang dipinta diberi perlambangan sebagai kayu yang tidak mempunyai perasaan walaupun dipatah-patahkanataupun dibaling.

Menurut Riana Puji Lestari (2011) dalam tesis beliau yang bertajuk Pengaruh Kecerdasan Emosi Dan Perilaku Belajar Terhadap Tingkat Pemahaman dari Universitas Trisakti, Indonesia. Tujuan penelitian ini adalah untuk menguji pengaruh kecerdasan emosi dan perilaku belajar terhadap tingkat pemahaman perakaunan. kecerdasan emosi diukur dengan lima dimensi iaitu pengenalan diri, pengendalian diri, motivasi, empati, dan keterampilan sosial.

Emosi Malu

Definisi malu adalah Bersinonim dengan segan, aib, silu, bera, canggung, janggal. Malu adalah sesuatu personaliti yang tidak berani atau sebagainya. Malu dalam Islam amat dititikberatkan pada golongan wanita. Sifat malu merupakan benteng diri dari melakukan sesuatu perkara yang mampu merosakkan diri dan keperibadian. Malu adalah satu perasaan negatif yang timbul dalam diri seseorang akibat daripada kesedaran diri mengenai perlakuan tidak senonoh yang dilakukan oleh dirinya sendiri. Setiap orang yang normal mempunyai perasaan malu. Tetapi setiap masyarakat mempunyai pandangan yang berbeza mengenai malu. Sehubungan itu, pendapat mengenai apa yang dimaksudkan malu, apa yang mendatangkan malu serta tindakan yang harus untuk mengatasi perasaan malu berbeza-beza dari satu masyarakat ke satu masyarakat yang lain. Ini adalah kerana dalam konsep malu dan segan ini sebenarnya terkandung satu sistem nilai dan kepercayaan sesebuah masyarakat itu. Dari segi kehidupan bermasyarakat, perasaan malu itu berkaitan dengan maruah, harga diri dan air mukanya seseorang. Orang yang beroleh malu bermaksud bahawa maruah, harga diri dan air mukanya telah tercemar. Dalam keadaan ini, kedudukan sosialnya telah terjejas dan menjadi rendah. Ketercemaran ini berpunca daripada perlakuannya sendiri dan juga disebabkan oleh tekanan sosial.

Malu dianggap sebagai tanda harga diri kerana dikatakan seseorang itu dapat merasai maruah dan harga dirinya apabila beliau mempunyai perasaan malu. Sehubungan itu, malu merupakan sesuatu yang sihat bagi orang yang bermaruah kerana perasaan ini sebenarnya dapat mendorong seseorang untuk menjaga maruah dan harga diri. Bagi mereka yang tidak mempunyai perasaan malu, mereka lazimnya dianggap orang yang tidak tahu harga diri. Pemerian untuk mereka ini ialah “Tidak tahu malu” dan “muka tebal”. Orang yang tidak tahu malu biasanya merupakan kejian orang ramai dalam masyarakat Melayu. Perasaan malu sebagaimana yang dikaitkan dengan maruah, dan harga diri amat penting dipupuk kepada anggota-anggota masyarakat. Dengan memberi kesedaran mengenai perasaan malu yang ada pada diri seseorang itu boleh menjadi penghalang atau benteng yang penting untuk anggota masyarakat agar tidak melakukan sesuatu yang dianggap menyeleweng. Daripada itu malu boleh dikaitkan dengan fungsi kawalan sosial seperti apa yang akan dibincangkan di bawah: Contohnya ialah:

Begini baju begitu baju,
Baju saya panjang lima,
Begini malu begitu malu,
Apa yang tiba saya terima.

(Azman Hamzah, 2010: 5)

Berdasarkan pantun di atas dapat dilihat dari segi perlambangan yang diberikan kepada objek baju dan malu. Baju yang terdapat pada pembayang dibaris pertama dan ke dua contohnya *Begini baju begitu baju, Baju saya panjang lima* memberi maksud perlambangan kepada malu yang dapat dilihat pada baris tiga dan empat di bahagian maksud. Persamaan perlambangan dapat dilihat sengaja diselitkan oleh pengkarya agar pembaca dan pendengar pantun dapat berfikir sejenak dengan persamaan yang diberikan kepada kedua-dua objek tersebut. Emosi malu yang perlu ada dalam setiap individu haruslah diamalkan bagi memastikan kehidupan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terjamin serta maruah dan harga diri juga dapat dipelihara dengan sebaik mungkin. Pemikiran pengarang mengenai simbol emosi malu dalam pantun melayu dapat dilihat pada pantun merisik, meminjau dan sebagainya. Emosi malu, segan dan menghormati terdapat dalam pantun yang disampaikan oleh pengarang bertujuan perkara tertentu. Pemikiran yang terdapat dalam pantun tersebut adalah untuk menggambarkan rasa hormat dan rendah diri bagi mendapatkan sesuatu dengan cara meminta izin empunya badan.

Penggunaan bahasa yang digariskan oleh pengarang dalam pantun merisik adalah sopan dan baik. Perlambangan seperti *kumbang*, *menyunting bunga* dan sebagainya adalah perlambangan bagi niat yang ingin disampaikan tanpa diluahkan secara terus. Emosi yang sopan melambangkan budi bahasa yang tinggi yang menyanjung adat istiadat melayu yang mementingkan kesopanan serta berbudi bahasa. Tema yang bersesuaian mengikut tujuan pantun yang disampaikan adalah penting mengikut suasana dan tempat yang ingin dituju.

Emosi Kasih Sayang (nasihat)

Definisi kasih sayang ialah suatu sikap saling menghormati dan mengasihi semua ciptaan Tuhan baik makhluk hidup mahupun benda mati seperti menyayangi diri sendiri berlandaskan hati nurani yang luhur. Kita sebagai warga negara yang baik sudah sepatutnya saling memupuk rasa kasih sayang terhadap orang lain tanpa membezakan saudara, suku, ras, golongan, warna kulit, kedudukan sosial, jenis kelamin, dan tua atau muda. Keluarga adalah sebagai suatu kesatuan dan pergaulan yang paling awal. Sebagai satu kesatuan merupakan gabungan dari beberapa orang yang ditandai oleh hubungan genelogis dan psikologi yang saling ketergantungan dengan karakteristiknya yang berbeza. Jadi keluarga menggambarkan ikatan atau hubungan di antara anggota keluarganya yang diikat dengan berbagai sistem nilai.

Kasih sayang merupakan satu perasaan yang boleh dirasai dari hati ke hati sesama insan yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Hal ini dikatakan demikian kerana kasih sayang adalah perasaan yang hadir dalam diri seseorang terutamanya kasih sayang ibu dan bapa kepada anak-anaknya. Kasih sayang juga ialah nilai estetika yang dapat dilihat dari konteks yang sangat besar kerana perasaan seperti ini tidak mampu wujud dalam keadaan yang saling dan tidak mengenali antara satu sma lain selain daripada kasih sayang yang kekal abadi iaitu Allah S.W.T., nabi dan juga kedua ibu dan bapanya. Berdasarkan pantun yang menggunakan nilai estetika iaitu kasih sayang antaranya ialah "*tanam halia di tepi kubang, kawasan semak menangkap landak, ibu yang mulia selalu bimbang, takut anak menyalahi kehendak*". Pantun ini merupakan salah satu contoh pantun yang mempunyai nilai kasih sayang di antara seorang

ibu kepada anaknya yang terdapat dalam pantun yang bertemakan satu keluarga satu syurga karya Jusoh Ahmad. Nilai estetika dapat dilihat dengan sikap ibu yang sering mengkhawatiri akan kehidupan anaknya apabila melakukan sesuatu kesalahan yang boleh memakan diri. Halini juga dikatakan demikian kerana kasih sayang ibu yang sangat berkualiti dan tidak mampu untuk menandingi perasaan dari pada seorang ibu. Jadi, keperibadian ibu kepada anaknya merupakan sesutau perkara yang abadi hingga akhir hayat.

Keluarga dalam bentuk apa pun pada hakikatnya merupakan persekutuan hidup, dalam kedudukan inilah lahir berbagai fungsi keluarga. Keluarga merupakan bahagian daripada kelompok kecil yang terdiri dari ayah, ibu, dan anak yang merupakan sebahagian dari masyarakat dan bangsa, oleh karena itu kekuatan suatu negara berdasarkan kepada kekuatan keluarga.

Rumah kecil tiang seribu,
Rumah besar tiang sebatang,
Kecil-kecil ditimang ibu,
sudah besar ditimang gelombang

(Azman Hamzah,2010:33)

Secara keseluruhannya laut digunakan di dalam pantun untuk menyampaikan pemikiran , memberi nasihat dan pedoman hidup. Dalam pantun ini akan terdapat gambaran laut sebagai simbol perjalanan hidup manusia. Menempuh hidup disamakan dengan mendayung perahu atau melayari bahtera di lautan. Manusia akan menempuh pelbagai peristiwa, suka dan duka, bahagia dan sengsara umpama pelbagai perkara yang ditemui di dalam pelayaran. Cabaran dandugaan yang dilalui digambarkan sebagai ombak, gelombang, badai dan batu karang yang mengganggu perjalanan. Setiap orang perlu berhati-hati di dalam hidupnya seperti mana seorang pelaut mesti berhati-hati di tengah lautan. Kehidupan yang hancur disamakan dengankapal yang karam. Laut adalah cabaran yang mesti ditempuh oleh seorang yang telah dewasa seperti mana yang dinyatakan di dalam pantun ini.

Pemikiran yang terdapat dalam pantun kasih sayang adalah untuk memaparkan rasa kasih dan sayang melalui penggunaan pantun. Emosi kecintaan dapat dilihat dalam pantun kasih sayang. Pengarang menyampaikan dengan bahasa yang mendayu-dayu serta meraih perhatian yang mampu menarik perhatian pembaca. Penggunaan bahasa cinta seperti “korban cinta” “lautan api” mudah didapati dalam pantun kasih sayang. Tujuan pengarang akan lebih jelas dengan penggunaan bahasa-bahasa romantiK yang bersesuaian dengan tema pantun itu sendiri. Namun begitu, pantun kasih sayang mempunyai pelbagai cabang iaitu kasih sayang sesama manusia, kasih sayang kepada Negara, sekolah dan sebagainya. Penyesuaian subjek dititiberatkan pengarang agar maksud dan emosi yang disampaikan terus dihayati oleh pembaca.

Kesan Emosi kepada Khalayak

Individu

Di dalam penulisan pantun, terdapat beberapa emosi yang mempengaruhi tema dalam setiap puisi. Kesan emosi dalam pantun memberi kesan kepada individu yang mendalami dan menghayati sesebuah pantun yang dibaca. Antara kesan emosi kepada individu adalah melalui pengajaran dan nilai murni yang disampaikan mampu memberi landasan yang baik kepada

pembaca. Kesan yang dapat dilihat melalui emosi kepada individu yang pertama ialah dari segi dalaman, iaitu cara penerimaan individu itu sendiri. Penyampaian yang disampaikan adalah sama namun kefahaman individu adalah berbeza. Sekiranya seseorang itu mempunyai hati yang lembut serta mengetahui bahasa sastera yang kaya dengan maksud tersirat mereka mampu merasai emosi pengarang yang ingin menyampaikan maklumat atau nasihat yang terdapat didalam pantun itu sendiri.

Kata-kata yang baik dan merayu mampu menjadikan individu akan lebih tertarik dengan pantun dan mengubah gaya hidup mereka ke arah yang lebih baik. Selain itu, kesan emosi kepada individu juga dapat dilihat dari segi luaran iaitu individu itu sendiri mengubah gaya hidup serta cara berkomunikasi. Terdapat pelbagai emosi menarik di dalam pantun antaranya emosi gembira yang terdapat dalam pantun pengacaraan majlis. Menerusi pantun pengacaraan majlis, terdapat emosi yang mampu membuat pengacara dan penonton sendiri berasa gembira dengan kata-kata aluan yang baik diselitkan serta puji-pujian yang mampu mengelikan hati penonton dan tetamu majlis. Ayat gurau senda yang terdapat didalam pantun pengacaraan majlis mampu menghadirkan emosi gembira terhadap tetamu yang hadir. Emosi dalam pantun diterapkan adalah berfungsi untuk menghiburkan dan memastikan pembaca mampu menghayati dan mendalami penyampaian yang ingin disampaikan selain untuk menghiburkan pembaca dan pendengar. Antara contoh pantun pengacaraan majlis ialah:

Bukan kacang sebarang kacang,
Kacang melilit di pohon turi,
Bukan datang sebarang datang,
Datang menyambut tuan bestari.
Lafaz bismillah awal bicara,

Mudah-mudahan majlis berseri,
Dihari indah kita bersua,
Semoga ikatan kekal abadi.

(Abang Seruji Abang Muhi,2015)

Pantun di atas menunjukkan bahawa selain emosi gembira yang diselitkan, terdapat juga nasihat dan pengajaran yang disampaikan bagi memastikan setiap individu sentiasa mengamalkan hubungan yang baik sesama manusia walaupun tidak bersua. Kesan emosi yang dapat dilihat kepada individu ialah, individu itu sendiri akan berfikir sejenak bahawa setiap pertemuan itu akan tercipta satu hubungan yang jika dipelihara akan kekal hingga ke akhir hayat. Rangkap pertama pula menekankan berkenaan kata alu-aluan dan jemputan yang penuh hormat dan adab yang akan menimbulkan satu perasaan emosi terhadap individu bahawa mereka akan terasa lebih dihargai dan dihormati. Oleh itu, setiap emosi yang terdapat di dalam pantun mampu mempengaruhi minda individu atau pendengar itu sendiri walaupun berbeza pemahamannya. Menurut Aminudin Mansor (2012), Kesusasteraan yang menjadi nadi kepada tamadun bangsa mestilah boleh myumbang ke arah pembinaan budaya yang besar. Pengkaji telah melihat dari segi-ciri kesusasteraan yang memperlihatkan wawasan yang jelas dan benar, mempertahankan kehalusan seniman, mengadunkan pandangan alamnya dan garapan seni yang tinggi, beranalisis dalam penerokaan setiap aspek keinsanannya, boleh menghayati pergolakan jiwa dan emosi, gaya bahasa karya sastera. Oleh sebab itu, pengkaji akal budi melayu adalah suatu usaha yang mengasyikkan dan menyeronokkan. Justeru penulisan akal budi ini seharusnya dilakukan dari semasa ke semasa serta pengemurnian dilakukan pada peringkat sekolah lagi melalui

pendidikan. Falsafah pemikiran akal budi dalam kalangan pelajar dapat dilihat melalui pantun yang merupakan asas kepada usaha meningkatkan kekuatan rohani, intelek, emosi dan jasmani.

Kesan kepada Masyarakat

Kesan emosi yang terdapat di dalam pantun melayu kepada masyarakat ialah dapat dilihat dari segi perpaduan dan kerjasama yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Dalam pantun Melayu terdapat emosi pengajaran dan nasihat menasihati sesama masyarakat. Masyarakat akan lebih peka sekiranya cara penyampaian yang ingin disampaikan disampaikan dalam bentuk yang lebih menarik berbanding dengan cara penyampaian secara terus. Pantun menjadi objek penyampaian maklumat terhadap masyarakat dengan penggunaan bahasa yang baik dan sopan. Masyarakat juga akan lebih menerima dengan hati yang terbuka serta cara penerimaan nasihat dan pesanan yang disampaikan dalam pantun juga dapat diamalkan sepanjang hayat. Dapat dilihat di dalam pantun budi yang mengisahkan berkenaan budi antara manusia yang mampu mencerminkan akhlak yang baik kepada masyarakat. Dalam pantun budi, terdapat pelbagai emosi yang ditonjolkan bagi menjadikan masyarakat mengambil iktibar, pengajaran serta inisiatif bagi menjadikan nasihat yang disampaikan sebagai dorongan kepada kehidupan. Penggunaan bahasa yang baik dalam pantun melayu menjadikan cara penyampaian nasihat yang terdapat dalam pantun budi mampu menyampaikan isi penting kepada masyarakat. Pengarang sengaja menyelitkan pelbagai emosi di dalam pantun ciptaan mereka agar masyarakat lebih peka dan lebih menerima perkara yang ingin disampaikan. Antara contoh pantun budi yang terdapat dalam buku pantun kasih setia budi yang ditulis oleh abang seruji abang muhi ialah

Sayang selasih berdahan tinggi,
Burung jelantik mencari makan,
Menjunjung kasih setia budi,
Budi setitik jadi kenangan.

(Abang Seruji Abang Muhi,2015)

Merujuk pantun budi di atas terdapat emosi penyampaian yang baik kepada masyarakat agar lebih peka terhadap budi dan sentiasa mengenang dan membalas budi sesama sendiri. Pantun budi amat sesuai kepada masyarakat untuk dijadikan sebagai pengajaran dan nasihat dalam kehidupan. Perkaitan kata sayang dalam pantun memberikan simbol kepada masyarakat agar sentiasa sayang menyayangi di antara satu sama lain dalam berbudi. Nilai yang baik diterapkan dalam pantun agar setiap pantun yang ditulis oleh pengarang dapat dihayati oleh pembaca dan pendengar dengan lebih jelas dan sebaiknya. Menurut kajian Wahyu Widhiarso (2012) Mengenai Struktur Semantik Kata Emosi Dalam Bahasa Indonesia. Dinyatakan bahawa emosi diertikan sebagai perasaan yang muncul akibat dari suatu rangsangan dari dalam dan dari luar. Emosi yang pelbagai seperti emosi sedih, emosi marah, emosi Bahagia dan bentuk emosi lainnya. Emosi dalam bahasa awamnya seringkali dipakai untuk mendeskripsikan kemarahan saja, namun sebenarnya emosi memiliki erti yang lebih luas dan mewakili pelbagai perasaan emosi berkaitan dengan psikologi seseorang dan rasa hati.

Kesan kepada Negara

Seterusnya ialah kesan emosi di dalam pantun kepada Negara ialah terdapat pelbagai emosi yang digunakan pengarang dalam penciptaan pantun. Namun begitu, emosi yang digunakan dalam pantun bukan sahaja untuk diselit tanpa ada fungsinya. Pelbagai fungsi emosi yang terdapat dalam pantun melayu yang mampu memberi kesan yang mendalam antaranya kesan terhadap Negara. Kesan yang dapat dilihat kepada Negara adalah dari segi pembangunan negara. Lantunan pelbagai pantun dalam mengenang jasa-jasa pemimpin, pahlawan dan rakyattelah banyak didendangkan di mana-mana. Pantun juga memberi perlambangan kepada negarabahawa Malaysia mempunyai kekayaan dalam berbahasa. Masyarakat Malaysia terkenal dengan adab berbahasa yang lembut, bersopan santun dan kaya dengan budi bahasa.

Pecampuran pelbagai kaum di Negara melahirkan pelbagai variasi emosi pantun yang mampu memberi perlambangan identiti kepada Negara. Pertandingan pantun di peringkat antarabangsa juga sering diadakan diantara negara-negara yang lain. Kesan daripada emosi yang terdapat dalam pantun melayu kepada Negara lain mampu disampaikan secara terus maklumat yang terdapat dalam pantun melambangkan identiti negara itu sendiri yang mempunyai pelbagai jenis kaum, bangsa dan agama. Martabat negara juga dapat diperkena kepada negara luar setaraf dengan negara maju dengan adanya pantun yang mampu menarik perhatian emosi masyarakat dari negara yang lain. Antara pantun yang penuh dengan bahasayang mampu melahirkan emosi kagum dari negara-negara yang lain adalah pantun pengacaraanmajlis. Bahasa yang baik akan menjelmakan emosi yang positif dalam menghayati pantun dalam kalangan pendengar. Antara contoh pantun pengacaraan majlis ialah:

Alamanda bunga kecumbung,
Bunganya kuning cantik berseri,
Kami gembira tuang berkunjung,
Doa diiring ikhlas dihati.

Cuaca tenang lautan teduh,
Perahu nelayan menuju kuala,
Mesra ikatan perpaduan kukuh,
Kunjuang tuan kami tak lupa.

(Abang Seruji Abang Muhi,2015)

Berdasarkan pantun di atas dapat dilihat dan difahami bahawa maksud yang ingin disampaikan iaitu emosi gembira dalam adab menyambut tetamu yang berkunjung. Pada rangkap pertama jika dilihat pada pembayang simbol bunga diberi kepada perlambangan emosi kegembiraan dan suasana bunga yang dikatakan *kuning cantik berseri* memberi maksud perlambangan bahawa mengalu-alukan kedatangan tetamu dengan suasana yang gembira dan riang. Selain itu, menurut Kajian Marlina (2010) mengenai pengaruh teknik dalam pendekatan pembelajaran dan kecerdasan emosi terhadap kemampuan menulis puisi. Dinyatakan bahawa pantun adalah karya sastera yang mengungkapkan perasaan emosi dan pemikiran pemantun secara imaginasi dan disusun dengan bahasa. Kajian yang mengatakan bahawa penulis pantun harus melibatkan perasaan emosinya bagi mendapatkan hasil karya yang mampu menimbulkan emosi pembaca. Kemampuan adalah pengaruh dari jiwa yang mempunyai pelbagai emosi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, puisi merupakan khazanah bangsa yang amat bernilai bagi masyarakat melayu. Keindahan puisi dalam mengungkapkan seribu macam penyampaian menjadi lambang ke intelektual minda yang kreatif dan menarik. Penggunaan puisi berbentuk pantun dalam meluahkan perasaan dari sudut insaniah seseorang pengarang haruslah dipuji. Pemilihan kata dalam setiap puisi memperlihatkan keharmonian dalam setiap pantun yang dicipta. Bukan sahaja bait-bait ayat yang digunakan tetapi setiap maksud yang terkandung dalam ayat tersebut mempunyai maksud yang mendalam.

Pantun melayu merupakan puisi yang berbentuk keperibadian seseorang yang mana banyak menggunakan kata-kata yang indah dan baik bahasanya sebagai melambangkan keperibadian orang melayu dalam berbicara. Cara penyampaiannya juga halus dan ditunjukkan kepada manusia dan kepada keseluruhannya. Dengan ini karya puisi yang berbentuk pantun melayu ini harus dijaga dan dikekalkan agar tidak terus dilupakan oleh generasi kini dan masa hadapan. Ini secara tidak langsung dapat memberi panduan dan rujukan kepada generasi akan datang.

Dengan ini jelaslah bahawa, melalui pantun melayu kasih setia budi ini dapat dirumuskan mempunyai pelbagai rencam emosi yang diberikan pelbagai perlambangan bagi memberi maksud yang lebih mendalam. Secara keseluruhannya, dengan daya kreatif pengkarya mampu membuatkan pembaca faham apa yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karya yang telah dihasilkan dengan lebih baik.

RUJUKAN

- Abang Seruji Abang Muhi 2015 *“Pantun Kasih Setia Budi”* penerbit Dewan Bahasa Dan Pustaka. Tuan Haji Ahmad B. Usop 2004. *“Pantun Budi” Dalam 1000 Pantun Dondang Sayang*: Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian.
- Aminudin Mansor.2017. *“Akal Budi Melayu” Dalam Pantun Dan Sajak*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ani Diana. *“kajian semiotik pada kumpulan Cerpen Sekuntum Mawar Didepan Pintu”*: Karya Mohammad Arman A.Z.
- Anwar Ridhwan.2013. *“Permikiran Sasterawan Negara Usman Awang”*: Penerbit Perpustakaan Malaysia. Mohamad Azhar Abdul Hamid. 2004. *“Kecerdasan Emosi Dan Rakan Sebaya Serta Hubungannya Dengan Tingkah Laku Pelajar”*
- Mohammad Shaidan .2011.” *Pejabaran Semiotik Dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad”*: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norita Ariffin. 2006. *“Nilai Budi Masyarakat Melayu Dalam Pantun”*: Kumpulan Pantun Bingkisan Perata Terbitanyayasan Karyawan Tahun 2011.
- Nurhiza Mohamed .2010. *“pengunaan simbol dalam peribahasa di Sekolah Rendah Cantontmen”*.
- Sohaimi Abdul Aziz.2014. *“Teori Dan Kritikan Sastera Edisi Kedua*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.

KEUTUHAN KESENIAN ABAD KE21: KESEDIAAN PERUBAHAN DAN CABARAN PENGETAHUAN DALAM BERKARYA.

oleh

PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM HUSAIN

AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

abdulhalim@aswara.edu.my

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan untuk melihat maksud keutuhan, pengekalan serta pelestarian kesenian apabila melalui abad ke 21. Kesediaan perubahan dalam beberapa perkara yang perlu demi mengekalkan serta pelestarian kesenian dalam abad ke 21 ini. Dalam pengekalan serta keutuhan kesenian di abad ke21 ini dalam masyarakat urban dan juga masyarakat semasa dan kontemporari, para pengkarya harus melalui perubahan dalam aspek-aspek tertentu bagi menampakkan kesenian yang ditekuni relevan dengan keadaan semasa, dan tetap utuh dan sesuai dengan pemikiran masyarakat kontemporari dengan pengetahuan sedia ada terutama isu teknologi masakini. Kajian ini disandarkan kepada pengalaman penulis dalam bidang kesenian serta rujukan dari resolusi kesenian abad ke 21 UNESCO serta dari keperpustakaan. Hasil penulisan ini diharapkan membantu secara operasi konsep yang terbentuk yang diperlukan dalam persoalan keutuhan, pengekalan serta kesinambungan kesenian di abad ke21 agar menjadi relevan.

Katakunci: pelestarian, seni kontemporari, kreativiti, sinergi, budaya.

PENDAHULUAN



Kerangka konsep yang dibina di atas adalah keseluruhan struktur pemikiran penulis untuk kertaskerja ini. Terdapat tiga konsep utama yang menjadi asas pemikiran dalam penjelasan kertaskerja ini iaitu pertamanya adalah konsep kreativiti, kedua adalah berasaskan konsep budaya dan yang seterusnya konsep sinergi. Gambaran kerangka konseptual diatas adalah menjadi tunjang perbincangan dan penulisan ini, yang ingin dikongsikan bersama dengan para peserta seminar.

Kreativiti

Berasaskan penghasilan karya seni oleh seniman aspek utama dalam penghasilan adalah usaha kreatif yang di tunjukan dalam pengkaryaan. Kreativiti dalam penciptaan pengkaryaan harus menjadi tunggak utama dalam berkesenian. Dalam usaha untuyk berkreativiti teras kreativiti bersandarkan kepada kebudayaan seniman. Kreativiti dalam kebudayaan akan membawa kepada aspek penciptaan yang berteraskan kepada nilai, persekitaran serta Bahasa dan juga bertingkahtlaku dan memenuhi keperluan kesenian atau kreativiti penciptaan tersebut.

Potensi individu

Potensi seniman dalam konteks penciptaan karya seni berteraskan kepada nilai kepercayaan individu seniman. Seniman yang berteraskan budaya Melayu harus sedar dan sensitive dalam hasil penciptaan nya agar nilai-nilai kesenian yang di ciptanya itu sesuai dengan kehendak nilai masyarakat Melayu serta citararasanya.

Persekitaran

Persolan persekitaran pengkarya juga menjadi punca kepada terhasilnya karya-karya seni yang terpengaruh dan terbentuk hasil seni dalam konteks kebudayaan tersendiri. Perkara-perkara seperti bahan dalam konteks persekitran akan terjelma dalam pembentukan karya seni tersebut.

Karya seni

Hasil Seni yang dihasilkan juga harus tergambar dari unsur-unsur kebudayaan yang di pengang atau di percayai seperti yang dinyatakan tadi. Unsur nilai kepercayaan, persekitaran serta Bahasa dan simbol yang di ungkapkan.

Tindakan Pengkarya

Pengaruh tingkah laku pengkarya dengan perilaku berkarya juga membentuk kepada karektor dan identiti karya seniman dan ini terpengaruh dalam karya masing-masing.

Sumbangan

Budaya tempatan

Penggunaan imajan budaya tempatan dan pelbagai dari kesedaran persoalan identiti lokal serta identiti ASEAN berasaskan kesedaran gagasan identiti ASEAN masakini.

Budaya tempatan serta cabaran.

Kesedaran seniman dalam menghasilkan karya seni berteraskan Budaya tempatan sememangnya penting. Namun dalam melihat perkembangan isu-isu semasa dalam melihat persoalan identity yang lebih luas dari isu loka ke pada gagasan melihat kesenian secara yang lebih luas melampaui sempadan negara seperti persoalan identiti ASEAN menjadi cabaran kepada para seniman di abad ke 21 ini. serta kesedaran budaya persekitaran serta memahami buaday lain harus di gerakan dalam penciptaan kesenian yang lebih global.

Teknologi.

Sensitif kepada teknologi semasa dalam perkembangan kesenian semasa dan isu digitalisasi dalam konteks mendunia. Perkara-perkara yang berkaitan teknologi dalam pengkaryaan seperti penggunaan teknologi tingg berasaskan unsur-unsur IOT, digitalisasi dan mendunia bermaksud komunikasi dunia menjadi mudah dan berkomunikasi secara mudah.

Seniman abad ke 21.

Tindakan perilaku seniman abad ke 21 sini kontemporari berasaskan teknologi terkini harus ada pendedahan dikalangan penggiat seni dalam penciptaan kesenian yang relevan dalam masyarakat urban yang boleh memenuhi keperluan kehendak masyarakat moden dan semasa dengan penghasilan karya seni kearah unsur-unsur kontemporari samada temanya serta teknologinya.

Peradaban tinggi Kesenian - Seni untuk semua.

Ini adalah sumbangan yang sangat penting dalam pengkaryaan kesenian kerana mengangkat martabat kesenian diperingkat budaya tinggi. Sumbangan pengkarya dalam konteks ilmu pengetahuan serta peradaban tinggi Kesenian penting agar kesenian bukan sekadar memenuhi keperluan biologi atau minat sahaja tetapi kesedaran dalam mengangkat kepada pemikiran serta sebagai bidang ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung mengarah kepada sumbangan memertabatkan kesenian diperingkat negara dan antarabangsa bertaraf kesenian dengan amaln budaya tinggi.

Disamping itu juga dengan saranan pihak UNESCO agar kesenian bukan sahaja melihat kepada memenuhi keperluan seniman dengan persoalan ekonomi, kesenian dan penglibatan pihak-pihak yang juga secara biologinya mempunyai rasa estetik serta keindahan. Kumpulan yang dimaksudkan ini juga berhak untuk berkesenian. Isu –isu kesenian berasaskan kelompok ini juga harus diangkat dalam tema-tema kesenian di abad ke 21.

Sinergi

Dalam abad ke 21 ini juga disyorkan agar para seniman tidak bekerja serta berkarya dalam konteks sendirian, pengkaryaan berkait antara seniman dengan seniman kerjasama secara kesenian anantara individu pengkarya adalah menjadi focus utama agar sinergi kesenian akan membentuk hasil kesenian yang lebih relevan dan bermakna. Berkesenian anatar seniman dalam negara bersama seniman tempatan serta seniman tempatan contohnya seniman Malaysia bersama-sama seniman negara-negara ASEAN agar konsep Nusantara lebih menyerlah ats kesedaran peramaan dan kefahan perbezaan untuk uniti kesenian.

Usaha anatar negara ASEAN berdasarkan kementerian-kementerian yang wujud anatar ASEAN juga sangat penting dalam merealisasi gagasan Identiti ASEAN dalam kesenian. Begitu juga kementerian anantara kementerianian diperingkat Malaysia. Sinergi antara kementerian, negara negara Asean / Nusantara membuka ruang tema yang lebih kaya dengan isu-isu yang akan dapat dikongsi bersama.

Identi Tempatan.

Persoalan identiti tempatan sudah lama di jadikan isu dalam mengangkat tema-tema dalam pengkaryaan, ini adalah asas kepada mencari tema-tema baharu yang lebih global sifatnya anantara negara ASEAN yang mengarah kepada Isu Identit ASEAN dan NUSANTARA. Persoalan Identi global bukan sekadar tempatan tetapi global dan ASEAN agar factor kesamaan ASEAN dan perbezaan dalam kefahaman asean dapat terbentuk demi melihat tema-tema segar dalam kesenian kita.

KESIMPULAN

Cabaran kesenian abad ke21.

Dalam berkesenian dan mencipta terdapat beberapa perkara yang dicadangkan sebagai sandaran utama dalam berkarya di abad ke 21. Anatar perkara penting adalah persolan penciptaan berasaskan faktor kepercayaan dalam memahami nilai-nilai budaya Melayu, Disamping itu persoalan imejan serta simbol-simbol bersandarkan Bahasa yang relevan dengan nilai budaya Melayu. Persekitaran masyarakat Melayu harus dilihat secara global tentang konsep melayu yang berasaskan rentas sempadan yang disesuaikan dengan sempadan budaya. Perkara lain yang menjadi penting dalam berkesenian adalah untuk mengangkat aspek budaya tinggi dan memertabatkan kesenian Melayu di persada dunia dengan kesenian berteraskan budaya tinggi.

RUJUKAN

Emery, Lee (2002), Teaching Art In A Postmodern World: Common Ground Pub. Pty. Ltd.

Freedman K. (2003), Teaching Visual Culture: Curriculum, Aesthetics, and the Social Life of Art: Teachers College, Colombia University.

Road Map of Arts education – UNESCO <https://www.kultur-vermittlung.ch/zeit-fuer-vermittlung/download/materialpool/MFE060501.pdf>

CARA HIDUP DAN KEPERCAYAAN ORANG ASLI KENSIU DI BALING, KEDAH

Nur Faaizah Binti Md Adam
Universiti Pendidikan Sultan Idris
nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Orang Asli ialah sebahagian daripada penduduk Malaysia yang telah mendiami negara sejak beribu tahun dahulu. Terdapat tiga suku orang Asli iaitu Senoi, Proto dan Negrito. Orang Asli Kensiu tergolong dalam suku orang Asli Negrito dan merupakan kelompok orang Asli yang terkecil dan tertua sekali di Semenanjung Malaysia berbanding kelompok Senoi dan Proto. Orang Asli Kensiu hanya terdapat di Kampung Lubuk Legong, Baling, Kedah. Jumlah mereka ialah seramai 292 orang yang terdiri daripada 77 buah keluarga pada tahun 2016. Dengan sifat minoriti mereka ini, banyak aspek budaya terutama berkaitan cara hidup dan kepercayaan masyarakat ini yang melambangkan jati diri mereka sudah semakin hilang ditelan zaman. Justeru tidak banyak tulisan tentang budaya suku ini, sama ada berbentuk umum apatah lagi dalam bentuk ilmiah, maka artikel ini adalah sebagai salah satu usaha permulaan untuk mendokumentasikan keberadaan masyarakat ini.

Kata kunci: cara hidup, kepercayaan, orang Asli Kensiu, Kampung Lubuk Legong.

PENGENALAN

Menurut pengkaji sejarah yang terdahulu, suku bangsa Negrito adalah berketurunan *decendents* daripada manusia pra-sejarah yang digelar Austro-Melanesians yang berhijrah ke Asia Tenggara dari kawasan negara China 7000 hingga 10000 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, ada juga sejarah purba yang merumuskan mereka berada di kawasan ini lebih awal lagi. Suku bangsa Senoi dan Proto pula adalah keturunan daripada manusia pra-sejarah yang digelar Austronesian (*Malayo-Polysenian*) yang dipercayai berhijrah secara berperingkat dan kecil-kecilan dari selatan China dan Taiwan ke kawasan Asia Tenggara sehingga ke Madagaskar di barat dan pulau-pulau Pasifik di timur kira-kira 3000 hingga 5000 tahun dahulu.



Rajah 1: Peta Petempatan Kaum Negrito

Suku bangsa Negrito merupakan masyarakat orang Asli yang terkecil jika dibandingkan dengan suku bangsa Senoi dan Proto. Suku bangsa Negrito juga dikenali sebagai suku Semang. Istilah Semang digunakan oleh orang Melayu bagi merujuk kepada suku bangsa Negrito yang hidup memburu dan memungut hasil hutan di Semenanjung Malaysia. Orang Semang merupakan penduduk paling tua di Semenanjung Malaysia dan di Asia Tenggara.

Suku bangsa Negrito ramai terdapat dibahagian utara Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Masyarakat Negrito (*Semang*) juga terdapat di Filipina hingga Kepulauan Andaman di Teluk Benggal, Selatan Myanmar, pedalaman Sumatera dan Sulawesi. Di selatan Thailand, orang Semang juga dikenali sebagai '*Tonggo*' atau '*Mos*'. Manakala di Kelantan, masyarakat ini dikenali sebagai '*Pangan*'. Namun, kedua-dua istilah ini telah diketepikan dan digantikan dengan istilah Negrito.

Pengkaji Barat yang awal memperkenalkan istilah '*little negro*' berdasarkan ciri-ciri fizikal dan perwatakan masyarakat berkenaan. Mereka berkulit gelap, berambut kerinting yang tumbuh rapat dengan kulit kepala, bermata bundar, berhidung lebar, berbibir penuh, tulang pipi yang timbul dan purata ketinggian 1.47 meter bagi lelaki, manakala kaum wanita lebih rendah. Orang Semang membahaskan diri mereka sebagai '*minik*' yang bermaksud '*orang*'. Selain itu, pengenalan diri juga bergantung pada suku kaum atau '*puak*'.

Orang Semang atau Negrito merupakan salah satu rumpun bangsa orang Asli Semenanjung yang paling terkenal sebagai sebuah masyarakat '*egalitarian*'. Masyarakat ini terdiri daripada enam suku kaum iaitu Bateq (atau Batik, Ngok, Herb), Jahai (atau Jahay), Kensiu (atau Kenseu, Kensieu) dan Mendriq (atau Menrik, Menreq, Menrab), Kintaq dan Lanoh. Kesemua istilah

panggilan suku kaum ini membawa gabungan maksud ‘orang’ dengan ‘hutan’, ‘darat’ atau ‘daratan’.

Di Kedah, orang Kensiu telah ditempatkan di Kampung Lubuk Legong, Baling. Kegiatan berpindah-randah bukan lagi ciri kehidupan masyarakat Negrito tetapi mereka masih mengamalkan kegiatan ‘berbagan’ di dalam hutan untuk tujuan ekonomi seperti memotong rotan, mencari kayu gaharu dan seumpamanya. (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999).


Orang Asli Kensiu

Kensiu adalah orang Asli daripada rumpun bangsa Semang-Negrito. Masyarakat yang menggunakan bahasa serumpun dengan Mon-khmer ini kadang-kadang juga dikenali sebagai Kensiu atau Kenseu, manakala pengkaji awal merujuk mereka sebagai Semang Barat.

Kebanyakan mereka terdapat di Kedah, terutamanya di bahagian tenggara negara itu. Selain itu, orang Kensiu terdapat di Hulu Perak dan Selatan Thailand. Masyarakat ini terbahagi kepada kelompok kecil. Setiap satunya merupakan sebuah kumpulan atau puak nomadik. Sekurang-kurangnya empat sub-kumpulan Kensiu dikenalpasti iaitu Mos, Makil (atau Dalem), Hetat dan Tanjen.

Pada masa dahulu, orang Kensiu mempunyai sebuah wilayah Kensiu yang luas, yang menjangkau hingga ke Thailand. Mereka sering berpindah ke selatan hingga ke Kedah. Namun pergerakan ini hanya berlaku dalam wilayah mereka sahaja. Pada akhir tahun 1950-an, orang Kensiu yang masih berpindah-randah dan bersebaran dalam kelompok kecil di daerah Sik berserta orang Kintak dan daerah Kupang dan Siong dipindahkan ke sebuah Rancangan Penempatan Semula di Pokok Sena berhampiran bandar Baling.

Pada tahun 1960, sebuah kawasan seluas 600 ekar berhampiran Kampung Lalang, Mukim Siong diartakan sebagai rizab orang Asli. Pada tahun 1965 pula, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) membina rumah dikawasan ini untuk orang Kensiu dan orang Kintak. Pada masa ini, terdapat beberapa perkampungan kekal orang Kensiu di negeri Kedah seperti Lubuk Legong, Tasik, Bendang Man dan Bukit Asu di Hulu Perak (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999:1149-1150).



Rajah 2: Peta Petempatan orang Asli Kensiu di Semenanjung Malaysia.

Orang asli Kensiu juga dikatakan ada pertalian keluarga di Kampung Rai Yala Selatan Thailand. Mereka tinggal semenjak 1957 di Lot No.3623 yang telah diwartakan pada tahun 1958 sebagai Rizab Orang Asli seluas 428 ekar (JHEOA: 98:3), sebelum itu mereka tinggal berpindah randah dari Lubuk Legong ke Parit Panjang, Kampung Bendang Man Sik, sungai Celak dan Kampung Tiak Kupang. Ia merupakan kumpulan kaum Negrito yang terkecil dan tertua sekali di Semenanjung Malaysia. Kini terdapat jumlah penduduk seramai 224 orang dan jumlah 44 keluarga (data maklumat dari JHEOA Grik, Perak 2009). Dari sumber senarai nama tahun 2016 pula penduduk Kensiu telah bertambah kepada 292 orang iaitu 77 buah keluarga. Daripada 292 orang penduduk 3 orang berbangsa Semai, 6 Temiar, 3 Jahai, 8 Lanoh, 8 Kintak, 7 lain-lain dan hanya 257 orang berbangsa Kensiu. Di sini dapat dilihat pertambahan penduduk asli Kensiu dari tahun 2001 sehingga 2016.

Kawasan penempatan mereka telah dilengkapi dengan sebuah surau, sebuah dewan serbaguna, kedai runcit, tabika, gelanggang takrow dan terdapat 46 buah rumah milik penduduk yang dibina oleh JHEOA dan sebuah rumah milik petugas JAKIM. Penempatan mereka juga dilengkapi dengan bekalan elektrik dan bekalan air masyarakat yang disediakan oleh Jabatan Bekalan Air.

Menurut M.W. Tweedie seorang sejarawan menyatakan dalam bukunya "Pre-History" mereka yang tinggal di Semenanjung dikenali sebagai Negrito dan telah ada sejak tahun 8000 sebelum masihi dan mereka tinggal di dalam gua memburu binatang yang dikenali sebagai zaman batu pertengahan. Terdapat di Kedah di zaman Paleolitik dan Mesolitik pada tahun 5000 sebelum masihi telah didiami oleh orang Austronesia yang menjadi nenek moyang orang Negrito, Sakai dan sebagainya. Orang Negrito ini sukar untuk ditentukan sifat-sifat fizikalnya kerana di kalangan mereka terdapat empat sub kumpulan Kensiu yang mereka kenali sebagai Mos, Nakil (atau Dalem), Hetot dan Tanjen. Purata mereka mempunyai rambut yang kerinting halus, berbadan gelap, dan rendah setinggi 5 kaki ke bawah, hidung lebar mata bulat mirip Orang Afrika Timur dan kebanyakan mereka seperti Orang Asli New Guinea yakni Papuans.

Identiti kaum Negrito adalah tersendiri dan boleh dilihat melalui kebudayaan, kebendaan dan kehidupan mereka. Mereka menunjukkan sedikit atau tiada tanda-tanda pertanian. Hal ini adalah kerana mereka ini adalah satu golongan Orang Asli yang nomad sepenuhnya. Bentuk kebudayaan kebendaan mereka termasuk penggunaan dalam mencucuk hidung dan pembinaan kediaman sementara untuk berlindung dari angin dan cuaca. Kaum Negrito mengembara dari setempat ke setempat kerana memburu dan mengumpul bahan makanan dan barang-barang hutan. Mereka akan berpindah ke tempat lain jika didapati tempat itu tidak produktif lagi. Mereka tidak mengamalkan pertanian. Sehingga tahun 2000, jumlah penduduk Kensiu yang menganut agama Islam seramai 118 orang dan selebihnya masih mengekalkan kepercayaan animisme.

METODOLOGI

Pengkaji telah menggunakan pendekatan etnografi untuk mengkaji cara hidup dan kepercayaan orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Baling, Kedah. Menurut Sabitha Marican (2006), etnografi dianggap sebagai satu kajian yang paling asas dalam penyelidikan sosial. Kadangkala etnografi didefinisikan sebagai penjelasan bertulis tentang sesuatu budaya, adat, kepercayaan, tingkah laku yang berdasarkan maklumat yang dikumpulkan daripada kajian lapangan. Kajian ini menerangkan secara deskriptif terhadap budaya, subbudaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat. Beberapa informan yang terpilih telah ditemu bual untuk mendapatkan data budaya mereka.

Di Malaysia hanya di daerah Baling yang mempunyai penempatan masyarakat Kensiu dan Lubuk Legong ialah lokasi utamanya. Antara kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data gaya hidup dan kepercayaan ialah kaedah temu bual dan pemerhatian serta rakaman. Pengkaji telah menggunakan temu bual berstruktur yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur yang lebih terbuka dan fleksibel. Dalam temu bual ini pengkaji boleh mengubah suai susunan soalan. Responden pula diberikan kelonggaran untuk memberikan jawapan bagi mendapatkan maklumat lain yang berkaitan. Scensul (1999) menyatakan temu bual semi berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor objektif kajian. Selain itu, pengkaji juga menggunakan temu bual tidak berstruktur menggunakan soalan terbuka dan tidak tetap. Responden bebas memberikan maklum balas dan tidak terikat dengan jawapan alternatif. Oleh itu, pengkaji berpeluang mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan lebih mudah. Scensul (1999) mengatakan temu bual tidak berstruktur atau temu bual penerokaan memerlukan minda yang peka, pemikiran logik serta kemahiran komunikasi yang baik. Teknik ini digunakan supaya pengkaji dapat meneroka dengan lebih mendalam dan terperinci sesuatu fenomena yang hendak dikaji seterusnya meningkatkan pengetahuan pengkaji tentang kajian yang dijalankan.

Kaedah pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji pula ialah pemerhatian turut serta dan tidak turut serta. Melalui kaedah ini pengkaji dapat memerhati tingkah laku dan suasana kampung mereka. Informan yang dipilih pula, mempunyai latar belakang bahasa Kensiu yang fasih sama ada dari aspek pertuturan dan budaya dan adat resam Kensiu. Pengkaji telah memilih tiga orang informan untuk menjawab objektif kajian ini, iaitu untuk menghuraikan cara hidup dan kepercayaan orang asli Kensiu. Informan yang telah dipilih ialah Batin Razali Bin Kulim dan bapa beliau iaitu Encik Kulim Bin Keramat serta ibunya Puan Syarifah Binti Kunyit.

CARA HIDUP ORANG ASLI KENSIU

Tanggungjawab Batin

Semua batin dalam kelompok orang Asli iaitu Proto, Senoi dan Negrito mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama dalam menguruskan anak buah masing-masing. Antara tugas-tugas batin ialah sebagai ketua pentadbiran kampung, ketua adat orang perantaraan dengan agensi kerajaan dan kampung jiran, tetamu khas dalam majlis dan upacara tertentu di kampung sendiri, di kampung jiran dan pada hari kebesaran negeri.

Batin Razali Bin Kulim merupakan batin di Kampung Lubuk Legong dan bekerja sebagai penoreh getah. Beliau adalah batin termuda yang dilantik menjadi batin di kampung tersebut pada tahun 2016. Umur beliau 36 tahun dan mempunyai dua orang isteri serta tujuh orang anak. Beliau fasih dalam bahasa Kensiu dan beberapa bahasa kaum asli yang lain iaitu Temiar dan Kintaq. Beliau seorang batin yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap kaumnya.

Hubungan kekeluargaan

Seperti dalam masyarakat lain juga, setiap anggota dalam kaum Kensiu perlu menghormati dan mengamalkan adat atau peraturan hidup yang telah menjadi amalan kaum mereka turun-temurun. Anak-anak mestilah menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua dalam keluarga. Anak-anak tidak boleh membantah suruhan orang tua. Adik-beradik juga perlu menghormati antara satu sama lain. Perkara ini dilakukan untuk mewujudkan keluarga yang bahagia dan harmoni.

Aktiviti Harian

Aktiviti harian kaum Kensiu adalah seperti berikut:

Suami- Sebagai ketua keluarga. Suami akan mencari nafkah (rezeki) seperti bercucuk tanam, berburu, menjual hasil hutan dan lain-lain. Pada masa lapang orang-orang lelaki akan masuk hutan untuk memburu.

Isteri- Membantu suami bercucuk tanam, mencari kayu api, membuat kerja rumah seperti mengemas rumah, memasak, membasuh dan menjaga anak. Kebanyakan kaum isteri tidak bekerja dan menjadi suri rumah tangga.

Anak- Anak yang telah berumur 6 hingga 17 tahun pergi ke sekolah untuk belajar. Pada masa lapang pula mereka bermain bola, menjaga adik-adik dan membantu ibu bapa.

Aktiviti Ekonomi Tradisional Kaum Kensiu

Suka kaum Kensiu bergantung kepada hutan belantara. Makanan utama adalah sejenis ubi asal yang dipanggil dalam bahasa Kensiu ubi *Kuai Hau* dan *Akau*. Memburu binatang, menangkap ikan, memungut buah-buahan kayu merupakan kegiatan ekonomi mereka. Mereka akan mendiami sesuatu kawasan itu sekurang-kurangnya satu atau dua minggu sahaja. Setelah merasai sudah tiada lagi makanan dan binatang sudah menjadi liar, mereka akan berpindah pula ke tempat lain.

Rumah Suku Kaum Kensiu

Orang Negrito tidak berminat membina rumah secara kekal. Ini kerana cara hidup mereka yang sering berpindah-randah. Dalam satu-satu tempat itu, habis lama satu atau dua minggu. Mereka akan berpindah ke tempat lain pula. Mereka juga gemar membina rumah berbentuk pisang sesikat kerana bentuk seperti itu mudah disiapkan dalam beberapa jam sahaja dan juga tidak banyak menggunakan bahan. Beberapa batang kayu besar sepanjang 15 kaki dicucuk condong setinggi 45 darjah. Beberapa jenis daun seperti daun atap cucuh, bertam dan juga daun pisang dikepitkan sebagai atap. Bahagian bawah pula beberapa batang kayu sepanjang yang diperlukan dijadikan sebagai gelegar untuk mengalas lantai yang diperbuat daripada buluh yang telah dicincang, menjadikan kepingan yang lembut, sebagai lantai atau mengalas bahagian belakang sebagai tikar.

Kini, kebanyakan orang Asli Kensiu telah mendiami rumah moden yang disediakan oleh kerajaan kerana mereka tidak mengamalkan aktiviti berpindah-randah lagi seperti dahulu. Terdapat segelintir keluarga sahaja yang mendiami rumah yang diperbuat daripada kayu. Keseluruhan mereka telah menetap di kampung Lubuk Legong bersama keluarga dan mencari rezeki di situ. Mereka juga telah bergaul dengan masyarakat Melayu yang berdekatan dengan kampung mereka.

Pembangunan Dan Pemodenan

Pembangunan adalah suatu perubahan yang dilihat iaitu daripada keadaan yang kurang baik kepada yang lebih baik. Dan juga daripada keadaan yang mundur kepada yang lebih maju. Pembangunan dapat dilihat dari segi pembangunan ekonomi seperti peningkatan dalam taraf hidup, kemudahan-kemudahan asas, pendidikan dan lain-lain. Pembangunan yang berlaku akan mewujudkan masyarakat yang lebih berkualiti dan hidup dalam keadaan yang lebih baik.

Arus globalisasi dan pembangunan masa kini telah banyak mengubah cara hidup tradisi masyarakat Kensiu di kampung Lubuk Legong. Contohnya mereka mempunyai kenderaan seperti basikal dan motorsikal sebagai kemudahan untuk bergerak dan memudahkan pekerjaan yang

ingin dilakukan. Kebanyakan orang Asli Kensiu di Lubuk Legong masih mengalami masalah kemiskinan dan kesempitan hidup.

Selain itu, segelintir orang Kensiu telah terdedah dengan media massa dan media elektronik. Media massa seperti buku, majalah dan surat khabar. Manakala media elektronik seperti televisyen, radio, komputer, telefon bimbit dan lain-lain lagi. Daripada penggunaan ini mereka memperoleh maklumat tentang hal-hal semasa tentang dalam negara dan luar negara. Oleh sebab itu, orang Asli kini telah banyak berubah dan lebih moden berbanding orang Asli zaman dahulu. Penggunaan telefon bimbit juga menunjukkan anak-anak orang Kensiu telah celik IT (*information technology*). Mereka sudah pandai mengaplikasikan kemudahan perhubungan itu dengan baik seperti menggunakan khidmat pesanan ringkas.

Sistem Kepercayaan Orang Asli Kensiu

Dari segi kepercayaan masyarakat orang Asli pada amnya masih mengamalkan kepercayaan animisme yang mana mereka mempercayai bahawa semua atau tiap-tiap benda dan makhluk mempunyai rohnya yang tersendiri. Namun demikian terdapat juga perbezaan fahaman dan kepercayaan diantara ketiga-tiga suku bangsa tersebut.

Suku bangsa Negrito percaya bahawa dunia ini didiami oleh berjenis-jenis dewa dan makhluk-makhluk "*supernatural*". Makhluk-makhluk ini dikenali sebagai "*orang hidup*". Mereka dipanggil demikian kerana orang hidup tidak akan mati iaitu berbeza dengan manusia biasa. Di antara "*orang hidup*" ini, yang paling kuasa ialah "*Tok Pedin*". Mengikut kepercayaan mereka Tok Pedinlah yang menjadikan sekalian alam termasuklah manusia, mergastua, gunung-ganang dan semua tumbuh-tumbuhan. Dalam menjalankan tugas-tugasnya, *Tok Pedin* mempunyai seorang penolong bernama *Karei*. Kadang kala *Karei* dianggap sebagai lebih penting kerana Kareilah yang selalu berhubung dengan manusia biasa.

Selain dari dua watak ini, ada lagi beberapa dewa yang bertanggungjawab mengenai ribut dan taufan, hutan, tumbuh-tumbuhan, batu-batu besar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kareilah yang sebenarnya "*mustahak*" dan mempunyai pengaruh yang tinggi. Beliau yang menjaga agar adat dan pantang-larang masyarakat dipatuhi dengan sepenuhnya. Misalnya, satu kesalahan telah dilakukan, maka *Karei* akan menurunkan hujan dan ribut atau mendatangkan harimau atau binatang-binatang liar yang lain.

Sistem kepercayaan mereka bolehlah dianggap sebagai satu alat '*social control*' dan '*social sanction*'. Menerusi bomoh, pawang atau halaq tiap-tiap kumpulan cuba menentukan supaya ahli-ahlinya tidak menyeleweng dari kehendak kumpulan-kumpulan mereka pada keseluruhannya. Ringkasnya dalam sesebuah masyarakat yang bergerak tanpa sistem kawalan yang formal, sistem kepercayaan tersebut tentu sama sekali mempunyai satu fungsi yang agak penting. Dewasa ini masih ramai orang Asli yang menganut fahaman Animisme, namun telah terdapat sebahagian daripada mereka menganut agama-agama lain seperti Islam, Kristian, Bahai dan lain-lain.

Berdasarkan huraian tersebut, jelas bahawa orang Asli masih mengamalkan kepercayaan Animisme walaupun negara kita telah menuju ke arah kemodenan. Orang Asli masih tidak dapat meninggalkan agama nenek moyang mereka malahan kebanyakan daripada mereka masih meneruskan tradisi tersebut.

Namun begitu, menurut Puan Rohana yang merupakan penggerak masyarakat di KLL, semenjak tahun 1998 masyarakat Asli Kensiu telah beramai-ramai memeluk agama Islam. Kini, hampir keseluruhan masyarakat Kensiu telah memeluk agama Islam dan meninggalkan kepercayaan Animisme secara beransur-ansur. Mereka telah diajar ilmu agama Islam oleh dua orang guru yang dilantik oleh JAKIM iaitu Puan Rohana dan Encik Muhamad Nasarudin Bin Jamaludin. Proses pembelajaran ini dilakukan di surau Al-Hidayah yang terletak berdekatan dengan dewan serbaguna. Semua kemudahan pembelajaran terdapat di dalam surau Al-Hidayah dan pada 3 kali seminggu akan diadakan kuliah dan ceramah agama untuk masyarakat Kensiu yang beragama Islam. Menurut Puan Rohana juga hanya 7 buah keluarga sahaja yang tidak memeluk agama Islam dan masih mengamalkan kepercayaan Animisme dalam kehidupan mereka.

Kepercayaan Berbentuk Larangan

Terdapat juga kepercayaan-kepercayaan berbentuk larangan. Sekiranya larangan tersebut tidak dipatuhi ia akan membawa keburukan. Dalam hubungan kekeluargaan masyarakat Kensiu, terdapat pantang larang yang masih diamalkan sehingga kini di mana menantu perempuan tidak boleh bersua muka dan bercakap dengan bapa mentua dan saudara lelaki sebelah suami seperti abang ipar dan bapa saudara. Mereka juga tidak boleh berkongsi pinggan mangkuk. Masyarakat Kensiu percaya jika mereka melanggar pantang larang ini bala akan berlaku. Kepercayaan ini wujud sejak dahulu lagi apabila seorang menantu dan bapa mentua demam sehingga menemui ajal.

Pantang Larang Semasa Hamil

Suami

Semasa isteri mengandung si suami juga dilarang melakukan beberapa perkara. Antaranya, suami, perlu berhati-hati semasa memotong buluh. Pastikan pergelangan buluh dipotong agar air tidak bertakung. Hal ini dipercayai akan memberi kesan kepada isteri dan bayi. Jika memburu pula, darah binatang itu tidak boleh mengalir ke dalam sungai. Jika tidak sesuatu yang buruk akan berlaku seperti kilat, guruh dan cara mengelakkannya ialah membayar dengan darah. Antara binatang yang tidak boleh diburu semasa isteri hamil ialah biawak, tenggiling, kura-kura bukit, burung sageng, burung pumpang dan kubung. Suami juga tidak boleh memancing ikan kerana dikhuatiri memberi kesan kepada isteri dan tidak boleh menuturkan perkara yang tidak elok seperti mengumpat.

Isteri

Isteri pula dilarang dari mengangkat barang-barang yang berat dan tidak boleh berdiri atau duduk di atas tunggul pokok yang telah mati. Jika perkara ini berlaku dipercayai isteri akan mengalami kesukaran untuk melahirkan anak. Di kampung Lubuk Legong terdapat dua orang bidan yang mempunyai kepakaran secara tradisional untuk menyambut bayi yang baru lahir. Tetapi kini, perkhidmatan bidan kampung telah digantikan oleh jururawat kesihatan yang ditugaskan di kampung Lubuk Legong.

Pantang Larang Selepas Bersalin

Ibu yang baru bersalin tidak boleh makan makanan yang sejuk seperti timun bukit, umbut bayah dan lain-lain. Si ibu perlu tidur di sebelah unggun api sehingga sihat dan peranakan sembuh semula. Si ibu juga perlu meletakkan sejenis daun ke bahagian perut untuk proses penyembuhan. Amalan ini dilakukan sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Apabila sistem peranakan telah sembuh si ibu boleh memakan semua makanan dengan dijampi oleh bomoh.

Pantang larang seterusnya ialah, kain berdarah yang keluar dari rahim ibu bersalin tidak boleh dicuci dan dihempas di sungai. Masyarakat Kensiu percaya jika perkara ini dilakukan kilat, ribut, banjir, hujan batu dan guruh akan berlaku di kampung berkenaan. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku berterusan ia perlu dibayar dengan darah oleh orang yang mencuci kain berkenaan. Setelah mengambil darah, bomoh akan pergi ke sungai dan melepaskan darah tersebut. Sehingga kini pantang larang ini dielakkan kerana pernah terjadi pada suatu ketika dahulu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mengupas isu khususnya berkaitan cara hidup dan kepercayaan masyarakat Orang Asli Kensiu yang unik yang mana semakin kurang diketahui, dipelajari dan diamalkan oleh generasi mereka sendiri. Kajian ini juga membolehkan hasil penyelidikan dapat digunakan sebagai rujukan bagi pengkaji lain yang ingin membuat kajian berkaitan suku kaum Kensiu yang tinggal di, Kedah. Selain itu, kajian ini juga penting untuk pendokumentasian kerana boleh menjadi rujukan masyarakat dan juga para penyelidik yang berminat untuk mengkaji tentang komuniti orang Asli dan kebudayaan mereka. Selain kajian ini juga berpontensi mengembangkan dan memantapkan lagi bidang ilmu kebudayaan orang Asli. Hal ini kerana, budaya orang Asli umumnya, dilihat semakin hilang dan terkikis akibat arus pemodenan dan globalisasi yang berlaku pada masa kini.

RUJUKAN

- Carey. (1976). *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, Chosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Denaizal. (2009). Orang Asal: Budaya Masyarakat Orang Asli. <http://denaizal.blogspot.com/2009/03/budaya-masyarakatorang-asli.html>. 29/7/2018.
- Hunt A.W. (1952). *An Introduction to the Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Ivor, H. N. Evans. (1968). *The Negritos of Malaya*. Frank Cass & Co Ltd.
- Jasman Ahmad. (1997). *Masyarakat Orang Asli (Sari Kebudayaan Masyarakat Melayu)*. Melaka: Associated Education Distributor (M). Sdn Bhd.
- Jimin Idris. (1972). *A Brief Note Of The Orang Asli Of Peninsular Malaysia And Their Ad Ministration*. Kuala Lumpur: JHEOA.

Mee. S. & Ibrahim, Y. (2008). *Pembandaran dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli*. Disunting oleh Yahaya Ibrahim. dlm. Redzuan, M. & Gill, S. (Ed). *Orang Asli: Isu, Trasformasi dan Cabaran*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Aminah Mohd. (2015). *Kajian Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Peta*. http://eprints.uthm.edu.my/7029/1/SITI_AMINAH_MOHD_SAM.pdf. 10/8/2018.

KONSEP PENGKARYAAN MENGGUNAKAN AKTIVITI PRODUKSI TEATER TERHADAP GENRE DRAMA MELALUI MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF

THE CONCEPT OF ARTISTRY USING THEATRE PRODUCTION ACTIVITIES OF THE DRAMA GENRE THROUGH OF COMMUNICATIVE MALAY LITERATURE

Mohd Amir Mohd Zahari
amir.mz@fbk.upsi.edu.my
Jabatan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENGENALAN

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) telah melalui satu penjenamaan baharu iaitu Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Kandungan KSSM yang baharu diperkenalkan kepada pihak sekolah adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 untuk memberi pendedahan serta peluang secara meluas kepada murid berkarya dan menonjolkan kreativiti dalam bidang kesusasteraan. Hal ini dapat dilihat menerusi kandungan KSSM telah memperkenalkan tiga bahagian, iaitu Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan. Menerusi Pengkaryaan, murid perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya adaptasi atau karya yang diolah dan perlu mempersembahkan karya yang diadaptasi tersebut (KPM,2018).

Dalam konteks Pengkaryaan mata pelajaran KMK menitikberatkan aktiviti bersifat praktikal (*hands-on*), penerokaan minda (*minds-on*) dan penghayatan (*hearts-on*) serta lebih mencabar dari segi pembentukan pemikiran kreatif murid. Sehubungan itu, bagi memastikan proses pembelajaran genre drama dapat dilaksanakan mengikut kehendak KSSM baharu, penggunaan konsep produksi teater begitu sesuai dipilih supaya murid dapat mengikuti pembelajaran yang aktif. Menurut Maija Aksela dan Outi Haatainen (2019), proses PdP yang dilaksanakan melibatkan projek atau penglibatan aktif murid membolehkan murid meluaskan pengalaman pembelajaran mereka di luar bilik darjah. Pendekatan konsep produksi teater yang memerlukan murid untuk menghasilkan sebuah pementasan drama supaya dapat membina pengetahuan saintifik melalui reka bentuk lakonan dan hasil kerja artistik.

Apakah itu produksi teater? Menurut Sabzali Khan dan Samat Kechot (2011) telah menyatakan bahawa produksi teater melibatkan kerja berkumpulan yang mempunyai objektif yang jelas iaitu menghasilkan sebuah pementasan drama dengan menjalankan proses perkembangan yang melibatkan lakonan dan reka bentuk sinografi. Mengapakah konsep produksi teater dianggap sesuai digunakan sebagai satu pendekatan pembelajaran? Menurut Ozgehan Ustuk dan Dilek Inan (2017), pembelajaran menerusi produksi teater dapat merangsang daya kreativiti murid untuk meneroka karya drama dalam usaha mencari idea-idea dan inspirasi untuk menghasilkan sebuah pementasan drama.

Selain itu, konsep produksi teater yang digunakan oleh murid menerusi pembelajaran drama ternyata mampu membuka minda dengan menguji tahap kemampuan dan kebolehan menghasilkan sebuah pementasan drama secara berskala kecil. Menurut Idogho Joseph (2013) konsep pembelajaran yang melibatkan teater atau produksi teater membolehkan murid meneroka saluran emosi, fikiran dan impian mereka yang tidak mungkin dapat diperoleh semasa suasana PdP dijalankan secara formal. Murid digalakkan untuk berfikir dan bertindak secara kreatif menggunakan daya imaginasi ketika berhubung dengan situasi yang pelbagai. Murid bebas

menyuarakan pendapat atau idea-idea terhadap sesuatu masalah atau perkara berbangkit. Murid secara langsung atau tidak langsung diberikan peluang meneroka peranan baharu untuk melaksanakan kerja-kerja mengendalikan sebuah pementasan seperti mengadaptasikan skrip drama, menjayakan lakonan dan mereka bentuk dalam aspek sinografi seperti set, prop, kostum, audio, muzik dan tatarias (*make up*).

Hal ini dikukuhkan lagi dengan kajian oleh Maija Aksela & Outi Haatainen, (2019) menyatakan pendekatan pembelajaran melibatkan teater mampu menggalakkan penglibatan murid untuk mengkaji sesuatu isu seperti karya tersebut, menghayati, mereka bentuk dan mempersembahkan dapatannya. Manakala kajian Andika Aziz (2019) mendapati bahawa aktiviti teater atau lakonan sesuai digunakan menerusi kurikulum pendidikan di Malaysia kerana membantu murid untuk mempertingkatkan potensi diri seperti aspek komunikasi secara lisan dan bukan lisan (*body language*) dengan berkesan.

Bertitik tolak dengan pemilihan konsep produksi teater dapat dijadikan sebagai medium yang tepat untuk pembelajaran genre drama menerusi PdP KMK dapat didokumentasi, dikaji dan dapatannya disebarluaskan kepada semua para guru mata pelajaran KMK dan pihak sekolah agar dapat diaplikasikan di sekolah. Satu usaha yang lebih praktikal perlu diambil kira agar konsep produksi teater dapat diselaraskan sepertimana yang disarankan di dalam kandungan KSSM KMK.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Meneroka bahagian Pengkaryaan pembelajaran murid dengan mengadaptasi karya dan mempersembahkan karya drama menggunakan konsep produksi teater.
- (ii) Mengenal pasti kesan pelaksanaan konsep produksi teater terhadap pembelajaran murid dalam subjek KMK.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam usaha melahirkan murid yang berkemahiran dalam menghasilkan karya kreatif yang menepati dalam menjana idea dan mencipta sesuatu yang baharu melalui gabungan idea yang ada, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sekolah senantiasanya merangka beberapa kaedah pembelajaran murid yang berkesan. Kajian Ani Omar (2015) mendapati hasil penilaian murid terhadap penghasilan karya kreatif seperti sajak, cerpen, novel dan skrip drama tidak mencapai piawaian yang selari dengan konteks pembelajaran mereka kerana terdapat sebilangan murid yang tidak dapat menguasai dalam menghasilkan karya-karya sastera tersebut. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menyalahkan murid sepenuhnya kerana tunjang utama adalah kaedah pengajaran guru yang tidak memberi kesan kepada murid. Hal ini dapat dilihat melalui dua sarjana yang mengkaji berkaitan kaedah pengajaran guru iaitu, Romarzila (2016) yang mendapati sesetengah guru kurang kemahiran melaksanakan kaedah projek kerana mereka kurang yakin dan akhirnya pengajaran mereka dijalankan secara langsung. Hal ini boleh menyumbang kepada penurunan kualiti PdP serta menyebabkan murid yang mengikuti aliran sastera tidak berupaya berfikir secara kritis dan kreatif. Manakala, kajian Mazlan Ismail (2018) hasil dapatan menunjukkan sebilangan guru KMK tidak menvariasikan kaedah PdP yang menarik dan mengikut kehendak PAK-21. Justeru itu, corak pembelajaran murid juga terbantut kerana pengajaran guru yang masih menggunakan kaedah konvensional dan bertunjangkan kepada sekolah di Malaysia mengamalkan budaya pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan (Lee,

2002; Syed Anwar & Merza, 2000). Sepertimana mengikut kehendak KSSM penekanan perlu diberi perhatian terhadap penguasaan kemahiran murid menerusi proses pembelajaran murid. Justeru, faktor-faktor pembelajaran secara aktif tidak boleh diabaikan, selaras dengan dapatan kajian lepas (Afzal Sayed Munna dan Md Abul Kalam, 2021). Dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan pembelajaran secara aktif seperti pengaplikasian teater berpotensi untuk memberi sumbangan daripada segi pembangunan intervensi dan strategi untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran yang bermakna secara sendiri. Tambahan pula, kajian berkaitan gaya pembelajaran murid-murid yang mengikuti aliran sastera Melayu amat kurang dalam konteks Malaysia (Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Hj. Wahid, 2018).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan kaedah kualitatif terhadap proses pembelajaran murid dengan mengaplikasikan konsep produksi teater. Menurut Wolcott (2009) kajian kes bukanlah satu strategi bagi menjalankan kajian tetapi lebih kepada bentuk laporan namun, Maria et al. (2013) mengiktiraf kajian kes sebagai salah satu strategi kajian yang penting untuk mendalami sesuatu situasi kes dalam terutamanya dalam konteks Pendidikan. Selain itu, kekuatan kajian kes menerusi kemampuan kes yang dilaksanakan dalam apa jua situasi untuk menjana pengetahuan, penemuan baharu yang berkait rapat dengan individu atau sesebuah kumpulan serta fenomena yang berkait dengan kes yang diteliti secara berkesan (Yin, 2009). Pendekatan kualitatif telah digunakan untuk meneroka hasil pembelajaran murid dalam mata pelajaran KMK dengan mengaplikasikan konsep produksi teater. Reka bentuk Kajian Kualitatif Asas (*Basic Qualitative Research*) digunakan untuk mendedahkan makna dalam suatu fenomena melalui interpretasi daripada individu yang terlibat dalam fenomena tersebut (Merriam, 2001, 22).

Kajian ini juga menggunakan teknik temu bual yang dirakam dengan menggunakan perakam MP3 dan kemudiannya diberikan kod menunjukkan peserta kajian ditranskripsikan secara verbatim. Bagi mengesahkan data kualitatif, transkripsi temu bual disemak oleh peserta kajian bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkripsi tersebut.

Peserta Kajian

Dalam kajian ini, pemilihan peserta kajian adalah mengaplikasikan persampelan bertujuan yang berdasarkan kriteria. Jenis persampelan bertujuan ini digunakan bagi menentukan peserta yang mempunyai ciri-ciri khas yang diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh berdasarkan objektif kajian. Ciri-ciri peserta kajian yang tepat membantu dalam proses ketepatan serta memperkayakan data-data yang berkaitan dengan kajian. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 8 orang murid tingkatan empat sahaja yang terlibat dalam tugas utama seperti penulis skrip, tiga pelakon, pereka set, pereka prop, pereka kostum, pereka audio.

Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah harian yang terletak di negeri Kedah. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah kluster yang mempunyai taraf dalam kemajuan dalam bidang akademik dan kokurikulum. Selain itu, sekolah ini juga merupakan salah sebuah yang menjadi rintis dalam penglibatan teater atau kesenian di peringkat sekolah dan negeri.

DAPATAN KAJIAN

Kemampuan Untuk Mengadaptasi Sebuah Karya Drama


Daya kreativiti murid dapat dinilai melalui proses penghasilan sebuah skrip drama yang telah diadaptasi daripada bentuk cerpen kepada bentuk drama. Murid telah merangka draf adaptasi naskah drama diertikan sebagai transformasi kandungan naskah asal cerpen kepada bentuk


penulisan drama yang mengandungi jalan cerita (plot) dan watak-watak. Namun, penstrukturan semula kandungan mestilah yang tidak ketara dan perbezaan untuk mencipta sesuatu perubahan bagi menghasilkan sebuah drama yang lebih menarik. Oleh yang demikian, dalam kajian ini fokus terhadap proses penyesuaian dan pengubahsuaian dari genre cerpen kepada bentuk drama yang mengandungi ciri-ciri seperti dialog, watak, plot, pemikiran, latar zaman, latar masyarakat dan sebagainya. Peranan penulis skrip perlu berfikir secara kreatif dan rasional semasa proses mengadaptasi, ini kerana penulis skrip perlu memberi suntikan dramatik dalam drama tersebut agar jalan cerita nampak lebih menarik dan dapat membangunkan naskah drama tersebut menjadi sebuah karya adaptasi yang hebat. Justeru, murid mampu menimbulkan keberksanan dialog dalam sesebuah drama itu perlulah meneliti hal-hal seperti siapa bercakap, kepada siapa dia bercakap, dalam suasana bagaimana ia bercakap dan maksud yang dia bercakap. Maka, realiti dari dialog itu akan wujud dari penulis skrip drama itu. Menurut M1:

M1: *daptasi ni first time saya buat. Walau pun susah, tetapi minat saya ada. kami tak pernah belajar tentang adaptasi ni. Dalam skrip drama ni saya tambahkan elemen-elemen dramatik agar cerita ini seronok penonton tengok. Pada mula-mula, apabila cikgu melantik saya sebagai pengarah dan penulis skrip, saya seronok sebab nak sahut cabaran untuk buat adaptasi. Guru mengatakan, hanya hasilkan skrip drama yang ringkas sahaja.*

Murid perlu melalui proses membaca, menilai dan menulis mengadaptasi) karya secara teliti jalan cerita dan watak-watak supaya pengisian keseluruhan cerita tidak tersasar. Berikut dibuktikan seperti berikut:

M1: *Saya mesti kena baca keseluruhan cerita tu banyak kali cerpen tu dulu. Bila baca banyak kali baru saya catit apa yang penting, sebab kita nak ingat part-part yang penting contohnya laa time-time klimaks ka, time gaduh-gaduh ka lepas tu masa nak ending cerita tu la. Lepas tu saya tengok balik sesuai ke dak..sebab cerita ni nak dipentaskan pulak. Sebab ada cikgu kata mesti ada unsur-unsur dramatik sikit. Tapi tak lari la cerita asai kan...saya draf sikit-sikit synopsis tu bukan apa nak bagi ingat cerita nak buat tentang apa. Bila ada synopsis mudah sangat..jadi kita pun tak lari cerita asal. Bila dah ada synopsis saya buat plot pulak sambil tu wujudkan watak-watak dalam tu. Tapi saya buat cerita tu tak Panjang macam lebih kurang 30 minit saja la kalau pentaskan. Apabila adeny setiap babak-babak tu saya keluar cerita apa dan bagaimana nak kembangkan cerita. Baru adanya watak-watak dan saya bina dialog. Seterusnya saya baca balik adakah cerita-cerita atau dialog itu sampai ke hati penonton.*





Rajah 1. Skrip Drama yang diadaptasi

Perkembangan Pemikiran Kreatif Melalui Proses Imajinasi Dalam Membina Watak Perwatakan

Pengkaji menemukan tema berkaitan kesan pelaksanaan aktiviti produksi teater terhadap pemikiran kreatif murid adalah melalui proses imajinasi. Proses imajinasi yang seringkali dijalankan semasa proses latihan yang bertujuan dapat mendidik murid yang terlibat dalam lakonan untuk mengekspresikan melalui naskah kepada lakonan realiti di atas pentas. Imajinasi pelakon dapat dikembangkan dengan sebaiknya jika mereka konsisten dalam sesi latihan tersebut. Proses imajinasi yang seringkali dijalankan semasa proses latihan yang bertujuan dapat mendidik murid yang terlibat dalam lakonan untuk mengekspresikan melalui naskah kepada lakonan realiti di atas pentas. Imajinasi pelakon dapat dikembangkan dengan sebaiknya jika mereka konsisten dalam sesi latihan tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui penulisan jurnal peserta kajian yang terlibat dalam lakonan:

PLK1: *Masa dalam sesi latihan tu kan, cikgu atau pengarah tu selalu la bagi situasi kepada kami, situasi itu mempunyai pelbagai cerita disebaliknya. Kami semua mesti cerita balik semula cerita itu dengan aksi dan ekspresi muka. Kat sesi latihan tu kami mesti buat eksperimen dalam gerakan dan ekspresi. Macam saya dan rakan lain ada buat 5w1h tu untuk lebih banyak bertanya dan menyoal terhadap watak itu sendiri.*

Selain itu, murid juga menjelaskan bahawa mereka menganalisis watak dengan cara untuk berimajinasi diri mereka sebagai watak yang mereka perlu lakonkan. Dengan cara tersebut, barulah mereka faham dan boleh melakonkan watak dengan baik. Penulisan jurnal murid menjelaskan bahawa:

PLK2: *...saya buat analisis watak bagi reka bentuk watak tu. Bila saya buat analisis watak tu haritu, memang kita akan pikir sangat-sangat tentang watak yang kita buat analisis tu. Macam kita reka reka watak yang kita bawak tu...Memang membantu la bila kita nak explore watak kita tu...hurmmm macam saya duk buh la pasal diri watak tu macam nama, umur, kerja apa, sekolah kat mana, hobi apa, jahat ka baik, anak siapa. Masa dalam latihan kita ikut saja watak yang kita reka tu...kita bayangkan je lar kan.*

Daya imajinasi murid dapat digunakan sebaik mungkin melalui proses latihan yang dijalankan untuk membina dan memperkembangkan pemikiran kritis dan kreatif murid. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

PLK3: *Kami cari banyak kali untuk sesuaikan watak dan perwatakan. Sebab kita tengok dua benda ni la watak macam luaran dan perwatakan macam luaran pulak. Sambil tu dalam latihan kita cuba tokok tambah la sikit macam cikgu kata supaya nampak lebih dramatik sikit...kena tengok sesuai tak watak kita tu saya bawa. Macam saya bawa watak gadis kampung di daerah sebuah kampung yang tak ambik port luaq. Pastu gaya capak kita, gaya baju kita semua tu la.*



Rajah 2: Proses Aktiviti Membina Watak

Pembelajaran secara Koperatif dan Kolaboratif

Dalam PAK21, pembelajaran secara kolaborasi, koperatif dan penyelesaian masalah adalah penting untuk menghadapi cabaran abad ke-2. Tugasan-tugasan yang terlibat dalam berkumpulan merupakan antara pendekatan yang dapat menjalinkan konteks pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif dalam kalangan murid. Murid telah menyediakan keperluan pementasan drama seperti lakonan, penyediaan set, prop, kostum dan muzik. Mereka telah melaksanakan proses mereka bentuk untuk menyesuaikan mengikut kehendak cerita dan keperluan pementasan tersebut. Berikut adalah penerangan murid yang terlibat dalam rekaan set:

M2: *kami buat sama-sama untuk reka set, prop dengan kostum sekali. Bila kita sama-sama cari maklumat dan reka semua tu memang secara kerjasama la...kami rancang dulu, lepas tu tengok la cikgu dan pengarah ni depa nak apa. Tapi tak ada la benda besaq-besaq..ikut kemampuan kami la. Lepastu kita kena Lukis dulu lepas tu tanya kawan-kawwan sesuai atau dak. Saya ketua bahagikan tugas masing-masing. Kami tolong antara satu sama lain kadang tu ada kerja yang ada depa tak sempat atau tak tahu sangat ka, kami bantu bantu la.*
(Pereka Set)

Murid juga telah menyatakan bahawa pelaksanaan konsep produksi teater perlu menjalani proses pengoalahan set yang sedia ada serta perlu diubahsuai supaya ia bersesuaian dengan kehendak babak dan adegan dalam cerita tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

M3: *Barang-barang prop ni memang dah ada, sebab kita ada guna untuk teater sebelum ini. Tetapi mesti olah semula agar dapat memenuhi keperluan dalam babak-babak cerita ini. Macam cerita ini kisah yang beremosi, maka prop yang dihasilkan boleh digunakan apabila di atas pentas itu. Lepas tu prop itu sesuai direka bentukkan serta dapat menyentuh hati penonton. Kita hanya letakkan benda-benda yang boleh nampak prop baharu yang dihasilkan dan boleh digunakan dalam teater ini*
(pereka prop)



Rajah 3: Rekaan Prop Untuk Pementasan

Dalam merencanakan penyediaan set, kostum, prop dan muzik murid telah melalui proses pembentangan yang memerlukan setiap murid menyatakan pendapat dan bantahan berkaitan dengan draf hasil kerja yang dihasilkan. Hal ini dapat dilihat melalui penerangan murid yang terlibat dalam rekaan kostum:

- M3: *dalam dua tiga hari kami bentang la tengok cun ke dak heehehe. Kita keluaq kan kerja-kerja kita tu tunjuk depan cikgu. Kalau ada tak sesuai cikgu suruh tambah-tambah sikit...Macam kostum susah betul sebab kit acari baju biasa orang kampung pakai, tapi size la..lepas tu nak sikit colour-colour terang la..sebab nak bagi nampak ataih pentas..kami alter-alter la sikit bagi nampak kena la. Kami banyak tengok youtube juga..gambaq-gambaq dalam google ka..macam tu ja*
(Pereka kostum)

Pembentukan Pemikiran Kreatif Murid

Dalam konteks merevolusikan kaedah pengajaran yang lebih proaktif, guru itu berkait rapat dengan penyediaan persekitaran aktif dalam pembelajaran murid. Justeru, dapat melahirkan murid berkemahiran dan memperkembangkan pemikiran kreatif dalam rekaan kostum turut menyumbang kepada kesesuaian dalam konsep persembahan. Mereka telah mengkaji latar belakang naskah dan kesesuaian latar masa (zaman) cerita itu dipersembahkan. Oleh itu, mereka memperoleh pendapat dari guru dan pengarah agar pemilihan kostum menepati konsep cerita. Hal ini dapat diperjelaskan murid yang terlibat dalam rekaan kostum seperti berikut:

- M3: *Kalau nak ikut tema cerita salah satu baju yang dipakai oleh pelakon. Saya dan rakan-rakan telah memilih corak dan warna baju serta aksesori terlebih dahulu yang digunakan dalam pementasan itu. Naskah itu dipentaskan mengikut konsep pengarah pada awal tahun 80-an. Jadi masyarakat di kampung ketika itu bagaimana mengayakan pakaian-pakaian yang tinggal di kampung di kawasan pendalaman. Secara jujurnya tidak susah untuk membuat pemilihan kerana baju yang sedia ada dan kami hanya mengolahakan baju-baju itu supaya mengikut kesesuaian konsep persembahan.*

Justeru, reka bentuk kostum dalam persembahan teater memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan dan menggambarkan sesuatu watak. Justeru, reka bentuk kostum perlu disesuaikan dengan watak yang dijayakan agar dapat melambangkan status dan watak itu dengan jelas. Contohnya dari segi pemilihan warna yang sesuai bagi kostum watak orang kaya, sudah

pasti mengayakan warna baju yang terang menderang dan corak pakaian yang mempunyai hiasan emas dan sebagainya. Hal ini dapat dirujuk dalam penulisan jurnal murid seperti berikut:

M3: *reka bentuk kostum kena tunjuk sesuatu watak itu. orang nak bagi penonton tengok pelakon tu bawa watak apa, baru la padankan dengan kostum yang depa pakai tu...macam dia bawa watak ustaz, kena dia pakai lebai, pakai jubah untuk sesuaian watak tersebut. Selain itu dalam kesesuaian pakaian orang-orang kampung dalam cerita ini. Sebab teater ini dipentaskan ceritakan tentang masyarakat kampung kat Kedah.*

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam konteks pelaksanaan konsep produksi teater sebagai aspek pedagogi terdapat beberapa perkara yang harus diketahui. Pertama, gaya pembelajaran KMK mengikut KSSM baharu fungsinya dalam PdP KMK. Kedua, aspek-aspek pedagogi yang dapat dicerakinkan dari segi kaedah pendramaan itu sendiri yang amat luas dapat memberi impak yang positif dan dapat mempertingkatkan daya kreativiti murid yang mengikuti aliran sastera Melayu. Pendekatan konsep produksi teater mampu menarik minat murid kerana dengan penglibatan aktif murid terutamanya dalam konteks lakonan dan pengurusan kreatif (set, prop dan kostum). Perkara yang ditekankan ialah latihan proses kepada setiap murid untuk memupuk kemahiran kreativiti dan daya keyakinan murid termasuk dari aspek komunikasi murid. Dengan memahami situasi ini, naskah drama bukanlah hanya sebuah cerita, tetapi dari konteks pembelajaran juga mampu membawa perubahan terhadap setiap murid. Sesungguhnya dengan mengaplikasikan konsep produksi teater murid-murid dapat mengenal kehidupan dan mengukuhkan silaturahim antara rakan-rakan di dalam bilik darjah dengan melalui aktiviti pembelajaran KMK. Pelaksanaan konsep produksi teater telah berjaya dilaksanakan oleh peserta kajian bagi mencapai objektif hasil pembelajaran yang terkandung di dalam KSSM KMK. Dapat dirumuskan bahawa, kajian ini telah membentangkan beberapa dapatan yang menarik dan juga dapat membantu dalam meperkukuhkan proses pembelajaran murid agar lebih bermakna. Pertamanya, konsep produksi teater dalam PdP KMK telah memberi manfaat terhadap pembelajaran murid dan membentuk daya pemikiran kritis dan kreatif murid yang mengikuti aliran sastera Melayu. Peningkatan dalam eksplorasi murid berkaitan hasil kerja seni seperti menghasilkan sebuah pentas drama yang berinovatif serta relevan untuk diaplikasikan dalam proses pembelajaran selaras mengikut kehendak KSSM (2018) bagi mata pelajaran KMK.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn. (2011). Pengurusan Artistik: Kajian Mengenai Peranan Set Selaku Tenaga Kreatif Dalam Seni Persembahan Pentas Di Malaysia. *Journal-e Bangi*. Volume 6, Number 2, (hlm 124-141).
- Afzal Sayed Munna & Md Abul Kalam. (2021). Teaching and learning process to enhance teaching effectiveness: a literature review. University of Wales Trinity Saint David, Winchester House, 11 Cranmer Rd, Vassal, London, UK
- Aksela & Outi Haatainen. (2019), Project-Based Learning (Pbl) In Practise: Active Teachers' Views Of Its' Advantages And Challenges. University of Helsinki, Queensland University of Technology, Brisbane, Australia,
- Ani Omar. (2015). Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, (hlm 1-22).
- Andika Aziz. (2019). Kepentingan Pengajian Drama dan Teater di Institusi Pengajian Tinggi. Universiti Sains Malaysia.
- Azhar Wahid. (2017). Cabaran Pengurusan Pendidikan Sastera Melayu Di Sekolah Pada Masa Kini. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Balakrishnan Muniandy, Rossafri Mohamad, Fong Soon Fook & Rozhan Mohammed Idrus. (2009). Technology Application in Project-based Learning. *Journal of Communication and Computer*, 6(12), 74-84.
- Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Hj.Wahid. (2018). Pendidikan Sastera Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Hairul Nizam Ismail & Baharuddin Abdul Rahman. (2012). Pembelajaran Berasaskan Projek (Siri 1/No.8). Unit Penyelidikan Pendidikan Asas, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Idogho, Joseph Agofure. (2013). Drama/Theatre in Education and Theatre as an Academic Discipline: A Question of Nomenclature, Techniques and Effects. *An International Journal of Arts and Humanities Bahir Dar, Ethiopia*.
- Chew Fong Peng. (2008). Sastera Kebangsaan Pendidikan Sastera Dan Pembinaan Negara Jilid 3. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lee, M. (2002). Education in crisis. Retrieved 12 June 2005, from <http://www.malaysia.net/aliran/monthly/2002/5b.html>
- Maija Aksela & Outi Haatainen, (2019). Project-Based Learning (Pbl) In Practise: Active Teachers' Views Of Its' Advantages And Challenges. *5th International STEM in*

Education Conference Proceedings: Queensland University of Technology, Brisbane, Australia.

Mazlan Ismail. (2019). Kesusasteraan Melayu Komunikatif: Satu Anjakan Paradigma. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass

Nitce Isa Medina Machmudi Isa & Mai Shihah Hj Abdullah. (2013). Pembelajaran Berasaskan Projek: Takrifan, Teori Dan Perbandingannya Dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah. *Current Research in Malaysia*, 2(1).

Ozgehan Ustuk & Dilek Inan. (2017). *Theatre in education: A case of foreign language teaching in Italy*. Balikesir University, Balikesir, Turki.

Romarzila Omar. (2016). Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Pendidikan Sains Awal Kanak-kanak Prasekolah. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lumpur.

Sabzali Musa Kahn. (2011). Pengurusan Artistik: Kajian Mengenai Peranan Set Selaku Tenaga Kreatif Dalam Seni Persembahan Pentas Di Malaysia. *Journal-eBangi*, 6(2), 124-14.

Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and method* (4rd ed.). Sage Inc.

SASTERA DAN BUDAYA TEATER BANGSAWAN DI SARAWAK
LITERATURE, ARTS AND CULTURE IN THE MALAY OPERA of
SARAWAK

Dr. Nur Afifah Vanitha binti Abdullah

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi

Selangor
nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Teater bangsawan ini muncul sebagai teater popular dalam kalangan masyarakat tempatan Sarawak sekitar awal abad ke-20 dan berubah dari bentuk teater Bangsawan Tanah Melayu kepada Bangsawan Kampung dan Bangsawan 1980-an. Teater ini telah dikaji secara ekstensif dalam pelbagai bidang pengajian seperti seni persembahan, seni visual, dan sejarah. Namun begitu terdapat jurang ilmu tentang teater ini sebagai suatu wadah yang merangkumkan aspek sastera, dan budaya Melayu di dalamnya. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan mengenalpasti dan menghuraikan persilangan aspek sastera, dan budaya Melayu dalam teater bangsawan di Sarawak. Bagi tujuan mencapai objektif makalah, suatu kajian dasar dengan kaedah kualitatif dirangka. Kaedah analisis kandungan dipilih sebagai instrumen kajian utama bagi memperolehi data dari sumber kajian seperti buku, artikel jurnal, gambar-gambar pegun, poster-poster, buku program dan rakaman-rakaman persembahan bangsawan yang lepas. Kaedah kajian historikal diaplikasi bagi mengupas persoalan dan mencapai objektif kajian ini. Dapatan kajian yang dirakamkan dalam makalah ini adalah, teater bangsawan adalah satu genre teater Melayu yang merangkumi bidang sastera dan budaya di dalamnya. Dalam konteks sastera teater ini telah mengangkat kesusasteraan Melayu, sama ada lisan mahupun tulisan sebagai bahan pementasan sejak awal perkembangannya. Sejak bangsawan kampung penulis-penulis tempatan mula menghasilkan karya bangsawan dengan pemaparan budaya tempatan dan hal ini semakin ketara pada bangsawan 1980-an apabila kerajaan menjadi penganjur teater ini. Selain pemaparan budaya Melayu dalam bentuk kostum dan tingkah laku melalui pementasan, penghasilan teater ini memerlukan sikap gotong royong dalam kalangan masyarakat yang mendokong teater ini. Kesemua hal ini dapat dicapai kerana bangsawan mudah disesuaikan dengan keperluan semasa bagi menjamin kelangsungannya.

Kata Kunci: teater bangsawan, Sarawak seni, budaya, kesusasteraan, Melayu

PENGENALAN

Dalam sejarah teater Melayu, bangsawan berkembang sekitar awal kurun ke-20 di Tanah Melayu (Rahmah Bujang 1975; A.H. Edrus 1960). Bangsawan pernah mencapai zaman kegemilangannya sebagai hiburan paling popular atau hiburan bandaran sekitar tahun 1917- 1935 di Tanah Melayu (Rahmah Bujang 1975; Wan Abdul Kadir 1988). Walaupun sarjana teater tempatan terawal mengklasifikasi bangsawan sebagai teater tradisional, klasifikasi ini diubah kepada teater transisi oleh para sarjana teater tempatan sekitar tahun 1990-an (Mustapha Kamil Yasin 1974; Rahmah Bujang 1975; Nur Nina Zurah 1992; Tan 1993). Klasifikasi teatertransisi ini disandarkan atas pembuktian bahawa bangsawan memiliki kedua-dua ciri teater tradisional dan moden, serta kemunculannya adalah selepas teater tradisional dan sebelum kemunculan teater moden seperti sandiwara (Nur Nina Zurah 1992; Tan 1993; Nur Afifah 2009). Ciri-ciri teater tradisional yang terdapat pada bangsawan adalah acara ritual buka dan tutup panggung, lakonan improvisasi tanpa skrip, dan tiada pengarah, manakala ciri moden pula adalah seperti ruang lakonan yang berpentas dengan tirai hadapan dan tirai latar serta ia bertujuan hiburan dan komersial semata-mata (Nur Nina Zurah 1992; Abdul Samat Salleh 2005, Tan 1993).

Secara umum teater bangsawan mempunyai perkembangan yang sangat unik. Walaupun bangsawan telah berusia lebih 100 tahun, ia dinamik kerana mod produksi teater ini melalui beberapa penyesuaian selari dengan konteks zaman dan persekitarannya. Mod produksi seperti jenis penganjur, tujuan penganjuran dan bentuk tenaga produksinya berubah-ubah mengikut keperluan semasanya. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan membandingkan ciri mod produksi bangsawan terawal yang diusahakan oleh penggiat bangsawan sekitar tahun 1917 dengan teater bangsawan yang terakhir dipentaskan melalui program Siri Semarak Bangsawan 2018 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) (Harian Metro, 10 Oktober 2022). Antara perbezaan yang amat ketara antara teater bangsawan yang terawal dan terkini adalah hilangnya sifat teater kembara, tiada kehadiran penggiat teater profesional sepenuh masa dan tiada lagi taukeh bangsawan yang mengusahakannya sebagai perniagaan sepenuh masa. Di Sarawak misalnya, teater bangsawan pernah dipentaskan oleh masyarakat tempatan secara berkala, yang dikenali sebagai Bangsawan Kampung, untuk tujuan mengumpul dana bagi mendirikan sekolah Melayu sekitar tahun 1930-an sehingga 1950-an (Nur Afifah, 2009).

Teater bangsawan yang berusia lebih 100 tahun ini masih mengekalkan format atau kerangka tetap pementasannya, walaupun mod produksinya berubah mengikut keperluan zamannya (NurAfifah 2019). Teater ini perlu mematuhi kerangka tetapnya kerana ia adalah ciri khusus bagi teater ini, antaranya adalah penggunaan pentas prosenium, ceritanya berbabak, terdapat program master, extra turn, tirai latar, tasmat dan lagu tarik nasib. Kesemua ciri khusus ini harus hadir dalam teater bangsawan yang dipentaskan dan disesuaikan dengan kemajuan teknologi pementasan. Hal ini disebabkan terdapat pertentangan pendapat tentang keperluan menghadirkan extra-turn dalam bangsawan yang bertujuan menghiburkan penonton sewaktu pertukaran set bagi memenuhi keperluan perubahan babak. Pendapat tersebut menjustifikasi kemampuan teknologi pentas terkini telah membantu menjimatkan masa pementasan teater ini tanpa kehadiran extra turn yang tiada sebarang kaitan dengan jalan cerita yang dipentaskan dalam babak teater ini. Namun begitu untuk menggugurkan mana-mana ciri tersebut, ia bermaksud pementasan bangsawan berkenaan tidak mematuhi syarat atau ia bukan suatu bangsawan.

LATAR BELAKANG

Teater bangsawan telah dikaji dan didokumentasi sejak tahun 1974 di Malaysia. Kajian pertama tentang teater ini dirakamkan oleh Rahmah Bujang dalam bidang pengajian sejarah. Kajian ini memberi fokus kepada perkembangan bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura (Rahmah Bujang 1974). Kajian ini kemudiannya disusuli oleh pelbagai bidang kajian lain seperti seni persembahan, kesusasteraan, seni visual dan budaya. Sementara itu kajian tentang teater bangsawan yang pertama dirakam pada tahun 2001 oleh Nur Afifah. Kajian ini bertujuan menentukan pengaruh awal teater bangsawan di Sarawak. Kajian ini mengesahkan bahawa teater bangsawan di Sarawak telah dipengaruhi oleh pementasan teater bangsawan bersifat kembara seawall 1914 (Nur Afifah 2009). Setelah kajian rintis ini Nur Afifah telah banyak merakamkan ilmu tentang teater bangsawan di Sarawak dalam bentuk buku, artikel jurnal dan bab dalam buku. Ilmu-ilmu yang telah dirakam oleh Nur Afifah setakat ini merangkumi pelbagai aspek antaranya adalah perkembangan bangsawan, pengurusan, kaitan ruang pementasan dengan pengurusan teater bangsawan, teknologi dan teater bangsawan, serta bangsawan alaf ke-21.

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun teater bangsawan secara umum telah dikaji secara agak ekstensif setakat ini, terdapat jurang ilmu dalam meneliti teater bangsawan, khususnya di Sarawak dari perspektif gabungan ilmu seni, sastera dan budaya. Penumpuan kajian terhadap skop seni, sastera dan budaya dapat merapatkan jurang sedia ada dalam ilmu tentang teater bangsawan di Sarawak serta menjadi katalis bagi kajian-kajian seumpamanya di masa hadapan. Sehubungan itu makalah ini bertujuan merakam pemaparan sastera dan budaya dalam teater bangsawan di Sarawak dengan mengaplikasikan perspektif historikal bagi mengupas kehadiran aspek sastera dan budaya dalam perkembangan teater ini

METODOLOGI KAJIAN

Kajian jenis penyelidikan asas telah dirangka untuk memperolehi data bagi kertas kerja ini. Instrumen kajian kandungan analisis telah diaplikasi bagi meneliti bahan kajian dalam bentuk cetakan dan digital. Bahan cetakan dan bentuk digital yang telah diteliti untuk memperolehi data adalah seperti surat khabar, tesis lepas, buku, bab dalam buku, artikel jurnal, poster dan rakaman pementasan teater yang lalu.

Perspektif historikal diaplikasi bagi meneliti dan menghuraikan kehadiran aspek seni, sastera dan budaya dalam teater bangsawan. Sehubungan itu, jangka waktu perkembangan teater bangsawan dibahagikan kepada beberapa era agar konteks kehadiran aspek sastera dan budaya dapat dikaitkan dengan konteks persekitaran teater ini. Menurut Richard Schechner (1988), semua bentuk seni persembahan adalah metadata bagi masyarakat yang mengamalkannya. Sehubungan itu, metadata tersebut berupaya menjelaskan pandang dunia serta nilai-nilai masyarakat yang memiliki suatu kesenian pada zaman tertentu. Maka, berpandukan pandangan ini, teater bangsawan yang berusia lebih 100 tahun di Sarawak akan di bahagikan kepada beberapa fasa, iaitu era bangsawan Tanah Melayu, Bangsawan Kampung dan Bangsawan 1980-an.

Zaman bangsawan Tanah Melayu adalah sekitar awal abad ke-20, iaitu tahun 1914 ketika teater bangsawan dipentaskan oleh kumpulan-kumpulan teater dari Tanah Melayu dan Singapura. Bangsawan Kampung pula adalah era kebangkitan semangat nasionalisme masyarakat Melayu tempatan 1930-an sehingga awal 1960-an. Pada era ini bangsawan giat dipentaskan di kampung-kampung Melayu di sepanjang pesisir pantai negeri Sarawak. Model pementasan, pengurusan dan perniagaan teater bangsawan telah digunakan untuk memperolehi dana bagi memartabatkan kedudukan masyarakat Melayu terutamanya dari segi Pendidikan. Selain mengutip dana bagi pembinaan sekolah-sekolah Melayu, aktiviti bangsawan telah menjadi katalis bagi menyatu padukan masyarakat Melayu yang berpecah berhubung insiden politik Cession dan anti-cession sekitar lewat tahun 1940-an (Sanib Said 1985). Zaman Bangsawan 1980-an adalah era pemuliharaan teater bangsawan dari tahun 1980-an sehingga 1990-an. Usaha ini telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan dan didokong oleh faktor nostalgia masyarakat tempatan terhadap teater ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Fasa Bangsawan Tanah Melayu

Teater bangsawan berusia lebih 100 tahun di Sarawak. Rekod terawal bagi kegiatan pementasan teater ini didokumentasi dalam laporan Sarawak Gazette oleh seorang pegawai Inggeris yang bertugas di Kuching pada tahun 1914 (Nur Afifah 2009). Penulisan ini mengesahkan kehadiran dan kemasyuhuran kumpulan teater bangsawan di Kuching, yang mengadakan kegiatan pementasan bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura. Teater ini sangat popular dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Sarawak ketika itu seperti pegawai British, Cina, Dayak dan Melayu. Bentuk teater bangsawan ini dikenali sebagai Bangsawan Tanah Melayu disebabkan bentuknya seratus peratus mirip teater bangsawan di Tanah Melayu.

Dalam fasa ini, selain kegiatan oleh kumpulan-kumpulan bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura, muncul kegiatan bangsawan dalam kalangan masyarakat tempatan. Fenomena ini terhasil apabila bakat-bakat tempatan yang menjadi ahli kumpulan-kumpulan bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura menjadi taukeh baharu apabila taukeh lama muflis di Sarawak. Selain itu, terdapat juga individu tempatan yang bermodal dan berbakat yang meniru bentuk pementasan bangsawan dan mula mementaskannya bagi tujuan hiburan dan perniagaan.

Pementasan terawal bangsawan oleh masyarakat Melayu tempatan dan masyarakat Dayak di Sarawak bermula sekitar tahun 1930-an.

Dari segi sastera, teater bangsawan Tanah Melayu di Sarawak, sama ada yang dibawa oleh kumpulan-kumpulan kembara bangsawan, mahupun yang dipentaskan oleh masyarakat tempatan masih sama dengan pementasan teater ini di Tanah Melayu dan Singapura. Bangsawan pada era banyak mementaskan cerita saduran dari Parsi, India, Cina dan Barat, sertapada masa yang sama cerita-cerita lisan dan Hikayat Melayu turut di pentaskan. Antara cerita lisan dan Hikayat Melayu dipentaskan adalah Jula Jula Bintang Tiga, Selendang Delima, Bawang Putih Bawang merah, Hang Tuah, Puteri Gunung Ledang, Batu Belah Batu Bertangkup, Raja Laksmana Bentan, Dan Dan Setia, Siti Zubaidah, Musang Berjanggut (NurAfifah 2009). Cerita-cerita ini diangkat dan dihidupkan di atas pentas bangsawan ketika itu. Usaha ini bukan sahaja memperjelaskan watak dan alur cerita cerita lisan dan hikayat Melayu kepada khalayak secara visual, juga menyampaikan didikan serta mempopularkan sastera lisan dan hikayat Melayu dalam kalangan peminat teater ini.

Budaya pementasan bangsawan pada fasa ini adalah Melayu secara umum. Sama ada cerita saduran, mahupun cerita Melayu, bahasa pengucapan pentas yang digunakan adalah dalam pementasan bangsawan adalah bahasa Melayu. Nama watak-watak juga diubah kepada nama-nama Melayu. Hal ini demikian kerana penggiat teater bangsawan adalah penggiat seni profesional sepenuh masa. Teater ini diusahakan sebagai perniagaan bagi tujuan keuntungan oleh taukeh-taukeh bangsawan, Sehubungan itu pilihan-pilihan artistik termasuk kostum harus menepati citarasa khalayak bagi melariskan jualan tiket masuk. Penggunaan bahasa Melayu sebagai pengucapan pentas teater bangsawan membantu khalayak mengikuti, memahami dan menghayati cerita-cerita yang dipentaskan. Maka tidak hairanlah jika teater ini menjadi bentuk hiburan paling popular ketika itu.

Budaya mengurus dan mengusahakan teater bangsawan juga mengikut gaya gotong royong. Semua ahli dalam sebuah kumpulan teater akan duduk bersama dalam suatu lokasi dan melakukan aktiviti secara berkelompok. Misalnya pada fasa bangsawan Tanah Melayu ini terdapat Kumpulan Bangsawan Dayak dari Bau. Kumpulan ini telah diasaskan oleh sepasang suami isteri yang merupakan taukeh kumpulan bangsawan yang telah muflis perniagaan bangsawan mereka di Kuching. Pasangan taukeh bangsawan ini kemudiannya melatih dan mengumpulkan ahli kumpulan baharu dalam kalangan masyarakat Dayak di Bau dan menggunakan segala kelengkapan teater kumpulan tersebut untuk meneruskan kegiatan bangsawan mereka. Masyarakat Dayak yang menyertai kumpulan ini bukan sahaja mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan lakonan, malah menerima pasangan suami isteri tersebut sebagai guru lakonan dan taukeh mereka. Sebagai upah memperoleh ilmu teater bangsawan, ahli baharu kumpulan ini memberi beras dan keperluan harian kepada pasangan suami isteri ini sebelum perniagaan kumpulan ini mantap.

Budaya gotong royong juga diamalkan dalam semua kegiatan kumpulan bangsawan Dayak. Aktiviti seperti latihan, perjalanan, dan membaiki kelengkapan pementasan dilaksanakan bersama secara gotong royong sesama ahli kumpulan ini. Kumpulan ini sering menerima undangan dari keluarga-keluarga aristokrat Melayu di Kuching. Kumpulan ini mengadakan persembahan sempena majlis-majlis keramaian seperti bertunang, perkahwinan dan kesyukuran. Upah pementasan yang diterima oleh taukeh dibahagikan mengikut kepentingan peranan setiap ahli.

Fasa Bangsawan Kampung

Bangsawan bentuk ini amat giat diusahakan dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak terutamanya di Kuching, Sri Aman, Serian dan Sibiu. Kegiatan bangsawan ini mengekalkan nilai komersial teater bangsawan bagi tujuan memperkasa masyarakat Melayu Sarawak ketikaitu. Namun begitu kegiatan pementasan hanya dilaksanakan dalam kalangan masyarakat setempat, secara berkala ketika musim perayaan dan cuti sekolah sahaja. Kegiatan bangsawandalam fasa ini diusahakan mengikut kampung, oleh masyarakatnya secara gotong royong melalui pertubuhan kampung yang digelar 'kelab' ketika itu. Antara nama kelab yang terlibat dalam kegiatan teater bangsawan adalah seperti Kelab Kampung Masjid, Bintangor, Haji Taha (MBHT), Kelab Boyan, Gersik, Surabaya (BGS), Kelab Bangsawan Kampung Jawa, Malay Union Club (MUC) dan Melati Puspa Delima Sandiwara (MPDS) (Nur Afifah 2009). Walaupun para pelakon dan tenaga kerjanya bukan profesional bangsawan ini berjaya meraih sokongan dan dana untuk mencapai objektif menubuhkan dan kelangsungan sekolah-sekolah Melayu. Masyarakat setempat dan dari kampung-kampung berhampiran akan meraikan teater bangsawan apabila ia dipentaskan. Sehubungan itu, kegiatan bangsawan pada fasa ini dikenali sebagai Bangsawan Kampung.

Bangsawan Kampung masih tetap mementaskan cerita-cerita hikayat dan lisan Melayu pada awal perkembangannya. Antara tajuk cerita Melayu yang dipentaskan adalah Selendang Delima, Siti Zubaidah, Jula Juli Bintang Tiga, Jula Juli Bintang Tujuh, dan Dan Dan Setia. Penganjur pada awal perkembangan bangsawan Kampung mahu memenuhi citarasa khalayak dan memastikan kutipan dana yang tinggi. Cerita-cerita lisan dan hikayat ini lazimnya menjanjikan khalayak penuh panggung ketika era Bangsawan Tanah Melayu. Namun begitu apabila penganjur menyedari kekurangan bakat lakonan masyarakat kampung dalam mejayakan cerita-cerita lisan dan hikayat Melayu, mereka mula mengadaptasi cerita tersebut dengan wajah tempatan. Antara tajuk cerita yang diadaptasi sekitar tahun 1940-an adalah Puteri Gunung Matang (sebuah nama gunung di Kuching) adaptasi dari Puteri Gunung Ledang, Keris Pusaka adaptasi dari Keris Taming Sari, dan Ibu Tiri Yang Bengis adaptasi bagi Bawang Putih Bawang Merah (Nur Afifah 2009).

Penganjur Bangsawan Kampung juga mula memberi perhatian kepada extra-turn berbanding pementasan cerita bangsawan apabila menyedari kekurangan bakat lakon ahli masyarakat mereka. Extra-turn adalah selingan bagi menghiburkan khalayak sewaktu pertukaran set sesuai dengan keperluan babak. Pengisian extra-turn hanya berupa persembahan bakat nyanyian, tarian atau lawak jenaka, yang sama sekali tiada kaitan dengan cerita yang dipentaskan. Extra turn Bangsawan Kampung Ketika itu lebih popular berbanding pementasan cerita bangsawan. Seni budaya tempatan seperti begendang, betandak, tarian, lilin, tarian piring dipilih sebagai pengisian extra turn bangsawan Kampung. Acara-acara ini lazimnya dijayakan oleh kanak-kanak sekolah yang sedang cuti sekolah. Lawak jenaka juga dipersembahkan semasa extra turndengan mesej menyemarakkan semangat cintakan bangsa dan negara, atau menyindir sikap masyarakat yang kurang produktif dalam memperkasa bangsa Melayu (Nur Afifah 2009).

Sekitar awal dekad 1950-an acara nyanyian menjadi popular dalam extra turn bangsawan Kampung. Pertandingan nyanyian dianjurkan mengikut beberapa peringkat sehingga kemuncak pertandingan akhir di mana juara diumumkan. Dalam pertandingan nyanyian ini lagu-lagu genre Melayu diangkat dan dijadikan lagu-lagu wajib oleh para peserta. Antara genre lagu Melayu yang menjadi syarat nyanyian lagu wajib adalah Keroncong (Nur Afifah 2009: 166). Antara tajuk lagu keroncong yang menjadi lagu wajib untuk dinyayikan adalah seperti Ayer Laut, Suka Bumi, Hiasan Nyior Melambai dan Kerochong Wiraksini. Hal ini membuktikan bahawa teater ini memberi ruang dan kepentingan kepada seni budaya Melayu untuk diketengahkan dalam

bangsawan Kampung dan bukannya lagu-lagu dari budaya lain yang turut popular ketika itu.

Budaya gotong royong adalah asas kejayaan bagi Bangsawan Kampung mencapai objektif penganjurannya. Semua ahli masyarakat terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan bangsawan ini ketika itu. Ahli masyarakat menyumbang sama ada dalam bentuk kewangan, tenaga pengurusan, pelaksanaan atau pun artistik untuk menjayakan pementasan teater ini. Antara sumbangan masyarakat adalah seperti kutipan dana dari rumah ke rumah sebagai modal mengusahakan bangsawan, memotong buluh dan kayu untuk membina pentas, latihan, bakat lakonan, nyayian atau tarian. Dengan usaha seperti inilah maka tertubuhnya beberapa sekolah Melayu di Sarawak, antaranya Taman Pelajaran MBHT, Sekolah Rakyat Kuching, Sekolah Rakyat Haji Bolhassan, Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Sekolah Rakyat Abas, Sekolah Rakyat Sadong, Sekolah Rakyat Tupong, Sekolah An Chi di Miri, Sekolah Melayu Simunjan, Sekolah Melayu Simanggang, Sekolah Melayu Bintulu dan Sekolah Melayu Sibul (Nur Afifah 2009, 127).

Fasa Bangsawan 1980-an

Bangsawan pada fasa ini telah hilang nilai komersialnya dan diusahakan atas inisiatif memelihara teater ini oleh kerajaan sepenuhnya. Usaha ini bertujuan meneruskan kesinambungan teater bangsawan sebagai warisan seni masyarakat Melayu (Nur Afifah 183). Kebanyakan kegiatan pementasan teater bangsawan dianjurkan oleh kerajaan sempena hari-hari kebesaran di peringkat negeri atau nasional. Antara program yang mengadakan pementasan bangsawan adalah sambutan Hari Petra Jaya (1982), Ulangtahun Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak (1985), Kursus dan Promosi Bangsawan (1985 dan 1986), Ulangtahun Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SEBERKAS 1988), Hari Setia Bersama Rakyat (SEMARAK 1988), perasmian bangunan kerajaan (1986 dan 1988), Sambutan Pesta Kuching (1989) dan Manifestasi Seni (1995).

Selari dengan tujuan memelihara kesenian teater Melayu ini, maka cerita-cerita bangsawan yang dipentas dihasilkan dengan agenda tertentu oleh penganjurnya. Teater bangsawan pada fasa ini memaparkan budaya Melayu sepenuhnya selari dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dirangka pada tahun 1971, di mana budaya Melayu menjadi tunjang kebudayaan kebangsaan di Malaysia (Nur Afifah 2009). Sehubungan itu cerita-cerita yang dihasilkan untuk pementasan teater bangsawan di Sarawak pada fasa ini memaparkan budaya masyarakat Melayu. Antara tajuk teater bangsawan yang dipentaskan adalah Dewa Raja Sisa Tulang karya A.B. Nor pada tahun 1988, Putera Setiawarga karya Saiee Driss pada tahun 1988, Maharaja Jin Bukit Siul karya A.B. Nor pada tahun 1989, Siti Nilam Baiduri (1989) dan Panji Asmara.

Teks cerita bangsawan dihasilkan oleh penulis-penulis skrip tempatan seperti A.B. Nor dan Saiee Driss. Selain pemaparan masyarakat Melayu tempatan, budaya dan pandang dunia masyarakat tempatan turut digarapkan dalam skrip-skrip bangsawan 1980-an. Keperluan untuk berusaha dan bekerja keras serta menyambut baik perancangan kerajaan menjadi mesej penting dalam skrip bangsawan 1980-an. Selain mesej sedemikian, terdapat juga cerita-cerita berunsur fantasi yang dipentaskan dalam bangsawan 1980-an. Cerita seumpama ini adalah pengaruh format atau kerangka cerita bangsawan kampung yang lazimnya memaparkan watak kayangandan jin afrit. Watak-watak khayalan ini ditampilkan dalam skrip seperti Dewa Raja Sisa Tulang, Maharaja Jin Bukit Siul dan Putera Setiawarga. Selain watak khayalan, golongan aristokrat turut digandingkan dalam skrip-skrip ini bagi menonjolkan keturunan aristokrat masyarakat Melayu di Sarawak. Selari dengan skrip-skrip yang mengangkat masyarakat Melayu, maka aspek artistik bangsawan 1980-an juga memaparkan kesenian Melayu. Skrip-skrip bangsawan 1980-an yang memaparkan masyarakat Melayu turut mempengaruhi pilihan artistik teater ini. Selain kostum, senibina dan tarian-tarian Melayu ditampilkan bagi mengangkat dunia dan warisan Melayu di atas pentas bangsawan.

RUMUSAN

Teater bangsawan adalah satu genre teater Melayu yang merangkumi bidang sastera dan budaya di dalamnya. Dalam konteks sastera teater ini telah mengangkat kesusasteraan Melayu, sama ada lisan mahupun tulisan sebagai bahan pementasan sejak awal perkembangannya. Sejak bangsawan kampung penulis-penulis tempatan mula menghasilkan karya bangsawan dengan pemaparan budaya tempatan dan hal ini semakin ketara pada bangsawan 1980-an apabila kerajaan menjadi penganjur teater ini. Selain pemaparan budaya Melayu dalam bentuk kostum dan tingkah laku melalui pementasan, penghasilan teater ini memerlukan sikap gotongroyong dalam kalangan masyarakat yang mendokong teater ini. Kesemua hal ini dapat dicapai kerana bangsawan mudah disesuaikan dengan keperluan semasa bagi menjamin kelangsungannya.

RUJUKAN

- Abdul Samat Salleh. 2005. Aspek lakon dalam teater bangsawan. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Edrus, A.H. 1960. Persuratan Melayu: drama dan perkembangan Bahasa Melayu. Singapura: Qalam Printers.
- Harian Metro, Semarak Teater Bangsawan. [Semarak teater bangsawan \(hmetro.com.my\)](http://hmetro.com.my) dilayari pada 10 Oktober 2022.
- Mustapha Kamil Yassin. 1974. "The Malay Bangsawan" in Tradisional Drama And Music of Southeast Asia. Edited by Mohd Taib Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afifah Vanitha binti Abdullah. 2009. Perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan di Sarawak 1914-2004. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Nur Afifah Vanitha binti Abdullah. 2019. Bangsawan di Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Nina Zuhra. 1992. An analysis of modern Malay drama. Shah Alam: Biroteks MARA Institute of Technology.
- Rahmah Bujang. 1975. Sejarah Perkembangan drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanib Said. 1985. Malay Politics in Sarawak 1946-1966. Singapore: Oxford University Press.
- Schechner Richard. 1988. Performance theory. New York: Routledge.
- Tan Sooi Beng. 1993. Bangsawan: a social and stylistic history of popular Malay opera. Singapore: Oxford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 1988. Budaya Popular dalam masyarakat Melayu bandaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mustapha Kamil Yassin. 1974. "The Malay Bangsawan" in Tradisional Drama And Music of Southeast Asia. Edited by Mohd Taib Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afifah Vanitha binti Abdullah. 2009. Perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan di Sarawak 1914-2004. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Nur Afifah Vanitha binti Abdullah. 2019. Bangsawan di Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Nina Zuhra. 1992. An analysis of modern Malay drama. Shah Alam: Biroteks MARA Institute of Technology.
- Rahmah Bujang. 1975. Sejarah Perkembangan drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanib Said. 1985. Malay Politics in Sarawak 1946-1966. Singapore: Oxford University Press.
- Schechner Richard. 1988. Performance theory. New York: Routledge.
- Tan Sooi Beng. 1993. Bangsawan: a social and stylistic history of popular Malay opera. Singapore: Oxford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 1988. Budaya Popular dalam masyarakat Melayu bandaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

OPPORTUNITIES AND CHALLENGES OF HISTORICAL TOURISM IN MEDAN CITY

PELUANG DAN TANTANGAN PARIWISATA SEJARAH DI KOTA MEDAN

Siti Yumna Annisa^{1,*} Mardiah Mawar Kembaren² Rudiansyah³

¹ *Magister Terapan Perencanaan dan Pengembangan Pariwisata, Politeknik Pariwisata Medan*

² *Faculty of Cultural Sciences, Universitas Sumatera Utara*

³ *Faculty of Cultural Sciences, Universitas Sebelas Maret*

**sitiyumnaannisa385@gmail.com*

mardiah@usu.ac.id

rudiansyah@staff.uns.ac.id

ABSTRACT

Historical buildings are one source of income to increase foreign exchange through foreign tourist visits. Preservation of historical buildings in the Kesawan area of Medan is a strategic step that must be taken immediately. This step aims to preserve the objects that still survive nowadays. In several cases, it is found that historical buildings are often reduced and replaced with new buildings. It can be concluded that it is necessary to make efforts to preserve and protect it. Therefore, the author was interested in reviewing the “Opportunities and Challenges of Historical Tourism in Medan City”. The objective of this paper was to find out the opportunities and challenges of historical tourism, as well as to become an echo in efforts to preserve historical buildings in Medan city. The benefits of this paper were as input for the community, tourists, and institutions in paying attention to historical buildings. The research method was qualitative-descriptive, using literature sources in the form of journals, books, and other related information. Historical tourism was believed to be a post-pandemic breakthrough, providing opportunities and challenges in the world of tourism today and in the future.

Keywords: *historical tourism, opportunities, preservation, post-pandemic, Medan city.*

Bangunan bersejarah merupakan salah satu sumber pendapatan untuk menambah devisa negara melalui kunjungan wisatawan mancanegara. Pelestarian bangunan bersejarah di kawasan Kesawan Medan merupakan langkah strategis yang harus segera dilakukan. Langkah ini bertujuan untuk melestarikan benda-benda yang masih bertahan hingga saat ini. Dalam beberapa kasus, ditemukan bangunan bersejarah sering dik dan diganti dengan bangunan baru. Dapat disimpulkan bahwa perlu dilakukan upaya untuk melestarikan dan melindunginya. Oleh karena itu, penulis tertarik untuk mengulas “Peluang dan Tantangan Wisata Sejarah di Kota Medan”. Tulisan ini bertujuan untuk mengetahui peluang dan tantangan wisata sejarah, serta menjadi gaung dalam upaya pelestarian bangunan bersejarah di kota Medan. Manfaat tulisan ini sebagai masukan bagi masyarakat, wisatawan, dan institusi dalam memperhatikan bangunan bersejarah. Metode penelitian yang digunakan adalah kualitatif-deskriptif, dengan menggunakan sumber kepustakaan berupa jurnal, buku, dan informasi terkait lainnya. Wisata sejarah diyakini sebagai terobosan pascapandemi, memberikan peluang dan tantangan dalam dunia pariwisata saat ini dan di masa depan.

Kata kunci: *wisata sejarah, peluang, pelestarian, pascapandemi, kota Medan.*

INTRODUCTION

Cultural tourism is a type of tourism with culture in the form of ideas, activities, and artifacts as its main potential attraction (Ismayanti, 2010). The *World Trade Organization* in D'auria (2009) states that cultural tourism is an industry that has grown rapidly since the 90s, exceeding the development of other tourism industries. One of the causes of the increasing interest in cultural tourism is the longing for deeper values, such as religion, art, and literature, especially by foreign tourists with the hustle and bustle of modern life (Albizzia, Zamroni, & Rofiqoh, 2009). The same thing is stated by Mediasworo (2015), where the modernization of a city causes a symptom of cultural backflow that returns to seeking cultural values and local wisdom. Thus, it is predicted that the era of a culture-based creative economy will dominate in the future.

An urban area needs to pay attention to historical heritage to utilize resources in the spatial dimension to achieve a better urban area. Urban physical development without paying attention to the existing heritage, both in terms of buildings, areas, community structures, and others, will change the city's face so that the values embedded in a city will be lost. This value has considerable economic, social, and cultural potential. Therefore, the change in the city's face reflects the people who manage the city.

This historical building is a state asset in terms of economy, society, and culture. The existence of this historical building is generally decreasing as a result of economic progress, education level, population, and ethnic group diversity, thus bringing about changes in values and attitudes. This change affects the mindset, assessment, and perspective of the community, ultimately leading to development that focuses on economic interests.

As a multi-ethnic city, the city of Medan has a variety of cultural heritage manifested in art, local wisdom, and buildings or historical areas. Nevertheless, managing the cultural heritage as a tourist attraction has not been performed optimally. It cannot be allowed to continue because culture is a crucial element in building a city's character, uniqueness, and distinctive cultural image (Mediasworo, 2015). Therefore, cultural heritage in Medan city requires handling in the form of conservation efforts by considering the potential in an area.

Medan City has approximately 600 historical buildings with an average age of more than 100 years that have stood with the history of the city's journey (source: *Beranda Warisan Sumatra*). Medan City is currently experiencing very rapid progress and development. As the administrative center of the North Sumatra region, Medan has grown into a metropolitan city with a population of approximately 2.5 million people. Most of the population is Batak and Malay. In addition, there are Javanese, Acehnese, Chinese, and Indians (Surbakti, 2008).

Historical buildings are one source of income to increase foreign exchange through foreign tourist visits. Historical buildings have been sacrificed in the name of the Medan Municipal Government-launched development. If the historical building is appropriately managed, it can bring extensive foreign exchange. Historical buildings in Medan City, which used to be the *Paris van Sumatra* City, can be transformed from cultural capital into economic capital and subsequently into symbolic capital. It means that with these distinctive buildings, the city of Medan will be increasingly known as the city of history. When talking about historical buildings, people's thoughts will immediately lead to Medan city, as when talking about the problem of Bika Ambon, they will immediately focus on this city.

Based on the description above, it can be seen that Medan City is one of the archipelago's driving forces for historical tourism. Hopefully, the announcement of '*The Kitchen of Asia*'²³ will be able to optimize the Kesawan area of Medan city as a historical tourist destination and connect various mutually supportive tourism activities with various elements of society.

RESEARCH METHOD

The research method was qualitative-descriptive, using literature sources in the form of journals, books, and related information. This research needed to inform the broader community about the opportunities and challenges of historical tourism in Medan city. In addition, this research could also be material for discussion and a source of reference for other researchers who want to explore the study of historical tourism. It became a source of knowledge for authors regarding a comprehensive overview related to tourism studies. Practically, the benefit of the research results was an analysis of the opportunities and challenges of historical tourism to preserve cultural heritage and local wisdom and provide tourism information to the community, local tourists, and even foreign tourists.

DISCUSSION

Historical Tourism Opportunities

To become "aware of tourism", stakeholders in an area that has the potential to become a tourism destination must ask the question, why do (*historical*) tourism destinations need to be developed? It is vital because it will relate to this *activity's cost and benefit analysis* in the short, medium, and long terms.

There are many positive reasons why a historical tourist destination needs to be developed, especially for a developing country like Indonesia. Some of them will be described in this paper. First, a person's motivation to travel is an opportunity for an area that has the potential to become a tourism destination, as well as become a "media" to fulfill those needs. Second, by becoming a media, as referred to in the first point, various advantages can be achieved, including opening up employment opportunities; improving the welfare of the community around tourism destinations; enhancing the value or image of a geographical area, including those who poor in economic resources; and encouraging the revitalization of a geographical area that has lost its attractiveness, such as an old town or cultural heritage. Third, for developing countries, the tourism industry can be said to be a medium of economic development that does not require too significant an investment in the long term before it can provide benefits. A tourist attraction, one of the principal capital for tourism development, has been available. Compared to the development of the automotive industry, it takes substantial capital and a long time before profits can be obtained. Fourth, in carrying out

²³ The Kitchen of Asia is a tourism slogan that raises the main potential of Asian cuisine in Medan as its main attraction. The magnet of the Medan city is a culinary experience and needs to be complemented by good historical stories or storytelling. The concept of the Kitchen of Asia will be an attraction for tourists because it provides a different experience. The slogan '*The Kitchen of Asia*' is a form of a plan to map out tourist travel patterns in the super-priority tourism destinations of Lake Toba. With this arrangement, the government hopes that tourists visiting Lake Toba can first stop in Medan as a magnet for culinary history. The arrangement of the Kitchen of Asia must be strengthened by adapting technology and the diversity of creative economy products, as well as the participation of the Medan people.

development, supporting funds are needed. Suppose it relies on technology from other countries. In that case, foreign exchange for development will be sucked out of the country due to the necessity to import capital goods and consumables (leakage of foreign exchange occurs). The tourism sector can reduce dependence on imports because most of the capital goods and consumables can be provided by tourism destinations, such as handicrafts, food and beverages, and tourist attractions. Fifth, to strengthen the positive value of tourism, statistical data showed its huge role in the world economy. The *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO) reported that the number of international visits in 2010 had reached 940 million times and generated a profit of US\$ 919 billion. It was estimated that by 2020, the number of international visits would reach 1.56 billion times, with an increase in the number of *long-haul* trips from 18% to 24%. Thus, Indonesia has a more significant opportunity to attract more market segments from high-income countries (developed countries).

Sixth, directly related to poverty alleviation efforts, the tourism sector has a vital role. The tourism industry can reduce poverty levels because of its distinctive characteristics as follows: (1) Consumers come to their destination, thereby opening up opportunities for residents to market various commodities and services; (2) Opening opportunities for efforts to diversify the local economy that can touch marginal areas; (3) Opening up opportunities for small and medium-scale labor-intensive economic enterprises that are affordable by the poor; and; (4) Not only depending on capital but also depending on *cultural capital* and *natural capital* which are frequently assets owned by the poor.



Figure 1 The Opening of the Kitchen of Asia
Source: Siti Yumna Annisa, 2021

The Historical Significance Values of Cities

The form of a city is related to the past, so planning and directing the city's growth now and in the future must be from a historical perspective. Historical heritage includes buildings, areas, and structures in statues, fountains, gardens, trees, and landscapes. The attraction to this historical heritage can be sourced from its architectural, aesthetic, historical, scientific, cultural, and social significance.

Urban planners must maintain the viability of the city's core by ensuring that new buildings and large-scale developments do not deprive the city of an easily recognizable character. It can only be conducted by salvaging and rehabilitating as many old buildings as possible, building new ones only when necessary, and then integrating the new with the old (Lotmann, 1976).

In addition, the character of a place is also determined by other factors, namely the built environment. According to K. Lynch (1960), in his book "*The Image of the city*", the quality of the built environment, i.e., the *imageability* and *legibility* of buildings, contributes to the emergence of a prominent identity in a place.

The image of a place is a combination of several interrelated landscape factors, i.e., the building's shape, appearance, and color, the rhythm of a group of people, and the festivities and events held in that place. Another factor that determines the identity of a place is the combination of various non-material cultural elements such as community characteristics (ethnicity, religion, and language) and what is known as a *genius loci*. Dubos put forward the term *genius loci* quoted in the Place and placeness book (1976), which means the spirit of a place, including the uniqueness of the built environment, wealth, and historical moments.

The same thing is also stated in the Guidelines for preparing conservation plans (1994) that the determination of whether a particular building or place deserves to be protected as a historical heritage is also determined by non-physical aspects, namely: (1) having an aesthetic value that shows the design and architectural aspects of a place; (2) having educational value, namely showing a picture of past human activities in that place and leaving original evidence. It may include technology, archeology, philosophy, customs, tastes and uses, and specific techniques or materials; (3) containing social or spiritual values, namely the emotional attachment of specific community groups to spiritual, traditional, or political aspects or an event; and (4) containing a historical value which is the association of a historical building with historical actors, ideas, or events. They include an analysis of the *intangible aspects* of the building's past.

This wealth is a priceless pride. However, many people and policymakers are unaware that ancient and even antique buildings are considered outdated, and their presence can be threatened at any time. It should be not only ancient buildings that need to be preserved but also the city area that is preserved as a cultural heritage because there are still many archaeological remains.



Figure 2 Kesawan Area of Medan City
Source: *Badan Warisan SUMATRA Heritage Trust, 1923*

Preserving Historical Buildings

Medan is a city tourism area based on historical buildings. The areas built by the Dutch colonial government are filled with historical buildings that serve as regional markers. However, nowadays, the function of the area and its buildings have changed a lot. The specifications, which are based on

historical buildings, have been neglected behind the incessant discourse on the modernity of development.

Modernizing Medan city through capitalistic development has caused Medan to experience commodification that threatens cultural heritage and tourism development. As stated by Barker (2004: 408), commodification is a process associated with capitalism where objects, qualities, and signs are made into commodities, and commodities are things whose primary purpose is to be sold in the market. The power of the government and the power of capital (*entrepreneurs*) are said to be the cause of the destruction of historical buildings where the government is practicing instant economic politics. Tourism development is much more profitable if managed properly and adequately. Reality shows that some existing shopping centers are eventually closed as more modern shopping centers are established. Richards (1996) states that:

“The trend of global tourism is marked by increasing forms of postmodern tourism related to cultural heritage, but before being developed into a city tour, for instance, conservation measures need to be taken considering the average age of the building is above 100 years. One of the conservation techniques is tourism development because conservation is meaningless if it is not economically profitable”.



Figure 3 Tjong A Fie Mansion
Source: Rudiansyah, 2022

History Tour Challenge

Raising Public Awareness and Appreciation

The reality shows that the success of conservation efforts lies in the ability of the public to care about their assets. An effort that needs to arise from the public's love, understanding, and appreciation will create a community cultural movement in preservation. At this level, it has not been much work. Heretofore, we only busy discussing a heritage object, its history, beauty, or architectural characteristics. We need a market that can appreciate the object and then independently be able to maintain, develop, and use it. We need good governance to accommodate the community's appreciation and cultural movements in preserving heritage.

Maintenance

Maintenance is an effort to preserve cultural heritage objects from damage caused by humans and nature. As previously described, the government and the community have not maximally attempted to maintain historical buildings. The government plays a role in issuing binding and coercive regulations. Meanwhile, the community, especially the building owners, has a role in maintaining the existence of the building by not selling or replacing the building with a new building.

Efforts to preserve historical objects are not only the government's task but also the community's participation. Many of these historical buildings are privately owned buildings passed down from generation to generation. These historical buildings are frequently sold for inheritance distribution or the desire to change the building model to a more modern one. Therefore, it is necessary to raise awareness among the public about the importance of maintaining and preserving these historical buildings. Efforts to raise awareness can be made by inculcating understanding in the community, starting from the level of primary education to tertiary institutions. Rika Sutanto, Secretary of the *Beranda Waris* Sumatra Management Agency (BWS), stated:

“Regardless, awareness campaigns on cultural heritage are necessary. Many people agree that the relics of historical buildings need to be preserved, maintained, and respected, not to erase the traces of history. For instance, school students also need to increase their appreciation and be invited to visit historical buildings while recognizing, understanding, and deepening their appreciation of the ancestral heritage. If anyone finds a cultural heritage object, please report and submit it to the government. Do not write off, damage, or (moreover) take cultural heritage objects for personal use, especially for sale and other educational efforts”.

It must be admitted that the existence of cultural heritage objects (in the form of temples, statues, and so on) is very little or has not provided direct benefits to the surrounding population. With the various kinds of regulations and prohibitions, it seems as if they (and society in general) inevitably have to accept the burden of history, that cultural heritage is important, having a high quality, valuable, its existence must be respected, and so on. However, they do not get any contribution from these cultural heritages. Hence, their awareness increases when people are constantly assaulted with prohibitions and regulations. Meanwhile, they do not get anything. What comes to their mind is how to get their benefits from cultural heritage objects. If firstly, they did not care about statues, e.g., when there was information that the statues in their village had a high value, they wanted to take and sell them. Those who like to steal ancient objects greatly appreciate the cultural heritage. They know precisely what kind of statue is good, which has a high historical value and, indeed, a high selling value. They outwit the officers infrequently by providing additional carvings on historical relics to disguise the smuggling activities they are about to do. It is where the *simalakama* term appears. How to positively contribute to society towards the existence of cultural heritage objects that's what all parties should currently think about. Regulations, prohibitions, and all the appeals will not have any meaning because the community does not have the opportunity to benefit from the existence of cultural heritage objects. Mr. Ichwan Azhari, a lecturer in history at the State University of Medan, said that:

“To preserve cultural heritage objects, it is necessary to involve the community in protecting cultural heritage. In fact, the awareness has not fully grown yet. The community extensively still needs to be instilled in awareness to be willing to actively participate in securing and protecting cultural heritage objects. This awareness needs to be raised from childhood through education in schools. To foster this awareness, children are invited to cultural heritage sites and given the understanding that cultural heritage objects or historical relics of any religion or ethnicity are humans' work. The factors that also affect the success of a

community involvement program in developing DTW (Tourism Destination Areas) are dialogue with feedback from the community; honesty and openness; engagement from the start; and commitment to society”.

Suppose local communities are involved from the start and allowed to express their aspirations. In this case, they will be more enthusiastic about supporting tourism development efforts. Ultimately, they will voluntarily support tourism-related activities, such as sharing information about tourism in their area. To increase the participation and motivation of community involvement in the development of tourist destinations, it is clear that their involvement is at the implementation, decision-making, and monitoring or controlling stages. Thus, it is expected that there will be a sense of belonging and responsibility in the community towards tourism development, including cultural tourism in the area.

Economy

This issue seems to be a dilemma, especially for developing countries like Indonesia. On one side, we are faced with the fact that we have to build. On the other side, we also have a moral obligation to preserve the heritage assets of the city and the state. For government agencies and the industrial sector, the issue is whether the preservation of heritage buildings is essential if these buildings are not economically profitable, and rather than maintaining not productive old buildings (plus the idea that maintaining old buildings is more expensive than building new ones). It is better to build a new one and can provide economic benefits (such as malls, shophouses, and so on).

Education

Most heritage tourism actors in the country are *baby boomers* (the generation born in the late 1940s to 1950s). As a result, many of this generation are getting better, higher education and career success when entering productive age. Moreover, when this generation entered an established age (in the 1990s), they wanted a tourist experience that was no longer merely recreational but also educational and cultural, such as heritage tourism or seeing historical buildings in Medan city. Then, it was in the 1990s that heritage tourism began to become a trend in the country, even though the issue of preservation had emerged several decades earlier. A person's better education quality and level will generally stimulate his curiosity. At least, the same thing is also idealized for people who have experienced better education. At that time, the educated community will demand new experiences in educational tourism at places of cultural heritage such as buildings, Avros, Tjong A Fie Mansion, Tip Top Restaurant, London Sumatra, and so on. This development should be captured by the Medan Municipal Government, namely the development of education in the city, which leads to an increasing level of community criticality. Thus, it is not just that the Medan people and their surroundings, as consumers of cultural tourism of these historical buildings, want to be fooled outright by narrow-minded engineering efforts to restore them.

3.4.5. Conservation and Restoration

As artificial objects from the past, the condition of the newly discovered Cultural Conservation Objects is generally damaged. It is not maintained, so proper handling efforts are needed for the newly discovered Cultural Conservation Objects. It needs to be performed to avoid the occurrence of more severe damage. Damage to Cultural Conservation Objects encountered is commonly due to environmental influences. Indonesia's humid climate causes Cultural Conservation Objects made of wood to rot quickly. The damage caused by the biotic environment also worsens the condition of Cultural Conservation Objects.

Activities for handling Cultural Conservation Objects or conservation activities are activities in the context of handling Cultural Conservation Objects to extend the life of the Cultural Conservation Objects. However, this activity does not mean that the Cultural Conservation Objects are immortal. It must be realized that Cultural Conservation Objects made of organic materials will gradually be destroyed. It is where the role of conservation is needed. Conservation aims to extend the life of Cultural Conservation Objects and save them from further damage.

Like a wealthy merchant's house, a cultural heritage building, the Tjong A Fie Mansion has weathered. The characteristics of this 1-century-old building are starting to disappear in essential parts. In 2009, Mr. Fon Prawira (grandson of Major Tjong A Fie) founded the Tjong A Fie Memorial Institute, which engaged in culture and education. Mr. Ichwan Azhari, a lecturer in history at the State University of Medan, conveyed that:

“The area around Tjong A Fie Mansion is a valuable historical heritage. In this area, the initial portrait of the development of the city of Medan takes place. Tjong A Fie Mansion must not change its function because it has been protected by Regional Regulation Number 6 of 1988 concerning Preservation of Buildings and Environments with Historical Architectural and Archaeological Values”.

Enforcement of Government and Community Commitments

Cultural heritage buildings will survive if the government is the holder of political authority, entrepreneurs as the ruler of the economic domain, and citizens as cultural owners unite to protect it. If the government is less responsive to the importance of protecting these historical buildings, the citizens must protect them. Preserving historical buildings takes a firm commitment from the Municipal Government of Medan and related parties. Historical heritage, such as historical buildings, is significant for learning places for the next generation, tourist attractions, and travel identity for Medan City. If the government's commitment is exemplary, everything will run smoothly. If the commitment between the government, the community, and other parties have been fostered, it will be easier to carry out conservation efforts. Therefore, it is expected that the government, developers, tourists, communities, and other stakeholders will open their eyes and stop destroying historical buildings. Furthermore, the historical buildings should be preserved so that the exotic value, the historical beauty of the Medan city, has a soul, and the character of the Medan city is more profitable commercially without having to destroy them. Everyone must close the line and cooperate so that the destruction of historical buildings will no longer exist.

CONCLUSION

Based on the description above, it can be concluded that historical tourism in Medan city had a strategic role in lighting efforts and procuring tourism subjects at the secondary school level. Bringing back the values of art and culture, local wisdom, and traditional games became a critical value and the uniqueness of a tourist destination. It made the Kesawan area a breath of fresh air for many visitors who attended to participate in the effort to maintain and preserve cultural heritage buildings. It is expected to be a breakthrough in promoting the potential of historical tourism in Medan city, especially in North Sumatra.

SUGGESTIONS

It is necessary to increase the participation and commitment of the Medan Municipal Government to preserve historical buildings in Medan city, especially in the Kesawan area and other areas.

The suggestions for the Medan Municipal Government, namely agencies related to the preservation of historical buildings, include: (a) Reviewing and revising the Local Government Regulation No. 6 of 1988 concerning building criteria, sanctions for violations, and so on, (b) Updating the list of historical buildings that deserve to be protected periodically because more than 50 years old historical buildings are eligible to be included in the Regional Regulation and are considered to have significant value for history, science, and culture, as well as natural objects that are considered to have meaningful values for history, science, and culture (Law No. 5/1992, Article 1), (c) Optimally utilizing historical buildings from an economic perspective so that the existence of historical buildings can contribute to the economy of the Medan city, (d) Exploring various possibilities to provide incentives to owners or managers of historical buildings in the form of soft loans, tax breaks, water, and electricity fees in collaboration with banking institutions and state-owned enterprises, and (e) Socializing building protection regulations in a planned and systematic manner.

For owners or managers of historical buildings to (a) realize that their property is a precious asset for the city of Medan, (b) study the regulations regarding historical buildings and implement them consistently, and (c) find solutions if they are hit with building maintenance costs by contacting the government or historical building observer institutions, (d) properly document any data regarding the building and the history of its occupants.

For educational institutions from elementary to tertiary levels to socialize historical buildings in their curriculum and teach them with an active student learning system in collaboration with historical building managers and other related institutions.

REFERENCES

- Annisa, S. Y., & Rudiansyah, R. (2020). Pengaruh Kualitas Jasa Pelayanan Terhadap Kepuasan Pengunjung Event Indonesia Building Technology Expo 2019 P.T. Debindo Jakarta. *Jurnal Nasional Pariwisata*, 12(1), 51. <https://doi.org/10.22146/jnp.55365>
- Aini, W., RIDWAN, M., & EMRIZAL, E. (2019). Perencanaan Paket Wisata Sejarah Lembah Bakkara Kecamatan Baktiraja Kabupaten Humbang Hasundutan Sumatera Utara. *Pusaka: Journal of Tourism, Hospitality, Travel and Business Event*, 1(2), 59-63.
- Dalimunthe, F. I., & Wiradnyana, K. (2020). Archaeological Object as Tourism in Samosir Island. *Kapata Arkeologi*, 16(1), 27-40.
- Fitri, I., Marisa, A., & Sitorus, R. (2020, April). Understanding the Historic Centre of Merdeka-Kesawan: Heritage Significance Assessment in Planning and Development Context. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 452, No. 1, p. 012048). IOP Publishing.
- Ginting, N. (2016). How self-efficacy enhance heritage tourism in Medan historical corridor, Indonesia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 234, 193-200.

- HARIYANTO, A. F., Syafwandi, M. S., & Afriwan, H. (2018). PERANCANGAN PROMOSI WISATA KOTA MEDAN DALAM BENTUK MEDIA AUDIO VISUAL. *DEKAVE: Jurnal Desain Komunikasi Visual*, 7(2).
- Ismayanti, M. (2021). Dasar-dasar Pariwisata sebuah Pengantar. Grasindo: Jakarta.
- Izharsyah, J. R., & Lubis, F. H. (2020). Analysis of Masterplan in Medan City Determining the Strategic Area (KSK) Social Culture Fields in Medan. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 3(4), 2821-2834.
- Julina, Intan Erwani, & Rudiansyah. (2020). Philological Studies: Analysis of Chinese Calligraphy at the Tjong A Fie Mansion Museum. *Randwick International of Social Science Journal*, 1(3), 443–450. <https://doi.org/10.47175/rissj.v1i3.98>
- Lubis, H. A., Kembaren, M. M., & Kembaren, F. R. W. (2020, April). The application of architecture in the tradition of building house based on The Tajul Muluk text. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 452, No. 1, p. 012014). IOP Publishing.
- Lubis, A. I. F. (2010). Pelestarian Bangunan Bersejarah di Kota Medan (Kajian tentang: Peranan Pemerintah Kota dan Peranan Badan Warisan Sumatera).
- Mediasworo, T. (2015). Melestarikan Kota Pustaka Kita. New York: Routledge.
- Rudiansyah, R., Nasution, V. A., & Syahputra, F. P. (2022, February). Peran-Kontribusi Tjong Sce Yin dalam Perkembangan Sekolah Musik di Kota Medan. In *Talenta Conference Series: Local Wisdom, Social, and Arts (LWSA)* (Vol. 5, No. 2, pp. 143-150).
- Rudiansyah, R. (2021). TIPOMORFOLOGI ARSITEKTUR BANGUNAN PECINAN DI KESAWAN MEDAN. *Berkala Arkeologi Sangkhakala*, 24(2), 135–146. <https://doi.org/10.24832/bas.v24i2.460>
- Rudiansyah, R. (2020). Elemen Budaya Melayu pada Rumah Tjong A Fie di Medan. *JURNAL RUPA*, 4(2), 129. <https://doi.org/10.25124/rupa.v4i2.1433>
- Simanjuntak, B. A., Tanjung, F., & Nasution, R. (2017). *Sejarah pariwisata: menuju perkembangan pariwisata Indonesia*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- SETYANINGSIH, W. (2016). *Transformasi arsitektural dari kampung kota menjadi kampung wisata studi kasus: kampung wisata di Surakarta* (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Suardana, I. W. (2011). Dekonstruksi Kebijakan Pembangunan Pariwisata yang Berkelanjutan di Bali. *Jurnal Analisis Pariwisata*, 11(1), 16-26.
- Surbakti, A. (2008). Pusaka Budaya dan Pengembangan Pariwisata di Kota Medan: Sebuah Kajian Budaya. *Disertasi: Program Pascasarjana Universitas Udayana*.
- Surbakti, A. (2008). Penghancuran Estetika Kota: Bangunan Bersejarah di Kota Medan. *Mudra Jurnal Seni Budaya*, 22(1).
- Tanjung, R., Rudiansyah, R., & Chen, J. (2019). LAMA GANG BENGKOK MOSQUE AS A MULTIETHNIC SYMBOL IN THE CITY OF MEDAN. *JADECS (Journal of Art, Design, Art Education & Cultural Studies)*, 4(2), 95-103.
- Tarigan, A. K., Samsura, D. A. A., Sagala, S., & Pencawan, A. V. (2017). Medan City: Development and governance under the decentralisation era. *Cities*, 71, 135-146.
- Utami, H., Darmawan, R., Wardhani, R., & Suhud, U. (2021). Chinese tourists' perception on Bali Tour Package. In *Promoting Creative Tourism: Current Issues in Tourism Research* (pp. 166-173). Routledge.
- Wiradnyana, K. (2018). *Michel Foucault: Arkeologi Pengetahuan dan Pengetahuan Arkeologi*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Widodo, K. H., Parikesit, D., Purwoto, H., & Soemardjito, J. (2018). Issues and challenges in urban logistics planning in Indonesia. *City Logistics 3: Towards Sustainable and Liveable Cities*, 317-327.

BUDAYA KEPIMPINAN SULTAN MELAYU DALAM NAMA BETA SULTAN ALAUDDIN

Nordiana binti Hamzah
diana.azmi@fbk.upsi.edu.my
Hasrina Baharum
Farra Humairah Mohamad
Rohayati Junaidi
Mohd Amir bin Mohd Zahari

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti budaya kepimpinan Sultan Alaudin karya Faisal Tehrani berdasarkan Fasal 5 dalam Kitab Bukhari al-Jauhari. Metodologi kajian ialah pendekatan kualitatif dengan aplikasikan kajian teks. Skop kajian ialah Buku *Nama Beta Sultan Alaudin*. Teks yang dianalisis ialah dua bab sahaja iaitu zaman Sultan Alaudin remaja dan zaman baginda dianiyai. Dapatan kajian mendapati, budaya kepimpinan Sultan Melayu iaitu Sultan Alaudin ialah seorang yang beradab, berbudi dan kematangan dalam pemikiran. Implikasi kajian ini ialah dapat memberikan sumbangan kepada pembaca kanak-kanak tentang watak pemimpin unggul dalam budaya Melayu. Di samping itu, kisah Sultan Alaudin dapat memberikan inspirasi kepada para khalayak pembaca untuk membina budaya kepimpinan yang positif dalam diri sendiri.

Kata Kunci: Kepimpinan, Sultan Melayu, Kesusasteraan Melayu.

PENDAHULUAN

Perkataan budaya berasal daripada dua perkataan iaitu budi dan daya. Budi merujuk *Pusat Rujukan Persuratan Melayu* (2022) membawa erti, akal dan kebijaksanaan yang dapat membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Daya pula memberi erti mempunyai kemampuan dalam melakukan sesuatu. Oleh itu, secara holistiknya budaya memberi erti, penggunaan akal dalam melakukan sesuatu yang dapat melahirkan sesuatu yang bersifat luhur dan penuh dengan nilai-nilai dalam kehidupan bermasyarakat. Konsep budaya juga telah menarik perhatian ramai sarjana dalam mendefinisikannya, antaranya pendefinisian yang telah dinyatakan oleh Edward B Taylor (1871) (dalam Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil, 2022) iaitu budaya ialah satu keseluruhan yang kompleks yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni lukis, moral dan akhlak, undang-undang, adat resam dan lain-lain. Sarjana Linton (1945) (dalam Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil, 2022) pula menyatakan budaya ialah sesuatu yang dipelajari dan sentiasa diamalkan dalam masyarakat akhirnya menjadi warisan masyarakat. Bagi sarjana dari Malaysia iaitu Noran Fauziah Yaakub (1987) pula, menyatakan bahawa budaya ialah suatu yang dikongsi bersama-sama dalam satu-satu masyarakat (dalam Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil, 2022). Kepercayaan ini merangkumi nilai, politik, adat resam, undang-undang, peraturan, moral, institusi dan sebagainya. Oleh yang demikian, masyarakat perlu memahami bahawa segala perlakuan oleh masyarakat adalah menurut sesuatu budaya.

Dalam kertas kerja ini memfokuskan kepada budaya kepimpinan. Apakah budi dan daya dalam kepimpinan yang dianalisis? Kepimpinan ialah kata nama terbitan yang terdiri daripada kata awalan ke dan kata akhiran an. Perkataan di tengah ialah pimpin yang membawa makna bimbingan. Merujuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2022), pimpin membawa maksud dipimpin, dipandu, dituntun dan ditunjuk. Maka, kepimpinan pula menurut Nordiana Hamzah et al., 2020, ialah sifat kepimpinan yang memberikan teladan kepada para pengikut untuk mempengaruhi rakyat ke arah yang lebih baik. Dalam kajian ini, budaya kepimpinan merujuk kepada Sultan Melayu dalam novel penulisan Faisal Tehrani iaitu *Nama Beta Sultan Alauddin*. Sultan Melayu dalam kajian Nordiana Hamzah et al., 2020 mempunyai kepakaran dalam perhubungan diplomatik yang berstrategi, namun terdapat juga krisis politik yang menyebabkan terjadinya perebutan kuasa. Oleh itu, fenomena ini akan dikaji dalam novel ini. Walaupun novel ini terbitan pada tahun 2007 namun, kandungannya adalah merujuk kepada kegemilangan seorang Sultan iaitu Sultan Alauddin dari zaman kanak-kanak sehinggalah akhir hayat baginda.

METODOLOGI

Kajian menggunakan analisis teks berdasarkan fasal 5 dalam kitab Bukhari al-Jauhari.

Fasal 5 Bukhari Al Jauhari

Dalam fasal 5 kitab ini menyatakan bahawa syarat menjadi raja itu ada sepuluh:

Pertama, akil baligh atau dewasa, dan berpendidikan supaya baginda dapat membezakan yang baik dan yang jahat;

Kedua, seorang raja itu mesti memiliki ilmu pengetahuan yang banyak dan punya wawasan yang luas.

Ketiga, seorang raja mesti pandai memilih menteri. Menteri yang dipilih hendaknya pandai dan berilmu pengetahuan, dengan demikian dapat mengerjakan tugas-tugasnya dengan baik sesuai bidangnya;

Keempat, hendaklah raja itu baik rupanya supaya semua orang menyukai dan mencintainya. Jika rupanya kurang baik, hendaklah budi pekertinya tinggi;

Kelima, hendaknya pemurah dan dermawan, sebab pemurah itu sifat bangsawan dan orang berbudi, sedang kikir itu sifat orang musyrik dan murtad;

Keenam, senantiasa ingat kebajikan orang yang pernah membantunya selama dalam kesukaran, dan membalasnya dengan kebajikan pula;

Ketujuh, hendaklah raja itu berani menegur jeneral dan panglima perang, jika yang terakhir ini memang menyalahi perintah dan undang-undang;

Kedelapan, jangan terlalu banyak makan dan tidur, sebab banyak makan dan tidur merupakan sumber bencana;

Kesembilan, tidak gemar main perempuan, sebab gemar akan perempuan bukanlah tanda orang berbudi;

Kesepuluh, raja hendaklah laki-laki, sebab perempuan lebih suka memerintah di belakang layar dan sering menurutkan emosi dibanding pertimbangan akal sehat. Perempuan dapat dijadikan raja apabila tidak ada pemimpin laki-laki yang patut dirajakan, asal saja dijaga jangan sampai mendatangkan fitnah. Rujuk Rajah 1:



Rajah 1: Fasal 5 Kitab Bukhari al- Jauhari

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dapatan berdasarkan teks hanya dibataskan kepada dua bab sahaja iaitu:

ZAMAN REMAJA SULTAN ALAUDDIN	7
SULTAN ALAUDDIN DIANIAYA	17

Kehebatan Raja Husain ataupun Sultan Alauddin telah dikenali sejak zaman kanak-kanak lagi. Raja Husain mempunyai abang yang bernama Raja Ahmad, tetapi mempunyai ibu yang berbeza. Semasa dikhatankan telah terjadi peristiwa yang memberi malu kepada Raja Ahmad tetapi peristiwa ini menyebabkan nama Raja Husain makin terkenal. Sudah menjadi tradisi apabila semasa berkhatan, akan diacukan kepada bapak ayam jantan. Peristiwa ini dapat dilihat dengan jelas dalam petikan:

Apabila tiba giliran Raja Husain atau Sultan Alauddin disunatkan dan diacukan kepala bapak ayam itu, kepala clan tengkuknya mengembang amat besar malahan ayam itu menggelupur sedikit. Bagincla Sultan Mansur Syah amat sukacita clan girang sekali.

Peristiwa kepala dan tengkuk ayam jantan mengembang amat besar dan ayam jantan menggelupur apabila dihadapkan kepada Raja Husain menunjukkan bahawa ayam jantan ingin beradu kekuatan dan akhirnya mengaku kehebatan seseorang raja apabila menggelupur. Binatang juga mempunyai sikap gerun dan hormat kepada baginda melalui peristiwa ini. Bahkan sultan iaitu Sultan Mansur Syah sangat gembira kerana kepahlawanan puteranya terbukti dalam peristiwa berkhatan tersebut. Dalam konteks ini, menunjukkan bahawa seseorang itu apabila sudah dikhatankan; itu ialah tanda baligh. Penentuan umur baligh seseorang boleh melalui dua cara iaitu baligh secara tabi'i dan baligh dengan umur. Penentuan baligh secara tabi'i bermaksud penentuan berdasarkan tanda-tanda fizikal. Bagi kanak-kanak lelaki keluar air mani telah dianggap mencapai usia akil baligh (Haslinawati et al., 2020). Orang yang baligh dari segi umur akan memahami jati dirinya sebagai hamba Allah. Hal ini bermaksud mereka akan sedar kepada tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, dalam fasal 5 kitab telah menyatakan syarat pertama untuk menjadi pemimpin ialah baligh. Peristiwa baligh Raja Husain telah menjadi titik pertama kehebatan seorang pemimpin. Menurut fahaman zaman kesultanan Melayu dahulu, upacara mengacukan kepala bapak ayam kepada kanak-kanak yang sedang berkhatan adalah untuk mengetahui samada kanak-kanak tersebut apabila dewasa menjadi seorang lelaki yang hebat dari segi fizikal dan menta. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan:

"Tujuannya untuk mengetahui samada budak itu akan menjadi seorang lelaki yang garang dan perkasa atau tidak. Jadi apabila bapak ayam itu tidak mengembangkan tengkuknya kepada Raja Ahmad tentulah Raja Ahmad sebagai putera pertama merasa amat malu. Apatah pula ayam itu

mengembangkan tengkuknya bersungguh-sungguh apabila dihalakan kepada Raja Husain, sedangkan Raja Husain itu cumalah anakanda baginda Sultan Mansur Syah dengan puteri Majapahit. Raja Husain dianggap orang luar Melaka.

(ms. 13)

Oleh itu, dalam peristiwa ini Sultan Alauddin mempunyai dua syarat menjadi raja iaitu syarat pertama dan syarat keempat. Syarat pertama yang dipenuhi ialah sudah menjadi dewasa. Syarat untuk menjadi pemimpin mestilah seseorang yang telah baligh sebagaimana menurut Jaja Jahari & Rusdiana, (2020). Seterusnya, terdapat peristiwa yang menampakkan sifat baik rupa dan budi pekerti di samping berilmu pengetahuan dalam diri Raja Husain. Hal ini berlaku semasa peristiwa abang Raja Husain atau Sultan Alauddin iaitu Raja Ahmad ingin membunuh seorang tua. Raja Ahmad ingin membunuh orang tua tersebut semata-mata kerana orang tua tersebut tidak berhenti semasa Raja Ahmad dalam perjalanan di laluan tersebut. Peristiwa ini dapat dirujuk berdasarkan petikan:

"Apa gerangan adinda menegah beta membunuh orang tua gila itu? Bukankah beta ini Yang Dipertuan Besar, maka bukannya tidak diketahui adat istiadat raja berjalan. Jika ada angkatan diraja lalu hendaklah dia berhenti sampai kita pergi baharulah ia boleh bangun dan meneruskan perjalanannya."

(ms.14)

Sifat baik rupa dan budi pekerti Sultan Alauddin dapat dirujuk melalui petikan:

"Raja Husain pun membalas, kanda tuanku adapun kita menghalang itu bukan kerana sangat ingin mencabar adat istiadat tetapi kerana tidak ada keperluan untuk membunuh seorang tua yang nampaknya sapu tangan pun tidak punya. Bukankah dalam agama kita jika membunuh itu hanya bila ada sebab yang munasabah sahaja? Misalkan membunuh kerana membalas bunuh atau kerana memang untuk berperang dengan orang yang tidak mahu patuh kepada perintah Tuhan. Bukan kita boleh membunuh orang sesuka hati tanpa sebab dan musabab pula."

(ms.14)

Sultan Alauddin merujuk petikan berfikir secara bijaksana dengan mengemukakan beberapa alasan yang rasional sewaktu memujuk abangnya daripada melakukan pembunuhan terhadap orang tua tersebut. Alasan baginda orang tua tersebut tidak punya apa-apa, membunuh hanya kerana ada sebab yang munasabah seperti dalam peperangan ataupun tidak patuh kepada perintah tuhan. Seseorang hamba Allah tidak boleh membunuh sesuka hati. Menurut Wafaa'Yusof & Muhammad Hariz Muqri Azmi, (2022) hukuman mati ini merupakan satu pembelaan yang adil kepada mangsa jenayah terutama dalam jenayah bunuh. Malahan ia memberi ketenangan kepada waris si mangsa dan juga meredakan ketakutan masyarakat terhadap ancaman jenayah berprofil tinggi ini. Pensabitan jenayah yang melibatkan hukuman mati dilakukan dengan penuh teliti dan dibuktikan dengan keterangan yang kukuh tanpa keraguan yang munasabah. Namun dalam peristiwa ini, orang tua tersebut hanya lalu di laluan Raja Ahmad. Adalah tidak patut untuk dihukum bunuh seperti

yang dibicarakan oleh Raja Husain ataupun Sultan Alauddin. Merujuk kepada perkara ini, Raja Husain ataupun Sultan Alauddin seorang yang berilmu pengetahuan dalam hal ehwal undang-undang. Di samping itu mempunyai adab yang tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dalam analisis sewaktu Sultan Alauddin kanak-kanak sehingga remaja, budaya kehidupan baginda ialah budaya yang luhur dan dipenuhi dengan adab dan nilai-nilai murni seperti menghormati orang tua dan sangat menyayangi orang yang berada disekitarnya. Baginda mempunyai ciri-ciri seorang Sultan yang mempunyai ciri-ciri, seorang yang berakal, bijaksana, beradab dan berbudi bahasa. Walaupun masih peringkat usia yang muda, ciri-ciri yang ditunjukkan merupakan kecemerlangan sifat ataupun kualiti diri seorang pemimpin. Pemimpin itu kadang kala bukan dibimbing untuk menjadi pemimpin tetapi secara semulajadi juga harus menunjukkan sifat seorang pemimpin. Cerita yang ditulis oleh pengarang merupakan cerita yang menjadi suri teladannya sejak beliau berusia 12 tahun. Sewaktu itu beliau masih kanak-kanak dan telah terpesona dengan watak Sultan Alauddin yang merupakan Sultan Melaka yang hebat. Kisah baginda menangkap pencuri dan membantu rakyat merupakan cerita yang harus diperkenalkan kepada kanak-kanak untuk menunjukkan bahawa alam Melayu mempunyai watak unggul yang terdiri dalam kalangan pemimpin. Baginda adalah model pemimpin universal. Budaya kepimpinan seperti yang diamalkan oleh baginda yang perlu diamalkan dan diaplikasikan.

RUJUKAN

- Ibrahim Majdi Bin Mohamad Kamil. (2022). *Konsep asas budaya dalam masyarakat*.
<http://klikweb.dbp.my/?p=19413>
- Dewan Bahasa dan Pustaka(2022). *Pusat rujukan persuratan Melayu*.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=daya>
- Faisal Tehrani. (2007).*Nama Beta Sultan Alauddin*. Aberdeen Books World.
- Haslinawati, W., Hassan, W., & Hamzah, M. I. (2020). RELEVANKAH PERKAHWINAN KANAK-KANAK BAWAH UMUR. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5*, 5(November), 493–505.
- Jaja Jahari, & Rusdiana. (2020). *Kepemimpinan Pendidikan Islam* (S. A. Endang Hermawan (ed.)). Yayasan Darul Hikam.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Farra Humairah Mohd, & Azhar Wahid. (2020). SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW LEADERSHIP OF MALAY SULTANATE BASED ON TRADITIONAL PROSE TEXT YEAR 2010-2020. *Hamdard Islamicus*, Vol., 43(January 2021), 1371–1384.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Farra Humairah Mohd, & Tajuddin, S. N. A. A. (2020). Kritikan pemimpin melayu dalam novel patriarch. In Rizky Hafiz Chaniago, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Nordiana Hamzah, & Hasrina Baharum (Eds.), *Budaya, Komunikasi dan Teknologi: Cabaran Masa Depan Serumpun* (Issue November, pp. 30–32). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wafaa'Yusof, & Muhammad Hariz Muqri Azmi. (2022). Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(1), 62–74. <http://www.ukm.my/jcil%0AABSTRAK>
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Farra Humairah Mohd, & Azhar Wahid. (2020). SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW LEADERSHIP OF MALAY SULTANATEBASED ON TRADITIONAL PROSE TEXT YEAR 2010-2020. *Hamdard Islamicus*, Vol., 43(January 2021), 1371–1384.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Farra Humairah Mohd, & Tajuddin, S. N. A. A. (2020). Kritikan pemimpin melayu dalam novel patriarch. In Rizky Hafiz Chaniago, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Nordiana Hamzah, & Hasrina Baharum (Eds.), *Budaya, Komunikasi dan Teknologi: Cabaran Masa Depan Serumpun* (Issue November, pp. 30–32). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

PEMIKIRAN PENDIDIKAN DALAM CERPEN KANAK-KANAK TERPILIH DAN KESAN POSITIFNYA.

Farra Humairah Mohd^{1*}, Nik Rafidah Nik Mohd Afendi², Fazilah Husin³, Nordiana Hamzah⁴, Hasrina Baharum⁵, Rohayati Junaidi⁶, Mohd Amir Zahari⁷, Ghazali Din⁸

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi^{1,4,5,6,7}

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 UPSI Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi^{2,3}

Universiti Putra Malaysia, Serdang.

e-mail: farrahumairah@fbk.upsi.edu.my^{1*}; nrafidah@upm.edu.my²; fazilalh@upm.edu.my³;
diana.azmi@fbk.upsi.edu.my⁴; hasrina@fbk.upsi.edu.my⁵; rohayati@fbk.upsi.edu.my⁶;
amir.mz@fbk.upsi.edu.my⁷; ghazali_din@fbk.upsi.edu.my⁸;

ABSTRAK

Kertas kerja ini membicarakan tentang pemikiran pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak terpilih dari tahun 2012 hingga 2015. Cerpen kanak-kanak masa kini, telah mencetuskan ketidakpuasan hati para Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) akibat kemerosotan mutu penghasilan cerpen kanak-kanak. Selain itu, ada juga sesetengah individu beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut kaca mata penulis dewasa dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta psikologi kanak-kanak. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pendidikan yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak ataupun sebaliknya. Persoalannya adakah kumpulan cerpen kanak-kanak ini tidak memaparkan teladan yang baik kepada khalayak pembacanya dan benarkah pengarang menulis tanpa memasukkan psikologi kanak-kanak dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak dalam karya mereka. Setelah diteliti cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015 yang dipilih ini sememangnya mempunyai unsur pemikiran pendidikan yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Namun, penerapan pemikiran pendidikan yang digarapkan oleh pengarang tidaklah secara menyeluruh kerana dipaparkan menerusi unsur-unsur pengajaran, bersesuaian dengan pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan dalam teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pendidikan yang digarap oleh pengarang dengan melihat kesan positif yang dipaparkan daripada pemikiran tersebut kepada khalayak pembaca khususnya kanak-kanak. Justeru, kajian ini menggunakan model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu).

Kata Kunci: pemikiran pendidikan; cerpen kanak-kanak; dari tahun 2012 hingga 2015; kesan positif; kanak-kanak.

PENGENALAN

Dalam dunia persuratan telah lahir pelbagai bentuk penulisan. Setiap satunya mempunyai definisi dan ciri-cirinya yang tertentu. Cerpen, puisi, novel dan drama dapat digolongkan ke dalam bentuk penulisan kreatif. Setiap hasil karya penulisan kreatif terbukti amat mengutamakan daya imaginasi, kreativiti dan kecerdasan akal untuk mengusik kepekaan pembaca melalui cerita dan tema yang dikemukakan oleh seseorang pengarang.

Malahan dalam sesebuah karya sastera sering membicarakan mengenai sebab dan akibat terjadi dan berlakunya sesuatu kepada masyarakat sambil mengemukakan sikap dan pandangan pengarangnya. Sastera sejak awal lagi telah memperlihatkan penglibatan langsung dengan pergolakan dan kehidupan masyarakat atau pembacanya. Sastera telah menjadi satu alat untuk menyuarakan resah gelisah, mimpi, harapan dan pengalaman masyarakat. Salah satu karya sastera yang menjadi cermin masyarakat adalah cerpen.

Cerpen sebagai salah satu bentuk karya sastera yang menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa yang luar biasa yang pernah terjadi atau mungkin akan dialami manusia melalui tokoh-tokoh cerita. Kejadian atau peristiwa yang luar biasa itu sentiasa diikuti oleh konflik-konflik yang membentuk suatu alur cerita. Melalui alur itulah penulis mengatur tema cerita, watak, gambaran suasana peristiwa, gambaran tempat terjadinya peristiwa dan klimaks cerita.

Dalam hubungannya dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan sastera kanak-kanak, usia cerpen kanak-kanak ternyata masih baru jika dibandingkan dengan usia cerpen bacaan umum. Secara amnya, peringkat awal kemunculan cerpen kanak-kanak dapat dikesan pada sekitar tahun 1956 apabila Pejabat Karang-Mengarang menganjurkan Peraduan Menulis Cerita Pendek. Kemudiannya, cerpen kanak-kanak ini menjadi semakin berkembang pesat pada dekat 1960-an sehingga kini dengan adanya wadah penampungan seperti *Utusan Kanak-kanak* (1956), *Utusan Pelajar* (1970), *Dewan Pelajar* (1967), *Dewan Siswa* (1979) dan sebagainya lagi (Othman Puteh, 2001: 75).

Seperti tajuk kajian “Pemikiran Pendidikan dalam Cerpen Kanak-kanak Dari Tahun 2012 Hingga 2015 dan Kesan Positif kepada Kanak-kanak”, pengkaji turut mengaitkan konsep pemikiran yang terkandung dalam sesebuah karya sastera amnya cerpen kanak-kanak berdasarkan konsep ‘pemikiran’ tokoh sarjana pemikiran. Antaranya, Asmah Haji Omar (1986: 9) menyatakan pemikiran sebagai kaedah berfikir yang mempunyai konsep-konsep yang abstrak serta ada kaitan antara peringkat-peringkat pemikiran masyarakat yang menjadi tumpuan dan perhatian pengarang. Baginya lagi, pemikiran juga sebagai kaedah berfikir yang mempunyai tumpuan pelbagai gambaran atau imej kepada sesuatu keadaan. Bagi Othman Puteh (2010: 95) pula menyatakan bahawa pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa. Menurutnya lagi, ketinggian tamadun sesuatu bangsa itu bergantung kepada keupayaan bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan menganalisis diri. Pemikiran juga menjadi inti dan unsur yang paling dasar dalam kehidupan, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar.

Sejajar itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran dalam karya sastera dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi. Kemudiannya pengarang akan mencari sebab akibat yang wujud akibat sesuatu peristiwa bagi memahami punca

sesuatu kejadian. Sesudah menilai, maka pengarang mula menggerakkan sesuatu yang baru diperolehnya dan dikaji bersama-sama agar mendatangkan manfaat yang berguna kepada khalayak pembaca. Lantaran itu, idea yang diperoleh dicernakan ke dalam karya dengan cara yang kreatif serta dapat dilihat secara tersurat dan tersirat. Oleh yang demikian, bermula dari sinilah pembaca atau pengkaji sastera akan dapat melihat bagaimana pengarang menggunakan kebijaksanaan akalunya memperlihatkan sesuatu fenomena secara menyeluruh.

PERNYATAAN MASALAH

Pengkajian terhadap genre cerpen kanak-kanak memang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana barat dan tempatan. Genre cerpen kanak-kanak mendapat perhatian yang ramai kerana terdapat pelbagai skop yang menarik boleh dikaji. Sifat karya sastera yang subjektif dan terbuka kepada pelbagai terjemahan menyebabkan banyak sekali pertikaian yang mungkin wujud apabila sesuatu karya itu diangkat tidak kira sama ada dalam pertandingan mahupun sebagai teks kajian. Persoalannya, sama ada benar atau tidak kenyataan berkaitan dengan isu penghasilan kualiti berkait dengan aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak yang dikatakan sering mendapat kritikan negatif dan tidak memberikan nilai positif kepada khalayak pembacanya.

Menerusi sorotan literatur yang telah dijalankan, didapati kajian berkait dengan pemikiran dalam karya sastera kebanyakannya lebih memfokuskan kepada karya sastera dewasa berbanding dengan karya sastera kanak-kanak. Contohnya, kajian yang telah dilakukan oleh Raihaniah Zakaria (2014), Azhar Mohd Ali (2010), Masrizayu Mustafa (2006), Nik Rafidah Nik Affendi (2005), Arbai.e Sujud (2004), Normah Ismail (2001) dan Salbiah Sawal (1977). Namun demikian, kajian-kajian tersebut hanya menganalisis pemikiran yang terdapat dalam karya sastera moden dan tradisional seperti novel-novel KOMSAS, novel remaja, sajak-sajak terpilih dan hikayat. Dari tahun 1970 sehingga 2015, kajian mengenai pemikiran dalam cerpen kanak-kanak masih belum dilakukan sepenuhnya sehingga kini. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran-pemikiran yang dominan khususnya pemikiran pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015.

Berdasarkan laporan panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2015/2016, masalah mengenai kualiti penghasilan cerpen kanak-kanak berkait dengan aspek pemikiran. Terdapat dua pendapat yang kontradik dalam laporan panel iaitu pemikiran dalam cerpen kanak-kanak ada yang terlalu tinggi dan ada yang terlalu rendah. Laporan panel penilai yang menyatakan pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak berada dalam tahap yang rendah disebabkan penghasilan cerpen kanak-kanak pada masa ini ditulis oleh pengarang dengan mengikut kaca mata mereka bukannya dari kaca mata dan keperluan kanak-kanak. Bagi sesetengah panel penilai pula menyatakan pemikiran yang terlalu tinggi menyebabkan pihak urus setia menghadapi masalah untuk memilih kumpulan cerpen yang benar-benar memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Hadiah Sastera Perdana Malaysia (Dewan Sastera, 2016: 36).

Hal ini sejajar dengan kenyataan (Scott, K. & Laing, T, 2015: 19), pemikiran yang ideal bagi cerpen kanak-kanak antaranya ialah pemikiran yang mengetengahkan tentang pendidikan, kekeluargaan, persahabatan, kemiskinan dan kasih sayang terhadap haiwan. Oleh itu, pemikiran yang terdapat dalam cerpen ini mampu menerapkan keperibadian tingkah laku yang baik bagi kanak-kanak. Hal

ini bertujuan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak. Masalah yang seterusnya terjadi dalam karya sastera kanak-kanak termasuk cerpen ialah tidak menyetengahkan pemikiran yang baharu dan universal. Hal ini terjadi apabila terdapatnya segelintir pengarang cerpen kanak-kanak yang kadang kala hanya memfokuskan satu pemikiran yang sama sahaja dalam setiap karya yang dihasilkan. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan aspek-aspek pemikiran yang diketengahkan.

Merujuk kepada kenyataan Othman Puteh (2001: 28), bahan sastera kanak-kanak perlulah bermutu dari segala sisipan terpilih, bervisi dan memenuhi aspirasi nasional. Maksudnya, bahan-bahan sedemikian harus berupaya menyetengahkan pemikiran baru, memberi ruang penjana kepada berfikir secara kritis dan global serta kreatif ke arah pembinaan warga yang matang dan bijaksana. Jadi, masalah yang terjadi dalam cerpen kanak-kanak pada masa kini ialah tidak menyetengahkan pemikiran yang baharu dan universal. Hal ini terjadi apabila terdapatnya segelintir pengarang cerpen kanak-kanak yang kadang kala hanya memfokuskan satu pemikiran yang sama sahaja dalam setiap karya yang dihasilkan. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan aspek-aspek pemikiran yang diketengahkan.

Selain itu, Misran Rokiman (2005) turut berpendapat bahawa pengarang karya kanak-kanak perlu menyetengahkan pemikiran pendidikan dalam karya-karya berkenaan agar dapat mengekang pelbagai pengaruh budaya Barat pada era globalisasi ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Tegasnya, sastera kanak-kanak harus memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk tamadun dan pemikiran sesuatu bangsa. Sastera yang kukuh akan melahirkan bangsa yang mantap jati dirinya (Utusan Melayu, 20 Januari 2005). Namun, adakah pemikiran ini yang menjadi asas pemikiran dalam cerpen kanak-kanak selama ini? Oleh itu, kajian terhadap pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak sama ada sejajar atau tidak dengan pendapat Awang Had Salleh (2009) dan Misran Rokiman (2005).

Malahan itu juga, kehadiran cerpen kanak-kanak di pasaran kini dikatakan kurang memberangsangkan adalah disebabkan oleh masalah pemikiran yang terlalu berat yang diketengahkan dalam karya sastera kanak-kanak sehingga tidak dapat mencungkil minat kanak-kanak untuk menghayati karya sastera kanak-kanak (Dato Haji Termuzi Abdul Aziz, 2010: 54). Maksudnya, pengolahan pemikiran seperti aspek pemikiran pendidikan dalam pengkaryaan menjadi tunjang kepada pandangan pembaca terhadap kewujudan kreativiti penulis terhadap karyanya. Oleh yang demikian, terdapat banyak aspek yang perlu diambil kira dalam pembinaan bahan karya sastera kanak-kanak yang bermutu.

Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan timbul persoalan apakah cerpen-cerpen tersebut tidak memenuhi aspek pemikiran yang dapat memenuhi kehendak kanak-kanak? Apakah cerpen kanak-kanak tersebut hanya dihalusi dari sudut pandangan kaca mata orang dewasa semata-mata tanpa melihat dari kaca kepada fenomena yang berlaku ini, apakah cerpen kanak-kanak ini tidak sesuai dijadikan bahan bacaan kanak-kanak atau sebaliknya atau apakah cerpen kanak-kanak kini kurang bermutu dan tiada nilai positif sehingga mencetuskan pelbagai pendapat.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak terpilih dan kesan positifnya kepada kanak-kanak ialah:


1. Untuk mengenal pasti pemikiran pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji dari tahun 2012 hingga 2015.
2. Untuk menganalisis pemikiran pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji dari tahun 2012 hingga 2015 dan kesan positifnya kepada kanak-kanak.


METODOLOGI KAJIAN

Dalam analisis ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif pada keseluruhan kajian. Malah, dengan menggunakan kaedah ini maka data yang dikumpul dan diperolehi akan menjadi lebih detail (Azizi Yahya et. al, 2007). Selain itu, pengkaji turut menggunakan pendekatan kajian iaitu kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kepada kandungan teks cerpen bertulis yang dipilih. Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis terhadap teks kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015, maka kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis.

Di samping itu, pengkaji menggunakan satu model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu) untuk menganalisis kajian ini. Di sini, analisis yang akan dibuat ini berlandaskan kepada model Keperluan Kanak-kanak yang telah diubah suai berdasarkan teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Teori Hierarki Keperluan Manusia terdiri daripada lima prinsip atau peringkat keperluan yang utama, iaitu peringkat pertama keperluan fisiologi, kedua; keperluan keselamatan, ketiga; keperluan kasih sayang dan keinginan untuk dimiliki, keempat; keperluan penghargaan sendiri dan peringkat terakhir ialah keperluan penyempurnaan sendiri.

Malah, penggabungan teori Pengkaedahan Melayu melalui tiga pendekatan yang digunapakai dalam kajian ini dapat membantu menganalisis pemikiran pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Antara pendekatan yang digunakan untuk menganalisis pemikiran dengan teori Maslow ialah pendekatan dakwah, pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Pemilihan kedua-dua teori ini digunakan kerana didapati teori ini amat bersesuaian untuk mengkaji keperluan, kehendak, motivasi serta matlamat individu dalam meneruskan kehidupan seharian dan memenuhi keperluan dalam diri kanak-kanak. Berikut adalah rajah 1; gabungan janaan teori yang digunakan dalam kajian ini.





Rajah 1: Gabungan Teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow) dengan Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang)

Dalam konteks kajian ini, pemikiran pendidikan merupakan keupayaan dalam membimbing manusia yang belum dewasa ke arah kedewasaan. Pendidikan juga diertikan sebagai usaha untuk mencapai penentuan diri dan tanggungjawab (Mochtar Buchori, 1994: 15). Menurut Kneller, George F. (1964: 20) pula menyatakan bahawa pendidikan sebagai suatu proses perkembangan kecekapan seseorang dalam bentuk sikap dan perilaku yang berlaku dalam masyarakat. Proses ialah waktu seseorang dipengaruhi oleh lingkungan yang dipimpin khususnya di dalam lingkungan sekolah sehingga dapat mencapai kecekapan sosial dan dapat mengembangkan keperibadiannya. Namun dalam kajian teks, pemikiran pendidikan dikenal pasti sebagai aspek yang mampu membentuk sikap dan perilaku pembaca atas apa yang digambarkan oleh pengarang. Berdasarkan definisi dan pendapat daripada para sarjana, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pemikiran pendidikan juga merangkumi dua aspek iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal.

Seterusnya, pengkaji telah memilih enam buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015 untuk dibincangkan. Hal ini sepertimana yang dilampirkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Enam Judul buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir yang menjadi bahan kajian.

Bil	Judul Kumpulan Cerpen	Jumlah Cerpen	Tahun Terbit	Penerbit	Pengarang
1.	'Wajah Pada Skrin'	25 buah cerpen	2012	Aras Mega (M) Sdn. Bhd	Ahmad Fadzillah Muhamad
2.	'Kisah Si Puteri Gaun Merah Jambu'	5 buah cerpen	2013	PTS One Sdn. Bhd	Natasha Effyza, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera.
3.	'Desktop Ke Laptop?'	5 buah cerpen	2013	Ana Muslim Sdn. Bhd	Anies Hisham

4.	'Kerana Ais Krim & Makaron'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Nur Shamsiah On
5.	'Jersi Syawal Untuk Ramadan'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Aimi Rahman
6.	'Kek Cawan Online'	15 buah cerpen	2015	PRIMA Sdn. Bhd	Kamil, Kusyi Hirdan, Roziah Adama, Siti Zarinah & Tg. Norlaila.

PERBINCANGAN KAJIAN

Secara Etimologi, istilah pendidikan merujuk John Dewey (1916: 45-46) ialah suatu proses pengalaman. Hal ini kerana kehidupan merupakan pertumbuhan, maka pendidikan bererti membantu pertumbuhan batin manusia tanpa dibatasi oleh usia. Proses pertumbuhan ialah proses penyesuaian pada setiap fasa dan menambah kecakapan dalam perkembangan seseorang melalui pendidikan.

Bagi Omzon Howard (1972: 9) menyatakan bahawa pendidikan ialah proses yang dilakukan secara terus menerus dari penyesuaian yang lebih tinggi bagi manusia yang telah berkembang secara fizik dan mentalnya. Pendidikan memainkan peranan penting dalam menjamin masa depan yang sempurna pada masa hadapan. Tanpa pendidikan, seseorang itu akan jauh ketinggalan di belakang dan tidak dapat memperoleh ilmu yang berguna kepadanya. Melalui ilmu inilah seseorang manusia akan dapat menaiktarafkan kehidupannya kepada keadaan yang lebih sempurna. Begitu juga dengan akhlak seseorang. Dengan ilmu pendidikan seseorang itu pasti akan berakhlak sekiranya ilmu yang diperoleh dapat digunakan dengan bijaksana.

Hal ini selari dengan pendapat yang mengatakan bahawa pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membina tamadun manusia. Menerusi pendidikan maka lahirlah para pemikir dan pelaksana yang dapat membina dan mengembangkan tamadun. Tamadun suatu bangsa tidak akan wujud andainya sistem pendidikannya tidak mampu membina cendekiawannya yang dapat menghasilkan idea-idea asli yang bernas untuk membina bangsanya. Satu bangsa tidak akan maju kalau rakyatnya hanya bergantung pada sistem pendidikan asing yang dipelajari dari luar (Tajul Ariffin Noordin, 1993: 1).

Pemikiran pendidikan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji jika dianalisis sememangnya banyak ditonjolkan oleh pengarang. Kebiasaannya, hal ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan sebagainya lagi. Justeru, dalam kajian ini pemikiran pendidikan merangkumi dua aspek iaitu **pendidikan formal** dan **pendidikan tidak formal**. Kebiasaannya, dua aspek utama ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan juga melalui latar yang diketengahkan dalam karya.

Oleh yang demikian, aspek pendidikan formal yang ditampilkan dalam cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji ialah mengenai (i) isu pendidikan di peringkat sekolah atau institusi pengajian lain seperti pusat tuisyen dan sebagainya. Manakala aspek pendidikan tidak formal ialah berkaitan dengan (i) isu pendidikan di rumah iaitu pendidikan dalam institusi keluarga, (ii) pendidikan berkaitan dengan inovasi sains dan teknologi (Media massa - TV, Radio, Internet dan lain-lain) dan (iii) pendidikan daripada isu-isu semasa.

Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Formal)

Menerusi cerpen kanak-kanak yang dikaji, pemikiran pendidikan formal dapat dilihat menerusi pemaparan watak kanak-kanak yang bertanggungjawab sebagai pelajar untuk mendapatkan pendidikan di sekolah atau di institusi pengajian lain seperti pusat tuisyen dan sebagainya lagi. Pendidikan formal ditakrifkan sebagai proses pengajaran-pembelajaran yang dilaksanakan secara rasmi mengikut sistem yang ditetapkan oleh kerajaan. Proses ini berlaku dalam sesuatu Institusi yang mempunyai struktur dari segi kronologi dan hierarki yang bermula dari sekolah rendah hingga peringkat universiti dan mempunyai kurikulum yang disahkan oleh pihak berkuasa (H. Abu Ahmadi, 2004: 7).

(i) Tanggungjawab Pelajar Mendapatkan Pendidikan di Sekolah/ Pusat Tuisyen

Secara amnya, gambaran pemikiran pendidikan formal yang berkaitan dengan rasional dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar dilihat dipersembahkan dalam kumpulan cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji. Dalam kajian ini, pemikiran pendidikan formal akan dipertalikan dengan realiti iaitu dengan melihat unsur-unsur logik, benar dan fakta yang membantu pengarang memantapkan keperibadian watak-watak sebagai model modal insan pelajar. Tanggungjawab sebagai pelajar dapat dilihat menerusi aspek ilmu yang mereka dapat di sekolah atau tempat institusi pendidikan lain seperti pusat tuisyen.

Penekanan pemikiran pendidikan berkaitan dengan perihal tanggungjawab pelajar mendapat pendidikan di sekolah atau pusat tuisyen dipaparkan oleh pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji ialah melalui kumpulan cerpen "Wajah Pada Skrin" karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012). Sehubungan itu, pemikiran pendidikan formal yang berasaskan kepada rasional dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar dianalisis menerusi beberapa watak yang berkaitan dengan aspek ilmu. Antara watak yang memperlihatkan aspek tanggungjawab sebagai pelajar dalam usaha mencari dan menuntut ilmu ialah watak Wahida dalam cerpen *E-mel Cikgu Alia* dan watak Azizul dalam cerpen *Jambatan*.

Sehubungan itu, aspek menuntut dan mencari ilmu merupakan salah satu amanah dan tanggungjawab bagi setiap manusia yang bergelar pelajar. Manusia dilahirkan di dunia ini tanpa mengetahui suatu perkara pun. Akan tetapi ia diberi potensi oleh Allah untuk mengetahui, dan diberikan anugerah yang luar biasa berupa otak untuk berfikir (Abdul Qasim, Tarmana, 1994:9). Ilmu merupakan sesuatu hal yang penting bagi kehidupan manusia, ia diibaratkan sebuah cahaya yang menerangi kehidupan kerana ia sebagai petunjuk manusia kepada hal yang benar.

Dalam cerpen *E-mel Cikgu Alia*, karya Ahmad Fadzillah Muhamad (2012) watak Wahida yang merupakan seorang pelajar yang pada suatu ketika dahulunya digambarkan sebagai seorang pelajar yang malas menyiapkan kerja sekolahnya akibat banyak menghabiskan masa dengan menonton

televisyen. Namun akhirnya, setelah beliau dinasihati oleh gurunya lalu dirinya mengambil inisiatif untuk belajar bersungguh-sungguh untuk berjaya. Contoh petikan adalah seperti berikut:

Wahida akui, sejak ayahnya melanggan siaran berbayar, dia jadi leka dengan rancangan yang disediakan oleh siaran berkenaan. Punggungnya bagaikan melekat tidak mahu bangkit daripada kerusi.

Peristiwa dimarahi oleh Cikgu Alia tersimpan dalam hati Wahida. Dia menanam azam dengan berkata; “Apa yang penting, aku mahu sipakan juga tugas yang Cikgu Alia beri ini, walaupun bukan dalam waktu yang cepat”. Mungkin sehari sebelum tempoh yang diberikan, dia akan hantar.

(*Cerpen E-mel Cikgu Alia*. Hlm: 34)

Bahkan itu, watak Azizul dalam cerpen *Jambatan*, karya Ahmad Fadzillah Muhamad (2012) juga turut memperlihatkan dirinya yang kurang memberi tumpuan sewaktu guru mengajar di dalam kelas telah membuatkan dirinya dihukum oleh gurunya itu dengan bertukar tempat duduk di dalam kelas. Malah, beliau turut panggil untuk bersemuka dengan gurunya itu setelah selesai sesi pembelajaran. Akibat daripada teguran dan nasihat yang diberikan oleh gurunya itu, Azizul menanam tekad untuk tidak mengulangi lagi perbuatannya itu dan dia berjanji untuk memberikan sepenuh perhatian sewaktu guru mengajar. Bukti petikannya dilihat seperti berikut:

“Awak ni malas nak berfikir. Karangan awak sama dengan karangan tahun lepas. Saya dah baca dan masih ingat awak ceritakan pasal lawatan ke Kuala Lumpur. Kali ini awak masih tulis perkara yang sama. Awak ambil jalan mudah nak siapkan kerja sekolah dengan cepat. Tak boleh macam tu. Awak kena tulis sesuatu yang baru, cara itulah otak kita berkembang.”
leter Cikgu Rita.

Cikgu Rita membuat catatan kecil di bawah karangan yang dihasilkan oleh Azizul dengan berkata; “Kamu berjaya meluahkan perasaan tidak puas hati kamu apabila Cikgu menukarkan kamu ke belakang. Kamu mengakui sukar untuk melihat papan tulis kerana terhalang oleh Saiful. Apa yang penting, gaya penulisan kamu lancar dan baik.

Tahniah!”

(*Cerpen Jambatan*. Hlm: 104)

Oleh itu, pemaparan sikap kanak-kanak sebegini perlu diambil sebagai contoh kerana berusaha meningkatkan kemajuan diri demi tanggungjawabnya terhadap dirinya sebagai seorang pelajar. Bahkan, pengkaji mendapati bahawa watak Wahida dan watak Azizul yang dipaparkan oleh pengarang cerpen terbabit sangat bersesuaian dengan penerapan keperluan penghargaan sendiri

yang terkandung di dalamnya hierarki keperluan manusia. Hal ini kerana, Wahida dan Azizul merupakan seorang kanak-kanak yang bersikap rasional dalam menunaikan tanggungjawabnya sebagai pelajar.

Berbalik kepada kajian kumpulan cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji, mendapati niat yang ikhlas dalam mencari ilmu menerusi watak kanak-kanak turut diselitkan oleh beberapa orang pengarang. Antaranya ialah melalui cerpen *Sombong Membawa Padah* (2014), *Sejalur Harapan Buat Jai* (2012), *Layang-layang itu Menerbangkan Iman* (2014), *Aku Mahu Berjaya* (2014), *Kemenangan Milik Kita* (2014), *Aku Anak Kampung* (2014), *Mahu Menjadi Doktor* (2014) dan sebagainya lagi. Daripada contoh-contoh cerpen tersebut, sememangnya menunjukkan dengan jelas bahawa menuntut ilmu dengan ikhlas adalah sangat penting dalam kehidupan seseorang manusia khususnya kanak-kanak.

Malah, terdapat juga beberapa buah cerpen yang pengarang ketengahkan berkaitan dengan kesan negatif atau buruk yang diperoleh oleh kanak-kanak kerana tiadanya niat yang ikhlas dalam menuntut ilmu. Antara contoh kesan negatif atau buruk itu dapat kita hayati melalui cerpen yang berjudul *Sombong Membawa Padah*, karya Aimi Rahman (2014). Dalam cerpen ini, pengarang dengan jelas menampilkan keangkuhan watak Nabila dan sikap sombongnya dalam menuntut ilmu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut:

“Tahniah Nabila, sebab awak jadi murid contoh lagi,” ucap Mia kepada Nabila.

“Mestilah! Tiada siapa yang lebih hebat daripada saya,” balas Nabila, angkuh.

Nabila merupakan seorang murid yang bijak dalam setiap mata pelajaran. Setiap tahun, Nabila pasti akan mendapat anugerah murid cemerlang. Tidak hairanlah, ramai murid di sekolah menganggapnya sebagai murid kesayangan guru. Hal ini menyebabkan Nabila menjadi riak dan berlagak sombong. Malah, dia merasakan bahawa tiada sesiapa yang lebih pandai berbanding dirinya. Di kelas pula, Nabila bersifat diskriminasi. Dia hanya memilih kawan yang cerdik sahaja. Yang kurang bijak pula sudah tentu akan dipulaukan.

(*Cerpen Sombong Membawa Padah*. Hlm: 2)

Malah, keangkuhan dan sikap sombong inilah yang membuatkan Nabila tidak berjaya dan sekaligus menunjukkan bahawa beliau tidak mempunyai niat yang ikhlas dalam dirinya sebagai seorang pelajar dengan menuntut ilmu bukan semata-mata kerana Allah taala. Hal ini dilihat berbeza dengan watak Mia yang memperlihatkan niat yang ikhlas beliau terhadap ilmu yang diperolehnya. Sehubungan dengan itu, di pengakhiran cerita pengarang dilihat berjaya mengetengahkan penyesalan yang dialami oleh Nabila akibat terlalu angkuh dengan kepandaian dimilikinya selama ini serta sikap sombongnya untuk berkongsi ilmu yang ada pada dirinya kepada rakan-rakan yang lain. Hal ini dibuktikan melalui petikan seperti berikut:

Nabila yang berada di situ hanya menundukkan wajahnya. Dia sebenarnya malu terhadap Mia. Selama ini dia selalu

menghina dan bersikap sombong terhadap Mia. Dan akibat terlalu yakin, akhirnya dia gagal mengekalkan prestasinya. Kini dia sedar, sesuatu kelebihan hanyalah milik Allah SWT.

“Maafkan saya, Mia. Saya menyesal sebab saya terlalu sombong dan selalu menghina awak,” ucap Nabila, mengaku kesalahannya.

Kita harus bersyukur dengan segala nikmat yang diberi oleh-Nya. Saya sedar siapa diri saya dan kerana itulah, saya perlu ubah diri saya menjadi lebih baik dari sekarang,” balas Mia.

(Cerpen Sombong Membawa Padah. Hlm: 17)


Selain itu juga, pengarang turut memperlihatkan sikap Nabila yang tiada niat yang ikhlas terhadap ilmu yang diperolehnya kerana niat utama beliau mendapat ilmu adalah semata-mata untuk mendapat sanjungan daripada rakan-rakan, ahli keluarga dan semua guru di sekolah. Oleh sebab itulah, ilmu yang diperoleh Nabila tidak berkat dan akhirnya menyebabkan dirinya gagal dalam peperiksaan. Berbeza pula dengan watak Mia yang menampakkan niat yang ikhlasnya terhadap ilmu diperoleh kerana niat utama beliau mendapat ilmu adalah semata-mata mencari keredaan Tuhan serta sebagai pedoman dan bekalan untuknya ke akhirat. Hal ini turut diperjelaskan oleh Muslim (2000: 74) dengan menyatakan bahawa sesiapa yang mempelajari ilmu dengan tujuan mendapat kedudukan di dunia (mendapat sanjungan) maka individu itu tidak akan dapat mencium bau syurga pada hari kiamat.

Tuntasnya, amatlah wajar bagi kanak-kanak yang menuntut ilmu supaya sentiasa memastikan niat mereka dalam apa jua aktiviti keilmuan sama ada dalam bentuk pengajaran, penyelidikan, penulisan dan khidmat masyarakat bertujuan untuk kebaikan agama dan masyarakat dan bukannya untuk mendapat sanjungan dan tepukan dari manusia. Sehubungan itu, sesiapa yang melakukan sesuatu amalan dengan niat kerana Tuhan pastinya Tuhan akan membalas kebaikannya di dunia dengan pelbagai ganjaran dan nikmat yang tidak disangka, bahkan di akhirat pula balasan syurga akan menanti.

Peranan cerpen sebagai ejen pembentukan akhlak untuk golongan kanak-kanak adalah sangat penting. Oleh itu, teknik penyampaian pemikiran yang berhubung dengan pendidikan seperti pendidikan formal dan pendidikan tidak formal ini mesti disampaikan dengan menggunakan teknik penyampaian yang mudah dan bersesuaian dengan perkembangan psikologi kanak-kanak. Melalui didikan dan penekanan ini, secara tidak langsung pengarang dapat mengetengahkan mesej yang positif kepada kanak-kanak, iaitu kesannya mereka dapat mengetahui dan mempelajari tentang pentingnya mendapatkan ilmu tidak kira secara formal atau tidak formal iaitu satu perkara yang baik diamalkan dalam kehidupan seharian terutamanya bagi kanak-kanak. Kesan secara tidak langsung juga dapat mewujudkan hubungan yang harmoni. Hal ini kerana pelbagai keistimewaan yang telah dijanjikan oleh Tuhan kepada manusia yang menuntut ilmu.

Setelah analisis dilakukan, didapati pemikiran pendidikan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji telah berjaya mencapai dan memenuhi keperluan-keperluan di peringkat hierarki keperluan manusia seperti keperluan fisiologi dan keperluan penyempurnaan sendiri.

Keperluan fisiologi yang terdapat dalam Pendekatan Hierarki Keperluan Manusia ini terbahagi kepada enam aspek iaitu mendapat makanan dan minuman yang mencukupi dan halal, mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan luas serta mendapatkan pakaian yang elok, baik dan selesa iaitu bertepatan dengan ciri-ciri yang dituntut dalam agama Islam, keperluan kejantinaan atau keperluan seks, keperluan mendapatkan tidur serta rehat yang secukupnya dan mendapatkan pendidikan yang selengkapnya (Abraham H. Maslow, 1970: 36). Namun begitu, bagi peringkat keperluan penyempurnaan sendiri yang memenuhi kepada aspek pemikiran pendidikan ialah melibatkan kepada keperluan untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat. Kesimpulan analisis pemikiran pendidikan dari aspek pendidikan formal dan tidak formal dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji boleh disimpulkan dengan merujuk carta pai 1 di bawah:



Rajah 1: Cartai Pai Pemikiran Pendidikan yang Dominan dalam Cerpen Kanak-Kanak Terpilih.

Analisis mendapati pemikiran pendidikan dari aspek pendidikan formal mendominasi pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji dengan menekankan kepada perihal tanggungjawab pelajar mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen atau di mana-mana institusi pengajian.

Melalui perihal tanggungjawab pelajar mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen atau di mana-mana institusi pengajian merupakan aspek pendidikan formal yang paling dominan yang diketengahkan oleh pengarang iaitu sebanyak 58% daripada 130 buah cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji. Aspek pemikiran pendidikan tidak formal pula merupakan aspek yang kurang dominan diketengahkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak terpilih iaitu hanya sebanyak 42% sahaja dipaparkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak yang dikaji.

Dengan itu, aspek pemikiran menerusi perihal tanggungjawab pelajar mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen yang dirungkai menerusi teori Pengkaedahan Melayu berupaya membawa kebaikan, panduan, pelajaran, sumber pengetahuan dan sejarah ketamadunan Melayu dalam kalangan khalayak pembaca. Kerelevannya turut diperkukuhkan dengan pendapat Jumali Hj. Selamat (2009: 35), Pengkaedahan Melayu melibatkan sepenuhnya aspek pendakwahan yang membawa ke arah kebaikan dan kemajuan yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia menjadi Muslim yang berupaya memilih dan meletakkan dirinya sebagai insan bertakwa seiring dengan kehendak ajaran Islam. Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran pendidikan (pendidikan formal) dengan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Hierarki Keperluan Manusia dan teori Pengkaedahan Melayu) ini dapat dirujuk melalui jadual 2 seperti berikut;

Jadual 2: Perkaitan antara Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Formal) dengan Model Keperluan Kanak-Kanak.

Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Tidak Formal)

Seterusnya, pendidikan tidak formal ialah proses pendidikan pembelajaran sampingan yang berlangsung secara spontan dan tanpa struktur. Seseorang itu akan memperoleh dan menambahkan pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap serta pandangan berdasarkan pengetahuannya tiap-tiap hari sama ada di tempat bekerja, di sekolah atau di tempat rekreasi (Syaikh Ahmad Farid, 2011: 139). Umpamanya, jika seseorang mendapat pengalaman dan merubah perlakuan melalui membaca dan menonton televisyen, maka ia boleh dikatakan mendapat pendidikan informal daripada media massa. Pendidikan tidak formal banyak disalurkan melalui media massa dan juga melalui interaksi dengan masyarakat.

Justeru, pemikiran pendidikan melibatkan pendidikan tidak formal yang terkandung dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dapat diperincikan melalui amalan (i) Pendidikan Di Rumah (Institusi Keluarga), dan (ii) Inovasi Sains dan Teknologi (Media massa - TV, Radio, Internet dan lain-lain), (iii) Pendidikan berkaitan dengan Isu-Isu Semasa.

(i) Pendidikan di rumah (Institusi Keluarga)

Bil	Aspek Pemikiran (Pendidikan Formal)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Tanggungjawab Kanak-kanak Mendapatkan Pendidikan di Sekolah/ Pusat Tuisyen	-Dapat menghindari daripada melakukan sifat-sifat negatif. -Wujudnya masyarakat yang harmoni dan rasa selamat.	Peringkat ke-1:- Keperluan Fisiologi.
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN DAKWAH			

Berdasarkan penelitian pengkaji, daripada 60 buah cerpen hanya 20 buah cerpen sahaja yang membincangkan pendidikan di rumah (institusi keluarga). Selain itu, pengkaji mendapati bahawa 13 buah cerpen membincangkan persoalan ibu bapa yang sentiasa memberikan nasihat dan teguran kepada anak-anak mereka agar tidak mengabaikan pelajaran, 7 buah cerpen lagi membincangkan menitikberatkan kepercayaan dan amalan-amalan agama kepada anak-anak. Cerpen-cerpen yang membincangkan pendidikan di rumah (institusi keluarga) ini dilihat melalui tingkah laku watak yang mendengar kata atau menurut perintah, tidak berkasar dan bersikap sopan santun terhadap orang yang lebih dewasa berkait dengan teguran ibu bapa kepada anak-anak mereka.

Contoh persoalan ibu bapa yang sentiasa memberikan nasihat dan teguran kepada anak-anak mereka agar tidak mengabaikan pelajaran dapat disaksikan dalam beberapa buah cerpen kanak-kanak yang

dikaji. Antaranya melalui watak ibu Amin. Contoh penampilan nilai ini dapat dilihat melalui petikan dari cerpen *Sahabat Sejati*, karya Aimi Rahman (2014) seperti berikut:

“Amin... Ingat pesan ibu ya, jangan nakal-nakal. Jadi anak yang soleh dan jangan sesekali tinggal solat,” pesan Mak Limah.

Amin mengangguk sambil tersenyum memandang ibunya.
“Amin janji, Ibu! Amin akan jadi anak yang baik dan selalu mendoakan ibu,” jawab Amin.

(*Cerpen Sahabat Sejati*. Hlm: 20)

Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah sentiasa mendorong dengan cara menasihati, menegur dan memupuk sifat-sifat positif demi kejayaan anak-anak mereka. Watak seterusnya yang memperlihatkan Ibu Iman ialah cerpen “Layang-Layang itu Menerbangkan Iman” karya Nur Aliyah Aqilah Mohd Asri et. al (2014), menampilkan watak Ibu Iman yang sentiasa memberikan pesanan dan nasihat kepada Iman berkait dengan perihal amalan-amalan agama seperti sentiasa menunaikan solat, berbuat kebaikan dan sentiasa mengutamakan pelajaran. Perihal ini dapat disaksikan menerusi petikan berikut:-

“Kalau nak mencapai segala hajat kita, kita kenalah menjadi orang yang berjaya,” jelas ayah.

“Kalau Iman nak hidup dalam keadaan yang selesa, bukan duduk dalam keadaan yang jijik kenalah berusaha dari sekarang,” tambah ibu Iman pula.

“Berusaha belajar bersungguh-sungguh?” tanya Iman.
“Tentulah, sayang...”

(*Cerpen Layang-Layang itu Menerbangkan Iman*. Hlm: 8)

Seterusnya, menitikberatkan kepercayaan dan amalan-amalan agama kepada anak-anak juga merupakan salah satu daripada tanggungjawab ibu bapa. Melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna akan dapat memperteguhkan peribadi seseorang anak itu. Dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, perihal tanggungjawab ibu bapa yang menitikberatkan kepercayaan dan amalan- amalan agama ini turut diperlihatkan dalam beberapa buah cerpen, antaranya ialah cerpen *Nasihat Ratu Hati Syamim*, karya Rashidah Khairiah Md. Raffae et. al (2014):

Puan Zaqyah bersuara dengan perlahan, “Syamim, ikut cakap ibu ya. Kalau nak berjaya, jangan berputus asa dan kamu mesti tabah. Taat perintah Allah. Ingat pesan ibu.”

(*Cerpen Nasihat Ratu Hati Syamim*. Hlm: 32)

Di sini, ibu Syamim amat menitikberatkan agar Syamim patuh dan taat kepada segala ajaran agama. Oleh yang demikian, Syamim digambarkan sebagai seorang yang mempunyai peribadi yang baik serta patuh kepada suruhan serta nasihat kedua ibu bapanya itu. Malah, penegasan terhadap didikan agama ini juga turut dilihat terkandung dalam contoh petikan cerpen yang lainnya pula iaitu melalui cerpen *Wah Hebatnya Tumbuhan!*, karya Fasya Fazida et. al (2015):

“Ibu, ayah beritahu Nuqman yang pokok Nuqman akan berbuah,” beritahu Nuqman.

“Nuqman, apabila Tuhan mengurniakan kita nikmat-Nya, kita hendaklah bersyukur dan mengucapkan alhamdulillah,” pesan Puan Sharifah.

(*Cerpen Wah Hebatnya Tumbuhan!*. Hlm: 108)

(ii) Inovasi Sains dan Teknologi (Media massa - TV, Radio, Internet dan lain-lain)

Penyebaran ilmu pada masa ini bukan sahaja terbatas kepada pembelajaran antara guru dengan pelajar di dalam bilik darjah atau di sesebuah institusi. Hal ini demikian kerana, inovasi penyebaran ilmu kini semakin semakin canggih dan bersifat global. memandangkan dimensi arus pemodenan yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Berdasarkan kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini, dapat dilihat bahawa pengarang menunjukkan cara sesuatu ilmu tersebar kepada orang lain dengan menggunakan teknologi tanpa perlu bersemuka antara satu sama lain.

Sebagai contoh, Mawar dan Amirah menggunakan e-mail atau Forum di internet sebagai wadah untuk melakukan diskusi ilmu (cerpen Memetik Bintang, 2014). Kedua-duanya kelihatan sangat aktif melontarkan pandangan dan pendapat mereka mengenai sesuatu isu. Menerusi diskusi ilmu di forum dan e-mel tersebut, mereka mendapat bermacam-macam maklumat mengenai cara hidup dan budaya masyarakat di antara negara masing-masing dalam usaha untuk menyelaminya di samping mencuba untuk bertukar-tukar pendapat terhadap sesuatu isu di negara mereka.

Selain itu, sejajar perkembangan teknologi maklumat yang semakin canggih pengarang juga dilihat berhati-hati dengan perkembangan teknologi ini yang mungkin boleh merosakkan pemikiran kanak-kanak. Hal ini dapat ditunjukkan melalui watak Encik Rahim yang cuba memberi nasihat kepada anaknya dan isterinya mengenai kebaikan dan keburukan mempelajari ilmu IT dan memantau anak-anak mereka setiap kali menggunakan laman sesawang. Perkara-perkara tersebut perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan masalah-masalah sosial seperti pergaulan bebas, zina dan sebagainya. Yang berikut merupakan contoh yang membuktikan perkara di atas:

"Ibu bapa masa kini perlu mengetahui serba sedikit tentang ilmu IT. Check semua History laman web yang dia layari, dengan siapa dia selalu berhubung dan apa yang dibuahkan dalam Internet... Semua tu perlu dipantau dari awal." Encik

Rahim bersuara lagi. Nabila dan Puan Shamimi terdiam kali ini.

“Abah, Nabila nak minta izin abah. Boleh tak Nabila bawa iPad balik ke kampung?”

Encik Rahim termenung sebentar lantas mengangguk.
“Boleh tapi...”

(*Cerpen Hore, Balik Kampung!*, 2013: 143)

Selain itu, pengarang turut mengetengahkan penggunaan gajet seperti telefon bimbit dan laptop sebagai medium komunikasi bersama teman-teman. Facebook, dan e-mel pula dijadikan alat media sosial yang menghubungkan manusia di alam maya tanpa perlu mendengar suara. Berikut adalah contoh petikan yang memperlihatkan penggunaan gajet dan media sosial sebagai medium bersosial:

Sungguh, hatinya begitu sayu untuk melepaskan sahabat baiknya itu. Mimi mengangguk. Sama seperti Ika, pipi Mimi juga basah dek air mata.

“Ika, kita kan ada Facebook... Nanti kita boleh berbual di fb,” pujuk Mimi sambil melemparkan senyuman buat kawan baiknya itu.

(*Cerpen Rindu*, 2013: 19)

Aku juga berasa seronok apabila ayah sering membawakan aku buah tangan. Ayah juga membeli gajet canggih untukku. Ini semua supaya aku tidak berasa kesunyian lagi apabila kami berjauhan. Dengan gajet canggih ini, aku akan sentiasa berhubung dengan ayah.

(*Cerpen Rindu Kasih Ibu*, 2014: 15)

Berdasarkan contoh yang disebutkan di atas, dapatlah dikatakan bahawa pengarang mencuba untuk mengetengahkan dan melahirkan masyarakat maju khususnya di dalam bidang sains dan teknologi. Kanak-kanak yang celik IT akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dalam bidang ini dan akan sentiasa bergerak beriringan dengan perubahan-perubahan tersebut agar tidak ketinggalan. Dengan erti kata lain, seseorang kanak-kanak itu perlu mengikuti arus pemodenan dan sentiasa belajar untuk berdiri setanding dengannya dalam usaha untuk memajukan lagi potensi yang ada pada dirinya. Maka wajarlah pengarang memasukkan elemen inovasi sains dan teknologi di dalam cerpen mereka agar dapat menarik minat golongan kanak-kanak mempelajari dan menceburi bidang berdaya saing ini.

(iii) Pendidikan berkaitan dengan Isu-Isu Semasa

Selain itu, pemikiran pendidikan tidak formal dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ini turut dilihat apabila pengarang mencuba untuk mendedahkan kepada pembaca mengenai isu-isu semasa sama ada dalam negara mahupun luar negara. Hal ini dapat

dijelaskan melalui isu-isu semasa seperti isu kekeluargaan melibatkan penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, penceraian kedua ibu bapa dan penculikan kanak-kanak. Isu-isu semasa ini sering saja kita dengari walau ada pasang surutnya di media massa. Pengarang cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dilihat cuba menyampaikan mesej bahawa masalah atau isu ini masih menjadi duri dalam daging dalam melahirkan sebuah komuniti keluarga yang bahagia.

Selain itu juga, pengarang turut menggambarkan watak utama iaitu kanak-kanak di dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang menghadapi masalah jati diri, lesu, hilang fokus dalam pelajaran, malas dan terjebak dalam aktiviti tidak sihat akibat daripada kesan sistem kekeluargaan yang longgar.

Seterusnya ialah isu semasa berkait dengan isu penderaan kanak-kanak. Pada hari ini, isu penderaan kanak-kanak bolehlah dikategorikan sebagai tidak berhati perut kerana kebanyakan kes yang dilaporkannya adalah dari kalangan ibu bapa mereka sendiri. Tekanan tempat kerja, masalah kewangan, pergaduhan ibu dan bapa dan kurangnya didikan agama menjadi punca utama berlakunya penderaan kanak-kanak ini. Sebagai contoh isu semasa berkaitan penderaan kanak-kanak dilihat terkandung di dalam cerpen yang berjudul *Duka Di Hati Laila*, karya Siti Aishah Asari et. al (2012). Berikut adalah contoh petikan yang menampilkan isu semasa berkait dengan isu penderaan kanak-kanak:

“Aduh! Sakitnya... Sakit Mak Long... Sakit!” Laila meraung kuat.

Raungan Laila tidak diendahkan oleh Zainab. Dia terus-menerus memukul Laila sehingga lebam-lebam badan anak kecil itu.

“Hei! Lain kali kalau aku suruh buat, jangan degil! Kan dah dapat!” tengking Zainab dengan suara yang keras.

(*Cerpen Duka Di Hati Laila*. Hlm: 67-68)

Selain itu, isu semasa berkaitan isu pembuangan bayi masih menjadi masalah kronik di dalam negara kita. Perzinaan adalah penyumbang terbesar masalah pembuangan bayi ini yang melibatkan remaja di bawah umur ataupun mereka yang belum berkahwin. Akibatnya bayi dibuang terus ke dalam sungai, tong sampah, lubang najis atau di tanam untuk menutup terus bukti kelahiran tersebut. Walaupun begitu, ada juga sesetengah kes si pelaku masih mempunyai simpati dan rasa bersalah kepada bayi tersebut dengan menyelimuti bayi dengan kain, memberikan susu dan meninggalkannya di rumah kebajikan atau surau.

Di dalam himpunan cerpen yang dikaji, pengkaji mendapati isu pembuangan bayi turut diselitkan oleh pengarang. Berikut adalah contoh isu semasa berkait dengan isu pembuangan bayi yang pengarang ketengahkan dalam cerpen *Kasihannya Fatima*, karya Aimi Rahman (2014):

Selama sebelas tahun dia tinggal di rumah anak yatim, selama itu jugalah dia tidak pernah merasakan kasih sayang seorang ibu dan ayah. Menurut cerita Puan Maisarah, ketika Fatima masih bayi, ada orang yang meninggalkannya di hadapan pintu masuk rumah anak

yatim itu. Kemudian, pekerja di situlah yang telah mengambilnya untuk dipelihara di rumah itu.

(*Cerpen Kasihanya Fatima*. Hlm: 78)

Isu semasa seterusnya yang pernah menjadi tajuk hangat negara sekitar tahun 2013 ialah penggunaan plastik di dalam minyak masak. Tujuannya adalah untuk merangupkan makanan dan memastikan makanan tahan lebih lama. Antaranya ialah ayam goreng, pisang goreng dan sebagainya. Pengkaji mendapati pengarang telah mengetengahkan isu ini melalui cerpen Syhh... Resepi Rahsia, karya Nur Shamsiah On (2014). Berikut adalah contoh petikan yang menampakkan isu penggunaan plastik di dalam minyak masak yang bertujuan untuk merangupkan makanan bergoreng:

Waktu itu, Abang Joe sedang menunggu minyak di dalam kualinya menjadi panas. Apabila sudah cukup panas, Abang Joe mengambil tiga batang straw lalu mencampakkan ke dalam kualiti yang berisi minyak itu.

Pada mulanya, Ariani tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Namun, apabila ternampak Abang Joe mengacau-ngacau straw yang sudah mula cair itu dengan sebatang sudip, dia tahu bahawa perbuatan itu memang disengajakan.

(*Cerpen Syhh... Resepi Rahsia*. Hlm: 25)

“Sebenarnya sebelum ini, saya pernah terdengar tentang peniaga yang melakukan hal yang sama. Memang tak sangkalah perkara tersebut benar-benar berlaku di sekolah kita.

“Tapi kenapa mereka mencampurkan plastik cair ke dalam minyak, cikgu?” tanya Ariani.

“Kami tak faham.”

“Hal ni, mungkin dilakukan supaya pisang goreng dan sebagainya rangup dan tahan lebih lama,” jawab Puan Natrah sambil menggeleng.

(*Cerpen Syhh... Resepi Rahsia*. Hlm: 34)

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan di atas, maka secara tidak langsung pengarang akan membantu membangunkan modal insan kanak-kanak yang kreatif dan inovatif, sentiasa memikirkan alternatif lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan berpengetahuan tinggi berkaitan dengan isu-isu semasa. Situasi semasa di negara ini yang sentiasa mengalami perubahan dan pembaharuan, memerlukan peningkatan inovasi dan kreativiti dalam kehidupan. Menurut Baharom Mohamad dan Mohamad Johdi Salleh (2009: 16), dalam dunia yang global ini, kreativiti dan inovasi dianggap bidang kemahiran dan profesion yang penting bagi mencorakkan kualiti modal insan. Modal insan

yang kreatif dan berinovasi, merupakan aset penting kepada kejayaan sesebuah syarikat dan juga organisasi. Hal ini demikian kerana, seseorang itu mencuba untuk mengubah tahap pemikiran masyarakat yang mundur ke arah pemikiran yang global. Daripada itu, maka lahirlah kanak-kanak yang kreatif dan berinovasi serta berpengetahuan luas mengenai isu-isu semasa dalam negara mahupun luar negara.

Konklusinya, pengarang dalam kumpulan cerpen kanak-kanak terpilih yang dikaji ini menerapkan isu pendidikan sebagai asas utama di dalam cerpen mereka. Pengarang yang juga membawa peranan sebagai ibu dan bapa dalam kehidupan sebenar tentunya mahu melihat kanak-kanak hari ini patuh dengan nasihat dan ajaran ibu bapa masing-masing. Pengarang menerapkan nilai kepatuhan dalam institusi keluarga yang dilihat semakin hilang pada masa ini. Pengarang mencipta kesudahan cerita yang baik dan gembira kepada watak kanak-kanak tersebut apabila kanak-kanak mendengar dan patuh dengan kata-kata ibu bapa mereka. Dengan inilah pemikiran pendidikan tidak formal dipaparkan oleh pengarang menerusi didikan ibu bapa di rumah kepada anak-anak mereka, pendidikan menerusi sebaran maklumat di saluran teknologi dan inovasi seperti di media-media massa dan pendidikan tidak formal melalui isu-isu semasa.

Hal ini tentunya dapat mengubah pemikiran kanak-kanak yang membaca cerpen ini kerana mereka pasti mendapat sesuatu yang baik untuk diri mereka sendiri selain pada masa yang sama memastikan nilai-nilai keharmonian dalam rumah tangga melalui hubungan dua hala di antara anak dan ibu bapa. Bertitik tolak kepada teori Hierarki Keperluan Manusia, aspek pendidikan tidak formal berkaitan dengan pendidikan di rumah (institusi keluarga), pendidikan menerusi sebaran maklumat di saluran media-media massa dan menerusi isu-isu semasa ini sebenarnya dapat dikategorikan kepada keperluan penghargaan sendiri dan keperluan keselamatan.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati aspek pendidikan tidak formal iaitu berkait dengan pendidikan di rumah (institusi keluarga), pendidikan dari media massa dan menerusi isu-isu semasa ialah keperluan penghargaan sendiri bentuk yang kedua. Keperluan penghargaan sendiri ialah peringkat yang keempat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia. Pada peringkat ini, Abraham Maslow mengemukakan idea yang dapat menepati dengan nilai-nilai setempat masyarakat Melayu mahupun segala bangsa yang terdapat di dunia.

Menurut Maslow (1970: 46), terdapat dua bentuk keperluan penghargaan sendiri yang diciptakan oleh seseorang manusia. Pertama; keperluan penghargaan sendiri yang tertinggi ialah berkait dengan manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya serta menghormati diri sendiri seperti berasa yakin, cekap, berdikari dan bebas bertindak. Keduanya pula ialah merujuk kepada sikap menghormati orang lain dan apabila individu tersebut mendapati orang lain melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, status, pemasyhuran, penghargaan, perhatian, kepentingan, maruah dan kekuasaan (Maslow, 1968: 45).

Setiap manusia normal di dunia ini menginginkan rasa dihargai oleh orang lain. Hal ini ialah suatu perasaan iaitu kehadiran kita atau perbuatan kita itu dihargai orang lain. Bentuk penghargaan pula adalah dalam pelbagai bentuk. Ada dalam bentuk kata-kata, ada juga pemberian dalam bentuk barangan, pengiktirafan, bentuk layanan yang baik, tingkah laku atau kelakuan yang baik dan sebagainya lagi. Bagi manusia yang telah mendapat keperluan sendiri bentuk kedua ini, mereka akan rasa lebih berkeyakinan dengan tahap kemampuan diri sendiri. Menerusi pemaparan perihal pemikiran pendidikan tidak formal ini adalah merupakan satu kecenderungan diri pengarang apabila mereka menulis karyanya. Aspek ini digembleng oleh pengarang dengan wawasan masa depan.

Seperti yang telah dijelaskan di dalam teori Pengkaedahan Melayu, karya yang diketengahkan oleh pengarang mampu membawa nilai kemanfaatan dan mengetengahkan nilai-nilai moral yang dapat menjadi prinsip yang sangat penting kepada khalayak pembaca.

Tuntasnya, aspek pendidikan di rumah (institusi keluarga), pendidikan melalui sebaran maklumat di media-media massa, teknologi dan melalui isu-isu semasa yang terkandung dalam pemikiran pendidikan iaitu pendidikan tidak formal ini dilihat berjaya memenuhi keperluan di peringkat penghargaan sendiri bentuk yang kedua. Setelah pengkaji menganalisis aspek ini dengan teori Hierarki Keperluan Manusia, pengkaji mendapati pengiktirafan dan sokongan daripada ahli keluarga, rakan sebaya serta masyarakat sekeliling amat diperlukan oleh kanak-kanak. Apabila pengiktirafan serta sokongan daripada ahli keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling terlaksana, hal ini dapat memberikan peluang kepada golongan kanak-kanak untuk mempraktikkan tingkah laku yang baharu serta mengembangkan lagi kemahiran sosial mereka pada masa akan datang. Malah, nilai pendidikan tidak formal seperti didikan dan asuhan dari keluarga yang lebih tua daripada mereka akan lebih terlaksana dengan adanya kepuasan keperluan penghargaan sendiri dalam diri kanak-kanak tersebut.

Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran pendidikan iaitu pendidikan tidak formal dengan model keperluan kanak-kanak melalui janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu dapat dirujuk melalui jadual 3 seperti berikut:-

Bil	Aspek Pemikiran (Pemikiran Pendidikan Tidak Formal)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Pendidikan di rumah (institusi keluarga)	- Ajaran dan didikan yang diperoleh dari ibu bapa dan ahli keluarga dapat merapatkan seseorang dan mendapat penghargaan seperti sanjungan, pujian daripada institusi keluarga.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan sendiri.
2.	Pendidikan melalui media massa.	- Maklumat yang diperoleh dapat merapatkan seseorang dan mendapat penghargaan seperti sanjungan, pujian daripada anggota masyarakat. - Hubungan sesama masyarakat menjadi erat dan mudah untuk didekati.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan sendiri.
3.	Pendidikan dari isu-isu semasa.	- Mendapat info atau maklumat yang sah, benar	Peringkat ke-3:- Keperluan keselamatan

		dan tepat bagi kesejahteraan hidup yang aman dan damai.	
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN DAKWAH			

Jadual 3: Perkaitan antara Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Tidak Formal) dengan Model Keperluan Kanak-Kanak.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil penelitian pemikiran pendidikan ke atas keenam-enam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015 yang dipilih ini, dapat disimpulkan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan kehidupan dunia kanak-kanak. Selain itu, pemikiran pendidikan yang terkandung dalam keenam-enam buah kumpulan cerpen kanak-kanak yang dipilih ini dilihat menerusi watak-watak kanak-kanak dan tema-tema yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan yang berguna kepada kanak-kanak pada masa kini. Hal ini didapati bersesuaian dalam membangunkan kerohanian kanak-kanak mengikut situasi, kondisi serta sifat watak kanak-kanak yang tertentu agar bertepatan dengan keperluan dan kehendak kanak-kanak bertepatan dengan penggunaan model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu).

Selain itu, pengkaji mendapati terdapat dua aspek pendidikan yang diberi penekanan khusus dalam kajian pemikiran pendidikan ini iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pemikiran pendidikan (pendidikan formal) didapati terkandung dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji ialah melalui tanggungjawab kanak-kanak mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen. Bagi pemikiran pendidikan iaitu pendidikan tidak formal pula didapati terkandung menerusi perihal (i) Pendidikan Di Rumah (Institusi Keluarga), (ii) Inovasi Sains dan Teknologi (Media massa - TV, Radio, Internet dan lain-lain), dan (iii) Pendidikan berkaitan dengan Isu-Isu Semasa. Setelah menganalisis keenam-enam buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015 yang dipilih ini sememangnya mempunyai pemikiran pendidikan yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan.

Rentetan daripada analisis kajian yang dilakukan maka didapati bahawa pemikiran pendidikan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 iaitu pemikiran pendidikan dari perspektif pendidikan formal dan pendidikan tidak formal telah memberi kesan positif terhadap tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak malah, dapat memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak menerusi analisis terhadap model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang).

Berdasarkan analisis terhadap pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015, didapati pemikiran pendidikan yang dominan diketengahkan oleh pengarang ialah

pemikiran pendidikan dari pendidikan formal. Pemikiran pendidikan dari pendidikan formal dan pendidikan tidak formal telah digarap oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, namun aspek ini dilihat tidak menyeluruh diketengahkan.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aarne, A & Thompson, S. (1964). *The Types of Folklore*. New York: Slavica Publisher.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam; Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Ampang: Dewan Pustaka Islam.
- Abdul Karim Zaidan. (2001). *Dasar-dasar Ilmu Dakwah 2*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Munir Ismail, Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud & Shahrulanuar Mohamed. (2013). Pendekatan Dakwah Oleh Ibu Bapa Suku Banjar Bagi Membentuk Anak Patuh Kepada Ajaran Islam. *Journal of Human Capital Development*, 6(2).
- Abdul Rahman Mohd Aroff. (1999). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Shah Alam: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlak dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Ahmad Fadzilah Muhammad. (2012). *Wajah Pada Skrin*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Aimi Rahman. (2014). *Jersi Syawal Untuk Ramadan*. Ampang: Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Anies Hisham. (2013). *Desktop Ke Laptop?*. Ampang: Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Arba'ie Sujud. (2004). Interpretasi Pemikiran dan Teknik Pengucapan dalam Sajak-sajak Dewan Bahasa. (*Tesis Sarjana*). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawati Suhid. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 57–70.
- Atan Long. (1984). Pembentukan Pemikiran Kanak-Kanak Melalui Pembacaan. *Kertas Kerja Seminar Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja* (pp. 10–13). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1965). *Kesusasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2016). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dewan Sastera*. (2010). Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/ 2011. Kategori C: Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja, 35–38.
- Dewan Sastera*. (2011, November). Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/ 2011. Kategori C: Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja, 35–38.
- Dewan Sastera*. (2015). Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014 (Keseluruhan).
- Efri Aditya. (2014). *Panduan Puasa Terlengkap*. Petaling Jaya: Penerbit Erlangga.
- Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, Jilid 7*, 35–51.
- Hashim Awang & Hashim Ismail. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa (Manu)*, 23, 1–20.
- Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd. Saman. (1984). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1993). *Metodologi Kesusasteraan Melayu Islam: Kaedah Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1993, Mac). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. *Dewan Sastera*, hlm 19-26.
- Hashim Awang. (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik dalam Teori Sastera Pengkaedahan Melayu, Mana Sikana (hlm 103–124)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Kertas Kerja Bengkel Teori Sastera*, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julai Unggai. (1998, November). Hierarki Kehendak Manusia Oleh Maslow Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Perspektif Psikologi Humanistik. *Dewan Sastera*, 19-23.
- Julia Unggai. (1992, Julai). Sastera Kanak-kanak: Menuntut Pengalaman dan Pengetahuan Psikologi Kanak-kanak. *Dewan Sastera*, 2–6.
- Julia Unggai. (1997). Hierarki Kehendak Manusia oleh Maslow dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Perspektif Psikologi Humanistik. *Kertas Kerja Seminar Perkembangan Novel Remaja Di Malaysia, 1997*. Kuala Lumpur.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Journal Personalia Pelajar*, 12(6), 19–37.
- Jumali Hj. Selamat. (2011). Pengaruh Urbanisasi Dalam Novel Cucu Tuk Wali Melalui Pendekatan Kemasyarakatan. *Kertas Kerja Seminar Perkembangan Sastera Remaja Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamil, Kusyi Hirdan, Roziah Adama, Siti Zarinah & Tg. Norlaila. (2015). *Kek Cawan Online*. Shah Alam: Prima Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keenam*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. H. (1962). *Toward a Psychology of Being*. New York: Van Nostrand Reinhold Company Inc.
- Maslow, A. H. (1968). *Toward A Psychology of Being 2nd Edition*. New York: Van Nostrand Reinhold Company Inc.
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and Personality 2nd Edition*. New York: Harper & Row Publisher.
- Misran Rokimin. (2005, April). Pendidikan Moral Menerusi Bacaan Sastera Kanak-kanak. *Dewan Sastera*, 90–91.
- Mohd Asri Mohammad. (2010, Februari). Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja 2010. *Dewan Pelajar*, 54–55.
- Muhammad Uthman El-Muhammdy. (2003). *Agama Pembentuk Pertembungan Peradaban. Kertas kerja di Kongres Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Malaysia.
- Natasha Effyzal, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera. (2013). *Kisah Si Puteri Gaun Merah Jambu*. Batu Caves: PTS One Sdn. Bhd.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2005). *Pemikiran Dan Teknik Penceritaan Dalam Novel Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. (Tesis PhD)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nurhamizan Hashim. (2015). *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*. Bangsar: Universiti Malaya.
- Othman Puteh. (1989). *Sastera Remaja Ditinjau Daripada Beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1993). *Penulisan Cerpen: Visi dan Langgam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2001). *Penulisan Kreatif: Teori, Pengalaman dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2001). *Persediaan Menulis Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. (2013, October 1). *Sastera dan Makna Pemikiran*. Berita Harian.
- Siti Nazihah Sarpin. (2009). *Mendidik Anak-Anak Supaya Taat akan Syariah*. Retrieved from 076115aziz.blogspot.my/2009/03/mendidik-anak-anak-supaya-taat-akan-syariah.html diakses pada 20/02/2014

Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Zainal Kling. (1989). *Pemikiran Sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

PEMIKIRAN KERIS MAS DALAM RIMBA HARAPAN BERDASARKAN TEORI SPB4K

Rohayati Junaidi, Azhar Wahid & Ghazali Din

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran Keris Mas dalam karya sastra. Karya sastra berperanan penting dalam menyalurkan pelbagai idea dan ilmu pengetahuan berkaitan pelbagai aspek kehidupan kepada masyarakat. Justeru, aspek pemikiran menjadi salah satu elemen penting yang perlu diterapkan dalam penghasilan karya sastra. Bertitik-tolak daripada itu, kajian ini mengkaji aspek pemikiran yang diterapkan oleh Keris Mas dalam *Rimba Harapan* (1986). Kajian ini mengaplikasikan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012), iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Seterusnya, kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Dapatan analisis menunjukkan bahawa pemikiran kerohanian dan pemikiran kebitaraan yang paling dominan diterapkan oleh pengarang dalam karya. Pengarang menerapkan dalam watak yang ditonjolkan dalam karya dengan nilai-nilai agama, bijaksana, tidak mementingkan diri sendiri, bertanggungjawab, memikirkan kebajikan orang lain dan bijak menangani masalah. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa keperluan aspek pemikiran diterapkan oleh pengarang dalam karya untuk menjadi teladan dan pedoman kepada masyarakat.

Kata kunci: pemikiran, Keris Mas, *Rimba Harapan*, kebitaraan, kerohanian

KERIS MAS THINKING IN RIMBA HARAPAN BASED ON SPB4K THEORY

ABSTRACT

This paper aims to analyze Keris Mas's thoughts in literary works. Literary works play an important role in channeling various ideas and knowledge related to various aspects of life to society. Thus, the aspect of thinking becomes one of the important elements that need to be applied in the production of literary works. Based on that, this study examines aspects of thinking applied by Keris Mas in Rimba Harapan (1986). This study applies the SPB4K Theory by Mohd Yusof Hasan (2012), which is spiritual thinking, spiritual thinking, scientific thinking and creative thinking. Next, the methods used in this study is library method and text analysis. The results of the analysis show that the most dominant spiritual and spiritual thoughts are applied by the author in the text. The author applies in the character highlighted in the work with religious values, wise, selfless, responsible, thinking about the welfare of others and dealing with problems wisely. In conclusion, this study shows that the need for the aspect of thinking is applied by the author in the work to be an example and guide to the community.

Keywords: thinking, Keris Mas, *Rimba Harapan*, admonition, spirituality

PENGENALAN

Karya sastra merupakan salah satu saluran untuk penulis menerapkan pelbagai aspek pemikiran yang mampu memberi manfaat dan ilmu kepada masyarakat. Dengan melalui karya sastra, penulis berupaya mengetengahkan pemikiran baru, memberi ruang penajaan kepada berfikir secara kritis dan global serta kreatif ke arah pembinaan warga yang matang dan bijaksana (Farra Humairah & Nik Rafidah, 2016). Othman Puteh (2010, 95) pula menyatakan bahawa pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa iaitu menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan menganalisis diri. Aspek pemikiran tersebut diterjemahkan dalam bentuk penceritaan yang

direalisasikan oleh watak dan perwatakan. Sehubungan dengan itu, novel *Rimba Harapan* (1986) dianalisis kerana idea dan gagasan yang terkandung di dalamnya pelbagai aspek pemikiran pengarang yang memberi ilmu kepada pembaca. Teori Sistem Pemikiran bersepadu 4L (SPB4K) oleh Mohd Yusof Hasan (2012) diaplikasikan dalam menganalisis aspek pemikiran dalam teks tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis menerapkan aspek pemikiran kebitaraan dan kerohanian dalam karya melalui watak dan perwatakan tokoh dalam karya. Aspek pemikiran kerohanian dan kebitaraan paling dominan. Kesimpulannya, karya sastera terpilih yang digarap oleh Keris Mas sarat dengan pelbagai pemikiran yang teretus dari idea dan kreativiti penulis sebagai wadah menyalurkan maklumat dan ilmu kepada pembaca.

SOROTAN LITERATUR

Kajian aspek pemikiran yang dilakukan oleh Nor Huda Ahmad Razali & Norazimah Zakaria (2018) memfokuskan kepada pemikiran tokoh Puteri Sa'dung dalam teks histografi *Hikayat Seri Kelantan* menggunakan Teori SPB4K. Kajian menunjukkan watak Puteri Sa'dung diterapkan dengan pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan keistimewaan tokoh dari segi hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia serta kemahiran tokoh menyelesaikan masalah. Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) membincangkan pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak terpilih dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Kajian mendapati bahawa pengarang menerapkan unsur pemikiran kerohanian yang memberi kesan positif kepada kanak-kanak.

Seterusnya, Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian (2016) mengkaji unsur pemikiran kreatif yang terdapat dalam pantang larang, peribahasa dan Sejarah Melayu serta menghuraikan peranan unsur pemikiran kreatif terhadap pembentukan sahsiah pelajar dengan menggunakan Teori SPB4K. Kajian menunjukkan bahawa unsur pemikiran yang terdapat dalam teks sastera tulisan dan lisan dapat dianalisis dengan Teori SPB4K. Mahaletchimi Balakrishnan (2011) menggunakan pemikiran bersepadu 4K untuk mengenal pasti unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional KOMSAS. Kajian menunjukkan bahawa prosa Melayu tradisional dapat menjana pemikiran pembaca untuk membuat pertimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran untuk menyelesaikan masalah. Kajian juga membuktikan bahawa petikan prosa Melayu tradisional mampu menyemai nilai-nilai murni melalui aspek pemikiran yang terdapat dalam prosa tradisional.

Siti Khariah Mohd Zubir & Norol Nizam Sarkawi (2011) meneliti aspek pemikiran pengarang dalam novel *Jeriji Kasih* menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Kajian membuktikan bahawa penggunaan teori SPB4K sesuai untuk mengkaji kesepaduan dan keseimbangan nilai yang perlu ada pada diri seseorang manusia. Kajian membuktikan bahawa pemikiran pengarang, teknik kepengarangan atau aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang berjaya menghidupkan jalan cerita cerita. Bertitik tolak daripada kajian-kajian lepas yang menganalisis aspek pemikiran dalam karya memperlihatkan bahawa karya sastera sarat dengan pelbagai pemikiran yang berguna kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pengarang dalam novel *Rimba Harapan* (1986) dengan menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012).

TEORI SPB4K OLEH MOHD YUSOF HASAN

Gagasan Teori SPB4K telah diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan pada tahun 2012. Pemikiran yang disampaikan melalui sesebuah karya sama ada puisi atau prosa merupakan cerminan pemikiran sesuatu bangsa atau masyarakat. Bagi meneliti konsep “pemikiran” sesebuah karya, teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dirasakan sesuai diaplikasikan untuk meneliti pelbagai aspek dalaman dan luaran karya tersebut. Melalui teori SPB4K, sesebuah karya dapat dikaji melalui pendekatan intrinsik, iaitu mengkaji aspek dalaman sesebuah karya seperti tema dan persoalan, perwatakan atau manusia, latar atau situasi dan teknik, serta stail atau gaya bahasa. Aspek luaran sesebuah karya atau dikenali sebagai pendekatan ekstrinsik pula dapat dikaji dari sudut falsafah dan kepercayaan, psikologi dan kemanusiaan, sejarah dan kemasyarakatan, serta aspek estetika atau keindahan bahasa.

Unsur terpenting yang dikemukakan dalam teori ini ialah empat jenis pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kreatififan. Kaedah intrinsik karya sastera boleh ditinjau dari aspek tema dan persoalan melalui pemikiran kerohanian; aspek perwatakan manusia melalui pemikiran kebitaraan; aspek latar atau situasi melalui pemikiran kesaintifikan; dan aspek stail atau gaya bahasa melalui pemikiran kreatififan. Seterusnya, kaedah ekstrinsik karya sastera boleh dikaji dari aspek falsafah dan kepercayaan melalui pemikiran kerohanian; aspek psikologi dan kemanusiaan melalui pemikiran kebitaraan; aspek sejarah dan kemasyarakatan melalui pemikiran kesaintifikan, dan aspek estetika atau keindahan bahasa melalui pemikiran kreatififan. Pengkajian karya sastera dengan mengaplikasikan teori SPB4K melalui kaedah intrinsik dan ekstrinsik dijelaskan seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan

Jenis Pemikiran dalam Teori SPB4K	Kaedah Intrinsik (Dalaman)	Kaedah Ekstrinsik (Luaran)
Pemikiran kerohanian	Tema dan persoalan	Falsafah dan kepercayaan
Pemikiran kebitaraan	Perwatakan manusia	Psikologi dan kemanusiaan
Pemikiran kesaintifikan	Latar atau situasi	Sejarah dan kemasyarakatan
Pemikiran kreatififan	Stail atau gaya bahasa	Estetika atau keindahan bahasa

Pemikiran Kerohanian

Pemikiran kerohanian ialah pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2012, hlm.32) dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Tuhan. Pemikiran kerohanian ini berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Dalam konteks agama Islam, pemikiran kerohanian menunjukkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal dan horizontal. Hubungan manusia secara vertikal ialah manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan secara terus dengan Tuhan. Seterusnya, hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Pemikiran kebitaraan

Pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang melibatkan kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran kebitaraan ini hanya khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam menyelesaikan sesuatu konflik supaya menjadi pengajaran kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan

Pemikiran kesaintifikan ialah pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Pertuturan, pembacaan dan pendengaran manusia harus menggunakan ilmu logik. Logik merupakan proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea dan fakta. Sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan perlu mengemukakan latar belakang yang benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran Kekreatifan

Pemikiran kekreatifan ialah pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Dalam pemikiran kekreatifan, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara mengembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Dalam sesebuah karya, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran kekreatifan seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Keris Mas telah memperlihatkan kekuatan daya kreatif yang sentiasa berkembang dan bersifat penerokaan. Proses penciptaan karya kreatifnya diadun dengan unsur-unsur intelek sebagai panduan dan pedoman kepada masyarakat. Fikiran-fikiran yang ditimbulkan oleh pengarang, terutamanya aspek-aspek yang berhubung dengan kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan menurut perspektif Teori SPB4K dalam usaha membangunkan sahsiah pembaca dari segi keagamaan dan watak dan perwatakan dapat dijadikan bahan didikan dan teladan kepada masyarakat.

Pemikiran Kerohanian dalam *Rimba Harapan*

Pemikiran kerohanian ini berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Shahabuddin Hashim & Noor Miza Abdul Rahman (2014, 24) menyatakan bahawa kerohanian berasal dari perkataan roh. Ia adalah urusan Tuhan dan kita diberi sedikit sahaja pengetahuan tentangnya. Keris Mas menyalurkan pemikiran kerohanian dalam karya-karya yang dihasilkan. Pemikiran keagamaan yang disalin dalam karya ditonjolkan melalui kehidupan watak-watak yang digarap dalam karya. Watak Tuan Syeikh Rasul merupakan figura yang menampilkan pemikiran kerohanian seperti di bawah:

Kita tidak boleh lagi mengaji sifat dua puluh saja berulang-ulang; menghafal Wujud, Qidam, Baqa. Cara mengaji macam itu membuang masa. Sampai tua kita tidak juga mengenali diri kita, apatah lagi mengenali tuhan. Apa erti Wujud, apa erti Qidam, apa erti Baqa tidak pernah kita fahami betul-betul. (*Rimba Harapan*, 1986, 29)

Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan peranan Tuan Syeikh Rasul memberikan kefahaman berkaitan nilai-nilai agama kepada penduduk kampung. Pemikiran kerohanian yang ditampilkan oleh watak Tuan Syeikh Rasul bukan hanya memfokuskan kepada aspek agama sahaja, namun dikaitkan dengan aspek kehidupan penduduk kampung seperti cara bekerja. Walaupun sibuk melakukan pekerjaan, namun solat dan ibadat tidak harus ditinggalkan dan dibuat sambil lewa. Hal ini juga sama seperti bekerja. Jika bekerja perlu bekerja dengan baik dan bukan sekadar ala kadar. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Kerja kais-kais begitu bukan ajaran Islam,” tuan guru senyum sedikit. “Kita bekerja tidak pakai aturan; tidak pakai jadual waktu dan barangkali tidak menjaga alat pertanian kita dengan baik. Kita membanting tulang amat kuat hingga untuk beribadat sudah tidak punya keupayaan lagi. Kita juga memakan waktu amat banyak hingga sembahyang pun terpaksa diqada-qada. Tetapi hasil kerja kita amat sedikit,” tuan guru menatap muka murid-muridnya satu per satu. (*Rimba Harapan*, 1986, 31)

Di samping itu, pemikiran kerohanian ini turut dijelaskan dalam petikan di bawah. Setiap pekerjaan perlu dilakukan dengan baik kerana jika pekerjaan dilakukan dengan baik, maka menjadi ganjaran pahala kepada manusia. Mohd Yusof Hassan (2012, 32) menjelaskan bahawa dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Allah S.W.T. Yakni, pemikiran kerohanian dapat melahirkan sifat-sifat seperti ketakwaan, keimanan dan kekudusan kepada Allah S.W.T.

Pekerjaan sehari-hari pun sebahagian dari ibadat kerana kita dituntut melakukannya untuk hidup di dunia ini. Maka kerana ia merupakan ibadat perlulah ada syarat dan rukunnya. Yakni syarat dan rukun yang bersangkutan dengan peraturan dan penjadualan waktu yang teratur. Hikmatnya ialah kesempurnaan hasil daripada pekerjaan itu. (*Rimba Harapan*, 1986, 31 & 32)

Di Indonesia ada guru-guru agama kolot yang mengajarkan syarat dan rukun beribadat untuk akhirat terlalu bagus, sehingga ada orang yang berzikir sambil bekerja, menyebut Allah pada tiap satu kali ayun cangkul atau gerak lain seperti itu. Ingatannya pada pekerjaannya hampir tidak ada. Hasilnya dia miskin sepanjang abad sebab hasil tidak diperhitungkan dengan betul. (*Rimba Harapan*, 1986, 32)

Pengarang menerapkan pemikiran kerohanian dalam karya sastera secara tidak langsung dapat mendidik pembaca berkaitan nilai-nilai ketakwaan dan keagungan Allah SWT. Pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang berkait rapat hubungan manusia dengan dengan Tuhan iaitu mengagumi kebesaran Allah SWT dan tidak ada yang lebih berkuasa daripada Allah SWT. Farra Humairah & Nik Rafidah (2016, 37) menyatakan bahawa pengolahan aspek pemikiran kerohanian dalam pengkaryaan menjadi tunjang kepada pandangan pembaca terhadap kewujudan kreativiti penulis terhadap karyanya.

Pemikiran Kebitaraan dalam *Rimba Harapan*

Istilah kebitaraan berasal daripada kata akar bitara, yang membawa maksud cemerlang, gemilang dan terbilang. Mohd Yusof Hasan (2007, 63), menyatakan bahawa pemikiran kebitaraan dikenali sebagai pemikiran lahir yang merujuk kepada usia akal di sekitar kelahiran manusia mulai dari dalam rahim ibunya hingga ke usia enam tahun selepas dilahirkan. Selain itu, istilah bitara juga

membincangkan aspek zahir atau fizikal otak yang mempunyai bentuk, struktur, kapasiti, fungsi, teori dan bahagiannya yang tersendiri. Pemikiran kebitaraan diperlihatkan melalui watak-watak yang ditampilkan oleh pengarang dalam karya. Watak-watak tersebut digambarkan individu yang memiliki sifat-sifat seperti cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam menyelesaikan sesuatu konflik. Dengan menonjolkan watak-watak yang menampilkan ciri-ciri kebitaraan tersebut dalam menjadi pedoman, teladan serta pengajaran kepada pembaca. Berdasarkan karya sastera yang dihasilkan oleh Keris Mas jelas menampilkan watak-watak utama yang menunjukkan ciri-ciri seorang individu yang memiliki pemikiran kebitaraan. Antara watak-watak belia digambarkan memiliki pemikiran kebitaraan adalah Zaidi dan Cikgu Brahim. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Rimba Harapan* (1986) seperti di bawah:

Begini, pendekar,” Zaidi meneruskan, “kalau dulu Tutung dan Tapa sudah dapat diselamatkan dari pindah randah ke hutan sekarang pun mereka mesti terus diselamatkan. Mereka mesti diberi modal cukup untuk membuka tiga empat ekar kebun getah dekat-dekat sini. Orang lain itu pun patut begitu juga. Kalau Ban Lee boleh buka estet sepanjang-panjang bukit itu seorang diri mengapa orang Ketari tidak boleh buka kebun lima enam ekar seorang di batu lima atau batu enam. Ada lagi tanah di situ boleh dibuka. (*Rimba Harapan*, 1986, 48)

Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan watak Zaidi seorang yang berfikiran jauh, tidak mementingkan diri-sendiri, memikirkan kebajikan orang lain dan bertanggungjawab. Zaidi berusaha untuk membantu penduduk kampung daripada ditipu oleh Tauke Pekok. Zaidi juga digambarkan seseorang yang berfikiran jauh kerana melihat perbuatan pindah ke hutan tidak menguntungkan penduduk kampung sebaliknya menjadikan mereka semakin ketinggalan. Selain itu, watak Zaidi seorang yang sangat penyabar dalam menghadapi rintangan untuk memberi kefahaman dan membantu orang kampung. Walaupun dia terpaksa berdepan dengan Pendekar Atan yang menjadi orang suruhan Tauke Pekok. Pemikiran kebitaraan yang ditonjolkan oleh watak Zaidi dapat menjadi teladan kepada pembaca bahawa dalam setiap perjuangan untuk membawa kebaikan memerlukan semangat juang yang tinggi seperti dalam petikan berikut:

Abang, saya ini hendak berbuat kebajikan. Orang Islam yang berbuat kebajikan mesti sabar. Erti sabar itu ialah menerima macam-macam cubaan tetapi tidak mengalah kepada kemungkaran atau kejahatan. Lama macam mana pun kita mesti berusaha. Insyallah lambat-laun Tuhan akan membuka hati lawan kita kepada kebajikan yang kita usahakan. (*Rimba Harapan*, 1986, 83)

Di samping itu, watak Cikgu Brahim dipaparkan sebagai seorang yang bijak menangani permasalahan yang dihadapi oleh dirinya mahupun individu lain yang berada di sekelilingnya. Kebijaksanaan watak Cikgu Brahim digambarkan oleh penulis apabila memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa orang Melayu tidak perlu berpindah-randah masuk ke hutan untuk membuka tanah baharu kerana ini menyebabkan mereka akan semakin ketinggalan dalam arus kemajuan. Orang Melayu perlu bersaing dengan orang Cina, orang putih dan Orang India. Mereka perlu menghantar anak-anak mereka untuk bersekolah dan berusaha untuk menjadi orang yang berilmu dan maju ke hadapan. Cara kehidupan yang lama perlu ditinggalkan. Hal ini didapati menerusi petikan berikut:

Kalau kita hanya menuntut perlindungan sahaja hasilnya tak sampai ke mana. Kita mesti jangan lari ke mana-mana tetapi bertahan dan bekerja seperti orang Cina, orang putih dan orang India bekerja. Anak kita mesti sekolah. Kita sendiri mesti belajar juga supaya lebih pandai bekerja, berniaga dan berusaha. Kita tidak boleh lagi hidup macam nenek moyang kita dahulu kala, bersawah dan berladang sahaja. Orang putih datang ke negeri kita ini membawa bermacam-macam perubahan untuk mencari kekayaan.

Pemerintahan yang dijalankan semenjak orang putih datang ialah pemerintahan yang membolehkan tanah negeri kita ini diusahakan supaya mendatangkan keuntungan kepada mereka. (*Rimba Harapan*, 1986, 66)

Watak Cikgu Brahim membuktikan betapa dirinya adalah menepati pemikiran kebitaraan dalam Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan ini. Hal inilah yang perlu dijadikan contoh teladan kepada masyarakat masa kini untuk membangunkan sahsiah kecemerlangan dalam diri. Secara tidak langsung, penerapan pemikiran kebitaraan pada watak utama merupakan salah satu usaha yang dapat menjadi pedoman dan motivasi kepada pembaca untuk berjaya dalam kehidupan. Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan (2016) menjelaskan bahawa aspek pemikiran akan memberi informasi dan impak yang baik kepada pembaca.

PENUTUP

Kesimpulannya, Keris Mas menerapkan dalam watak yang ditonjolkan dalam novel *Rimba Harapan* (1986) sarat dengan nilai-nilai agama, bijaksana, tidak mementingkan diri sendiri, bertanggungjawab, memikirkan kebajikan orang lain dan bijak menangani masalah. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa pengarang memainkan peranan penting dalam menyalurkan setiap aspek pemikiran yang baik dan membina menerusi watak utama supaya idea-idea yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan yang berguna kepada masyarakat. Berdasarkan kajian terhadap *Rimba Harapan* (1986) turut memperlihatkan bahawa aspek pemikiran kerohanian dan kebitaraan yang paling dominan dipaparkan dalam teks. Aspek-aspek kerohanian dan kebitaraan khususnya berkaitan nilai-nilai keagamaan dan pegangan hidup watak ditonjolkan supaya dapat menjadi panduan dan teladan kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Farra Humairah Mohd. & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir kesan positif kepada kanak-kanak. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 2 (1), 67-74.
- Kamaludin Muhammad. (1986). *Rimba Harapan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahaletchimi Balakrishnan. (2010). *Pemikiran bersepadu dalam prosa Melayu tradisional komsas*. [Tesis PHD Sastera Melayu]. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Putra Malaysia.
- Mohd. Yusof Hasan. (2012). *Minda Melayu global*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *Journal of Social Science*, 2, 67-74.
- Nor Huda Ahmad Razali & Norazimah Zakaria. (2018). Pemikiran Puteri Sa'dung dalam Hikayat Seri Kelantan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11 (1), 70-87.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu selepas perang dunia kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahabudin Hashim & Noor Miza Abdul Rahman. (2014). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran kerohanian kanak-kanak*. PTS Sdn. Bhd.
- Siti Khariah Mohd. Zubir. (2011). Pemikiran pengarang dalam Novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 17, 147-169.